


PEJUANG-PEJUANG

KEMERDEKAAN



Diselenggarakan oleh
Ramlah Adam, Ph.D



PEJUANG-PEJUANG KEMERDEKAAN

Diselenggarakan oleh
Ramlah Adam, Ph.D



Kerajaan Negeri Melaka



Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia

Cetakan Pertama 2003
Diterbitkan oleh

Institut Kajian Sejarah Dan Patriotisme Malaysia
GRAHA IKSEP

No. 6-1, Jalan Mutiara Melaka 3,
Taman Mutiara Melaka, Batu Berendam,
75350 Melaka.

Tel : 06-3174475/5450/6224

Faks : 06-3172671

Pejuang-pejuang Kemerdekaan
Diselenggarakan oleh
Ramlah Adam, Ph.D

ISBN -983-2600-04-9

Semua hak terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua dari penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa cara sekalipun termasuk elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman, atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada penerbit.

Huruf : Times New Roman
Saiz Huruf : 10/14

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Pejuang-pejuang Kemerdekaan / penyelenggara Datuk Dr. Ramlah Adam
ISBN -983-2600-04-9

1. Politicians-Malaysia-Biography. 2. Malaysia-History
3. Malaysia-Politic and government I. Ramlah Adam, Datuk.
923.259504

JASOS

Rekacipta kulit oleh
JASOS (M) Sdn Bhd

Dicetak oleh
JAS Media
2003

M
923-259504
PEJ

M

1195438

01 AUG 2005
Perpustakaan Negara
Malaysia


.....

KANDUNGAN

PENGENALAN	1
UCAPAN PERDANA MENTERI MALAYSIA	13
UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI	17
UCAPAN KETUA MENTERI MELAKA	23
PENDAHULUAN	29
MELAYU DAN ISLAM – DASAR NASIONALISME	47
ERTI KEMERDEKAAN CABARAN DAN HALANGAN DI KALANGAN GENERASI MASA KINI DAN AKAN DATANG	65
ISU-ISU AKADEMIK DALAM KAJIAN DAN PENULISAN TENTANG PERJUANGAN KEMERDEKAAN DAN NASIONALISME MELAYU	87
SULTAN MAHMUD SHAH I DAN TUN FATIMAH: PEJUANG MELAYU PERTAMA MENENTANG PENJAJAH	111
TUNKU MOHAMAD SAAD SEORANG PATRIOT	115
HANG TUAH: SIMBOL WIRA BANGSA MELAYU	131
SULTAN MAHMUD AL-MARHUM KAMPAR DALAM MITOS RAKYAT PELALAWAN	151
SULTAN IBRAHIM, SELANGOR: KETOKOHAN DAN KEPERWIRAANNYA	175

.....	
PENGHULU NANING SERI MERAH RAJA DOL SAID TOKOH UTAMA MENENTANG PENJAJAH DI NANING	185
DATO' BAHAMAN: PAHLAWAN PAHANG	193
DATO' MAHARAJALELA, PERAK	203
KEBANGKITAN TOK JANGGUT DI KELANTAN: GEMA JIHAD DI BUMI SERAMBI MEKAH	221
HAJI ABDUL RAHMAN LIMBONG DI TERENGGANU 1920-AN : CIRI-CIRI PERJUANGAN MENENTANG PENJAJAHAN BRITISH	231
YAMTUAN TUNKU ANTAH	245
RENTAP DI SARAWAK	265
SHARIF MASHOR ATAU SYED MASHOR : PEJUANG NASIONALIS ATAU PEJUANG UPAHAN	279
PERJUANGAN PANGLIMA MAT SALLEH DI SABAH 1894-1900	289
SYEIKH MUHAMMAD TAHIR JALALUDDIN ALFALAKI : PERINTIS GERAKAN ISLAH AGAMA DI SEMENANJUNG TANAH MELAYU	299
IBRAHIM HAJI YAACOB	315
ISHAK HAJI MOHD (PAK SAKO) : KEGIATAN SASTERA DAN POLITIK SEHINGGA 1948	343
TOKOH DAN POKOK PEMIKIRAN ABDUL KADIR ADABI	371
TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN TOH MUDA ABDUL AZIZ: ORANG KAYA-KAYA DATO' PANGLIMA BUKIT GANTANG (1946-1957)	403
.....	

.....	
AHMAD BOESTAMAM (1920-1983): SATU GARAPAN PEMIKIRAN DAN KEGIATANNYA	415
TUN V.T SAMBANTHAN, PEMIMPIN PERIKATAN	437
TUN HAJI ABDUL RAZAK (1923-1975): BAPA PEMBANGUNAN NEGARA	451
PERANAN DAN SUMBANGAN H.S.LEE DALAM PERJUANGAN KE ARAH KEMERDEKAAN TANAH MELAYU	471
PEMIKIRAN POLITIK DATO' ONN JA'AFAR : SATU ANALISA	499
DR. BURHANUDDIN AL-HELMI(1911-1969)	509
KHADIJAH SIDEK	529
TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL HAJ (1903 – 1990)	537
DATO' SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD	549
DATO' SERI ABDULLAH AHMAD BADAWI PEMIMPIN YANG BERJIWA MURNI	561
RESOLUSI	581
UCAPAN PENUTUPAN OLEH PENGURUS BESAR IKSEP MELAKA	585
KERATAN AKHBAR	589



Pengenalan



Pengenalan

Buku ini cuba menjalankan satu peranan penting sebagai pendokumentasi kepentingan dan ketokohan individu-individu yang terkemuka dalam setiap tahap penting sejarah Malaysia. Ini mengambil kira sejarah semasa Malaysia dikenali sebagai Semenanjung Melayu, Semenanjung Tanah Melayu, Negeri-negeri Selat, negeri-negeri Melayu Bersekutu, Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu, Malayan Union, Sarawak, Borneo Utara, Persekutuan tanah Melayu dan akhirnya Malaysia pada tahun 1963. Setiap tahap itu mempunyai seorang atau lebih tokoh-tokoh yang menonjol dan menjadi wira zamannya. Tindak tanduk, keputusan, kegagalan dan pencapaian tokoh itu bukan sahaja menandakan sumbangan dan peranan mereka, tetapi juga bagaimana setiap zaman mereka berbeza permasalahan dan tuntutan dengan yang lain. Malah hasilnya dan keberkesanan juga amat berbeza. Kedaan ini juga memperlihatkan bagaimana satu tahap sentiasa melengkapinya tahap yang lain, sehingga akhirnya sebuah tamadun dapat dibina oleh bangsa Melayu dan Malaysia. Dalam keseluruhan penceritaan tentang tokoh yang terkenal ini juga memperlihatkan perlibatan dan tanggungjawab yang amat tinggi daripada pemimpin tempatan dan pribumi. Mereka menjadi teras kepimpinan dalam setiap gerakan samada membentuk kepimpinan tempatan, menentang penjajah dalam pelbagai bentuk, menegakkan kedaulatan anak negeri atau tempatan, mendapatkan kemerdekaan dan membentuk sistem kenegaraan, pendidikan, politik, ekonomi dan kebudayaan kebangsaan .

Dengan itu kepentingan buku ini bukan setakat merekodkan ketokohan seseorang pemimpin, tetapi juga adalah salah satu manifestasi dan penegasan tentang teori kepimpinan dan ketuanan Malaysia. Ia amat berguna untuk menentukan hala tuju pembangunan bangsa Malaysia.

Tokoh-tokoh yang dibincangkan di dalam buku ini adalah mereka yang dianggap telah berjaya meninggalkan kesan yang besar dalam sejarah nasionalisme dan politik Malaysia sebelum merdeka. Mereka bertindak sebagai penggerak dengan memberi idea, pendapat dan cadangan-cadangan tentang masalah politik dan sosiobudaya. Mereka sentiasa berinteraksi di antara satu sama lain sehingga menimbulkan satu dinamik dalam kegiatan nasionalisme dan politik mereka. Tindakan mereka dan percaturan politik yang dipamerkan, memang telah mempengaruhi suasana dan corak politik itu sendiri. Sebenarnya,

.....

mereka adalah perintis terhadap satu usaha gigih untuk membentuk sebuah negara bangsa Malaysia.

Kepentingan Kajian Tokoh

Penulisan biografi secara akademik adalah satu bidang yang baru diterokai di Malaysia. Bagaimanapun, penulisan tentang tokoh-tokoh telah dibuat sejak dari kemunculan kerajaan-kerajaan Melayu lama melalui penulisan hikayat yang menceritakan tentang kerajaan dan raja. Dalam bidang keagamaan pula, terdapat tulisan-tulisan yang banyak tentang Nabi Muhammad s.a.w. dan para sahabatnya. Kebanyakan buku-buku tersebut merupakan terjemahan daripada bahasa Arab. Pada awal kurun ke-20, terdapat tulisan-tulisan tentang sultan seperti Sultan Abu Bakar, Sultan Johor, dan Sultan Zainal Abidin, Sultan Terengganu.

Selepas tahun 1950-an, tulisan-tulisan berbentuk popular tentang tokoh-tokoh politik mendapat tempat yang menggalakkan dalam masyarakat. Tokoh-tokoh seperti Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Tun Tan Cheng Lock, Tun Tan Siew Sin, Tun Dr. Ismail, Dato' Musa Hitam, Dr. Mahathir Mohamad, dan Tun Ghafar Baba menjadi perhatian penulis.

Penulisan tentang tokoh-tokoh dalam semua bidang sama ada politik, ekonomi ataupun sastera serta mempunyai banyak kepentingannya kepada masyarakat. Pengkajian terhadap tokoh sebenarnya adalah tanda penghargaan kepada segala sumbangan dan penat lelah tokoh tersebut dalam melahirkan suasana dan keselesaan serta kestabilan politik, ekonomi ataupun budaya sesuatu masyarakat. Konsep mengenang budi ini bukanlah sesuatu yang baru, dalam mana-mana tamadun manusia, ada beberapa pemimpin dalam sejarahnya yang dianggap hebat. Mereka lalu menjadi "hero" masyarakat, bangsa, negara dan tamadun itu. Ada yang membuat patung-patung besar, ada yang memberi nama-mana bangunan, jalan, sekolah, idealogi, sistem pentadbiran dan pelbagai-bagai lagi bentuk fizikal dan sentimen untuk mengingat tokoh-tokoh tersebut. Namun cara yang lazim digunakan ialah menulis tentang sumbangan mereka untuk ditatap dan dihayati oleh generasi selepasnya. Antara contoh yang paling dekat dengan kita ialah Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad.

.....

Walaupun terdapat kontroversi dan gelombang politik dan ekonomi yang melanda kepimpinannya, namun kegiatan-kegiatannya mengatasi kemelut politik dan ekonomi negara memang tidak dapat dinafikan. Beliau mencipta satu sistemnya sendiri. Kesabaran dan kekuatan mental dan fizikalnya menangani pentadbiran, politik dan persoalan sosial ekonomi negara selama 22 tahun kepimpinannya, tentu amat menarik perhatian.

Bacaan kepada kepimpinannya juga boleh mengatasi rasa ingin tahu terhadap permasalahan yang melingkari keputusannya. Dengan itu, segala salah faham ataupun perkara yang tidak begitu jelas atau kabur tentang kepimpinannya, dapat diselidik oleh generasi selepasnya. Dengan itu, penulisan tentang seorang tokoh bukannya sebuah cerita sejarah, tetapi sebuah pemahaman yang mendalam tentang seseorang tokoh yang akhirnya akan melahirkan penghargaan tinggi masyarakat terhadap sumbangan-sumbangan positif kepada negara dan bangsa yang telah dilakukannya.

Kajian kepada tokoh-tokoh hebat sesebuah masyarakat boleh menjadi inspirasi kepada generasi selepasnya. Mereka boleh menjadi 'role model' kepada anak bangsanya untuk mencari kekuatan diri dan akar umbi budaya dan tamadunya. Melalui tokoh-tokoh agung, mereka dapat melihat keupayaan dan kebolehan para pemimpin mereka, yang sebenarnya lebih hebat daripada yang lain. Ini kerana, tokoh-tokoh itu telah berusaha mencipta sesuatu yang akhirnya menjadi pegangan atau ikutan masyarakat itu dan juga kadang-kadang menjadi ikutan masyarakat dunia. Ini mendorong generasi selepasnya untuk terus mencontohi kekuatan dan seterusnya mencipta kehebatan mereka sendiri. Masyarakat, bangsa dan tamadunya akan mendapat manfaat yang tinggi daripada sikap positif generasi mudanya terhadap tokoh-tokoh hebat mereka.

Kata seorang penulis :

'kajian terhadap orang Melayu yang agung akan menolong memberi inspirasi kepada orang Melayu, Menimbulkan kepercayaan pada diri sendiri dan mendorong mereka membuat perkara-perkara yang agung.

.....

*Selama ini mereka merasa rendah diri
kerana tiada orang-orang yang agong
yang boleh dibanggakan dan dijadikan
contoh tauladan'.*

Sesuatu penulisan sangat berguna sebagai lampu yang menjadi penyuluh kepada tindakan dan pemikiran generasi yang akan datang. Pemikiran tokoh itu boleh menjadi tatapan kepada sebarang masalah semasa atau memberi idea bagi mengatasi permasalahan yang melanda masyarakat. Persekitaran dan permasalahan masyarakat itu tidak akan sama seratus peratus, namun, permasalahan asasnya tetap ada. Dengan rujukan kepada pemikiran tokoh itu, generasi kini boleh mendapatkan idea untuk menyelesaikan permasalahan mereka.

Misalnya, persoalan kepada perpaduan bangsa Malaysia sentiasa menjadi isu besar dalam negara. Banyak pihak yang cuba mengganggu kestabilan politik dan perpaduan bangsa Malaysia itu dengan desakan dan tekanan politik pilihanraya, pendidikan unggul dan hak asasi manusia atas nama idealogi demokrasi moden.

Dengan membaca usaha-usaha gigih para pemimpin atau tokoh-tokoh Malaysia mengusahakan pembinaan negara bangsa Malaysia seperti Dato' Onn Jaafar, Tun Tan Cheng Lok, E.E.C . Thuraisingham, Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Tun Dr. Ismail dan ramai lagi, tentunya generasi hari ni dapat melihat bagaimana susahnyanya untuk mencari formula terbaik bagi mendapatkan kerajaan sendiri dan seterusnya kemerdekaan negara. Pengorbanan orang Melayu, Raja-raja Melayu berkongsi tanahairnya bersama orang dagang tanpa menjejaskan kuasa ekonomi mereka dan British dapat dilihat dengan jelas dalam riwayat kepemimpinan tokoh-tokoh diatas. Kepentingan usaha-usaha mereka itu yang berterusan sehingga ke hari ini ternyata amat berguna. Ia tentunya dapat menjadi garis panduan dan penyuluh generasi dan pemimpin hari ini menyelesaikan isu-isu berbangkit mengenai perpaduan bangsa Malaysia hari ini, tanpa merosakkan apa yang telah diasaskan oleh tokoh-tokoh yang lepas.

Seseorang tokoh juga merupakan indeks atau angkubah zaman dan masyarakatnya. Dengan menilai kepentingan tokoh itu, kepentingan zamannya akan terserlah sebagai satu zaman yang mempunyai makna

.....

yang penting dalam sejarahnya. Penentangan terhadap penjajah ataupun usaha mendapatkan kemerdekaan yang menemui pelbagai jalan berliku dan akhirnya berjaya, tentunya akan membezakan peranan tokoh itu dan zamannya dengan tokoh dan zaman yang lain yang tidak memberi apa-apa makna kepada sejarah negara dan masyarakat tersebut.

Inilah yang dikatakan bahawa tokoh agong itu adalah zaman dan masyarakatnya. Misalnya pembentukan Malaysia pada tahun 1963, memperlihatkan bagaimana tokoh-tokoh hebat seperti Temenggung Jugah, Tun Mustapha, Tun Fuad Stephen dan ramai lagi telah dapat merentasi Laut China Selatan dan menyakinkan penduduk Sabah dan Sarawak untuk menganggotai Malaysia. Walaupun mereka tidak mengangkat senjata, tetapi keberanian membuat keputusan dan dapat menentukan 20 hak istimewa kawasan/negeri lebih dari negeri-negeri di Semenanjung, adalah amat menguntungkan dan dapat menjaga kepentingan rakyat Sabah dan Sarawak dengan lebih tegas lagi dalam Malaysia. Dengan itu apabila membicarakan kemasukan Sabah dan Sarawak ke dalam Malaysia, tokoh-tokoh di atas menjadi indeks kepada sejarah Sabah dan Sarawak serta Malaysia itu sendiri.

Penulisan tokoh juga dianggap sebagai suatu justifikasi kepada pemerintahan dan dasar-dasar yang dijalankan. Ini dilakukan sebagai satu cara untuk melahirkan konsep 'hero' dalam masyarakat; hal ini kadang-kadang memberi satu keadaan yang positif kepada masyarakat, iaitu tokoh itu boleh menjadi satu kebanggaan kepada pembinaan kebudayaan bangsa dan masyarakat tersebut. Sumbangan positif mereka secara langsung, bersama dengan faktor-faktor lain, tetapi mereka sebagai pemimpinnya telah melahirkan fenomena-fenomena tertentu dalam masyarakat dan pemerintahannya sehingga ia amat berbeza dengan zaman lain dan menjadi ikutan anak cucu yang ditinggalkan. Misalnya semangat gigih Rentap, Mat Salleh, Antanom, Dol Said dan lain-lain. Pahlawan dan perwira Melayu dan bumiputera yang mempertahankan hak milik tanah, sistem sosial, budaya dan ekonomi dari dicerobohi oleh orang asing terutama penjajah, adalah satu khazanah yang amat berguna untuk dihayati dan dipegang oleh generasi hari ini. Semangat juang yang tinggi dalam menentang apa pun penjajahan luar boleh divedok dari pengalaman dan kegigihan tokoh-tokoh diatas.

.....

Seseorang tokoh menjadi begitu penting untuk dikaji dan dipaparkan kehidupan, pencapaian, kekuatan dan kegagalannya demi untuk memperlihatkan satu kebenaran sejarah yang berlaku dalam masyarakatnya. Dalam menegakkan sesuatu idealogi, cita-cita dan kepimpinannya, seseorang tokoh bukan sahaja melalui satu perjalanan yang licin tetapi juga mengalami pelbagai permasalahan yang mengakibatkan kejatuhannya. Kerap kali pengetahuan masyarakat terhadap tokoh itu hanya berlegar di sekitar kejayaannya, namun soal kegagalan tidak dibincangkan. Ini dengan sendirinya menutup kebenaran sejarah yang melingkari kehidupan sebenar tokoh tersebut. Sikap mendewakan tokoh tertentu kadang-kadang telah menutup kebenaran sejarah; sedangkan kebenaran ini sangat penting untuk menjadi kayu ukur kepada pencapaian tokoh tersebut.

Penulisan tentang tokoh secara objektif perlu untuk mengekalkan prinsip dan disiplin sejarah itu sendiri misalnya Dato' Onn Jaafar, pengasas UMNO telah tenggelam kerana keberkesanan media mengagongkan Tunku Abdul Rahman Putera sebagai pemimpin utama Persekutuan Tanah Melayu selepas merdeka dan pembentukan Malaysia. Kepentingan Dato' Onn sebagai pemimpin UMNO dan Tanah Melayu yang telah menyatukan orang Melayu menentang Malayan Union dan menukarkan UMNO, langsung tidak kelihatan dalam sejarah negara. Peranan Dato' Onn mengadakan dasar bekerjasama dengan bukan Melayu lebih awal daripada Tunku Abdul Rahman juga tidak diperkatakan. Malahan penubuhan RIDA, abang kepada MARA juga tidak diberitahu kepada generasi hari ini. Sebelum kajian mengenai peranan Dato' Onn Jaafar dalam politik orang Melayu dan Tanah Melayu dilakukan, namanya tidak dikenali langsung oleh generasi pasca Merdeka dan Malaysia. Hanya hari ini peranan beliau dapat difahami dan diketengahkan, walaupun tetap ada golongan masyarakat yang masih dengan pendirian mereka. Ini tidak menjadi soal kerana perbezaan pendapat sentiasa berlaku dalam masyarakat. Namun begitu, kajian ketokohan Dato' Onn sebagai pemimpin Melayu dan Persekutuan Tanah Melayu telah dapat menemukan semula seorang tokoh yang telah bekerja untuk bangsa dan negaranya, untuk dihargai dan diberi kedudukan yang sewajarnya.

Penulisan tokoh-tokoh tempatan akan dapat membaiki semula perspektif sejarah yang ditulis oleh orang luar dan pendapat-pendapat

.....

penjajah tentang mereka. Misalnya, dalam buku-buku sejarah yang ditulis sekitar 1950an, 1960an, dan 1970an, Dol Said, Dato' Bahaman, Dato' Maharajalela, Rentap, Sharif Manshor dan ramai lagi pejuang tempatan dianggap sebagai penderhaka atau pemberontak oleh British dan pada penulis sejarah dan akademiknya, Robin Hood, Sir Francis Light. James Brooke, Raffles dianggap sebagai wira-wira yang telah membuat sumbangan kepada *mother land* dan rajanya. Mereka dianggap sebagai pembawa kemasyhuran, penyebar agama kristian dan pembawa kemodenan kepada orang-orang yang tidak bertamadun iaitu orang-orang pribumi yang dijajahnya. Buku-buku kajian sejarah juga menamakan mereka sebagai 'founder' Pulau Pinang, Sarawak, Singapura, dan tempat-tempat lain-lain yang didudukinya. Walhal mereka adalah perompak dan penakluk yang merampas hasil bumi dan kerajaan pribumi dan memaksa sistem politik, budaya, bahasa, pendidikan, agama dan lain-lain nilai mereka ke atas orang tempatan sehingga sistem dan nilai tempatan terpinggir.

Permasalahan dalam Kajian Tokoh

Selama ini pengkajian politik hanya tertumpu kepada peristiwa, institusi, strukturalisme dan golongan pendesak. Dalam kajian seperti ini, peranan dan penglibatan tokoh dilihat sebagai sebahagian kecil dari aspek tersebut. Kadangkala tokoh disebut secara sambil lalu sahaja.

Terdapat segolongan masyarakat yang berfikir bahawa kajian mengenai masyarakat adalah lebih penting daripada kajian seorang tokoh. Ada juga yang menyatakan peristiwa itu tidaklah begitu tepat kerana dalam tiap-tiap gerakan politik, sosial dan ekonomi, akan terdapat pemimpin yang menjadi penganjur dan jurukemudinya. Oleh itu pengkajian terhadap tokoh sama pentingnya dengan peristiwa, institusi dan struktur masyarakat.

Pengkajian secara umum terhadap seseorang tokoh sejarah seperti yang ada sekarang, tidak akan dapat menggarapkan keseluruhan ide pemikiran tokoh tersebut. Ini sangat penting kerana dalam sebarang tindakannya, mereka kerap dipengaruhi oleh suasana, keadaan diri, masyarakat dan dunia luar. Ini bermakna, tulisan tersebut tidak dapat menunjukkan proses pembinaan dan pembentukan ideologi tokoh tertentu.

.....

Tulisan terpencil seperti itu tidak dapat melahirkan seorang manusia yang membesar dengan segala nilai budaya masyarakatnya, masalah politik, ekonomi dan sosialnya, hubungan dengan alam persekitaran dan tindak balas terhadap masalah di luar daripada masyarakatnya. Oleh itu satu kajian yang menyeluruh terhadap tokoh tersebut adalah sangat perlu sekali. Ini meliputi apa sahaja termasuk pemahaman dalam bidang yang diceburinya. Kajian yang menyeluruh ini akan membolehkan satu pemahaman yang lebih padat dan meluas terhadap tokoh alam persekitaran dan masyarakat.

Terdapat berbagai bentuk kajian biografi atau tokoh. Ada yang bersifat propaganda, ada yang bersifat terlalu bersih kehidupan dan tindak tanduknya, malah ada juga yang menolak sifat politik sehingga amat sukar untuk dilihat kebenarannya. Misalnya, jika dibaca *Hikayat Hang Tuah*, ternyata ia penuh dengan pujian dan kesempurnaan sifat dan tindak tanduknya. Ia sebuah epik yang penuh dengan mitos malah generasi muda menganggapnya sebuah dongeng sehingga kewujudan Hang Tuah diragui.

Hal ini tidak mustahil berlaku kepada tokoh-tokoh hari ini. Sama ada tokoh politik, ekonomi atau masyarakat itu sendiri malah, seperti juga *Hikayat Hang Tuah*, soal penderaan atau propaganda untuk menjustifikasikan kedudukan seseorang tokoh yang berkuasa juga tetap berlaku. Seorang tokoh misalnya sanggup membayar seorang penulis upahan menulis tentang kehidupan dan kejayaanya. Sekumpulan manusia yang menjadi penyokong setia ataupun mempunyai kepentingan tertentu kepada seseorang pemimpin juga sanggup menghasilkan sebuah biografi tokohnya. Tokok tambah boleh berlaku untuk tujuan itu.

Dalam hal ini, sebuah tulisan yang bersifat akademik adalah jawapannya. Dengan berdasarkan rekod-rekod, dokumen-dokumen dan kaedah penulisan akademik sebuah biografi akademik boleh dihasilkan oleh penulis yang tidak berkepentingan material tetapi hanya semata-mata sebagai satu latihan kerja akademik. Sekurang-kurangnya ini lebih berkecuali terhadap tokoh.

Ketiga, penulisan tokoh mendorong seseorang penulis, untuk bersifat bias. Ini kerana penulis kerap kali mempunyai pandangan atau

.....

perspektif tertentu kepada tokohnya, kerana itulah beliau memilih untuk menulis mengenainya. Penulis mungkin mempunyai niat atau harapan, atau idealisme tertentu dalam hidupnya yang mungkin dilihat berada dalam diri pemimpin itu. Atau pun kerana beberapa hal yang dikaguminya terhadap kebolehan pemimpin itu, maka dalam menggarapkan tulisannya, penulis kadang-kadang terburu-buru dengan pandangannya dalam menganalisis dan menokohkan wira itu. Dengan itu timbullah satu kecenderungan yang tidak disengajakan sehingga kecenderungannya untuk menyetujui atau mengesahkan kepentingan pemimpin itu wujud. Sifat bias penulis akhirnya timbul begitu jelas dalam tulisannya.

Sebenarnya soal bias ini amat sukar dipisahkan daripada seseorang penulis biografi atau tokoh, tambahan pula jika seseorang penulis ini berasal dari etnik atau bangsa atau daerah serta fahaman politik yang sama. Penyelidikannya pula menggunakan sumber-sumber asli dalam kerangka budaya dan sistem kepercayaan yang sama. Geo-politik dengan tokoh yang dikaji juga adalah sama. Dengan keadaan seperti itu tidak mungkin penulis dapat mencabut dirinya dari zon dan semangat budaya dan seterusnya merenggangkan diri daripada kehebatan tokoh kajiannya. Dengan itu unsur-unsur bias dalam tulisannya adalah seolah-olah amat wajar sekali. Hanya penulis yang tahu dan faham tentang tokohnya kerana mereka berasal daripada punca yang sama, cuma yang patut diperhatikan ialah sifat bias penulis tidaklah sampai ke peringkat pendewaan tokoh yang boleh memperlihatkan satu "*Personality cult*".

Keempat, permasalahan bahan-bahan rujukan mengenai seseorang tokoh juga menghambat penulisan sebuah biografi. Ramai penulis tidak dapat menggunakan segala bentuk bahan mengenai tokoh kajian dan tulisannya kerana beberapa hal yang jelas. Antaranya.


- a) Penulis kesuntukan masa untuk menyelidik dan menulis dengan memuaskan kerana tuntutan kontrak ataupun agenda semasa. Tulisan akademik mengambil masa yang panjang.
- b) Penulis yang mempunyai agenda tertentu kerap memilih bahan-bahan tertentu sesuai dengan matlamat penulisan tokohnya.
- c) Kesulitan untuk mendapatkan bahan-bahan terutamanya rekod-rekod rasmi dan dokumen-dokumen kerana kerenah birokrasi yang terlampau amat sangat.

-
- d) Kesedaran masyarakat untuk menyimpan diari, catitan peribadi, dokumen-dokumen keluarga dan rekod-rekod lain, adalah amat tidak memuaskan. Banyak bahan-bahan yang terbiar dimakan anai-anai, menjadi rosak kerana cuaca, dan bertaburan tanpa perhatian. Sikap masyarakat tidak menghargai khazanah ilmu adalah berleluasa sekali. Sejarah dan warisan, bagi kebanyakan anggota masyarakat adalah tidak berfaedah untuk dimaju dan diwar-warkan.
 - e) Temuramah boleh menjadi kaedah mendapatkan bahan, tetapi ada kengangannya. Penulis dan pengkaji terpaksa berhati-hati kerana mungkin terdapat kecenderungan informen menokok tambah, tidak berapa ingat peristiwa tertentu, ataupun mengaku terlibat walaupun tidak pernah terlibat ataupun pemahamannya begitu mendalam sekali terhadap sesuatu peristiwa atau idealogi perjuangan sebuah parti.
 - f) Sejarah lisan boleh menjadi sumber penulisan sebuah biografi. Namun, perhatian perlu diberi kepada ketepatan data-datanya. Kerapkali berlaku pertambahan cerita ataupun pengurangan kerana faktor ingatan informan kurang tepat, datanya juga boleh diragukan jika informan pula mendapatkan sumbernya daripada pihak-pihak yang mungkin tidak terlibat di dalam peristiwa-peristiwa itu. Ini kerana sejarah lisan sebenarnya adalah cerita-cerita sejarah yang dipeturunkan daripada satu generasi kepada generasi yang lain. Sifatnya ini kadang-kadang membawa satu keadaan yang sukar untuk dipertanggungjawabkan kesahnehannya.

Permasalahan di atas boleh menjadi penghalang kepada satu kesempurnaan penulisan biografi. Bagaimanapun, jika penulis dapat secara sedar mengakui hakikat ini, maka kelemahan-kelemahan itu dapat dikurangkan. Walaupun begitu, perbezaan analisis sentiasa berlaku, tetapi tidak patut menjadi satu halangan untuk terus membina bidang biografi sebagai satu tulisan akademik atau sebagainya. Sumbangan berterusan oleh para pengkaji dan penulis akan memperkayakan lagi bidang kajian tokoh ini.

Prof Datuk Dr. Hjh Ramlah Adam
Penyunting.





**Kata-kata Aluan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad
Perdana Menteri Malaysia**

Selama 450 tahun bahagian-bahagian daripada negeri-negeri Melayu di Semenanjung, Sarawak dan Sabah telah dijajah. Penjajahan amat menghinakan kerana kita tidak dianggap sebagai manusia setaraf oleh penjajah. Mereka memandang kita sebagai orang takluk mereka, orang yang diletak di bawah perintah mereka, orang yang hanya layak menjadi suruhan mereka.

Kita tidak berhak ke atas nasib kaum bangsa kita, nasib negara kita. Segala-galanya ditentukan oleh mereka, oleh mereka yang berada di negara mereka, oleh mereka yang ditugaskan di negara kita. Tiap seorang daripada mereka lebih berhak dan berkuasa sama ada tinggi atau rendah pangkatnya daripada kita di negara kita sendiri. Kita hanya berhak mengikut arahan mereka, sama ada baik atau buruk bagi kita. Kekayaan negara kita juga bukan hak kita.

Kekayaan kita hanyalah untuk mereka kaut untuk dibawa ke negara mereka dimana kekayaan itu diguna untuk mendirikan kota-kota yang besar, bangunan yang tersergam indah dan mengagumkan. Tidak ada siapa yang menegur akan penganiayaan warga jajahan takluk dan pembaziran wang mereka untuk kebesaran negara penjajah.

Rakyat wilayah yang dijajah diberi pelajaran yang hanya cukup untuk membantu eksploitasi negara mereka oleh penjajah. Sejarah penjajahan dengan penindasan dan kehinaannya tidak dibukukan dan diajar kepada mereka yang diberi peluang ke sekolah. Dan minda pelajar dikuasai sepenuhnya sehingga mereka tidak dapat berfikir sendiri melainkan apa yang telah difikir dan diajar oleh penjajah mereka. Demikianlah berkesannya penguasaan pemikiran rakyat menerima kelebihan penjajah sebagai dipertikaikan.

Perjuangan untuk mencapai kemerdekaan bagi negeri-negeri Melayu dan Selat tidak melibatkan peperangan dan korban nyawa oleh puak nasionalis. Ini adalah kerana mereka cepak menyusun politik mereka supaya penjajah tidak mempunyai alasan untuk menolak tuntutan kemerdekaan mereka.

Pemimpin Malaysia memberi perhatian yang penuh kepada pengisian kemerdekaan dan pembentukan jentera pentadbiran tempatan yang mampu merealisasikan impian rakyat. Kesalahan dasar pentadbiran

.....
penjajah dibetulkan dengan serta-merta. Bukan keselesaan pemimpin yang diutamakan tetapi pembangunan rakyat yang terpinggir dahulu yang diberi keutamaan. Dengan itu kawasan luar bandar dibekalkan dengan segala kemudahan seperti jalan, klinik, sekolah dan lain-lain.

Dari sebuah negara pertanian pemerintahan Malaysia yang merdeka berjaya mengalih kepada negara industri yang peluang kepada pekerja dan menaikkan pendapatan mereka tetapi juga mencungkil bakat yang sesuai untuk dimajukan sebagai pengusaha kecil, sederhana dan akhirnya pengusaha dan peniaga besar. Mereka ini muncul daripada semua kaum tetapi kaum bumiputera masih ketinggalan.

Memandangkan ketidakseimbangan pembangunan antara kaum, dan dengan pengajaran daripada peristiwa 13 Mei 1969, Kerajaan Malaysia merdeka telah mencipta Dasar Ekonomi Baru untuk menyusun semula peranan ekonomi kaum-kaum supaya mereka tidak dipisah kerana jenis kerja mereka dan juga untuk membasmi kemiskinan di kalangan semua kaum.

Malaysia tidak dapat menerima apa sahaja yang dicampakkan kepadanya. Negara berbilang kaum ini mempunyai hak, hak yang sama dengan negara-negara lain di dunia. Kita telah dijajah selama lebih 400 tahun. Kita baru merdeka 42 tahun dan kita tidak rela kebebasan kita dihapuskan walaupun zaman globalisasi sudah tiba. Kita mesti pertahankan kebebasan kita.

Janganlah kita memperkecilkan kemampuan kita berfikir, kemampuan kita mencipta idea-idea yang bernas. Sebenarnya kita tidak kurang daripada orang lain, jika pun tidak lebih baik daripada mereka. Sebab itu kita telah memilih slogan 'Malaysia Boleh' bagi memperkuatkan keyakinan kita terhadap kebolehan diri kita sendiri.

Sumber : Ucapan Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad melalui Radio dan Televisyen Malaysia 30 Ogos 1999 sempena sambutan Hari Kebangsaan Negara yang ke 42.

*Ucapan Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi,
Timbalan Perdana Menteri Malaysia*





**Ucapan Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi,
Timbalan Perdana Menteri Malaysia**

Dengan rasa yang amat bersyukur kepada Allah swt pada hari ini kita dapat berkumpul dalam majlis yang gemilang ini memberi pengiktirafan dan penghormatan kepada tokoh-tokoh pejuang kemerdekaan negara kita yang telah banyak berjasa menentang penjajah, membangun dan membina negara dalam aspek politik, ekonomi, sosial serta pendidikan yang amat berguna kepada pembinaan negara dan bangsa Malaysia hari ini. Kepada mereka marilah kita sedekahkan Al-Fatihah dan bertafakur bagi mendoakan kesejahteraan mereka.

Di samping itu juga, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kerajaan negeri Melaka yang telah berusaha untuk mengadakan seminar kebangsaan pejuang-pejuang kemerdekaan sempena dengan sambutan bulan kemerdekaan yang ke-44. Sesungguhnya, seminar ini adalah tepat pada masanya kerana perjuangan tokoh-tokoh pejuang pembina negara dan bangsa mestilah kita ingati setiap masa lebih-lebih lagi sempena menyambut kemerdekaan. Ramai tokoh pejuang kemerdekaan, pembina negara dan bangsa yang telah pun kembali ke rahmatullah tetapi masih ada lagi yang bersama-sama kita pada hari ini. Terima kasih juga saya ucapkan di atas jemputan kerajaan negeri Melaka pada majlis ini dan terima kasih di atas sambutan yang begitu meriah pada saya.

Bagi tokoh-tokoh pejuang yang masih bersama kita, diucapkan terima kasih yang tidak terhingga terhadap segala pengorbanan mereka, kerana tanpa penat lelah, pengorbanan dan kebijaksanaan mereka mengendalikan kegiatan politik dan mencari formula terbaik bagi pembinaan negara bangsa Malaysia hari ini, kita hari ini tidak akan mengecap kemakmuran kemerdekaan negara. Apakah iktibar yang boleh kita pelajari dari pengalaman dan tindak tanduk pejuang-pejuang kemerdekaan kita ini? Bagaimanakah mereka boleh menjadi penyuluh jalan pengisian dan pertahanan kemerdekaan dan kehebatan yang telah diraih? Inilah tugas kita yang mesti kita tunjangi dalam setiap kegiatan dan nafas kita membangunkan Malaysia.

Perasaan cintakan keselamatan dan maruah negara sentiasa menjadi motto perjuangan tokoh-tokoh kemerdekaan yang lepas. Mereka sentiasa mengutamakan kepentingan tanah air atau tanah pusakanya dari kepentingan peribadi dan suku sakatnya. Dato' Maharaja Lela,

.....

Dato' Bahaman, Dato' Dol Said, Rosli Dobi, Panglima Mat Salleh dan ramai lagi pejuang-pejuang sebelum merdeka telah berkorban untuk mempertahankan negeri dari terjajah. Walau pun mereka kecundang, namun mereka telah memberi kita satu semangat nasionalisme yang menjadi terma rujukan yang amat penting dalam menentang penjajahan ekonomi dan budaya pada hari ini.

Penjajahan dalam apa bentuk sekali pun adalah amat buruk dan merendahkan martabat anak negeri sehingga kita menjadi kurang yakin dengan kebolehan sendiri, kita dipandang hina kerana kemiskinan harta dan kemunduran ilmu pengetahuan. Segala hasil mahsul negeri dieksploitasi dan tanah kampung dicerobohi dengan sewenang-wenangnya. Kita tidak dapat bersuara dan mengecapi kemakmuran dan kuasa politik kita. Inilah sebabnya tokoh-tokoh pejuang idea kemerdekaan kita seperti Syed Sheikh Al Hadi, Za'ba, Dato' Onn Jaafar, Ibrahim Yaakob, Dr Ishak Haji Mohamad dan ramai penulis dan sasterawan mengangkat pena menyedarkan anak negeri menuntut kemerdekaan mental, ekonomi, pendidikan dan politik daripada belunggu minda yang beku dan tertutup serta penjajahan barat yang mencengkam jiwa dan fizikalnya.

Parti UMNO telah dilahirkan hasil kesedaran padu bangsa Melayu untuk menentang penjajahan mutlak ke atas tanah air mereka. Melalui UMNO, bukan sahaja raja-raja Melayu berpolitik bersama rakyat Melayu, tetapi juga golongan-golongan ulama dan radikal Melayu turut sama menentang *Malayan Union*. Dengan kebijaksanaan membaca politik British dan *Parti Komunis Malaya*, Dato' Onn Jaafar, Dato' Panglima Bukit Gantang, Dato' Nik Ahmad Kamil, Haji Abdullah Fahim, Dr Burhanuddin Al-Helmi dan ramai lagi perintis-perintis UMNO telah dapat menegaskan tentang ketuanan Melayu sebagai perjuangan UMNO yang tegas, yang menjadi wadahnya di sepanjang masa kehidupan dan survival bangsa dan negara Malaysia.

Kerjasama politik yang ditaja oleh pemimpin-pemimpin kemerdekaan Tanah Melayu dan Malaysia seperti Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Tun Tan Cheng Lock, Tun Sambanthan, Tun Mustapha dan Tun Fuad Stephen serta ramai lagi, mengajar kita bagaimana menghargai musyawarah sebagai satu pendekatan politik yang dituntut oleh Islam dan sejagat. Pembinaan dan pengisian kemerdekaan yang berteraskan

.....

kepada perjuangan kesejahteraan umat dan kemakmuran negara yang menjadi matlamat dan amanah yang dipikul dengan baik oleh tokoh pasca merdeka seperti Tun Hussien Onn dan Dato" Seri Dr. Mahathir Mohammad, Perdana Menteri Malaysia, menjadi kayu pengukur kepada keupayaan generasi kita melanjutkan semangat kemerdekaan tokoh-tokoh kita yang lalu dan masa kini.

Konsep kemerdekaan yang bererti bebas menentukan hala tuju, kehendak dan pendirian kita sendiri dalam mendaulatkan survival kita dan negara Malaysia wajarlah menjadi mutiara jati diri bangsa tinggalan tokoh-tokoh pejuang dan pengisi kemerdekaan kita yang amat berharga kepada kita. Dengan semangat dan keyakinan inilah kepentingan pejuang-pejuang dan pemimpin-pemimpin lama dan baru akan terus dapat ditonjolkan bagi membina jati diri negara dan bangsa Malaysia. Dalam seminar empat hari di Melaka 'di mana segalanya bermula' saya harap kita akan dapat melihat kepentingan tokoh-tokoh kemerdekaan negara kepada pembinaan jati diri negara bangsa Malaysia.

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan tahniah di atas daya usaha kerajaan negeri Melaka yang telah mengadakan seminar ini. Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada agensi-agensi kerajaan negeri Melaka yang lain khususnya Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP) yang telah bersama-sama menjayakan seminar ini. Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kerana dalam program ini didapati satu kertas kerja mengenai diri saya akan dibentangkan. Kertas kerja itu akan menyentuh tentang penglibatan datuk saya Haji Abdullah Fahin dan ayahanda saya Dato' Haji Ahmad Badawi dalam perjuangan kemerdekaan. Saya yakin seminar ini akan dapat dimanfaatkan oleh generasi pada masa ini dan pada masa akan datang dengan harapan dan keyakinan itu. Saya dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan seminar kebangsaan pejuang-pejuang kemerdekaan.

Sekian

*Ucapan Ketua Menteri,
Datuk Seri Hj. Mohd Ali Mohd Rustam*



**Ucapan Ketua Menteri, Datuk Seri Haji Mohd Ali Mohd Rustam,
Di Majlis Perasmian Seminar Kebangsaan Pejuang-Pejuang
Kemerdekaan Pada 23 Ogos 2001 Di Hotel Golden Legacy**

.....

Saya bagi pihak kerajaan negeri Melaka mengucapkan selamat datang dan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kerana telah sudi melapangkan masa untuk datang sekali lagi ke Melaka dan kali ini untuk merasmikan Seminar Kebangsaan Pejuang-pejuang Kemerdekaan. Sesungguhnya kehadiran YAB Dato' Seri adalah memberi rangsangan kepada kami semua di sini di dalam meneruskan seminar ini. Saya juga mengucapkan selamat datang kepada para perwakilan, para peserta seminar, para pembentang kertas kerja dan juga pengerusi-pengerusi panel perbincangan yang datang dari seluruh negara dan juga dari Indonesia. Selamat datang ke Melaka negeri bersejarah.

Kapal dagang dari seberang
Sarat muatan si kayu jati
Dari jauh tuan dan puan datang
Kami di Melaka sedia menanti

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati

Konvensyen seminar kebangsaan pejuang-pejuang kemerdekaan yang diadakan oleh kerajaan negeri Melaka bertujuan untuk memperbetulkan fakta sejarah yang dibuat atau terhadap orang Melayu atau bumiputra yang dianggap sebagai penderhaka. Selain itu ia juga sebagai tanda sanjungan dan kebanggaan generasi masa kini ke atas semangat juang wira dan pahlawan Melayu yang menentang penjajah bagi mencapai kemerdekaan negara. Semangat setia negara tokoh-tokoh patriot tersebut harus dijadikan contoh teladan kepada generasi muda kini dan akan datang.

Di dalam seminar empat hari ini yang bermula dari 22 hingga 25 Ogos 2001, sebanyak 40 kertas kerja yang telah dibentangkan oleh 40 orang para cendekiawan dari seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Dua buah kertas kerja akan dibentangkan oleh ahli sejarah dan budayawan dari Indonesia iaitu mengenai Almarhum Kampar oleh Bapak Tenas Effendi dan Raja Ali Haji Fisabilallah oleh Bapak Haji Hasan Yunus dari Riau.

Konvensyen kebangsaan pejuang-pejuang kemerdekaan ini terbahagi kepada sembilan sesi. Sesi pertama membicarakan mengenai konsep

.....
patriotisme dan nasionalisme diikuti dengan sesi kedua iaitu mengenai pejuang-pejuang kemerdekaan sebelum kedatangan barat diikuti tokoh-tokoh zaman British, tokoh selepas perang, tokoh-tokoh pra kemerdekaan dan tokoh masa kini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian

Sejarah perjuangan kemerdekaan ini adalah peristiwa yang amat penting yang perlu dihayati oleh generasi muda dan oleh setiap rakyat di negara ini terutama di hari-hari menjelang sambutan hari kemerdekaan seperti pada masa sekarang ini.

Kerajaan dan juga tamadun bangsa Melayu di nusantara ini sebenarnya telah wujud sejak abad yang ke-7 lagi iaitu dengan lahirnya kegemilangan kerajaan Sri Wijaya di Sumatera, Kerajaan Majapahit di Jawa, Kerajaan Langkasuka di Kedah dan Kerajaan Gangga Negara di Perak. Puncak keagungan tamadun Melayu dan Islam ialah zaman kerajaan negeri Melaka pada abad yang ke 15 dan 16. Zaman keagungan kerajaan tersebut, wira-wira kita telah sentiasa mempertahankan tanah air daripada serangan luar seperti dari Siam. Setelah Nusantara ditakluki oleh kuasa barat dengan dimulakan di Melaka pada tahun 1511, negeri-negeri di Asia Tenggara termasuklah di Semenanjung Tanah Melayu. Dalam tempoh tersebut, ramai pejuang-pejuang kita yang menentang penjajah semata-mata untuk mempertahankan agama, bangsa dan tanah air.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Sebenarnya, wira-wira kita yang memperjuangkan kemerdekaan adalah ramai iaitu lebih 40 orang seperti yang dibincangkan dalam seminar ini. Tetapi pada kali ini kita hanya dapat menyentuh 40 orang tokoh sahaja. InsyaAllah pada masa akan datang, kita akan mengadakan 'Seminar Tokoh-Tokoh Negara' yang akan menyentuh mengenai wira-wira dalam semua arena seperti tokoh budayawan, pendidikan, ekonomi, sains, teknologi dan lain-lain.

Pada kali ini, seminar ini juga akan membentangkan tokoh-tokoh ulamak yang telah berjuang memberi kesedaran kepada orang-orang Melayu bahawa Islam itu bukan sahaja mengajar fardhu ain tetapi juga

.....

fardhu kifayah dan Islam itu adalah 'addin iaitu cara hidup yang menyeluruh. Tokoh-tokoh Islam itu ialah Syed Tahir Jalaludin dan lain-lain. Di samping itu, seminar ini juga akan menyentuh pejuang-pejuang penentang penjajah utama seperti Dato Dol Said dari Melaka, Dato Maharajalela dari Perak, Dato Bahaman dari Pahang, Rentap dan Sharif Mashahor dari Sarawak dan Panglima Mat Salleh dari Sabah.

Selain dari itu, seminar ini juga akan membincangkan pejuang-pejuang kemerdekaan yang utama seperti Dato' Onn Jaafar yang telah menyatukan orang-orang Melayu dan menubuhkan UMNO dan Tunku Abdul Rahman Putra yang menyatukan orang-orang Melayu di bawah UMNO, orang-orang Cina di bawah Parti (MCA) dan orang-orang India di bawah Parti (MIC). Seterusnya menubuhkan Parti Perikatan dan berjaya mencapai kemerdekaan.

Seminar ini juga akan menyentuh pemimpin-pemimpin abad ke-20 seperti Tun Hussin Onn, Tun Razak, Tun Ghafar Baba, Dato' Abdullah Ahmad Badawi dan Dato' Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri kita hari ini. Dalam membincangkan perjuangan Pak Lah sebagai pemimpin negara, penulis kertas kerja ini akan menyentuh perjuangan Pak Lah selama 34 tahun dalam parti dan kerajaan. Kertas kerja ini juga akan membincangkan datuk Pak Lah iaitu Haji Abdullah Fahim dan ayahanda Pak Lah sendiri iaitu Dato' Ahmad Badawi yang juga sebagai pejuang kemerdekaan.

Saya berharap seminar kebangsaan pejuang-pejuang kemerdekaan ini akan dapat membantu kerajaan dalam memberi kesedaran kepada generasi hari ini tentang pentingnya perjuangan kemerdekaan kita dihayati oleh rakyat Malaysia. Pihak penganjur akan membukukan kertas-kertas kerja ini yang diharapkan akan dapat menjadi buku panduan dan rujukan kepada orang ramai.

Akhir sekali saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi yang telah sudi hadir untuk memberi ucapan penting sempena hari kemerdekaan yang ke-44 dan juga seterusnya merasmikan seminar ini.


.....

Saya rasa tidak lengkap jika saya tidak mengucapkan terima kasih kepada jabatan-jabatan dan agensi-agensi yang telah menjayakan seminar ini khususnya Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia. Terima kasih kepada agensi-agensi lain yang turut memberi kerjasama menjayakan seminar ini seperti Perbadanan Muzium Melaka, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Jabatan Pendidikan Melaka, Institut Seni Malaysia Melaka, Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka, Biro Tatanegara, Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan dan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Melaka, Jabatan Ketua Menteri bahagian Istiadat dan Protokol, pihak polis, Jabatan Kerja Raya dan Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah. Sebelum mengakhiri ucapan saya, izinkan saya membacakan beberapa rangkap pantun.

Padi Huma Jangan Digempa,
Kalau Digempa Pastinya Gugur,
Bila Gugur Jatuh Ke Sisi,
Wira-Wira Kemerdekaan Kita Jangan Dilupa,
Kalau Dilupa Di Dalam Tidur,
Bila Terjaga Diingatlah Kembali.

Kuning Emas Masaknya Padi
Mawar Merah Dalam Jambangan
Terima Kasih Daun Keladi
Budi Tuan Jadi Kenangan

Sekian



Pendahuluan

Pendahuluan

Teori Manusia Agung

Pengkajian tokoh di kalangan masyarakat Islam telah bermula, dengan kelahiran Nabi-nabi dan Rasul-rasul utusan Allah s.w.t. Al-Quran telah menceritakan kisah nabi-nabi dan pesuruh Allah yang berusaha menyampaikan suruhan Allah s.w.t. Ada di antara mereka yang diterima dengan baik dan tidak kurang pula yang terpaksa menghadapi pelbagai kesulitan, kezaliman dan penghinaan daripada masyarakatnya. Umat-umat yang sesat mendapat balasan Allah tetapi umat-umat yang menerima perintah Allah s.w.t. melalui ajaran-ajaran Nabi dan Rasulnya sentiasa, mendapat keberkatan dan perlindungan Allah s.w.t.

Al-Quran, kitab suci umat Islam ini pesuruh-pesuruh Allah s.w.t. yang paling awal sekali. Daripada cerita-cerita yang direkodkan, umat Islam mendapat kepimpinan Islam yang diresdikan oleh Allah s.w.t. Contoh terunggul kepada kepimpinan Islam itu ialah Nabi Muhammad s.a.w. Manusia diminta menjadikan Baginda, sebagai kayu ukur dan '*role-model*' umat Islam dan para pemimpinya. Antara perkara yang diminta untuk kita mengikutinya ialah:

- 1) Mematuhi ajaran dan surohan yang dibawanya dengan perintah Allah s.w.t., iaitu agama Islam yang maha, suci.
- 2) Mengikuti dan mematuhi pendapat, cadangan dan ide-ide Baginda dan para sahabatnya, yang sentiasa takut kepada Allah s.w.t.
- 3) Mentauladani perilaku dan tindak-tanduknya yang sentiasa menyeru kebaikan, perdamaian, kasih sayang, hormat menghormati dan sebagainya.

Para cendekiawan Islam juga telah mengkaji Al-Quran dan peristiwa-peristiwa sejarah negara-negara Islam itu sendiri, demi untuk mencari kepimpinan Islam yang terbaik. Beberapa sarjana terkenal telah memberi pendapatnya. Antara yang selalu disebut ialah Al-Mawardi. Bagi beliau seseorang pemimpin agung Islam itu ialah seseorang yang mempunyai beberapa sifat terpuji, iaitu:

-
- 1) *Al-'Adalah* dengan segala syarat-syaratnya
 - 2) Ilmu yang membolehkan seseorang berjihad pada perkara-perkara yang mendatang dan berkemampuan untuk membuat keputusan dan menghukum perkara tersebut.
 - 3) Sejahtera pancaindera iaitu pendengaran, penglihatan dan pertuturan.
 - 4) Sejahtera anggota badan, tidak ada kecacatan yang menghalangnya bergerak atau bertindak dengan pantas.
 - 5) Berfikiran terbuka dan mantap kearah mempertingkatkan kualiti pentadbiran dan pembangunan ummah.
 - 6) Berani dan bersemangat waja untuk membela negara dan membasmi musuh agama.

Ternyata seseorang pemimpin itu patutlah bersifat adil, berilmu, berani, tegas dan sihat tubuh badan serta pancainderanya untuk menjadi pemimpin yang berkesan. Bagi Ibn Khaldun pula, terdapat empat ciri penting untuk menjadi pemimpin Islam yang hebat, iaitu:

- 1) Berilmu kerana khalifah adalah seorang yang bertanggungjawab menjalankan hukum-hukum Allah s.w.t.
- 2) *Al-Adalah*, merupakan ciri penting bagi sernua peringkat kepimpinan. Sewajarliah sifat ini ada pada khalifah atau ketua kerana beliaulah yang memegang teraju kepimpinan tertinggi agama dan negara.
- 3) Berwibawa (*al-Kifayah*) dalam melaksanakan dan menegakkan hukum-hukum Allah, mengendalikan urusan peperangan, mengetahui adat istiadat masyarakat, meningkatkan prestasi pentadbiran kearah yang lebih cemerlang, membela agama, membasmi musuh negara dan menjaga kebajikan ummah.
- 4) Sejahtera pancaindera iaitu pendengaran, pertuturan dan penglihatan. Sejahtera tubuh badan, dan tidak cacat sehingga

.....

boleh menjejaskan daya kerja seperti gila, terpotong kedua
belah kaki atau tangan atau sebelah kaki atau sebelah tangan.

Pendapat Ibn Khaldun ini tidaklah lari daripada Al-Mawardi atau pendapat sarjana Islam yang lain. Pada umumnya sifat-sifat pemimpin agung Islam yang dituntut adalah berilmu, berlaku adil, berhati mulia, memajukan umatnya didunia dan menjaga kesucian dan menegakkan perintah Allah S.W.T untuk bekalan dunia akhirat. Nabi Muhamad s.a.w. adalah pemimpin agung Islam dan dunia yang telah dipilih oleh Allah S.W.T.

Di kalangan pemikir Barat, Plato merupakan ahli falsafah dunia yang paling awal membezakan kebolehan seseorang individu. Baginya, dalam sesebuah masyarakat terdapat individu yang mempunyai kebolehan berfikir lebih baik daripada orang lain. Ini bererti Plato telah meletakkan asas yang penting dalam konsep kepimpinan. Namun Thomas Carlyle, seorang ahli sejarah awal abad ke-20 telah memberi penekanan penting terhadap kepentingan pemimpin kepada sejarah. Baginya sejarah kemanusiaan sebenarnya adalah sejarah manusia teristimewa. Ini dengan sendirinya membina satu teori yang dinamakan '*great man theory*'.

Thomas Carlyle, mendefinisikan seseorang pemimpin itu sebagai seorang manusia yang mempunyai pandangan yang jauh, mempunyai keberanian dan fahaman serta kekuatan yang lebih baik daripada individu lain dalam masyarakatnya. Oleh itu mereka diikuti, dihormati dan dipuji. John Stuart Mill' pula, menambah bahawa seseorang pemimpin itu ialah seorang individu yang mempunyai kuasa eksekutif yang berani membuat keputusan bagi masyarakatnya. Pemimpin ini juga patut mempunyai fikiran yang bebas yang dapat digunakan bagi membangkitkan fikiran kritik kepada masyarakatnya. William James pula mengatakan seseorang pemimpin itu mesti mempunyai suasana dan peristiwa yang boleh menonjolkan kepimpinannya kepada orang ramai. Tugas seseorang pemimpin bagi William James ialah membantu masyarakatnya menyelesaikan masalah yang dihadapi dengan ideanya yang bernas. Bagi beliau seorang pemimpin ialah penganjur yang memujuk orang lain untuk melaksanakan ideanya.

.....

Dengan kata lain, seseorang itu hanya dianggap pemimpin apabila mempunyai kebolehan untuk mencari jalan penyelesaian kepada masalah masyarakatnya dengan idea yang bernas yang dapat dilaksanakan dengan baik. Beliau menjadi penganjur kepada gerakan mempertahankan nilai masyarakatnya daripada diceroboh atau mengubahsuai nilai lama masyarakatnya kepada nilai baru yang boleh memajukan masyarakatnya. Kata seorang sarjana:

"Leaders exist so that they may be better organization, better adaptation. They are viewed as essential in that they formulate theories, policies and ideals that give direction, and character to an age and their presence and character help to define the character of society. The quality of their contribution is such that history is substantially changed".²

Seseorang pemimpin mestilah mempunyai pengikut. Pengikut ini sangat penting, kerana tanpa mereka, idea dan kebolehan pemimpin itu tidak akan dihargai dan dipuja. Semakin dalam pengaruh yang dapat ditanam oleh pemimpin itu, semakin ramai pengikutnya. Ini membolehkan pula satu penentuan yang tidak berbelah bagi di kalangan pengikutnya. Apabila ini berlaku pemimpin itu akan dilihat oleh pengikutnya sebagai seorang yang sangat istimewa dengan sifat yang kadang-kadang bersifat luar biasa daripada manusia lainnya.

Seperti kata Willner:

"Leaders frequently are believed by their followers to have skills or qualities necessary to accomplish tasks or further goals important to them. Leaders are often perceived by their followers to possess qualities regarded as admirable in their particular cultures, such as wisdom, foresight, firmness, benevolence, quile, strength of character of subtley".³

Seorang pemimpin ialah seorang manusia agung zamannya. Keagungannya itu boleh mewakili zamannya. Keagungannya itu menjadikan zamannya sangat bermakna, penting dan menonjol sekali. Dengan mengkaji kepimpinannya, zamannya dapat dihuraiakan. Seperti kata Hegel, seorang ahli falsafah Jerman yang terkenal:

.....

"Manusia agung sesuatu zaman ialah manusia yang dapat menyatakan dengan perkataan kehendak zamannya, memberitahu zamannya apakah kehendaknya itu, dan mencapainya apa yang dilakukannya adalah punca dan jiwa zamannya, dia menjadikan zamannya satu kenyataan" .

Ini bermakna seseorang pemimpin penting ialah seorang individu yang mencipta sejarah masyarakatnya. Ciptaannya itu kadangkala menggunakan unsur dan nilai masyarakatnya, dan ditambah dengan kekuatannya dalam semua segi, boleh memajukan masyarakatnya. Ada juga pemimpin yang melahirkan nilai baru yang dapat diterima oleh masyarakatnya sehingga dengannya, masyarakat itu dapat berkembang maju ke depan. Tetapi ada juga idea pemimpin yang tidak dapat diterima oleh masyarakatnya, kepentingannya hanya muncul selepas zamannya. Pemimpin seperti ini tidak mempunyai pengikut zamannya, tetapi idenya tetap dapat menggambarkan keadaan masyarakatnya. Ini kerana pemikiran pemimpin itu lahir daripada kepincangan masyarakatnya. Seperti kata E.H. Carr, seorang ahli falsafah sejarah tahun 1940-an:

"Tidaklah sepatutnya kita melupakan manusia agung yang berdiri begitu jauh terkehadapan dari zaman mereka sendiri sehingga keagungan mereka diakui hanya oleh generasi-generasi berikutnya. Yang perlu pada pandangan saya ialah untuk mengenali pada diri manusia agung itu seorang individu yang terkemuka yang serentak merupakan tenaga-tenaga sosial yang merubah bentuk dunia dan pemikiran manusia".

Manusia agung ini bagi E.E. Jennings, penulis buku *An Anatomy of Leadership* (1972), boleh dibahagikan kepada tiga nama yang cantik, iaitu '*superman*', '*hero*', dan '*prince*'. Baginya, seorang '*superman*' ialah seorang pemimpin yang memecahkan atau berupaya mengubah nilai lama dan mencipta nilai baru yang diterima dan diikuti oleh anggota masyarakatnya, sama ada pada zamannya atau selepasnya. Bagi seorang pemimpin yang bersifat '*hero*' pula ialah seorang pemimpin yang menumpukan perjuangannya ke arah cita-cita dan matlamat yang luhur. Bagi seorang '*prince*' ialah seorang pemimpin yang berusaha menguasai dan mempengaruhi orang lain. Ia ialah seorang pemburu kuasa (*power-seeker*).⁴

.....

Bagaimanapun, bagi Jennings, dalam diri seseorang pemimpin itu terdapat ketiga-tiga unsur tersebut, hanya yang berbeza ialah tingkat penonjolannya sahaja. Ada pemimpin yang sangat memburu kuasa, setelah dia diterima, ada pemimpin yang mementingkan ideologi yang luhur dan ada pula pemimpin yang cukup mahir melaksanakan kuasanya. Seorang ahli falsafah ekonomi dan sosiologi dunia yang terkenal Max Weber, telah membahagikan pemimpin ini kepada tiga golongan, iaitu 'Legal Authority', 'Traditional Authority' dan 'Charismatic Authority'. Penggunaan, 'authority' atau diterjemahkan sebagai 'kekuasaan' bermakna, seseorang pemimpin itu ialah seorang yang berkuasa. Kuasa yang didapatinya adalah secara langsung daripada penyokongnya, atau anggota masyarakat yang terletak dalam bidang pemerintahannya atau pengaruhnya. Kekuasaannya atau kuasanya didapati secara spontan daripada kedudukannya sebagai manusia agung masyarakatnya.

'Legal Authority' adalah suatu kepimpinan yang muncul dari penguatkuasaan undang-undang dan peraturan yang telah diterima dan dilembagakan oleh sesebuah masyarakat. Kepimpinan seperti ini selalunya dibantu oleh sekumpulan kakitangan kepimpinan yang tidak bersifat peribadi tetapi lebih bersifat rasmi dan birokratik.

'Traditional Authority' pula memperlihatkan kemunculan dan kekuatan kepimpinan itu berdasarkan kepada unsur dan kerangka tradisi masyarakatnya. Ini bermakna kepimpinan itu dapat diterima oleh anggota masyarakatnya berdasarkan status tradisionalnya yang diwarisinya. Kepimpinannya diterima sebagai suatu kemestian oleh anggota kumpulannya. Kata Weber:

"The person or persons exercising authority are designated according to traditionally transmitted rules. The object of obedience is the personel authority of the individual which he enjoys by virtue of his traditional status. The person exercising authority is not 'superior' but a personel chief".?

Bagi 'Charismatic Authority' pula, Weber memberi beberapa ciri yang sangat berbeza daripada kedua-dua jenis kepimpinan di atas. Bagi Weber, seseorang yang mempunyai kepimpinan seperti ini ialah

.....

seorang dihormati dan diberi kuasa '*supernatural, superhuman*' atau sekurang-kurangnya mempunyai kebolehan yang sangat istimewa, melebihi dan jauh lebih baik daripada manusia lain dalam masyarakatnya. Umpamanya seorang nabi." Ini bermakna '*Charismatic Authority*' ialah seorang tokoh yang muncul sebagai '*Personal Leader*' yang mempunyai kekuatan dan keagungan secara peribadi. Ia tidak memerlukan rang undang-undang atau nilai traditional untuk melahir dan mengagungkan kepimpinannya. Dia muncul dan diterima sebagai manusia agung kerana kebolehannya semata-mata.

Pendapat Weber dan lain-lain sarjana tentu sekali mengalami perubahan. Ahli akademik dengan menggunakan kes-kes tertentu kadang-kadang mempersoalkan pembahagiannya itu. Tetapi dalam sesetengah kes, pembahagian kepimpinan itu diterima dan diperluaskan dengan contoh pada abad ke-20. Misalnya, Ann Ruth Willner, seorang pengkaji konsep kepimpinan dunia, menerima ciri-ciri '*Charismatic Leadership*' Weber. Dengan menggunakan dasar konsep Weber ia telah memberi beberapa jenis dan contoh kepimpinan '*charismatic*' dunia yang tidak dapat diragukan. Ini kerana mereka mempunyai pengikut yang melihat mereka sebagai pemimpin yang mempunyai kuasa 'ajaib' yang dapat menggerakkan masyarakatnya ke arah satu pencapaian yang begitu tinggi dalam sejarah kebangkitan mereka.⁹

Bagi '*Charismatic Leaders*' yang tidak mempunyai ciri-ciri langsung seperti di atas, Willner menamakan mereka sebagai '*Consort Charisma*' seperti Elanor Roosevelt, dan Eva Parson, yang begitu berpengaruh kepada orang ramai kerana hubungan rapatnya dengan pemimpin-pemimpin '*charismatic*'. Ada juga yang dinamakannya sebagai '*Passionate Charismatic*' seperti Empress Dowager Tz'u-hsi dan Madam de Pompadour, yang memerintah negara sebagai ibu, pemangku atau gundik yang berpengaruh.

Ada juga yang dianggapnya sebagai '*quasi-charismatic*' iaitu pemimpin yang mempunyai kaitan yang terus atau rapat dengan pemimpin '*charismatic*' seperti Pandit Nehru, India. Ada juga pemimpin yang dinamakannya sebagai '*Situational Charismatic*' seperti Winston Churchill, De Gaulle, dan Gamal Nassier, yang muncul

.....

kerana kepentingan dan keperluan mengatasi masalah masyarakatnya pada satu masa tertentu. Mereka muncul dengan idea yang penting yang boleh digunakan bagi menyelesaikan masalah berat masyarakatnya. Keupayaan mereka memberi kepimpinan dan berjaya membawa masyarakat ke tingkat yang lebih baik, telah menjadikan mereka terkenal dan dihormati masyarakatnya. Tetapi mereka tidak dipuja dan diberikan taraf 'dewa' seperti Sukarno yang dilihat oleh orang Jawa sebagai jelmaan 'Ratu Adil'.

Konsep *'Traditional Authority'* Weber juga mendapat perluasan daripada cerdik pandai selepasnya. Antara yang paling menarik ialah pendapat Edward Skills yang mengatakan bahawa di negara-negara yang dijajah, golongan elitnya, kerap kali datang daripada golongan *'Traditional Authority'*. Ini kerana golongan ini tetap dijaga oleh penjajah sebagai alat penghubung masyarakat massa dengan penjajah. Seperti British, di Tanah Melayu, golongan ini sengaja dijaga dan dipelihara kedudukannya, walaupun kuasa politik telah diambil alih daripada mereka. Anak-anak golongan ini pula sentiasa diberi layanan pendidikan Inggeris supaya golongan ini terpisah daripada masyarakat umum. Tetapi ini bukan bermakna satu pemisahan hakiki. Nilai dan kerangka tradisional itu masih lagi dipelihara secara langsung atau tidak langsung. Kata Skills:

"Most intellectuals in under developed countries are not as 'cut off from their own culture as they and their detractors suggest. They live in the middle of it, their wives and their mothers are its constant representatives in their midst, they retain close contact with their families, which are normally steeped in the traditional beliefs and practices".¹⁴

Di Tanah Melayu, British tidak mengubah *'set-up'* masyarakat Melayu itu secara tegas. Dengan melindungi kumpulan itu, yang kemudian dilantik sebagai pegawai kerajaan kelas dua, orang Melayu pada dasarnya, tidak kehilangan pemimpin tradisional mereka. Dengan itu apabila terdapat gerakan politik massa, orang Melayu berpaling kepada mereka. Ini kerana, golongan itu mempunyai pelajaran yang lebih baik dan mempunyai kedudukan tradisional yang kukuh.

.....

British memilih kumpulan elit tradisional ini sebagai penggantinya, kerana semua nilai pentadbiran Barat dan 'subculture'nya telah tertanam dalam diri elit tradisional itu. Ini membolehkan satu pemindahan kuasa pentadbiran yang aman tenteram dan dapat menjamin pelaburan British di Tanah Melayu. Ini bererti, British telah menerus dan mengekalkan kepentingan dan fungsi pembesar Melayu sebagai pemimpin masyarakat Melayu. Dengan mendapat pendidikan Barat, anak-anak golongan itu kini berbeza daripada bapanya. Mereka kini boleh berbahasa Inggeris yang menjadi bahasa perhubungan sosial intelektual dan pentadbiran kolonial British. Ia juga menjadi satu tiket untuk diterima oleh British sebagai sebahagian dari kumpulan mereka. Anak-anak bangsawan ini juga diadakan dengan sistem pentadbiran British yang berbeza dari sistem pentadbiran tradisional. Dengan ini bererti mereka masih mengekalkan kedudukan tradisional mereka, tetapi mengamalkan ciri-ciri baru dalam kedudukan dan fungsinya sebagai pemimpin masyarakat Melayu. Mereka ini dinamakan '*modernising tradisional elite*'.

Elite' mengikut definisi dalam buku '*The Mind and Society*', ialah sekumpulan kecil golongan atasan yang dipanggil sebagai aristokrat. Golongan ini mungkin terdiri daripada golongan agama, tentera, kaum pedagang, bangsawan dan orang kaya.¹⁴ Kumpulan ini dilihat sebagai '*governing elite*' iaitu masyarakat seperti ini orang yang mempunyai kuasa pemerhatian. Manakala orang ramai yang tidak berkuasa dipanggil '*non elite*'. Kadang-kadang dipanggil sebagai 'kelas pemerintah' dan 'kelas yang diperintah'. Kelas pemerintah adalah golongan yang mempunyai kuasa dan menikmati kuasa dan mempunyai kawalan terus ke atas kumpulan kedua, iaitu yang diperintah sama ada secara perundangan, kekerasan atau kekuatan pengaruh.

Ini bermakna dalam apa pun bentuk masyarakat, kumpulan elit ini sentiasa wujud. Tetapi dalam kumpulan ini akan terdapat seorang pemimpin yang mengatasi individu lain dengan kecemerlangan idea dengan gagasannya itu ia disokong oleh kumpulan elit itu. Mereka bukan sahaja menjadi penyokong tetapi juga pelaksana kepada idea '*inner-circle*'. Dalam kepimpinan kumpulan itu sikap sokong menyokong akan menjadikan pemimpin itu kuat dan dikagumi oleh '*outer-circle*' dan pengikut massa. Ini akan menonjolkan kepentingan pemimpin itu sebagai penganjur kepada masyarakatnya.

.....

Ada sarjana yang tidak bersetuju dengan teori manusia agung ini. Karl Marx walaupun bersetuju adanya manusia agung pada mulanya, akhirnya kecewa dengan Napoleon, telah mengubah pendapat dengan mengatakan bahawa perpecahan Jerman hanya boleh diatasi dengan menggunakan semangat dan kebudayaan Jerman. Kawannya, Fichte, seorang ahli falsafah Jerman juga, berpendapat sama. Mereka percaya Jerman telah ditakdirkan untuk menjadi bangsa yang agung dan melahirkan seorang pemimpin tentera yang berkebolehan. Ini bermakna, kedua-duanya melihat keadaan dan suasana telah melahirkan pemimpin agung, bukannya pemimpin yang menjadikan suasana agung. Brooks Adams, juga mengisytiharkan bahawa peristiwa sejarah yang berlaku ditentukan oleh undang-undang yang tetap. Edward Cheyney, Presiden *American Historical Association* pula mengatakan semua perkara yang berlaku dikawal oleh takdir, matlamat, undang-undang dan pandangan jauh masyarakat tersebut. Bagi Cheyney, manusia hanyalah alat kepada tenaga tersebut. Karl Marx dan Friedrich Engels, kedua-duanya ahli falsafah Jerman, juga menolak kepentingan manusia agung dalam sejarah.

Bagi kedua-duanya apa yang mendorong individu mengadakan hubungan sosial adalah kerana keperluan untuk bekerja, dan kerangka besar masyarakat dibentuk di atas '*mode-of-work*'. Ini bermakna, faktor utama membentuk masyarakat bukanlah kerana keunggulan ide pemimpin agung, tetapi kerana faktor pengeluaran yang menganggotai corak dasar pengeluaran dan pembahagian ekonomi masyarakat. Kemajuan masyarakat boleh dicapai kerana perselisihan antara kelas-kelas masyarakat itu sendiri. Ini bermakna, secara ringkasnya yang penting dan yang menentukan keagungan masyarakat itu bukanlah individu, tetapi kelas masyarakat itu sendiri. Kelas masyarakat yang tertekan iaitu yang diperintah akan berusaha mengatasi kelas yang memerintah. Kejayaan kelas pekerja (yang diperintah) mengatasi kelas yang memerintah (kapitalis) yang memberi keagungan kepada masyarakat tersebut. Ini bermakna, Marx tidak menerima kepimpinan individu, tetapi menggalakkan kebangkitan kepimpinan kelas. Ini bererti tidak ada manusia agung bagi Karl Marx.

Pendapat ini merupakan antitesis kepada kepentingan manusia agung. Mereka tidak melihat individu itu penting, tetapi kumpulan masyarakat, undang-undang, kelas pekerja dan suasana itu yang

.....

menentukan keagungan sesuatu zaman. Bagi saya, kesemua faktor yang di atas ini sangat perlu untuk memberi keadaan dan masa dan sokongan ke atas kemunculan seorang pemimpin. Tetapi, faktor itu tidak akan dapat disatu dan dimanfaatkan tanpa pandangan jauh dan idea serta gagasan bernas daripada seseorang pemimpin yang dapat membaca sesuatu keadaan genting, atau mendorong perubahan yang lebih baik dari apa yang dimiliki oleh kumpulan atau masyarakatnya. Dalam hal tertentu, individu dapat menghasilkan dasar yang menjadi garis panduan tindakan masyarakatnya. Kadangkala, bukan semua garis panduan itu berjaya, tetapi ia tetap mencipta sejarah bagi masyarakatnya, seperti Hitler. Oleh itu kepentingan pemimpin tetap ada dalam mana-mana sejarah tamadun manusia; kerana mereka, sejarah tercipta dan berubah.

Kepentingan Manusia Kerdil Dalam Kepimpinan Agung

Kajian tentang tokoh adalah satu perkara yang sangat menarik. Ini kerana *'it personalizes events, demonstrate the individual does account'*. Ia merangkumi segala aspek hidupan terutama pencapaian-pencapaian yang terbaik dalam hidupnya. Pencapaiannya itu melambangkan kejayaan peribadi dan masyarakatnya. Ini kerana seseorang individu itu hanya dapat dianggap sebagai tokoh masyarakat setelah sumbangan kepada masyarakatnya dapat diterima dan dihargai. Dalam erti kata lain, seseorang itu tidak akan dapat dianggap penting sebagai pemaju masyarakat jika kepentingannya tidak dihargai.

Kajian tentang tokoh selalunya tertumpu kepada pemimpin-pemimpin negara dan negeri yang telah dapat membuktikan kebolehan dan sumbangannya dalam menaikkan martabat bangsa dan negara di kalangan dunia antarabangsa ataupun dalam negeri. Mereka selalunya terdiri daripada pemimpin kerajaan, pemimpin parti-parti yang penting dalam sebuah negara, tokoh ekonomi, tokoh agama, tokoh sastera, tokoh kemanusiaan, dan kemasyarakatan antarabangsa.

Jarang sekali, penonjolan tokoh-tokoh bawahan (*grass roots*) dijadikan bahan kajian. Mereka kerap dilihat tidak begitu penting dalam mencorakkan masyarakat, negeri, dan bangsanya. Mereka ini dianggap hanya sebagai penyokong yang tidak memainkan peranan penting; mereka dilupakan dalam lipatan sejarah masyarakat dan bangsanya.

.....

Ini patut diubah. Seperti kata seorang sarjana:

"They are not, of necessity, the most distinguished persons I have met; still less those with whom I have been most closely linked in friendship or in some common task. However slight their association with me and over however brief a period, they are among those from whom I have learnt some positive lesson".

Kajian terhadap seseorang tokoh itu atau kajian biografi sebenarnya mempunyai berbagai-bagai tujuan. Ia bukan semata-mata untuk mengetahui kejayaan dan sumbangan seseorang individu yang telah berjasa kepada masyarakat, bangsa, dan negaranya atau kepada manusia dan alam sejagat tetapi ia juga bertujuan untuk menjadi panduan hidup kepada para pembacanya. Perangai dan sikap hidup yang baik dan terpuji misalnya boleh menjadi satu sumbangan kepada manusia lain. Bagaimana seseorang individu itu mengatasi masalah kehidupannya juga boleh menjadi satu panduan kepada manusia yang bermasalah serupa ataupun hampir serupa dengannya. Penulisan biografi juga boleh bertindak sebagai satu hiburan kepada pembaca atau mengisi masa lapangnya. Ia juga boleh mencetuskan ilham atau ide yang mungkin berguna kepada pembaca yang kreatif dan berbakat. Penulisan biografi harus menjadi sebuah novel yang menceritakan pengalaman hidup manusia yang boleh ditafsirkan oleh pembacanya mengikut kehendak dan keperluan mereka. Kajian dan penulisan terhadap tokoh kecil ataupun sebarang individu boleh memenuhi tujuan-tujuan ini.

Kajian terhadap tokoh bawahan seperti ini pada dasarnya boleh memberi banyak faedah kepada masyarakat. Dari satu segi, penelitian kepada peranan mereka akan membolehkan satu kajian sejarah yang lebih seimbang dalam masyarakat. Pengetahuan masyarakat tentang sejarah akan lebih meluas kerana bukan sahaja mereka mengetahui sumbangan tokoh-tokoh besar tetapi juga peranan pemimpin-pemimpin kecil yang bekerja bersungguh-sungguh di peringkat rendah untuk memajukan masyarakatnya. Pengetahuan terhadap mereka ini akan memberi suatu perspektif yang lebih menyeluruh tentang keseluruhan sejarah dan budaya masyarakat.

Kata seorang sarjana :

.....

"All this was real enough as it took place in public; there was nothing secret or mysterious about it. And still, it was by no means visible to all, nor was it at all easy to perceive it; for, until the very moment when catastrophe overtook everything and every body, it was covered up not by realities but by highly efficient talk and double talk of all official representatives, who without interruption and in many ingenious variations, explained away unpleasant facts and justified concerns".

Kajian tentang individu, atau tokoh-tokoh kecil juga akan dapat melahirkan satu penilaian yang lebih tepat atau saksama terhadap kejayaan sesebuah masyarakat atau negara itu. Selalunya mengikut laporan-laporan rasmi atau dokumen-dokumen rasmi kerajaan yang memerintah, kemakmuran atau kehebatan dan kejayaan negara itu digambarkan dengan begitu cantik dan molek sekali. Tidak ada cacat celanya terutama jika terdapat masalah politik dalaman. Meneliti kehidupan atau kegiatan orang bawahan, satu pengetahuan yang lebih terperinci kepada masalah dalaman kerajaan akan dapat dihuraikan terutama jika tokoh yang dikaji itu merupakan penentang kerajaan atau yang bersuara lantang.

Ini dapat memberi satu gambaran yang lebih seimbang terhadap sesuatu pendapat di peringkat kebangsaan. Sejarah masyarakat dan negara itu akan dapat dihuraikan dengan lebih realistik lagi. Kejayaan pemimpin di peringkat kebangsaan juga kerap kali dihuraikan dengan begitu indah terutama di Dunia Ketiga seolah-olah pemimpin-pemimpin itu bergerak dan berjaya tanpa dibantu oleh sesiapa pun. Maka dengan kajian terhadap tokoh *grass roots*, hal ini dapat diperbetulkan. Ia dapat memperlihatkan bagaimana dan betapa peranan dan sokongan penyokong serta pemimpin kecil dalam membina sesuatu kekuatan dan kejayaan seseorang pemimpin besar negara itu sebagai penyokong dan pemimpin kecil mereka bekerja bertungkus lumus dan kadang-kadang lebih berat daripada pemimpin politik kebangsaan itu sendiri.

Di tangan merekalah terletak kejayaan sebenar pemimpin-pemimpin parti dan kerajaan yang disokongnya. Mereka lebih rapat dengan orang ramai dan mereka jugalah yang dapat mengenal lawan ataupun kawan ataupun penyokong parti. Dengan kebijaksanaan dan kerja kuat

.....

mereka, sokongan *grass roots* untuk parti itu, dapat diraih. Idea-idea pemimpin kebangsaan dan rancangan-rancangan kerajaan yang memerintah tidak akan menjadi kenyataan jika tidak diyakini oleh penyokongnya dan dilaksanakan di peringkat masyarakat bawahan. Di sinilah kepentingan penyokong kerajaan dan parti yang mungkin terdiri daripada pemimpin kecil parti ataupun penggerak parti di peringkat *grass roots* itu. Dengan sokongan dan kerja kuat pemimpin-pemimpin kecil untuk melaksanakan dasar-dasar negara dan pemerintah, kejayaan atau kemakmuran sesebuah negara atau masyarakat itu akan menjadi lebih mudah dicapai.

Sebuah rumah misalnya tidak akan tegak jika tidak ada papan-papan kecil atau kayu-kayu kecil menyokong untuk menegakkan tiang-tiang utama rumah tersebut. Sebuah bangunan besar yang tersergam tidak akan tegak menjulang ke langit jika besi-besi kecil tidak dimasukkan ke dalam kerangka dasar tiang atau lantai bangunan itu untuk menguat dan menyempurnakan pembinaannya. Sokongan dari benda-benda atau bahagian-bahagian kecil itulah yang bersatu menegakkan keindahan dan kekuatan sesuatu monumen sejarah negara atau tamadun sesuatu bangsa. Tanpa sokongan dan kerja kuat penyokong-penyokong kerajaan atau parti pemerintah, kerajaan itu akan roboh.


Ketiganya, kajian ke atas tokoh kecil akan memperlihatkan nilai budaya masyarakat yang berbeza daripada peringkat atasan dan bawahan. Di peringkat bawahan ini akan terdapat perkara-perkara yang kecil tetapi penting dilaksanakan; misalnya, untuk sesebuah parti menyebarkan pengaruhnya, perkara-perkara kecil seperti menjadi ahli jawatankuasa masjid, majlis sukan, sekolah, perpustakaan awam, dan lain-lain adalah sangat penting. Melalui kegiatan-kegiatan amal ini, masyarakat akan dapat menilai kesungguhan pemimpin kecil parti itu bekerja untuk masyarakat. Ini secara langsung memberi imej yang baik kepada parti dan seterusnya memberi sokongan kepada parti itu.

Kegiatan tokoh-tokoh kecil di peringkat bawahan ini juga boleh memberi satu penelitian kepada permasalahan masyarakat sezaman dengan tokoh itu. Apabila membincangkan riwayat hidup dan kegiatan tokoh itu, tidak dapat tidak kita terpaksa berinteraksi dengan keadaan masyarakatnya. Ini kerana tokoh itu secara langsung merupakan produk daripada masyarakat. Misalannya, dalam

.....

mendapatkan pendidikan, tokoh itu tentunya menghadapi sistem pendidikan yang berbeza dengan zaman kini. Ini dengan sendirinya memberi kita pengetahuan tentang zamannya dan permasalahan masyarakatnya yang tentu berbeza dari permasalahan zaman ini. Dengan itu, kajian terhadap tokoh kecil akan membolehkan satu kajian secara langsung kepada permasalahan masyarakat bawah sezaman dengannya. Tokoh itu merupakan bukti nyata zamannya.

Dengan itu, kepentingan kajian tokoh kecil adalah sama wajarnya dengan kajian terhadap tokoh besar, walaupun peranan mereka bukan sebagai pemimpin agung atau manusia agung yang mencetuskan idea baru sehingga masyarakatnya boleh berubah. Namun, sebagai penyokong kepada seseorang pemimpin penting, dalam sebuah negara, tugas mereka adalah sama pentingnya. Pemimpin tanpa pengikut, seperti kata Ann Ruth Wilner (1984), bukanlah seorang pemimpin. Pengikut mesti percaya bahawa pemimpinnya cukup berkaliber untuk membawa perubahan dan kerana itu mereka menyokongnya. Oleh itu, penyokong pemimpin adalah sama pentingnya dengan kewujudan pemimpin agong itu sendiri. Oleh kerana itu, diharapkan usaha-usaha dapat dibuat dengan segera bagi merakam dan menghargai manusia-manusia kerdil yang menjadi penyokong dan pelaksana kewujudan manusia agong dan tamadun bangsa serta survival negara.



*Melayu dan Islam-
Dasar Nasionalisme Malaysia*

Melayu dan Islam – Dasar nasionalisme Malaysia

Oleh: **Abdul Monir Yaacob**
Institut Kefahaman Islam (IKIM)

Pendahuluan

Terdapat tiga perkataan teras yang perlu diberikan penjelasan iaitu Melayu, Islam dan nasionalisme. Menurut Prof. Ismail Hussein, Semenanjung Melayu adalah satu-satunya daerah di bumi Ilahi ini yang mengambil nama 'Melayu'. Ini tanah asal usul bahasa dan kebudayaan Melayu yang inti. Bumi Melayu di utara rata-ratanya telah musnah. Dunia Melayu di selatan berkembang gagah. Bangsa Melayu di Malaysia terkepung di tengah dua dunia ini. Seterusnya Ibrahim Yaacob menyatakan:

"Wahai umat-umat Melayu, semuanya Tanah Semenanjung dan Kepulauan Indonesia sana tanah pusaka dahulu nenek moyang kita orang Melayu. Nama Minangkabau, Bugis, Jawa, Brunei, Aceh, Lompang, Palembang, Rawan, Kampar, Kelantan, Perak dan lain-lain itu bukannya nama bangsa ia adalah nama negeri. Bangsa kita yang tulin ialah Melayu".

Apabila Wang Gungwu meneliti rekod-rekod China lama didapatinya pada abad ke 13M tidak ada catatan tentang istilah 'Melayu' sebagai satu bangsa, yang ada hanya istilah 'Melayu' bagi merujuk pada nama satu tempat di Timur Sumatera. Hanya pada abad ke 18 baru ketara penggunaan istilah Melayu sebagai satu bangsa. Sekarang pun ukuran mutu kemelayuan di pelbagai daerah Melayu inti, selalu dibuat atas dasar kesetiaan kepada bahasa dan adat istiadat Melayu dan bukannya atas dasar keturunan darah. Orang Timur Sumatera, negeri-negeri Melayu seperti Perak, Samudra-Pasai, mereka menggunakan bahasa Jawi iaitu bahasa Melayu dan mengistilahkan diri mereka sebagai orang Jawi atau Melayu.

Perlembagaan Persekutuan ada memberi takrifan kepada perkataan Melayu. Perkara 160 menyatakan:

"Melayu ertinya seorang yang menganuti agama Islam, lazimnya bertutur bahasa Melayu dan mengamalkan adat resam Melayu dan."

.....

Perlembagaan Persekutuan mengaitkan dengan kelahiran seseorang itu di Persekutuan atau di Singapura atau ibu bapanya telah lahir di tempat-tempat tersebut. Mengikut satu pendapat takrif ini telah mengeluarkan orang-orang Melayu Patani, Indonesia, Filipina, Sri Lanka, Afrika Selatan dan lain-lain daripada menjadi orang Melayu. Begitu juga tidak termasuk dalam takrif ini orang-orang Melayu yang bukan beragama Islam. Dari segi sejarahnya orang Melayu sebelum kedatangan Islam adalah terdiri daripada orang-orang yang tidak beragama Islam. Islam bertapak hanya selepas Sultan Melaka memeluk Islam kemudian diikuti oleh rakyat baginda memeluk agama Islam. Mengikut takrif seperti dalam perlembagaan ini kebanyakan orang-orang Melayu moden mungkin juga sudah terkeluar dari takrif Melayu.

Orang Melayu sebelum negara mencapai kemerdekaan adalah ketinggalan dalam berbagai bidang termasuk pendidikan dan ekonomi. Ini dinyatakan oleh General Templer yang menjadi Pesuruhjaya Tinggi British di Malaya zaman darurat dahulu. Katanya; "Impian untuk mewujudkan sebuah negara Melayu yang bersatu tidak memerlukan pengorbanan-pengorbanan oleh mana-mana masyarakat mengenai tradisi-tradisi kebudayaan dan adat resam, tetapi sebelum dapat dicapai sepenuhnya, orang-orang Melayu hendaklah digalak dan diberikan pertolongan untuk mengambil bahagian sepenuhnya di dalam kehidupan perekonomian negara semoga perbezaan ekonomi yang tidak seimbang itu dapat diperbaiki".

Menurut Tan Sri Ghazali Shafie dalam satu ceramahnya yang disampaikan kepada pelajar-pelajar Pahang tajaan Yayasan Pahang di Shah Alam dalam bulan Jun 2001, menyatakan bahawa pihak Inggeris tidak yakin orang-orang Melayu boleh sepakat dengan kaum-kaum lain untuk bersatu membentuk kerajaan. Dalam pilihan raya yang pertama bagi Majlis Tempatan adalah satu ujian kepada perpaduan berbagai kaum yang tinggal di negara ini. Kenyataannya menunjukkan kaum-kaum di Tanah Melayu boleh bersatu padu untuk akhirnya membentuk kerajaan iaitu kerajaan 'Perikatan'.

Melayu dalam Perlembagaan

Beberapa perkara menyentuh kedudukan orang Melayu dimaktubkan dalam perlembagaan oleh Suruhanjaya Reid yang menggubal Perlembagaan Merdeka.

- i. Kedudukan raja-raja Melayu;
- ii. Takrif orang Melayu;
- iii. Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan;
- iv. Hak keistimewaan orang Melayu.

Perkara-perkara tersebut dinyatakan dengan jelas dalam perlembagaan. Semuanya ini tercapai adalah hasil rundingan dan tolak ansur antara kaum ketika negara menjelang mencapai kemerdekaan. Ini telah dinyatakan oleh bekas Perdana Menteri yang kedua Allahyarham Tun Abdul Razak. Bagi orang bukan Melayu dipersetujui diberi hak kerakyatan. Pada satu ketika orang-orang Melayu di Tanah Melayu mempunyai sijil kerakyatan negeri iaitu rakyat kepada Sultan negeri berkenaan.

Terdapat beberapa tafsiran kepada peruntukan mengenai hak keistimewaan orang Melayu dan perkara-perkara lain termasuk kedudukan Bahasa Melayu dan agama Islam yang tercatat dalam perlembagaan. Perkara 152 menyatakan bahawa Bahasa Kebangsaan ialah Bahasa Melayu bagi negara Malaysia dan hendaklah ditulis dalam apa-apa tulisan sebagaimana yang diperuntukkan. Bagaimanapun tidak ada halangan dari mengajar atau belajar apa-apa bahasa lain (lain dari maksud rasmi). Tempoh diberikan bagi penggunaan bahasa Inggeris dalam Parlimen dan Dewan Perundangan Negeri. Begitu juga mengenai penggunaan bahasa Inggeris bagi segala Rang Undang-undang atau pindaan-pindaan yang dicadangkan dalam mana-mana Majlis Parlimen dan begitu juga segala perbicaraan dalam Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi.

Mengikut peruntukan tersebut bahasa Melayu telah menjadi bahasa rasmi negara dalam tempoh 10 tahun selepas merdeka. Bagaimanapun keadaan tidak membuktikan demikian. Penggunaan bahasa kebangsaan dalam setiap urusan masih menunggu untuk dimartabat dan didaulatkan sepenuhnya. Mungkin kita perlu bertanya kepada

.....

Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka apakah Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan telah sampai tahap penggunaannya ke taraf yang semestinya. Saya masih ingat lagi turut bersama dengan sebahagian pejuang bangsa pergi ke Jalan Dato' Onn dan dihambat polis kerana isu bahasa. Selepas itu satu demonstrasi diadakan di Kolej Islam Malaya, Petaling Jaya. Pelajar Kolej Islam Malaya telah menahan En. Khir Johari (ketika itu Menteri Pelajaran) ketika melawat Kolej Islam Malaya. Akhirnya Kolej Islam ditutup seketika. Sebahagian pelajar dipanggil ke Balai Polis untuk siasatan. Berikutnya lahir pula satu kumpulan sajak diberi nama 'Keranda 152'.

Bagi menjelaskan kedudukan bahasa kebangsaan telah diadakan Akta Bahasa Kebangsaan 1967. Sungguhpun bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan, kerajaan masih memberi laluan kepada bahasa Inggeris untuk bidang penyelidikan, perdagangan, perhubungan dan perundangan. Dalam bidang perundangan rang undang-undang boleh disediakan dalam bahasa Kebangsaan. Begitu juga penggunaannya di Mahkamah, bagaimanapun pemakaiannya masih belum mutlak.

Malaysia adalah dikenali dengan susunan masyarakat majmuk atau pluralisme. Konsep ini banyak dibincangkan sejak kebelakangan ini, terutama dalam perhubungan ras atau etnik. Menurut konsep ini masyarakat majmuk ialah masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kelompok ras atau etnik berlainan yang berada di bawah satu sistem pemerintahan. Menurut Furnivall, masyarakat majmuk terdiri daripada pelbagai kaum yang mempunyai kebudayaan, agama, bahasa dan adat resam yang tersendiri. Walaupun pelbagai kaum berganding bahu di bawah sistem politik yang sama tetapi kehidupan mereka adalah berasingan, interaksi sosial kalangan mereka amat berkurangan dan hubungan mereka hanya terbatas kepada hal ekonomi. Dari segi politik pula masyarakat majmuk timbul akibat dominasi penjajah.

Di Malaysia, penduduknya terdiri daripada tiga kelompok etnik yang utama iaitu Melayu, Cina dan India. Di Sabah dan Sarawak terdapat kaum Dayak dan bumiputra lainnya. Penonjolan ras amat ketara seperti berlakunya dalam sistem pendidikan kebangsaan terdapat sekolah kebangsaan dan jenis kebangsaan, papan tanda dan iklan yang bersifat dualisme. Begitu juga persembahan kebudayaan yang beraneka bentuk termasuk di perayaan hari kebangsaan. Pemahaman

.....

kita tentang kebudayaan disempitkan oleh Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Ia tidak memberi nafas yang kuat kepada kebudayaan yang semestinya ditunjangi oleh ilmu, budi dan nilai murni yang diasaskan kepada Islam. Dikaitkan dengan Islam kerana Islam adalah agama rasmi bagi Persekutuan.

Hak Keistimewaan Melayu

Sebelum membincangkan kedudukan Islam dalam perlembagaan, seperkara yang dituntut supaya diperjelaskan ialah mengenai hak keistimewaan orang-orang Melayu. Hak keistimewaan orang-orang Melayu adalah dikenalpasti dan diakui dalam beberapa perjanjian antara kerajaan British dengan Raja-raja Melayu. Umpamanya dalam Fasal 191(d) Perjanjian Persekutuan 1948, dinyatakan iaitu Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu adalah bertanggungjawab menjaga hak keistimewaan orang-orang Melayu dan hak-hak berpatutan bagi kaum-kaum lain. Apabila Suruhanjaya Reid membuat syor supaya hak keistimewaan orang-orang Melayu dilanjutkan ke suatu tempoh yang panjang, di sini Suruhanjaya itu dengan cara tidak langsung mengakui bahawa kedudukan orang-orang Melayu dari segi ekonomi dan pelajaran adalah kurang dan rendah berbanding kaum lain. Dari itu walaupun di sisi undang-undang hak keistimewaan ini adalah satu kekecualian kepada hak asasi yang mengharamkan perbezaan tetapi dari segi moral dan hakikat ini bukanlah merupakan satu kekecualian, bahkan merupakan kesamarataan (*equality*) antara orang-orang Melayu dengan kaum lain.

Hak keistimewaan orang-orang Melayu disebut dalam Perkara 153 dan dalam beberapa Perlembagaan Negeri. Terdapat 10 fasal yang menghurai tentang hak-hak tersebut dan bagaimana kepentingan itu dipelihara. Mengikut Perkara 153, (1) Yang di Pertuan Agung adalah diberi kewajipan oleh Perlembagaan untuk memelihara kedudukan keistimewaan orang-orang Melayu. Dalam menjalankan tugas dan kuasanya di bawah perlembagaan dan Undang-undang Persekutuan maka Yang di Pertuan Agung hendaklah menjalankan tugas dan kuasa ini dengan cara yang dianggap mustahak untuk memelihara kedudukan keistimewaan orang-orang Melayu.

.....

Hak-hak keistimewaan ini ialah mewujudkan simpanan khas bagi orang-orang Melayu dan bumiputera, beberapa kuota dalam biasiswa, bantuan dan lain-lain keistimewaan pelajaran, jawatan dalam perkhidmatan awam, selain perkhidmatan awam sesuatu negeri, lesen perniagaan dan perusahaan serta tanah-tanah simpanan. Tanah Simpanan Khas ini walaupun nampaknya sebagai perbezaan antara orang-orang Melayu dan bumiputera dengan orang-orang bangsa lain, tetapi pada hakikatnya ialah suatu timbangan yang akan menyamakan taraf kedudukan orang-orang Melayu dan bumiputera dengan bangsa lain dari segi ekonomi, pelajaran dan sosial. Dengan persamaan ini, keadaan politik yang aman dan damai akan terjamin.

Untuk menolong orang Melayu yang disifatkan sebagai puak yang lemah dan belum maju, Akta RIDA 1953 dan Akta MARA 1966 diadakan dengan demikian satu perbadanan dinamakan MARA (Majlis Amanah Rakyat) ditubuhkan. Di sini, kerajaan terpaksa menceburi dalam lapangan perusahaan untuk menolong puak-puak yang lemah ini. Jika tidak, selama-lamanya puak itu akan lemah dan bertambah mundur lagi. Usaha kerajaan dalam lapangan ini adalah penuh dengan kejayaan. Selain itu, kerajaan telah memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru bagi membela nasib orang-orang Melayu dan bumiputera. Bagaimanapun hasrat kerajaan untuk menaikkan taraf ekonomi dan pendidikan orang Melayu supaya mengimbangi kaum-kaum lain masih belum tercapai sepenuhnya.

Mutakhir ini, hasil daripada sikap negatif yang ditunjukkan oleh segolongan pelajar Melayu di pusat-pusat pengajian tinggi Awam (IPTA) maka telah timbul isu meritokrasi untuk kemasukan ke IPTA. Isu ini telah dibawa YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri. Berbagai pihak telah memberikan pendapat. Yang penting pelajar-pelajar Melayu perlu menyedari bahawa tanpa pelaksanaan dasar kuota oleh kerajaan untuk membela nasib dan memartabatkan orang Melayu dalam berbagai bidang termasuk pendidikan, orang-orang Melayu tidak akan sama sekali berada dalam keadaan selesa seperti sekarang ini. Tiada siapa boleh menyangkal. Ia adalah satu kenyataan yang terserlah di hadapan kita. Malangnya ada segolongan kita tidak mensyukuri dengan hak keistimewaan tersebut sehingga tidak memberi tumpuan sepenuhnya kepada hasrat kerajaan untuk melahirkan usahawan yang berjaya dan pelajar yang menguasai segala

.....

bidang setanding dengan kaum-kaum lain. Sememangnyaalah Melayu mudah lupa pada dirinya. Leka dengan kesenangan, lupa kepada sejarah perjuangan. Bahkan ada orang yang menolak semangat Melayu atau berjuang atas nama Melayu kerana perkataan Melayu tidak ada dalam Al-Quran.

Kita perlu ingat tiada sesuatu di dunia ini kekal, semuanya bersifat sementara termasuk hak keistimewaan orang-orang Melayu. Jika kita abaikan seperti juga kita abaikan sebuah tasik ia akan berubah bentuk dan sifatnya. Begitu juga dengan dasar yang kita buat. Oleh demikian, mereka yang leka dan lupa mesti disedarkan dan diberi nafas baru.

Islam

Dalam Perlembagaan menjelaskan ciri-ciri orang Melayu di antaranya ialah beragama Islam. Dalam Perlembagaan Perkara 3(1) menjelaskan bahawa Islam adalah agama bagi Persekutuan. Bagaimanapun tiada takrif Islam diberikan. Islam boleh difahamkan sebagai agama atau pegangan kepercayaan bagi orang Melayu di rantau ini khususnya Malaysia. Banyak huraian telah diberikan kepada pengertian Islam. Hari ini Islam ditakrifkan sebagai satu cara hidup. Ia merangkumi seluruh kehidupan manusia termasuk aspek kerohanian, kemasyarakatan, ekonomi, undang-undang, kekeluargaan dan sebagainya. Ada orang memahami Islam sebagai agama sepertimana mereka memahami agama-agama lain. Justeru meletakkan tuntutan agama hanya dalam perkara spiritual dan bersifat peribadi semata-mata. Ini adalah fahaman yang keliru tentang takrifan agama Islam.

Di Malaysia Islam telah dikenali sejak tahun 1303M iaitu tarikh Batu Bersurat yang dijumpai di Ulu Terengganu pada tahun 1899. Ia menjelaskan tentang sebahagian dari undang-undang jenayah Islam. Keadaan Islam lebih jelas penerimaannya oleh Sultan Melaka dengan gelaran Sultan Iskandar Shah, dahulunya Parameswara. Sejak penubuhan kesultanan Melayu Melaka kemudian disusuli oleh kerajaan Melayu selepas kejatuhan Melaka, berpanjangleh kerajaan Melayu-Islam di Tanah Melayu sehingga kedatangan Inggeris. Dengan kedatangan Inggeris telah mengurangi kekuasaan raja Melayu. Namun soal yang berkaitan dengan agama Islam dan adat masih secara tertulis dipelihara dan tidak diganggu oleh pihak berkuasa Inggeris. Apabila

.....

negara mencapai kemerdekaan kedudukan agama Islam diberi pengiktirafan sewajarnya. Ia termaktub dalam Perlembagaan negara dan negeri. Walaupun asas negara moden sekarang adalah memisahkan agama dari politik tetapi dalam kebanyakan perlembagaan raja yang memerintah mestilah orang yang beragama tertentu dan di negara kita yang beragama Islam. Di United Kingdom rajanya beragama Kristian, di Thailand rajanya beragama Buddha. Yang demikian agama ada kaitannya dengan politik.

Menurut pendapat Hakim Abdul Malik (seorang ahli Suruhanjaya Reid), peruntukan seperti itu tidak akan mendatangkan mudarat, jika peruntukan itu mempunyai beberapa perlindungan. Lagipun beberapa buah negara di dunia ini mempunyai peruntukan sedemikian dan jika peruntukan seperti itu tidak menjadi mudarat, maka tidak ada apa-apa halangan jika agama Islam diisytiharkan dalam perlembagaan sebagai agama rasmi.

Sebelum termaktubnya Perlembagaan Persekutuan, beberapa negeri Melayu seperti Johor dan Terengganu telah mempunyai perlembagaan masing-masing iaitu Johor pada tahun 1895 dan Terengganu 1911. Kedudukan Islam adalah jelas sebagai agama rasmi negeri-negeri berkenaan. Ini membuktikan bahawa Islam telahpun menjadi agama negeri-negeri di Tanah Melayu sebelum negara mencapai kemerdekaan lagi. Oleh demikian perkara agama dalam perlembagaan sama sekali tidak boleh dijadikan isu seperti mana status Bahasa Melayu dipersoalkan.

Dengan adanya Perkara 3(2) telah memperkukuhkan kedudukan raja-raja Melayu sebagai ketua agama Islam di negeri masing-masing dan Yang di Pertuan Agong sebagai Ketua Agama Islam bagi negeri Melaka, Pulau Pinang, Sarawak dan Sabah seperti dalam Perkara 3(3) dan bagi Wilayah-wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan dalam Perkara 3(5). Seperti juga perkara yang menyentuh hak keistimewaan orang-orang Melayu, peruntukan mengenai Islam sebagai agama Persekutuan dimaktub dalam perlembagaan adalah diasaskan kepada rundingan dan persetujuan pelbagai kaum yang membentuk kerajaan pada ketika negara mencapai kemerdekaan. Ia sama sekali tidak boleh diungkit dan dipersoalkan. Apa yang orang bukan Melayu mahu mereka telah memperolehinya dan apa yang

.....

orang Melayu dapat perlu dikekalkan bahkan ia adalah asas kepada kemerdekaan negara.

Peruntukan 3(1) juga telah memberi kebebasan kepada penganut agama lain menganut agama-agama mereka dengan aman dan damai. Seterusnya Perkara 11(1) memberi jaminan kebebasan beragama iaitu hak menganut dan mengamalkan agama dan tertakluk kepada fasal (4) mengamalkan agamanya. Fasal ini memberi perlindungan kepada orang Islam daripada penyebaran agama bukan Islam ditujukan kepada mereka. Dengan berlakunya peristiwa murtad di kalangan orang Melayu menunjukkan semangat yang ada pada peruntukan tersebut telah tidak dihormati sepenuhnya. Mahkamah Sivil telah membuat keputusan-keputusan menentukan bidang kuasa Mahkamah dalam kes tersebut. Ada hakim yang berpendapat orang yang hendak keluar dari agama Islam adalah tertakluk kepada Perkara 160 yang tidak memisahkan antara Melayu dan Islam. Memberi erti orang yang hendak meninggalkan agama Islam hendaklah dipisahkan bersama 'Melayunya' atau orang Melayu sama sekali tidak boleh meninggalkan dirinya dari agama Islam.¹⁶

Terdapat beberapa huraian tentang peruntukan Perkara 3(1) ini dan beberapa peruntukan lain yang menyentuhnya dalam perlembagaan. Pendapat hakim-hakim seperti Tun Muhamad Sufian dan Tun Salleh Abbas dan beberapa sarjana Perlembagaan seperti L.A Sheridan dan H.E Grove berpendapat peruntukan tersebut adalah untuk tujuan upacara dan bukan menjadikan negara ini sebagai negara Islam. Berdasar kepada beberapa keputusan Mahkamah Perkara 3(1) tidak mempunyai kesan dari segi perundangan. Ia tidak boleh ditafsirkan bagi maksud memperluas pemakaian undang-undang Islam.

Pandangan sedemikian telah disanggah oleh beberapa tokoh perundangan tempatan seperti Allahyarham Prof. Tan Sri Datuk Ahmad Mohamed Ibrahim, bekas Hakim Besar Malaya, Allahyarham Dato' Hashim Yeop Sani dan ramai lagi. Dalam mengulas sebuah kes Allahyarham Prof. Ahmad Ibrahim menyatakan bahawa:

"keadaan perlembagaan itu yang telah mewujudkan sebuah negara yang merdeka dan bebas daripada pengaruh penjajah, akan tetapi menurut sahaja tafsiran yang telah terpakai dalam masa penjajahan itu"

.....

Perkataan sekular memang disebut dalam Laporan Reid, tetapi ia tidak termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Berlainan dengan Perlembagaan Turkey yang secara jelas menyatakan ia negara sekular. Perkara 2 Perlembagaan negara itu menyatakan :

"The Republic of Turkey is a democratic, secular and ..."

Dalam Preamble menyatakan:

"The sacred tenets of religion shall in no way be involved in the affairs of the State and in politics"

Menurut beberapa orang penganalisis dan pakar undang-undang perlembagaan, sungguhpun Malaysia bukan Negara Islam, tetapi di dalamnya terdapat beberapa ciri Islam. Ini diakui oleh Prof. Wu Min Aun apabila menyatakan:

"Malaysia is not an Islamic State but a secular state with Islamic characteristics and bias"

Oleh itu Malaysia disebut dalam buku *Constitutional Law in Malaysia* and Singapore sebagai mempunyai '*confessional constitution*' yang berbeza dengan '*secular constitution*' oleh kerana dalam perlembagaan sekular negara mengambil pendirian berkecuali berhubung dengan agama. Dalam Perlembagaan Malaysia negara dan negeri-negeri dibenarkan untuk turut terlibat secara langsung dalam hal ehwal yang berkaitan dengan Islam dan diberi kuasa untuk menubuh dan membiayai institusi-institusi Islam dan pengajaran atau pendidikan Islam dari peruntukan kerajaan serta seterusnya meluluskan undang-undang yang berkaitan. Wang kerajaan juga adalah sah digunakan untuk tujuan pentadbiran agama dan undang-undang Islam.

Dari aspek sejarah negeri-negeri Tanah Melayu adalah diperintah oleh raja-raja Melayu yang beragama Islam dan menjalankan hukum-hukum Islam. Manuskrip seperti *Hukum Kanun Melaka* dan *Undang-undang Pahang* memberi gambaran demikian. Ini meletakkan Tanah Melayu sebagai negara Islam. Setelah itu Tanah Melayu dikuasai penjajah, Undang-undang Islam masih diiktiraf. Dalam tempoh

.....

tersebut orang-orang Islam masih mengamalkan tuntutan hukum Islam dengan melaksanakan rukun Islam yang lima dan diberikan kebebasan melakukannya. Pendapat ulama menyatakan bahawa negara Islam yang kemudiannya dikuasai oleh kuasa asing atau dijajah dan orang Islam bebas melakukan tuntutan agama, kemudian kekuasaan kembali ke tangan orang Islam, tempoh gangguan tersebut tidak menukarkan taraf kepada negara 'kafir'. Apabila dikuasai semula oleh orang Islam statusnya kekal sebagai sebuah negara Islam.

Konsep Nasionalisme

Perasaan cinta kepada bangsa dan negara atau nasionalisme tidak dapat dipisahkan dari bangsa itu sendiri. Bahkan cinta kepada 'watan' itu sebahagian dari 'iman'. Nabi cinta kepada bahasa Arab kerana ia adalah bahasa Al-Quran dan bahasa dalam syurga. Jelas bahawa ada faktor menyebabkan seseorang itu cinta kepada bangsa dan tanah airnya. Etimologis mengatakan nasionalisme berasal dari bahasa latin yang bererti bangsa yang dipersatukan melalui kelahiran. Mengikut Leon Baradat, nasionalisme adalah satu idea politik yang paling berpengaruh. Ia merupakan semangat atau tanggungjawab kepada negara melibatkan ketaatan dan pengorbanan. Ia juga merupakan satu fahaman yang berpendapat bahawa kesetiaan tertinggi setiap individu haruslah diserahkan kepada negara.

Dalam *Encyclopedia of Politic* mengatakan nasionalisme ialah sebagai sesuatu sentimen kepuakan yang didasarkan atas ciri-ciri bangsa, terutamanya bahasa dan kebudayaan dengan kecenderungan menekankan perbezaan-perbezaan di antara satu bangsa dengan satu bangsa yang lain dan sebagai perlakuan membesar-besarkan sentimen tersebut. Sentimen ini sudah sedia ada sejak zaman dahulu, sejak zaman tamadun Greek-Rom dan lain-lain tamadun dunia. Nasionalisme moden hanya bermula kira-kira dalam abad ke-18.

Menurut pendapat Prof. Hertz Nasionalisme mempunyai empat ciri-ciri iaitu:

- i. Perjuangan untuk mewujudkan persatuan nasional meliputi bidang politik, ekonomi, sosial, keagamaan, kebudayaan dan persekutuan disertai dengan kesatuan;

-
- ii. Persatuan untuk mewujudkan kebebasan nasional meliputi kebebasan dari penguasaan asing atau campur tangan dunia luar dan kebebasan daripada kekuatan-kekuatan internal yang tidak bersifat nasional atau hendak mengetepikan bangsa dan negara;
 - iii. Perjuangan untuk mewujudkan kesendirian perbezaan, individualis, keaslian atau keistimewaan;
 - iv. Perjuangan untuk mewujudkan perbezaan antara bangsa-bangsa yang meliputi perjuangan untuk memperolehi kehormatan, kewibawaan dan pengaruh;

Menurut Rousseau, cinta dan patriotism adalah suatu nilai nasionalisme. Sejarah membuktikan nasionalisme telah berjaya untuk membentuk perpaduan, menyatukan perasaan rakyat terutama apabila dijajah, melahirkan sikap benci kepada penjajahan atau kuasa asing. Semangat ini jelas berlaku dalam sejarah negara kita khususnya dan berlaku di negara-negara Asia Tenggara lain. Jelas bahawa sejak perang Dunia Kedua, dalam abad ke 20, nasionalisme menjadi faktor utama penentangan terhadap penjajahan kerana dengannya dapat mencetuskan semangat kesedaran untuk bersatu dan keinginan yang kuat untuk mendapat kebebasan berpolitik dan akhirnya mewujudkan negara merdeka. Kemerdekaan fizikal, mental dan spiritual.

Ada pendapat menyatakan 'penjajahan' juga sejenis nasionalisme tetapi ia adalah fahaman nasionalisme yang tidak berperikemanusiaan.¹⁵ Bagaimanapun fahaman nasionalisme tidak boleh dilakukan secara keterlaluan atau ekstrim kerana ia boleh mendatangkan kesan negatif kepada negara. Dari segi politik boleh menyebabkan pertumpahan darah dan dari segi ekonomi boleh menjejaskan perkembangan kemajuan negara. Nasionalisme hendaklah diasaskan kepada sikap yang rasional dan cinta kepada keamanan. Penggunaan nasionalisme tanpa keganasan adalah suatu pendekatan yang amat bijaksana dan selamat. Negara kita mencapai kemerdekaan dengan mengambil pendekatan ini.

Dapat disimpulkan bahawa faktor nasionalisme atau kebangsaan ialah di antaranya keturunan atau bangsa, tanah air dan agama. Telah banyak

.....

ditulis tentang nasionalisme Melayu. Dunia Melayu adalah luas dan di luar skop untuk dibincangkan, justeru di fokus kepada tanah air kita Malaysia dan lebih khusus Semenanjung Tanah Melayu. Terdapat beberapa faktor yang mendorong kepada nasionalisme Melayu di antaranya membebaskan rantau ini dari penjajahan, menyatukan dunia Melayu sebagai negara yang merdeka, memperbaiki kesilapan atau kerosakan yang dilakukan kepada orang Melayu dengan mengadakan peluang yang sama dalam bidang perdagangan dan perjuangan.

Menurut Ghazali Shafie bendera UMNO yang ada sekarang dipengaruhi oleh bendera Indonesia dengan ubahsuai mengadakan lambang wujudnya Raja dan agama Islam. Di bawah perjuangan UMNO yang dipimpin oleh Allahyarham Tunku Abdul Rahman telah membuat satu perubahan iaitu menerima kewujudan bukan Melayu dan bekerjasama menuntut kemerdekaan. Mengadakan persetujuan menerima bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan Islam sebagai agama rasmi negara dan penganut agama lain bebas mengambil agama mereka.

Keadaan orang Melayu di zaman penjajahan dikenali dengan kemunduran dan kurang pendidikan tinggi. Peluang untuk belajar seperti ke Kolej Melayu Kuala Kangsar hanya diberikan kepada golongan tertentu tidak seperti hari ini, tidak ada dasar untuk membantu dan mempertingkatkan ekonomi orang Melayu. Pentadbiran negara dikuasai oleh penjajah. Keadaan dan masa telah memberi kesedaran kepada orang Melayu supaya bebas dari belenggu penjajah iaitu merdeka. Untuk mencapai kemerdekaan tiada jalan mudah, kecuali dengan cara yang bijaksana atau 'nikmah' iaitu perundingan. Semangat perundingan atau musyawarah adalah dituntut oleh Islam. Baginda Rasulullah s.a.w membentuk negara Madinah dengan perundingan atau *social contract*.

Nasionalisme yang timbul di Tanah Melayu di peringkat awalan didorong oleh beberapa faktor seperti yang dibincangkan di atas seperti kebencian kepada penjajah, cinta kepada tanah air dan hasrat untuk membela nasib negara. Ciri-ciri tersebut tidak sama sekali bertentangan dengan roh Islam. Semangat nasionalisme yang ada pada Bangsa Melayu bukanlah termasuk dalam erti *Asabiyah Jahiliyyah* dan tidak juga sama dengan nasionalisme yang berlaku di dunia Barat

.....

kerana nasionalisme tersebut tidak bertapak kepada ajaran Islam. Adalah suatu tabii bagi setiap bangsa atau kelompok mengasihi bangsa atau puaknya. Mengajak puak-puak ini bekerjasama dan bersatu padu. Kerjasama dan perpaduan dituntut oleh Islam. Firman Allah s.w.t dalam surah al-Hujurat ayat 13 yang bermaksud;

“Wahai manusia Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan dan Kami menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan berpuak-puak supaya kamu kenal mengenali”

Dari mana datangnya semangat yang menyebabkan pejuang-pejuang kebangsaan yang silam begitu yakin dengan perjuangan mereka, kalau tidak kerana pandangan hidup (*world view*) Islam mereka. Oleh kerana pandangan hidup Islam yang menyeluruh ini telah memberikan keyakinan kepada mereka untuk terus berjuang dan berkorban untuk membebaskan tanah air dari belenggu penjajahan.


Sifat untuk menjaga maruah bangsa dan kedaulatan negara adalah dituntut oleh Islam, bahkan ia adalah di antara tujuan syarak atau *makasid al-Syariah*. Perkara yang ditegah oleh Islam adalah sikap 'melampau' dan 'fanatik' sehingga melakukan kezaliman dan penganiyaan kepada kaum atau bangsa yang lain. Dalam piagam Madinah semangat nasionalisme dikekalkan.


Penutup

Adalah menjadi tanggungjawab setiap individu dan rakyat untuk mempertahankan negara dan tidak boleh sama sekali berlaku khianat kepada negara. Selagi semangat nasionalisme itu berpijak di atas dasar-dasar Islam dengan membawa rasa kemanusiaan menyeru kepada perpaduan, menghapuskan kemiskinan dan menegakkan keadilan, selama itulah ia dibenarkan, bahkan ia adalah semangat nasionalisme yang positif dan digalakkan.

Apabila negara mencapai kemerdekaan pejuang nasionalisme telah meletakkan Islam sebagai syiar negara dan mewujudkan infrastruktur-infrastruktur Islam seperti Bank Islam, Universiti Islam, Insuran Islam. Sekuriti berteraskan Islam, pendidikan Islam dari peringkat bawahan

hingga ke peringkat universiti. Ini membuktikan nasionalisme Melayu berteraskan Islam. Keyakinan ini perlu disemaikan ke dalam jiwa orang Melayu khususnya generasi muda yang hampir terpadam semangat nasionalismenya. Sejarah perjuangan bangsa Melayu perlu dipelajari oleh generasi muda semoga dapat mencetuskan semangat cinta kepada tanah air dan menghargai kemerdekaan negara.





*Erti kemerdekaan: Cabaran dan
halangan di kalangan generasi masa
kini dan akan datang*

Erti kemerdekaan – cabaran dan halangan di kalangan generasi masa kini dan akan datang

Oleh : Idris Md Nor

Pengarah Penyelidikan

Biro Tatanegara, Jabatan Perdana Menteri

Pendahuluan

Tujuan penulisan kertas kerja ini adalah untuk mendedahkan kepada pembaca dengan aspek teori dan konsep berkaitan dengan kemerdekaan, jati diri dan patriotisme.

Kemerdekaan

Definisi - Kemerdekaan bermaksud "kebebasan". Kebebasan ini dimaksudkan kepada seseorang individu atau sesebuah negara yang tidak terjajah oleh orang lain atau negara lain, dan mempunyai kedaulatan dan ketuanan. Kedaulatan dan ketuanan di sini mengikut Al-Maududi dalam Kalim Siddiqui sebagai:

"... pertuanan mutlak dan kekuasaan tertinggi yang pasrah. Segala perkataan dan perintahnya adalah undang-undang yang tidak boleh dipertikaikan, wajib ditaati sama ada secara rela atau paksa. Tiada kuasa lain yang dapat membatasi had kekuasaan memerintahnya kecuali atas kehendak sendiri."

Kebebasan juga boleh ditujukan kepada aspek-aspek ekonomi, politik dan sosial sesebuah negara. Negara yang merdeka tidak boleh mempunyai pergantungan ekonomi, politik dan sosial yang amat kuat daripada orang lain sehingga menyebabkan segala dasar dan keputusan hal-ehwal negaranya ditentukan atau dipandu oleh orang lain.

"Merdeka" atau "memerdekakan" atau "kemerdekaan" adalah merupakan kata nama terbitan yang bermaksud "bebas" (daripada penjajahan, naungan dan lain-lain), "lepas" (daripada tebusan, tuntutan), "berdiri sendiri", "tidak bergantung pada orang lain". Kata "*independence*" bermaksud keadaan bebas merdeka daripada dijajah atau dikawal oleh pihak lain atau dipengaruhi oleh pihak lain.

.....

Istilah kemerdekaan disebut di dalam bahasa Arab sebagai "istiqlal" yang bermaksud kemerdekaan dan berdaulat. Sekiranya kita teliti pula kata perbuatan "istaqalla" ia bolehlah dirujuk sebagai mengangkat, meninggi, menjaya dan meneruskan sesuatu (Rujuk buku "al-Fara'id ad-Durriyyah" dalam huraian tentang kata "istaqalla"). Kata dasar istilah istiqlal dan istiqalla ialah "al-itq" yang mengandungi maksud "bebas merdeka" seperti bebas merdeka seorang hamba sahaya daripada perhambaan. Maksud ini merangkumi maksud keindahan, keutamaan, kecemerlangan, kebebasan. Kalau ada sifat al-atiq maknanya lama, cemerlang, mulia.

Istilah kemerdekaan juga mempunyai perkaitan dengan kata-kata "ahrar" memaksudkan bebas merdeka, pemurah, bahagian yang terpilih, murni, tidak bercampur. Kata "harurah", "hurriyyah" dan "haruriyyah" terkandung di dalamnya maksud kebebasan (lawan perhambaan), dan bebas dari hawa nafsu yang jahat. Maka maksudnya nampaknya bermula dengan kebebasan yang boleh difahamkan dalam hubungan dengan kedudukan politik, ekonomi, ketenteraan, budaya dan nilai-nilai. Kemerdekaan yang sebenarnya ialah kebebasan untuk menentukan jatidiri dari segi politik, ekonomi, budaya, termasuk nilai-nilai; dan bagi warga negara Islam segala nilai-nilai universal ini perlu dimasukkan bersama dengan nilai-nilai ajaran Islam.

Analogi

Konsep kemerdekaan adalah istilah yang diterima pakai oleh hampir kesemua makhluk ciptaan Tuhan. Bagi makhluk bukan manusia, kemerdekaan boleh ditafsirkan sebagai pelepasan atau kebebasan daripada kebergantungan dengan makhluk yang lain. Kemerdekaan boleh dilihat sebagai satu fitrah semulajadi atau/dan sebagai satu usaha memperolehi sesuatu yang dikehendaki. Contoh, bagi sebatang pokok kecil atau renek yang hidup di tengah-tengah pokok-pokok besar yang lain akan cuba menyejatkan pembesarannya agar dapat menerima cahaya matahari untuk proses fotosintesisnya bagi dirinya dan keturunannya. Bagi sekumpulan ikan di laut pula, bergerak sebagai satu kumpulan adalah satu kaedah untuk mempertahankan kemerdekaannya daripada makhluk pemangsa melalui teknik pengeliruan. Kedua-dua contoh ini adalah kemerdekaan secara fitrah atau semulajadi. Manakala bagi contoh kemerdekaan sebagai satu

.....

usaha memperoleh sesuatu pula boleh diteliti dari seekor anak burung yang baru menetas yang kemudiannya belajar terbang dengan dipandu oleh ibunya. Walaupun jatuh berkali-kali anak burung itu akan terus mencuba dan akhirnya satu masa nanti dia akan berjaya untuk hidup bersendirian. Begitu juga dengan seekor arnab yang dikurung di dalam kawasan berpagar akan cuba untuk keluar dari kawasan kurungan itu melalui usaha mengorek lubang bagi melepaskannya. Usaha ini akan diteruskan oleh arnab ini walaupun kadang-kadang ia sendiri tahu keadaan di luar kurungan itu belum tentu menjamin keselamatannya sendiri.

Fasa Warga Merdeka

Bagi makhluk manusia pula tafsiran kemerdekaan terus diterima pakai secara konsisten oleh majoriti manusia merentasi tempoh masa, kelompok atau etnik, ketamadunan, empayar dan budaya. Kemerdekaan atau kebebasan mempunyai fasa dan peringkat tertentu. Fasa awal biasanya melibatkan kebebasan daripada penaklukan atau penjajahan politik atau persempadanan negara daripada bangsa lain. Kebiasaannya pembebasan diri pada peringkat ini adalah melalui revolusi atau penentangan terang-terangan dalam bentuk pertempuran bersenjata. Manakala pembebasan diri cara kedua pula melibatkan rundingan atau mesyuarat di antara negara atau bangsa yang dijajah dengan penjajah. Pembebasan cara ketiga pada peringkat awal ini juga melalui evolusi dalaman di mana manusia sebagai rakyat dalam sebuah negara akan ditarbiahkan melalui kaedah perang saraf dan lantas bergerak dalam bentuk kelompok besar menjatuhkan penjajah.

Fasa kedua kemerdekaan pula melibatkan proses pembebasan bangsa dan negara daripada kongkongan ekonomi dan sosial mengikut kerangka yang dipelopori oleh bekas penjajahnya terdahulu. Pada peringkat ini proses pembebasan mempunyai pelbagai cara. Cara yang biasa digunakan ialah menggunakan kerangka ekonomi dan sosial bekas penjajah tetapi mengubahsuai mengikut kesesuaian negara dan rakyat. Cara kedua pula mungkin melibatkan cara tempatan secara mutlak dan menolak secara total sistem bekas penjajah dan akibatnya ia menjadi sebuah entiti negara tertutup atau berasingan. Ada negara yang menggunakan kaedah ketiga iaitu melalui cara ubah haluan kerangka sosial dan ekonomi kepada kiblat kelompok negara gergasi lain atau menggunakan unsur keagamaan.

.....

Fasa ketiga kemerdekaan melibatkan tumpuan kepada pembangunan infrastruktur negara dan pembangunan rakyatnya mengikut *blue-print* yang telah dipersetujui. Fasa ini lebih bersifat pengembalian semula kemudahan ekonomi dan sosial kepada majoriti rakyat sesebuah negara dan biasanya melibatkan perancangan ekonomi makro dan mikro dan pengurusan sumber manusia yang berskala besar. Pada peringkat ini kadang-kadang ada kecenderungan berlakunya penjajahan atau neo-kolonialisme bentuk baru. Kolonialisme bentuk baru ini lebih bersifat pertempuran ekonomi dan sosial dan kemudiannya diikuti oleh perlawanan politik. Ada kalanya kita tidak dapat membezakan sama ada ia adalah penjajahan semula atau sekadar perlumbaan dalam sektor ekonomi dan sosial sahaja. Pendidikan menjadi perkara pokok dalam fasa ini.

Fasa keempat kemerdekaan melibatkan usaha untuk mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan negara. Kedaulatan negara bererti sesuatu bangsa itu mempunyai hak dan kuasa memerintah mengikut kerangkanya yang tersendiri sama ada ala demokratik, sosialis atau campuran kuasa kedua-duanya. Usaha mempertahankan kemerdekaan ada kalanya lebih sukar dari pertempuran sewaktu hendak mencapai kemerdekaan. Kesukaran untuk mempertahankan kemerdekaan negara berlaku kerana pada waktu ini biasanya sesebuah negara itu telah hampir mencapai matang politik, ekonomi dan sosialnya. Kematangan ini menyebabkan warga negara beranggapan suasana negara adalah selamat dan selesa. Biasanya pada fasa keempat ini generasi warga negara yang menjadi dominan disebut sebagai generasi X atau generasi ketiga. Generasi ketiga ini melibatkan satu generasi sering disebut oleh ramai pakar antropologi dan psikologi sebagai berkonflik dan hilang hala tuju. Fasa ini ada kalanya melahirkan kekeliruan ekonomi, sosial dan politik dan sekiranya tidak diawasi dengan baik, penjajahan semula yang lebih dasyat akan berlaku dan akhirnya sesebuah negara mungkin terpaksa sekali lagi berada pada fasa kemerdekaan awal seperti telah disebutkan di atas.

Slogan, motto dan manifesto adalah merupakan agen pencetus kepada apa-apa juga gerakan sama ada bagi tujuan kemerdekaan atau propaganda tertentu. Contoh, "Hidup Melayu" menjadi slogan kepada Parti UMNO sewaktu penentangan terhadap Malayan Union yang digagaskan oleh British; "Kembali kepada Islam" adalah motto bagi

.....

PAS; "Ganyang Malaysia" digunakan oleh Indonesia sewaktu penubuhan Persekutuan Malaysia; "*Malaysian Malaysia*" menjadi asas kepada DAP dan begitulah seterusnya. Begitu juga bagi negara Amerika sewaktu hampir kemerdekaan, misalnya, menyebut tentang prinsip-prinsip yang diperjuangkan ialah persamaan semua manusia, dengan hak-hak kehidupan, kebebasan, usaha mencari kebahagiaan; mengadakan kerajaan yang menjayakan apa yang mereka cita-citakan; diikuti dengan sebutan aspek-aspek penindasan yang dikenakan ke atas mereka oleh Kerajaan British waktu itu.

Bagi kita, kemerdekaan kita yang tercapai dalam tahun 1957 selepas dijajah semenjak 1511 oleh Portugis, Belanda, Jepun dan British merupakan perjuangan yang mengorbankan nyawa dan harta yang tidak dapat dinilai. Sejarah negara kita telah menunjukkan perjuangan menentang penjajah tidak pernah henti-henti di segenap pelusuk negara sehinggalah kita mencapai kemerdekaan sepenuhnya pada tarikh 31 Ogos 1957. Pengorbanan patriot dan pejuang-pejuang ini adalah ramai dan majoriti daripadanya tidak dicatatkan nama mereka. Kronologi sejarah kemerdekaan negara begitu lama dan ianya menjadi teks buku-buku sejarah di sekolah-sekolah negara kita dan dipelajari oleh semua keturunan kita di masa kini dan di masa depan.

Kemerdekaan daripada penjajahan British itu menjadikan kita bangsa yang merdeka dan berdaulat. Kita mempunyai kebebasan untuk menyusun hidup kita dan menentukan nasib dan halatuju kita sendiri dalam sejarah dunia. Kita tidak lagi dijajah dari segi politik, ketenteraan dan ekonomi dan budaya secara yang boleh diperhatikan dengan pandangan mata kepala kita.

Epistemologi

Ini perlu kita fahamkan dengan jelas dan nyata supaya kemerdekaan ini terus terkawal dengan cara yang membolehkan kita hidup mengikut cara kita sendiri. Kemerdekaan boleh dilihat dari sudut manifestasi budaya atau peradaban, *world-view*, ilmu atau epistemologi dan nilai atau aksiologi. Ini yang mesti dipertahankan kalau dilihat dari perspektif orang Melayu yang merupakan penduduk majoriti di negara ini. Perspektif ini perlu mengambil kira kebebasan orang lain untuk mengamalkan agama dan kepercayaan masing-masing dalam konteks

.....

kehidupan yang ditentukan bersama dalam negara ini dengan kebebasan mereka yang terjamin dalam Perlembagaan Persekutuan, 1948.

Manakala memahami ilmu atau apistemologi merupakan asas kita dalam hubungan dengan ilmu atau cara kita mengetahui-*mode of knowing*. Di dalamnya kita mendapat panduan tentang persoalan-persoalan apa itu ilmu? Apakah punca-punca ilmu bagi kita? Wahyu? Kenabian? Pancaindera? Pengamatan akal? Penyelidikan? Pengamatan dalam makmal dan alam tabi'i? Penggunaan alat-alat elektronik zaman ini? Komputer? Akidah Sunni kita? Pemikiran Modernisma? Pascamodenisma? Sains dan teknologi yang diperlukan? Yang positif dan serasi dengan faham ilmu kita teruskan dan perjuangkan, manakala faham-faham yang menghancurkan faham ilmu kita seperti aspek-aspek falsafah pascamodenisma yang negatif perlu ditolak. Dalam soal sains dan teknologi termasuk ICT seelok-eloknya kita perlu memilih perkara-perkara yang baik semata-mata dan ianya biarlah dilakukan bersama-sama dengan warga bukan Melayu. Pemikiran-pemikiran yang berlandaskan epistemologi moden yang merosakkan ketamadunan bangsa kita eloklah diletakkan di luar daripada lingkungan kehidupan kita.

Dalam soal aksiologi atau nilai, kita perlu mempunyai panduan dalam menghadapi soalan-soalan: Apakah itu nilai? Apakah itu kebaikan? Keburukan? Apa punca-puncanya? Wahyu? Kenabian? Pengalaman manusia? Penyelidikan yang rapi tentang kehidupan? Pemikiran yang rasional? Semuanya mempunyai kedudukannya masing-masing dengan sewajarnya. Bagaimana hendak membentuk kebaikan dalam peribadi manusia? Keluarga? Masyarakat dan negara? Apakah faktor-faktor perubahan manusiawi? (*factors of human change?*) Nilai-nilai murni sarwajagat? Di mana nilai-nilai Islam dan Melayu di dalamnya? Nilai-nilai etika dan moral timur? Nilai-nilai Asia Selatan? Nilai Kristian? Di manakah pertemuan-pertemuannya? Ini yang membangunkan kita dalam bidang untuk memahami tentang nilai yang mesti kita pertahankan dalam menghadapi serangan faham nilai nisbi pemikiran moden dan pascamodenisma. Ini paksi nilai-nilai generasi merdeka kita yang perlu kita realisasikan demi menjaga keutuhan peribadi manusia dan keluarga serta masyarakat kita dalam dunia "tanpa sempadan" ini. Penjagaan yang rapi ini perlu menjadi

.....

tanggungjawab kita semua iaitu pemerintah, rakyat, ulamak, ahli akademik, pendidik dan semua warga.

Dalam siasah kita membina kehidupan yang berasaskan takrifan "pentadbiran dan pemerintahan berdasarkan kepada kebijaksanaan", dari Tuhan dan nabi dan mereka yang sebenarnya bijaksana; terletak daripada siasah yang ditakrif oleh Bismarck "*the art of the possible*" atau kesenian serba mungkin. Dalam bidang pendidikan pula kita wajib meneruskan identiti pendidikan berasaskan falsafah pendidikan negara dengan mengambil manfaat semaksimum mungkin dalam teknologi dan maklumat serta hasil penyelidikan yang berguna dan yang terkini.

Cabaran

Bijak pandai menyebut "Untuk mengetahui apakah corak ketamadunan negara di masa depan, lihatlah tingkah laku generasi belia yang ada pada hari ini". Golongan belia adalah aset utama negara sekiranya kemerdekaan negara hendak dikekalkan dan dihayati. Belia yang cemerlang adalah belia mempunyai ketaatan kepada agamanya, kesetiaan kepada negaranya, berupaya mempertahankan adat resam budaya turun temurun dan berkemampuan menjadi sendi kepada perjuangan generasi terdahulu. Belia yang berkualiti adalah belia yang mampu berfikir dan belia yang mempunyai kecemerlangan ilmu yang tinggi demi mengangkat martabat bangsa di mata dunia (perlu dibincangkan-data statistik akan dibentangkan). Pembentukan belia terkemuka ialah mereka yang tidak terpengaruh dengan budaya huburan yang melampau (*excessive entertainment culture*), budaya memuja-muja orang yang popular atau ketaksuban (*celebrity cult*) dan budaya mengejar-ngejar jenama dalam kepenggunaan untuk menunjukkan kemewahan hidup sebagai matlamat (*conspicuous consumerism*).

Jati Diri

Konsep sendiri dan jati diri adalah idea yang popular dalam literatur psikologi sosial. Terdapat sekurang-kurangnya 15 istilah yang berbeza yang dikaitkan dengan istilah diri. Istilah-istilah yang sering digunakan termasuklah konsep sendiri, harga-diri, penerimaan-diri

.....

dan sebagainya. Jati diri mempunyai pertalian ketara dengan konsep waja diri dan maruah diri. Malah kedua-dua istilah ini lebih mudah untuk dibicarakan sekiranya konsep jati diri boleh difahami dan diberi tafsiran tertentu. Diri dan jati diri adalah isu yang sering dibincangkan apabila aspek kewarganegaraan sesebuah masyarakat di dalam sesebuah negara diperdebatkan.

Banyak kajian dan penyelidikan telah dilakukan semenjak dahulu lagi dan masih lagi dilakukan khasnya oleh pakar bidang psikologi sosial. Kefahaman konsep dan teori berkaitan jati diri adalah sesuatu yang perlu diperjelaskan sebaik mungkin sebelum kita boleh meneliti dan menganalisis jati diri warga negara Malaysia ini kerana ada kalanya kita terkeliru dengan perkara-perkara yang hampir-hampir mempunyai perkaitan dengannya. Antara perkara yang berkaitan dengan ketaatsetiaan, keikhlasan, tolak-ansur, muhibbah, keharmonian, keselesaan dan tidak kurang juga dengan aspek negatif seperti gejala sosial, perkauman dan sedikit krisis sosio-politik.

Konsep

DIRI ialah (a) ekspresi tindakan langsung atau tidak langsung; (b) ekspresi tindakan secara bebas atau tanpa pengaruh luar; (c) ekspresi perhubungan dalam diri; (d) ekspresi tindakan secara tidak seragam (*Hutchinson Educational Encyclopedia*, 2000).

Istilah diri boleh dimaksudkan sebagai individu yang berpengalaman dan agen yang berfikir dan bertindak. Diri adalah pusat bahan-bahan pengumpulan personaliti manusia dan perubahan personaliti. Diri disebut juga sebagai satu hasil produk sosial, pembina perhubungan interpersonal dan sering berusaha untuk mencapai keseimbangan. Sub-istilah yang digunakan dalam membicarakan tentang DIRI ialah personaliti dan ego. Onorato dan Turner (1997) menganggap konsep sendiri adalah satu struktur personaliti. Personaliti ialah aspek yang lebih ketara dilihat (oleh orang lain), dan ego pula ialah terma psikoanalitik berhubung-kait dengan elemen-elemen tanpa sedar yang sedia ada yang kewujudannya tidak diketahui atau tanpa disedari oleh diri itu sendiri.

Jati diri (*self-identity*) pula adalah aspek semulajadi individu dan ciri-

.....

cirinya boleh dikenalpasti oleh orang lain. Secara falsafahnya, jati diri mempunyai aspek ciri sedia ada yang berterusan dan bersifat kekal di dalam individu walaupun berlaku perbezaan pada penampilan diri fizikal, personaliti, keupayaan intelektual, daya ingatan dan sebagainya. Dari sudut psikologi, jati diri merujuk kepada konsepsi diri dan perasaan berterusan khususnya berkaitan dengan perkara-perkara yang boleh dikenalpasti sewaktu proses interaksi dengan orang lain. Purkey (1988) mendefinisikan jati diri sebagai keseluruhan sistem pembelajaran mengenai kepercayaan, sikap dan pendapat yang kompleks, tersusun dan dinamik pada setiap individu manusia yang dipegang dan diyakini dan dianggap betul terhadap kewujudan diri.

Muqtedar-Khan (1999) pula berpendapat jati diri adalah merupakan satu bentuk kefahaman langsung atau tidak langsung terhadap siapa diri kita. Untuk mengenal diri, kita boleh membandingkan dan melakukan penelitian dalam konteks individual dan secara kolektif. Apabila kita telah mengenal pasti tentang diri kita, kita akan memperolehi penghargaan dan pada waktu itu kita sedang membina jati diri kita. Apabila kita memperkenalkan jati diri kita kepada orang lain atau masyarakat kita akan mula mewujudkan perbezaan dan pada waktu itu kita sedang membina strategi jati diri. Bila kita memberitahu orang lain dan mencari satu piawai atau norma mengikut landasan amalan masyarakat majoriti dan mencari persamaan dengan jati diri kita sedang menuju kepada jati diri kolektif. Jati diri adalah imaginasi tetapi diri adalah realiti dan tidak berubah.

Jati diri sering dikaitkan dengan istilah maruah-diri (*self-esteem*) dan waja diri (*resilience*). Maruah-diri boleh ditafsirkan secara mudah sebagai tatacara seseorang berfikir dan mempunyai perasaan terhadap diri sendiri dan bagaimana individu bertindak terhadap sesuatu yang penting untuk dirinya (*American Academy of Pediatrics, 1995*). Baumeister (2000) pula berpendapat maruah-diri ialah paras rasa suka atau penghargaan seseorang terhadap dirinya sendiri, dan lebih bersifat persepsi dan bukan realiti.

Fronsk Health Center (1999) menyenaraikan asas-asas maruah-diri sebagai kepercayaan, penjagaan diri, otonomi, jati diri dan perhubungan intim. Jati diri adalah nadi kepada waja diri. Waja diri boleh didefinisikan sebagai keupayaan dan kebolehan menghadapi

.....

situasi yang sulit, sukar dan cabaran, boleh mengatasinya dan berani menghadapi ketakutan dan ancaman. Tiga domain yang mempengaruhi waja diri ialah ciri-ciri sedia ada individu, iklim kekeluargaan dan persekitaran sokongan sosial (Brooks, 1997). Elemen-elemen yang membina waja diri dan maruah diri ialah galakan memberi sumbangan (rasa bertanggungjawab); pengajaran cara membuat keputusan dan kemahiran menyelesaikan masalah (disiplin diri); memberi galakan dan tindak balas positif dan membantu individu menerima dan menghadapi kesilapan dan kesukaran.

Teori-teori

Hong, Chiu, Yeung dan Tong (1997) mengemukakan rumusan pendapat beberapa pakar Teori Jati Diri Sosial sebagai kepercayaan sedia ada memainkan peranan penting dalam dinamik antara kelompok masyarakat. Sub-sub teori identiti sosial ini terbahagi kepada tiga aspek iaitu Teori Implisit, Teori Entiti, dan Teori Penaikan. Teori Implisit menekankan bahawa tingkahlaku individu berkait rapat dengan cara bagaimana kelompok sosial masyarakat ia berada dan mempunyai pertalian dengan persepsi individu tersebut dengan persepsi kelompok masyarakatnya. Teori Entiti pula lebih memberi tumpuan kepada paras jati diri sebagai sesuatu yang tetap tetapi masih ada hubung kait dengan kelompok masyarakat. Individu ini akan cuba membina strategi tret sosial perbandingan dengan entiti perdana yang dianuti oleh masyarakatnya. Teori Penaikan, walau bagaimanapun, melihat individu manusia sebagai subjek "*malleable*" yang sering memberi fokus kepada dinamik kelompok sosialnya dan entitinya tidak langsung berkaitan dengan pembinaan strategi tret sosial perbandingan dengan apa yang dianuti oleh kelompok perdana masyarakatnya.

Onorato dan Turner (1997) mengemukakan jati diri dalam Teori Skema-Diri (*self-schema*). Teori ini mengkategorikan individu dan jati diri dalam bentuk pelbagai skema dan pelbagai personaliti. Teori Skema-Diri menetapkan keupayaan individu yang sering boleh mengkategorikan diri dan boleh membina atau mengurangkan perbezaan individu itu sendiri.

Konsep sendiri dan jati diri boleh dinilai dan diuji melalui 4 teknik

.....
seperti yang dikemukakan oleh Stein (1995) iaitu:

- a) Skala Penkaderan: Pernyataan soalan dijawab berdasarkan paras persetujuan seperti dalam Skala Likert 5-Mata atau 7-Mata.
- b) Senarai Semakan: Persoalan lebih mirip kepada aplikasi diri sendiri.
- c) Teknik Selesai-Q: Menggunakan kad-kad penyelesaian isu-isu berkaitan deskripsi diri sendiri.
- d) Kaedah Tindak-balas Bebas: Penambahan ayat sendiri dalam pernyataan yang diberi.

Komponen

Gerbode (1991) mengemukakan tiga komponen jati diri iaitu (i) Nilai (ii) Kebolehan dan (iii) Integriti. Purkey (1988) pula membahagikan jati diri kepada tiga kualiti utama iaitu (a) boleh dipelajari, (b) tersusun, dan (c) dinamik. Muqtedar-Khan (1999) pula membahagikan jati diri kepada tiga tahap iaitu jati diri berlaku bila subjek dan objek serupa; kepelbagaian jati diri hasil perkahwinan campur antara bangsa seperti *India-American*, *Sunni-Hanafi Muslim*; dan jati diri yang dipilih.

Umumnya, jati diri remaja atau belia dikaitkan dengan pegangan kepercayaan dan tingkah laku ibu bapa. Tetapi tingkah laku anak tidak ada kaitan dengan tingkah laku ibu bapa. Kepercayaan ibu bapa dan pencapaian anak tidak mempunyai pertalian signifikan dengan konsep sendiri anak (Halle, Kurtz-Costes dan Mahoney, 1997). Ada pendapat pula beranggapan bahawa jati diri mempunyai pertalian dengan peringkat perkembangan individu itu sendiri. Misalnya, penduduk imigran Asia Tenggara di Amerika pada peringkat awal remaja boleh menerima-pakai elemen-elemen remaja tempatan Amerika seperti gaya pakaian, gaya rambut dan kelakuan remaja Amerika yang sedia ada. Tetapi apabila mereka berada di peringkat akhir remaja, mereka mula mengekalkan identiti negara asal masing-masing dan mula mengadakan perhubungan dengan rakan sebangsa dari negara lain (Asscher, 1989).

Dalam hal yang sama, Hoyle, Kernis, Leary dan Baldwin (1999), berpendapat manusia sebagai objek yang aktif sering boleh

.....

membentuk jati diri individu dan kelompok yang akhirnya boleh mencipta persekitaran tertentu dan pada masa yang sama persekitaran ciptaannya itu akan membentuk manusia (1998) merumuskan bahawa jati diri individu manusia itu ada kaitannya dengan:

- i. Sokongan dan pengaruh ibu bapa dan persekitaran.
- ii. Guru sebagai model dan memberikan motivasi pada pelajar.
- iii. Interaksi sosial dalam dan luar bilik darjah.
- iv. Tekanan isu-isu semasa politik dan sosial masyarakat.
- v. Perubahan teknologi dan sistem pendidikan.

Cabaran

Jati diri adalah perkara dalaman seseorang individu. Persekitaran dan faktor genetik masih mempunyai pertalian signifikan terhadap pembinaan jati diri individu. Individu akan mengalami perubahan jati diri apabila menjadi imigran atau minoriti di dalam sesebuah negara dan apabila umur berubah. Tempoh peralihan antara satu peringkat umur dengan peringkat umur yang lain sering menimbulkan delima dan konflik jati diri. Dalam hal ini, Oosterwegel dan Oppenheimer (1999) mengemukakan pendapat bahawa remaja lebih berhati-hati apabila menghadapi konflik jati diri. Percubaan untuk mengintegrasikan dua budaya yang berbeza di kalangan remaja boleh menimbulkan ketidakelesaian psikologi. Konflik yang berlaku di kalangan remaja pada setiap peralihan umur boleh mempengaruhi cara hidup mereka (lihat Lampiran A untuk penelitian tentang kajian lalu).

Bagi negara yang mempunyai pelbagai kaum, pembinaan jati diri adalah sesuatu yang agak rumit dan ada kalanya bermasalah. Pembangunan bangsa sesebuah negara pelbagai kaum memerlukan masyarakat yang boleh menerapkan pembinaan positif individu melalui nilai hormat menghormati dan nilai penghargaan di antara individu penduduknya (Schwartz, 1998). Biasanya individu dari negara yang mempunyai penduduk pelbagai kaum sering cuba mengasimilasikan jati dirinya dalam bentuk kepelbagaian jati diri. Kekeliruan jati diri mungkin berlaku apabila faktor sejarah keturunan diambil kira. Ada individu yang dilahirkan dari keluarga atau ibu bapa yang berasal dari satu bangsa sahaja (jati diri tunggal), ibu bapa dari perkahwinan campur bangsa (jati diri dwibangsa) dan keturunan keluarga atau generasi keluarga yang telah berkahwin dengan pelbagai bangsa (jati diri campuran bangsa)(Schwartz, 1998).

.....

Isu jati diri adalah isu besar. Jati diri mempunyai pertalian rapat dengan waja diri dan maruah diri. Jati diri adalah asas dan pokok kepada kestabilan politik, sosial dan ekonomi negara. Kependudukan menjadi faktor utama kepada perbincangan isu jati diri. Negara yang mempunyai penduduk yang pelbagai bangsa sering menghadapi polemik jati diri. Ramai pakar psikologi sosial berpendapat jati diri setiap individu yang berbeza bangsanya tidak boleh diasimilasikan dengan individu yang berbangsa lain. Diri dan jati diri akan terus kekal selagi persekitaran masih mempunyai perbezaan fizikalnya. Perbezaan dan konflik jati diri antara individu dan individu daripada kalangan pelbagai kaum hanya sekadar boleh diharmonikan melalui perasaan tolak ansur, perasaan hormat menghormati dan perasaan saling faham memahami.

Kemerdekaan sukar diperolehi, getir untuk dipertahankan dan sekiranya kemerdekaan terlepas dari tangan bangsa buat kali kedua, ini adalah lebih sukar untuk dikembalikan seperti asal malah ada kalanya tidak dapat dipulihkan pun. Penghayatan kemerdekaan adalah perkara dalaman yang sukar diukur atau diuji bagi menentukan sama ada seseorang individu itu telah ataupun belum menghayatinya. Di antara punca permasalahan kepada pertahanan kedaulatan dan kemerdekaan ialah ketidaktentuan jati diri warga negaranya. Kajian dan penyelidikan terawal di seluruh dunia menunjukkan jati diri atau *self-identity* warga negara bergantung kepada beberapa faktor yang berkaitan dengan status individu warga berada sama ada di negara sendiri atau pun berada di negara lain dan situasi yang berkaitan dengan personaliti dan ketamadunan sesuatu bangsa.

Apabila sesebuah bangsa mengenal jati diri sendiri sudah pasti ia akan mensyukuri apa juga anugerah Tuhan kepadanya dan akan terbina tanggungjawab sebagai warga yang mempunyai semua jati diri yang positif. Bagi negara kita jati diri fizikal rakyatnya terus dipertahankan oleh pemimpin melalui peruntukan dan fasal di dalam Perlembagaan Persekutuan berbanding dengan beberapa negara jiran di mana jati diri fizikal rakyatnya hampir hilang kerana dasarnasionalisme yang taksub. Jati diri dalaman turut dibina menerusi peruntukan peruntukan dan fasal dalam Perlembagaan Persekutuan yang menetapkan kedudukan Melayu dan Bumiputera dan bukan Bumiputera dalam aspek ekonomi, pendidikan dan sosial yang lain.

.....

Penetapan peruntukan seperti yang diamalkan oleh negara kita adalah sejajar dengan fitrah kejadian manusia yang terdiri daripada pelbagai kaum dan etnik serta kepercayaan dan selaras fasal-fasal seperti termaktub dalam undang-undang tubuh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Walau bagaimanapun adakalanya berlaku krisis jati diri (*self-identity crisis*) yang mempunyai corak yang tidak menentu dan sukar dipercayai puncanya kerana jati diri manusia itu adalah kompleks dan punca-puncanya juga turut kompleks. Kompleksiti jenis, punca dan jalan penyelesaian ini menyebabkan kita semua akan lebih berhati-hati dan sering berfikir cara-cara baru bagi menangani kesan sampingan yang ada kalanya serius. Ada juga orang menyebut kompleksiti ini menambahkan kekuatan jati diri generasi hari ini malah kita dianggap turut menyediakan situasi atau insiden yang mengukuhkan lagi sistem pertahanan diri.

Patriotisme

Isu patriotisme sering dikaitkan dengan kesetiaan dan kecintaan seseorang terhadap negaranya sendiri. Seseorang itu dianggap patriot apabila tindakan dan amalannya menepati ciri-ciri patriotisme yang berteraskan kecintaan dan kesetiaan kepada negara. Kata-kata seperti yang diucapkan oleh John Fitzgerald Kennedy iaitu "Jangan bertanya apakah sumbangan negara kepada anda tetapi bertanyalah kepada diri anda apakah sumbangan anda kepada negara" menampakkan ciri - patriotisme utama. Manakala kata-kata patriotik seperti yang disebut oleh Nathan Hale iaitu "Saya kecewa kerana hanya mempunyai satu nyawa sahaja untuk disumbangkan kepada negara saya", dan ungkapan George Santayana "Kaki kita perlu bertunjangan tanah air kita, tetapi mata kita perlu meneliti kemajuan ke seluruh dunia" turut membayangkan kesungguhan dan keperluan kepada penelitian negara-negara lain adalah satu bentuk kefahaman tentang patriotisme yang lebih realistik dan tidak melulu.

Definisi

Patriotik merujuk kepada beberapa aspek dalaman seseorang iaitu:

- a Perasaan kecintaan kepada negara. Negara dirujuk kepada kerajaan dan rakyat;
- b Perasaan kebanggaan terhadap apa-apa dasar dan asas kepada

-
- pembinaan negara;
 - c Perasaan kebebasan seperti rasa gembira, seronok dan selesa terhadap peluang beribadat, memberi pandangan dan memilih pemimpin; dan
 - d Perasaan kesetiaan terhadap pembuat dasar dan pemerintah.

Tafsiran

Patriotisme pula bermaksud satu bentuk kefahaman, penerimaan, pengalaman dan keupayaan untuk mempertahankan sesuatu asas pokok yang menjadi dasar negara. Kefahaman boleh diertikan sebagai penerimaan terhadap apa-apa asas pemerintahan negara, manakala pengalaman dimaksudkan sebagai penglibatan dalam apa-apa perayaan yang menunjukkan kecintaan dan kesetiaan kepada negara. Patriotisme juga boleh dimaksudkan sebagai kecintaan dan kesetiaan yang tidak berbelah-bagi terhadap negara dan mempunyai kesanggupan untuk mempertahankan kedaulatan dan maruah negara khasnya apabila berhadapan dengan individu yang dianggap sebagai pembelot negara. Istilah ini juga sering disosialisasikan dengan kemerdekaan dan kebebasan. Patriotisme lebih bersifat dalaman dan emosi.

Patriot merujuk kepada seseorang yang mempunyai perasaan cinta, sentiasa menyokong dan mempertahankan negara sendiri secara berterusan dan berpanjangan. Samuel Adams di Amerika dianggap sebagai patriot kerana memperjuangkan kemerdekaan Amerika daripada tangan British pada awal abad ke-18. John Hancock juga dianggap sebagai patriot Amerika kerana menandatangani deraf Kongres Benua (*Continental Congress*) untuk kemerdekaan Amerika. Patrick Henry turut diterima sebagai seorang patriot kerana melakukan ucapan patriotisme dan menyediakan deraf Perlembagaan Amerika, malah Paul Revere boleh diterima oleh masyarakat Amerika sebagai seorang patriot kerana sanggup berkuda memberitahu kedatangan tentera British kepada batalion tentera Amerika sewaktu Peperangan Concord.

Secara ringkasnya patriotik boleh diertikan sebagai rasa kecintaan dan kesetiaan kepada negara dan tanah air; patriotisme pula bermaksud perasaan dalaman individu mengakui, menerima, mengamal dan

.....
mempertahankan kedaulatan, kebebasan dan maruah negara sendiri. Rakyat yang boleh dikategorikan sebagai patriot adalah individu yang berjaya membuktikan kecintaan dan kesetiaan kepada negara dan berkesanggupan mempertahankan kecintaan dan kesetiannya dengan apa cara sekali pun.

Ciri-ciri

Ciri utama patriotisme melibatkan aspek-aspek dalaman dan luaran. Aspek dalaman merujuk kepada kepercayaan, prinsip, kecintaan, kebanggaan, kesetiaan dan kesanggupan mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan negara. Aspek ini boleh dikaitkan dengan jati-diri, waja-diri, percaya-diri, kesedaran-diri dan berada pada landasan yang betul dan serasi dengan falsafah dan dasar asas negara dan tanah air. Aspek luaran pula berkaitan dengan amalan, pelakuan, reaksi, amalan dan tindakan seseorang yang boleh dilihat dan diukur oleh orang lain di sekelilingnya dan diterima oleh ahli masyarakat individu ini berada. Aspek luaran ini perlu dan wajib menggunakan landasan aspek dalaman patriotisme yang disebutkan tadi.

Faktor-faktor utama yang membina patriotisme berkait rapat dengan sejarah dan asal usul negara, sistem pendidikan, politik dan kepimpinan, kependudukan, perundangan, ekonomi dan sosio-ekonomi, media massa, persekitaran budaya dan fizikal, imigran dan unsur sosio-psikologi rakyat. Faktor-faktor ini mempunyai perkaitan langsung dengan pembangunan ciri-ciri patriotisme.

Antara ciri-ciri utama patriotisme termasuklah:

a. Kepercayaan dan Keyakinan: Siri kepercayaan individu terhadap negaranya berkait rapat dengan unsur sosio-psikologi dan persekitaran yang dialaminya. Keyakinan terbina apabila ada kefahaman terhadap unsur reaktif individu dengan persekitaran dan literasi sejarah negara. Sebagai contoh, siri peristiwa sebulan, semasa dan selepas kolonialisme sehingga kemerdekaan boleh membentuk kebencian terhadap kolonial Barat dan terbina patriotisme di kalangan generasi yang mengalaminya pada waktu itu; manakala kegawatan ekonomi yang melanda negara ini lebih dirasai oleh pemimpin dan kelompok koprat dan peniaga dan terbinalah patriotisme ekonomi. Keyakinan

.....

dan kepercayaan kenegaraan di kalangan rakyat turut terbina melalui prasarana fizikal seperti monumen dan projek mega bangunan yang boleh memartabatkan maruah dan kebanggaan rakyat dan negara. Dan sanjungan negara lain terhadap negara ini amat membantu kepada kepercayaan rakyat negara lain terhadap rakyat negara ini. Kibaran jalur gemilang dan slogan kenegaraan seperti "Malaysia Boleh" boleh membina jati-diri dan keyakinan kental rakyat.

b. Kecintaan dan Kesetiaan: Apabila terbinanya kepercayaan dan keyakinan maka biasanya akan lahir rasa kecintaan terhadap tanah air dan perlembagaan negara yang didokong. Kecintaan mendalam ini boleh terbina apabila kita telah mengenalpasti kekuatan dan kehebatan yang sedia ada pada negara ini, dan keburukan yang ada menjadi ukuran dan panduan ketamadunan negara. Kecintaan boleh terbina melalui penelitian kepada keunikan sumber semula jadi, lokasi negara, kepelbagaian etnik penduduk, pemimpin negara yang berani, dan keharmonian yang dapat dipertahankan. Perasaan kecintaan yang tidak berbelah bagi menjadi asas utama kepada kewujudan kesetiaan hakiki kepada negara dan bersedia pada setiap masa untuk mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan.

c. Amalan dan Tindakan: Kesetiaan yang telah terbina perlu dilahirkan menerusi perlakuan, amalan dan tindakan yang sejajar dengan kepercayaan dan pegangan patriotisme. Amalan dan tindakan yang bercanggah dengan pegangan awal tidak boleh dianggap sebagai bercirikan patriotisme dan tidak patriotik. Walau pun perbezaan politik dan ideologi mungkin berlaku pada diri seseorang atas nama demokratik, kesetiaan kepada negara adalah perkara pokok yang dikongsi bersama dan amalan dan tindakan yang dilakukan mesti tidak menggugat kestabilan sosial, politik dan ekonomi negara. Penggugatan kepercayaan dan kontradiksi amalan di kalangan segelintir rakyat boleh dianggap sebagai pembelot dan tidak patriotik. Contoh, perbuatan mencela pemimpin negara di kalangan segelintir rakyat yang kecewa dan berkepentingan peribadi kepada negara lain agar berlaku sekatan ekonomi bererti mereka adalah pembelot dan tidak patriotik.

.....

d. Kepelbagaian Kaedah dan Tindakan Patriotik: Pegangan, kepercayaan dan kesetiaan perlu diterjemahkan melalui prosedur dan kaedah yang pelbagai bergantung kepada kebolehan, kepakaran, profesionalisme, jenis jabatan atau agensi dan peluang-peluang (opportunities) yang ada pada individu itu. Penerapan nilai-nilai patriotik kepada orang lain dan generasi muda boleh dilakukan dengan pelbagai cara dan mekanisme.

e. Pegangan dan Tindakan Patriotik yang Berterusan dan Konsisten: Ciri ini amat mustahak dalam memastikan kebebasan dan kemerdekaan negara terus terjamin dan terpelihara sampai bila-bila. Kepercayaan dan kesetiaan kepada negara adalah proses berpanjangan. Hal ini boleh dilakukan melalui program kenegaraan yang berterusan dan dari masa ke semasa. Antara aktiviti yang boleh dijalankan ialah mewujudkan slogan, perayaan, festival, iklan media massa dan sebagainya.

f. Patriotisme perlu dibina kepada Generasi Muda dan Rakyat: -Nilai-nilai patriotik perlu ditanamkan melalui sistem pendidikan (silang subjek), media massa, pameran-pameran mudah-faham bergantung kepada sasaran, prasarana fizikal persekitaran, komuniti dan badan-badan bukan kerajaan. Kesetiaan dan kebanggaan kepada negara dan pemimpin merupakan nadi kepada aktiviti-aktiviti yang dirancang.

Cabaran

Peranan utama seseorang warga negara ialah mendidik diri sendiri untuk nilai-nilai patriotik seperti kecintaan kepada negara, kebanggaan kepada negara, kesetiaan kepada pemimpin dan negara dan kesanggupan mempertahankan negara dari anasir subersif. Peranan kedua ialah mewujudkan budaya kerja yang profesional, kerahsiaan dan produktif. Berikut adalah perincian tugas dan peranan kita sebagai rakyat yang patriotik:

a. **Patriotisme Kendiri:** Sebagai rakyat dan warga negara kita perlu memegang kepada siri kepercayaan, pegangan, keyakinan, ketaatan, kesetiaan, jati-diri dan amalan yang patriotisme. Diri kita perlu diyakini bahawa inilah hanya satu-satunya negara yang begitu unik dan harmoni, adalah negara yang mempunyai pemimpin yang

.....

berwawasan dan berani dan masih mampu untuk menyediakan kemudahan, pendapatan dan prasarana fizikal dan perkhidmatan yang konsisten jika dibandingkan dengan penjawat negara-negara jiran lain. Patriotisme kategori ini memberi tumpuan kepada aliran pemikiran dan amalan budaya. Warga negara hari ini sering mengalami hakisan paras patriotisme terhadap negara (perlu dibincangkan). Bolehkah kita mempunyai patriot seperti Samuel Adams, John Hancock, Patrick Henry, YTM Tunku Abdul Rahman Al-Haj, Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn, Tun Dr. Ismail dan Dato Seri Dr. Mahathir Mohamed?

b. Patriotisme Tanah Air: Sebagai rakyat di sebuah negara berdaulat ini setelah kesetiaan dan kecintaan terhadap telah terbina, tugas hakiki kita ialah merealisasikan unsur dan nilai patriotisme kepada tanah air kita. Langkah pertama ialah membina kualiti dan budaya diri dan kerja yang mantap dan profesional. Pembaikan kualiti diri dalam tugas perlu dilakukan dari masa ke semasa berlandaskan etika masyarakat dan etika pekerjaan (swasta atau kerajaan) yang telah tersedia. Kepatuhan kepada arahan dan tugas profesional kita yang menjadi punca rezeki pendapatan kita selama ini, sebagai contoh, perlu dihayati dan difikirkan secara serius kerana sekiranya kita tidak memenuhi syarat ini ertinya kita seolah-olah tidak patriotik dan mungkin boleh dianggap sebagai pembelot. Rakyat sebagai kumpulan sasaran kepada perkhidmatan perlu dilayan secara profesional kerana tahap layanan seperti ini boleh mewujudkan perhubungan dua hala dan berlakulah penerapan unsur patriotisme seperti yang kita hajatkan dalam pertahanan kedaulatan negara kita. Budaya kerja yang menggunakan landasan kualiti dan profesionalisme adalah kejayaan kita merealisasikan hasrat patriotik pemimpin kita dan sudah pasti kedaulatan dan kemerdekaan akan dapat dipertahankan dan terjamin untuk selama-lamanya.

c. Patriotisme kepada pemimpin: Kesetiaan kepada pemimpin adalah asas kepada kestabilan negara. Patriotisme kepada pemimpin bukan bererti menyerahkan secara bulat atau taksub membabi buta kepada pemimpin tertentu, malah dalam konteks ini lebih kepada pasukan pemimpin atau pemerintah negara. Kesetiaan ertinya menerima pakai apa-apa keputusan yang diputuskan serta melihat dasar atau keputusan secara bijaksana dan makro. Kritikan adalah perlu sekiranya berniat untuk tujuan pembaikan dan pemulihan. Ianya


.....

perlu dilakukan secara demokratik sekiranya sesebuah negara mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi. Kecintaan kepada pemimpin yang menjadi pemerintah perlu berasaskan kepada jumlah kebaikan dan kebajikan yang telah diberikan dalam bentuk kemudahan fizikal atau perkhidmatan kepada majoriti warga negara ini.

Patriotisme adalah isu yang amat relevan di dalam dunia globalisasi dan ledakan era teknologi maklumat. Kita boleh dianggap patriot negara Malaysia sekiranya kita mempunyai nilai patriotik yang berasaskan kecintaan, kesetiaan dan kesanggupan mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan negara. Begitu disebaliknya, sekiranya kita tidak mempunyai pegangan dan kepercayaan seperti ini terhadap negara kita dan pemimpin sedia ada, kita boleh dikategorikan sebagai pembelot. Tugas kita sebagai warga negara ialah berfikir dengan teliti apakah pegangan kita terhadap kecintaan kepada negara dan merealisasikan dasar-dasar pemerintah tanpa ada unsur untuk memecahkan kerahsiaan kerajaan dan memusnahkan etika profesion kita. Tanpa ada unsur patriotisme dalam tugas kita, kita akan memusnahkan pertahanan negara untuk dibolosi oleh musuh luar.

Penutup

Rencana ini menampilkan konsep literatur kemerdekaan, jati diri dan patriotisme. Cabaran dan halangan generasi hari ini boleh dirumuskan kepada kekeliruan dan salahmengerti maksud dan amalan ketigatiganya. Ketiga-tiga konsep ini boleh dihayati menerusi perubahan drastik paradigma dan aliran pemikiran generasi sekarang dan akan datang.



*Isu-isu akademik dalam kajian dan
penulisan tentang perjuangan
kemerdekaan dan Nasionalisme
Melayu*



Isu-isu akademik dalam kajian dan penulisan tentang perjuangan kemerdekaan dan nasionalisme Melayu

Oleh : **Abdul Rahman Haji Ismail**
Universiti Sains Malaysia

“Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu bertemu orang-orang kafir yang sedang mara menyerang, maka janganlah kamu berpaling undur (dari menentang) mereka. Dan sesiapa berpaling undur (daripada menentang) mereka pada ketika itu kecuali ia bergerak ke arah lain (untuk menjalankan tipu muslihat) peperangan atau hendak menyatukan diri dengan pasukan yang lain maka sesungguhnya ia tetaplah mendapat kemurkaan daripada Allah dan tempatnya ialah neraka jahanam; sedang neraka jahanam ialah seburuk-buruk tempat kembali”.

Surah al-Anfal, Ayat 15 dan 16.

Pendahuluan

Kemerdekaan adalah impian setiap makhluk yang bernyawa, baik manusia mahupun haiwan. Namun demikian, dalam dunia yang penuh persaingan, pergolakan dan mengambil kesempatan ini yang lalai, lemah dan kurang persediaan sering dikuasai oleh yang lebih kuat dan bercita-cita tinggi. Sungguhpun begitu, tiada yang terjajah rela dijajah selama-lamanya. Hasilnya, pelbagai usaha dengan pelbagai cara dilakukan demi membebaskan diri daripada belenggu penjajahan. Para pejuang kemerdekaan adalah manusia-manusia istimewa, bukan kerana pangkat, kekayaan atau kekuatan jasariah yang ada pada mereka, tetapi kerana cita-cita murni dan kegigihan mereka memperjuangkan kemerdekaan itu.

Dalam kesempatan yang terbatas ini, rencana ini akan membicarakan secara umum beberapa isu berkaitan dengan kajian dan penulisan tentang perjuangan kemerdekaan dan nasionalisme Melayu. Setelah menelusuri perkembangan kajian dan tulisan-tulisan sedia ada secara ringkas kertas kerja ini akan cuba mengesan permasalahan bersabit pemaparan sejarah perjuangan itu dan kemudian mengemukakan pandangan bagaimana sejarah perjuangan bangsa itu seharusnya didekati.

Kajian dan tulisan sedia ada

Tulisan-tulisan tentang perjuangan orang Melayu dapat dibahagikan kepada beberapa jenis. Di kalangan orang Melayu sendiri telah wujud tradisi menurunkan hikayat perjuangan ini sama ada secara lisan atau bertulis. Selain daripada kisah-kisah istana dan pergolakan, tema dan matlamat pokok hikayat-hikayat terkenal seperti Sulalat-us-Salatin, dan lebih-lebih lagi Hikayat Hang Tuah contohnya, ialah kemunculan dan penegakan kedaulatan politik Melayu serta perjuangan mempertahankan kemerdekaan. Dalam pergerakan politik Melayu kemudian, kisah-kisah dari kitab-kitab ini telah menjadi teladan dan pendorong yang kuat bagi para pemuda Melayu mengukuhkan semangat perjuangan. Berasaskan semangat dan kisah daripada kitab-kitab inilah para penggiat seperti Abdul Samad Ahmad, Harun Aminurrashid, Darus Ahmad dan lain-lain menghasilkan tulisan-tulisan mereka yang bersifat sejarah dan kesusasteraan berunsur sejarah dalam tahun dalam tahun-tahun 1950 dan 1960-an.

Mereka mengimbau ke zaman Kesultanan Melayu Melaka untuk menggerakkan semangat ke arah perjuangan masa depan. Pengalaman dan perjuangan wira-wira masa lampau seperti Tun Perak, Tun Tuah, Hang Jebat, Tun Biajid dan Tun Fatimah diketengahkan dengan tokoh tambah dan ubahsuai agar menarik dan merangsangkan minat dan semangat terutama kepada kalangan kanak-kanak dan remaja. Bahkan dengan penghayatan yang luar biasa, terhasil pula karya-karya yang menggunakan nama orang biasa seperti Panglima Awang dan Panglima Hitam bagi mewakili perjuangan ramai perajurit dan pejuang "tanpa nama" yang juga menyumbang kepada kehebatan bangsa pada masa lalu. Orang-orang seperti Saidin Yahaya pula contohnya, melukis untuk menyampaikan kisah-kisah perjuangan ini kepada kanak-kanak dalam bentuk komik yang menarik ditatapi.

Penulis-penulis yang kreatif dan tajam pengamatan seperti A.Samad Ahmad, Harun Aminurrashid dan Darus Ahmad nyata dapat menggarap suasana dan semangat zaman yang menjadi latar karya mereka lalu menghasilkan pengisahan yang bukan sahaja sedap dibaca tetapi juga mendalam penghayatannya terhadap keadaan, semangat dan pemikiran zaman yang mereka kisahkan itu. Mereka bahkan membuat penyelidikan awal dengan mengkaji bukan sahaja sumber

.....

peribumi seperti Sulalat-us-Salatin tetapi juga merujuk catatan-catatan orang-orang asing seperti *Suma Oriental* oleh Tome Pires, kajian-kajian dalam jurnal-jurnal seperti *JSBRAS* dan *JMBRAS*, serta makalah-makalah dalam akhbar. Hasilnya, bermula dengan *Dosaku dan Tak Melayu Hilang di Dunia* pada 1950, A.Samad Ahmad, misalnya memaparkan kembali dengan penuh penghayatan dan tafsiran zaman akhir kerajaan Melayu Melaka dalam bukunya "*Zaman Gerhana*" pada 1976. Demikianlah, dirangsangkan oleh dua rencana dalam akhbar yang menghujahkan bahawa orang yang pertama berjaya mengelilingi dunia dengan kapal layar ialah seorang Melayu Melaka, Harun Aminurrashid menghasilkan *Panglima Awang* pada 1957.

Di rangsangkan oleh suasana politik yang kian panas, tahun-tahun menjelang dan selepas kemerdekaan itu juga menyaksikan kemunculan beberapa tulisan lain yang kini tidak lagi terbatas kepada kisah-kisah dan tokoh-tokoh zaman Melaka sahaja. Muncul juga pada waktu itu, satu demi satu karya-karya yang memaparkan terutamanya perjuangan tokoh-tokoh kurun ke-19 dan ke-20. Antara yang terpenting termasuklah *Pahlawan Dol Said Naning* (1952) oleh Shahabuddin Ahmad; *Dol Said: Pahlawan Naning* (1957), *Raja Haji Pahlawan Terbilang* (1957) dan *Orang Kaya Bahaman, Orang Besar Tanah Ayer* (1958) oleh Darus Ahmad, *Darah Mengalir Di Pasir Salak* (1961) dan *Sejarah Dato' Bahaman Orang Kaya Semantan* (1959) oleh Abdul Talib bin Haji Ahmad; *Peperangan Tok Janggut atau Balasan Derhaka* (1955) oleh Yahaya Abdullah; dan *Riwayat Hidup Tok Janggut dan Peperangan di Kelantan* (1963) oleh Haji Abdullah bin Amirah. Sungguhpun dari segi ilmiah dan kesahihan maklumat sebahagian daripada buku-buku yang dihasilkan kalangan guru yang belum terdedah kepada kemudahan penyelidikan baru dan kurang mendalami teori serta kaedah penulisan sejarah itu barangkali ada kelemahannya, tetapi daripada segi sumbangan kepada warisan perjuangan bangsa karya-karya mereka tidaklah boleh diperkecil-kecilkan.

Perkembangan dalam pendidikan tinggi menjelang dan selepas merdeka terutama bermula akhir 1960-an telah melahirkan satu generasi baru pengkaji yang lebih terlatih dalam penulisan ilmiah. Bermula dengan mereka yang umumnya menulis dalam bahasa Inggeris seperti Radin Soenarno ('*Malay Nationalism, 1900-1945*'

.....

dlm. *JSEAH*, Jld. 1, No.1, 1960), Ishak Tadin ('Datuk Onn and Malay Nationalism 1946-1951', dlm. *JSEAH*, Jld. 1, No.1, 1960), dan Kasim Ahmad ('*Characterisation in Hikayat Hang Tuah*', Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, Singapura, 1959; diterbitkan Dewan Bahasa dan Pustaka, 1966) corak penulisan yang bersifat ilmiah ini kian mendapat tempat terutamanya bermula awal 1970-an apabila bahasa Melayu makin meluas digunakan di pusat-pusat pengajian tinggi dalam negara. Hasilnya, lahirkah kajian-kajian ilmiah yang secara langsung atau tidak langsung membicarakan beberapa 'kebangkitan', 'pemberontakan' dan tokoh yang bangun menentang campur tangan dan penjajahan British di Tanah Melayu.

Dari kajian dan penilaian semula para penyelidik generasi baru yang telah terdedah kepada perdebatan tentang kelebihan dan kekurangan pensejarahan yang bersifat "*euro-centric*" dan '*Malaysian centric*' ini muncullah karya-karya oleh pengkaji-pengkaji muda seperti Jang Aisjah Mutalib (*Pemberontakan Pahang 1891-1895*, Pustaka Aman, 1972), Abdullah Zakaria Ghazali ('Perjuangan Orang-orang Melayu Naning Menentang Inggeris 1831-1831', *Jurnal Sejarah*, 1977; 'Tentangan Terhadap Pentadbiran British di Perak 1874-1875", dlm. *Malaysia Dari Segi Sejarah*, No.10, 1981; 'Kebangkitan Terengganu 1928', dlm. Muhammad Abu Bakar dll. (penyt. *Historia*, 1984), Timah Hamzah (*Pemberontakan Tani 1928 di Terengganu*, DBP, 1981) dan lain-lain yang menghurai peristiwa-peristiwa 'perjuangan' itu dengan lebih teliti dan perinci. Sebenarnya terdapat banyak lagi kajian yang serupa dalam bentuk latihan ilmiah yang belum diterbitkan.

Selain itu telah muncul dengan agak subur buku-buku yang mengisahkan riwayat hidup dan perjuangan tokoh-tokoh politik separuh kedua kurun ke-20 seperti *Tunku Abdul Rahman* (Abdul Aziz Ishak), *Dato' Onn* (Anwar Abdulllah, Shahaarom Hussein, Ramlah Adam), *Dr. Burhanuddin Al-Helmi* (Kamaruddin Jaafar, Ahmad Boestamam, Ramlah Adam), *Ibrahim Yaacob* (Bakhtiar Djamily), *Ishak Haji Muhammad* (Abdul Latif Abu Bakar), *Za'ba* (Abdullah Hussain & Khalid Hussain, Adnan Nawang) dan banyak lagi. Tidak kurang menarik ialah tulisan-tulisan yang bersifat kenang-kenangan, memori dan autobiografi. Hasil pena Abdul Rahim Kajai, Harun Aminurrashid, A.Samad Ahmad, Abdul Haji Ishak, Ibrahim Haji Yaacob, Ishak Haji Muhammad, Tunku Abdul Rahman, Ahmad

.....

Boestamam, Mustapha Hussain, Khadijah Sidek, Asri Haji Muda dan lain-lain yang terlibat secara langsung dalam pergolakan menjelang dan setelah 1957 semuanya memperkayakan khazanah maklumat yang boleh diambil manfaat oleh generasi masa kini dan masa depan.

Tulisan oleh orang luar

Penulisan oleh para pengkaji luar mengalami prosesnya yang tersendiri. Bermula dengan tulisan oleh pegawai, bekas pegawai dan sarjana penyokong British yang memandang tinggi peranan dan 'sumbangan' mereka 'mentamadunkan' rantau ini, tulisan oleh orang-orang luar ini cenderung memperbesar-besarkan 'jasa' kerajaan kolonial kepada masyarakat tempatan dan memandang remeh perasaan, penentangan dan kebangkitan politik masyarakat peribumi. Berasaskan catatan, pandangan, penilaian dan laporan mereka yang mahu tidak mahu menyebelahi pihak kolonial yang mereka wakili itu, para penulis kemudian melanjutkan hujah-hujah yang memperkasakan lagi gambaran bahawa orang Melayu umumnya mengalu-alukan kedatangan British yang datang untuk memperbaiki keadaan mereka.¹ Lebih dari itu ialah para pengkaji itu bukan sahaja semata-mata bergantung kepada sumber kolonial tetapi juga kepada sumber oleh para pegawai British seperti J.W.W. Birch, Frank Swettenham,² Hugh Clifford,³ R.W. Duff dan William Maxwell yang terlibat secara langsung memerangi para pejuang Melayu itu. Selain itu, dan ini lebih penting, mereka mengutamakan maklumat yang berat sebelah memihak kepada British sedangkan dalam laporan-laporan itu sendiri terdapat penyataan dan pelakuan yang menunjukkan bahawa perjuangan menghadapi penjajahan British itu disokong ramai orang Melayu ketika itu.

Demi memunasabahkan tindakan bermaharajalela British di negeri-negeri Melayu, wibawa para pemimpin perjuangan kemerdekaan seperti Sultan Abdullah Perak, Dato Maharajalela, Dato' Sagor, Dato' Bahaman, Tok Gajah, Tok Janggut dan sebagainya direndahkan dengan menggambarkan mereka sebagai kurang cerdik, tamak, suka bergaduh dan mementingkan diri sendiri. Peri perjuangan Dato' Bahaman, Tok Gajah, dan lain-lain di Pahang mendapat sokongan kuat orang Melayu termasuk di Terengganu dan Kelantan, misalnya ternyata daripada laporan Pemangku Penguasa Polis, R.W.

.....

Duff, yang ke Ulu Besut pada akhir April 1895. Menurut beliau, orang-orang Melayu di Setiu dan Besut umumnya tidak memberi kerjasama kepada British. Beliau bahkan menambah:

“Saya yakin bahawa sekiranya saya menemui pemberontak-pemberontak itu, saya akan terpaksa berperang dengan orang-orang Terengganu dan dengan dalih yang diada-adakan mereka akan menyerang saya.”

Sebelum itu Saiyid Husin yang telah dihantar Duff meninjau ke Besut antara lain melaporkan bahawa para pejuang dari Pahang mendapat bantuan dan perlindungan di Terengganu. Seorang ketua tempatan, Penghulu Umar memberitahunya bahawa:

“Tiada siapapun yang akan mencederakan mereka pejuang-pejuang Pahang di negeri ini. Tentang kubu yang tuan lihat ini, kami mendapat perintah supaya mengatakan ia adalah untuk menghadapi para pemberontak itu, tetapi sebenarnya ia adalah untuk menentang pencerobohan “orang putih”. Dia juga mengatakan bahawa perintah Sultan dan Ungku Sayyid kepada mereka ialah sekiranya orang Eropah membuat sebarang kekecohan di Besut atau wilayah Terengganu ia akan menjadi alasan untuk mengisytiharkan permusuhan dan Perang Jihad terhadap orang kafir”.⁵

Pengkisahan sejarah yang mengabaikan sumber peribumi ini, walau bagaimanapun beransur-ansur berubah terutama dalam tahun-tahun selepas merdeka. Kini muncul kajian-kajian yang lebih seimbang dan kian kritikal terhadap kesarjanaan penulis-penulis awal itu. Walaupun penumpuan hanyalah kepada perkembangan pada kurun ke-20, dan tidak membicarakan asal usul perjuangan kemerdekaan Melayu secara menyeluruh dan jangka panjang seperti yang sepatutnya, W.R.Roff, dalam bukunya *The Origins of Malay Nationalism* (1967) contohnya, telah berjaya mengorak langkah menggunakan lebih banyak sumber peribumi seperti akhbar dan majalah untuk menghasilkan kajian yang lebih dapat dipertanggungjawabkan. Kekurangan-kekurangan dalam kajian Roff sebahagiannya telah ditampung oleh beberapa kajian oleh para penyelidik kemudian. Allen, dalam makalahnya *“The Kelantan*

.....

Rising of 1915" pada tahun 1986 misalnya telah membuat kritikan tajam terhadap kajian-kajian terdahulu yang pada umumnya membenamkan atau memperkecil-kecilkan kesedaran dan pergerakan politik orang Melayu menentang pencerobohan British pada kurun ke-19 dan 20 itu.

Bagi Allen ada kemungkinan para pegawai British di Kelantan dan Singapura pada waktu itu sengaja memperkecil-kecilkan peristiwa kebangkitan 1915 itu untuk menutup kelemahan dan kesilapan-kesilapan mereka sendiri daripada pengetahuan kerajaan British di London. Beliau berpendapat sebenarnya terdapat suatu pola yang serupa dan pertalian yang rapat di antara kebangkitan Pahang pada 1890-an dengan kebangkitan Kelantan pada 1915 dan kebangkitan Terengganu dalam tahun 1920-an.

Seorang pengkaji yang lain, Malcolm Caldwell pula, dalam satu tulisannya pada 1977 menambah dengan satu pengamatan yang lebih tegas bahawa:

"Mungkin telah difikirkan bahawa dalam menghadapi kezaliman-kezaliman penjajah satu pergerakan nasionalis radikal akan muncul dengan cepat dan mendapat sokongan rakyat. Memang sebenarnya itulah yang telah terjadi, tetapi kesarjana tradisional barat cenderung memperkecil-kecil atau mengeneipkan fenomena ini, kerana kewujudannya bercanggah dengan mitos-mitos tentang imperialisme British yang paling dipuja. Di mana yang dapat dilihat, ia gerakan menentang penjajahan British selalunya diketepikan dengan label-label yang meremeh-remehkannya seperti "fanatik agama", "pemberontakan primitif", "subversif komunis", "pengaruh" dan lain-lain".

Namun, walaupun telah wujud pernyataan-pernyataan terbuka begini, ramai sarjana, anak Malaysia atau orang luar, terutama yang tidak mendalami sejarah politik negara meliputi tempoh yang panjang, masih meneruskan tanggapan peri tidak pentingnya, walaupun tidak tiadanya, pergerakan perjuangan kemerdekaan atau nasionalisme di kalangan orang Melayu sehinggalah menjelang perang dunia kedua. Lebih mengelirukan lagi ialah apabila membicarakan sejarah

.....

perjuangan kemerdekaan, penumpuan sering berlegar pada perihal yang sama sahaja. Penonjolan berlebihan tentang peristiwa menentang Malayan Union pada 1946 misalnya, seakan-akan mengerdilkan peristiwa lain sehingga timbul gambaran seolah-olah tanpanya tidak pernah wujud kesedaran dan perjuangan politik kemerdekaan di kalangan orang Melayu. Peristiwa kebangkitan menentang Malayan Union memanglah suatu puncak dan tahap peralihan yang ketara dalam sejarah kebangkitan politik orang Melayu. Meskipun demikian, ia bukanlah pemula peristiwa atau babak yang menandakan kejayaan sebenar orang Melayu memperjuangkan hak politik mereka di tanah air peninggalan nenek moyang mereka ini. Hal yang berkaitan dengan Malayan Union dan penentangan terhadap Malayan Union ini sesungguhnya masih terdedah kepada penilaian yang lebih menyeluruh dan mendalam. Inggeris telah lama pergi tetapi tinggalan-tinggalannya terus bertenggek dan membiak di sini.

Dalam menghadapi hari muka yang lebih rencam dan penuh cabaran perjuangan yang telah dimulakan beberapa kurun yang lalu itu dalam masa yang singkat sahaja sedang berubah corak dengan ketaranya. Dalam proses itu para pewaris perjuangan yang telah diredah nenek moyang mereka masa lampau sedang terumbang-ambing di dalam arus deras, yang kiranya tidak dihadapi dengan keberanian dan kebijaksanaan pada tahap yang tertinggi, akan menenggelamkan mereka dalam masa yang tidak lama lagi. Menghadapi ancaman Malayan Union yang didatangkan dari luar sesungguhnya tidaklah sesukar menghadapi ancaman kemusnahan binaan sendiri oleh tangan-tangan anak negeri.

Sumber, pendekatan dan tafsiran

Masalah pokok yang dihadapi para pengkaji sejarah perjuangan politik orang Melayu dan masyarakat peribumi lain ialah kekurangan dan dalam banyak keadaan, ketiadaan sumber bertulis oleh masyarakat peribumi sendiri, dan dalam bahasa peribumi, lebih-lebih lagi yang dihasilkan dari bawah dan oleh para pemimpin yang terlibat dalam perjuangan ini. Masalah ini tidaklah begitu buruk bagi zaman sebelum penjajahan British kerana sebagai kuasa-kuasa yang masih berupaya bergerak walaupun dalam keadaan dan ruang yang terbatas, perwujudan-perwujudan politik Melayu di negeri atau wilayah tertentu

.....

seperti Johor, Siak, Deli, Riau, Pahang dan sebagainya itu masih berupaya menghasilkan hikayat-hikayat seperti *Sulalat-us-Salatin*, *Hikayat Siak*, *Hikayat Deli*, *Tuhfat-un-Nafis*, *Hikayat Pahang* dan lain-lain yang walaupun masih pada asasnya hasil golongan yang berkuasa, pada umumnya memaparkan sejarah dan perjuangan wilayah dan kumpulan tertentu itu secara yang lebih terbuka dan agak perinci. Dengan baki wibawa dan kuasa yang masih ada di tangan, kumpulan-kumpulan berkuasa Melayu itu masih mampu menulis sejarah menurut kehendak dan tanggapan mereka sendiri.

Hal ini tiada pada para pejuang menentang penjajahan British pada kurun ke-19 dan 20. Sebagai pihak yang bukan sahaja diburui British tetapi dipaksa kelihatan sebagai menderhakai sultan, mereka tiada saluran untuk merakamkan tanggapan, alasan dan perjuangan mereka yang sebenar untuk tatapan generasi kemudian. Akibatnya, segala maklumat tentang mereka datang dari catatan musuh mereka, pegawai-pegawai British, yang demi kepentingan mereka sendiri menghodohkan watak dan perjuangan pejuang-pejuang kemerdekaan peribumi itu. Seperti yang diamati Mokhtar Petah:

“Pengarang daripada negara-negara barat terutamanya daripada negara-negara manusia yang mencengkam negara dan rakyat yang terdiri daripada bangsa Melayu telah berkali-kali menulis sejarah dan perkembangan bangsa Melayu, tetapi setiap tulisan itu tidak langsung mencerminkan perjuangan bangsa Melayu, tidak ada bayangan yang diberi mengapa bangsa Melayu berjuang dan mengapa bangsa Melayu menentang penjajah Inggeris sejak zaman berzaman hingga sekarang ini. Yang kita temui bahawa semua tulisan-tulisan itu menggambarkan segala tindakan bangsa Melayu merupakan tindakan lanun, penyangak, perompak dan di luar peri hidup dan maruah perjuangan”.

Dalam suasana dunia yang lebih rumit dan pengalaman serta teknologi British yang lebih canggih pada kurun ke-19 dan awal kurun ke-20 itu suara golongan yang tersisih termasuk para pejuang kemerdekaan tenggelam dan sukar dikesan. Persengkokolan Inggeris-Belanda melalui Perjanjian 1824 dan permuafakatan Inggeris-Siam pada 1909 memberi kuasa dan laluan yang mudah bagi British

.....
mencengkam seluruh Tanah Melayu di bawah kekuasaannya. Sama seperti Hang Jebat yang suaranya tidak berupaya didengar, demikianlah Dato' Maharajalela, Dato' Bahaman, Mat Kilau, Tok Janggut, Haji Abdul Rahman Limbong dan lain-lain tidak pernah dapat menerangkan sendiri apa yang sebenarnya terjadi. Watak setiap "pelakon" telah ditentukan British yang "menulis skrip" melunakkan penjajahannya.

Dalam keadaan serba lemah, para sultan yang tersepit dalam masalah perebutan kuasa dan kedaulatan negeri terpaksa memilih sama ada terus memerintah dalam keadaan "aman" dengan "nasihat" British, atau hilang semua kedudukan kerana menyokong perjuangan "pemberontak/penderhaka" yang belum pasti boleh berjaya. Oleh hal yang demikian, dalam hal yang berkaitan dengan penentangan terhadap kekuasaannya, catatan-catatan British perlulah digunakan dengan bijaksana dan amat berhati-hati.

Memandangkan tiada atau kurangnya maklumat dari sumber peribumi, para pengkaji perlu banyak menggunakan pertimbangan akal terutama apabila maklumat daripada sumber penjajah itu meragukan. Kaedah kritikan sumber amatlah mustahak apabila membicarakan penilaian dan laporan yang bersifat politik terutama yang berpunca daripada lawan pihak yang dinilai itu. Sebagai contoh, kalaulah serangan Siam dan kemudiannya Portugis telah ditentang habis-habisan oleh orang-orang Melaka, dan kalaulah negeri-negeri Melayu di Semenanjung selepas kejatuhan Melaka bermati-matian mempertahankan diri daripada serangan luar dan kadangkala berperang antara sesama mereka bagi mengekalkan kedaulatan masing-masing, mengapakah boleh disimpulkan dengan mudah dengan berasaskan sumber British bahawa kedatangan Inggeris diterima dengan segala senang hati kecuali oleh golongan yang "menderhaka" itu?

Kalaulah para pemerintah dan rakyat Kedah, contohnya, telah berjuang berpuluh-puluh, dan bahkan beratus-ratus tahun untuk mengekalkan kemerdekaan daripada penjajahan Siam sehingga terperangkap dalam tipu helah British bermula 1786, apakah munasabah perasaan politik para pemimpin dan rakyat jelata Melayu di Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang tidak tercabar oleh "penasihat" yang pesat merampas seluruh kuasa dan wibawa mereka?

.....

Apakah mungkin ada manusia lain selain orang Melayu yang sanggup dengan mudah menyerah kuasa dan wibawa politik mereka kepada orang luar? Apakah penentangan oleh orang-orang seperti Penghulu Dol Said, Sultan Abdullah, Dato' Bahaman dan lain-lain itu munasabah diremehkan sebagai penentangan oleh golongan lama yang tidak mengingini perubahan semata-mata? Adakah mereka itu terlalu dayus politik sehingga sanggup menyerahkan kuasa dengan mudah kepada orang asing? Mengapakah para pemimpin Perak yang dahulunya bercakaran sesama sendiri sehingga mengundang "penasihat" British tiba-tiba boleh bersatu menghadapi Birch pada 1875?

Dari sudut kemunasabahan cerita, adalah mustahil dalam kalangan para pemimpin dan rakyat Melayu di Tanah Melayu yang menentang British pada kurun ke-19 dan awal kurun ke-20 itu tiada yang mempunyai kesedaran dan keazaman politik untuk mempertahankan negara daripada penjajahan oleh kuasa asing. Perkembangan di semua negeri Melayu jelas menunjukkan bahawa sedaya upaya mungkin dan dengan pelbagai cara, para pemerintah negeri Melayu sendiri bertungkus lumus berusaha mengelak negara mereka daripada dijajah. Setelah mendapati penentangan terbuka secara bersama seperti yang dilakukan oleh Sultan Abdullah dan pembesar-pembesar Perak pada 1875 itu tidak berjaya, kepimpinan di negeri-negeri Melayu lain selepas itu mengubah cara.

Seperti yang berlaku di Pahang, dan kemudiannya di Kelantan dan Terengganu, sewaktu berusaha mengekang kemaraan penjajahan British melalui rundingan dan helah berlambat-lambat, istana juga dengan secara berselindung merestui penentangan terbuka terhadap kuasa penjajah itu. Negeri-negeri seperti Kedah dan Johor pula segera membuat perubahan dan menggalakkan kemajuan demi mengurangkan alasan bagi Inggeris menjajah mereka secara langsung. Tindakan halus yang lebih ke hadapan sesuai dengan pemikiran orang barat telah dilakukan Johor pada 1895 apabila Sultan dan Jama'ah Pangkuan Negeri meluluskan "*Undang-Undang Tubuh Negeri Johor*" yang memperkukuh lagi kedudukan Johor sebagai negara yang berdaulat. Perkara 15 dan 16 Undang-Undang Tubuh itu jelas bertujuan mengekalkan kemerdekaan Johor daripada kerehnan raja dan menteri-menterinya sekalipun. Perkara 15 *Undang-Undang Tubuh*

Johor berbunyi:

"Raja itu tiada sekali-kali boleh menyerahkan atau berbuat sebarang perjanjian atau ikhtiar hendak menyerahkan akan negeri atau suatu bahagian daripada negeri dan kerajaan *Johor* itu kepada sebarang kerajaan atau kuasa bangsa Eropah atau sebarang lain kerajaan atau bangsa sama ada oleh kerana pada fikirannya susah atau keberatan padanya menjadi raja atau oleh kerana tiada suka di memerintah atau oleh kerana hendak mendapat, mengambil dan menerima sebarang bayaran atau pencen daripada bangsa atau kerajaan lain.

Maka jikalau dilalui atau dicuba lalui larangan dan tegahan ini, jika raja sendiri disifatkanlah dia berdosa memecahkan amanat yang diletakkan Tuhan atasnya dan demikian tiada diwajibkan rakyat negeri melanjutkan setia lagi padanya; dan jika kerabat raja, derhaka ia kepada raja dan kerajaan dan demikian bolehlah dihukumkan dengan sebarang hukuman yang ditimpangkan patut".¹¹

Perkara 16 berbunyi:

"Menteri-menteri dan Jama'ah Pangkuan Kerajaan tiada juga boleh sekali-kali berikhtiar atau berbuat sebarang perjanjian dengan sebarang kuasa atau kerajaan Eropah atau lainnya dengan maksud hendak menyerahkan negeri atau kerajaan *Johor*. Maka jikalau dilanggar atau dicubanya hendak melanggar akan tegahan ini terjatuhlah ia pada hukuman orang yang derhaka kepada raja dan kerajaan dan bolehlah dihukum sekalian yang berdosa itu dengan hukuman yang berpadan dengan dosanya".

Enam belas tahun kemudian, setelah menghadapi tekanan bertubi-tubi dari pihak British, Sultan Zainal Abidin III Terengganu dan Jama'ah Pangkuan Kerajaan negeri telah meluluskan Undang-Undang Tubuh Negeri Terengganu pada 2 Nov. 1911. Dengan pengubahsuaian yang paling sedikit perkara 15 dan 16 Undang-Undang Tubuh Negeri *Johor* muncul sebagai perkara 14 dan 26 *Undang-Undang Tubuh Negeri Terengganu*.

Di sebalik yang tersurat

.....

Sesungguhnya dalam dunia ini peristiwa yang tidak dicatatkan jauh lebih banyak daripada yang telah dicatatkan. Adakah kerana sesuatu kejadian atau peristiwa yang telah berlaku itu tidak dicatatkan maka perlu dibuat kesimpulan bahawa kejadian atau peristiwa itu tidak pernah berlaku? Di sinilah ta'akul itu berperanan. Dalam keadaan kekurangan bukti bertulis, "hukum alam", "hukum akal" dan dalil tidak langsung boleh membantu pengkaji membuat keputusan yang munasabah tentang sesuatu. Kalaulah British tidak mengesannya menjelang serangan Jepun pada akhir tahun 1941 dan kalaulah matlamat sebenarnya tidak didedahkan oleh para pendokongnya kemudian, siapakah yang boleh mengatakan dengan pasti matlamat sebenar Kesatuan Melayu Muda (atau bagi para pelopornya "Kesatuan Malaya Merdeka")¹³ yang didaftarkan pada tahun 1938 itu ialah untuk membebaskan Tanah Melayu daripada penjajahan British? Seperti Persaudaraan Sahabat Pena Malaya pada 1934, KMM tidak pernah mendaftarkan dirinya sebagai pertubuhan politik kerana ia arif benar bahawa tindakan sedemikian hanya akan mengundang malapetaka. Meskipun demikian, seperti yang dilalui PASPAM, KMM dan persatuan-persatuan lain tidak pernah bebas daripada intipan polis Cawangan Khas.

Peri wujudnya akta-akta yang menyekat kebebasan bersuara, menerbit dan mempersatukan dan ketatnya kawalan kerajaan British terhadap kegiatan yang ditafsirkannya sebagai "mengancam keselamatan awam" perlulah diambil kira apabila menimbangkan ada atau tiadanya kesedaran dan pergerakan kemerdekaan di kalangan masyarakat peribumi sebelum pendudukan Jepun. Seawal 1886 *The Book Registration Ordinance* telah dikuatkuasakan di Jajahan Selat. Ordinan yang disebut sebagai "*Undang-Undang 1886 Registration Kitab-Kitab*" itu bukan sahaja mewajibkan pengarang dan pencetak menyerahkan tiga naskhah terbitan mereka kepada kerajaan dalam masa sebulan, tetapi juga meminta mereka memberikan pelbagai maklumat lain termasuk "nama orang yang mempunyai kitab-kitab itu dan nama rumah tempat ia tinggal".

Lebih ketat lagi ialah dalam undang-undang itu "kitab" ditakrifkan sebagai meliputi juga "kertas khabar dan kitab lagu bunyi-bunyian". Ordinan itu kemudian diperluaskan ke negeri-negeri Melayu

.....

bermula dengan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Maka muncullah satu demi satu undang-undang seperti *Publishing and Book Enactment 1915, The Seditious Publications (Prohibition) Ordinance* tahun 1915 dan 1919, dan *The Seditious Publications (Prohibition) Enactment*, tahun 1930 dan 193216 yang menghalang rakyat mengkritik atau membuat bantahan terbuka terhadap kerajaan terutama dalam hal-hal yang berkaitan dengan politik. Hasilnya ialah walaupun kian banyak akhbar berbahasa Melayu diterbitkan dalam kurun ke-20 dan walaupun ada di antaranya agak kritikal terhadap pemikiran lama dan kepimpinan Melayu, sukar dicari pernyataan-pernyataan, terutama dalam lidah pengarang akhbar-akhbar tersebut yang menegur secara keras atau menyatakan hasrat ingin merdeka daripada kekuasaan British.

Maka di sinilah yang terselindung dan tersirat itu lebih penting daripada yang terdedah dan tersurat. Penelitian terhadap surat, syair, cereka dan makalah para penyumbang yang diterbitkan dalam beberapa akhbar jelas menunjukkan terdapatnya suara-suara yang memperjuangkan kemerdekaan. Hakikat bahawa ramai di antara penulis itu menggunakan nama samaran memperkukuhkan hujah bahawa dalam hal-hal yang dianggap sensitif oleh kerajaan, penulis terpaksa menyembunyikan diri demi mengelakkan penindasan.

Satu gejala lain yang menjejaskan kegunaan banyak kajian tentang kebangkitan atau perjuangan kemerdekaan tanah air ialah pembicaraannya yang dibataskan oleh sama ada kawasan atau tempoh atau kedua-duanya sekali. Akibatnya peristiwa-peristiwa yang berlaku di sesuatu tempat atau pada waktu yang berbeda itu kelihatan terpisah-pisah seolah-olah tiada kaitan lansung antara satu sama lain, sedangkan kebangkitan Pahang pada 1890-an sahaja contohnya melibatkan sedikit-tidaknya Selangor, Negeri Sembilan, Terengganu, Kelantan dan Siam, dan tentunya British yang berpusat di Singapura.

Demikianlah, apabila membicarakan pergerakan dan proses ke arah kemerdekaan pada 1957, banyak tulisan, secara sengaja atau tidak, terperangkap dalam kancah perbincangan yang memulakan semua perkara dengan peristiwa Malayan Union lalu melanjutkan bagi dongengan bahawa cuma bermula pada 1946 itulah baru timbul kesedaran kebangsaan Melayu seTanah Melayu di kalangan orang

.....

Melayu. Sumbangan berguna para penulis yang terlibat dalam pergolakan sejak 1945 yang menjejaki semula peristiwa sejak tarikh tersebut seperti *Sejarah Pergerakan Politik Melayu Semenanjung* oleh Muhammad Yunus Hamidi (1964) dan *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu* oleh Ibrahim Mahmood (1981) yang sepatutnya diambil manfaat dalam kontak perjuangan umat Melayu secara menyeluruh dan luas tidak disedari menyumbang melanjutkan kefahaman sejarah yang kontot itu.

Sebenarnya bukan tidak ada pandangan atau tulisan yang mendekati sejarah perjuangan orang Melayu secara menyeluruh dari segi kawasan dan waktu. *Bangsa Melayu Menggugat Dunia* (1966) oleh Mokhtar Petah dan tulisan-tulisan oleh penggiat-penggiat politik Melayu Raya seperti Ibrahim Yaacob (*Nusa dan Bangsa Melayu* (1951)) dan Dr. Burhanuddin Al-Helmi (*Asas Falsafah Kebangsaan Melayu (1954, 1963)*) memaparkan pendekatan sedemikian. Demikianlah juga sebuah tulisan oleh Buyung Adil dan suatu pembicaraan oleh Zairil Abidin Abdul Wahid.¹⁷ Namun, barangkali kerana pendekatan itu lebih sukar atau kemungkinan mengerdilkan peranan kelompok sendiri dalam sejarah perjuangan bangsa maka pendekatan menyeluruh dan jangka panjang itu kurang mendapat tempat. Akibatnya ialah sejarah perjuangan orang Melayu itu kelihatan terlalu muda dan "keanak-anakan", peranan tokoh-tokoh mutakhir menjadi terlalu menonjol dan "sumbangan" masyarakat berasal luar Nusantara yang baru sahaja mendapat hak politik tiba-tiba menjadi terlalu penting.

Nasionalisme?

Dalam wacana akademik penggunaan konsep-konsep seperti "feudalisme", "nasionalisme" dan sebagainya yang dipinjam daripada pengalaman sejarah Eropah, walaupun memudahhkan, boleh membiakkan kekeliruan sekiranya tidak dihuraikan dengan betul. Kalangan sarjana yang membicarakan nasionalisme Melayu boleh secara kasarnya dibahagikan kepada dua golongan: pertama, yang menganggap nasionalisme sebagai tidak pernah wujud dalam sejarah orang Melayu sehingga akhir 1930-an; dan kedua, yang menganggapnya telah wujud sejak zaman kerajaan Melayu Melaka pada kurun ke-15 lagi.

Bagi golongan pertama, "nasionalisme Melayu" tidak pernah berlaku

.....

sehinggalah masuknya pengaruh barat dan munculnya kesedaran kekitaan politik Melayu Tanah Melayu menjelang dan lebih jelas lagi setelah pendudukan Jepun pada 1941-45. Mereka juga berpendapat bahawa langkah-langkah penyatuan pentadbiran Tanah Melayu oleh kerajaan British sejak akhir kurun ke-19M bagi mengukuhkan kuasanya di rantau inilah yang telah membuka laluan ke arah itu. Tindak balas politik orang Melayu menyanggahi kemasukan kuasa asing sebelum 1940-an dikatakan hanya bersifat tempatan, sempit atau demi kepentingan diri individu atau ketua masing-masing. Di kalangan orang Melayu waktu itu, kata mereka, belum wujud suatu kesedaran atau keazaman perjuangan yang benar-benar bersifat "kebangsaan".

Rakyat jelata Melayu hanyalah menjadi penurut yang mematuhi kehendak tuan atau ketua mereka yang membenci perubahan yang menjejaskan kedudukan dan kepentingan mereka. Kebangkitan rakyat, walaupun ada, adalah kerana membantah peraturan-peraturan baru yang mengganggu kebiasaan-kebiasaan mereka atau menjejaskan pendapatan mereka. Pendeknya, menurut pandangan ini, kesedaran politik orang Melayu amat terbatas dan tindakan politik mereka lebih didorong oleh kepentingan serta-merta sahaja.

Dengan berpaksikan penentangan terhadap penjajahan oleh kuasa asing sebagai teras kepada nasionalisme golongan kedua pula merumuskan bahawa nasionalisme Melayu sebenarnya telah bermula sejak wujudnya negara Melayu setidak-tidaknya sejak zaman kesultanan Melayu Melaka. Tanpa mencerakinkan konsep-konsep seperti bangsa, negara, negara-bangsa, kedaulatan negara-bangsa, kepelbagaian negara-bangsa dan kedaulatan rakyat, mereka berhujah bahawa nasionalisme telah ada dalam sejarah perjuangan orang Melayu sejak dahulu lagi.

Kedua-dua pandangan tersebut sebenarnya bermasalah walaupun pandangan yang kedua seakan-akan lebih tepat. Pandangan pertama pada asasnya menafikan tingkat ketamadunan dan keupayaan orang Melayu berfikir dan memerintah diri dan negara mereka sendiri sedangkan konsep bangsa, negara dan kedaulatan negara-negara sudah pun terlaksana dalam kehidupan berpolitik mereka lama sebelum datangnya Portugis pada awal kurun ke-16. Pandangan kedua pula, dalam keadaan seolah-olah menghayati semangat dan tindak tanduk

.....

politik Melayu masa lampau, terhadap kuasa asing, maka wujudlah apa yang dipanggil nasionalisme.

Para penyokong pandangan ini kadangkala tidak dapat membezakan "nasionalisme" dari "nasionalisme melimpah" dan "etnosentrisisme" serta tidak pernah menyoal sama ada konsep "kedaulatan rakyat" diamalkan atau tidak dalam pemikiran dan sistem politik masyarakat Melayu masa lampau. Lebih bermasalah lagi ialah orang kadangkala lupa bertanya apakah peranan agama, yakni agama Islam, dalam sikap dan tindak tanduk politik orang Melayu pada masa lalu.

Sememangnya sekiranya nasionalisme itu digunakan dalam pengertian seperti yang diguna pakai di barat, ia adalah bercanggah dengan Islam kerana matlamat perjuangan dan kesetiaan mutlak nasionalisme adalah kepada bangsa dan negara, bukannya kepada tuhan dan agama. Di barat, dan di beberapa negara yang masyarakatnya memperjuangkan nasionalisme, agama adalah unsur sampingan yang kadangkala dianggap "musuh" kepada nasionalisme. Agama boleh dikorbankan demi kesetiaan kepada "bangsa" dan "negara". Nasionalisme kelihatan sebagai menguasai keadaan apabila negeri-negeri Melayu berperang di antara sesama mereka untuk mengekalkan kedaulatan masing-masing, atau apabila Johor dan Aceh, contohnya berperang untuk menguasai Selat Melaka. Bagaimana halnya apabila negeri-negeri Melayu itu menghadapi penaklukan Siam, Portugis, Belanda dan Inggeris? Tidakkah teriakan yang bernada perang sabil menentang kafir lebih jelas kedengaran?

Kita barangkali boleh membicarakan sama ada nasionalisme menjadi matlamat perjuangan orang Melayu pada masa lampau. Tetapi kita boleh mencetuskan perbalahan yang tidak berkesudahan sekiranya nasionalisme dikatakan menjadi matlamat perjuangan orang Melayu untuk masa depan. Dengan bermati-matian mempertahankan nasionalisme sebagai selaras dengan Islam kita secara tidak sedar membiakkan lagi kekeliruan dan seterusnya menyukarkan perjalanan ke arah mencapai matlamat kemerdekaan. Sesungguhnya nasionalisme ada sejarah dan wataknya yang tersendiri yang apabila dicerakinkan menimbulkan percanggahan yang amat asas dengan Islam.

.....

Nasionalisme dan perjuangan politik orang Melayu

Para pengkaji, dari bidang sains politik mahupun sejarah belum pernah dapat bersetuju sepenuhnya apakah makna yang tepat bagi nasionalisme. Setiap pengkaji membicarakannya menurut kefahaman dan keyakinan masing-masing. Sungguhpun begitu, kebanyakannya bersetuju bahawa terdapat beberapa ciri asas bagi nasionalisme. Antaranya ialah bahawa nadi kepada semangat dan pergerakan nasionalisme itu ialah bangsa (*nation*) yang sepatutnya mempunyai negaranya sendiri. Sungguhpun mungkin terdapat bangsa yang masih belum berupaya menegakkan negara atau adanya bangsa yang telah kehilangan negara akibat penaklukan oleh kuasa lain, matlamat akhir bagi sesuatu bangsa itu ialah mendaulatkan bangsa dan negaranya sendiri. Dari sinilah lahirnya istilah berkembar negara bangsa (*nation state*) yang menjadi teras kepada gagasan nasionalisme. Nasionalis yang unggul sanggup dan akan melakukan apa sahaja demi kedaulatan dan kepentingan bangsa serta kesetiaan mutlakinya kepada negara bangsanya. Maka dalam pengertian inilah perjuangan menentang ancaman atau pencerobohan asing terhadap kepentingan negarabangsa menjadi penentu utama wujudnya nasionalisme.

Selain itu terdapat beberapa perkara yang sering dilupai orang apabila membicarakan nasionalisme. Bangsa (*nation*) tidaklah sama dengan kumpulan etnik atau kaum. Walaupun terdapat pengkaji yang bersedia menerima unsur-unsur subjektif seperti pengakuan diri dan pengiaian ahli tentang keahlian seseorang dalam kumpulan etnik tertentu, keetnikan seseorang umumnya lebih ditentukan oleh faktor-faktor objektif seperti keturunan, bahasa dan adat bersama yang diwarisinya. Sungguhpun faktor-faktor objektif memudahkan pembentukan atau pengentalan sesuatu bangsa, khususnya bangsa-negara atau bangsa politik pada asasnya ditentukan oleh subjektif iaitu persetujuan ahli-ahli sesuatu bangsa itu bahawa dari segi politik mereka adalah ahli satu bangsa bersama dan bahawa mereka sanggup bersatu padu mempertahankan bangsa mereka daripada ancaman bangsa lain. Maka di sini ada baiknya dibezakan di antara bangsa keturunan, bangsa budaya dan bangsa politik.

Bangsa keturunan merujuk kepada bangsa atau kebangsaan yang terbentuk secara semula jadi berasaskan keturunan, darah atau

.....

kelahiran seseorang. Seseorang yang ibu bapanya berdarah Melayu, contohnya tiada pilihan melainkan secara semula jadinya menjadi anggota bangsa keturunan Melayu. Bangsa budaya merujuk kepada kebangsaan yang ditentukan oleh unsur dan cara hidup yang dianuti atau diamalkan oleh ahli-ahlinya. Ia meliputi perkara-perkara seperti bahasa, adat resam dan agama. Kebangsaan budaya umumnya mempunyai perkaitan yang rapat dengan kebangsaan keturunan tetapi berbeza daripada kebangsaan keturunan ia tidak semestinya lahir bersama seseorang tetapi boleh diperolehi melalui proses pendidikan, pembiasaan dan pembudayaan.

Bangsa politik pula merujuk kepada bangsa atau kebangsaan yang diwujudkan demi kesepaduan politik semata-mata. Ia bersifat subjektif atau diada-adakan. Ahli-ahlinya mungkin terdiri daripada orang-orang yang berketurunan dan berbangsa budaya yang berlainan tetapi bersetuju menganggotai kebangsaan politik yang sama bagi menghadapi ancaman daripada "bangsa politik" yang lain walaupun anggota-anggota bangsa politik yang lain itu mungkin berbangsa keturunan dan mengamalkan budaya yang sama dengan sebahagian daripada mereka.

Sebagai bangsa keturunan dan bangsa budaya, kebangsaan Melayu, umpamanya, merentasi sempadan-sempadan politik di Nusantara dan di luar Nusantara, tetapi sebagai bangsa politik orang Melayu terpisah-pisah oleh sempadan-sempadan kebangsaan politik beberapa negara-bangsa seperti Malaysia, Indonesia, Brunei, Singapura, Thailand dan Indonesia. Demikianlah, sebagai bangsa keturunan dan budaya orang Cina terdapat di seluruh pelusuk dunia, tetapi sebagai politik kebangsaan mereka ditentukan oleh taraf kewarganegaraan yang mereka miliki-China, Singapura, Burma, Thailand, Amerika Syarikat dan sebagainya. Dalam keadaan inilah kita seharusnya memahami proses kembang-kuncup nasionalisme Melayu dan Cina itu. Nasionalisme (perjuangan kebangsaan) politik Melayu boleh bersifat kenegaraan, misalnya nasionalisme politik Melayu Perak, nasionalisme Melayu Raya yang diperjuangkan dalam tahun-tahun 1930-an 50-an. Demikianlah dengan nasionalisme Cina yang boleh terhad kepada negara China atau Taiwan sahaja, atau apabila dirangsang oleh matlamat-matlamat bersama yang merentasi sempadan-sempadan negara, membesar menjadi nasionalisme Cina (keturunan dan budaya)

.....
yang bersifat antarabangsa.

Seerti yang berlaku di negara Jepun dan di kalangan orang-orang Yahudi di Israel. Misalnya kebangsaan sesuatu bangsa itu umumnya menjadi lebih tegar apabila anggota-anggota bangsa yang berkenaan mewarisi ketiga-tiga jenis kebangsaan yang sama keturunan, budaya dan politik-manakala kebangsaan yang berasaskan persetujuan politik semata-mata tanpa sokongan kebangsaan budaya sentiasa terdedah kepada perbalahan dan ancaman perpecahan. Beberapa bangsa politik yang tercipta semata-mata kerana kepentingan politik bersama semasa dan selepas peperangan dunia kedua, contohnya, kini sedang menghadapi kemelut perpecahan apabila unsur-unsur kebangsaan, keturunan dan budaya yang berlainan menegaskan dirinya semula lalu mencabar kebangsaan politik itu.

Perpaduan lebih sukar diwujudkan apabila kelompok-kelompok tertentu dalam bangsa politik sesebuah negara-bangsa itu terdiri daripada kalangan yang mewarisi beberapa budaya besar dan kemudian bersaing menonjolkan bangsa budaya masing-masing. Bangsa politik yang berpandangan jauh akan berusaha menyemai bibit-bibit kebangsaan budaya yang seragam agar ahli-ahlinya dapat bersatu bukan sahaja secara luaran melalui perjanjian-perjanjian tetapi juga secara dalaman melalui ikatan budaya bersama walaupun tidak ikatan darah dan keturunan. Menonjol dan menggalakkan perbezaan daripada segi kebangsaan budaya termasuk bahasa dan pendidikan bukanlah cara yang tepat ke arah perpaduan kebangsaan politik bagi sesebuah negara-bangsa.

Satu ciri lain yang sering dilupai orang apabila membicarakan nasionalisme ialah bahawa sewaktu mendaulatkan negara-bangsa sendiri, sesebuah negara-bangsa itu perlulah juga mengiktiraf dan menghormati kedaulatan negara-bangsa lain. Nasionalisme pada asasnya menganjurkan kewujudan berbilang negara-bangsa selaras dengan bilangan bangsa yang ada dan menentang penaklukan atau penjajahan sesuatu bangsa ke atas bangsa atau negara-bangsa lain. Pergerakan nasionalisme tidak sepatutnya melimpah menjadi nasionalisme melampau yang berkesudahan dengan imperialisme. Namun seperti yang terjadi pada Jerman dan Jepun menjelang dan semasa perang dunia kedua, kegiatan yang pada asalnya bersifat membela dan menegaskan diri itu telah berkembang menjadi

.....

imperialisme yang mencerooboh dan mengancam kedaulatan negara-bangsa lain. Gejala nasionalisme melampau ini bukanlah perkara baru. Dalam sejarah manusia terdapat sesetengah bangsa seperti Yahudi dan Cina menganggap diri mereka sebagai bangsa mulia pilihan tuhan, yang lebih sempurna daripada bangsa lain, dan berhak menakluki bangsa lain itu. Dalam pengertian yang sebenar ini bukanlah nasionalisme, tetapi ketaksuban perkauman atau etnosentisisme.

Satu hal yang menarik tentang perkembangan politik di Tanah Melayu ialah bahawa sejak kemunculan Melaka sebagai suatu kuasa utama di Selat Melaka, perjuangan dan perluasan kekuasaan politik Melayu hanya berlaku dalam kawasan bangsa keturunan dan bangsa budaya Melayu sahaja. Ia tidak "melimpah" menjadi imperialisme yang menekan rantau bangsa budaya lain. Bahkan yang sering terjadi ialah Melaka terpaksa bertindak defensif mempertahankan diri daripada pencerobohan kuasa luar seperti Siam dan kemudiannya Portugis. Dalam zaman kejatuhan Melaka pada 1511, penegasan semula dan kemunculan baru beberapa negeri (atau menurut penggunaan hari ini, negara) kesultanan yang saling mengiktiraf kedaulatan masing-masing jelas menunjukkan telah wujud di rantau ini suatu sikap dan amalan politik yang selaras dengan gagasan nasionalisme yang unggul itu. Kecuali dalam keadaan-keadaan yang luar biasa, negara-negara Melayu Kedah, Kelantan, Perak, Pahang, Johor dan sebagainya itu mengiktiraf kedaulatan satu sama lain. Mereka pada umumnya bersikap berpada-pada dengan apa yang mereka ada dan mempertahankan diri daripada ancaman kuasa-kuasa lain. Ini menjadikan nasionalisme Melayu itu pada asasnya bersifat menunggu dan bertindak balas (reaktif) cuma apabila perlu.

Kesimpulan

Para pengkaji mempunyai tanggapan yang pelbagai tentang perjuangan kemerdekaan dan nasionalisme Melayu. Bermula dari tulisan pegawai-pegawai British yang umumnya memperkecil-kecilkan perjuangan itu demi kepentingan diri dan kerajaan yang mereka wakili, kajian dan penulisan tentang perjuangan kemerdekaan orang Melayu menjadi kian penting terutama setelah negara mencapai kemerdekaan dan lebih ramai kalangan terpelajar Melayu dilahirkan. Akibat kekurangan catatan semasa oleh orang Melayu sendiri ramai

.....

penyelidik terus bergantung kepada laporan-laporan pegawai British dan membuat rumusan yang tidak jauh berbeda daripada yang ditulis para pelapor dan sarjana British itu. Namun begitu, keadaan beransur-ansur berubah apabila pengkaji mula menggunakan sumber tempatan seperti hikayat, cereka, akhbar dan majalah Melayu dan bersikap lebih berselesa dengan orang Melayu.

Sungguhpun demikian, disebabkan oleh sumber tempatan yang masih tidak memadai itu lompang-lompang besar masih wujud di banyak tempat dalam pengisahan tentang perjuangan politik masyarakat peribumi. Agar masalah ini dapat dikurangkan para pengkaji perlulah lebih gigih menyasat, lebih keras menyoal pasti sumber dan lebih kreatif merumuskan perkara dengan juga menggunakan "hukum alam" dan "hukum akal" sebagai asas menilai. Lebih banyak yang tersirat perlu ditampikan selain daripada yang tersurat.

Sejarah dan perjuangan adalah satu proses yang melibatkan banyak pihak. Sesuatu yang kelihatan sebagai tidak penting pada hari ini mungkin terbukti sebagai amat penting pada hari esok. Oleh itu, di samping kajian-kajian yang bersifat tempatan dan terbatas daripada segi waktu, perlu juga diusahakan kajian yang bersifat menyeluruh dan bersepadu. Asalkan niat dan matlamat perjuangannya adalah ke arah kemerdekaan dan kesejahteraan bangsa, sumbangan semua "pejuang" perlulah diiktiraf, diberi penghargaan dan diperturunkan untuk tatapan generasi masa depan, walaupun cara dan medan perjuangannya barangkali tidak kita senangi. Sekadar untuk renungan bersama agar semua orang bersikap lebih terbuka, lihat petikan di bawah:

"Dua orang murid Syaikh Abdullah Fahim, iaitu Ustaz Abu Bakar Al-Baqir, Gunung Semanggul, Perak dan Haji Hassan Yunus, Johor, tidak menyertai kedua-dua kongres [UMNO pada Mac dan Mei 1946] itu kerana mereka telah menubuhkan Parti Islam, iaitu Hizbul Muslimin pada tahun 1945, iaitu sebelum ditubuhkan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM)".

Dari segi pendekatan dan semangat, penganjur seminar kali ini patut mendapat pujian.



Sultan Mahmud Shah I dan Tun Fatimah
"Pejuang Melayu pertama menentang penjajah"



Sultan Mahmud Shah I dan Tun Fatimah
"Pejuang Melayu pertama menentang penjajah"

Oleh : **Yahya bin Bakar**
Universiti Kebangsaan Malaysia

Butiran pembentangan :

Sultan Mahmud adalah seorang tokoh yang telah berjuang merebut kembali Melaka daripada Portugis. Baginda yang berasal dari Kampung Tualang telah mangkat pada tahun 1525 di Kampar. Baginda mangkat selepas 40 hari kemangkatan permaisurinya yang tercinta iaitu Tun Fatimah.

Kejatuhan Melaka ke tangan Portugis pada 24 Ogos 1511 telah mendapat simpati daripada semua pihak yang mempunyai hubungan baik dengan Melaka. China contohnya telah meminta kepada Portugis agar menyerahkan kembali Melaka kepada Sultan Mahmud.

Dalam usaha merebut kembali Melaka, Sultan Mahmud telah melancarkan beberapa siri serangan terutama daripada Muar. Baginda telah membuat kepungan dan serangan yang bertubi-tubi. Walaupun segala usahanya ini tidak membuahkan hasil, tetapi secara tidak langsung usaha ini telah dapat memutuskan bekalan makanan terutamanya beras kepada Portugis. Ini menyebabkan mereka terpaksa keluar hingga ke Jawa untuk mendapatkan beras. Selain itu baginda juga telah menggunakan perisik untuk meniyasat tempat-tempat strategik menyerang Portugis di Melaka. Maka terdengarlah berita bahawa ramai orang Portugis yang mati kerana meminum air yang telah ditaburkan racun ke dalam perigi. Strategi-strategi ini menunjukkan Suktan Mahmud seorang pemimpin tentera yang pintar dan tidak pernah berputus asa.

Sikap kental baginda terserlah apabila menolak saranan pembesarnya supaya mengundurkan diri sahaja dan melupakan niat untuk mendapatkan kembali Melaka. Beliau mengatakan "Syahidlah kita mendapatkan kembali Melaka daripada berundur dengan penuh malu".

Usaha-usaha Sultan Mahmud ini telah memberi tamparan hebat kepada Portugis kerana mereka terpaksa mengerahkan lebih 3000 orang tentera menyerang Kota Kara dan Kampar. Tindakan mereka ini memaksa Sultan Mahmud berundur ke Bengkalis kemudian ke Bentan

.....
dan akhirnya ke Kampar. Walaupun setiap siri serangan baginda mendapat sokongan padu dari pelbagai pihak dari Riau, Johor seperti Patih Kadir, Patih Yunus, Hang Nadim dan lain-lain, namun akhirnya baginda terpaksa akur dengan kelemahan pertahanan dan kekurangan senjata mereka berbanding Portugis.

Kesimpulannya perjuangan baginda yang tidak mengenal erti jemu dan sanggup berkorban harta, tenaga dan nyawa patut dijadikan iktibar. Perjuangan ini telah menyerapkan unsur mempertahankan tanahair dan maruah bangsa kepada generasi ini jika dihayati sepenuhnya kegemilangan sesebuah negara (Melaka contohnya) yang dikecapi hancur secara tiba-tiba dan bukan mudah untuk kita merebutnya kembali. Selain itu kerjasama antara pemimpin dan pembesar amat perlu untuk menjamin keharmonian sesebuah negara.



*Tunku Mohamad Saad
Seorang Patriot*



Tunku Mohamad Saad - Seorang Patriot

Oleh : Mohd. Isa Othman
Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang

Tokoh di atas merupakan salah seorang daripada ribuan orang Melayu yang bangkit menentang penjajahan Siam yang cuba mengukuhkan dasar imperialisme mereka pada awal abad ke-19. Tuanku Mohamad Saad dianggap salah seorang penggerak utama kebangkitan di negeri-negeri Melayu, khususnya di Kedah pada tahun 1838.

Tunku Mohamad Saad bin Tunku Daud, adalah anak saudara Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah (Marhum Melaka). Bapanya Tunku Daud ibni Sultan Abdullah al-Malkrum Shah merupakan saudara tiri. Semasa penaklukan Siam ke atas Kedah pada 1821, Tunku Mohamad Saad dan seorang lagi saudaranya Tunku Mohamad Said merupakan antara tawanan perang yang dibawa ke Bangkok selama lima tahun. Jelas sekali Tunku Mohamad Saad menerima tekanan psikologi dan fizikal akibat pengalaman perang ini. Bagaimanapun berdasarkan Perjanjian Burney, 1826, tawanan perang Kedah termasuk Tunku Mohamad Saad dibebaskan. Tunku Mohamad Saad merupakan salah seorang pejuang Kedah yang menentang pendudukan Siam di Kedah selama dua dekad (1821-41).

Perjuangan Kedah Menentang Siam.

Pengalaman dan situasi masyarakat tidak terlepas dalam membentuk peribadi. Penaklukan Siam ke atas Kedah berlaku pada 12 November 1821. Angkatan perang Siam dengan kekuatan tujuh ribu orang telah berjaya menawan Kota Kuala Kedah dengan mudah. Laksamana, Syahbandar, Temenggung dan beberapa orang pembesar lain dibunuh. Manakala Bendahara dan beberapa kerabat diraja yang lain termasuk Tunku Mohamad Saad ditawan. Mereka termasuk seribu tawanan Kedah yang lain dihantar ke Bangkok sebagai tawanan perang. Walaupun Siam berjaya menawan Kedah tetapi mereka gagal mencapai matlamat untuk menawan Sultan Ahmad Tajuddin kerana ketika itu baginda berada di Selatan Kedah di Pulau Tiga, Merbok. Apabila berita serangan Siam diberitahu, baginda dengan cepat mencari perlindungan di Pulau Pinang.

.....

Penaklukan Siam ke atas Kedah didorong oleh faktor strategi dan posisi geo-politik sebagai benteng pertahanan laut barat. Di samping itu Kedah di anggap penting dari segi ekonomi. Ini mendorong Siam untuk menjalankan dasar pemerintahan langsung di Kedah. Bagi memastikan dasar Siam dilaksanakan sepenuhnya, Gabenor Ligor, Nakhorn Sri Thamarat (Noi) telah melantik dua orang anaknya untuk mentadbir Kedah. Phya Bari Saknuton dilantik sebagai Gabenor manakala Phya Sina Nunchit sebagai Timbalan Gabenor. Langkah Bangkok ini sebagai alternatif untuk menggantikan sistem tributeri yang dianggap tidak menjamin kesetiaan Sultan. Namun langkah pemerintahan langsung melalui perantaraan Ligor juga tidak mencapai matlamat terutama kerana ketidakberkesanan Nakorn menangani situasi politik yang sensitif dan kesetiaan berterusan rakyat Kedah kepada Sultan.

Pada masa pendudukan Siam di Kedah terdapat dua golongan elit di Kedah iaitu golongan yang mencetuskan pemberontakan dan golongan elit yang bekerjasama dengan Siam. Tokoh yang diperkatakan ini tergolong dalam kelompok pertama. Melihat kepada perjuangan golongan pertama di dapati kebanyakan serangan orang Kedah ke atas pihak Siam dilakukan dalam bentuk perang gerila. Antara perang terbuka dan besar-besaran yang dilancarkan oleh pejuang Kedah ialah pada tahun 1823, 1828-31 dan 1838-39.

Dalam perjuangan yang panjang ini muncul ramai wira daripada kalangan kerabat di raja, golongan bangsawan, ulama dan rakyat jelata. Mereka termasuklah Tunku Abdullah ibni Sultan Ahmad Tajuddin, Syed Zainal Abidin (Tunku Kudin), Tunku Long Putih, Tunku Mohamad Saad, Tunku Mohamad Said, Dato' Kama Jaya Wan Muhammad Ali, Tok Moh Dris Haji Mustaffa, Haji Daud, Panglima Hitam, Kapitan Baba Seng dan ramai lagi. Jelas penentangan terhadap pendudukan Siam merupakan perjuangan yang menyeluruh.

Peranan Tunku Mohamad Saad, 1838-39

Kepimpinan Tunku Mohamad Saad begitu menonjol dalam gerakan penentangan tahun 1838-39, iaitu selepas tiga belas tahun dibebaskan oleh kerajaan Bangkok. Tunku Mohamad Saad menjadi perancang dan mengetuai gerakan ini tetapi kepimpinan tertinggi masih

.....

bertunggakkan Sultan Ahmad Tajuddin kerana penghormatan rakyat Kedah masih kepada baginda. Oleh kerana usia Sultan Ahmad Tajuddin yang tua (sekitar 70an) maka Tunku Mohamad Saad dan pejuang-pejuang Kedah mengisytiharkan Tunku Abdullah ibni Sultan Ahmad Tajuddin sebagai pemerintah pada 13 Ogos 1838, di Kota Behrang setelah berjaya menawan kota tersebut. Ini jelas menunjukkan Tunku Mohamad Saad tidak berkonflik dengan corak kepimpinan Melayu zamannya yang berpusatkan warisan kesultanan. Tunku Mohamad Saad juga tidak bertindak keseorangan kerana ramai tokoh-tokoh lain turut serta. Tunku Muhammad Taib, Tunku Muammad Akib, Tunku Sulaiman, Dato Wan Muhammad Ali, Wan Muhammad Arshad (Perlis), Sheikh Abdul Samad al-Palembang, Dato Syahbandar Wan Daud, (Pulai, Baling), Dato Madi (Bandar Bharu), Tok Mo Ris (Perupok, Kubur Panjang) dan ramai lagi.³⁸

Perjuangan Kedah menentang Siam didorong semangat untuk mengembalikan pemerintahan Melayu dan menentang pemerintahan langsung Siam. Pengalaman perang yang dikenali di kalangan masyarakat tempatan sebagai "musuh bisik" seperti tawanan dicucuk telinga, perhambaan dan lain-lain lagi menaikkan semangat untuk melawan Siam. Tunku Mohamad Saad menjelaskan kepada Gabenor S.g. Boham betapa beliau tidak dapat melupakan tindakan-tindakan Siam.

"My uncle Tunku Soleman and his child Tunku Umbun and his two children, Tunku Mohamad, Tunku Yoosauf, the Dato Bendahara of Quedah, Sree Pakurma Jaya of Polo Lunkawa, the father of Wan Mohamed Ali and several other greatmen did the Siamese kill without the slightest fault."³⁹

Peperangan 1838 sehingga 1839.

Pada awal tahun 1838, Tunku Mohamad Saad dan kumpulannya di Pulau Bunting dalam perjalanan balik dari Punggah telah menyerang dan merampas dua puluh tujuh buah perahu Siam yang sarat muatan beras. Tunku Mohamad Saad melarikan diri ke Perak. Setelah berjaya mengumpul kekuatan 12 buah perahu, beliau dan pengikut-pengikutnya ke Pulau Telibung tetapi pasukan tentera Siam dengan kekuatan 30 buah perahu mengepungnya. Pasukan Tunku Mohamad

.....

Saad terpaksa berpecah ke Pulau Telibung dan Langkawi. Di Langkawi, Tunku Mohamad Saad mendapat sokongan penduduk tempatan dan berjaya mengalahkan pasukan Siam. Kejayaan ini berjaya menarik lebih ramai sokongan. Dari Langkawi Tunku Mohamad Saad ke Merbok. Semasa di Merbok, pihak Siam telah menyerangnya sebanyak tiga kali-dua kali dari laut dan sekali dari darat. Ketiga-tiga serangan ini berjaya dipatahkan dan ini meningkatkan pengaruh Tunku Mohamad Saad. Episod ini menjelaskan peranan awal Tunku Mohamad Saad dalam kebanyakan anti Siam pada 1838/39.

Kebangkitan ini dirancang di Batu Putih, Sumatra, Sherarard Osborn yang turut dalam siri pengepungan laut British ke atas Kedah menjelaskan:

"Money, arms, and prahus had been secretly collected at Batu Putih; and then the chiefs raised the old flag of Quedah and there was no lack of enterprising and disaffected spirits to join them".

Pakatan ini turut dirancang secara sulit di Seberang Prai dan Pulau Pinang. Surat-surat rayuan disebarikan menyeru rakyat Kedah bangun sekali lagi atas nama perjuangan bangsa dan agama. Sultan Ahmad Tajuddin juga dikatakan menyeru orang Melayu menyokong Tunku Mohamad Saad kerana:

Sultan Ahmad Tajuddin menyifatkan Tunku Mohamad Saad telah mendapat petunjuk Allah untuk merebut kembali Kedah. Beliau menyeru semua umat Islam yang ingin mendapat rahmat daripada Allah supaya menyertai serangan ini dan hasilnya 10,000 orang tentera untuk menentang Siam berjaya dikumpulkan.

Ternyata pejuang-pejuang Kedah tidak patah semangat walaupun kecundang beberapa kali sebelum ini. Menurut Pemangku Raja Tunku Abdullah perjuangan rakyat Melayu Kedah terpaksa diteruskan demi untuk memelihara warisan nenek moyang dan agama. Selain orang Melayu, orang Eropah, Cina dan India turut menyokong kebangkitan Tunku Mohamad Saad. Pedagang-pedagang Eropah di Pulau Pinang telah menghantar surat bantahan kepada Gabenor Jeneral India pada

.....

tahun 1837. Mereka mendakwa kebangkitan orang Melayu berlaku kerana pemerintahan Siam kejam. Menurut akhbar *Singapore Free Press*, sokongan aktif mereka begitu nyata,:

"Four Englishmen from Penang along with seven Chinese and one Indian had joined the Malays and supplied them with guas, powder and shot and food".

Tunku Mohamad Saad dan Tunku Mohamad Said memulakan serangan pada 13 Jun 18398 dengan mengalahkan pasukan Siam di Kuala Sungai Merbok dan kemudian Sala. Pada 3 Ogos 1838, Tunku Mohamad Saad menyerang Kuala Kedah dari laut tetapi dipatahkan. Keesokannya pasukan Tunku Mohamad Said menyerang dari darat. Sebelum itu beliau ke Kubang Rotan dan menangkap keluarga askar-askar Melayu yang bersama-sama askar Siam mempertahankan Kota Kuala Kedah. Tawanan-tawanan ini dijadikan perisai barisan hadapan pasukan Tunku Mohamad Said. Ini menyebabkan askar-askar Melayu di pihak Siam segera memihak kepada pasukan pejuang Kedah. Sebenarnya jumlah askar Siam yang mempertahankan kota tersebut tidak melebihi 80 orang dengan bantuan 300 askar Melayu. Selepas itu Tunku Mohamad melancarkan serangan ke atas ibu negeri pentadbiran Siam, di Alor Ganu dan berjaya mengalahkan Phya Buri Sukhaton.

Kejayaan menawan Kedah memberi keyakinan baru.

"There is much evidence to show that Tunku displayed uncommon energy and wisdom, and that his qualities quickly won the confidence and affection of his people. Refugees returned in thousands; taxes were removed; trade was encourage; and mosque were restored".

Pegawai pemerintah tentera laut Inggeris di Selat Melaka, Richard Crozier turut menyatakan yang Tunku Mohamad Saad mendapat sokongan orang Melayu, di Kedah.

Angkatan Kedah kemudiannya mara ke utara dan menawan Perlis, Trang, Chenak, Reman, Kuala Bekah, Singapore dan Hadyai.(20) Ada beberapa hal yang membantu kejayaan ini:

-
- a) Pertahanan Siam di Kedah tidaklah begitu kuat, sekitar 800 orang sahaja. Lagipun pentadbiran Siam lebih banyak bergantung kepada askar Melayu yang kesetian mereka boleh tergugat apabila diserang oleh pejuang Kedah.
 - b) Pemimpin-pemimpin Siam termasuk Gabenor Ligor sedang berada di Bangkok kerana menghadiri upacara pengkebumian bonda Rama III, Maharani Sulalai (Somdet Phra Si Sulalai).
 - c) Kegagalan pemberontakan-pemberontakan yang lalu menyakinkan Siam yang orang Melayu tidak lagi berani memberontak secara besar-besaran. Kapten James Low misalnya telah memaklumkan kemungkinan kebangkitan Kedah tetapi tidak dipedulikan oleh Gabenor Kedah. Sebab itu misalnya Kota Kuala Kedah dipertahankan oleh askar Siam yang kecil sahaja bilangannya (sekitar 70-80 orang sahaja).
 - d) Kepercayaan Sultan Ahmad Tajuddin kepada Tunku Mohamad Saad begitu tinggi malah baginda menganggap Tunku Mohamad Saad pilihan Allah untuk mengetuai perjuangan suci. Baginda menyeru pemimpin-pemimpin Kedah bersatu di bawah pimpinan Tunku Mohamad Saad. Ini bukan sahaja membangkitkan semangat orang Melayu tetapi juga faktor penyatuan.

Tunku Mohamad juga turut menggunakan taktik mengganggu perdagangan terutama ke atas kapal-kapal dagang dari Kedah, Phuket, Takuapa dan Phangga yang berniaga dengan Pulau Pinang. Matlamat Tunku Mohamad Saad hendak menimbulkan ketegangan hubungan Siam-Inggeris kerana pihak Siam gagal mewujudkan kestabilan sehingga menggugat kemakmuran Pulau Pinang. Dalam strategi ini, Tunku Mohamad Saad dan Dato' Wan Mohamad Ali menggunakan pulau-pulau sekitar Langkawi sebagai pengkalan serangan. Setiap kali angkatan laut Siam tiba di perairan tersebut, perahu-perahu Melayu menghilangkan diri dan akan muncul semula setelah angkatan Siam beredar. Pelaut-pelaut Melayu ini bukan sahaja cekap bersembunyi di gugusan pulau-pulau di Langkawi malah dapat bergerak dengan pantas ke Pulau Pinang bahkan hingga ke Perak.

.....

Pemberontakan tahun 1838 sehingga 1839 yang dipimpin oleh Tunku Mohamad Saad ini dianggap perang jihad dan perang agama serta patriotisme Melayu menentang penjajah Siam. Faktor inilah yang mendorong sokongan dari negeri-negeri Melayu yang lain. Dari negeri-negeri Melayu Selatan Thai, seramai 5750 orang menyertai gerakan ini. Perak pula menghantar bantuan seramai 400 orang di bawah pimpinan Raja Saman, Tunku Bar dan Tunku Muda Mer.

Selain menggunakan kekuatan tentera Tunku Mohamad Saad juga cuba menggunakan perundingan untuk menyelesaikan kemelut politik Kedah. Tunku Mohamad Saad menghantar surat kepada Gabenor Songkhla dan menyatakan kesediaannya untuk berunding. Beliau juga mengatakan kesedian Kedah untuk menghantar bunga emas dan perak ke Bangkok. Tunku Mohamad Saad juga menghantar Che The untuk berunding dengan Gabenor Singgora. Tunku Mohamad Saad cuba berunding dengan Gabenor Singgora kerana melihat perubahan sikap Gabenor tersebut yang mengakui perlunya orang Melayu diberi kuasa memerintah sendiri dengan syarat menghantar ufti. Bagaimanapun setelah dijemput berunding di Tapah Chang, Tunku Mohamad Saad menolak jemputan Gabenor Singgora kerana kurang yakin dengan keikhlasan Siam.

Kejayaan Tunku Mohamad Saad menawan Kedah dan wilayah-wilayah Melayu di Selatan Siam mengejutkan Rama III. Choo Phya Ligor dan Chao Phya Singgora diarahkan mengambil tindakan segera untuk menindas kebangkitan ini. Beberapa strategi nampaknya tidak lagi memihak kepada pejuang-pejuang Kedah. Kemaraan mereka terlalu jauh ke utara menjadikan medan pertahanan di selatan lemah. Demikian juga dengan tindakan mengepung Singgora yang agak lama (tiga bulan) memberi peluang kepada Siam untuk bertindak balas.

Pasukan Siam terdiri daripada lima ribu askar Siam dan Melayu serta dibantu 500 orang Cina mula menyerang balas dan mengalahkan pejuang-pejuang Kedah di Singgora, yang dipimpin oleh Tunku Mohamad Taib. Pasukan Siam kemudiannya mara ke Hadyai dan berjaya mengundurkan Tunku Mohamad Saad ke Alor Ganu, Kedah. Angkatan Tunku Mohamad Saad dengan dibantu oleh Wan Mat Ali turut gagal mempertahankan Alor Ganu apabila diserang tentera bergajah dan kerbau Siam. Menjelang Februari 1839, Siam mula

.....

mengatur serangan ke atas Kota Kuala Kedah yang dipertahankan oleh Tunku Abdullah, Tunku Mohamad Saad, Tunku Mohamad Taib, Tunku Zawawi dan 500 orang askar. Manakala kekuatan Siam dianggarkan 4000 orang. Pada 20 Mac 1839 tentera Siam berjaya menawan Kota Kuala Kedah. Menjelang April seluruh Kedah ditawan Siam. Percubaan-percubaan seterusnya oleh pejuang-pejuang Kedah gagal untuk merebut kembali Kedah.

Kebanyakan mereka melarikan diri ke Seberang Prai, Pulau Pinang atau tempat-tempat yang lebih jauh. Tunku Mohamad Saad dan pejuang-pejuang Kedah bukan sahaja menghadapi tentera Siam tetapi juga orang Melayu dan Cina yang pro Siam. Pejuang-pejuang Kedah juga terpaksa menghadapi kekuatan Inggeris yang membantu Siam membuat kepungan di laut. Tunku Mohamad Saad bersembunyi di perairan Perak, berhampiran Sungai Krian dan membuat percubaan untuk Sumatra. Tunku Mohamad Saad ditangkap pada 2 Julai 1840 di perairan Bagan Tiang, Seberang Prai oleh Kapten Stewart dengan janji jika Tunku Mohamad Saad menyerah diri, beliau akan di bawa ke Pulau Pinang dan akan dilindungi oleh kerajaan British. Major C.M. Enriquez menggambarkan tindakan Inggeris ini, dengan mengatakan:

"Later, the British Captain persuaded him to come on a clear and distinct promise of safety and freedom. Yet, when he complied, his boats were destroyed and on arrival at Penang he was arrested, imprisoned along with convicts and charged with 'piracy' in the very island given by his grandfather on promise of protection. These appear to have been facts. Evidence was destroyed and there has never been a denial".³⁰

Tuduhan Pemberontak / Lanun

Bagi pihak Siam, Tunku Mohamad Saad dan pejuang-pejuang Kedah yang lain adalah pemberontak. Ini kerana Kedah merupakan negeri naungan dalam kerangka sistem tributeri. Dalam hubungan ini negeri kecil bernaung di bawah Siam berasaskan prinsip-prinsip astrologi Buddha-Theravada yang menekankan sifat dharma-raja. Bagi Siam "setelah menjadi negeri naungan, mesti kekal sebagai negeri naungan."

.....

Bagaimanapun kefahaman negeri-negeri Melayu termasuk Kedah dalam kerangka hubungan dengan Siam agak berbeza. R. Bonney berpendapat sukar untuk memastikan apakah pengiktirafan pertuanan bermaksud penguasaan kedaulatan atas Kedah. Bagi Kedah penghantaran bunga emas dan perak hanya bersifat sosial dan tidak ada natijah politik. Oleh itu sebarang campurtangan langsung Siam atau penaklukan tentera dianggap sebagai penjajahan dan kerana itu muncul pejuang-pejuang seperti Tunku Kudin, Tunku Mohamad Saad dan ramai lagi untuk membebaskan tanah air mereka.

Pihak berkuasa Inggeris di Pulau Pinang pula lebih cenderung menuduh pejuang-pejuang Kedah sebagai lanun sejak awal lagi. Bagaimanapun sebelum Perjanjian Burney yang ditandatangani pada 20 Jun 1826, pihak British mengiktiraf Kedah sebagai negeri yang merdeka. Pada Ogos 1786, kapten Francis Light bagi pihak Syarikat Hindi Timur Inggeris menandatangani perjanjian dengan Sultan Abdullah yang membolehkan Inggeris menduduki Pulau Pinang. Ini diikuti dengan perjanjian tahun 1791 dan 1800. Mengikut syarat perjanjian yang dimeterai, pihak Inggeris akan membantu Kedah jika diserang. Hal ini tidak berlaku apabila Siam menyerang Kedah pada tahun 1821.

Tidak ada pula bukti-bukti jelas mengatakan Inggeris membatalkan perjanjian kerana Syarikat Hindia Timur Inggeris terus membayar wang pajakan RS10,000 kepada Sultan Kedah seperti yang termaktub di dalam perjanjian. Bagaimanapun menurut Perkara 13 Perjanjian Burney, pihak Inggeris mengakui hak Siam ke atas Kedah dan kedua-dua pihak tidak akan membiarkan Sultan atau pengikut-pengikutnya menyerang Kedah. Pihak kerajaan tertinggi di India menganggap semua aktiviti ketenteraan oleh Sultan Kedah dan pengikut-pengikutnya untuk menawan semula Kedah sebagai "lanun". Pendirian ini sudah pasti terpaksa dipatuhi oleh pentadbiran di Pulau Pinang. Bagaimanapun Kerajaan Pulau Pinang tidak melayan Sultan Ahmad Tajuddin sebagai lanun kerana beranggapan kegiatan lanun sebagai:

"...itself carried meaning for different from the international law tradition that defined "piracy" as something akin to robbery at sea without political license".

.....

Dalam kes sebelum Tunku Mohamad Saad iaitu semasa kebangkitan Tunku Kudin dan Tunku Long Putih (1828-31) Gabenor Ibbeston telah melayan tuntutan Gabenor Kedah supaya mengecap pejuang-pejuang Kedah sebagai lanun. Kerajaan Pulau Pinang mengarahkan Pesuruhjaya Polis Seberang Prai mewar-war kepada penduduk setempat supaya tidak membantu pejuang-pejuang kerana jika berbuat demikian mereka juga akan dianggap lanun. Gabenor Ibbeston juga mengarahkan kapal-kapal perang Inggeris di perairan Kedah bertindak ke atas pejuang-pejuang Kedah sebagai lanun. Bagaimanapun pihak berkuasa angkatan laut Inggeris sendiri menasihatkan Gabenor Ibbeston supaya tidak melayan Tunku Kudin dan Tunku Long Putih sebagai lanun kerana tidak ada bukti mereka melanun.

Dalam kes kebangkitan Tunku Mohamad Saad, Gabenor Bonham turut melabelkan pejuang-pejuang Kedah sebagai lanun untuk memudahkan campurtangan Inggeris. Malah pada peringkat awal, gabenor Bonham bukan sahaja mahu memerangi pejuang-pejuang Kedah di laut tetapi juga di daratan. Bagaimanapun hasrat ini dihalang oleh pihak berkuasa di Benggal kerana dikhuatiri melibatkan kos yang tinggi. Gabenor Pulau Pinang hanya dibenarkan bekerjasama dengan pihak Siam dilaut sahaja dengan membantu mengepung pantai Kedah. Bagaimanapun mana-mana pejuang Kedah yang menyerah diri kepada Inggeris tidak akan diserahkan kepada Siam atas asas kemanusiaan.

Gabenor Bonham ada mengutus surat kepada Tunku Mohamad Saad dan Wan Mohamad Ali yang dituduh sebagai lanun dan membunuh orang Cina di laut. Gabenor berpendapat beliau bertanggungjawab untuk menghalang tindakan Tunku Mohamad Saad dan pengikut-pengikutnya berasaskan Perjanjian Burney. Lagipun Gabenor Bonham memaklumkan beliau ada menerima surat daripada Sultan Ahmad Tajuddin yang menyangkal penglibatan baginda dalam kebangkitan ini. Gabenor memberi amaran kepada Tunku Mohamad Saad yang tindakan ketenteraan akan diambil dan akan dilayan sebagai musuh dan lanun. Pada 7 Disember 1883, Gabenor mengisytiharkan rakyat Pulau Pinang dan Seberang Prai yang menyokong Tunku Mohamad Saad juga akan dianggap sebagai lanun dan demi keselamatan mereka dikehendaki pulang ke rumah masing-masing.

.....

Tunku Mohamad Saad dianggap oleh orang Melayu dan kebanyakan orang Eropah di Pulau Pinang sebagai pejuang patriotik. Malah pedagang-pedagang Pulau Pinang banyak membuat keuntungan melalui penjualan senjata kepada pejuang-pejuang Kedah. Namun Gabenor S.G.Bonham bukan sahaja tetap dengan keputusan yang dibuat malah membuat keputusan sama dengan pihak berkuasa Siam yang semua perahu Melayu yang bersenjata akan dianggap "lanun". Dengan itu angkatan laut British mula mengepung pantai Kedah bermula 7 Disember 1838 berlarutan hingga Mac 1839. Langkah pentadbiran British melabelkan orang-orang Melayu yang menuntut hak politik mereka di Tanah Melayu sebagai lanun bagi memudahkan mereka menghalalkan campurtangannya.

Tunku Mohamad Saad dibicarakan pada 26 Oktober 1840 atas tuduhan melanun dan kesnya didengar oleh Sir William Norris. Kesnya dibela oleh J.R.Logan. Antara hujah J.R.Logan-beliau menyamakan tindakan Tunku Mohamad Saad sama dengan pemberontakan di England pada kurun ke-13 apabila beberapa orang *baron* menentang King John dan pemberontakan orang Belanda menentang dinasti Habsburgs di Sepanyol pada akhir abad ke-16. Peguambela turut menghujahkan dari segi kesahan undang-undang yang hendak dikenakan ke atas Tunku Mohamad Saad.

"Mohamad Saad's principal defence was that he was not a pirate by British municipal law or by international law but an agent of a foreign sovereign (the Sultan of Kedah) committing an act of war. From this premise he argued that he should be treated as a criminal at British municipal law, but as a prisoner of war at customary international law."

Sir William Norris membuat keputusan penghakiman pada 2 November 1840. Tunku Mohamad Saad didapati tidak bersalah dan dianggap tahanan perang pihak berkuasa British. Hakim mendapati barang-barang bukti yang dirampas merupakan alat perang untuk melawan Siam dan Tunku Mohamad Saad dikatakan berhak untuk berperang dengan Siam. Bagaimanapun Gabenor S.G.Bonham masih bimbang jika Tunku Mohamad Saad dibiarkan terus berada di Pulau Pinang kemungkinan beliau akan mengetuai satu lagi pemberontakan memandangkan popularitinya semakin meningkat. S.G.Bonham

.....

menyedari jika hal ini berlaku, beliau sukar untuk bertindak mengikut undang-undang British seperti diputuskan mahkamah. Sultan Ahmad Tajuddin sendiri dikatakan merestui jika Tunku Mohamad Saad tidak berada di mana-mana tempat di Negeri Selat memandangkan usaha perdamaian dengan Siam sedang diusahakan bagi membolehkan baginda mendapat semula takhta Kedah.

Pihak berkuasa British membuat keputusan Tunku Mohamad Saad sebagai musuh kemahkotaan British. Tunku Mohamad dianggap sebagai tahanan Kerajaan dan dihantar ke Calcutta, India. Turut serta bersamanya ialah anak lelakinya dan dua orang pembantu. Tunku Mohamad Saad dibayar elaun Rs50 sebulan selama berada di Calcutta. Di sana beliau diletakkan di bawah pengawasan majistret Moorshedabad.

Epilog Seorang Wira

Tunku Mohamad Saad dihantar balik ke Pulau Pinang pada bulan November 1843 setelah tiga tahun dalam pembuangan. Beliau menetap di Kota, Seberang Prai. Di situ beliau mengutip cukai daripada rakyat daerah Prai yang didakwa sebagai hak ampun kurnia Sultan kepada isterinya. Beberapa bulan kemudian Tunku Mohamad Saad menghantar ekspedisi 150 orang yang diketuai Putih Tok Ting untuk mengutip hasil bijih timah, di Pulau. Perlombongan bijih di Pulau ketika itu dikendalikan oleh Haji Dultani dengan hasil tahunan \$2,000. Sebelum ini kutipan cukai tersebut dibuat oleh wakil Sultan, Tunku Ibrahim di muara Sungai Muda.

Tunku Mohamad Saad juga dikatakan bersama 150 orang pengikutnya pergi ke Kupang, Baling dan merampas apa sahaja termasuk kerbau dan lembu. Ramai penduduk dibunuh dan rumah dibakar. Tunku Ibrahim juga ditugaskan untuk berunding dengan Tunku Mohamad Saad gagal berbuat demikian kerana Tunku Mohamad Saad telah balik ke Prai. Tunku Mohamad Saad mempunyai alasan tersendiri mengapa beliau bertindak demikian. Menurutnya, beliau menyerang Kupang kerana di situ terdapat gerombolan penjahat yang diketuai Haji Sultan dan Mohd Sehud yang merompak dan membakar Karang berhampiran Kulim. Tunku Mohamad Saad telah banyak menanam modal untuk perlombongan bijih timah di Karang. Penduduk-

.....

penduduk Karangan yang bekerja melombong untuk Tunku Mohamad Saad turut menanam padi huma dan memelihara kerbau-kerbau; Haji Sultan dan Mohd Sehud telah merampas harta penduduk di situ.

Gerombolan kedua mereka datang sekali lagi kemudian bukan sahaja merampas harta tetapi menangkap dan membunuh pekerja Tunku Mohamad Saad di Karangan. Tunku Mohamad juga mendapati orang-orang Cina menebang kayu balak dengan kebenaran Tunku Ibrahim. Sepatutnya kebenaran di kawasan ampun kurnia Karangan perlu mendapat kelulusan keluarga Tunku Mohamad Saad:

Kedua-dua episod ini menimbulkan rasa tidak senang pemerintah Kedah terhadap Tunku Mohamad Saad. Sultan Zainal Rashid yang memerintah Kedah ketika itu tidak lagi mahu pengaruh Tunku Mohamad Saad mempengaruhi politik Kedah. Beginda memihak kepada pihak berkuasa Pulau Pinang bagi memastikan Tunku Mohamad Saad tidak menimbulkan kecacatan lagi, dan memastikan senjata-senjata dari Pulau Pinang di bawa masuk ke Kedah.

Pesuruhjaya Seberang Prai, Kapten Ferrier diarahkan membawa bot perang ke Kota bagi mengambil tindakan ke atas Tunku Mohamad Saad dan Tunku Mohamad Saad:

"was easily defeated and he is now a fugitive; it is generally believed, but nothing certain is known of his movement, that he proceeded toward the Southern end of the Provinces, some say with a view of inducing the Rajah of Perak to espouse his cause, but I think this improbable, for old Rajah must have heard too much of the Tunku Mohamad Saad to trust him."

Walau apapun, sumbangan Tunku Mohamad Saad dalam perjuangan menentang penjajahan Siam, khususnya di Kedah amat besar makna. Beliau merupakan patriotik untuk zamannya yang dapat mengubah dan melunakkan dasar imperialistik Siam dan Inggeris sehingga mengembalikan semula kedaulatan Kesultanan Kedah. Pihak Siam sendiri mengakui hakikat ini.

"Thus frequently have the Malays of Kedah conspired to expel the Siamese and restore thir own chiefs. After

Kedah have been again freed from rebellion the Emperor of Siam came to the resolution of governing it by means of Malayan officers as the best mode of preventing a recurrence of such scenes. For it appeared to His Majesty the religion, the laws and the customs of Siam were quite distinct from those of Malays and they like oil and water they could not amalgamated."



Hang Tuah
Simbol Wira Bangsa Melayu



Hang Tuah – Simbol wira bangsa Melayu

Oleh : Abdul Rahman Hanafiah

Pengenalan

HANG TUAH adalah satu-satunya wira Melayu yang telah diterima sebagai wira Melayu sejak lebih 500 tahun. Hang Tuah adalah ciptaan sejarah keagungan empayar Melaka. Kewiraannya bukan sahaja gah di negara ini juga di beberapa rantau Nusantara lainnya, malah dalam beberapa aspek berkongsi tentang sifat heroismenya. Tidak kurang ada negara yang menuntut bahawa Hang Tuah adalah wira mereka atau berasal dari Melaka. Apabila kita bercakap tentang Hang Tuah sebagai wira tidak dapat tidak kita akan merujuk *Hikayat Hang Tuah*. Dalam hubungannya ini, Kasim Ahmad (1964: X) menyatakan:

“Hikayat Hang Tuah ialah epik Melayu di dalamnya telah dilahirkan cita-cita bangsa Melayu. Ia telah mencatatkan riwayat bangsa ini dari sejarah mulanya, melewati zaman pembangunan lalu di zaman kebesarannya. Tokoh Hang Tuah mewakili bangsa Melayu sendiri.”

Pendapat itu menunjukkan betapa besarnya pengaruh hikayat tersebut, terutama tokohnya iaitu Hang Tuah kepada jiwa, pemikiran dan cara hidup orang-orang Melayu. Boleh dikatakan kebanyakan orang Melayu mengetahui cerita *Hikayat Hang Tuah*. Mereka memuja dan mengagumi, kerana ia menggambarkan kegagahan perwira-perwira Melayu iaitu Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir dan Hang Lekiu yang berjaya mengalahkan setiap musuh yang datang dari dalam mahu pun dari luar negeri. Mereka juga berjaya mengharumkan nama negara Melayu iaitu Melaka sebagai sebuah negara yang besar. Di samping itu, Hikayat Hang Tuah juga mengandungi cerita pertikaman Tuah-Jebat: dua orang sahabat akrab yang berbeza pendapat dalam mentafsirkan erti taat setia kepada raja sehingga membawa kepada suatu pertikaman dan pembunuhan yang penuh tragedi.

Kassim Ahmad juga menyatakan bahawa cerita ini sangat digemari oleh orang Melayu. Pada zaman kegemilangan bangsawan, cerita Tuah-Jebat dipentaskan pada hari ucapan sekolah. Sifat kepahlawanan dan kepewiraannya terletak pada kejayaannya mengungkapkan pelbagai persoalan dan nilai-nilai serta budaya orang Melayu pada

.....

abad ke-15 dan paling menarik ialah gambaran tentang kepahlawanan Hang Tuah. Di samping itu, hikayat ini juga menggambarkan konsep kesetiaan kepada raja seperti yang dipegang oleh watak Hang Tuah dan sebaliknya tergambar pula konsep penderhakaan melalui watak Jebat. Kassim Ahmad dalam kajiannya menyatakan dua perkara penting dikemukakan dalam hikayat itu iaitu tentang keperwiraan Hang Tuah dan penderhakaan Jebat (1964 : 8-9).

Abu Hassan Sham bersetuju dengan pandangan Kassim Ahmad dan dalam kajiannya, beliau lebih mementingkan konsep wira yang menjadi persoalan utama dalam *Hikayat Hang Tuah*. Hampir empat perlima cerita dalam hikayat tersebut menggambarkan kegagahan Hang Tuah manakala yang lain menyentuh watak Jebat sebagai penderhaka (1982 : 5-8). Mohd Taib Osman pula melihat *Hikayat Hang Tuah* sebagai karya klasik yang teragung kerana berjaya menggambarkan budaya dan sistem hidup masyarakat Melayu secara realistik. Hang Tuah lahir di tengah-tengah masyarakat feudal, pahlawan yang mempertahankan dan mendaulatkan feudalisme itu sendiri (1974: 369-70).

Sulastin Sutrisno menjelaskan inti cerita Hikayat Hang Tuah melalui ayat pertama dalam naskah tertua iaitu dalam Cod. Or 1762 yang tersimpan di Perpustakaan Universiti Leiden, iaitu:

"Inilah *Hikayat Hang Tuah* yang amat setiawan pada tuannya dan terlalu sangat berbuat kebaktian kepada tuannya".

Dari petikan di atas, Sulastin mengambil kesimpulan bahawa tema dalam hikayat tersebut ialah tentang bakti Hang Tuah terhadap rajanya dan ini bererti aspek kepahlawanan dan kecintaannya kepada kerajaan Melaka dibincangkan sekaligus (1983:130-4). Sementara itu, Za'ba berpendapat bahawa *Hikayat Hang Tuah* merupakan lambang kesatriaian dan kepahlawanan bangsa Melayu dan Hang Tuah adalah contoh yang tinggi dan mulia dalam mengabdikan diri kepada sultan dan negara (1951:11). Pendapat Za'ba itu dengan sendirinya menjelaskan bahawa terdapat dua perkara pokok dalam *Hikayat Hang Tuah* iaitu ketaatan kepada raja dan kecintaannya kepada negara iaitu Melaka. Demikianlah juga yang dilihat oleh Sulastin dan Kassim

.....

Ahmad tentang dua perkara pokok yang menjadi persoalan utama dalam hikayat tersebut. Hang Tuah sebagai simbol keperwiraan Melayu dapat dilihat daripada sifat-sifatnya, iaitu:

- A) Berbakti dan taat setia kepada raja. Setiap peristiwa dalam *Hikayat Hang Tuah* menggambarkan Hang Tuah sebagai tokoh yang sentiasa mencurahkan segala daya dan nyawa demi kesetiannya kepada raja. Ternyata bahawa tujuan hidup Hang Tuah tidak lain dari memberi khidmat kepada raja. Hang Tuah sanggup menjadi pelindung kepada raja, sanggup melarikan Tun Teja yang telah bertunang untuk dipersembahkan kepada raja, bersedia menjadi 'diplomat', rela pura-pura mati untuk masuk ke dalam kubur dan pengorbanan paling besar ialah kesanggupannya membunuh sahabat dan saudara sendiri Hang Jebat. Pendek kata, taatsetianya kepada raja tidak berbelah bahagi.
- B) bijaksana dan pintar. Hang Tuah digambarkan sebagai seorang yang bersifat bijaksana, pandai menyesuaikan diri dalam keadaan tertentu, tetapi ada juga tipu muslihatnya apabila berjaya memujuk Tun Teja yang telah ditunangkan dengan Megat Panji Alam untuk dibawa ke Melaka sebagai persembahan kepada raja. Hang Tuah bijak dalam memperdaya atau mengalahkan musuh-musuhnya seperti helahnya untuk mendapatkan keris Taming Sari di tangan Jebat dan membunuhnya.
- C) sebagai seorang wira, dia terlibat dalam berbagai-bagai peperangan, pertempuran dan pertikaman. Dalam *Hikayat Hang Tuah*, banyak sekali peperangan sebagaimana yang digambarkan dalam peperangan di Majapahit. Kemenangan selalunya berada di pihak Hang Tuah. Tidak pernah sekali pun Hang Tuah mengalami kekalahan. Keadaan ini menunjukkan bahawa Hang Tuah sebagai wira tetap mencapai kemenangan dalam apa juga bentuk perlawanan. Betapa ramai musuh yang mencabar, semuanya dapat ditentang dan dihapuskan. Meski pun ada musuhnya yang boleh menjelma sebagai binatang, Hang Tuah tetap mampu mengalahkan. *Hikayat Hang Tuah* dapat dikategorikan sebagai wira yang penuh kejayaan (Friedman, Norman, 1975: 86-7).

-
- D) Hang Tuah juga melakukan pengembaraan. Hang Tuah pernah mengembara ke Majapahit, Indrapura dan Terengganu untuk menuntut ilmu dan ia juga menjadi duta ke negara asing seperti ke Benua Keling, China, Siam, Rom dan Mesir. Selain menjadi seorang wira yang pintar dalam peperangan, dia juga menjadi wakil diraja. Ini menambah lagi ketokohnya sebagai seorang wira.
- E) unsur-unsur percintaan wira Melayu tidak seperti wira barat yang selalu digambarkan dengan babak-babak romantis (Raglan, Lord:13979: 87-90). Hikayat Hang Tuah dapat dikatakan tidak menggambarkan aspek ini. Hang Tuah tidak terlibat dalam percintaan. Memang Hang Tuah berkahwin dan beristeri tetapi perkara ini tidak diceritakan. Unsur percintaan yang jelas hanya antara dirinya dengan Tun Teja itu pun dilakukan bukan untuk dirinya sendiri. Tun Teja hendak diserahkan kepada Raja Melaka.
- F) di sebalik perhubungan Hang Tuah dengan wanita dalam Hikayat Hang Tuah, ia mempunyai akibat yang bertentangan. Hubungannya dengan wanita telah dijadikan bahan fitnah bahawa Hang Tuah bermukah dengan gundik raja. Peristiwa itu bertujuan untuk menimbulkan kebencian di pihak pembesar negeri. Hal yang sama pernah terjadi pada watak Hercules yang mempunyai musuh terdiri daripada kalangan pembesar negerinya. Walaupun begitu, Hang Tuah tidak pula berusaha untuk membalas dendam, tidak seperti Hercules yang membunuh pembesar yang telah memfitnahnya.
- G) terdapat unsur mistik dalam *Hikayat Hang Tuah* iaitu pada bahagian akhir cerita ketika Hang Tuah melalui hari-hari tuanya dengan menyembunyikan diri untuk beribadat. Ada tanda-tanda dia memasuki alam mistik. Di sini dapat dilihat bahawa betapa tebalnya rasa perhambaan kepada raja, namun sebagai seorang Islam, Hang Tuah akhirnya sedar bahawa pengabdian kepada Allah itu adalah matlamat utama dalam kehidupan manusia.

Abu Hassan Sham (1982 : 8-9) sewaktu menghuraikan konsep wira dalam *Hikayat Hang Tuah* itu menyebut bahawa konsep keperwiraan

.....

bangsa Melayu berbeza dengan bangsa asing terutama seperti yang terdapat di Barat. Hang Tuah mewakili keperwiraan pahlawan-pahlawan Melayu itu, taat setianya kepada raja tidak berbelah bahagi. Dia sanggup membunuh sahabat sendiri dan tidak mudah terjebak dengan masalah perempuan. Hang Tuah ialah wira yang bersedia menerima pelbagai halangan dan rintangan, termasuk fitnah dan hukuman bunuh. Segalanya diterima dengan kata-kata 'Alhamdulillah'. Ini sesungguhnya imej wira feudal dari beberapa peristiwa yang berlaku pada zaman feudal (Shaharuddin Maaruf 1984 : 24-5).

Tekstualiti perjalanan wira

Hikayat Hang Tuah berasal dari tradisi sastera lisan. Biar pun begitu, menurut A.Bakar Hamid (1980:II-IV) peristiwa-peristiwa yang diceritakan berpijak pada latar sejarah, tidak seperti penglipur lara yang mempunyai latar cerita yang tidak jelas dan kadangkala penuh dengan khayalan. Salah satu ciri yang berbeza dari sastera lisan ialah terdapatnya peristiwa yang boleh berdiri dengan sendirinya misalnya pertikaman antara Hang Tuah dengan Hang Jebat, ini merupakan peristiwa yang dapat dipisahkan dari jalan cerita hikayat tersebut dan dapat dijadikan satu episod yang tersendiri.

Seperti juga halnya dengan cerita-cerita lisan, hikayat ini mengandungi unsur-unsur pengembaraan, peperangan dan percintaan (Abu Hassan Sham 1982:4-5). Unsur-unsur pengembaraan dalam Hikayat Hang Tuah dapat dilihat pada peristiwa Hang Tuah mengikuti rombongan diraja ke Majapahit dan pemergiannya ke India, China dan Rom sebagai diplomat. Unsur peperangan juga banyak digambarkan, seperti melawan lanun di laut, menentang orang mengamuk, bertempur dengan perajurit Majapahit dan sebagainya. Unsur percintaan pula tergambar antara Hang Tuah dengan Tun Teja, tetapi semata-mata untuk memujuk Puteri Inderapura supaya dapat dibawa ke Melaka sebagai persembahan kepada raja.

Kassim Ahmad juga mengatakan bahawa dua hal utama yang menjadi nadi kepada hikayat ini ialah unsur peperangan dan unsur pengembaraan. Unsur peperangan dapat dilihat dari awal cerita hingga Hang Tuah berjaya membunuh Kertala Sari, suatu peristiwa yang agak

.....

panjang pada bahagian awal hikayat itu. Sementara satu pertiga lagi merupakan kisah perhubungan Melaka dengan Negeri Keling hingga pada keseluruhannya menggambarkan banyak unsur pengembaraan (1964 : XII). *Hikayat Hang Tuah* edisi Dewan Bahasa dan Pustaka yang diselenggarakan oleh Kassim Ahmad mengandungi 28 bab.

Untuk menjelaskan perjalanan kehidupan Hang Tuah sebagai wira, maka di bawah diturunkan beberapa episod atau susur galur cerita *Hikayat Hang Tuah* iaitu:

- a) Asal usul kerajaan Bentan
- b) Hang Tuah menjadi hamba raja
- c) Kedatangan Patih Kerma Wijaya
- d) Raja Muda difitnah
- e) Utusan meminang Tun Teja
- f) Percubaan membunuh Hang Tuah
- g) Hang Tuah berlawan dengan Taming Sari
- h) Lagi percubaan membunuh Hang Tuah
- i) Hang Tuah difitnah
- j) Hang Tuah menduga hati Tun Teja
- k) Tun Teja jatuh hati kepada Hang Tuah
- l) Berhadapan dengan Panji Alam
- m) Hang Tuah menunggang kuda tezi
- n) Keris Taming Sari dicuri
- o) Hang Tuah membunuh Petala Bumi
- p) Hang Tuah difitnah lagi
- q) Hang Jebat menduduki istana
- r) Hang Tuah bertikam dengan Hang Jebat
- s) Hang Tuah membunuh Kertala Sari
- t) Utusan Melaka ke negeri Keling
- u) Utusan negeri Keling ke negeri China
- v) Adipati Solok mencuba Laksamana
- w) Hang Tuah berlawan dengan pendekar Jepun
- x) Raja Chulan menyabung ayam di Terengganu
- y) Inderapura menjadi jajahan Melaka
- z) Mahkota Melaka dan keris Taming Sari
- aa) Utusan Melaka ke Turki
- bb) Hang Tuah masuk ke dalam kubur
- cc) Melaka jatuh ke tangan Peringgi.

.....
Keseluruhan episod *Hikayat Hang Tuah* di atas dapat digolongkan kepada dua bahagian:

- i) Bahagian pertama : dari bab pertama yang menceritakan asal usul Hang Tuah hingga bab 18 iaitu bab pertikaman Tuah-Jebat
- ii) Bahagian kedua : dari bab Hang Tuah membunuh Kertala Sari hingga bab akhir

Bahagian (1) merangkumi sejarah hidup Hang Tuah yang berlaku di sekitar dirinya dan sahabat-sahabatnya serta hubungan Melaka Majapahit. Bahagian kedua merangkumi sejarah hidup Hang Tuah dan kedudukan Melaka yang sudah luas hubungannya dengan dunia antarabangsa seperti Jepun, Rom, Mesir dan lain-lain. Kedua-dua bahagian ini dapat berdiri sendiri sebagai sebuah cerita yang berasingan.

Hikayat Hang Tuah digerakkan oleh unsur mitos dan lagenda yang penuh dengan unsur kesaktian dan magis. Peristiwa-peristiwa yang terjalin di dalamnya mempunyai motif yang jelas iaitu menunjukkan kebesaran Melaka dan kepahlawanan Hang Tuah sebagai wira Melayu. *Hikayat Hang Tuah* merupakan puncak lagenda bagi kesusasteraan klasik berikutan dengan beberapa kejayaan Hang Tuah kerana mengalahkan hulubalang Jawa dan dalam beberapa pertempuran yang lain. Ini merupakan suatu pengagungan keperibadian dan kepahlawanan wira Melayu yang dapat bersaing dengan kemasyhuran pahlawan Panji Jawa yang terkenal seperti Radin Inu.

Kita lihat di sini terdapat unsur ekserp dan paralel antara peristiwa-peristiwa dalam *Hikayat Hang Tuah* dengan cerita Panji. Kejayaan Hang Tuah dalam setiap perlawanan atau pertempuran sebagai suatu peristiwa yang menjadi lagenda masyarakat Melayu. Hang Tuah ialah wira Melayu yang tidak pernah kecewa dalam sebarang pertempuran malah ia memiliki kepintaran dan daya fikir yang tinggi. Kebijaksanaan dan kepintaran yang diberikan kepada tokoh Hang Tuah adalah suatu anugerah untuk membuktikan keperwiraannya. Justeru itu ramai para pengkaji seperti Winstedt, Parnickel, Teeuw, T. Iskandar dan lain-lain menyimpulkan bahawa jalinan cerita *Hikayat Hang Tuah* yang penuh dengan mitos dan lagenda itu bertujuan untuk mengagungkan Hang Tuah, justeru Hang Tuah dengan tujuan mahu mengagungkan Melaka dan menjadikannya suatu sinonim.

Sifat keunggulan Hang Tuah

Hang Tuah merupakan watak utama dalam hikayat ini untuk menggerakkan cerita. Walau bagaimanapun, sifat fizikal watak ini tidak pula digambarkan. Apa yang banyak digambarkan hanyalah sifat-sifat peribadinya. Hang Tuah dikatakan berasal dari Sungai Duyung, kemudian berpindah ke Bentan. Sewaktu kecilnya, dia belajar mengaji al-Quran, bahasa Arab dan berguru. Pada waktu itu dia sudah pun memperlihatkan sifat keperwiraannya dengan membunuh penyamun. Hang Tuah memiliki ilmu sakti, ilmu firasat dan ilmu pusaka. Dengan ilmu-ilmu itu, dia dapat mengetahui sesuatu yang terselindung, berkebolehan mengubati orang sakit, boleh mengubah dirinya menjadi binatang dan berupaya menjadikan meriam tidak meletup.

Hang Tuah merupakan seorang yang cukup bijak, pintar, tajam fikiran, jauh pandangan dan mempunyai banyak muslihat. Banyak peristiwa yang membuktikan hal ini. Sebagai contoh, sewaktu dia berhadapan dengan hulubalang Jawa yang bernama Taming Sari, dia telah membuat muslihat dengan bermuafakat untuk menghapuskan Betara Majapahit yang hendak membunuhnya. Setelah hulubalang Jawa itu menyerahkan keris Taming Sari kepadanya, Hang Tuah dengan pantas memintas mahu membunuhnya. Hulubalang Jawa itu mengerti bahawa dirinya sudah ditipu oleh Hang Tuah. Dalam peristiwa lain iaitu sewaktu berperang dengan lebih 7000 perajurit Jawa, Hang Tuah telah memerangkap perajurit-perajurit itu dalam suatu lorong dan dia dapat membunuh mereka. Begitu juga kebijaksanaan Hang Tuah sewaktu dia melaksanakan tugas sebagai duta atau diplomat.

Kejayaan Hang Tuah yang menakjubkan ialah kepintarannya sebagai wira Melayu yang berjaya menunggang kuda tezi dan memakan sayur yang tidak berpotong di hadapan Maharaja China sehingga dia dapat melihat wajah maharaja itu. Suatu sifat yang ketara pada diri Hang Tuah ialah sikap taat setianya kepada raja yang tidak berbelah bahagi. Ini dapat dilihat daripada segala pengorbanan yang dilakukannya, sehingga apa sahaja perintah raja tidak pernah diingkarinya. Sebagai contoh, dia sanggup membunuh Jebat, sahabatnya yang sangat disayangi. Begitu juga dia sanggup masuk ke dalam kubur sebagai memenuhi hasrat raja untuk mengetahui apa yang berlaku selepas

.....
kematian. Kedua-dua perkara itu bagi rakyat biasa adalah hal yang di luar kesanggupan, tetapi Hang Tuah bersedia melakukannya demi memenuhi kehendak raja.

Dilihat dari segi pergaulannya dalam masyarakat, Hang Tuah dikenali sebagai manusia yang lemah lembut, baik budi bicara, tidak hilang akal dan sentiasa menghormati orang lain. Perkataan yang gemar digunakannya ialah 'bicara' dan 'fikir' yang menunjukkan dia suka berunding dalam sesuatu hal untuk mencapai sesuatu keputusan. Sewaktu kecilnya, dia berunding dengan kawan-kawannya tentang hal-hal yang mereka lakukan. Mereka sama-sama bersetuju untuk belayar di laut. Begitu juga pada usia remajanya, Hang Tuah berunding dengan sahabat-sahabatnya, misalnya untuk pergi berguru. Sifat menghormati hak orang lain dapat dilihat sewaktu dia berjaya membunuh Kertala Sari yang telah menyamun harta orang-orang Melaka. Kesemua harta itu telah diserahkan kepada tuan empunya harta tersebut. Hang Tuah telah menunjukkan sikap yang tidak mementingkan diri sendiri tetapi untuk kepentingan masyarakat umum.

Hang Tuah juga terdidik dengan ilmu keagamaan meski pun dia bukanlah seorang yang alim. Sewaktu kecilnya, Hang Tuah sudah belajar membaca al-Quran, belajar ilmu agama daripada para ulama dan mempelajari bahasa Arab sehingga dia dapat bertutur dalam bahasa tersebut. Sifat-sifat keagamaannya semakin jelas tergambar pada hari-hari tuanya dengan hidup sebagai seorang yang zuhud. Peristiwa masuk ke dalam kubur sangat mengesankan jiwa Hang Tuah : bahawa alam barzah itu penuh dengan penyeksaan bagi mereka yang membelakangkan Allah.

Sebagai seorang hulubalang dan kemudiannya diberi gelaran laksamana, Hang Tuah dikatakan sebagai seorang wira yang serba sempurna baik dari segi jasmani, rohani, pemikiran, tindakan dan cara dia berbudaya dengan orang lain (Ibrahim Saad 1973 : 6-7). Dalam setiap perlawanan, Hang Tuah akan mencapai kemenangan dan setiap rintangan dia berjaya mengatasinya. Menurut teori Joseph Campbell (1970 : 330-45), watak seperti ini dikategorikan sebagai wira menang, dengan itu Hang Tuah juga merupakan seorang wira yang serba lengkap. Dua ciri penting yang meletakkan Hang Tuah sebagai wira

.....

unggal ialah pertama dia memiliki sifat-sifat baik dan istimewa dan kedua dia berjaya melaksanakan tugas-tugas yang berat seperti sanggup membunuh sahabat sendiri, Jebat dan mempertahankan negaranya dari ancaman musuh. Hang Tuah dianggap sebagai wira yang memenuhi segala ciri keperwiraan dan memenuhi konsep *'the true hero'* seperti yang banyak diperkatakan oleh para pengkaji tentang konsep keperwiraan ini. Menurut Otto Rank (1984), yang mengkaji proses perwiraan memang biasa tokoh-tokoh hero muncul di kalangan watak bermitos dan berlegenda kerana di situlah dasar perwiraan atau heroshipnya.

Membicara Tuah tidak akan lengkap tanpa melihat hubungannya dengan Hang Jebat. Kedua-duanya mempunyai ciri kewiraan dan saling imbang mengimbang dan disebabkan oleh zaman dan tuntutan, konsep wira juga mengalami perubahan. Hang Jebat adalah sahabatnya yang paling rapat berbanding dengan sahabat-sahabatnya yang lain. Boleh dikatakan fikiran Jebat lebih diutamakan daripada fikiran sahabat-sahabatnya yang lain. Kerana itu juga, konsep keperwiraan Jebat tidak kurang hebatnya dengan Hang Tuah. Dari segi fizikal, Jebat dikatakan berkulit putih dan rambutnya ikal. Gambaran singkat ini boleh menjelaskan kepada kita bahawa Jebat seorang yang kakak orangnya. Dia mempunyai suara yang merdu dan pandai membaca hikayat. Dia juga memiliki ilmu seperti ilmu batin, ilmu sakti, ilmu firasat dan ilmu pusaka. Kehandalannya lebih kurang sama dengan Hang Tuah kerana mereka sama-sama berguru di Bentan dan di Majapahit.

Walau bagaimanapun, sifat yang menonjol pada diri Jebat ialah sikap keras hati. Sewaktu zaman remaja, Hang Tuah mencadangkan mereka berlima sahabat pergi belayar. Hang Jebatlah orang yang memperlihatkan sifat agresif dan berani, 'mengapa tidak belayar saja.' Begitulah kata Jebat kepada sahabat-sahabatnya. Begitu juga sewaktu mereka di Majapahit, Hang Jebat juga mencadangkan supaya mereka semua mengamuk di istana Betara Majapahit kerana keris Taming Sari yang baru dihadihkan oleh Betara Majapahit hilang. Dari keterangan itu menunjukkan Hang Jebat adalah seorang yang berani dan keras hati.

.....

Jebat juga terkenal sebagai seorang yang suka berterus terang, radikal dan tegas. Baginya tidak ada sifat berselindung atau memuji-muji apalagi bekerja untuk mendapatkan nama atau sanjungan. Tegasnya dia adalah manusia yang bukan gilakan pangkat. Walau bagaimanapun, Jebat juga mempunyai kelemahannya sendiri. Jebat selalu bertindak terburu-buru dan kadang-kadang melulu pula. Sifat ini tentu berbeza dengan Hang Tuah yang berfikiran tenang dan panjang. Satu sifat Jebat yang paling mulia ialah sentiasa memegang janji kepada sahabat. Kesetiaannya kepada sahabat tidak ada tolok bandingnya ketika itu. Jebat adalah pahlawan Melayu yang berani menentang raja semata-mata kerana persahabatan. Walau pun raja dianggapnya bayangan Tuhan dan tidak ada siapa yang berani menentangnya tetapi Hang Jebatlah satu-satunya manusia yang sanggup berdepan dengan raja dan ingin memecahkan tradisi feudalisme pantang Melayu menderhaka, Hang Jebat percaya apa yang dilakukannya adalah benar dan hak.

Sungguh pun begitu, dalam *Hikayat Hang Tuah* watak Hang Tuah menjadi tumpuan utama terutama dari segi perwatakan berbanding dengan watak Jebat. *Hikayat Hang Tuah* menumpukan cerita dan susur galur penceritaan pada watak Hang Tuah, sementara peranan Hang Jebat lebih merupakan watak pembantu. Walau bagaimanapun, dari beberapa gambaran dalam hikayat tersebut, kita dapat mengenal identifikasi perwatakan Jebat iaitu sifat kepahlawanannya tidaklah banyak berbeza daripada watak Hang Tuah. Sebagai seorang hulubalang raja, Jebat digambarkan sebagai seorang yang berani bersama-sama dengan Hang Tuah serta rakan-rakan yang lain iaitu Hang Kasturi, Hang Lekir dan Hang Lekiu.

Mereka pernah menewaskan musuh di sebuah pulau sewaktu mereka masih kecil. Kemudian mereka juga berjaya mengalahkan orang yang mengamuk dan yang cuba membunuh Bendahara Melaka. Hang Jebat bersama-sama rakan-rakannya telah menewaskan perajurit-perajurit Majapahit. Sifat kesetiaan kepada sahabatlah yang mengharumkan nama Jebat, lebih-lebih lagi terhadap sahabatnya, Hang Tuah. Dia sentiasa memberikan perlindungan kepada Hang Tuah seperti yang pernah dilakukannya sewaktu Hang Tuah diserang oleh perajurit-perajurit Jawa. Jebat menganggap persahabatan mereka berlima saudara sebagai 'telur sesarang, pecah sebiji pecah semuanya'.

.....

Hakikat ini dapat dirasakan apabila sahabatnya Hang Tuah dijatuhi hukuman bunuh oleh Raja Melaka tanpa usul periksa. Walau bagaimanapun, sebagai seorang manusia, Hang Jebat pernah menyatakan bahawa dia juga 'ingin mencari kemasyhuran'. Sebagai contoh, pada masa mereka di Inderapura Hang Jebat mencari kemasyhuran itu dengan membunuh Megat Panji Alam sebagai bakti kepada rajanya.

Tidak syak lagi, keinginannya untuk mencari kemasyhuran adalah dengan membunuh Megat Panji Alam. Dan keinginannya yang sama juga terpaksa dilakukan apabila Jebat dikatakan telah menderhaka rajanya. Kerana itu dia tidak pernah menyesal, sebaliknya dia sangat terkilan kerana terpaksa bertikam dengan sahabatnya sendiri, Hang Tuah. Hang Jebat seorang hulubalang Melaka yang gagah berani yang cuba menegakkan keyakinan dan baginya adalah suatu hal yang amat menyayat hati apabila terpaksa mati di tangan sahabatnya sendiri. Bagi Hang Jebat, menderhaka kepada raja adalah untuk menegakkan keadilan. Apabila Hang Tuah mengatakan pekerjaan menderhaka itu adalah suatu dosa besar, Hang Jebat menjawab:

"Apatah dayaku? Sekalian itu dengan kehendak-Nya
juga tiada dengan kuasa kuperbuat itu, supaya namaku
masyhur pada segala negeri." (*Hikayat Hang Tuah* : 339)

Watak-watak lain turut berperanan mengembangkan konsep kewiraan Tuah. Antara watak-watak yang penting ialah Hang Kasturi, Raja Melaka, Bendahara Paduka Raja, Patih Kerma Wijaya, Patih Gajah Mada, Tun Teja, Temenggung dan lain-lain. Hang Kasturi merupakan watak yang rapat dengan Tuah-Jebat. Dia sentiasa di samping keduanya walau di mana mereka berada. Pada mulanya apabila Hang Jebat menderhaka, Hang Kasturi telah diperintah oleh raja supaya membunuh Jebat tetapi ia tidak berjaya melakukannya. Setelah Hang Jebat mati ditangan Hang Tuah, Hang Kasturi mengiringi Hang Tuah menjadi 'diplomat' ke negeri seperti Benua Keling, China, Rom dan Turki. Hang Kasturi diberi gelaran sebagai Maharaja Setia.

Raja Melaka turut memainkan peranan penting dalam *Hikayat Hang Tuah*. Baginda dikatakan berasal dari keturunan raja dari Bukit Siguntang, anak tertua kepada Sang Sapurba. Baginda pernah

.....

mengambil tindakan terburu-buru, misalnya dengan mempercayai fitnah ke atas Hang Tuah. Tanpa usul periksa lagi, terus menjatuhkan hukuman bunuh. Sungguh pun begitu, baginda dikenali sebagai raja yang penyayang dan pengasih lebih-lebih lagi kepada Melaka. Baginda mempunyai pandangan yang jauh seperti yang dibuktikan apabila baginda menghantar Hang Tuah ke luar negeri untuk memperkenalkan dan membuat hubungan dengan negara-negara asing. Hubungan dengan negara-negara asing ini dapat memperteguh pemeritahan dan sistem politik Melaka.

Dengan itu dapatlah baginda mentadbir Melaka dengan baik. Raja Melaka berkahwin dengan Raden Mas Ayu, anak kepada Raden Bahardan Raden Bajau. Anaknya yang pertama apabila dewasa menjadi Betara Majapahit dan putera kedua merajai Bukit Siguntang. Seorang lagi hasil perkahwinan dengan Tun Teja, melahirkan Raja Ahmad yang kemudiannya menjadi Raja Bentan dan Sultan Mahmud yang berkerajaan di Lingga. Watak ini hanyalah watak stereotaip dan tipikal sebagai seorang raja. Perubahan ketara masa tuanya, dia meninggalkan tahta dan menjadi ahli mistik.

Sementara itu, Bendahara Paduka Raja adalah Bendahara Melaka yang mempunyai peranan yang sama seperti Perdana Menteri. Dialah yang berkuasa selepas raja. Watak Bendahara dikatakan seorang yang cerdik, luas pandangan dan pengalaman serta bertindak mengikut fikiran yang waras. Bendahara Paduka Rajalah yang menyelamatkan Hang Tuah ketika difitnah. Bendahara merupakan seorang pegawai yang cukup bertanggungjawab, berdedikasi dan banyak menyelesaikan masalah di Melaka. Boleh dikatakan watak Bendahara ini lebih rapat dengan Hang Tuah daripada watak-watak lain daripada kalangan istana. Suatu hal yang menarik adalah tentang kebijaksanaan Bendahara mengetahui niat jahat yang dilakukan oleh Patih Kerma Wijaya. Ketika Jebat menderhaka, Bendahara sanggup menghadapinya, meski pun dia dilarang oleh Hang Kasturi. Bendahara juga seorang ahli bahasa dan persuratan. Bendaharalah yang menulis surat kepada pembesar luar negeri. Semasa Hang Tuah ke luar negeri, surat yang dibawanya adalah hasil tulisan dan karangan Bendahara Paduka Raja.

.....

Watak Patih Kerma Wijaya, seorang pegawai istana yang berasal dari Jawa. Beliau datang ke Melaka kerana puterinya diambil oleh Ratu Lasem. Dia berasa malu dan lari ke Melaka untuk memulakan hidup baru dan dia beruntung mendapat kedudukan yang tinggi di Melaka. Walau bagaimanapun, watak ini terkenal sebagai watak jahat. Dialah yang menyebabkan Hang Tuah difitnah sebanyak dua kali itu sehingga menyebabkan Jebat menderhaka dan kekacauan berlaku di istana. Di samping itu, dia juga berjaya menabur fitnah dan menghasut supaya mereka disayangi oleh raja. Patih Kerma Wijaya adalah punca kejahatan. Begitu juga dia bukanlah seorang pahlawan yang tulen. Ketika Jebat mencabarnya dan sultan juga meminta supaya berlawan dengan Jebat, ia menolak. Sikap bacul ini melemahkan Patih Kerma Wijaya. Namun begitu, jasanya terhadap Raja Melaka cukup penting dan kerana jasanya Raja Melaka dapat berkahwin dengan Raden Mas Ayu. Perkahwinan itu juga sebagai jambatan bagi persahabatan dengan Majapahit.

Sementara itu, kedudukan Patih Gajah Mada dalam Hikayat Hang Tuah juga penting kerana dia mempunyai cita-cita untuk menakluk Melaka. Salah satu rancangan yang cuba dilakukannya ialah mahu membunuh Hang Tuah kerana Tuah dianggap sebagai benteng kepada Raja Melaka dan negeri Melaka. Diperintahkannya hulubalang gagah perkasa Taming Sari dan sekalian perajurit Majapahit supaya membunuh Tuah. Setelah Hang Tuah pulang ke Melaka, dihantarnya pula Merga Paksi dan Kertala Sari. Dia sanggup mengorbankan nyawa perajuritnya demi menegakkan cita-cita dan perluasan kuasa cita-citanya. Dalam kerajaan Majapahit, kedudukannya sangat penting. Dari kaca mata orang-orang Melaka, Patih Gajah Mada seorang yang berwatak jahat, ia mahu menakluk Melaka dan tidak jujur orangnya. Pada masa menerima kunjungan muhibah itu, dia merancang perbuatan jahat, namun begitu sifat jahatnya itu akhirnya telah berubah pada hari tuanya, lebih-lebih lagi apabila Betara Majapahit sudah mati. Ia kembali berhubung dengan Raja Melaka dengan meminta Raden Bahar menjadi Betara Majapahit. Tentu sahaja sikapnya ini merupakan yang menarik dan menakjubkan.

Tun Teja pula merupakan watak wanita penting dalam *Hikayat Hang Tuah*. Dia berasal dari Inderapura, anak kepada Bendahara Seri Buana. Dia telah ditunangkan dengan Megat Panji Alam dari Terengganu

.....

tetapi Tun Teja sendiri tidak setuju dengan pertunangan itu. Watak ini digambarkan sebagai gadis yang cantik. Raja Melaka telah jatuh cinta kepadanya dan memerintahkan Tun Utama dan Tun Bija Sura supaya meminangnya. Peminangan itu ditolak dengan baik kerana baginya tidaklah layak untuk menjadi permaisuri Raja Melaka yang berketurunan daripada raja-raja besar dan dewa-dewa, sedangkan dia rakyat biasa. Keberaniannya menolak pinangan ini memperlihatkan sikapnya yang terbuka oleh seorang gadis pada zaman silam yang terikat dengan undang-undang tradisi dan feudalisme. Kemudian kita melihat Tun Teja jatuh hati kepada Hang Tuah dan bersedia mengikutnya ke Melaka. Sebenarnya Hang Tuah menggunakan ubat guna-guna dan tujuannya untuk menyembahkan Tun Teja kepada Raja Melaka. Kemudian Tun Teja menjadi permaisuri Raja Melaka.

Temenggung Melaka adalah watak yang tidak kurang pentingnya dalam istana iaitu selepas Bendahara. Namanya ialah Seri Seroja. Beliau bertugas untuk menjaga keselamatan negeri. Dia pernah diutuskan supaya membunuh Jebat, tetapi tidak berjaya. Boleh dikatakan di mana-mana sahaja kita akan menemui watak ini, tetapi kurang peranannya. Antara tugasnya yang penting ialah membantu pembukaan Melaka dan turut membangunkan Melaka. Dia tidak pergi ke Majapahit mengikut rombongan Raja Melaka sebaliknya bersama Bendahara dia memerintah Melaka. Dia juga seorang yang jujur dan ikhlas serta bertanggungjawab seperti Bendahara. Dia pernah cuba menangkap Kertala Sari yang melakukan kecurian. Setelah tua, dia meninggalkan jawatannya dan hidup dengan beribadat.

Watak-watak lain yang juga penting dalam hikayat ini ialah Raden Mas Ayu, Raja Muda Melaka atau Sang Jaya Nantaka, Tun Utama, Tun Bija Sura, Hang Lekir, Hang Lekiu, Taming Sari, Merga Paksi, Petala Bumi, Sang Kertaksa, Raja Inderapura, Bendahara Seri Buana, Temenggung Inderapura, Hang Kadim, Dang Ratna, Raja Temenggung, Megat Panji Alam, Pak Si Molong, perajurit-perajurit dan lain-lain. Apabila Hang Tuah menjadi 'diplomat', dia mengembara ke luar negeri. Sewaktu dalam siri pengembaraan itu kita akan bertemu dengan watak-watak Kisna Rayan, Nala Sang Guna, Raja China, Raja Chulan, Cin Cu, Phra Cau, Raja Rom, Ibrahim Kakan, Kapitan Gebernador dan lain-lain lagi.

.....

Daripada perbincangan di atas, kita melihat senario kewiraan Hang Tuah seperti yang diceritakan dan berkembang dari lisan ke tulisan dan hubungannya dengan watak-watak lain, terutamanya Jebat, Sultan, pembesar dan kehidupan istana. Kehidupan istana itu penting kerana disitulah legitimasi Hang Tuah sebagai wira. Hang Tuah muncul dari konsep feudalisme dan diwirakan untuk kepentingannya. Tetapi bagi orang Melayu, konsep wiranya terletak pada kegagahannya. Berperang dengan musuh dan setiap kali itu pula ia mencapai kemenangan. Kemenangan itu penting kerana di situlah konsep wira. Ketaatan kepada raja adalah konsep wira yang dikaitkan dengan istana dan feudalisme, namun masyarakat Melayu yang masih merasakan feudalisme itu sebahagian dari budayanya, justeru dalam konteks kehidupan feudalisme masih berperanan sebagai benteng pertahanan beberapa nilai politik. Tuah tetap hidup dalam kerangka pembudayaan Melayu. Tegasnya orang Melayu sejak zaman dahulu lagi telah menerima dan berbangga dengan kewiraan Hang Tuah dan merupakan lambang kegagahan bangsa.

Namun, kita sedar, 1960-an dan 1970-an, dalam dua dekad ini konsep wira ini telah jatuh ke tangan Jebat. Tuntutan perubahan ini dikesani dari teori dan pendekatan politik waktu itu. Parnickel, mula membawa tafsiran baru dalam kajian, yang cuba mempertikaikan kewibawaan Hang Tuah (1976). Sastera Melayu mula dimasuki pentafsiran-pentafsiran teori Marxisme dengan pendekatan realisme sosialis. Sejak Asas 50 kaedah ini telah digunakan dan kemudiannya dianut oleh beberapa tokoh Melayu seperti Kassim Ahmad, yang banyak mengkaji *Hikayat Hang Tuah* dan mendapati tindakan Jebat selari dengan konsep wiranya. Karya dan tokoh yang idealistik ialah golongan bawahan yang menentang atasan. Pertentangan kelas ini tidak semestinya dimenangi secara fizikal oleh golongan marhein ke atas borjuis sebaliknya jika kalah atau mati sekali pun ia akan dinamakan sebagai hero tragik dan Jebat memperolehi nama itu. Dan sejak itu nama Jebat muncul sebagai wira dan semakin bersemarak, di kalangan penulis seperti Usman Awang menulis teks metadrama historiografik "Matinya Seorang Pahlawan" yang meletakkan Jebat sebagai wira dan betapa kita menyaksikan teks ini menjadi popular seiringan dengan penerimaan masyarakat: Jebat wira (Mana Sikana, 1994).

.....


Pemudaran konsep wira Hang Tuah itu, sebenarnya tidak berjaya memadamkan wiraismenya sama sekali. Marxisme dan realisme sosialis telah mati di Malaysia. Kassim Ahmad telah meninggalkan realisme sosialis dan menyertai aliran teori Islam. Pengaruh Asas 50 dengan konsep "Sastera Untuk Masyarakat" dan masyarakat di situ merujuk realisme sosialis juga telah merosot dan digantikan masyarakat formal. Meskipun tidak dinafikan masih terasa adanya hantu-hantu Marxisme, tetapi yang jelas kesannya kepada wira Jebat telah menurun. Tidak banyak lagi suara Jebat, dan ini memberi ruang pula untuk Hang Tuah.

Barangkali perlu dijelaskan, musim pemudaran wira Tuah, bukanlah bererti ia diterima sepenuhnya oleh masyarakat Melayu. Jebat wira baru pada sifat revolusir dan perubahannya. Apa sifat revolusiner dan perubahan itu tidak lagi sesuai dengan zamannya, maka konsep itu juga mula hilang. Hilang bererti apabila konsep itu tidak lagi menjadi dominan dalam masyarakat. Daripada suatu segi, hasil kajian saya menunjukkan, bahawa antara Tuah dan Jebat sebenarnya konsep wira yang saling lengkap melengkap. Seandainya watak Tuah-Jebat itu hanya dimiliki oleh seorang, maka konsepnya adalah bulat. Bagaimana pun Hang Tuah tetap merupakan simbol dan ikonikal bagi masyarakat Melayu kerana hidupnya lebih panjang daripada Jebat yang mati muda itu. Hidup panjang bererti lebih banyak jasanya dan banyak ruang kewiraannya. Muhammad Haji Salleh dalam kajiannya (1999:38-39) menunjukkan kerana usia yang panjang itulah menunjukkan kematangan sebagai seorang wira. Seorang wira tidak hanya dinilai dari konteks segi peperangannya tetapi daripada jasa dan sifat matang dan intelektual; dan kesemuanya ini wujud dalam diri Hang Tuah. Hang Tuah tetap menjadi wira unggul Melayu.

Kesimpulan

Tidak syak lagi bahawa Tuah meskipun mengharungi pelbagai interpretasi dan perubahan zaman ia tetap merupakan wira yang menjadi simbol kepada bangsa Melayu. Sementara *Hikayat Hang Tuah* untuk sendiri tetap merupakan sebuah karya agung yang akan hidup di sepanjang zaman. Daripada segi tekstualitinya juga karya ini memiliki kekayaan dan kekuatan strategi tekstualnya. Saya pun dalam membina teori sastera Teksdealisme yang kini telah digunakan oleh

.....
lebih dua puluh pelajar untuk latihan ilmiah, tesis sarjana dan kedoktoran adalah dibina berdasarkan puitika *Hikayat Hang Tuah*. Kata-kata "Tak Melayu Hilang di Dunia" akan sentiasa hidup bersama-sama dengan wira Hang Tuah.



*Sultan Mahmud Al-Marhum Kampar
Dalam mitos rakyat pelalawan*



Sultan Mahmud Al-Marhum Kampar
Dalam mitos rakyat pelalawan

Oleh : **Bapak Tenas Effendy**
Indonesia

Pendahuluan

Sultan Mahmud Syah I, raja Melaka terakhir yang dipaksa Portugis meninggalkan Melaka, dalam perjalanan panjangnya sempat bertahan di Kota Kara dan Kopak (Bintan), namun setelah pertahanan ini dikuasai Portugis, akhirnya beliau berundur ke Pekan Tua Kampar. Di sana beliau dinobatkan menjadi Sultan Pekan tua Kampar (1526-1528 M). Setelah mangkat beliau digelar "Marhum Kampar".

Menapak kesejahteraan berikutnya, kerajaan Pekantua Kampar terus berlanjut, kemudian di zaman pemerintahan Maharaja Dinda II yang bergelar Maharaja Muda Lela (1720-1750 M) nama kerajaan ini diganti menjadi "Kerajaan Pelalawan", nama inilah yang terus dipakai sampai kerajaan ini berakhir tahun 1946 M. Setelah Indonesia merdeka, kerajaan Pelalawan meleburkan dirinya ke dalam Negara Kesatuan Republik Indonesia, wilayahnya menjadi Kewedanan Pelalawan dan dalam tahun 1999 dirasmikan menjadi Kabupaten Pelalawan, Provinsi Riau, Indonesia.

Dalam rentang waktu yang berbilang abad sejak Sultan Mahmud menjadi Sultan Pekantua Kampar (1526-1528 M) sampai kerajaan ini berakhir tahun 1946 M, mitos kepahlawanan Sultan Mahmud terus dikenang rakyat tempatan, yang dikenal dengan "*Kisah Marhum Kampar*" atau "*Cito Marhum Kampar*" (Cerita Marhum Kampar) atau disebut pula sebagai "*Kayat Marhum Kampar*" (Hikayat Marhum Kampar). Kisah-kisah kepahlawanan itu dikekalkan melalui tradisi lisan, yang dirangka dengan beragam sanjungan dan pujian sehingga nama beliau tetap dihormati oleh rakyat Kampar. Bahkan dahulu, sedemikian besarnya rasa hormat itu, sampai-sampai makam beliau dianggap "Makam Keramat" dijadikan tempat orang "bernazar" dan "membayar niat" dan menggantung "panji-panji". Dahulu, di tanjung sebelah hulu makam itu dibuat bangunan khusus oleh raja-raja Pelalawan sebagai tempat orang "kenduri membayar niat" atau "menebus nazar", sehingga tanjung itupun dinamakan orang "Tanjung Berniat" sampai sekarang.

.....

Selain Sultan Mahmud, isteri baginda Tun Fatimah juga dimitoskan dan digelar "Cik Puan Sri Kampar" sebagai seorang pahlawan perempuan yang handal. Bahkan, di dalam beberapa kisahnya, Cik Puan Sri Kampar peranannya terasa lebih menonjol daripada suaminya. Bahkan, setelah beliau mangkat, makamnya yang berhampiran dengan makam suaminya juga sangat dihormati orang, dianggap sebagai "tempat meminta tuah" terutama bagi orang-orang yang ingin mendapat anak perempuan yang cantik dan terpuji. Beliau dianggap sebagai pendorong semangat juang Sultan Mahmud agar tidak "patah semangat" atau "menyerah" kepada takdir akibat kekalahan yang bertubi-tubi dari Portugis. Kisah kepahlawanan beliau dikenal sebagai "Kisah Cik Puan Sri Kampar" atau "Cito Cik Puan Sri Kampar" atau "Kayat Cik Puan". Kisah lain mengenai Cik Puan Sri Kampar adalah kisah "Cik Puan Sri Bunyian" yang menceritakan derita sengsaranya melawan "Ajo Patuka" (Raja Portugis) sampai beliau diracun oleh kaki tangan Portugis dan akhirnya meninggal dunia.

Walaupun catatan tertulis tentang kisah perjuangan Marhum Kampar dan Cik Puan Sri Kampar nyaris tidak ditemui di kerajaan Pelalawan, namun keagungan beliau diabadikan ke dalam cerita-cerita rakyat, dengan pantun dan syair, dipaterikan ke dalam ungkapan-ungkapan "petuah amanah" dan dijadikan "perbualan" dalam membangkitkan "semangat Melayu" dan sebagainya. Melalui kisah-kisah inilah rakyat Kampar (Pelalawan) mengenang jasa beliau dan isterinya dalam mempertahankan tuah dan marwah, harkat dan martabat orang Melayu. Melalui kisah-kisah ini pula rakyat Kampar mengenang nenek moyangnya yang secara jantan dan perkasa berjuang bersama orang-orang Melaka membela bumi dan bangsa Melayu dari penindasan Portugis. Melalui kisah-kisah ini pula rasa persaudaraan kemelayuan tetap mengental dan berkelanjutan dari generasi ke generasi berikutnya. Melalui kisa-kisah ini pula rakyat Kampar tetap menganggap Melaka sebagai teraju kemelayuan yang agung, walaupun Melaka sudah jatuh dan mereka tidak pernah menginjakkan kakinya di bumi Melaka. Kerananya banyak penutur cerita mengatakan: "bila tak ada Marhum Kampar, orang Melayu takkan bongkar (tidakkan bangkit); atau dikatakan: "bila tak ada Cik Puan, habislah Melayu kena lenda"; atau dikatakan: "walaupun Melaka sudah kalah, Melayu takkan menyerah". Para penutur kisah ini di

.....

dalam pembukaan kisahnya selalu memberikan pujian dan kepada Marhum Kampar dan isterinya Cik Puan Sri Kampar, mengagungkan beliau sebagai tokoh yang handal dan patut diteladani dan menempatkan Melaka sebagai simbol kejayaan Melayu.

Peninggalan sejarah tentang perjuangan Sultan Mahmud melawan Portugis di daerah ini memang tidak banyak, tetapi cukup mengundang makna penting kerana peninggalan berupa kubu-kubu yang terbuat dari tanah liat itu mengandungi nilai kepahlawanan dan semangat Melayu yang tangguh, yang penuh dengan rasa bangga atas kebesaran Melayu. Sisa-sisa peninggalan itu antara lain berupa "kubur" (benteng) dari tanah yang terdapat di Bandar Nasi-nasi (disebut "Kubu Nasi-nasi), "kubu" di Dusun Pengkalan Melaka (disebut "Kubu Pengkalan Melaka). Sayangnya, "kubu-kubu" itu selama ratusan tahun dibiarkan terlantar, sehingga habis dikikis oleh rimba belantara atau rosak ditelan masa.

Untunglah "Kubu Pengkalan Melaka" dikekalkan namanya menjadi "Dusun Pengkalan Melaka" (sekarang menjadi Desa Pengkalan Melaka, di Kecamatan Kerumutan, Kabupaten Pelalawan). Selain itu, Makam Marhum Kampar dan isterinya Cik Puan Sri Kampar (Sultan Mahmud dan Tun Fatimah) yang di zaman kerajaan Pelalawan dipelihara dengan baik, sejak penjajahan Jepang mula terbiar dan akhirnya musnah terbakar dalam tahun 1947. Sejak itu, kompleks makam ini terabaikan, dan barulah tahun 1971 mulai dibersihkan, dan tahun 1986 mulai diurus sampai tahun 1991 dibangun "Cungkup Makam" oleh Pemerintah Riau. Bangunan inipun runtuh kerana kawasan ini tidak dihuni orang. Barulah dalam tahun 2000 dibangun kembali atas biaya dari Pemerintahan Negeri Melaka dan dibantu sebahagian oleh Pemerintah Riau dan Pemerintah Kabupaten Pelalawan. Di kawasan itupun sekarang sudah dibuatkan perumahan penduduk, yang dirancang untuk dijadikan "perkampungan" kembali agar kawasan itu dapat berkembang sehingga memudahkan hubungan daerah ini dengan daerah lainnya, sebab selama ini, kompleks makam dimaksudkan hanya dapat dicapai melalui sungai Kampar.

Kisah Kepahlawanan Marhum Kampar

Kisah kepahlawanan Marhum Kampar (Sultan Mahmud Syah I) dituturkan dan diwariskan dari mulut kemulut oleh "Tukang Cito" (tukang cerita). Di antara kisah-kisah itu adalah "Kisah Marhum Kampar di Laut Simpang Empat"; "Cito Marhum Kampar di Bintan"; "Kayat Marhum Kampar di Kubu Pengkalan Melaka"; "Kisah Marhum Kampar sebutan untuk orang Portugis adalah "Si Potuka" (mungkin berasal dari kata Portugal-pen), "Peringgi" dan "Ajo Beduai Bosi" (Raja Berbaju Besi atau Raja Berkepala Besi). Sedangkan sebutan untuk orang-orang Barat (orang Eropah) umumnya ialah "orang atas angin" (sebutan "orang atas angin" ada pula dipakai untuk "orang kayangan") atau disebut "si hidung panjang". Walaupun lazimnya orang Melayu dalam bahasa sehari-hari sering menggunakan sebutan "orang kulit putih" atau "orang putih" untuk orang Barat, namun sebutan itu tidak dipakai di dalam cerita-cerita rakyatnya.

Kisah-kisah ini dahulu, lazimnya dituturkan dalam upacara-upacara tertentu, seperti menjelang upacara penabalan Sultan Pekantua Kampar (Pelalawan), dalam rangkaian upacara pengukuhan Orang Besar Kerajaan Pelalawan, atau dilakukan dalam acara khusus atas permintaan seseorang atau ketika melakukan upacara "membayar nazar". Kisah-kisah ini lazim pula dituturkan di istana Pelalawan untuk "membangkitkan semangat" raja dan Orang-orang Besar kerajaan serta rakyatnya dalam menghadapi peristiwa berat, seperti menghadapi penjajahan Belanda dan sebagainya.

Kisah Marhum Kampar di Laut Simpang Empat

Kisah ini menceritakan ketika Marhum Kampar bersama para hulubalanganya menghadang "Ajo Potuka" di laut Simpang Empat (persimpangan di belakang pulau Mendul, pulau Serapung dan pulau Kundur di perairan Selat Melaka). Dalam peperangan itu Marhum Kampar dapat memukul mundur kapal perang "Ajo Potuka", sehingga berbalik ke Melaka.

.....
Di antara kisah itu berbunyi:

".... Maka baginda pun belayarlah dengan segala lancang dan penjajab, dengan sampan dan tongkang diiringi oleh hamba rakyat yang tiada terpermanai banyaknya, sehingga sungai Kampar itu menjadi riuh rendahlah berkayuh menuju ke laut Simpang Empat. Maka bagindapun terlalulah gagahnya, seakan singa baru melepaskan tangkap, seakan harimau baru kehilangan anak, seakan garuda akan menyambar. Maka kabar itupun sampai ke telinga orang-orang Potuka di Melaka, maka gerunlah hatinya dan bercabang-cabang fikirannya apakah akan terus melawan atau berundur saja di Melaka..."

".....maka baginda pun berkata-kata membangkitkan semangat orang-orang Melaka dan orang Kampar, lalu baginda berpantun pula:
pulau sarap pulau sejugi
ketiga dengan si pulau pinang
walaupun lesap mahkota kami
marwah melayu tidakkan hilang...."
(Kutipan dari penuturan: Imam Mali, Imam Kerajaan Pelalawan, 1961, yang dituturkan oleh Tengku Tonil dan Tengku Said Jaafar Muhammad tahun 1972, dalam suatu percakapan mengenang Marhum Kampar).

Pantun ini hampir diulangi dalam setiap kisah Marhum Kampar. Bahkan dalam kisah "Marhum Kampar" di Kubu Pengkalan Melaka" disebutkan, bahawa pantun itu diucapkan ketika beliau merasmikan pemakaian "Kubu Pengkalan Melaka" bersama isterinya Cik Puan Sri Kampar. Sedangkan di dalam kisah "Marhum Kampar Melanggar Ajo Potuka", pantun itu diucapkan saat beliau dinobatkan menjadi Sultan Pekantua Kampar. Almarhum Tengku Said Umar dan Tengku Said Jaafar bersama almarhum Tengku Nazir pernah mencatat dan mencuba mengumpulkan pantun-pantun yang dituturkan di dalam kisah-kisah Marhum Kampar. Kumpulan pantun itu mereka namakan "Pantun-pantun Melaka". Sayangnya, kumpulan pantun itu hilang ketika mereka berpindah dari Pelalawan ke Pekanbaru tahun 1956. Beberapa bait pantun yang dapat dikumpulkan sesudah itu tidaklah selengkap "Kumpulan Pantun Melaka" dimaksud.

.....

Lazimnya, setiap "Tukang Cito" menuturkan kisah-kisah ini dengan gaya dan caranya masing-masing, sepanjang tidak menyimpang dari alur cerita asalnya, yakni "perjuangan Marhum Kampar melawan Si Potuka". Setiap penutur bebas memasukkan unsur-unsur nilai budaya Melayu dalam kisah ini, terutama yang berkaitan dengan nilai kepahlawanan dan kejayaan Melayu, atau nilai-nilai yang dapat menumbuhkan "persebatian melayu", atau nilai-nilai yang dapat mengangkat harga diri kemelayuan.

Cito Marhum Kampar di Bintan

Kisah ini menceritakan peperangan Marhum Kampar melawan "Ajo Potuka" di Kota Kara dan Kopak di Bintan, sampai beliau terpaksa berundur ke Kampar kerana terjadinya pengkhianatan oleh salah seorang anak buahnya.

Di antara isi kisah ini ialah:

".....Maka gempallah orang berteriak-teriak mengatakan kapal Ajo Potuka sudah tiba, maka bersiap-siaplah mereka menanti kapal-kapal itu. Tak berapa lama terdengarlah bunyi dentum dentam meriam dan hiruk pikuklah orang menyeru tuah sambil menyebut nama Allah....."

".....Dalam perang sosoh itu tak terhitung lagi mayat dan bangkainya, darahpun tumpah menganak sungai, jerit tempik dan sorak tidak lagi terbada-bada, bagaikan kiamatlah rasanya....."

".....Maka si Monti itupun berpura-pura luka, lalu ia berkelit mencari akal untuk pergi ke kapal Ajo Potuka memberitahukan kubu pertahanan orang-orang Melaka dan Bintan. Maka sampailah ia kapal itu, lalu membuka rahsia Kopak..."

".....Tiba-tiba Ajo Potuka merambah masuk bagaikan air pasang besar, maka banyaklah orang-orang Melaka dan Bintan bertempiran mencari selamat. Syahdan, Marhum Kampar pun merasa marah dan hiba hatinya, lalu memerintah hulubalangnya untuk berundur keran tiada faedahnya bertahan akan membuang nyawa sia-sia kerana si Potuka sudah tahu rahsianya atas khianat si Monti celaka itu..."

.....
(Kutipan ini dipetik dari penuturan Tengku Said Umar tahun 1980, yang memperbincangkan Marhum Kamar ketika dimulai upaya untuk membangun kembali makam beliau di Pekantua; dikuatkan oleh Penghulu Setia Diraja, Pengkalan Bunut)

Di dalam kisah ini diceritakan bagaimana Marhum Kamar mencuba menyelamatkan rakyatnya supaya tidak dibinasakan oleh Ajo Potuka yang sudah menguasai Kota Kara dan Kopak. Beliau sendiri dengan perasaan yang teramat pilu terpaksa meninggalkan Kota Kara dan Kopak untuk melanjutkan peperangannya di Kamar. Dalam kisah ini diceritakan pula bagaimana Cik Puan Sri Kamar berupaya meyakinkan Marhum Kamar agar tetap sabar dan tawakal kepada Allah dan tetap teguh melawan Ajo Potuka, walaupun saat itu kesihatan beliau sudah mulai menurun.

Kayat Marhum Kamar di Kubu Pengkalan Melaka

Kayat (hikayat) ini menceritakan bagaimana Marhum Kamar dan isterinya Cik Puan Sri Kamar bersama rakyat Melaka bahu membahu dengan rakyat Kamar membuat "Kubu Pengkalan Melaka" di Sungai Kerumutan (anak sungai Kamar) yang menjadi kubu terbesar dan terakhir. Di dalam kisah ini diceritakan tentang keberanian dan ketabahan orang-orang Melaka yang sudah bertahun-tahun mengikut Marhum Kamar berperang dari Melaka sampai ke Bintan dan akhirnya sampai ke Kamar. Dikisahkan pula, bahawa mereka sudah berbulat hati untuk tidak beranjak lagi dari Kamar, sampai Peringgi dapat dikalahkan. Salah satu ungkapan kisah itu berbunyi: "Daripada duduk kepada Peringgi, eloklah kita mati di sini". Kisah ini memaparkan peperangan besar melawan Peringgi, sehingga armada Peringgi dipukul mundur kembali ke Melaka. Selanjutnya dituturkan pula bagaimana Peringgi menyerang balik orang-orang Melaka dan Kamar, sehingga kubu ini jatuh sebagai "kubu terakhir" orang Melaka di Kamar. Dan tak lama sesudah itu Marhum Kamar pun mangkat.

Di antara tuturan dalam kisah itu berbunyi:

".....Berkatalah Tuk Ikal Pandak Longan, "Tuanku, patik semua sudah siapkan kubu ini dan padukalah yang

.....
melimaukannya supaya tidak memberi rosak binasa kepada negeri Kampar ini"; maka menyahutnya Marhum Kampar: "siapkan limau dengan cekurnya, jerangau dengan bertehnya, sedingin dan setawar dan sembelillah kambing atau ayam, ambillah sedikit darahnya untuk semahan..."

".....Kubu Pengkalan Melaka ini sangat-sangatlah hebatnya, didirikan dari tanah liat bersama dengan ruyung dan batang-batang kayu, kemudian direntangkan pula dengan rantai besi, sehingga sulitlah bagi sesiapa saja untuk masuk ke dalamnya."

".....Adalah pada masa itu orang-orang Melaka berduyun hilir mudik memeriksa segala alat senjatanya, beserta orang-orang Kampar yang berdatangan dari segenap rantau dan sungai..."

".....Maka terlalulah ramainya dan terlalu berani nampaknya."

".....Marhum Kampar pun berhari-hari bersemayam di sana, memberi titah perintahnya supaya berjaga-jaga terhadap orang Peringgi yang masuk dengan kapalnya dari Melaka..."

".....Maka untuk melindungi negeri Kampar dari cabaran Peringgi laknat itu; maka disiapkanlah dengan segala parit dan buluh berahutnya, disiapkanlah pula dengan beras dan bekal-bekalnya....."

".....Peperangan berkorbanlah dengan hebatnya, sehingga sungai Kerumutan menjadi merah oleh darah. Orang berperang tiada lagi berkira-kira menebas kepala Peringgi, sehingga Peringgi terkutuk itupun lari lintang pukang balik ke kapalnya dan segera berhanyut ke hilir lalu ke laut lepas....."

"..... Beberapa bulan kemudian, maka Peringgi pun datang dengan beratus-ratus askarnya, mengamuk mengepung Kubu Pengkalan Melaka. Maka perang sosoh terjadi lagi. Sayangnya, ketika itu Marhum Melaka sudah berangsur gering, sehingga baginda tiada dapat sampai ke kubu...."

".....Dengan kuasa Allah jua, alahlah Kubu Pengkalan Melaka. Ranaplah Kampar oleh Peringgi laknat itu...."

.....
(Kutipan ini disarikan dari penuturan Tengku Said Umar, Tengku Tonel, Tengku Nazir Alwi dalam perbincangan tahun 1986 ketika Bupati Kampar ingin berkunjung ke Makam Marhum Kampar).

Kisah ini menjadi kisah yang penuh kepahlawanan dan kepiluan. Di sinilah orang Melaka dan orang Kampar bertahan habis-habisan, di sini pula Cik Puan Sri Kampar mendesak Marhum Kampar dan sekalian orang Melaka dan orang Kampar agar terus melanjutkan peperangan melawan Peringgi sampai ke anak cucunya. Dari amaran itu pula maka ketika Alauddin Riayat Syah II dinobatkan menjadi Sultan Pekantua Kampar (1528-1530M) beliau berangkat ke Pahang untuk melanjutkan peperangan melawan Portugis. Kisah ini juga menceritakan betapa orang-orang Melaka yang taat setia kepada Marhum Kampar tidak rela beranjak dari "Kubu Pengkalan Melaka" walaupun sebahagian kubu itu sudah rusak binasa. Di sinilah mereka kemudian membangun perkampungan, yang disebut "Dusun Pengkalan Melaka" sampailah saat ini.

Kisah Marhum Kampar Melanggar Ajo Beduai Besi

Kisah ini merupakan kumpulan kisah peperangan Marhum Kampar melawan Portugis, sampai beliau mangkat. Di dalam kisah ini sebutan "Ajo Potuka" dan "Peringgi" diganti dengan sebutan "Ajo Beduai Bosi" (Raja Berdurai Besi) yang bermakna "Raja Berbaju Besi" atau "Raja Berkepala Besi". Sebutan ini terdapat pula di dalam cerita-cerita rakyat lainnya yang juga intinya mengisahkan peperangan rakyat Kampar melawan Portugis. Di antara kisah-kisah itu adalah "*Kisah Sultan Peminggir*", "*Kisah Tunggal Dagang*", "*Kisah Bujang Tan Domang*", dan lain-lain.

Di dalam kisah ini beberapa episod perjuangan Marhum Kampar dan Cik Puan Sri Kampar dirangkai menjadi satu kesatuan, sehingga menjadi kisah yang cukup panjang dan sarat dengan "petuah amanah". Para penutur kisah ini nampaknya sengaja merangkum penggalan-penggalan perjuangan Marhum Kampar agar dapat menampilkan sosok kepahlawanan beliau secara utuh.

Kisah kepahlawanan Marhum Kampar ini menjadi kisah yang mengasyikkan, menggugah semangat, membangkitkan harga diri dan

.....

percaya diri. Itulah sebabnya kisah ini dapat berlanjut dari generasi ke generasi, walaupun masa sudah beralih dan keadaan masyarakatnya sudah jauh berubah. Kisah-kisah ini di zaman revolusi kemerdekaan Indonesia selalu dituturkan orang untuk mendorong rakyat daerah ini agar tetap berjiwa gagah berani dan pantang menyerah. Bahagian-bahagian cerita yang dianggap penting dan mengandung nilai semangat juang yang tinggi selalu diulang-ulang dan digemari orang, apalagi bila menceritakan bagaimana Marhum Kampar bersama Cik Puan Sri Kampar dan hulubalang beserta rakyatnya dapat memukul "Ajo Potuka" sehingga lari bercawat ekor.

Kisah-kisah yang dituturkan secara lisan ini, semakin hidup dan menawan, bila penuturnya mampu menggunakan bahasa yang terpilih, mampu mengekspresikannya dengan intonasi yang tepat dan mampu pula membumbuinya dengan ungkapan, pantun dengan menggunakan bahasa yang mudah dicerna pendengarnya. Hal ini pula yang menyebabkan penutur kisah-kisah ini dikhususkan kepada orang-orang pilihan yang lazimnya disebut "Tukang Cito" (Tukang Cerita), yakni orang yang benar-benar handal dalam bercerita. Dahulu, mereka ini dijemput ke istana Sultan untuk menyampaikan kisah-kisah Marhum Kampar dan kisah-kisah Cik Puan Sri Kampar mahupun kisah-kisah lainnya yang dianggap mengandung nilai tinggi dan penuh "tunjuk ajar".

Namun patut disesalkan, sejak tahun 1957, para penutur kisah ini semakin "terabaikan" kerana upacara-upacara adat dan tradisi di mana kisah-kisah ini lazim dituturkan mulai jarang dilakukan orang. Dan sampai tahun 1989, jumlah penutur kisah ini tinggal dua orang dan akhirnya tidak lagi diwariskan. Hal ini terjadi sejalan dengan terjadinya berbagai perubahan dan pergeseran nilai-nilai budaya di dalam masyarakat tempatan. Dari sisi lain, kehidupan perekonomian rakyat yang semakin terbenam sehingga mereka kebanyakan menghabiskan waktunya dengan "mengekas" mencari makan. Kehidupan rakyat yang dihimpit kemiskinan berkepanjangan, menyebabkan kegiatan "bercerita" atau melakukan upacara adat dan tradisi nyaris tidak dapat dilakukan lagi.

Selain itu, terjadinya penambahan penduduk yang luar biasa, menyebabkan pengaruh budaya luar semakin banyak dan budaya

.....

tempat semakin marak dengan meningkat pesatnya kemajuan ilmu dan teknologi yang membawa masuknya alat-alat elektronik (tv, radio, vcd, tape recorder dan lain-lain) sehingga generasi muda tempatan lebih asyik menonton tv, vcd dan sebagainya itu daripada mendengarkan kisah-kisah kepahlawanan nenek moyangnya, dan sebagainya. Itulah sebabnya, kisah-kisah yang amat bermutu ini, sekarang oleh generasi mudanya. Tetapi walaupun penutur kisah-kisah ini sudah hilang, kita masih bersyukur kerana nilai-nilai yang terkandung di dalamnya tetap berkekalan, setidak-tidaknya penggalan-penggalan kisah ini masih diketahui orang. Bahkan dari penggalan-penggalan itu lahir tulisan yang mengangkatnya kedalam bentuk naskah teater (antara lain: *Cik Puan Sri Kampar, Hulubalang Kerumutan*, atau dalam bentuk novel, di antaranya novel: *Kubu Terakhir* (Tenas Effendy) 1980.

Inti Kisah

Bila disemak lebih menukik, kisah-kisah perjuangan Marhum Kampar mahupun kisah Cik Puan Sri Kampar intinya menunjukkan perlawanan orang-orang Melayu terhadap penjajahan Portugis, mencerminkan ketabahan dan pengorbanan mereka yang luar biasa dalam menegakkan tuah dan marwah, harkat dan martabat Melayu. Selain itu, kisah ini mengacu kepada upaya untuk membakar semangat orang-orang Melayu dari generasi ke generasi, agar tetap pantang menyerah dalam menghadapi cabaran bangsa asing dan mengarahkan orang-orang Melayu untuk tetap taat setia menjaga persebatian Melayu.

Inti dari kisah ini juga mencerminkan upaya untuk mengekalkan "jati diri" kemelayuan, agar orang-orang Melayu tidak kehilangan harga diri dan rasa percaya diri, dan tidak pula menjadi orang Melayu yang membiarkan kepalanya diinjak orang dengan semena-mena. Hal ini sesuai dengan ungkapan adat Melayu yang menyebutkan: "apa tanda Melayu jati, daripada terhina relalah mati"; atau dikatakan: "apalah tanda Melayu terbilang, pantang kepalanya diinjak orang"; atau dikatakan: "apalah tanda Melayu bermarwah, membela yang hak pantang menyerah"; atau dikatakan: "apalah tanda Melayu terpuji, teguh menjaga harga diri" atau dikatakan: "yang disebut melayu terbilang, percaya diri muka belakang"; "sifat orang Melayu, pantang

.....
diberi aib malu"; atau dikatakan: "apabila Melayu sudah marah, di situ tempat berkuah darah"; atau dikatakan: "apabila Melayu sudah mengamuk, terbelintang patah terbujur remuk".

Untuk membela nama baik Melayu, mempertahankan bangsa dan negerinya, menegakkan dan mempertahankan tuah dan marwah, harkat dan martabat, serta mengekalkan "jati diri" kemelayuannya, maka orang-orang Melayu dengan berbagai cara berusaha menanamkan nilai-nilai ajaran Islam yang dianutnya, berupaya mematrikan nilai-nilai budaya (nilai kepahlawanan, nilai semangat pantang menyerah, nilai etos kerja, nilai persebatian dan tenggang rasa, dan nilai-nilai mulia lainnya) yang mereka jadikan pegangan, kemudian mewariskan nilai-nilai mulia itu kepada anak cucunya. Salah satu bentuk upaya untuk mewariskan nilai-nilai hakiki itu adalah dengan merangkai kisah-kisah pilihan, termasuk kisah-kisah kepahlawanan Marhum Kampar dan kisah Cik Puan Sri Kampar.

Kerana kebudayaan Melayu bersebuti dengan agama Islam, maka di dalam setiap kisah itu unsur ajaran Islam sangatlah ditonjolkan, seperti: menonjolkan perilaku yang bertaqwa kepada Allah, menampilkan sosok tokoh yang kental beriman, yang tabah dan penyabar, yang ikhlas berjuang dan rela mati demi menegakkan Islam melawan kaum kafir yang aniaya dan sebagainya. Kerananya, sosok tokoh dalam kisah-kisah ini adalah sosok yang taat dalam ibadah, teguh dalam menegakkan yang hak, rela berkorban dan tabah menanggung derita, serta berani menghadapi cabaran dari pihak manapun juga.

Kepiawaian para penuntut yang disebut "Tukang Cito" untuk mengangkat nilai-nilai mulia itu di dalam kisah-kisah yang diciturkannya semakin mampu menarik minat dan pemahaman pendengarnya. Dengan demikian, kisah ini berperanan pula sebagai penyebarluas nilai-nilai mulia.

Dari sisi lain, kisah-kisah Marhum Kampar mahupun kisah Cik Puan Sri Kampar berintikan "pengekalan tokoh kepimpinan yang agung" yang diperlukan oleh rakyat untuk diteladani. Sebab setelah Melaka jatuh, dunia Melayu mengalami cobaan dan cabaran yang teramat berat. Berbagai peperangan terjadi, yang menyebabkan "alam Melayu"

.....

menjadi terpecah belah dan terkotak-kotak. Negeri-negeri Melayu yang makmur menjadi rebutan berbagai bangsa untuk menguasainya. Perairan Selat Melaka Melaka menjadi hiruk pikuk oleh peperangan dan perebutan kekuasaan. Akibat semuanya itu, Melayu yang semula jaya dan disegani lawan dan dihormati kawan, nyaris kehilangan pamornya.

Tuahnya menjadi semakin malap, marwahnya beransur pudar, wibawanya makin lama semakin hilang. Kerajaan-kerajaan Melayu yang semula berpunca di bawah teraju kemaharajaan Melaka kian hari kian remuk dan terpuruk. Kerananya amatlah diperlukan "sosok pemersatu" dan "sosok kepimpinan" yang dapat dijadikan "sosok panutan", atau menjadi "sosok yang dapat diteladani", dan sosok yang dapat "memulihkan" kejayaan Melayu. Sosok yang mereka kenal adalah Marhum Kampar dan isterinya Cik Puan Sri Kampar, sebagai sultan terakhir dari kemaharajaan Melaka yang besar. Kerananya, sosok inilah yang dianggap paling patut dan layak untuk diabadikan sebagai "simbol persebatian" dan "perpaduan" Melayu. Rakyat Kampar tidak peduli dengan latar belakang kedua sosok ini sebelum menjadi Sultan di Pekan tua Kampar, tetapi mereka berpegang kepada kenyataan yang ada, yang mereka saksikan dengan mata kepala sendiri, bahkan yang bahu-membahu bersama meereka berjuang untuk mempertahankan dan menegakkan harkat dan martabat, tuah daan marwah Melayu.

Sikap rakyat Kampar yang tegas inilah yang mampu mengekalkan rasa kemelayuan di daerah ini, yang kemudian ditunjukkan dengan sikap ini pula yang menyebabkan rakyat daerah ini masih kekal mempertahankan "jati diri" kemelayuannya, walaupun semakin hari semakin terdesak dan terpinggir. Dan sikap ini pula yang membanggakan hati dan membahagiakan rakyat Kampar (Pelalawan) ketika pemerintah Negeri Melaka turun tangan membantu pemugaran Makam Sultan Mahmud Syah Marhum Kampar di Pekantua Kampar tahun 2000 dan 2001 ini. Rasa bangga dan bahagia itu terpancar dari sikap mereka yang sangat menghormati dan menghargai setiap kunjungan pembesar mahupun orang-orang Melaka khasnya, orang Malaysia umumnya ke sana. Bagi mereka kunjungan dan bantuan dimaksud, bukanlah sekadar kunjungan biasa, tetapi adalah sebagai "penyambung tali saudara yang nyarris putus", atau dianggap sebagai "penyambung mata rantai sejarah yang hilang".

.....

Barangkali, para sejarawan perlu mengkaji ulang dan melengkapi data sejarah tentang perjuangan Sultan Mahmud Syah I dan isterinya Tun Fatimah terutama di masa beliau berjuang melawan Portugis di Bintan dan Kampar, agar dapat melengkapi dan sekaligus "meluruskan" sejarah perjuangan orang-orang Melayu melawan penjajahan asing. Apalagi budaya Melayu bukanlah budaya yang "membutakan mata" dan "memekakkan telinga" terhadap kelebihan dan keutamaan seseorang, walaupun orang dimaksud pernah melakukan kesalahan atau pernah berbuat hal-hal yang memalukan. Budaya Melayu adalah budaya yang penuh kearifan dan kejujuran yang mampu memilih antara yang benar dengan yang salah. Budaya Melayu adalah budaya yang berani dan tegas mengatakan salah itu salah dan benar itu benar, dengan tidak menghukum secara semena-mena, atau bersangka buruk yang berlebihan. Budaya Melayu adalah budaya yang berasaskan nilai-nilai keislaman yang mulia, yang mampu menilai seseorang dari beragama sisi perilaku selama ia hidup, dan memahami bahawa seseorang pada suatu saat dapat berbuat salah namun disiasat lain dapat pula berbuat kebajikan yang dapat menghapus dosa-dosa masa silamnya.

Barangkali dengan "pelurusan" sejarah itu, pertelikaian pendapat mengenai sosok peribadi Sultan Mahmud Syah I dapat ditempatkan pada tempat yang wajar, demikian pula dengan isterinya Tun Fatimah, sehingga generasi muda Melayu masa hadapan tidak terjebak oleh penulisan sejarah yang berat sebelah dan tidak adil. Tidak terpasung oleh data sepihak yang kadangkala terlalu hanyut oleh dendam kesumat" masa silam. Setidak-tidaknya, sejarah dapat memberikan informasi yang jelas, bahawa Sultan Mahmud selama berperang melawan Portugis terutama selama di Pekan Tua Kampar, telah menunjukkan dirinya sebagai pejuang yang tangguh, sebagai pahlawan Melayu yang mempertahankan marwah Melayu sampai ke akhir hayatnya.

Marhum Kampar Sebagai Perekat Melayu

Beranjak dari besarnya peranan Marhum Kampar (Sultan Mahmud Syah I) dan isterinya Cik Puan Sri Kampar (Tun Fatimah) dalam menentang kezaliman kaum penjajah, serta kegigihan beliau menegakkan dan mempertahankan wibawa dan marwah Melayu di

.....

Kampar, serta kemampuan beliau memimpin rakyatnya sehingga rela mengorbankan harta dan jiwanya untuk membela nama baik Melayu, maka wajar dan patutlah bila rakyat Kampar menganggap beliau sebagai tokoh "pemersatu" atau "perekat" yang mengentalkan hubungan antara orang-orang Melayu Melaka dengan orang-orang Melayu Kampar. Warisan kekentalan hubungan itu sampai sekarang masih terasa, sehingga jalinan kekerabatan antara Melayu Malaysia dan Melayu Riau khususnya, Melayu Indonesia umumnya tetap terpelihara dengan baik.

Walaupun kisah-kisah perjuangannya tidak banyak diketahui dunia. Bahkan tanpa dorongan dari beliau berdua, mungkin saja Sultan Alauddin Riayat Syah II tidak kembali ke Tanah Semenanjung sehingga peranannya untuk "membesarkan" Johor tidak terjadi dan orang-orang Melayu tidak mampu lagi menyatukan dirinya dalam satu kesatuan di bawah naungan Johor sebagai "ahli waris" mahupun "penerus" Melaka. Bila hal itu tidak terjadi, tidaklah mustahil alur sejarah akan berubah dan orang-orang Melayu akan hidup "membawa nasibnya masing-masing", sehingga kesatuan dan persatuan Melayu tidak pernah terwujud lagi.

Selain itu, dorongan semangat dan tekad yang bulat dari Marhum Kampar beserta isterinya Cik Puan Sri Kampar, telah pula menciptakan "semangat Melayu" yang terus marak, menumbuhkan rasa "senasib sepenanggungan, seaib dan semalu" antara sesama orang Melayu dari Melaka ke Kampar, yang kemudiannya melebar sampai ke kawasan Melayu lainnya di Sumatera. Tertanamnya "semangat Melayu" dan "persebatian Melayu" itu menyebabkan orang-orang Melayu berpadu hati untuk bersama-sama berjuang melawan penjajahan Portugis (kemudian juga penjajahan Inggeris, Belanda dan Jepang), serta membangkitkan "harga diri" orang-orang Melayu dalam merebut dan mempertahankan kemerdekaannya. Rasa ini pula kemudian memacu orang-orang Melayu untuk terus bertahan dan berjuang menegakkan tuah dan marwah, harkat dan martabatnya sebagai bangsa yang besar yang pernah berjaya dalam panggung sejarah dunia. Rasa ini pula yang diharapkan dapat semakin meningkatkan hubungan mesra antara sesama rumpun Melayu di masa-masa mendatang.

.....

Dari kisah-kisah tentang Marhum Kampar dan isterinya Cik Puan Sri Kampar, secara terang-terangan ataupun secara tersirat ditonjolkan nilai-nilai "persebatian Melayu" (persatuan dan kesatuan orang-orang Melayu), sehingga menambah eratnya hubungan antara sesama orang Melayu. Rasa "persebatian" itu pula yang menyebabkan orang-orang Melayu Semenanjung (Malaysia sekarang) dengan orang-orang Melayu Riau (Indonesia) sampai sekarang tetap merasa "serumpun setali darah" atau tetap merasa "senenek dan semoyang, seadat dan sepusaka" walaupun sudah berbeda negara. Rasa ini pula yang diharapkan dapat dijadikan acuan untuk mengekalkan hubungan antara Melayu serumpun, sampai hingga ke akhir zaman. Orang tua-tua Melayu di Kampar mengatakan: "simpai yang menyatukan orang-orang Melayu yang diamanahkan oleh Marhum Kampar dan isterinya, tidak pernah lapuk ditelan zaman, tidak akan pernah usang ditelan masa, tidak akan pernah luntur dari lubuk hati orang Melayu". Para "Tukang Cerita" yang menuturkan kisah-kisah Marhum Kampar dan Cik Puan Sri Kampar, dengan arif dan bijak "membumbui" kisahnya dengan menyelinapkan ungkapan-ungkapan piawai berisi nilai-nilai persebatian Melayu.

Di antaranya disebutkan:

".....sudah menjadi adat Melayu, sehilir semudik satu perahu....";

".....adapun adat sesama Melayu, sama menjaga aib malu, sama tegak bersanding bahu, sama duduk bantu membantu....";

Pada salah satu bahagian kisah ini dituturkan:

".....maka Marhum Kampar pun bersabda kepada sekalian hamba rakyatnya, dalam masa yang sulit ini tak ada lagi bedanya orang Melaka dengan orang Kampar, tak ada lagi batasan antara orang Melaka dengan orang Inderagiri, kerana kita semua adalah orang-orang Melayu, bagaikan serai satu rumpunnya, bagaikan ayam satu induknya, bagaikan sungai satu guguknya...."
Selanjutnya dikatakan: "....." kita semua adalah rakyat Melaka yang atas takdir Allah jualah sampai tewas ditangan Peringgi..."

.....

Pada bahagian lain pula dituturkan:

".....seandainya ada di antara kita ada yang merasa dirinya bukan orang Melayu, maka hapuslah perasaan itu. Seandainya ada yang merasa dirinya dipaksa melawan Peringgi keluarlah dari kubu ini kerana yang dihina itu adalah orang-orang Melayu, yang dinista itu adalah orang Melayu, yang dipijak kepalanya adalah orang Melayu, yang dirampas kampung halamannya adalah orang Melayu, yang diberi aib malu adalah orang Melayu, maka mereka yang merasa dirinya orang Melayu pula yang wajib membalas dan menuntut bela atas perbuatan Peringgi durjana itu....."

Pada kisah Cik Puan Sri Kampar dituturkan:

".....walaupun hamba seorang perempuan, tetapi bukanlah tempat hamba di dapur, sebab di dalam berperang kaum perempuan pun mengangkat keris dan pedang. Barangsiapa di antara rakyat Melaka dan Kampar merasa dirinya orang Melayu, marilah bersama baginda merempuh musuh supaya tidak dicerca anak cucu kita di kemudian hari, barangsiapa merasa dirinya orang Melayu marilah kita balaskan sakit hati keluarga kita yang tewas, marilah kita berbulat hati menghadapi orang-orang kafir durjana itu.....".
Selanjutnya dituturkan: "...barangsiapa merasa kaumnya diinjak Peringgi, yang merasa anak lakinya diperhina orang, marilah bersama-sama menuntut bela untuk menghapus arang di kening....."

Dalam bahagian lain dituturkan:

"....maka Cik Puan pun berangkat ke Kubu Pengkalan Melaka bersama baginda beserta sekalian hulubalang dan hamba rakyat Melaka dan rakyat Kampar, berduyun-duyun bagaikan anai-anai busub dengan tempik dan soraknya.... Maka Cik Puan pun puas hatinya kerana melihat orang Melaka dan orang Kampar seiya sekata, sehingga baginda pun tersenyum pula memandang kerukunan rakyatnya itu....."

Bila dikaitkan dengan kehidupan orang-orang Melayu serumpun baik

.....

masa kini mahupun masa mendatang, kiranya nilai "seiya sekata" itu amatlah diperlukan. Sebab di dalam ungkapan "seiya sekata" itu terkandung nilai "persebatian", "nilai kebersamaan", "nilai kegotong royongan", dan nilai kerukunan hidup sesama orang Melayu. Orang tua-tua mengatakan: "tuah bangsa seiya sekata, tuah negei bersatu hati, tuah rakyat bersimpati erat, tuah Melayu bahu membahu.....". Di dalam ungkapan adat dikatakan: "adat sedusun tuntun menuntun, adat sebanjar, adat mengajar, adat sedesa rasa merasa, adat sekampung tolong menolong, adat senegeri beri memberi". Ungkapan lain menegaskan lagi: "yang berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing; bila mendapat sama berlabu, bila hilang sama merugi; bila ke laut sama basah, bila ke darat sama kering, bila berdiang sama panas; kalau ke bukit sama mendaki, kalau ke lurah sama menurun, kalau mudik sama bergalah, kalau hilir sama berkayuh".

Penutup

Walaupun tulisan ini tidak mengacu kepada data sejarah kerana semata-mata merujuk kepada cerita-cerita rakyat di Kampar (Pelalawan), namun diharapkan dapat memberikan informasi awal, bahawa keberadaan Sultan Mahmud Syah I dan isteinya Tun Fatimah beserta rakyat Melaka di Kampar bukanlah sebagai "pelarian yang takut mati" atau sebagai orang yang "melarikan diri dengan bercawat ekor" dari cabaran Portugis, tetapi hakikat mereka adalah pejuang tangguh dalam membela tuah dan marwah, harkat dan martabat Melayu. Keberadaban mereka itu, selain menunjukkan "jati diri" Melayu yang pantang menyerah, juga memberikan dorongan kepada orang-orang Melayu di Kampar, Inderagiri, Siak, Bintan dan sebagainya untuk bersama-sama membela bumi Melayu, mempertahankan nasib Melayu, memperjuangkan harga diri Melayu, dan mengekalkan tali persaudaraan yang disebut "persebatian Melayu".

Selain itu, informasi ini dapat pula menggugah para peneliti dan pengkaji sejarah untuk melakukan kaji ulang atau memperdalam kajian tentang sosok seorang pemimpin Melayu yang bernama Sultan Mahmud Syah I dan seorang perempuan Melayu yang berjuang selama puluhan tahun menanggung derita sengsara, yakni Tun Fatimah. Dari kajian ini nantinya diharapkan dapat dilakukan pelurusan sejarah

.....
terhadap kedua tokoh dimaksud, sehingga tergambar secara jujur dan adil kelebihan dan kekurangannya.

Diharapkan pula, informasi ini dapat menjadi bahan pertimbangan bagi para penulis sejarah dalam meletakkan dosa mahupun jasa seseorang secara arif dan bijak. Setidak-tidaknya, sosok kedua ini dapat ditulis secara lengkap, sehingga orang dapat menyemak dan menilainya dari dua sisi yang berimbang. Hal ini dianggap penting, terutama dalam upaya (Indonesia) yang selama ini memang mengagungkan Sultan Mahmud Syah I dan isterinya Tun Fatimah. Dengan demikian, upaya pemerintah Negeri Melaka membina kembali Makam Marhum Kampar semakin memberi makna yang dalam dan manfaat yang besar bagi orang-orang Melayu di kedua negara. Walaupun kedua tokoh ini sudah berbilang abad meninggal dunia, namun kenangan indah terhadap jasa dan keteladannya dalam perjuangan menegakkan tuah dan marwah, harkat dan martabat orang-orang Melayu tetap hidup dan berkembang sehingga tetap menjadi "perekat" dalam "persebatian Melayu serumpun".

Selanjutnya diharapkan pula, agar marwah kedua tokoh yang dimitoskan oleh rakyat Kampar (Pelalawan) ini tidak tercemar oleh penulisan yang sarat dengan "nista" dan "aib", tanpa mengimbanginya dengan jasa, pengorbanan dan perjuangan yang dilakukannya untuk membela bangsanya pada saat-saat menjelang akhir hayatnya.

Untuk mengakhiri tulisan ini patut disampaikan beberapa petikan-pantun dari kisah Marhum Kampar dan kisah Cik Puan Sri Kampar, yang dulu lazim dituturkan melalui kisah-kisah kepahlawanan dimaksud, dan sering pula dituturkan di dalam perbualan sehari-hari sebagai "tunjuk ajar" tentang "semangat Melayu" atau untuk membangkitkan "harga diri Melayu". Pantun-pantun ini dahulu amat digemari, terutama dikalangan orang tua-tua yang selalu "mengenang masa silam" yang penuh kejayaan. Mereka mengangkatnya dengan penuh semangat dan kebanggaan.

"Dari Melaka ke Kuala Linggi
Duduk berhenti melepas lelah
Daripada menyembah orang Peringgi
Eloklah mati berkalang tanah"
"Sampan kolek berlayar hilir

Hendak berhenti harilah petang
Daripada balik menyembah kafir
Elokku mati berputih tulang"

"Biarpun simpai tiada sepadan
Tiang kayu tidakkan tumbang
Biar bercerai nyawa di badan
Pantang Melayu balik belakang"

"Walau rumput sudah menjalar
Dahan kayu bercabang juga
Walaupun laut sudah terbakar
Sampan Melayu berlayar juga"

"Batang nangka batang bergetah
Buahnya besar bercabang tinggi
Orang Melayu pantang menyerah
Orang Kampar berpantang lari"

"Keratlah kayu di tengah ladang
Supaya mudah bertanam padi
Sifat Melayu sudah terbilang
Daripada menyerah relalah mati"

"Di muka pedang di belakang pedang
Pedang berhulu gading gajah
Esa hilang dua terbilang
Pantang Melayu berpaling tadah"

"Walaupun rumput mati terlaph
Uratnya tidak mahu tenggelam
Walaupun laut menjadi darah
Semangat Melayu tidakkan padam"

(Dikutip dari catatan lepas yang dikumpulkan Tengku Said Jaafar, Pelalawan, 1951)

Akhirnya kepada pihak penyelenggara majlis ini diucapkan terima kasih, mudah-mudahan keinginan semua pihak untuk mengekalkan "jati diri" dalam menegakkan tuah dan marwah, harkat dan martabat Melayu dapat terwujud dengan sebaik-baiknya.

.....
Raja-Raja Di Kerajaan Pekantua Kampar Dan Pelalawan

Zaman Pekantua (Dinasti Tumasik)

- 01 Maharaja Indera (1380-1420M)
- 02 Maharaja Putra (14200-1445M)
- 03 Maharaja Laka (1445-1460M)
- 04 Maharaja Syisya (1460-1480)
- 05 Maharaja Jaya (1480-1505M)

Zaman Pekantua Kampar (Dinasti Melaka)

- 06 Sultan Munawar Syah (1505-1511M)
- 07 Raja Abdullah (1511-1515M)
- 08 Mangkabumi Kampar (1515-1526M) (Pemangku Raja)
- 09 Sultan Mahmud Syah I (1526-1528M) Sultan Melaka terakhir
- 10 Sultan Alauddin Riayat Syah II (1528-1530M)
- 11 Mangkabumi Tun Perkasa (1530-1551M) Pemangku Raja
- 12 Mangkabumi Tun Hitam (1551-1575M) Pemangku Raja
- 13 Mangkabumi Tun Megat (1575-11590M) Pemangku Raja

Zaman Pekantua Kampar (Dinasti Johor)

- 14 Raja Abdurrahman gelar Maharaja Dinda I (1590-1630M)
- 15 Maharaja Lela (1630-1650M)
- 16 Maharaja Lela Bangsawan (1650-1675M)
- 17 Maharaja Lela Utama (1675-1686M)
- 18 Maharaja Wangsa Jaya (1686-1691M)
- 19 Maharaja Muda Lela (1691-1720M)
- 20 Maharaja Dinda II (1720-1750M)

Nama Pekantua Kampar diganti dengan nama Pelalawan


- 21 Maharaja Lela Bungsu (1750-1775M)
- 22 Maharaja Lela II (1775-17798M)

Zaman Pelalawan (Di Bawah Dinasti Siak)

- 23 Sultan Syarif Abdurrahman (1798-1822M)
- 24 Sultan Syarif Hasyim (1822-1828M)
- 25 Sultan Syarif Ismail (1828-1844M)
- 26 Sultan Syarif Hamid (1844-1866M)
- 27 Sultan Syarif Jaafar (1866-1872M)
- 28 Sultan Syarif Abubakar (1872-1886M)

-
- 29 Sultan Syarif Ali Tengku Sontol (1886-1892M)
30 Sultan Syarif Hasyim II (1892-1930M)
31 Tengku Besar Said Osman (1930-1941M)
32 Sultan Syarif Harun (1941-1946M)

Pekanbaru, Riau
Agustus 2001



Sultan Ibrahim, Selangor
Ketokohan dan keperwiraannya



Oleh : Khazin Mohd Tamrin

Jabatan Sejarah,

Universiti Kebangsaan Malaysia

Pengenalan

Dalam membicarakan Sejarah Malaysia, memang masih banyak ruang dan aspek kajian yang boleh diteroka. Abad 19 dan abad 20 adalah antara zaman kajian yang sentiasa diminati oleh sejarawan, ahli sains sosial, ahli ekonomi, pelajar dan juga peminat sejarah. Pada zaman-zaman tersebut, secara relatifnya mudah untuk mendapatkan sumber kerana bahan-bahan ini boleh didapati di Arkib tempatan atau di England. Sebelum kedatangan British ke negeri-negeri Melayu pada abad 19, maklumat tentang Sejarah Malaysia khususnya pada abad 18 agak kurang. Sementara itu pada zaman itu yang biasanya dikaitkan dengan zaman kegiatan orang Belanda khasnya di Semenanjung Tanah Melayu dan Kepulauan Melayu amnya. Salah satu faktor yang menjadi hambatan para penyelidik tempatan ialah tentang sumber dan juga masalah membaca dan mentafsirkannya dari bahasa Belanda.

Tajuk yang dibincangkan dalam seminar ini memang mempunyai kaitan rapat dengan masalah yang telah disebutkan di atas. Memang tidak banyak maklumat dan penulisan yang didapati tentang ketokohan Sultan Ibrahim, iaitu Yang Dipertua kedua Negeri Selangor yang memerintah dari tahun 1778 hingga 1826. Dari sumber-sumber yang terhad, pada umumnya hanya menonjolkan tentang peristiwa yang berkaitan dengan persengketaan dan peperangan antara Selangor dan Belanda dan juga antara Selangor dan beberapa negeri Melayu Semenanjung yang dianggap menyebelahi Belanda. Zaman pemerintahan Sultan Ibrahim adalah memperlihatkan zaman daerah kepulauan dan Semenanjung Melayu yang sedang dilanda derita kerana adanya ancaman daripada Orang Eropah yang sedang berusaha keras untuk menjajah. Sepanyol, Portugis, Belanda dan Inggeris adalah antara kumpulan penjajah yang sangat ligat dengan usahanya yang gigih sehingga berjaya menawan bumi, ekonomi, politik dan rakyat Kepulauan Melayu.

Ketokohan Sultan Ibrahim

Ketokohan Sultan Ibrahim adalah perlu dilihat dari pelbagai sudut. Baginda bukan sahaja seorang raja yang memerintah sebuah negeri, malahan perlu juga dilihat tentang sifat keperwiraannya. Daripada tindakan yang berani untuk menentang Belanda yang lengkap dengan senjata moden dan angkatan laut yang besar, baginda adalah seorang tokoh raja dan pemimpin rakyat yang dianggap oleh pihak lawan sebagai pemimpin yang berpotensi dan berkalibar. Oleh itu, pihak Belanda mempunyai tanggapan yang salah terhadap pendekatan dan perkiraannya semasa mengalahkan Selangor pada 1784 dengan melantik Raja Mohd Ali dari Sumatera dan kemudian Syed Ali sebagai Yang Dipertua. Rancangan itu bertujuan untuk menjatuhkan reputasi Sultan Ibrahim dan angkatannya yang berundur buat sementara waktu untuk bersiap semula di Pahang. Namun ternyata bahawa rakyat Selangor tidak mudah terpengaruh dengan strategi Belanda yang kurang memahami budaya dan tradisi setia dan derhaka terhadap pemimpin yang diamalkan oleh masyarakat rumpun Melayu. Ini bermakna bahawa sebenarnya Sultan Ibrahim memang perlu dan patut diberi gelaran sebagai raja yang dapat dijadikan contoh kepada rakyat agar bersikap patriotik.

Oleh kerana sumber yang terhad, perbincangan tentang tokoh ini juga akan disorot dari segi ciri-ciri ketokohnya sebagai pemimpin dan wira, kesejarahan pemerintahannya dan juga tentang nilai pengajaran yang boleh dipaparkan dari episod sejarah yang telah berlaku.

Sultan Ibrahim telah ditabalkan sebagai Yang Dipertuan kedua Selangor untuk menggantikan al-marhum ayahandanya, Raja Lumu iaitu Sultan Salehuddin oleh Raja Haji (Yam Tuan Muda Riau IV) pada tahun 1778. Sebagai seorang raja yang berwibawa, yang mewarisi tradisi dan budaya Bugis, tentunya baginda cukup bertanggungjawab untuk mempertahankan hak ketuanan, martabat dan marwah bangsa dan negeri. Baginda juga tidak bertolak ansur ke atas sebarang kuasa luar yang cuba mengancam kedaulatan dan kehormatannya.

Oleh kerana Selangor adalah salah sebuah negeri yang mempunyai hubungan ekonomi perdagangan dengan negeri-negeri jiran terdekat dan serantau, maka Sultan Ibrahim merasakan hubungan itu perlu

.....

diterus dan dikekalkan. Hubungan dagangnya dengan Riau dan Aceh berjalan dengan baik. Barang-barang dagangan utama termasuklah hasil-hasil hutan dan bijih timah juga turut diperdagangkan ke Melaka. Hubungan diplomatiknya yang rapat dengan Aceh turut dipereratkan melalui pertalian perkahwinan antara Raja Muda Selangor, dengan Raja Nala puteri Aceh. Hubungan yang rapat ini telah menjadikan Kuala Selangor sebagai pusat persinggahan pedagang-pedagang Aceh. Sementara itu, hubungan yang rapat antara Selangor dengan Riau dan Aceh ini ternyata dicemburui oleh Belanda di Melaka. Dari pada laporan Belanda pada tahun 1782-1783, didapati pihak Belanda turut merekodkan tentang jenis-jenis barang dagangan, senarai kapal Aceh yang keluar masuk di Pelabuhan Kuala Selangor dan juga jumlah kapal dari Riau yang terdapat di pelabuhan Kuala Selangor (kira-kira 109 buah) dan kapal perdagangan dari Selangor yang berlabuh di Riau dan singgah di Melaka (499 buah).

Abad ke-18 sudah memperlihatkan tentang kebolehan Sultan Ibrahim menonjolkan Selangor sebagai negeri Melayu diperairan Selat Melaka yang berjuang untuk berdikari dan bebas dari cengkaman Belanda. Berbanding dengan negeri-negeri Melayu seperti Kedah, Perak, Siak dan Minangkabau yang terpaksa tunduk di bawah tekanan Belanda. Belanda memang bertujuan untuk menjadikan Melaka sebagai pusat transeksi pemasaran bijih timah di perairan Selat Melaka. Ini bermakna bahawa Sultan Ibrahim terpaksa bersaing secara terbuka dengan Belanda yang cuba memonopoli perdagangan dan pasaran di perairan tersebut.

Pihak Belanda di Melaka memang berniat untuk menyekat habis-habisan kekuasaan Bugis di perairan Melayu, khasnya di Selat Melaka. Oleh sebab itu berbagai rancangan telah diatur. Antara lain ialah pertama, dengan menghancurkan peranan dan kegiatan Bugis di Linggi. Kedua, memperkenalkan sistem pas untuk segala kapal yang masuk dan keluar melalui pelabuhan Melaka. Ketiga, semua negeri-negeri Melayu adalah menyokong Belanda. Atas dasar sokongan ini, Belanda memberi jaminan untuk mengatur keselamatan dengan menandatangani kontrak untuk menawarkan harga jual bijih timah yang rendah kepada Belanda. Namun pada lazimnya Belanda telah menyeleweng daripada perjanjian yang telah ditandatangani. Sementara itu dasar Belanda telah menyebabkan timbul perasaan tidak

.....

puas hati di kalangan pedang-pedagang Melayu kerana dasar yang menyusahkan,. Ini menyebabkan berlakunya kegiatan penyeludupan yang tidak dapat dikawal. Susulan daripada kegiatan ini menyebabkan Belanda tidak berpuas hati terhadap Sultan Ibrahim yang dituduh sebagai pelindung kepada penyeludup dan menggalakkan kegiatan perlanunan. Walau bagaimanapun, Sultan Ibrahim tidak gentar dan tidak memperdulikan tuduhan Belanda. Malahan baginda terus bertindak dengan berani untuk menghalang kapal-kapal Belanda yang berulang alik antara Linggi dan Klang untuk dikenakan cukai.

Sementara itu, Sultan Ibrahim juga turut memperkenalkan strategi baru. Baginda telah menggunakan strategi Belanda yang memperalatkan raja-raja Melayu yang lemah untuk menyokong dan menentang Selangor. Baginda telah mengenakan kaedah baru iaitu dengan menjalin hubungan dagang dengan pedagang Eropah yang menjadi pencabar dan musuh ketat Belanda iaitu Inggeris. Antara tokoh-tokoh pedagang yang ternama adalah J.G.Scott, Thomas Sween dan Francis Light. Keadaan ini telah berjalan dengan lancar pada tahun 1770an.

Strategi Sultan Ibrahim ternyata cukup menguntungkan Selangor kerana baginda mendapat dua faedah iaitu pertama dapat menjual hasil terutamanya bijih timah kepada pedagang Inggeris dengan harga yang lebih tinggi dari yang pernah ditetapkan oleh Belanda. Kedua dengan menjalin persahabatan dan hubungan dagang dengan Inggeris, Selangor sekurang-kurangnya ada jaminan keselamatan daripada ancaman Belanda mendapat sokongan daripada Minangkabau dan Siak. Hubungan baik antara Selangor dan Pulau Pinang secara rasmi yang bermula pada tahun 1786 hingga mengikat perjanjian dagang pada 23 Ogos 1818 telah dipandang serong oleh Belanda.

Malahan keberanian dan strategi Sultan Ibrahim benar-benar memberi tekanan kepada pihak Belanda. Daripada rekod Belanda bertarikh 1781 dan catatan harian seorang Residen Councillor Melaka tentang pengepungan Melaka pada tahun 1784, memperlihatkan tentang sikap permusuhan dan dendam Belanda akibat cabaran Sultan Ibrahim yang tidak menghiraukan kedudukannya di perairan Selat Melaka. Permusuhan yang begitu lama akhirnya telah menyebabkan berlakunya peperangan antara Belanda dan orang Bugis yang diketuai oleh Raja Haji.

.....

Dalam peperangan yang hampir menewaskan Belanda, angkatan Bugis telah ditewaskan kerana adanya bantuan dari Armada Belanda yang khas didatangkan dari Batavia di bawah pimpinan Laksamana Van Braam. Belanda merasakan perlu mengambil tindakan 'once and for all', yang kononya untuk 'mengajar' Sultan Ibrahim yang dianggap bersikap angkuh terhadap Belanda. Selangor telah berjaya dikalahkan. Sultan Ibrahim dan angkatannya berundur ke Pahang untuk menyusun strategi baru dengan bantuan Bendahara Pahang, Tun Abdul Majid. Pihak Belanda telah melantik seorang boneka, iaitu Raja Mohd Ali dan kemudian Syed Ali sebagai Yang Dipertuan Selangor, tetapi tidak diiktiraf oleh orang Selangor yang menganggapnya sebagai petualang bangsa. Tentunya raja boneka Belanda itu dianggap sebagai sesuatu yang boleh menjatuhkan harga diri atau martabat dan maruah orang Melayu.

Sikap patriotisme Sultan Ibrahim yang cukup kuat telah mendorongnya untuk membebaskan Selangor daripada tekanan dan penjajahan Belanda. Pada 27 Jun 1785, baginda dan angkatannya yang dibantu oleh Dato' Penggawa Permatang Selangor dan 2,000 orang Pahang telah berjaya menawan semula Selangor. Sultan Ibrahim berjaya mendapatkan kembali takhtanya. Namun angkatan Van Braam yang cuba mengepong Kuala Selangor selama dua bulan hingga menyebabkan masalah kebuluran, akhirnya terpaksa mencari jalan keluar untuk berdamai dan juga atas dasar menyedari tentang ketokohan, keberanian dan kpeahlawanan Sultan Ibrahim. Belanda juga bimbang tentang keselamatan Perak, yang mempunyai kepentingan terutama di Tanjung Putus dan Pangkalan Halban. Begitu juga dengan Selangor yang turut menyedari akan akibat peperangan terhadap perdagangan bijih timah dan hasil-hasil hutan Selangor. Akhirnya kedua belah pihak telah mengikat perjanjian dan terpaksa menerima desakan Belanda untuk memasarkan bijih timahnya ke Melaka.

Dalam perkembangan sejarah Selangor pada zaman pentadbiran Sultan Ibrahim, antara hal yang perlu diberi perhatian ialah tentang soal keselamatan dalam negeri dan juga kelancaran kegiatan ekonomi perdagangannya. Di sinilah terletaknya kebijaksanaan Sultan Ibrahim memainkan peranan bukan sahaja sebagai diplomat dan negarawan yang pintar, malahan sebagai wira bangsa yang cukup berani.

.....

Daripada perjalanan sejarah di Selat Melaka pada zaman tersebut telah memperlihatkan tentang keberanian baginda untuk mencabar Belanda. Baginda telah memaparkan ciri-ciri kepimpinan yang ideal, terutama pada saat-saat negeri sedang berdepan dengan musuh yang telah banyak menjatuhkan kuasa raja-raja Melayu di Nusantara. Darah Bugis yang mengalir ditubuh baginda tentunya telah memperkasakan semangat perjuangannya untuk mempertahankan tanah air dan bangsanya dengan berpandukan 'berpantang ajal sebelum maut' dan 'berpantang undur sebelum maju'. Dari segi ekonomi, peranan Sultan Ibrahim adalah meletakkan Selangor sebagai pusat perdagangan untuk menyaingi Melaka yang memang kian malap. Langkah-langkah yang diambilnya tidak hanya untuk menyelamatkan Selangor daripada cengkaman penjajah, malahan untuk menegakkan Selangor sebagai pusat persinggahan pedagang dan perantau dari Kepulauan Melayu.

Akibat kekalahan Bugis di Teluk Ketapang dan penguasaan sementara Belanda ke atas Selangor pada 1784 cukup untuk memberi pengajaran kepada Baginda membuat strategi baru yang lebih berkesan demi kepentingan supaya, keselamatan dan kemajuan Selangor. Strategi yang dirasakan mendatangkan faedah ialah dengan membuat perjanjian dengan kedua-dua kuasa barat, Belanda dan British yang ditandatangani pada 1786, 1790 dan 1818. Dengan adanya perjanjian-perjanjian ini juga membolehkan baginda mempraktikkan prinsip dan pendiriannya yang tegas sehingga berani membantah keras desakan Gabenor Belanda, Timmerman Thyssen yang menyarankan agar baginda mengikat satu lagi perjanjian dengan Belanda pada tahun 1818. Tindakan baginda turut dilaporkan kepada pihak British di Pulau Pinang.

Sebagai seorang diplomat, peranan Sultan Ibrahim memang cukup terserlah. Walau pun hubungannya dengan Belanda di Melaka tidak begitu baik atas dasar persaingan perdagangan, namun dari segi diplomatik, pihak Belanda mengiktiraf kedudukan dan kebolehan Sultan Ibrahim. Misalnya dalam krisis politik dalaman Riau yang melibatkan kes antara Yam Tuan Muda Riau, Raja Ali dan juga kes Yang Dipertuan Sultan Mahmud dan Yam Tuan Muda Raja Ja'afar kepunyaan Sultan Ibrahim sebagai orang tengah untuk menyelesaikan kes ini sangat dihargai oleh pihak Belanda.

.....


Menjelang tahun 1824, suasana persengketaan antara Belanda, British dan Negeri-negeri Melayu di Selat Melaka hampir reda. Pihak penjajah Eropah juga tampaknya sudah mempunyai program masing-masing yang kurang disedari oleh Negeri-negeri Melayu. Namun niat mereka untuk menguasai kegiatan ekonomi dan politik sudah lama menjadi harapan raja-raja Melayu. Kepada Sultan Ibrahim, apa yang perlu dilakukan pada zaman itu ialah mengambil kesempatan atas situasi yang ada untuk mempertingkatkan kegiatan perdagangannya. Oleh itu hubungannya dengan negeri-negeri jiran perlu diperbaiki; misalnya pada 11 Julai 1823 Selangor telah membuat perjanjian dengan Perak. Setahun sebelum baginda mangkat pada 27 Oktober 1826, Selangor dan Perak telah menentukan garis sempadannya melalui Sungai Bernam pada 29 Ogos 1825 atas usaha Fullerton, Governor Pulau Pinang.

Kemangkatan baginda telah mencatat sejarah yang sangat gemilang dari segi kepimpinan. Sepanjang zaman pemerintahannya baginda sentiasa berusaha untuk menjadikan Selangor sebagai pusat kegiatan ekonomi perdagangan. Baginda sentiasa berhasrat untuk menjadikan Kuala Selangor sebagai sebuah pelabuhan utama di Selat Melaka untuk menyaingi dan menggantikan Melaka.

Daripada perkembangan dan peristiwa sejarah pada zaman pemerintahan dan pentadbiran Sultan Ibrahim Selangor, beberapa rumusan dapat diambil untuk dijadikan sebagai iktibar. Faktor kelemahan kepimpinan biasanya memberi laluan kepada orang asing untuk campur tangan dan akhirnya menghancurkan kewibawaan dan menguasai kawasan tempatan. Sultan Ibrahim dapat melihat betapa para pemimpin Siak, Minangkabau, Kedah dan Perak telah dikuasai oleh Belanda. Di sinilah letaknya ungkapan Melayu yang sentiasa memperingatkan tentang pentingnya konsep solidariti sosial dan perpaduan dalam masyarakat sama ada dalam peringkat lokal, negeri atau serantau. Konsep hidup 'bersatu kita teguh, bercerai kita roboh' adalah falsafah Melayu yang perlu dipertahankan. Tanpa menghiraukan falsafah inilah yang biasanya menyebabkan kejatuhan kerajaan Melayu ke tangan asing. Falsafah hidup ini perlu dijadikan benteng untuk menjana dan menjamin kepentingan bersama. Sultan Ibrahim adalah antara pemimpin yang cukup cecal dan segala tindakannya adalah berdasarkan kepada falsafah hidup ini untuk

.....
matlamat membina benteng pertahanan politik dan ekonomi bangsa Melayu, khasnya di perairan Selat Melaka daripada kekuasaan asing.

Sultan Ibrahim juga melambangkan keberanian pemimpin Melayu untuk mempertahankan bangsa dan watan hingga ke titis darah yang akhir. Beliau juga turut serta berperang demi kebebasan dan hak bangsa Melayu yang telah diporak perandakan penguasaan ekonomi dan politik oleh bangsa asing. Kebolehan baginda bukan sahaja merancang, malahan merealisasikan perancangan dengan berpandukan kepada situasi yang sesuai. Atas dasar keberanian dan darah kepahlawanan demi mempertahankan watan maka Selangor terselamat dari dikuasai sepenuhnya oleh orang asing.



***Penghulu Naning Seri Merah
Raja Dol Said: Tokoh Utama menentang
penjajah di Naning***

NEGERI SEMBILAN





**Penghulu Naning Seri Merah Raja Dol Said: Tokoh Utama
menentang penjajah di Naning**

**Oleh : Prof. Madya Zainal Abidin Borhan
Jabatan Sosio-Budaya Melayu Akademi
Pengajaran Melayu, Universiti Malaya**

Naning ialah sebuah wilayah Melayu yang merdeka dan bebas serta mempunyai sistem pemerintahan tersendiri yang dipimpin oleh seorang Penghulu dan disokong oleh Pembesar dari Empat Suku. Naning juga merupakan sebuah luak Adat Perpatih dan Penghulu Naning merupakan ketua Adat Perpatih di Luak Naning. Sebagai wilayah yang merdeka pemerintah Naning tidak tunduk kepada mana jua kuasa asing khususnya sewaktu Belanda atau British menguasai Melaka. Walaupun terdapat perjanjian yang dibuat antara Penghulu Naning dengan Belanda atau British.

Penghulu Naning sebagai Penghulu Adat memerintah Luak Naning sepertimana di lembagakan oleh Adat Naning yang berasaskan kepada Adat Perpatih dan perbilangan atau lombo atau tombo adat menetapkan:

Alam beraja, mak berpenghulu
Suku bertua, anak buah beribu-bapa
Raja bernobat di luak
Lembaga bernobat di dalam suku
Buapak bernobat dalam anak buahnya
Orang banyak bernobat dalam terataknnya

Ketua Penghulu terletak di dalam luaknya seperti yang ditetapkan oleh Adat dan dimuafakatkan oleh Dato'-Dato' Lembaga, para buapak dan anak-anak buah di dalam luak. Adat Perpatih memaktubkan Penghulu dan seluruh *functionaries* adat memerintah berdasarkan keadilan dan kebenaran sepertimana dimaktubkan oleh adat yang diadatkan bahawa, 'biar mati anak jangan mati adat', yang bermaksud keadilan dan kebenaran tetap dipertahankan walaupun anak sendiri atau pemimpin sendiri melakukan kesalahan. Justeru itu maruah dan martabat adat tertakluk kepada pelaksanaan hukum yang dilaksanakan oleh Penghulu di dalam luaknya sendiri.

Sebagai sebuah wilayah yang merdeka dan bebas, kemerdekaannya diiktiraf oleh British sepertimana perjanjian antara British dengan Penghulu Naning dan para Pembesar dari Empat Suku pada 1801.

.....

Naning diwakili oleh Penghulu Naning, Sri Raja Merah Dol Said, Lela Hulubalang, Orang Kaya Kecil, Membangun Kaya, Maharaja Nan Kaya dan Maulana Garang. Perjanjian tersebut tidak menyatakan bahawa Naning merupakan jajahan British. Perjanjian tersebut turut mengesahkan Dol Said sebagai Penghulu Naning. Samuel Garling Residen Konsular Melaka dan John Anderson Setiausaha British di Pulau Pinang berpendapat Naning merupakan negeri wilayah, luak yang bebas dan bukannya sebahagian dari British Melaka.

British di Melaka berusaha untuk menguasai Naning kerana menganggap Naning merupakan sebahagian dari Melaka. British mahu cukai hasil sebanyak satu persepuluh (1/10) perlu dikirimkan oleh Naning ke Melaka di samping telur ayam, lembu dan lain-lain hasil pertanian. British beranggapan bahawa jika di zaman Belanda Naning di bawah perintah Belanda maka sewajarnya Naning di bawah British pula. Apabila British menduduki Melaka semula pada 1825, British menuntut Naning membayar hasil satu persepuluh dalam bentuk wang atau bijih timah dan segala kes jenayah yang berlaku hendaklah dirujuk kepada British Melaka. British turut melarang Penghulu Naning daripada mengutip hasil dari segala dagangan dari Terengganu, Rembau, Johor ke Melaka yang melalui Naning.

Tindakan British menjejaskan wibawa kekuasaan Penghulu Naning Seri Merah Raja Dol Said dan British tidak memiliki apa jua hak serta keistimewaan terhadap Naning, di samping berusaha mencampuri urusan pentadbiran dan pemerintahan Naning. Penghulu Naning Seri Merah Raja Dol Said menolak segala usaha dan tindakan British.

Dol Said lahir dalam tahun 1773, dari suku Semelenggang dan menjadi Penghulu Naning menggantikan Penghulu Anjak, serta dilantik sebagai Penghulu Naning pada tahun 1799 sewaktu berumur 26 tahun. Beliau mewarisi satu jawatan adat semenjak zaman dahulu kala. Di zaman Belanda terdapat beberapa orang Penghulu Naning yang silih berganti. Abdullah Munshi mencatatkan nama-nama berikut:

- i) Seraja Merah
- ii) Juara Megat
- iii) Gegah

-
- iv) Maulana Garang
 - v) Janggut
 - vi) Tamba
 - vii) Anjak
 - viii) Dol Said atau Abdul Said.

T.J Newbold, mencatatkan bahawa di zaman Belanda gelaran Penghulu tidak digunakan, tetapi dilantik seorang "Captain (Kapitan)" sedangkan di zaman Portugis digunakan gelaran "Temenggung". Walaubagaimanapun pada 1643 jawatan Kapitan diganti dengan Penghulu semula apabila Dato' Seri Maharaja Merah menjadi Penghulu Naning atau Orang Kaya Sri Raja Merah.

Newbold juga turut mencatat bahawa Juara Magat atau Juara Megat dilantik sebagai Penghulu Naning oleh Belanda dengan arahan Sultan Johor, setelah beliau berjasa besar kepada Sultan. Sultan turut kurnia sebilah keris bergelar Ularkenyang, baju sutera, sebahagian wilayah Gemenech yang dikenali sebagai "Pembasuh Tangan" dan buku (surat) Salasilah yang akhirnya menjadi alat kebesaran atau regalia Penghulu Naning. Newbold juga mencatat bahawa jawatan Penghulu dipegang oleh Kukah, anak kakak Juara Megat, diikuti Enggarang atau Maulana Garang, kemudian Janggut, Tambah dan Anjak atau Bukit Jootor Dol Said atau Abdul Said atau Abdul Syed, menggantikan bapa saudaranya Anjak pada 1801. Pelantikan ini telah dimaklumkan kepada Residen British Melaka, Kolonel Taylor.

Perang Naning

Pada 1831 di bawah pimpinan Dol Said, Penghulu Luak Naning, Naning telah berjaya mengalahkan British. Perang Naning pertama bermula pada 6 Ogos 1831 apabila British berusaha menyerang Taboh dan kediaman Penghulu Naning Dol Said, di samping mengugut atau mengancam pembesar-pembesar atau Dato'-Dato' Lembaga supaya tunduk kepada Melaka. British telah bersedia sejak 1831 untuk menyerang Naning.

Penghulu Naning Dol Said telah bertindak mengarahkan para Pembesar, para Panglima di dalam kawasannya serta para jiran bersiap sedia dengan segala peralatan senjata, manakala rumah-rumah

.....
berhampiran dengan jalan yang dijangka akan dilalui oleh pasukan British (*East India Company*) turut dibekalkan dengan senjata dan diarahkan menembak tentera British.

Penghulu Dol Said telah mendapat bantuan daripada Pembesar Rembau, Yamtuan Ali. Yamtuan Ali bimbang British akan menyerang Rembau selepas mengalahkan Naning. Selain Rembau, Naning dibantu oleh Penghulu Gemenceh, Dato' Klana Sungai Ujung, Pembesar Sri Menanti dan Penghulu Linggi. Penghulu Dol Said telah mengumpul kira-kira 4000 orang untuk 'berjuang; mempertahankan maruah Naning. Seluruh para pejuang Melayu ini diarahkan menyerang tentera British yang membuat markas di Sungai Petai dan tentera British yang mara ke Naning. Yamtuan Ali menghantar 500 orang di bawah pimpinan menantunya Syed Shaban membantu Penghulu Dol Said.

British pada masa itu beranggapan bahawa Naning adalah daerah di bawah Melaka, sepertimana perjanjian yang telah dibuat pada 1801, sedangkan Penghulu Dol Said tidak beranggapan demikian. British atau *East India Company* lebih memikirkan kepentingan ekonomi dan perluasan jajahan. Cukup banyak usaha British untuk mengurangkan kekuasaan dan kewibawaan Penghulu Dol Said, selain dari menuntut hasil satu persepuluh. British berusaha membuat banciaan penduduk di samping menyusun peraturan tanah. British menawarkan pencen kepada Penghulu dan Pembesar Empat Suku jika menurut arahan British.

British mencari isu-isu untuk memudahkan tindakan menyerang Naning. Seorang bernama Surin di Pancor telah mengadu kepada British bahawa sebahagian daripada pokok duku di dalam dusunnya telah dimusnahkan oleh orang-orang Dol Said. Residen Melaka, Samuel Garling mengarahkan Dol Said membayar ganti rugi. Dol Said berpendapat bahawa tanah itu miliknya turun temurun pesaka Penghulu Naning sebelum kedatangan British dan tanah itu di dalam pentadbiran Naning, bukannya milik Surin. Residen British berpendapat bahawa hanya British yang boleh menentukan hak ke atas tanah tersebut dan ini merupakan satu penghinaan kepada Dol Said. British turut mencabar bahawa Pancor bukan di dalam Luak Naning dengan mengarahkan Penghulu Durian Tunggal menyiasat tentang

.....

sempadan antara Naning dengan Parit Melana. Masalah tanah Surin telah menyebabkan British memberi amaran bahawa Penghulu Dol Said boleh dilucutkan jawatan daripada menjadi penghulu.

Seperti raja-raja dan pembesar-pembesar Melayu lain dan tradisi peperangan Melayu, Penghulu Naning tidak memiliki bala tentera yang sentiasa bersedia untuk menghadapi krisis. Kekuatan Penghulu Naning berdasarkan bantuan dan sokongan rakyat Melayu di samping sokongan orang Melayu Rembau, Sungai Ujong, Linggi dan Gemenech. Sedangkan British telah tersedia bala tentera, untuk menyerang Naning dua kumpulan tentera telah disediakan. Kumpulan pertama Golundauze yang terdiri daripada seorang Leftenan, dua orang *Havildar*, dua orang *Naigue*, seorang *drummer*, dua puluh orang tentera, seorang *Bheestie*, tiga orang *Laskar*. Pasukan ini dituruti oleh pasukan meriam. Pasukan kedua ialah pasukan 29 rejimen yang terdiri daripada seorang kapten, seorang leftenan, seorang *ensign*, seorang pembantu bedah, dua orang *subadar*, dua orang *jemador*, sepuluh orang *Havildar*, sepuluh orang *Naigue*, dua orang *drummer*, dua orang *Hefer*, seorang pembantu *opothecary*, seorang *toly*, 150 orang sepoi, lapan orang askar dan seorang *armourer*.

Pasukan pejuang Melayu iaitu orang-orang Penghulu Dol Said, berusaha menyekat perjalanan tentera British, dengan menebang pokok kayu, di samping mereka menembak tentera British. Perjalanan tentera British dari Melaka melalui Malim menuju ke kubu mereka di Sungai Petai pada Sabtu 6 Ogos 1831, lantaran sungai Petai tempat yang strategik tidak jauh dari Naning. Pada 7 Ogos, tentera British menuju ke Melekek untuk terus ke Naning setiap perjalanan mereka disekat oleh para pejuang Melayu. Begitu juga setiap bantuan yang dikirim dari Melaka berjaya disekat oleh para pejuang Melayu. Tentangan para-pejuang Melayu memeranjatkan British, namun telah Syed Shaban menarik balik sokongan kepada Penghulu Dol Said apabila menerima \$500 daripada British. Pengunduran sokongan ini menjejaskan pertahanan Penghulu Dol Said. Namun daya juang para pejuang Melayu terus dapat mengatasi tentera British.

Pengunduran tentera British dari Sungai Petai ke Melaka terus diserang oleh para pejuang Melayu. Para pejuang Melayu menjejaki tentera British hingga ke Melaka. Para pejuang Melayu yang

.....


menyerang tentera British membakar lima buah rumah Cina di Bukit Rambau, di samping mengugut untuk membakar Rumah Pringit (Peringgit). Tindakan ini telah menyebabkan penduduk Melaka merasa takut dan kelam kabut lantaran orang Naning akan mengamuk di Melaka.

Penghulu Dol Said berjaya mendapat sokongan orang Melayu, seramai 10,000 dapat dikumpulkan untuk berperang dengan tentera British. Perang Naning yang bermula pada 6 Ogos 1831 berakhir pada 24 Ogos 1831, kira-kira 18 hari berperang. Tentera British terpaksa berundur lantaran serangan para pejuang Melayu secara bertubi-tubi. Maruah British tercabar oleh Penghulu Dol Said dan para pejuang Melayu. Kejayaan Penghulu Dol Said adalah kerana perpaduan yang wujud di kalangan orang Melayu, serta sokongan orang Melayu dari wilayah lain. Kepimpinan Penghulu Dol Said melanjutkan semangat juang Melayu semenjak menentang Portugis dan penentangan terhadap Belanda oleh para pejuang Melayu seperti Raja Haji Fisabilillah, Yamtuan Muda Riau.

Penghulu Naning akhirnya terpaksa berundur ke Pasir Besar setelah kalah di dalam Perang Naning kali kedua. British melancarkan serangan kali kedua pada Februari 1832, mengambil masa empat bulan sebelum mengalahkan dan menduduki Naning pada 15 Jun 1832. Kemenangan British lantaran berjaya mempengaruhi Rembau, Seri Menanti, Sungai Ujong, dan Johol. Orang Melayu tidak saling membantu dan bersatu untuk menghadapi kuasa besar seperti British.

Penghulu Dol Said mengundurkan diri ke Rembau dan akhirnya ke Gunung Pasir. Naning kemudiannya diletak di bawah peraturan Negeri-negeri Selat pada 27 Oktober 1832. Pada 4 Februari 1833, akhirnya Penghulu Dol Said menyerah diri. Penghulu Dol Said ditempatkan di Melaka, diberi sebuah rumah dan pencen 39 rupee sebulan, akhirnya beliau mendapat 1000 rupee sebulan pencen. Penghulu Dol Said meninggal dunia pada bulan Oktober 1849.

Begitulah hari-hari terakhir seorang pejuang yang dalam tempoh 1831 dan 1832 telah menentang British sedaya yang mungkin. Penghulu Seri Merah Raja Dol Said merupakan di antara tokoh utama yang menentang kehadiran British di sebuah wilayah Melayu yang tidak patut dilupakan. Semangat juangnya patut menjadi pegangan anak cucunya kita semua.



Dato' Bahaman: Pahlawan Pahang



Dato' Bahaman: Pahlawan Pahang

**Oleh : Abu Hassan Sham
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya**

Pendahuluan

Nama sebenar beliau adalah Abdul Rahman. Ayahnya Tuanku Imam Nuh berasal dari Bangkinang, Kampar Riau. Ibunya, Rokiah Abdul Rahman, anak Tok Setia Perkasa Semantan, berketurunan Bugis dari Sulawesi Selatan. Ini bertentangan dengan pendapat W. Linehan yang mengatakan beliau adalah berketurunan Jakun (1973:139). Adanya penempatan orang Kampar dan Bugis di Pahang terdapat sehingga kini terutama di daerah Temerloh, Pekan dan Kuantan.

Walaupun beliau dilahirkan di Rantau Panjang, tetapi beliau lebih banyak berada di Pekan kerana berkhidmat dengan Bendahara Pahang (Bendahara Ali, 1806-1847) iaitu ayahanda kepada Sultan Ahmad. Bahkan dikatakan Dato' Bahaman dijadikan anak angkat oleh Bendahara Ali dan menjadi rakan sepermainan Wan Ahmad.

Mengikut sumber Barat (Linehan, 1973, Winstedt, 1966) beliau dikatakan bekerja sebagai penjaga anjing (*dog boy*) kepada Sultan.

Timbul persoalan di sini kenapa Linehan mengatakan Bahaman berasal dari baka rendah ("*to be partly Jakun*") dan gembala anjing (*dog boy*) iaitu suatu gambaran yang menghina peribadi Dato' Bahaman. Mereka sebenarnya merasa kagum terhadap kepintaraan Dato' Bahaman apabila mengatakan:

"He had a unique knowledge of jungle craft gained from his scouting expeditions all over Pahang and Selangor, and was intimately acquainted with the language, customs and forest-love of the aboriginal tribes of his district". (Linehan, 1973:13)

Untuk menjustifikasi penghinaannya ini mereka mengatakan Bahaman berasal dari suku Jakun. Tetapi bagi Noriah Sulong yang telah menemuduga keluarga Bahaman dan Dato' Zakaria Hitam, ayah Bahaman berasal dari Kampar dan ibunya berketurunan Bugis seperti dinyatakan di atas.

.....

Bahaman memang pintar berburu. Ini adalah hasil beliau mempelajari gerak-gerak anjing untuk menangkap binatang dan kadang-kadang lebih pintar daripada anjing terutama dalam memburu gajah kerana beliau boleh mengerat keting gajah. Di atas kebijaksanaannya ini beliau dilantik menjadi Tok Peran, dan guru berburu kepala juak-juak raja (Noriah Sulong, 1996:4).

Jika berdasarkan *Hikayat Pahang*, kedudukan beliau di istana Bendahara tidaklah sehina seperti yang digambarkan oleh W. Linehan. Beliau adalah adik angkat kepada Wan Ahmad. Bendahara Tun Ali pernah memanggil Bahaman dan Wan Ahmad. Wan Ahmad disuruhnya menganga, lalu diludah ke mulut anaknya itu dan berkata, "Jangan engkau bercerai dengan Tun Ahmad, hendaklah bersama ke mana-mana".

Bendahara sebagai Pahlawan

Pahlawan dapat diertikan sebagai orang yang gagah dan berani, pejuang yang gagah, perwira (Kamus Dewan, 1989:888). Kini kita melihat sifat-sifat tersebut yang ada pada Bahaman:

i. Gagah

Kegagahan di sini dilihat daripada konteks tradisional, biasanya mempunyai tubuh badan yang tegap. Ini diperolehi kerana sentiasa melakukan aksi yang lasak terutama dalam latihan silat. Beliau adalah seorang pendekar, begitu juga dengan panglima-panglimanya.

ii. Kuat dari segi fizikal

Mengikut Abdul Talib Haji Ahmad, panglima-panglima Bahaman hanya lulus dalam ujian jika:

- a) Dapat melompat dari tebing ke tebing Sungai Semantan.
- b) Dapat menumbuk dan menembusi tanah busut dengan antan kayu dengan sekali tumbuk sahaja. Bahaman dikatakan dapat melakukan semuanya ini.

Dengan inilah beliau melantik panglima-panglimanya seperti Panglima Besar Majid, Panglima Raja Awang Ishak, Imam Perang

.....
Yaman, Pahlawan Tayur, Tok Muda Noor, Mat Salleh dan Imam Adam (1961:64).

iii. Berani

Keberanian Bahaman bukan sahaja diperlihatkan dalam aksinya bertempur dengan tentera Ingeris tetapi keputusannya untuk menentang campur Ingeris di negeri Pahang.

Keberaniannya bertempur dapat dilihat:

a) Menyerang balai polis di Lubuk Terua (1891) sebelum itu, menyerang hendap rombongan C.E.B Desborough (Pemangku Pemungut Hasil Daerah Temerloh) dan Townson (*Inspector of Mines*). Dalam pertempuran itu beberapa orang luka termasuk Mr. Townson. Empat orang ditawan dan tiga daripadanya dibunuh. Pertempuran ini terjadi kerana Mr. C.E.B Desborough telah menangkap tiga orang pengikut Bahaman kerana dituduh mengumpulkan hasil hutan tanpa izin.

b) Mematahkan serangan Hugh Clifford dan Tengku Mahmud di Kelubi (1892). Tetapi kemudiannya angkatan Dato' Bahaman dikalahkan di Batu Hampar oleh angkatan yang diketuai oleh Sultan Pahang dan J.P Rodger (residen British). Bahaman melarikan diri. Sungai Semantan diserahkan kepada Encik Abdullah Kampung Bera dan Saiyid Ali, Kampung Badoh. Lubuk Terua ditawan sekali lagi oleh Dato' Bahaman sebelum meninggalkannya semula.

c) Mei 1892 Dato' Bahaman menawan semula Batu Hampar dan Lubuk Terua kemudiannya berundur setelah diserang oleh gabungan tentera Tengku Ali, Tok Gajah dan E.A Wise.

d) Julai 1892 Dato' Bahaman dan Mat Kilau telah menyerang Kuala Cheka.

e) 7 September 1892, Bahaman telah bertempur dengan Walker di Jeram Kangkong. Pasukan Bahaman akhirnya mengundurkan diri. Selepas ini pasukan Bahaman dan Tok Gajah telah berundur ke Ulu Kelantan di Sungai Hulu Lebir. Penentangan Dato' Bahaman sudah

.....

berakhir jika tidak ada sokongan Ungku Saiyid Abdul Rahman di Paloh. Beliau berjaya membakar semangat Bahaman dan pengikutnya. Beliau menganggap pertentangan itu sebagai perang sabil. Engku Saiyid adalah seorang ulama yang disegani di Terengganu termasuk oleh Sultan Terengganu sendiri. Engku Saiyid telah mengajar beberapa jenis ilmu jampi dan ilmu kebal dan menghadiahkan sebilah pedang pada matanya berukir ayat Al-Quran.

f) Kombinasi dari angkatan Bahaman, Tok Gajah, Mat Kilau beserta orang Terengganu dan Kelantan menyerang balai polis Kuala Tembeling. Lima dari sebelas yang berkawat itu telah terbunuh. Antara askar Sikh yang terselamat itu adalah Ram Singh.

g) Pertempuran yang paling besar berlaku di Jeram Ampai pada 28 Jun 1894. Kombinasi pasukan Kolonel Walker yang dibantu oleh Kapten Lyons (mengetuai polis dari Selangor), Kapten H.L. Talbot mengetuai polis Sikh dari Perak. Mereka ini dibantu pula oleh Duff dan Wise. Duff ketika itu Pemangku Penguasa Polis Pahang dan E.A Wise, Pemangku Penguasa Polis Hulu Pahang telah menyerang kedudukan pasukan Dato' Bahaman.

Sebelum berundur, Dato' Bahaman dapat menghasilkan kerugian yang besar kepada pihak British dengan kematian E.A Wise dan empat orang tentera Sikh. Manakala Kapten Talbot dan lima tentera Sikh yang lain mendapat cedera parah.

Selepas ini pasukan Bahaman, Tok Gajah telah mengundurkan diri ke Kelantan dan Bahaman akhirnya menetap di Chiengmai, Thailand. Keberanian Bahaman bukan sahaja dilihat dari segi fizikal tetapi juga keberanian mental. Ini dilihat keberaniannya membuat keputusan menentang British biarpun rakan seperjuangannya terutama Orang Kaya Indera Maharaja Perba Jelai (Tok Raja), Orang Kaya Lipis, Orang Kaya Chenor dan lain-lain telah memihak kepada Inggeris

Kenapa keputusan ini dibuat ?

Buku-buku sejarah menyatakan penentangan terhadap Inggeris kerana diberikan elaun bulanan yang amat kecil dibandingkan dengan tanggungannya. Begitu juga dengan pembesar yang lain. Pada tahun

.....

1892 elaun terhadap Dato' Bahaman ialah \$840 (Aruna Gopinath, 1993:237) sedangkan keperluan yang sebenar ialah \$6,000.

Berkaitan dengan elaun ini ialah sekatan pihak British untuk mengutip hasil di kawasan sendiri. Pembesar tidak dibenarkan berkuasa di kawasan sendiri. Rasa tidak puas hati ini bukan sahaja terhad kepada Bahaman tetapi pembesar-pembesar lain termasuk Sultan Ahmad sendiri. Sultan pernah menerima bayaran \$20,000 dari Syarikat Kuantan (*The Kuantan Company*) yang melanjutkan konsesi melombong di Kuantan. Tok Gajah pula menerima konsesi sebanyak \$10,000 dari Hae Sing. Di bawah sistem Residen Inggeris, Sultan menerima elaun tahunan \$24,000, dan orang besar berempat iaitu Tok Syahbandar, Tok Raja, Orang Kaya Chenur dan Orang Kaya Temerloh \$1,200 pula sebanyak seorang dan Tok Gajah sebanyak \$1,200 juga. Akibat tidak puas hati ini Dato' Bahaman pernah diutuskan untuk menemui Gabenor Negeri Selat Sir Clementi Smith. Sementara menunggu jawapan tersebut beliau meneruskan kutipan cukai di Sungai Semantan. Ini antara lain penyebab kepada serangan balai polis di Lubuk Terua.

Satu lagi sebab pembesar tidak berpuas hati ialah berhubung dengan kedaulatan undang-undang. Penubuhan pasukan polis sejak 1888 telah menghilangkan kuasa penguatkuasa undang-undang yang selama ini dinikmati oleh Sultan dan pembesar-pembesar. Pasukan itu berjumlah 200 orang iaitu 150 orang Melayu (dari Kelantan dan Terengganu) dan 50 orang Sikh di bawah pemerintahan Mr. Syers. Orang Melayu Pahang enggan berkhidmat sebagai polis yang diketuai oleh orang Inggeris. Mereka lebih suka berkhidmat di bawah para pembesar sebab itulah diambil orang Melayu dari Kelantan dan Teranganu. Orang Sikh pula memang sudah biasa bekerja di negeri Melayu terutama Perak, Selangor dan Negeri Sembilan. Sultan dan pembesar sebenarnya tidak begitu gembira dengan fenomena baru ini.

Di Temerloh E.A Wise dilantik menjadi hakim. Tiga orang pengikut Bahaman telah ditangkap kerana mengutip hasil tanpa kebenaran dan ketiga-tiganya hendak dibawa ke balai polis Lubuk Terua dan inilah menimbulkan permulaan konflik antara Dato' Bahaman dengan pihak Inggeris.

.....

Dalam penentangannya terhadap Inggeris, Bahaman sebenarnya tidak menentang Sultan walaupun Sultan terpaksa bertindak mengikut arahan Inggeris. Sultan sebenarnya tidak berkuasa lagi sejak penubuhan Majlis Negeri pada tahun 1889. Di samping itu ditubuhkan juga Majlis Tertinggi yang dianggotai oleh Residen British J.P Rodger, Tengku Mahmud, Bendahara dan Temenggung. Lantaran itu Baginda dikatakan merajuk dan berpindah ke Pulau Tawar pada bulan Disember 1889. Semacam ada suatu permuafakatan antara Bahaman dan Sultan dalam usaha menentang British.

Keberanian menentang Inggeris diteruskan oleh Bahaman (1891-1895) walaupun terpaksa melalui "Perang Saudara" antara pihak yang bekerjasama dengan Inggeris dan pihak yang menentang Inggeris.

iv. Mempunyai pelbagai ilmu

Beliau mahir dalam ilmu silat, handal dalam ilmu perburuan, mempunyai ilmu ghaib dan sihir. Pernah bertapa di Bukit Bangkok, Hulu Teris, Jambu Rias, Bukit Hulu Sungai Jenalis dan Semantan (Noriah Sulong, 1996:3). Beliau juga mahir perjalanan dalam hutan dan juga mengetahui bahasa dan adat istiadat orang asli. Azahar Rahman menggambarkan kebijaksanaan Bahaman ini sebagai :

"Kerap kali berlaku pihak Inggeris dan Sikh tidak kenal bagaimana rupa wajah Datuk Bahaman dan pengikut-pengikutnya kerana Datuk Bahaman dan orang-orangnya berjambang, berambut dan berjanggut panjang hingga ke pusat, memakai cawat dari kulit kayu terap serta memakai ambung di belakang, muka mereka dicontengkan dengan getah-getah kayu hingga menyerupai orang asli".

Polis Inggeris dan Sikh yang berjumpa dengan pasukan Dato' Bahaman yang bercawat itu lalu bertanya, di mana mereka ternampak Dato' Bahaman dan Dato' Bahaman sendiri dikatakan menjawab, "Baru lepas ke seberang sana, naiklah rakit itu." (Azahar Rahman, 1982:73)

Kemahiran inilah digunakan oleh Dato' Bahaman dan rakannya Tok Gajah untuk mengelakkan tangkapan Hugh Clifford dalam pengejaran

.....

mereka pada tahun-tahun 1894-1895. Walaupun gerakan itu telah memakan belanja \$7,393-83 tetapi usaha itu tidak sia-sia sahaja. Selain kemahiran-kemahiran tersebut, Bahaman banyak dibantu oleh orang Kelantan dan Terengganu mengelakkan daripada ditangkap oleh Inggeris.

Dari segi pendidikan agama, sebagaimana orang Islam lain, beliau juga menerima pendidikan agama di tempat kelahirannya. Ilmu agama diperdalaminya lagi apabila ada kesempatan berguru dengan Tok Engku Saiyid (Saiyid Abdul Rahman bin Muhammed Al-Idrus) di Kampung Paloh, Kuala Terengganu. Beliau adalah penasihat dan guru agama kepada Sultan Terengganu, Sultan Zainal Abidin III.

v. Menjalankan Perang Jihad

Seorang pahlawan seharusnya menunjukkan perjuangannya untuk kebaikan di dunia dan akhirat. Dato' Bahaman setelah disuntik semangat semula oleh Tok Ku Paloh sanggup meneruskan semula perjuangan menentang British. Terjadilah pertempuran di Kuala Tembeling dan Jeram Ampai. Walaupun perjuangan ini tidak berjaya tetapi dapat menyebabkan kemalangan yang berat di pihak musuh terutama kematian E.A Wise yang ketika itu menjadi Penguasa Polis di Hulu Pahang.

Daripada kombinasi faktor di atas dapatlah dianggap Dato' Bahaman sebagai pahlawan Pahang yang cuba sedaya upaya membebaskan negeri Pahang daripada penjajahan Inggeris walaupun nasib tidak menyebelahnya.

Bahaman seorang patriot atau seorang "penderhaka"?


Pengertian patriot akan dibahaskan setelah kita meninjau kedudukan beliau sebagai "penderhaka". Di dalam zaman penjajahan kita diajar pahlawan-pahlawan nasional seperti Dato' Bahaman, Dato' Gajah, Tok Janggut, Dato' Maharaja Lela sebagai "Penderhaka".

Penderhakaan beliau adalah untuk menegakkan kekuasaan Melayu yang telah dijajah Inggeris. Penulisan sejarah pada masa itu dilihat dari kacamata penjajah. Sesiapa yang menentang Inggeris dilabelkan sebagai "penderhaka" (*rebel, traitor*).

.....

apakah bahaman Seorang penderhaka ? Untuk melihat perkara ini kita mesti meninjau daripada sudut semangat patriotism. Seorang yang dianggap patriotik ialah yang cinta, taat dan menyokong negara mereka.* Tidak adakah sifat ini pada Dato' Bahaman? Adakah perjuangan beliau bukan kerana sayangkan negara tetapi hanya untuk kepentingan peribadi semata-mata. Jika kerana kepentingan peribadi, beliau akan akur terhadap pemerintah Inggeris seperti yang dilakukan oleh Tengku Mahmud, Tengku Ali, Tok Raja (Maharaja Perba Jelai), Tok Bandar (Orang Kaya Syahbandar), Panglima Garang Yusuf, Abdullah Bera, Haji Muhammad Nor dan lain-lain. Beliau tidak mahu hanya menerima pencen sahaja tanpa diberi apa-apa kuasa terutama dari segi ekonomi dan juga undang-undang. Setelah beliau menyerang balai polis Lubuk Terua, dengan nasihat British, Sultan Ahmad telah melucutkan jawatannya sebagai orang besar berlawan yang bergelar Dato' Setia Perkasa Pahlawan (Orang Kaya Semantan) pada 7 Januari 1892.

Adakah dengan perlucutan jawatan ini beliau juga dianggap menderhaka kepada Sultan? Pada awal penentangannya Sultan juga bersimpati dengan beliau bahkan tidak bersungguh-sungguh untuk menangkap beliau. Tetapi lama kelamaan kekuasaan Sultan makin terhakis terutama selepas Baginda berpindah semula ke Pekan dari Pulau Tawar. Segala pergerakan untuk menangkap Dato' Bahaman bukan arahan lagi tetapi dari pihak Inggeris terutama Hugh Clifford dan J.P Rodger. Pembesar-pembesar Melayu juga turut memburu beliau seperti Tengku Mahmud, Tok Raja, Panglima Garang Yusuf dan lain-lain. Penentangan beliau berpusat kepada Inggeris dan kuncukuncunya dan bukan ditujukan kepada Sultan Ahmad yang amat disayanginya beliau sanggup menggadai nyawa untu menaikkan baginda ke takhta kerajaan ketika menentang Wan Mutahir. Jadi unsur patriotisme masih tersemat di dadanya iaitu taat setia dan perjuangan kepada negerinya Pahang.



Dato' Maharajalela, Perak



Dato' Maharajalela, Perak

Oleh : Abdullah Zakarian bin Ghazali
Jabatan Sejarah,
Universiti Malaya

Pendahuluan

Dato' Maharaja Lela Pandak Lam adalah salah seorang pembesar delapan Perak. Beliau terlibat dalam perjuangan menentang British di Perak dan salah seorang daripada pemimpin yang mengendalikan perjuangan tersebut. Bersama-sama pemimpin lain, seperti Orang Kaya-Kaya Seri Agar Diraja (lebih dikenali dengan Dato' Sagor), Ngah Kandin, Dato' Maharaja Lela merancang dan membuat pakatan menentang penglibatan British di Perak dan membunuh Residen British James Wheller Woodford Birch. Dalam perjuangan ini, Dato' Maharaja Lela mendapat restu daripada Sultan Abdullah dan Sultan Ismail. Selain itu, beliau mendapat sokongan daripada penduduk di sekitar Pasir Salak dan Kampung Gajah. Namun begitu, perjuangannya ini didapati bersalah oleh mahkamah yang bersidang dari 14-22 Disember 1876. Beliau dijatuhkan hukuman gantung sampai mati. Hukuman tersebut dilaksanakan pada 20 Januari 1877.

Asal-usul Dato' Maharaja Lela Pandak Lam

Pandak Lam adalah keturunan Daeng Salili, anak Raja Bugis yang berasal dari daerah Luwuk, Sulawesi. Daeng Salili datang ke Perak ketika pemerintahan Sultan Muzaffar Syah III. Beliau dilantik sebagai Mufti Perak dan dianugerahkan gelaran Dato' Maharaja Lela Tan Lela dengan kuasa boleh memancung tanpa bertanya.

Faktor penentangan Dato' Maharaja Lela

Campur tangan British di Perak pada tahun 1874 telah mencetuskan gerakan tentangan. Di antara mereka yang terawal menunjukkan tentangan terhadap campur tangan ini ialah Sultan Ismail dan Dato' Maharaja Lela. Kedua-duanya tidak hadir di Pangkor pada 20 Januari 1874. Dalam Penjanjian Pangkor, Raja Muda Abdullah menjadi Sultan Perak. Fasal yang kedua, Raja Bendahara Ismail digelar Sultan Muda dan diberi pencen serta satu jajahan kecil untuk ditadbir. Fasal yang keenam, seorang Residen British akan dilantik yang mana nasihatnya

.....

hendaklah dituntut dan diikuti dalam semua perkara kecuali bersangkutannya agama Islam dan istiadat Melayu. Fasal yang ketujuh, seorang Penolong Residen akan dilantik di Larut untuk membantu pentadbiran Larut. Perjanjian Pangkor meletakkan Perak sebagai Negeri Lindungan British.

Pada 4 November 1874, kira-kira sembilan bulan selepas Perjanjian Pangkor ditandatangani, J.W.W. Birch dihantar ke Perak memegang jawatan Residen British. Ketika memegang jawatan itu, J.W.W. Birch mencadangkan berbagai perubahan dalam pentadbiran Perak, seperti kutipan cukai, sistem kewangan dan perlembagaan. Perubahan ini mencetuskan rasa tidak puas hati di kalangan pembesar Perak. Mengikut tradisi Pembesar Perak dianugerahkan kawasan oleh Yang Dipertuan Perak (Sultan Perak) yang membolehkan mereka menjalankan pentadbiran dan memungut cukai dalam kawasan masing-masing. Kutipan cukai ini menjadi sumber pendapatan mereka. Misalnya Dato' Maharaja Lela dan Dato' Sri Agar Diraja (Dato' Sagor) mendapat hasil dari tiap-tiap perahu yang keluar masuk dan dikecualikan dari cukai ke atas segala barangan yang dibawanya.

Selain itu, cadangan J.W.W. Birch mengubah sistem kutipan cukai, perlembagaan dan sistem kewangan mencetuskan rasa tidak puas hati pembesar Perak. Dalam usaha mendapatkan wang bagi kerajaan negeri, J.W.W. Birch memusatkan pungutan cukai. Pungutan cukai ini pula diletakkan di bawah kelolaan pegawai Eropah. Dalam pada itu, pegawai yang dilantik oleh Residen sebagai wakil Sultan sahaja yang sah dan boleh memungut cukai. Jika didapati sesiapa yang masih memungut cukai ia akan didenda. Pada 9 Disember 1874, J.W.W. Birch mengarahkan membakar rumah Raja Ngah, Tengku Panglima Raja, saudara Sultan Ismail kerana memungut cukai di Bidor. Pada hal kawasan tersebut adalah kurniaan Sultan Ismail kepadanya.

Pada bulan Januari 1875, J.W.W. Birch bertemu Dato' Maharaja Lela di Belanja. Dalam pertemuan ini J.W.W. Birch menuntut janji Dato' Maharaja Lela menurunkan cop ke atas Perjanjian Pangkor. Dato' Maharaja Lela menolak permintaan J.W.W. Birch ini dengan alasan terdapat Dato'-Dato' lain yang tidak menurunkan cop mereka. Keputusan dan alasan Dato' Maharaja Lela ini disifatkan oleh J.W.W. Birch sebagai memalukannya kerana sebelum ini Dato' Maharajalela berjanji akan menurunkan copnya ke atas Perjanjian Pangkor di Belanja.

.....

Penglibatan British dalam pentadbiran Perak melalui Residen British dan pengenalan peraturan baru telah menimbulkan kesedaran Sultan Abdullah dan pembesar Perak bahawa kedatangan British bukanlah untuk menasihati tetapi merampas kuasa dan keistimewaan mereka. Mereka juga bimbang dengan kegiatan British memasukkan mereka nanti akan menyebabkan tanah akan dimiliki oleh orang asing. Juga mereka khawatir akan memundurkan agama Islam dan Bahasa Melayu. Faktor ini menyebabkan antara lain Sultan Abdullah, Sultan Ismail dan pembesar-pembesar Perak seperti Dato' Maharaja Lela, Dato' Sagor, Laksamana, Syahbandar dan Menteri 12 menjalankan rancangan untuk membebaskan Perak daripada British dan membunuh J.W.W. Birch.

Pakatan menentang British dan membunuh J.W.W. Birch

Antara pembesar Perak yang menjalankan peranan penting dalam perjuangan menentang British di Perak ini ialah Dato' Maharaja Lela. Pada 16 Oktober 1874, Dato' Maharaja Lela bersama antaranya Sultan Abdullah, Menteri Ngah Ibrahim dan Temenggung bermesyuarat dan mengambil beberapa keputusan. Misalnya alat-alat kebesaran Perak tidak akan diserahkan kepada Sultan Abdullah, R.C Woods dan Raja Yusof akan berangkat ke England untuk membatalkan Perjanjian Pangkor dan \$25,000.00 akan disediakan oleh Menteri Ngah Ibrahim untuk dibayar kepada R.C Woods. R.C Woods adalah peguam dari Pulau Pinang yang dilantik oleh pembesar Perak untuk memansuhkan Perjanjian Pangkor. Usaha membatalkan Perjanjian Pangkor tidak berhasil. Walaupun begitu, pakatan menentang British diteruskan. Beberapa kali mesyuarat diadakan untuk melaksanakan rancangan tersebut.

Pada 21 Julai 1875 satu mesyuarat penting diadakan di rumah Haji Mat Yasim di Durian Sebatang. Dato' Maharaja Lela hadir dalam mesyuarat ini. Ahli lain yang hadir Sultan Abdullah, Raja Idris, Kundah Muhammad (wakil Bendahara dan Seri Maharaja Lela), Wan Husin (wakil Temenggung), Penghulu Mat Ali (wakil Menteri), Laksamana, Dato' Sagor, Syahbandar, Orang Kaya Mat Arshad, Raja Ahmad, Raja Musa, Mat Ros, Haji Idris, Tuk Muda Rapa, Haji Yasin, Haji Daud, Haji Ali, Pak Taib dan Raja Mahkota. Raja Yusof tidak hadir dalam mesyuarat ini. Mereka yang hadir dalam mesyuarat tersebut berjabat tangan dan mengangkat sumpah tidak akan mungkir dengan keputusan yang akan dicapai.

.....

Sultan Abdullah memulakan mesyuarat ini dengan membaca surat daripada Sultan Ismail. Dalam surat tersebut Sultan Ismail bersetuju dengan sebarang keputusan yang akan dicapai. Dalam mesyuarat ini mereka mencapai keputusan membunuh J.W.W. Birch. Laksamana mengesyorkan supaya J.W.W. Birch diracunkan, Maharaja Lela pula dengan menikam, Dato' Sagor dengan cara menyerang Bandar Baru, kediaman J.W.W. Birch dan menurunkan bendera British. Sultan Abdullah menyatakan bahwa sebagai langkah pertama akan meracunkan J.W.W. Birch. Sekiranya gagal, akan menjalankan upacara bermain hantu dan seterusnya jika gagal juga akan menggunakan cara tikam. Kemudiannya Sultan Abdullah meminta sokongan daripada pembesar yang hadir dan mereka menyatakan kesanggupan membantu Maharaja Lela dan Dato' Sagor dan mengakui Sultan Abdullah sebagai Sultan Perak.

Tidak lama kemudian, Maharaja Lela bersama Pandak Indut datang mengadap Sultan Abdullah di Batak Rabit. Dalam pertemuan ini Sultan Abdullah memberi surat kuasa kepada Dato' Maharaja Lela mentadbir kawasan dari Pasir Salak hingga ke Sungai Dedap dan memungut cukai di sini. Penganugerahan ini sebagai menghargai kesanggupan Maharaja Lela akan menghapuskan J.W.W. Birch.

Dato' Maharaja Lela juga hadir dalam mesyuarat yang berlangsung di rumah Dato' Sagor di Kampung Gajah pada 5 September 1875. Dalam pertemuan ini Dato' Maharaja Lela, Sultan Abdullah dan Dato' Sagor bersumpah minum air keris akan merahsiakan pakatan membunuh J.W.W. Birch. Selain itu, Dato' Maharaja Lela juga hadir bersama Dato' Sagor dalam mesyuarat di Belanja pada Ogos dan September 1875 merancang pembunuhan J.W.W. Birch yang dikendalikan oleh Sultan Ismail.

Dato' Maharaja Lela juga hadir dalam mesyuarat yang diadakan di Belanja pada waktu malam, 12 September 1875 yang berlangsung di istana Sultan Ismail. Mesyuarat diadakan untuk menimbangkan permintaan Gabenor William Jervis yang datang mengadap Sultan Ismail pada 12 September 1875 meminta Sultan Ismail menyerah pentadbiran Perak kepada Ratu Inggeris. Mereka yang hadir dalam mesyuarat itu ialah Sultan Ismail, Menteri Ngah Ibrahim, Laksamana, Haji Raja Yahya dan Dato' Nara. Dalam mesyuarat ini Dato' Maharaja

.....

Lela bersama Menteri Ngah Ibrahim dan Laksamana mengemukakan pandangan supaya jangan memberi kuasa kepada British. Dalam mesyuarat ini juga Sultan Ismail merestui keputusan mesyuarat Durian Sebatang dan memberi kuasa kepada Dato' Maharaja Lela menjalankannya.

Dalam pada itu, sikap dan langkah tentangan Dato' Maharaja Lela terhadap penglibatan British di Perak dapat juga dilihat daripada tindakannya menghalang buruh membina jalan menghubungkan Kota Setia dengan Bandar Baru. Dato' Maharaja Lela mengancam akan memotong kepala buruh tersebut sekiranya mereka meneruskan pekerjaan itu. Ancaman ini menyebabkan mereka meninggalkan tempat kerja. J.W.W. Birch yang mendapat berita ini pada 25 September 1875, menulis surat dan menghantarnya kepada Sultan Abdullah, Laksamana dan Dato' Maharaja Lela supaya memanggil buruh datang bekerja semula dan menghantar sepuluh orang sepoi.

Kemudiannya pada 8 Oktober 1875, Dato' Maharaja Lela dan Dato' Sagor datang mengadap baginda di Pasir Panjang. Di sini mereka bermesyuarat. Turut hadir dalam mesyuarat itu, Mat Ros, kerani Ishak dan Haji Husin. Perbincangan ini diadakan pada waktu malam di perahu Sultan Abdullah. Dalam pertemuan ini Dato' Maharaja Lela menegaskan tidak akan mematuhi arahan J.W.W. Birch dan juga tidak akan membenarkan dia menjejak kaki di Pasir Salak. Dato' Maharaja Lela juga menjelaskan yang dia mendapat surat daripada Sultan Ismail dan Menteri Ngah Ibrahim yang menyatakan supaya jangan mematuhi arahan J.W.W. Birch. Sultan Abdullah memberi arahan bertulis kepada Dato' Maharaja Lela supaya membunuh J.W.W. Birch. Seiring dengan itu juga Sultan Abdullah mengajak Dato' Maharaja Lela bersama bersumpah dengan meminum air hujung keris.

Pada 28 Oktober 1875, Sultan Abdullah dan pembesar Perak mengadakan sekali lagi mesyuarat di Durian Sebatang dan keputusan dicapai akan membunuh J.W.W. Birch apabila dia tiba di Pasir Salak. Kemudiannya mereka berbincang lagi dalam mesyuarat yang diadakan pada bulan Oktober 1875, di Pasir Panjang. Dalam mesyuarat ini Sultan Abdullah menyatakan kepada mereka yang hadir iaitu Dato' Maharaja Lela, Syahbandar, Dato' Sagor, Kerani Mat Ishak, Haji Husin dan Ros, bahawa baginda telah menyerahkan kuasa kepada

.....

J.W.W. Birch untuk memerintah negeri Perak. Dato' Maharaja Lela menyatakan kepada ahli mesyuarat dia tidak akan mengiktirafkan J.W.W. Birch atau kekuasaan 'Orang Putih'; serta memaklumkan telah menerima surat daripada Sultan Ismail, Menteri Ngah Ibrahim dan Dato' Panglima Kinta supaya jangan mematuhi arahan daripada kerajaan British. Juga menegaskan, tidak akan membenarkan J.W.W. Birch menjejakkan kakinya ke Pasir Salak. Dato' Maharaja Lela juga menegaskan dia tidak akan membenarkan sebarang 'Orang Putih' menampalkan surat pengisytiharan. Sekiranya mereka berkeras untuk berbuat demikian, pasti akan ditentang. Sultan Abdullah memuji sikap dan pendirian Dato' Maharaja Lela. Sebagai persiapan Maharaja Lela membina kubu pertahanan di Pasir Salak dan Dato' Sagor di Kampung Gajah. Bagi Dato' Maharaja Lela Pasir Salak dan Perak bukanlah negeri J.W.W. Birch (atau British).

Dalam pada itu pada malam 31 Oktober 1875, secara rahsia dengan diiringi oleh beberapa orang, Sultan Abdullah berangkat ke Pasir Panjang dan mengarahkan Maharaja Dinda mengumpulkan orang sebanyak mungkin di Selat Pulau untuk membantu Dato' Maharaja Lela. Baginda juga menyatakan bahawa J.W.W. Birch akan datang ke Pasir Salak, sehari selepas Hari Raya. Juga memberikan keris kepada Maharaja Dinda supaya disampaikan kepada Dato' Maharaja Lela.

Dato Maharaja Lela Menjalankan Tugas

Pada 1 November 1875, pukul 5.00 petang J.W.W. Birch berangkat ke hilir Perak dengan Perahu Naga dan diiringi oleh Leftenan Abbott, Kerani Arshad, jurubahasanya dan sepasukan sepoi. Rombongannya tiba di Pasir Salak pada hari yang sama, di antara pukul 10.00-11.00 malam. Ketika hampir berangkat J.W.W. Birch dengan angkuh menyatakan bahawa sekiranya Maharaja Lela ingin menentang, beliau akan menembak Maharaja Lela. J.W.W. Birch membawa sepucuk meriam tembaga (*brass gun*) di dalam perahu naga kenaikannya, manakala perahu yang dinaiki oleh Mat Arshad membawa lela (*Mortar*). Tiga hari sebelum J.W.W. Birch berlepas ke Pasir Salak, Dato' Maharaja Lela mengarahkan Si Gondah menjemput Raja Din Marewah, Odah Adam, Raja Husin dan beberapa orang lagi datang berkumpul di rumahnya. Di antara mereka yang hadir ialah Si Gondik, Si Njan, Si Milan, Tuk Bodoh, Pandak Indut, Che Ngah Jabor, Panjang

.....

Bur, Che Ali (Kulup Ali), Si Tuah, Maharaja Serama, Tuk Lela Putera, Kulup Batin, Odah Makan dan Che Labab. Dalam pertemuan ini di balai rumah Dato' Maharaja Lela ini, para hadirin dimaklumkan bahawa Sultan, Laksamana dan Syahbandar menyatakan bahawa dalam beberapa hari lagi J.W.W. Birch akan datang ke Pasir Salak dan dia hendaklah dibunuh. Selepas ucapan Dato' Maharaja Lela memberi persalinan seperti baju, tengkolok dan pedang kepada Pandak Indut, saudara ipar Dato' Maharaja Lela sebagai wakil beliau dalam rancangan membunuh J.W.W. Birch. Pedang ini adalah hadiah Sultan Jaafar, ayahanda Sultan Abdullah kepada Dato' Maharaja Lela.

Di Pasir Salak, pada 2 November 1875 Mat Arshad diperintahkan memaklumkan kepada Maharaja Lela mengenai kedatangan J.W.W. Birch untuk melekatkan pengisytiharan. Sub-Leftenan Abbott pula bersama pasukan sepoi berlepas ke Kampung Gajah pada pukul 6.00 pagi untuk berburu. Manakala J.W.W. Birch pula berpakaian putih keluar dari perahunya ke rumah mandi Koh Ah Yong, tukang emas. Selain itu J.W.W. Birch mengarahkan juru bahasanya, Mat Arshad melekatkan surat pengisytiharan. Orang ramai datang berkumpul di tebing sungai, di Pasir Salak. Jumlah mereka kemudiannya meningkat di antara 50-60 orang. Di antara mereka yang hadir: Si Gondah, Tuk Lel Putera, Odah Makan dan Raja Din Murawah. Dato' Sagor datang menemui Mat Arshad di Pasir Salak. Di sini Dato' Sagor mengoyakkan sehelai surat pengisytiharan; manakala Si Tuah dan Ngah Hamid, masing-masing mengoyakkan sehelai seorang. Surat-surat pengisytiharan ini dikoyak untuk ditunjukkan kepada Dato' Maharaja Lela.

Mat Arshad yang diarahkan oleh J.W.W. Birch menemui Dato' Maharaja Lela hanya menunggu di pintu pagar sahaja kerana tidak dibenarkan masuk oleh Dato' Maharaja Lela. Dalam pada itu Dato' Maharaja Lela dimaklumkan bahawa J.W.W. Birch ingin datang ke rumahnya; atau Dato' Maharaja Lela boleh datang menemui J.W.W. Birch di perahu. Dato' Maharaja Lela menyatakan bahawa beliau tidak mempunyai sebarang urusan dengan J.W.W. Birch. Dato Maharaja Lela tidak membenarkan Mat Arshad menemuinya dan melekatkan surat pengisytiharan tersebut; serta menyatakan bahawa Pasir Salak bukan negeri J.W.W. Birch. Apabila mendapat berita bahawa J.W.W. Birch akan juga melekatkan surat pengisytiharan, Dato' Maharaja Lela

.....

mengarahkan mengoyakkannya dan sekiranya berkeras juga, bunuh J.W.W. Birch. Sekiranya J.W.W. Birch mendapat surat kuasa daripada Sultan Ismail dan Abdullah beliau boleh melekatkannya. Namun begitu Dato' Maharaja Lela menyatakan bahawa beliau tidak akan menentang sekiranya penampalan surat pengisytiharan ini diarahkan oleh Sultan.

Tanpa menghiraukan arahan yang diberikan, setelah diarahkan oleh J.W.W. Birch, Mat Arshad dan orang-orangnya melekatkan surat pengisytiharan di sebuah kedai emas Cina di situ. Orang Melayu yang telah sedia ada di situ telah mengoyakkan surat pengisytiharan itu. Dalam kekecohan itu Mat Arshad ditikam. Ketika cuba menyelamatkan diri menaiki perahu naga, dia ditetak pula oleh Seputum. Mat Arshad kemudiannya meninggal dunia. Kemudiannya Pandak Indut, Kulup Ali (Che Ali), Ngah Jabur, Panjang Bur, Dato' Sagor dan Dato' Maharaja Lela merejam lembing ke arah J.W.W Birch yang sedang mandi. Seorang sepoi memiliki pistol yang sepatutnya mengawal keselamatan J.W.W. Birch yang berada di rumah mandi terjun menyelamatkan diri. Dato' Maharaja Lela dengan keris terhunus di tangannya membaling lembing ke arah J.W.W. Birch yang sedang mandi. Dato Maharaja Lela memakai songkok daripada rotan, memakai sepasang baju hitam dan berselimpang kain sutera dan berbaju putih. J.W.W. Birch jatuh ke dalam sungai dan apabila timbul di belakang rumah mandi ditikam pula oleh Si Tuah dan ditetak dua kali oleh Seputum. J.W.W. Birch tenggelam dihanyut oleh arus sungai.

Dato' Maharaja Lela melahirkan kegembiraan setelah mendapat berita J.W.W. Birch sudah mati. Selain itu menyatakan akan terus menentang orang Eropah kerana perjuangannya mendapat kuasa daripada Sultan Ismail dan Abdullah. Seterusnya Maharaja Lela mengarahkan Dato' Sagor memaklumkan kepada Sultan Abdullah dan Laksamana mengenai kematian J.W.W. Birch. Juga mengarahkan Mat Hasan dan Penghulu Muda Telur, kedua-dua dari Lambor memaklumkan kepada Sultan Ismail. Dato' Maharaja Lela menghantar perahu naga kenaikan J.W.W. Birch kepada Sultan Ismail sebagai hadiah penghormatan menandakan kejayaan beliau dalam menjalankan tugas.

Menghadapi Pasukan British

Selepas kematian J.W.W. Birch, Sub-Leftenan Abbott bersama pasukannya kembali ke Bandar Baru menguatkan kedudukan serta mengambil alih tugas di sini. Pada ketika ini kekuatan Bandar Baru terdiri daripada beberapa orang sahaja. Sub-Leftenan Abbott masih bimbang dengan kekuatan pasukan British di Bandar Baru ini. Mayat J.W.W. Birch dijumpai pada hari yang sama (2 November 1875) oleh Daing Patundo, anak Raja Daing kira-kira 182.9 meter (200 ela) dari tempat kejadian. Mayat itu dibawa ke Bandar Baru.

Pada petang 2 November 1875 Wan Husin, saudara Temenggung, datang dari Pasir Panjang dengan pengikutnya datang ke Pasir Salak menemui Dato' Maharaja Lela. Di sini Wan Husin memaklumkan yang ia hendak melancarkan serangan ke Bandar Baru. Dato' Maharaja Lela pula bersedia menambahkan dua belas orang lagi untuk menyertai pasukan tersebut. Di samping itu Dato' Maharaja Lela mengadakan kenduri dan memerintahkan pengikutnya membina kubu pertahanan di Bandar Tua, empat atau lima batu ke hilir dari Pasir Salak.

Kerajaan British bertindak balas terhadap pembunuhan J.W.W. Birch. Tentera dari Hong Kong dan Labuan dihantar ke Perak. Sementara itu pasukan dari Singapura, Pulau Pinang dan India dihantar juga ke Perak. Pada 4 November 1875 kapal api *Pluto* di bawah pimpinan Kapten Welner berlepas ke Perak dan tiba di Durian Sebatang pada 5 November 1875. Kapal ini membawa Kapten Innes dan 60 orang pasukan regimen ke-10, Leftenan Booth dan Elliot bersama C.B Plunket, Penguasa Polis Pulau Pinang yang mengetuai pasukan kecil polis, yang terdiri daripada 30 orang dan Knersley sebagai jurubahasa.

Dato' Maharaja Lela dan Dato' Sagor membina kubu di kawasan berhampiran dengan kedai Cina di Pasir Salak. Kira-kira 365.76 meter atau 457.2 meter (400 atau 500 ela) ke darat terdapat sebuah lagi kubu. Pada 7 November 1875 angkatan British yang terdiri daripada Swettenham bersama 20 orang Peninjau Melayu yang terdiri daripada Raja Mahmud dengan 2 orang pengikutnya serta Nakhoda Orlong bersama 14 orang pengikut dan seorang pemandu polis; Kapten Booth bersama 20 orang rejimen ke-10, pasukan roket di bawah Leftenan

.....

Abbott, *blue jacket* dan satu pasukan di bawah Kapten Innes; C.B. Plunket, Pesuruhjaya Polis Pulau Pinang bersama 47 orang Sikh dan 20 orang polis dan Leftenan Elliot bersama 26 rejimen ke-10 membuat persiapan untuk menyerang Pasir Salak. Apabila tiba di Kuala Bilah, kira-kira pukul 11.30 pagi berlaku pertempuran dengan pengikut-pengikut Maharaja Lela. Dalam pertempuran ini, Kapten Innes, Kopral Fay, seorang Sikh dan Nakhoda Orlong daripada Peninjau Melayu terbunuh; Kapten Booth, 4 orang dari rejimen ke-10 cedera parah. Nakhoda Orlong mati akibat terkena tembakan di kepalanya; mayatnya dituntut oleh saudara dan pengikutnya. Kopral Fay dibuang ke dalam sungai, tetapi dijumpai. Kapten Innes dan Kopral Fay dikebumikan berhampiran dengan kubur J.W.W. Birch.

Pada 15 November 1875 pasukan Dato' Maharaja Lela, Dato' Sagor dan Pandak Indut menentang pasukan British di bawah pimpinan Kapten Dunlop yang mara melanggar Pasir Salak. Dalam pertempuran ini pasukan orang Melayu terpaksa mengundurkan diri. Dalam gerakan ini pasukan British membakar rumah di sepanjang sungai di Kampung Gajah dan Pasir Salak. Perahu, senjata serta harta benda J.W.W. Birch yang dirampas dahulu dijumpai. Rumah dan Kampung Dato' Maharaja Lela turut dibakar. Pada 16 November 1875, 300 orang tentera rejimen ke-80 di bawah pimpinan Mejar General F. Colborne tiba di Singapura dari Hong Kong. Pada 26 November 1875 pasukan bantuan daripada India di bawah pimpinan Brigedier General J. Ross bersama Mejar Mark Heathcote, Mejar H.L. Hawkins, Leftenan J.J. Preston, Mejar Twigge dan Kapten A.R. Badcock bersama 600 orang tentera rejimen ke-3 dan 400 orang Gurkha sampai di Pulau Pinang. Pasukan ini mendarat pada 27 November 1875, kemudiannya berangkat ke Perak pada 3 Disember 1875.

Setelah British menduduki Pasir Salak, Dato' Maharaja Lela mendirikan pula benteng pertahanannya di Pulau Tiga. Dari sini dia mengutuskan Tuk Bandar Hulu mengadap Sultan Ismail mendapatkan bantuan. Sultan Ismail tidak memenuhi permintaan ini.

Berundur dan Berlindung Dengan Maharaja Abu Bakar

Setelah tidak berupaya menghadapi pasukan British yang besar, Dato' Maharaja Lela dan pengikutnya berundur. Dato' Maharaja Lela

.....

mengundurkan diri ke Belanja. Ketika berada di Belanja, Maharaja Lela dilindungi oleh Sultan Ismail. Kemudiannya Maharaja Lela berundur lagi ke Pengkalan Papan, pertengahan jalan ke Kinta.

Pasukan British dibahagikan kepada dua pasukan: pasukan Selatan di bawah pimpinan Mejar General Colborne bersama 240 orang askar, 70 laskar dan 80 buah perahu bergerak ke utara pada 8 Disember 1875. Sementara itu pasukan Utara pula menuju ke Kuala Kangsar di bawah pimpinan Brigedier General J. Ross. Kedua-dua pasukan ini tidak menghadapi halangan besar dalam gerakan mereka.

Dalam gerakan memburu pemimpin yang terlibat dalam gerakan mempertahankan maruah dan kedaulatan Perak, pihak British telah mengeluarkan pengisytiharan tawaran hadiah. Pada 13 Januari 1875 tawaran hadiah sebanyak \$6,000.00 dikeluarkan kepada sesiapa yang berjaya menangkap Dato' Maharaja Lela; juga \$3,000.00 tiap-tiap seorang kepada mereka yang berjaya menangkap Dato' Sagor dan Pandak Indut. Pada hal Earl of Carnavon memperakukan kepada Jervis tawaran hadiah itu hendaklah tidak melebihi \$1,000.00 ke atas Dato' Maharaja Lela dan Sultan Ismail.

Pada 25 Mac 1876, Gabenor Negeri-negeri Selat mengarahkan Pemangku Penolong Residen Perak, Paul menyiasat Sultan Ismail, Dato' Maharaja Lela, Dato' Sagor dan Dato' Nara, sama ada mereka sebagai pelaku, penghasut atau bersubahat dalam pembunuhan J.W.W. Birch. Kemudiannya Dato' Sagor yang berlindung kepada Sultan Abdullah dan Syahbandar dibawa ke Bandar Baru dan tiba pukul 7.30 malam, 11 Mac 1876. Dia ditahan di Pulau Pinang sebelum dipindahkan ke Singapura.

Dato' Maharaja Lela mengundurkan diri dan berlindung di Kampung Kerni, Reman, Patani. Setelah mendapat laporan Dato' Maharaja Lela bersembunyi di Patani, Sir William Jervis menghantar surat kepada Konsul Besar British di Bangkok pada 17 April 1876 meminta bantuan kerajaan Thailand menyerahkan Dato' Maharaja Lela dan pengikutnya kepada pihak berkuasa British. Konsul Besar British memanjangkan perkara tersebut kepada Menteri Wilayah-wilayah Barat, Chow Phya Sri Surawongse Phra Kalahom pada 28 April 1876. Kerajaan Siam mengeluarkan pengistiharan mengenai Dato' Maharaja Lela dan

.....

pengikutnya di tiap-tiap wilayah. Arahan juga dikeluarkan kepada Phra Narathirach Phakdi, Pesuruhjaya Kapal Perang Siam, Regent dan Gabenor Senggora. Apabila berjaya menahan Dato' Maharaja Lela dan pengikutnya, hendaklah dihantar dengan kapal perang ke Bangkok untuk diserahkan kepada Konsul General British.

Jervois juga mengarahkan A.E.H. Anson menulis surat kepada Gabenor Senggora, meminta beliau mengesani kedudukan Dato' Maharaja Lela. Dengan itu A.E.H Anson menulis surat kepada Gabenor Senggora pada 17 April 1876 meminta beliau mengarahkan Raja Reman menangkap Dato' Maharaja Lela dan pengikutnya serta serahkan kepada pihak berkuasa British di Pulau Pinang. Gabenor Senggora menyatakan beliau tidak mendapat sebarang maklumat tentang kehadiran Dato' Maharaja Lela dan pengikutnya di Reman. Di samping itu menyatakan bahawa beliau tidak terlibat dan mempunyai kepentingan dalam kebangkitan Perak. Namun beliau telah menghantar pegawai ke Reman untuk memastikan keadaan tersebut. Perkembangan selanjutnya, sama ada ditangkap atau tidak akan dimaklumkan kepada A.E.H. Anson di Pulau Pinang.

Pada 3 Mei 1876, Konsul General British di Bangkok meminta Sir William Jervois menghantar butiran lengkap kesalahan jenayah dan tuduhan yang dikenakan ke atas Dato' Maharaja Lela dan pengikutnya. Pada 16 Mei 1876, Sir William Jervois menjawab dalam suratnya dengan menyatakan bahawa butiran lengkap tidak perlu dihantar lagi kerana maklumat mutakhir, Dato' Maharaja Lela dan pengikutnya sudah pulang ke Perak. Selain itu meminta Konsul General British di Bangkok menyampaikan ucapan terima kasih di atas kerjasama yang diberikan dalam mengesani Dato' Maharaja Lela dan pengikutnya di Patani.

Tidak lama berada di Kampung Kerni, Reman, Dato' Maharaja Lela kembali semula ke Perak. Beliau tinggal bersama Seri Paduka Lela di sebuah kampung kecil, di antara Kampung Salak dan Kampung Kepayang; kira-kira 6 batu dari Kota Lama. Jervois mendapatkan khidmat Maharaja Abu Bakar untuk menangkap Dato' Maharaja Lela. Maharaja Abu Bakar menghantar utusan yang diketuai oleh Orang Kaya Abdul Rahman. Utusan ini diarah memaklumkan kepada Dato' Maharaja Lela, perbicaraan yang adil akan dilakukan sekiranya beliau

.....

menyerah diri. Rombongan ini ke Perak melalui Kedah: tiba di Kuala Kangsar pada 16 Jun 1876. Orang Kaya Abdul Rahman bertemu dan berbincang dengan Dato' Maharaja Lela di Hulu Perak. Dato' Maharaja Lela sanggup menyerahkan diri tetapi di bawah perlindungan Maharaja Abu Bakar. Pada 26 Jun 1876 Orang Kaya Abdul Rahman kembali ke Kuala Kangsar membawa bersamanya Ngah Jabor. Kesediaan Dato' Maharaja Lela berangkat ke Johor dimaklumkan oleh Davidson kepada Jervois pada 26 Jun 1876. Dengan itu Jervois meminta Maharaja Abu Bakar menghantar kapalnya ke Perak membawa Dato' Maharaja Lela dan pengikutnya. Maharaja Abu Bakar bersetuju dengan permintaan Jervois ini. Seterusnya Jervois meminta Davidson memaklumkan kepada Dato' Maharaja Lela bahawa Maharaja Abu Bakar akan menghantar kapal baginda, *Panti* untuk membawa Dato' Maharaja Lela dan pengikutnya nanti.

Pada 3 Julai 1876 kapal *Panti* tiba di Pulau Pinang. Rombongan kali ini terdiri daripada saudara Maharaja Johor, Setiausaha Sulit Maharaja, William Hole dan 20 orang pegawai. Hole membawa surat Sultan Ismail kepada Dato' Maharaja Lela yang menyatakan baginda dilayan dengan baik oleh British. Hole mencadangkan surat ini dibawa oleh saudara Maharaja Abu Bakar sendiri kepada Dato' Maharaja Lela, juga mengesyorkan membawa Ngah Jabor bersama untuk mempengaruhi Dato' Maharaja Lela dan pengikutnya berangkat ke Johor dengan kapal *Panti*. Padahal sebelum ini cadangan dibuat, Ngah Jabor akan dihantar ke Pulau Pinang dengan kapal *Pluto* dan dari sini akan menaiki kapal *Panti* ke Johor. Jervois yakin dengan cadangan Hole ini. Pada 6 Julai 1876 kapal *Panti* berlepas ke Larut dan berikutnya ke Kuala Kangsar. Pada 8 Julai 1876 British mendapat laporan bahawa Dato' Maharaja Lela kini berada di Kota Lama. Dengan itu Hole, saudara Maharaja Abu Bakar dan Orang Kaya Abdul Rahman berangkat ke hulu Perak bertemu Dato' Maharaja Lela. Di antara yang hadir bersama Dato' Maharaja Lela ialah Pandak Indut dan Tok Seri Lela. Setelah menyerahkan surat Sultan Ismail dan berbincang, utusan Hole pulang ke Kuala Kangsar. Dato' Maharaja Lela pula pulang menemui keluarganya. Kemudiannya Dato' Maharaja Lela mengambil keputusan berangkat ke Johor dengan kapal *Panti*.

Pada 13 Julai 1876, Dato' Maharaja Lela, Pandak Indut dan Ngah Jabor dibawa oleh kapal *Panti* dari Larut ke Singapura. Mereka tiba di

.....

Singapura pada 20 Julai 1876. Seterusnya Dato' Maharaja Lela dan pengikutnya diserahkan dibawah jagaan Maharaja Abu Bakar. Sementara itu Jervois memberi tempuh selama lima hari kepada Maharaja Abu Bakar untuk menyerahkan Dato' Maharaja Lela dan pengikutnya kepada kerajaan Negeri-negeri Selat. Pada 21 Julai 1876, Dato' Maharaja Lela menyerahkan dokumen yang menyatakan arahan Sultan Abdullah kepada Seputum supaya membunuh J.W.W. Birch kepada Maharaja Abu Bakar. Surat ini ditulis di atas kertas kosong dan ditandatangani serta dicop oleh Sultan Abdullah. Dato' Maharaja Lela, Ngah Jabor dan Pandak Indut menafikan penglibatan mereka dalam pakatan membunuh J.W.W. Birch. Dalam pada itu Jervois memaklumkan kepada Maharaja Abu Bakar supaya memanjangkannya kepada Dato' Maharaja Lela, Ngah Jabor, Pandak Indut, Panjang Bur dan Kulup Ali supaya menyerahkan diri terlebih dahulu kepada kerajaan British.


Kemudian barulah mereka akan dibicarakan dengan adil. Sekiranya mereka didapati tidak bersalah sebagaimana tuduhan yang dikenakan ke atas mereka, mereka akan dibebaskan. Setelah mendapat janji mulut daripada Gabenor dan dijamin pula oleh Maharaja Abu Bakar, mereka akan diadili di mahkamah dan boleh mendapatkan peguam, Dato' Maharaja Lela dan pengikutnya sanggup menyerahkan diri. Dengan itu Maharaja Abu Bakar menulis surat kepada Gabenor pada 29 Julai 1876 menyatakan Dato' Maharaja Lela dan pengikutnya secara sukarela menyerah diri dengan jaminan akan diadili di mahkamah. Surat ini dibawa oleh Dato' Bentara Setiausaha Kerajaan Johor dan Hole. Setiausaha Sulit Maharaja Abu Bakar mengiringi Dato' Maharaja Lela dan pengikutnya menyerah diri. Mereka menyerah diri kepada Kerajaan British di Singapura pada 30 Julai 1876. Perbicaraan yang akan diadakan nanti berdasar bidang kuasa negeri Perak. Jervois menyatakan bahawa mereka yang ditahan diberi layanan yang memuaskan."Earl of Carnavon bagi pihak kerajaan British meminta Sir William Jervois menyampaikan ucapan terima kasih kepada Maharaja Johor yang membantu sehingga tertangkapnya Dato' Maharaja Lela dan pengikutnya.

Dihadapkan ke Mahkamah

Dato' Maharaja Lela dihadapkan di Mahkamah pada 14 hingga 22 Disember 1876. Turut dibicarakan ialah Dato' Sagor, Pandak Indut, Panjang Bur, Kulup Ali (Che Ali), Si Tuah dan Ngah Jabor. Perbicaraan ini dihakamkan oleh Raja Muda Yusof dan Raja Alang Husin. Penilai ialah J.G Davidson dan W.E Maxwell, pendakwa ialah Major Dunlop dan F.A Swettenham dan peguambela ialah J.D Vaughan. Mereka dituduh terlibat dalam pembunuhan J.W.W Birch, Mar Arshad, Din dan Esur Singh. Setelah selesai saksi pendakwa dan pembela dipanggil, mahkamah membuat keputusan pada 22 Disember 1876. Keputusan tersebut mendapati tertuduh bersalah bersabit dengan pembunuhan J.W.W Birch dan dijatuhkan hukuman gantung sampai mati.²⁰ Sir William Jervois kemudiannya meminta J.G Davidson memujuk Raja Muda Yusof supaya mengubah keputusan mahkamah dan hanya menjatuhkan hukuman gantung sampai mati kepada Dato' Maharaja Lela, Dato' Sagor dan Pandak Indut. Manakala Kulup Ali, Si Tuah, Ngah Jabor dan Panjang Bur dijatuhkan hukuman penjara seumur hidup. Dato' Maharaja Lela, Dato' Sagor dan Pandak Indut digantung sampai mati di kawasan berhampiran dengan bangunan kerajaan di Larut pada 20 Januari 1877.

Kesimpulan

Segala tindakan Dato' Maharaja Lela dan Pandak Lam mendapat restu Sultan Abdullah dan Sultan Ismail. Dengan itu, perjuangannya adalah menentang British. Penglibatan Dato' Maharaja Lela sebagai tokoh utama dalam pembunuhan J.W.W. Birch adalah melaksanakan keputusan mesyuarat Durian Sebatang pada 21 Julai 1875 yang dipengerusikan oleh Sultan Abdullah dan dihadiri oleh pembesar atau wakilnya. Dengan itu, dapat disimpulkan yang Dato' Maharaja Lela adalah pejuang bangsa. yang bertanggungjawab kepada sumpah dan janjinya. Beliau dikecewakan oleh raja dan bangsanya sendiri.



*Kebangkitan Tok Janggut di Kelantan:
Gema jihad di bumi Serambi Mekah*





**Kebangkitan Tok Janggut di Kelantan
Gema jihad di bumi Serambi Mekah**

**Oleh : Nik Anuar Nik Mahmud
Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia**

*Dan jangan sekali-kali engkau
menyangka orang-orang yang terbunuh
(yang gugur syahid) pada jalan Allah itu mati,
(mereka tidak mati)
bahkan mereka adalah hidup (secara istimewa) di sisi Tuhan
mereka dengan mendapat rezeki
(Al-Qur'an, iii, 169).*

Sejarah kolonial sebelum ini menampilkan Haji Mat Hassan atau Tok Janggut sebagai penderhaka kerana kononnya beliau merancang untuk menjatuhkan kerajaan Kelantan yang bertuanan Sultan Muhammad ke-IV. Justeru beliau telah diburu dan hadiah lumayan telah ditawarkan sama ada tertangkap 'hidup ataupun mati'. Apabila beliau dibunuh, mayatnya diarak di sekeliling Kota Bahru dan kemudian digantung songsang selama beberapa jam serta dijadikan sasaran tembakan anggota *Malay State Guides* sebelum dikebumikan di tebing sungai Kelantan yang kini dikenali sebagai kampung Pasir Pekan. Pada ketika itu tidak ada sesiapa pun berani menyatakan bahawa Tok Janggut adalah seorang pejuang. Pengorbanan Tok Janggut untuk membebaskan tanah air daripada cengkaman kuasa penjajah British, seperti yang dituntut oleh Islam, telah dipesongkan oleh British serta tali barutnya. British telah berselindung di sebalik istana untuk menekan dan menindas kebangkitan rakyat menuntut kemerdekaan. Selama berpuluh tahun, Tok Janggut telah ditohmah dan difitnah sebagai penderhaka oleh anak bangsanya sendiri. Mereka telah diperalatkan oleh British untuk membunuh pejuang mereka sendiri kerana terpengaruh dengan propaganda halus British bahawa kononnya 'orang Melayu pantang menderhaka'. Sejarah ini mesti diperbetulkan. Sesungguhnya Tok Janggut bukan seorang penderhaka. Beliau seorang pejuang.

Kelantan sejak dulu terkenal dengan jolokan 'Serambi Mekah'. Jolokan ini diberikan kerana ia adalah pusat pengajian Islam yang terkemuka di Nusantara. Disamping beberapa tempat lain juga seperti Kedah, Perak, Pulau Penyengat, Seberang Perai, Singapura dan pulau-pulau di kepulauan Melayu yang lain. Pondok agama wujud di merata-

.....

rata tempat di Kelantan di bawah bimbingan alim ulama yang mahir dalam pelbagai aspek ilmu agama. Ulama Melayu Kelantan mempunyai hubungan erat dengan ulama Melayu di Makkah al Mukaramah. Justeru hubungan erat itu maka perkembangan yang berlaku di Asia Barat khususnya mengenai Empayar Turki Uthmaniah dapat diketahui dengan cepat di negeri itu.

Setelah Patani jatuh ke tangan Siam (1902), Kelantan adalah benteng Islam di utara Semenanjung. Oleh sebab itu Syeikh Ahmad al-Fatani telah berpesan serta mengingatkan ulama Melayu Kelantan agar mempertahankan Kelantan daripada terjatuh ke tangan kuasa asing, khususnya kuasa Eropah yang anti-Islam. Keadaan semakin membimbangkan apabila Britain dan Russia mewujudkan pakatan pada tahun 1907 untuk menguasai tanah jajahan kerajaan Islam Turki Uthmaniah.

Apabila British menaungi Kelantan pada tahun 1909 secara paksaan, ulama pondok memainkan peranan utama dalam gerakan menentang kehadiran kuasa British. Pada peringkat awal, penentangan terhadap British bersifat pasif dan non-kompromi.

Gerakan menentang kerajaan British bertukar corak apabila tercetusnya Perang Dunia Pertama (1914). Kerajaan Turki Uthmaniah telah memihak kepada Jerman dalam peperangan itu untuk menentang Britain, Russia dan Perancis yang merancang untuk menakluk serta menghancurkan empayarnya. Kerajaan Turki Uthmaniah telah mengisytiharkan jihad terhadap Britain dan sekutu-sekutunya.

Berita peperangan Turki Uthmaniah dengan Britain telah disambut dengan semangat jihad oleh orang Melayu Kelantan dan negeri Melayu lain seperti Terengganu. Bimbang dengan kebangkitan semangat jihad itu, kerajaan British telah memaksa kerajaan Kelantan menyatakan kesetiiaannya kepada mahkota baginda King George V. Enakmen juga telah dikeluarkan di negeri itu melalui Pejabat Balai Besar melarang orang Kelantan menyatakan sokongan terhadap kerajaan Islam Turki Uthmaniah.¹ Dalam suasana itu, pada Mei 1915, kebangkitan menentang British tercetus di Pasir Puteh di bawah Haji Mat Hassan bin Panglima Munas atau dikenali juga sebagai Tok Janggut.

.....

Haji Mat Hassan adalah salah seorang murid Syeikh Ahmad al Fatani. Pada ketika Patani dikuasai oleh Siam pada 1902,⁴ Haji Mat Hassan berada di Mekah kerana menunaikan fardhu haji dan menadah kitab dengan Syeikh Ahmad. Melalui Syeikh Ahmad, Haji Mat Hassan berpeluang untuk mempelajari hal ehwal politik, khususnya mengenai konspirasi kuasa-kuasa besar dan Gereja Antarabangsa untuk melemahkan kerajaan Islam Turki Uthmaniah dan mengkristiankan umat Islam.

Keputusan Kerajaan Kelantan memihak kepada British dalam Perang Dunia Pertama mengecewakan Haji Mat Hassan kerana keputusan itu bertentangan dengan fatwa yang dikeluarkan oleh Syaikh-al-Islam, Khayri Effendi, yang mewajibkan umat Islam di seluruh dunia berjihad menentang British. Kerana semangat jihad itu, Haji Mat Hassan menubuhkan gerakan menentang British di Kelantan dengan menjadikan Pasir Puteh sebagai pengkalannya. Pada 29 April 1915, Haji Mat Hassan telah bermesyuarat dengan pengikut-pengikutnya di rumah Tok Nik Bas tentang strategi untuk menentang British. Keputusan telah diambil untuk mengambil alih pemerintahan di Pasir Puteh dan mengisytiharkan jajahan itu merdeka daripada belunggu penjajahan British. Penjajahan British memang ditolak oleh Tok Janggut. Oleh kerana itu menolak pembinaan jalanraya di kawasan pengaruhnya, Pasir Putih. Beliau juga menolak sistem cukai British ke atas penduduk kampung Pasir Puteh. Kesemua peraturan baru ini mencabar kewibawaan Tok Janggut sebagai pembesar daerah Pasir Puteh yang telah ditugaskan oleh Sultan untuk menjaga daerahnya. Konsep pembesar tradisional ini memang bertentangan dengan undang-undang British yang tidak mengiktiraf sistem politik tradisional Melayu itu. Faktor ini penting di samping soal Islam.

Mesyuarat sulit itu telah diketahui oleh Encik Latiff, *District Officer* di Pasir Puteh. Encik Latiff telah mengeluarkan waran kepada Sarjan Che Wan Sulaiman, Ketua Balai Polis, untuk menangkap Haji Mat Hassan. Sarjan Che Wan dengan diiringi oleh dua orang mata-mata, telah bertolak ke Kampung Tok Akib pada pagi 29 April 1915 bagi menjalankan tugas tersebut. Haji Mat Hassan enggan menyerah diri. Dalam pergelutan itu, Haji Mat Hassan menikam Sarjan Che Wan. Sarjan Che Wan telah mati di tempat itu juga. Kedua-kedua orang mata-mata yang mengiring Sarjan Che Wan telah berjaya melarikan diri.

.....

Lanjutan daripada peristiwa Tok Akib, Haji Mat Hassan dan pengikut-pengikutnya telah menyerbu bandar Pasir Puteh. Selepas berjaya menguasai bandar itu, Haji Mat Hassan telah mengisytiharkan Ungku Besar Jeram sebagai Raja manakala beliau sendiri sebagai Perdana Menteri. Encik Latiff bersama keluarga dan kakitangannya, termasuk Kweng Tuan Muda Jeram, dan Kweng Awang Hamat Semerak telah melarikan diri ke Kota Bharu.

Pada petang 30 April 1915, Encik Latiff melaporkan kejadian itu kepada Langham-Carter. Dengan serta merta, Langham-Carter memaklumkan kejadian di Pasir Puteh itu kepada Gabenor British di Singapura. Pegawai-pegawai Eropah di Kelantan juga diingatkan supaya berwaspada menghadapi tentangan daripada orang-orang Melayu. Langham-Carter juga telah mengarahkan T.S. Adams, *District Officer* bagi Ulu Kelantan supaya mengawasi pergerakan pengikut setia Haji Mat Hassan di daerah Kemuning. Sementara itu, Ketua Inspektor Jackson telah dihantar ke gunung untuk berkawal di sana.

Keesokan harinya, Langham-Carter telah menghadap sultan untuk memaklumkan tentang kejadian itu serta langkah-langkah yang perlu diambil untuk mematahkan kebangkitan itu sebelum ia merebak menjadi suatu kebangkitan yang lebih besar. Sultan Muhammad ke-IV telah mengarahkan pembesarnya, Dato' Bentara Setia Mohd. Hassan bin Mohd. Salleh dan Dato' Menteri Haji Nik Mahmud bin Haji Ismail bertolak ke Pasir Puteh untuk berunding dengan Haji Mat Hassan dan Ungku Besar bagi mencari jalan untuk mengatasi masalah itu.

Dato' Bentara telah melantik Haji Lebai Kadir sebagai orang perantaraan untuk berunding dengan Haji Mat Hassan di Kampung Cherang Tuli pada 2 Mei 1915. Haji Mat Hassan telah menjelaskan kepada Lebai Kadir bahawa beliau tidak berniat untuk menderhaka kepada Sultan tetapi bertujuan untuk menghalau Encik Latiff yang dianggap sebagai penindas dan tali barut British.

Pada 3 Mei 1915, Haji Lebai Kadir telah memaklumkan kepada Sultan hasil rundingannya dengan Haji Mat Hassan. Langham-Carter menasihati Sultan Mehammad ke-IV supaya menangkap Haji Mat Hassan dan penyokong-penyokong atas kesalahan 'menderhaka'

.....

kepada Kerajaan. Dengan itu waran telah dikeluarkan untuk menangkap pemberontak-pemberontak itu 'hidup atau mati'. Tengku Besar Tuan Yusof juga telah diarah supaya mengerah 'sekalian rakyat-rakyat jumlah supaya menangkap Tok Janggut sehingga dapat turun kepada kita hidup atau mati adanya'.

Dalam masa yang sama, Gabenor British di Singapura telah menghantar seramai 239 orang askar British dari pasukan R.G.A.R.E. dan *King's Shrophire Light Infantry* dan pasukan Sukarelawan Melayu Singapura ke Kelantan dengan kapal *H.M.S Calmus*. Askar-askar British dan sukarelawan itu telah tiba di Kelantan pada 5 Mei 1915. Selepas mendaratkan askar-askar tersebut di Kota Bharu, H.M.S *Calmus* telah diarah mengawal Kuala Semerak bagi menghalang sebarang bantuan asing sampai ke pihak Tok Janggut. Semasa di Kuala Semerak, *H.M.S Calmus* telah menggunakan meriam besarnya untuk menembak ke arah Pasir Puteh sebanyak 25 das tembakan. Sementara itu seramai 50 orang anggota MSG telah berkawal di Tanah Merah dan Gunung. Pada 8 Mei 1915, askar-askar British telah bertolak ke Pasir Puteh. Turut mengiringi pasukan British itu ialah pasukan pengawal di bawah pimpinan Dato' Bentara Setia.

Pada 9 Mei 1915, askar-askar British dan pasukan Dato Bentara Setia telah tiba di Pasir Puteh. Pepys telah dilantik sebagai District Officer Pasir Puteh. Pada 12 Mei 1915 Pejabat Balai telah mengeluarkan pengisytiharan 'memberitahu kepada lima orang-orang tersebut namanya menyerahkan dirinya dalam tempoh tiga hari'. Tambahnya lagi:

"Maka jika sekiranya mereka tiada menurut ataupun tidak mahu melakukan yang sedemikian itu nescaya akan dibakar rumah-rumah mereka dan seperti harta benda mereka sekalian akan dirampas oleh kerajaan. Dan lain lagi kita memberitahu serta jika sekiranya siapa-siapa rakyat kita yang boleh dapat menangkap serta menyerahkan tubuh kelima-lima orang derhaka itu kepada kita atau kepada Yang berhormat Tuan Anderson maka seperti orang yang menangkap itu kira akan memberikan hadiah kepadanya".

.....
Haji Mat Hassan telah mengambil keputusan untuk tidak menyerah diri kepada kerajaan penjajah dan rela menerima sebarang hukuman yang akan menimpa mereka.

Selepas tempoh itu tamat, askar-askar *Malay States Guides (MSG)* telah membakar rumah Haji Mat Hassan dan para pengikutnya. Penduduk-penduduk di Pasir Puteh juga telah dihukum kerana 'huru-hara yang telah terjadi'. Rumah yang 'besar' dikenakan denda sebanyak \$10.00, rumah yang 'sedang' dikenakan denda sebanyak \$5.00 manakala rumah yang 'kecil' dikenakan denda sebanyak \$3.00. Hukuman perlu dijelaskan dalam tempoh 15 hari. Sekiranya 'tiada menyempurnakan denda tersebut, Kerajaan akan membakar rumah-rumah itu serta dengan harta benda di dalamnya'.

Tindakan pihak British telah mencetuskan kemarahan Haji Mat Hassan. Haji Mat Hassa bertindak balas dengan menyerang khemah M.S.G di Dispensari Pasir Puteh pada dinihari 24 Mei 1915.

Pada pagi itu, Langham-Carter, Pepys, A.G. Maxwell dan beberapa orang pegawai British telah memburu Haji Mat Hassan serta pengikut-pengikutnya. Dalam perjalanan itu, pasukan itu telah mengeledah rumah Khatib Abu Bakar di Kampung Merbol kerana mengesyaki Tok Janggut bersembunyi di dalam rumah itu. Khatib Abu Bakar telah ditikam oleh anggota MSC dan mati di tempat itu juga.

Kedua-dua pasukan itu telah bertembung di Kampung Dalam Pupoh. Dalam pertempuran itu, Haji Mat Hassan, Tok Abas dan Tok Hussein telah gugur syahid. Ungku Besar Jeram dan beberapa orang pemimpin yang lain telah berjaya melepaskan diri daripada kepungan MSG.


Mayat Haji Mat Hassan telah di bawa ke Kota Bharu pada hari itu juga. Setiba di Kota Bharu, mayat Haji Mat Hassan telah diarak di sekeliling bandar sebelum digantung mayat itu dengan kakinya ke atas dan kepalanya ke bawah untuk dipertontonkan kepada orang ramai. Setelah itu mayatnya telah di bawa ke seberang sungai Kelantan. Mengikut cerita orang-orang tua, mayat Haji Mat Hassan telah digantung songsang sekali lagi di situ dan kemudiannya dijadikan sasaran tembakan askar MSG.

.....

Dalam pada itu, usaha-usaha untuk memberkas pengikut-pengikut Haji Mat Hassan terus dipertingkatkan. Walaupun berjaya menewaskan Haji Mat Hassan, pihak British masih belum berpuas hati selagi pengikut-pengikut Haji Mat Hassan terutamanya Ungku Besar Jeram masih bebas. Kerajaan Kelantan telah menawarkan hadiah kepada mereka yang dapat menahan pengikut-pengikut Haji Mat Hassan. Beberapa orang pengikut Haji Mat Hassan telah diberkas dan ditahan. Berahim Teleng telah ditangkap dan kemudiannya telah dijatuhkan hukuman mati oleh Mahkamah. Berahim Teling telah dihukum tembak pada 22 Ogos 1915. Pada 26 Oktober 1915 pula, Pa'ia telah ditembak oleh Haji Lembek dan Jaarfah di Lepar Sta.

Haji Mat Hassan atau Tok Janggut telah gugur (syahid) bersama-sama dengan para pejuangnya yang setia dalam usaha untuk membebaskan tanahair daripada belenggu penjajahan British. Gugurnya Haji Mat Hassan bukan beerti bahawa perjuangan orang Melayu telah kecundang. Perjuangan Haji Mat Hassan 'yang belum selesai' itu telah diteruskan oleh generasi pejuang kemerdekaan selepasnya. Generasi ini tidak terpengaruh dengan propaganda British bahawa kononnya Haji Mat Hassan adalah seorang penderhaka. Pada pandangan mereka Haji Mat Hassan adalah seorang pejuang bangsa yang sanggup menggadai nyawa dan kesejahteraan hidup demi untuk melihat bangsanya bebas dari penjajahan asing.





*Haji Abdul Rahman Limbong
di Terengganu 1920-an: Perjuangan
menentang penjajahan British*

Besut

Sg. Nerus

Kuala
Terengganu

Ulu Terengganu

Kuala
Bera

Sg. Terzat

Sg. Borang



Haji Abdul Rahman Limbong di Terengganu 1920-an : perjuangan menentang penjajahan British

Oleh : Rahmat bin Saripan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Pengenalan

Penulisan Sejarah Malaysia yang berkaitan dengan perjuangan Haji Abdul Rahman Limbong di Terengganu telah cukup banyak dibincangkan sejak dua dekad yang lalu. Sebelum itu, apabila bidang sejarah tanah air mula didebatkan dari sudut "*centricity*" dan orientasi; dua buah karya W.R. Roff telah membicarakan tentang kegiatan keagamaan dan kebangsaan di Tanah Melayu secara ilmiah. Namun begitu beliau tidak menyentuh tentang tokoh pejuang anti-penjajahan British di Terengganu yang bercirikan patriotisme dan nasionalisme seperti Haji Abdul Rahman Limbong (HARLT) pada tahun-tahun 1920-an. Walaupun tokoh pejuang bangsa Melayu ini dapat dikategorikan ke dalam golongan reformis agama tetapi peranan beliau tidak ditonjolkan walaupun di tahap awal pertumbuhan faham kebangsaan di Tanah Melayu.

Sorotan literatur

Karya pertama Roff merupakan sebuah artikel yang membicarakan konflik fahaman yang dianuti Kaum Tua dan Kaum Muda yang dianggapnya sebagai inovasi dan reaksi dalam perkembangan awal semangat kebangsaan. Beliau juga tidak menjelaskan kedudukan HARLT dalam kancah perjuangan menegakkan pandangan keagamaan yang inovatif itu di kalangan orang-orang Melayu pada 1920-an.

Buku Roff tentang Nasionalisme Melayu yang boleh dianggap sebagai suatu sumbangan besar dalam kesedaran sejarah Malaysia moden, tidak pula cuba memberatkan bicara atau mengalih perhatian terhadap kegiatan kebangsaan awal di negeri-negeri Melayu seperti Terengganu. Bibit-bibit perjuangan politik bercorak keagamaan sepertimana yang diilhamkan oleh Haji Abdul Rahman Limbong yang merupakan kegiatan yang unik kerana sudah ada bibit-bibit persoalan tentang "*State*" bercorak Islam dalam perjuangan menentukan kemerdekaan dari campur tangan asing.

.....

Usaha memfokus gerakan reformis secara lebih terperinci yang melibatkan tokoh-tokoh tempatan seperti Haji Abdul Rahman Limbong telah dilaksanakan oleh Mohd. Sarim bin Mustajab dalam tesis sarjananya. Akan tetapi usaha meneliti bahan-bahan arkib yang melibatkan tokoh Haji Abdul Rahman Limbong telah diusahakan oleh pelajar tahun kepujian di bawah seliaan Mohd. Sarim, iaitu Timah Hamzah yang secara terperinci membicarakan peranan dan sumbangan Haji Abdul Rahman Limbong dalam pemberontakan kaum tani di Terengganu pada tahun 1928. Ternyata banyak sekali input pemikiran Mohd. Sarim dalam tulisan Timah teristimewa dalam hal-hal berkaitan dengan reformisme. Namun begitu rasional perjuangan Haji Abdul Rahman Limbong dari segi ideologi-ideologi patriotisme dan nasionalisme tidak dikembangkan.

Seterusnya, Abdullah Zakaria Ghazali banyak merakamkan aktiviti Haji Abdul Rahman Limbong dalam konteks "kebangkitan" melawan British dalam artikel-artikelnya. Tulisan Abdullah berasaskan rekod-rekod British serta pegawai-pegawai tadbir Terengganu di zaman penjajahan yang terdapat di Arkib Negara Malaysia. Abdullah juga menyertakan hasil temubual dengan mereka yang terlibat dan juga mereka yang mendengar kisah-kisah mereka yang terlibat diri dalam perjuangan melawan British. Selain mengistilahkan perjuangan Haji Abdul Rahman Limbong sebagai "kebangkitan", artikelnya yang terpenting mengenai Haji Abdul Rahman Limbong terbit dalam *Historia*, sebuah terbitan Jabatan Sejarah Universiti Malaya, menganggap perjuangan Haji Abdul Rahman Limbong sebagai gerakan "anti-British".

Penulisan Abdullah lebih bercorak deskriptif dan kronologikal. Tajuk-tajuk yang menyentuh aspek-aspek patriotik dan kebangsaan tidak cuba dibincangkan dalam bentuk analisis. Begitu juga halnya dengan Shahril Talib yang menulis satu bab mengenai "peasant uprising" dalam bukunya *After Its Own Image: The Trengganu Experience 1881-1941*. Beliau meletakkan Haji Abdul Rahman Limbong sebagai seorang wira kaumnya tetapi tumpas atau "overwhelmed" oleh kuasa penjajah dengan kerjasama orang-orang Melayu sendiri yang bertindak atas arahan golongan pembesar Melayu yang dipengaruhi kuasa Penasihat British.

.....

Perlu diingat bahawa semua tulisan di atas tidak menggolongkan Haji Abdul Rahman Limbong ke dalam kategori "patriotis" atau "nasionalis" dan juga tidak ada satu tulisan pun secara khusus dan terus terang membicarakan perjuangannya dari segi pandangan yang bersifat "patriotik", jauh sekali bersandarkan kepada ajaran-ajaran Islam. Faktor agama adalah disentuh secara umum tapi kupasan mendalam mengenai fahaman Islam yang diamalkan oleh Haji Abdul Rahman Limbong tidak terperinci.

Sebelum wujudnya kesultanan negeri Terengganu yang dikuasai wangsa dari keturunan Zainal Abidin I yang mendirikan kerajaan di sekitar Kuala Berang pada awal abad ke-18M, memang telah terdapat suatu bentuk pemerintahan bercorak Islam di Ulu Terengganu pada awal abad ke-14. Namun begitu, cuma jurai keturunan raja-raja sejak awal abad ke-18 dapat digalorkan kerana sejarah sebelum itu masih kurang dapat dipertahankan kesahihannya.

J. de vere Allen menganggap bahawa sistem pemerintahan beraja Terengganu itu bersifat *ancientregime*, iaitu satu bentuk pemerintahan purba yang penuh dengan tradisi dan warisan lama. Tumpuan kajiannya adalah terhadap sistem pemerintahan yang wujud pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20. Kajian Allen kemudiannya dilanjutkan oleh beberapa orang sarjana barat dari prespektif yang meneliti peranan golongan elit pemerintah yang berkonflik pada awal abad ke-20 menjelang campur tangan British. Seterusnya kajian Shahril Talib merakamkan tahap-tahap transformasi negeri Terengganu dari zaman tradisional, tradisional dan moden mengikut citranya yang tersendiri.

Latar belakang politik negeri Terengganu

Perjuangan Haji Abdul Rahman Limbong tidak dapat difahami dengan jelas tanpa meninjau dimensi perkembangan politik sejak awal abad ke-19, khususnya mengenai pergelutan diplomatik di antara Siam dan British yang menampakkan persetujuan yang dicapai secara dua-hala (*bi-lateral*) iaitu Perjanjian Burney 1826 yang meletakkan negeri Terengganu di bawah "suzerainty" atau naungan Siam. Namun, kerajaan Terengganu masih berfungsi secara bebas sungguhpun dikehendaki menghantar "bunga emas" ke Bangkok.

.....

H.Clifford, seorang pegawai penjajah yang terkenal, telah menjelajah negeri Terengganu pada akhir abad itu, mengatakan bahawa penghantaran "bunga mas" tidak dipaksakan tetapi sebagai tanda "persahabatan dan permuafakatan". Hanya pada tahun 1909 terdapat dokumen yang menyatakan pihak Siam menyerahkan kuasa perlindungannya kepada British. Sejak 1910 pihak British meletakkan seorang Ajen British yang berperanan sebagai Pegawai Konsular tetapi mendekati kerajaan Terengganu dalam usaha mempengaruhi mengikut telunjuk British. Namun begitu, kerajaan Terengganu masih utuh dan berupaya menangkis segala percubaan mengeksploitasi setiap peluang yang terbuka untuk menundukkan golongan pemerintah *ancientregime* Terengganu yang didukung oleh golongan orang kuat berpegang pada jati diri Melayu-Islam mereka.

Akhirnya, menerusi usaha J.Humhreys yang menggunakan Laporan Bucknill (1918) untuk menunjukkan kelemahan pentadbiran *ancient regime*, khususnya di wilayah Kemaman, maka British berhasil meningkatkan status Agen British kepada Penasihat British dengan syarat-syarat yang tidak jauh berbeza kehadiran Penasihat-penasihat British di Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Yang penting diingat dalam hubungan Penasihat British dengan Sultan ialah penerimaan syarat bahawa Sultan hendaklah menerima nasihat dalam semua urusan pentadbiran awam kecuali dalam hal-ehwal agama Islam dan Adat Istiadat Melayu sahaja.

Matlamat perjuangan Haji Abdul Rahman Limbong

Apakah matlamat perjuangan Haji Abdul Rahman Limbong? Memulihkan kembali *status quo kerajaan ancien regime* yang telah bertapak kukuh sehingga zaman Sultan Zainal Abidin (SZA III) adalah salah satu matlamat utama perjuangan Haji Abdul Rahman Limbong. Pengganti SZA III iaitu Sultan Muhammad II (1919-1920) terpaksa turun takhta memberikan takhta kepada Sultan Sulaiman yang masih muda dan mudah dipengaruhi pegawai-pegawai British. Golongan agama yang fungsional dalam pentadbiran telah tersisih dari kerajaan apabila pihak British menyokong Sultan Sulaiman dan membuat transformasi seperti mana yang terdapat di negeri-negeri Melayu yang lain.

.....

Sejak kejatuhan Sultan Muhammad II pada tahun 1920, golongan agama yang dulunya menghormati dan memandang tinggi kedudukan Tokku Sayyid Paloh mengharapkan anaknya Sayyid Sagaf memainkan peranan sepertimana ayahandanya. Sebaliknya anak murid Tokku Paloh, iaitu Haji Abdul Rahman Limbong lebih menonjol sebagai agen penggiat yang berjaya mempengaruhi rakyat jelata, khususnya di kawasan pedalaman menentang rejim British.

Kepimpinan

Dari segi kepimpinan, maka terdapat satu bentuk piramid yang di atas sekali iaitu apexnya ialah Haji Abdul Rahman Limbong, di bawahnya adalah golongan penghulu dan ketua kampung yang tidak menyetujui campurtangan British dan yang paling bawah ialah tokoh-tokoh tempatan yang bergiat sebagai aktivis. Kedudukan Haji Abdul Rahman Limbong bukan sahaja terkemuka sebagai pakar rujuk mengenai hal ehwal perundangan Islam tetapi dalam bidang kerohanian juga. Ini disebabkan hubungannya yang erat dengan gurunya yang terkenal iaitu Tokku Sayyid Paloh yang pernah menjadi Penasihat Sultan Terengganu.

Ideologi perjuangan Haji Abdul Rahman Limbong

Tanpa ideologi yang jelas dan eksplisit maka sesuatu gerakan penentangan tidak dapat terlaksana dalam tempoh masa yang agak panjang. Aspek ideologi boleh dibahagikan kepada dua peringkat: pemikiran eksplisit dan pemikiran implisit. Sejak 1921 penentangan kaum tani tercetus di Ulu Terengganu berlandaskan falsafah atau pemikiran eksplisit yang mengatakan bahawa tanah yang mereka kerjakan adalah "Hak Allah" khususnya tanah yang tidak ada pemilik khas. Pihak berkuasa Islam bertanggungjawab menguruskan *tanah mubah* iaitu tanah yang harus diusahakan dengan memberikan kebenaran supaya rakyat mengerjakan tanpa mengenakan sebarang bayaran cukai tanah (*land-rent*).

Sokongan rakyat kaum tani

Dalam sistem perundangan dan pentadbiran tanah tradisional, rakyat terutamanya golongan petani dikenakan cukai ke atas hasil, bukan ke

.....
atas tanah yang diusahakan. Kiranya hasil bertambah, maka cukai pun meningkat. Mengikuti prinsip perundangan tanah penjajah, cukai dikenakan ke atas tanah sama ada mengeluarkan hasil ataupun tidak. Di sinilah letaknya perbezaan besar antara sistem tradisional yang diperjuangkan oleh Haji Abdul Rahman Limbong dengan apa yang dilaksanakan oleh *regime* penjajah.

Selain rakyat tani ditegah menebas dan menebang hutan, kerajaan yang dikuasai British mewujudkan larangan mengeluarkan hasil hutan. Peraturan mencegah kaum tani di desa memanfaatkan hasil hutan untuk hidup telah mendapat tentangan kalangan agama yang sememangnya bersikap anti British. Jadi pada hakikatnya, ideologi anti-imperialisme mendasari perjuangan patriotik kaum tani yang digiatkan oleh Haji Abdul Rahman Limbong.

Cara-cara Haji Abdul Rahman Limbong berjuang

Ideologi dalaman yang bercorak implisit akan disentuh dalam hubungannya dengan cara-cara Haji Abdul Rahman Limbong menggerakkan penentangan teristimewa hal-hal berkaitan dengan faham sufi yang memperkukuhkan ciri-ciri kepimpinannya. Cara-cara gerakan Haji Abdul Rahman Limbong bermula dengan rayuan secara aman; membuat bantahan secara lisan atau bertulis terhadap peraturan-peraturan baru yang bertentangan dengan hukum syarak dan adat Melayu-Islam.

Apabila cara pertama kurang berkesan, maka berlakulah tunjuk perasaan secara aman; iaitu dengan keluar beramai-beramai ke Kuala Terengganu apabila ada perbincangan mengenai dakwaan pihak *regime* British ke atas kaum tani yang melanggar undang-undang tanah pihak kerajaan penjajah, khususnya mereka yang mengerjakan tanah tanpa pas.

Seterusnya gerakan HARLT mengambil daya usaha melalui tindakan undang-undang di mahkamah; iaitu dengan menuntut hak mengerjakan tanah yang berlandaskan kepada hukum agama dan adat. Dalam masa yang sama, penentangan pasif; iaitu tidak bekerjasama dengan pihak pemerintah dalam semua corak pentadbiran rasmi berlanjutan sehingga mencetuskan kegelisahan sosial yang merebak

.....
sehingga meletus dan menggerakkan penentangan secara agresif; mengacah dan mengacu senjata dengan percubaan mencederakan pihak polis dan pihak berkuasa yang lain tetapi belum sampai menyerang dengan niat membunuh.

Penentangan bersenjata yang merupakan peringkat tertinggi dalam gerakan melawan penjajahan British adalah reaksi yang telah pernah berlaku di negeri-negeri Melayu sejak akhir abad ke-19M. Namun begitu, di Terengganu reaksi seperti ini digembleng oleh kalangan pemimpin agama di peringkat desa yang memiliki sentimen anti-asing yang meluap, setelah mengalami penderitaan akibat tekanan pihak penjajah.

Persoalan Institusi dan Organisasi sosial

Artikel ini tidak mengambil kira secara mendalam peranan institusi dan organisasi sosial yang biasanya diguna pakai dalam perekonomian komuniti desa seperti kerah, serah, seraya, dan berderau untuk mengaitkan dengan gerakan penentangan. Perkumpulan berlandaskan mekanisme tradisional itu memang berguna untuk menggerakkan masyarakat bagi tujuan tertentu.

Tetapi apa yang lebih relevan ialah organisasi sulit yang berlandaskan ideologi implisit sepertimana biasanya membabitkan kegiatan anti-*establishment* dalam masyarakat Melayu-Islam di rantau nusantara ialah sufi yang membentuk perkumpulan-perkumpulan tarekat yang memerlukan disiplin yang ketat serta jalinan hubungan guru-murid yang mantap.

Haji Abdul Rahman Limbong bukan sahaja dianggap sebagai seorang guru sufi mursyid tetapi menepati sifat-sifat "wali Allah" yang dilaporkan mempunyai "kelebihan" yang dipanggil "*karamah*" sepertimana beberapa orang ulama sebelumnya. Oleh kerana ciri-ciri kewarakan dan keramahan tersebutlah maka timbul semacam "revolusi mengharap" di kalangan masyarakat kaum tani untuk menyelamatkan mereka dari dilanda rintangan dan sekatan mengerjakan tanah pertanian mengikut cara dan kaedah yang telah mereka warisi zaman berzaman.

Ciri-ciri ringkas perjuangan Haji Abdul Rahman Limbong

Secara ringkasnya digariskan ciri-ciri perjuangan Haji Abdul Rahman Limbong:

1) Menonjolkan warisan negeri Terengganu yang dominan sehingga kini iaitu kewujudan golongan ulama yang berterusan memperjuangkan siasah yang berlandaskan *ikhtiqad* atau pegangan Islam yang sempurna dan menyeluruh.

2) Meletakkan asas-asas perjuangan yang bukan setakat bertapak di peringkat akar umbi tetapi telah membentuk sistem pemerintahan bercorak Islam yang meletakkan syariah berada di atas institusi pemerintah yang bergelar Sultan. Undang-undang Tubuh (1911) kerajaan negeri telah menamatkan kerajaan negeri sebagai kerajaan *Melayuiah Islamiyah*.

3) Menegaskan cara hidup bercorak Melayu-Islam telah pun terjelma di Terengganu sejak awal abad ke-14, iaitu lebih seratus tahun dari apa yang terbukti dalam Sejarah Kesultanan Melaka yang dapat dibanggakan dengan *Hukum Kanun Melaka*. Batu Bersurat Terengganu (1303 M) menjelaskan wujudnya perundangan berasaskan Islam dan pemerintah melaksanakan hukum-hukum Islam. Cara hidup Islam telah berkembang subur di pedalaman negeri Terengganu dan dipedesaan menjadi arena perjuangan Haji Abdul Rahman Limbong mempertahankan cara hidup Islam. Ada pihak yang menafikan atau meragui hal ini kerana artifak arkeologi seperti ini patut dikaji bersama spesifikasi yang jelas. Batu Bersurat Terengganu dikatakan terpencil dan jauh di pedalaman. Kajian sejarah patut ada *dokumen yang mantap*, bukan agakan atau andaian umum.

4) Menegakkan kepercayaan dan keyakinan atau pegangan hidup berasaskan syariat Allah telah terbina bukan sahaja dalam peraturan hidup di kalangan rakyat jelata malah telah berkesimbungan dan termaktub dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Terengganu (1911) sebagai *ikhtiqad* yang telah diperjuangkan oleh Nabi Muhammad S.A.W di Madinah sejak 1400 tahun yang silam. Artikel M.Mackeen yang berpendapat bahawa Kesultanan Melayu Terengganu mencontohi perundangan yang pernah terlaksana di negara Islam pertama dalam Sejarah.

.....

5) Memulihkan sistem pemerintahan Kesultanan Terengganu yang terbentuk pada awal abad ke 19 dan mencapai dua mercu ke gemilangan pada zaman Pemerintahan Sultan Omar (m. 1886) dan Sultan Zainal Abidin (1918). Selepas 1919, apabila sistem Penasihat British mula menguasai politik kerajaan negeri Terengganu, maka kesultanan bercorak Islam telah mula terancam dan luntur akibat campur tangan itu, bukan setakat bidang siasah tetapi sosial, ekonomi dan budaya. Justeru itu, penentangan Haji Abdul Rahman Limbong sewajarnya diteliti sebagai reaksi terhadap ancaman penjajahan terhadap kesejahteraan komuniti Melayu-Islam.

6) Sejak 1909, pihak penjajah telah berusaha menerusi institusi Agen British untuk mempengaruhi SZ III supaya melaksanakan sistem -pentadbiran British yang memisahkan "negeri" dari "agama" tetapi pihak British telah gagal. Kemudian pihak penjajah telah berjaya apabila sultan-sultan berikutnya tidak berupaya melawan serta menyekat kemaraan kuasa dan pengaruh British menjalankan jarum "*divide and rule*" yang sangat tajam. Kegagalan British sebelum 1919 bukan sahaja disebabkan oleh peranan SZA III, tetapi lebih penting daripada peranan Sultan ialah sumbangan Menteri Besar yang bergelar Dato, Seri Amar Diraja (Ngah Muhammad) serta tokoh ulama terkenal di Terengganu iaitu Tokku Paloh Sayyid Abdul Rahman, guru kepada Haji Abdul Rahman Limbong. Ternyata bahawa golongan ulama menjadi faktor penampan dan penghalang yang kuat dalam perjuangan menghadapi gelombang penjajahan di Terengganu khususnya.

7) Peranan Haji Abdul Rahman Limbong menjaga kepentingan kaum tertindas (kaum petani misalnya) begitu signifikan sebagai kesan daripada perlibatan dan agitasi penyokong-penyokong perjuangan Haji Abdul Rahman Limbong. Kepentingan kaum tani yang berstatus rendah, tertindas dan teraniaya perlu diselesaikan disebabkan di bawah sistem politik penjajah, mereka tertakluk kepada sistem "cukai barat" sedangkan mengikut cara tradisional mereka dikenakan mengikut lunas-lunas berlandaskan syarak dan tradisi yang lebih fleksible tanpa unsur-unsur eksploitasi. Undang-undang tanah yang diperkenalkan oleh British menerima tentangan kaum tani yang dipimpin dan digiatkan oleh kalangan agama dan dengan kerjasama tokoh-tokoh tempatan.

.....

8) Pada tahun-tahun 1920an Haji Abdul Rahman Limbong telah menjadi "Peguambela" mempertahankan petani-petani yang dibicarakan di mahkamah negeri yang dikuasai oleh British. Apabila kalangan petani itu dikenakan hukuman denda, Haji Abdul Rahman Limbong telah membayarkan bagi pihak kaum tani. Justeru itu Haji Abdul Rahman Limbong adalah pejuang yang berusaha memelihara kebebasan manusia beragama (Islam) dari tekanan Penjajah British yang tidak mengikut dasar perjanjian sepertimana yang tertera dalam Perjanjian 1919 iaitu tidak akan campurtangan dalam hal ehwal Islam dan Adat Istiadat.

Apa yang berlaku ialah Pegawai British memastikan tokoh agama yang dilantik sebagai Yang Dipertua Agama mematuhi syarat-syarat birokrasi dan menerima bayaran gaji kakitangan pentadbiran yang dibayar dari perbendaharaan kerajaan negeri yang dikawal oleh Penasihat British. Pegawai-pegawai Melayu dengan mudah boleh dipecat kiranya tidak mematuhi peraturan-peraturan birokrasi yang ditaja oleh pihak British.

9) Memuliakan mereka yang merapatkan diri ke masjid dan surau di samping mengiatkan pengajaran dan pembelajaran ilmu-ilmu agama sepertimana yang dilakukan oleh guru-guru agama sebelumnya. Kajian Shafie Abu Bakar mengenai ketokohan Tokku Pulau Manis dan tulisannya mengenai sufisme membuktikan bidang ilmu agama telah begitu mendalam di rantau negeri Terengganu.

10) Menggalakkan kaum tani mengerjakan sawah dan ladang, membangunkan ekonomi desa dengan cara membuka tanah terbiar di sepanjang lembah-lembah Sungai Terengganu, Besut, Ibai, Dungun dan Kemaman, teristimewa di kawasan pedalaman ulu.

11) Sebagai salah seorang tokoh agama yang berguru dengan Tokku Paloh (Sayyid Abdul Rahman), beliau memperjuangkan agama dengan cara "mabanteras bidaah dan khurafat" di samping melanjutkan tradisi kepimpinan ulama dalam keilmuan Islam. Sungguhpun Haji Abdul Rahman Limbong tidak terbilang di kalangan tokoh "reformis" atau "*islahiyah*" Islam di Tanah Melayu, tetapi kegiatannya tidak berbeza dari apa yang diseru dan digiatkan oleh kumpulan reformasi yang menampilkan diri dalam tulisan dan gerakan *Islahiyah*.

12) Mendaulatkan Sejarah Ketokohan Ulama mewarnai perjuangan

.....

patriotik. Haji Abdul Rahman Limbong melanjutkan tradisi perjuangan kalangan agama yang boleh diteliti dari prespektif sejarah Islam yang meletakkan ulama sebagai pewaris Nabi. Pemerintahan bercorak Islam di Terengganu telahpun membentuk sistem dan institusi kesultanan yang mementingkan peranan ulama sebagai Penasihat serta pakar rujuk dalam perundangan dan pelaksanaan sistem keadilan berlandaskan syariah. Nama-nama ulama seperti Abdul Malik atau Tok Pulau Manis, Tokku Tuan Besar (Sayyid Muhammad) dan Tokku Paloh (Sayyid Abdul Rahman) menyusun untaian geneologi hubungan guru-murid yang diwarisi oleh Haji Abdul Rahman Limbong dari aspek sufisme.

13) Keunikan perjuangan Haji Abdul Rahman Limbong terserlah apabila tidak terdapat seorang tokoh ulama yang bersikap agresif dan aktivis seperti Haji Abdul Rahman Limbong sungguhpun umurnya telah menjangkau 50-an semasa memulakan gerakan penentangan terhadap British. Guru beliau, iaitu Tokku Paloh bergiat secara diplomatik dan perundangan tapi Haji Abdul Rahman Limbong melanjutkan serta meningkatkan perjuangan itu ke peringkat gerakan sosio-ekonomi dan politik di samping mencakupi dimensi-dimensi matlamat yang lebih jelas anti-penjajahan barat. Malah Haji Abdul Rahman Limbong menganggap mereka yang menyokong penjajah Barat sebagai orang-orang yang tergolong dalam kalangan orang kafir.

Perundangan Islam dihadkan kepada bidang kuasa yang menyentuh isu-isu kekeluargaan dan soal-soal ibadah komuniti tanpa membabitkan kepentingan awam dari segi pentadbiran, politik, ekonomi dan sosial.

Pada kesimpulannya, dapat dirumuskan bahawa perjuangan Haji Abdul Rahman Limbong telah menyumbangkan kepada usaha mempertemukan para sarjana dan penggiat budaya supaya memahami dan mengingati intisari patriotisme yang telah dijadikan asas-asas penentangan terhadap penjajah British. Dengan itu, penulis mengharapkan kita dapat mempromosi patriotisme di samping menggalakkan kita mencari, mengumpul, membaikpulih dan memelihara sumber-sumber yang berkaitan dengan tokoh-tokoh patriot. Kedua, di peringkat kerja pula, sewajarnya kita mempromosi pendidikan sejarah patriotisme menerusi pengajian tentang tokoh-

.....

tokoh patriot dengan melaksanakan program-program yang mengarah kepada pembangunan jati diri bangsa Malaysia berteraskan pada jati diri Melayu-Islam. Bagaimana mempromosi dan membangunkan jati diri Melayu-Islam merupakan tajuk menarik yang boleh dibicarakan dalam sidang seminar yang lain pula.



Yamtuan Tunku Antah

Yamtuan Tunku Antah

Oleh : Ahmad Kamal Ariffin bin Hj Mohd Rus
Jabatan Sejarah,
Universiti Malaya

Pengenalan

Tunku Antah ialah tokoh yang pernah memimpin orang Melayu menentang British di Negeri Sembilan pada Disember 1875. Tunku Antah ialah anak Raja Radin Yamtuan Besar Negeri Sembilan (1833-1861). Ada pendapat yang mengengahkan bahawa Raja Radin merupakan anak raja tempatan yang pertama dilantik menjadi Yamtuan Besar. Ini kerana, sehingga tahun 1824, pelantikan Yamtuan Besar diatur dengan menjemput anak raja dari Pagar Ruyung. Ibu Tunku Antah ialah puteri Penghulu Sri Menanti. Anak Tunku Antah ialah Tunku Muhammad, menggantikan beliau sebagai Yamtuan Sri Menanti pada tahun 1887. Cucu Tunku Antah, Tuanku Abdul Rahman merupakan Yamtuan Besar Negeri Sembilan (1933-19690) ialah Yang Dipertuan Agung Pertama.

Pelantikan Tunku Antah sebagai Yamtuan Besar pada tahun 1875, tidaklah selancar dan setenang sewaktu kedudukan itu diwarisi anak dan cucu beliau. Ini kerana, persaingan merebut jawatan Yamtuan Besar selepas kemangkatan Raja Lenggang Laut pada tahun 1824, menyebabkan suasana politik Negeri Sembilan bergolak. Tugas melantik Yamtuan Besar di Negeri Sembilan ditradisikan kepada empat Penghulu utama bergelar Penghulu Berlantik atau juga dikenali sebagai Undang. Penghulu-penghulu itu ialah Penghulu Sungai Ujong bergelar Dato' Kelana, Penghulu Rembau bergelar Dato' Lela Maharaja atau Sedia Raja, Penghulu Jelevu bergelar Dato' Mendika Menteri akhir Zaman dan Penghulu Johol bergelar Dato' Johan Pahlawan Lela Perkasa Sitiawan.

Tradisi pelantikan itu sememangnya ideal sekiranya para penghulu tersebut mencapai kata sepakat. Sebaliknya, ruang persaingan akan terbuka jika para penghulu itu berbelah sokongan lantaran mencetuskan peperangan seperti yang berlaku antara tahun 1824-1832. Malah pada tahun 1869, apabila Penghulu Berlantik berpecah sokongan antara Tunku Antah dengan Tunku Ahmad Tunggal, jawatan Yamtuan Besar dibiarkan tidak berpengganti. Sejak itu, Negeri Sembilan dikatakan telah berpecah dan tidak lagi dilihat sebagai suatu entiti politik.

.....

Senario sebegitu diburukkan lagi apabila negeri-negeri Penghulu Berlantik turut bergolak. Sebagai contoh, apabila Penghulu Rembau meninggal dunia pada November 1872, berlaku perebutan kuasa antara Haji Sahil dengan Haji Mustapha. Lembaga yang berperanan melantik penghulu turut berbelah sokongan. Daripada empat Lembaga utama yang berpengaruh, tiga menyokong Haji Mustapha iaitu Merah Bangsa, Bangsa Balang dan Sangura Pahlawan.

Haji Mahmat yang bergelar Gempar Maharaja berpihak kepada Haji Sahil dan beliau diberi kuasa mengawal kota di Batu Tiga bersama 500 orang lengkap bersenjata. Di Sungai Ujong pula, perang tercetus antara Dato' Kelana dengan Dato' Syahbandar pada hujung tahun 1874.

Konflik Kelana-Bandar di Sungai Ujong telah memudahkan Andrew Clarke (Gabenor Negeri-Negeri Selat) melibatkan campur tangan British di Negeri Sembilan. Situasi sedemikian penting bagi Clarke kerana antara syarat yang dikenakan Kimberley (Setiausaha Tanah Jajahan) untuk sebarang campur tangan di negeri-negeri Melayu adalah persetujuan pemerintah tempatan.

Dengan menyokong salah seorang pemerintah tempatan yang sedang berkonflik, maka persetujuan tersebut amat mudah diperolehi. Campur tangan British di Sungai Ujong secara langsung menyebabkan pembesar Negeri Sembilan bertindak melantik Tunku Antah sebagai Yamtuan Besar. Seperti yang disebut Gullick, "Antah kini merasakan dirinya telah dikembalikan kepada peranan tradisi dinasti raja-raja di Negeri Sembilan-memimpin penentangan terhadap tekanan luar."

Yamtuan Antah di Ambang Perang

Tindakan Dato' Kelana Syed Abdul Rahman atau Syed Ahman membawa British masuk ke Sungai Ujong sememangnya tidak disenangi Tunku Antah dan pembesar Negeri Sembilan yang lain. Situasi itu lebih mencurigakan mereka apabila Dato' Kelana Syed Abdul Rahman berjaya menewaskan Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal dengan bantuan British. Pada 17 Disember 1874, Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal terpaksa akur dengan hukuman bahawa beliau akan menetap di Singapura dan tidak boleh meninggalkan

.....
Singapura tanpa pengetahuan gabenor. Di Singapura, beliau disediakan sebuah rumah dan dibayar elau \$500 sebulan

Hubungan Kelana-Bandar menjadi tegang setelah Perjanjian 21 April 1874 ditandatangani Dato' Kelana Syed Abdul Rahman tanpa merujuk kepada Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal. Perjanjian itu meletakkan Sungai Ujong di bawah perlindungan British. Tindakan Dato' Kelana Syed Abdul Rahman itu dikatakan bertentangan dengan adat. Dato' Kelana ialah Undang Sungai Ujong selaku waris di Darat berkuasa dalam hal perundangan dan kehakiman. Namun setiap keputusan yang diambil dalam hal tersebut tertakluk kepada pandangan dan nasihat Dato' Syahbandar sebagai waris di Air.

Ketegangan memuncak apabila Dato' Kelana Syed Abdul Rahman dengan sokongan Kapten Shaw (Leftenan Gabenor Melaka) melaporkan kepada Gabenor bahawa Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal enggan menandatangani Perjanjian 21 April 1874. Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal juga dilaporkan menentang usaha menaikkan bendera British di kediaman Dato' Kelana Syed Abdul Rahman. Beliau dikatakan cuba mencetus kekacauan dan tidak mahu mematuhi arahan Dato' Kelana Syed Abdul Rahman. Shaw turut melaporkan bahawa tindakan Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal mengancam Sungai Ujong dan rakyat British yang menjalankan perniagaan di antara Sungai Ujong dan Melaka.

Konflik Kelana-Bandar menyebabkan para pembesar Negeri Sembilan yang lain mengambil langkah menabalkan Tunku Antah sebagai Yamtuan Besar pada tahun 1875. Tindakan itu adalah sebagai langkah berjaga-jaga kerana mereka bimbang kemungkinan Dato' Kelana Syed Abdul Rahman akan menggunakan cara yang sama untuk memerangi mereka. Bagi mereka, perpaduan Melayu di Negeri Sembilan harus digembelengkan segera dan caranya adalah dengan mewujudkan semula jawatan Yamtuan Besar yang tidak berpengganti sejak tahun 1869. Pelantikan itu sangat penting kerana pembesar-pembesar itu memerlukan seseorang yang dapat menggerakkan perpaduan Melayu. Peranan tradisi Yamtuan Besar dalam sistem politik Negeri Sembilan adalah sebagai lambang keadilan dan perpaduan. Yamtuan juga berkewajipan menghimpun rakyat, mengumpul senjata dan peluru serta bekalan apabila berlaku perang.

.....

Kemangkatan Yamtuan Imam pada tahun 1869 mencetuskan masalah pengganti kerana ada dua calon yang layak dan kedua-duanya mendapat sokongan pembesar tertentu. Pertama, Tunku Antah anak Yamtuan Radin, calon yang masih muda dan terkenal sebagai pahlawan. Kedua, Tunku Ahmad Tunggal anak Yamtuan Imam, terkenal sebagai pengusaha bijih timah yang kaya. Tunku Ahmad Tunggal mendapat sokongan Dato' Kelana Syed Abdul Rahman. Ini kerana sekiranya Tunku Ahmad Tunggal berjaya, beliau berjanji akan melantik anak Dato' Kelana Syed Abdul Rahman sebagai Yamtuan Muda Rembau. Tunku Antah pula disokong Dato' Penghulu Johol dan pembesar negeri. Sri Menanti meliputi Ulu Muar, Gunong Pasir Jempol, Terachi dan Inas. Persaingan itu menyebabkan jawatan Yamtuan Besar tiada berpengganti setelah kemangkatan Yamtuan Imam.

Justeru sokongan yang berbelah bagi, maka tidaklah menghairankan jika pertabalan Yamtuan Antah pada tahun 1875 tidak dihadiri Dato' Kelana Syed Abdul Rahman. Memandangkan Dato' Kelana secara tradisinya merupakan Undang yang sangat dihormati, dianggap sebagai abang di kalangan Penghulu Berlantik, maka ketidakhadirannya kemungkinan menjejaskan legitimasi pertabalan Tunku Antah. Bagi meneruskan upacara pertabalan itu, Tunku Antah dan pembesar yang hadir mengisytiharkan pemecatan Syed Abdul Rahman sebagai Dato' Kelana Sungai Ujong. Mereka yang hadir sebulat suara melantik Laksamana Sungai Ujong sebagai Dato' Kelana yang baru. Perlantikan Tunku Antah sebagai Yamtuan Besar tidak diiktiraf British. Bahkan dalam suratnya kepada Setiausaha Tanah Jajahan, Jervis mengatakan bahawa:

"Sekiranya perlantikan Yamtuan Besar tidak sah, maka pemecatan Dato' Kelana juga tidak sah. Memandangkan Kelana mendapat sokongan kita dan seorang Residen telah ditempatkan untuk membantu beliau, maka apa yang berlaku merupakan suatu tindakan permusuhan yang jelas terhadap kerajaan British".

Menjelang November 1875, situasi di sempadan Sungai Ujong dan Sri Menanti menjadi tegang kerana isu Terachi. Terachi ialah kawasan yang menganjur dari Gunong Berembun hingga Gunong Angsi.

Terachi juga merupakan sempadan pemisah antara Sungai Ujong dan Sri Menanti. Pada tahun 1875, Dato' Kelana Syed Abdul Rahman telah melaporkan kepada Residen British Sungai Ujong, P.J Murray, mendakwa Terachi sebenarnya di bawah pentadbiran beliau. Sejak tahun 1869, apabila jawatan Yamtuan Besar tidak berpengganti, pengaruh Dato' Kelana diperluaskan ke Terachi apabila Dato' Kelana Sending melantik Penghulu Lenglote sebagai Penghulu Terachi yang baru. Yamtuan Antah tidak mengiktiraf perantikan itu kerana pada tradisinya selain Sri Menanti, kawasan-kawasan di bawah prerogatif Yamtuan Besar adalah Terachi, Gunong Pasir, Jempol, Inas dan Ulu Muar. Negeri-negeri tersebut dirujuk sebagai negeri-negeri Sri Menanti. Yamtuan Antah seterusnya bertindak memecat penghulu tersebut. Tanpa siasatan lanjut, Murray mempercayai dakwaan Dato' Kelana Syed Abdul Rahman serta menganggap tindakan Yamtuan Antah sebagai suatu tindakan pencerobohan.

Perang Antah-British (27 Nov - 20 Dis 1875)

Pada 26 November 1875 Murray bergerak memasuki Terachi bersama-sama Leftenan Hinxman, 20 askar Rejimen ke 10, 30 orang polis, seorang juruukur (D.D Daly) dan seorang doktor (Dr. Hoysted). Pasukan itu bertolak pada jam 6.40 pagi dan tiba di Terachi jam 1.00 tengahari. Tujuan ekspedisi ini adalah untuk memastikan berita bahawa orang Melayu di Terachi, sedang mengumpul senjata dan membina kubu sebagai persiapan menentang British. Walau bagaimanapun, Murray mendapati keadaan di Terachi tenang dan tiada tanda-tanda akan berlakunya sebarang penentangan. Murray mengambil keputusan untuk pulang ke Sungai Ujong pada keesokan hari dan meninggalkan Daly bersama-sama enam orang polis. Daly diminta menjalankan kerja mengukur kawasan di antara Terachi dan Kuala Pilah.

Pada jam 8.00 pagi 27 November 1875, Murray mula bergerak pulang dan Daly bergerak ke arah Kuala Pilah. Setelah berjalan kira-kira setengah batu, perjalanan mereka terhalang oleh perangkap ranjau. Mereka terpaksa meneruskan perjalanan dengan merentasi paya dan sawah padi. Di ketika ini, mereka dikepung sekumpulan 200 orang Melayu yang mengarahkan mereka supaya berpatah balik dan melupakan hasrat untuk menjalankan kerja mengukur. Kumpulan

.....

orang Melayu ini juga memberi peringatan bahawa mereka mahu menangkap Tunku Sulong (anak Dato' Kelana Syed Abdul Rahman) dan akan memenggal kepalanya kerana membawa masuk orang putih ke Terachi. Sementara akur dengan arahan tersebut, Daly menghantar orangnya meminta bantuan Murray.

Murray mengambil keputusan berpatah balik dan mengizinkan Leftenan Hinxman menentang orang Melayu. Berikutan itu, pertempuran pun tercetus dan tembak-menembak antara kedua belah pihak berlangsung selama 20 minit. Murray kemudiannya terpaksa mengarahkan orang-orangnya supaya berundur kerana mereka kekurangan peluru. Tambahan pula, Leftenan Hinxman sudah menyedari bahawa pihak orang Melayu mula bergerak bagi memintas jalan untuk menghalang pengunduran mereka. Lebih mencemaskan Murray, adanya khabar bahawa 400 orang Melayu akan datang membantu.

Pada tahap ini orang Melayu di bawah pimpinan Yamtuan Antah dikatakan dalam keadaan yang cukup bersemangat. Mereka dipengaruhi berita kebangkitan orang Melayu Perak yang mengakibatkan kematian Residen British pertama di negeri-negeri Melayu iaitu J.W.W. Birch. Walau bagaimanapun tidak ada bukti yang jelas bahawa wujudnya hubungan secara langsung antara pemimpin Melayu Perak dengan Yamtuan Antah. Orang Melayu di bawah Yamtuan Antah diberi harapan tinggi bahawa Turki akan datang membantu. Semangat orang Melayu berkobar-kobar dan mereka dikatakan akan menghancurkan orang putih sehingga menjadi "gulai putih".

Orang Melayu kebanyakannya bersenjatakan senapang *flintlock* dan pelurunya diperbuat daripada timah. Ada yang bersenjatakan *snider rifle*. Laporan yang diterima British menunjukkan bahawa Yamtuan Antah mempunyai seorang tukang membuat senapang di Sri Menanti. Yamtuan Antah juga dilaporkan telah membeli ubat bedil dari Pahang. Walau bagaimanapun, bekalan peluru dan ubat bedil tidak mencukupi sekiranya perang berlarutan dalam jangka masa yang panjang. Setelah perang selesai, Murray dilaporkan telah mengumpul sebanyak 36 meriam kecil yang diperbuat dari besi dan tembaga, 198 pucuk senapang *flintlock* di Ulu Muar dan Sri Menanti serta 450 pucuk senapang dari jenis yang sama di Jempol.

.....

Yamtuan Antah menyedari, dalam keadaan semangat yang sedang berkobar-kobar mereka perlu bergerak pantas. Kubu-kubu mula dibina di Bukit Putus. Di bukit ini terdapat genting atau laluan yang berketinggian 3000 kaki dari aras laut. Genting Bukit Putus merupakan jalan utama memsuki Sungai Ujong dari arah timur. Yamtuan Antah memulakan langkah dengan menyerang Balai Polis Paroi pada malam 2 Disember 1875. Pasukan Yamtuan Antah dianggarkan seramai 200-400 orang. Kedudukan Paroi adalah dalam lingkungan lima batu dari kediaman Residen di Ampangan. Balai Polis Paroi berjaya dikuasai dengan mudah tetapi lapan orang polis yang bertugas di situ sempat berundur.

Perkembangan terbaru itu sangat membimbangkan Murray dan Leftenan Hinxman. Bantuan yang diminta dari Melaka dan Singapura masih dalam perjalanan. Kekuatan British di Sungai Ujong terdiri daripada 68 orang polis dan hanya 50 daripadanya bersenjatakan rifel. Di bawah Leftenan Hinxman hanya terdapat 45 orang askar Rejimen ke 10. Purata peluru dalam simpanan hanya tinggal 83 pusingan bagi setiap orang. Markas tentera terletak di Rasah, dua batu dari Ampangan. Kekuatan British tidak dapat disatukan kerana Murray enggan meninggalkan Ampangan. Murray khuatir tindakan berpindah ke Rasah akan melunturkan semangat Dato' Kelana Syed Abdul Rahman. Bagi Murray, keadaan akan bertambah rumit jika Dato' Kelana melarikan diri dan sokongan Melayu terhadapnya akan berpecah.

Sementara itu, British juga sedang diancam perang psikologi berdasarkan khabar yang diterima dan menyebabkan Jervois (Gabenor Negeri-negeri Selat) mengambil keputusan menghantar pasukan tentera yang besar ke Sungai Ujong. Malah sepasukan tentera yang dihantar ke Selangor telah diarahkan ke Sungai Ujong dengan segera. Berdasarkan telegram yang diterima Kolonel Anson (Leftenan Gabenor Pulau Pinang) pada 2 Disember 1875, dilaporkan bahawa akan berlaku kebangkitan orang Melayu secara besar-besaran di negeri-negeri sekitar Sungai Ujong dan 500 orang Melayu sudahpun berkumpul di Terachi. Khabar juga diterima bahawa orang Melayu di Melaka tidak lagi menunjukkan sikap mesra. Telegram 3 Disember 1875 melaporkan keadaan dalam negeri. Orang Melayu dikatakan semuanya bersenjata. Menurut maklumat yang diterima saudara mara

.....

Dato' Kelana menunjukkan bahawa orang Melayu di negeri-negeri sekitar Sungai Ujong telah bersatu. Seribu orang sedang berhimpun di Terachi dan beribu-ribu lagi sedang bergerak dari Johol.

Di Paroi, Yamtuan Antah sedang memperkemaskan kedudukan pasukan Melayu, kubu-kubu mula dibina di tempat-tempat yang strategic. Markas pertahanan Yamtuan Antah di Paroi ini, terdiri daripada 20 buah rumah. Rumah-rumah ini telah diperbaiki dan diperkukuhkan. Kebanyakan rumah dibuat lubang sebagai tempat untuk menembak. Di hadapan markas dibina beberapa buah benteng tanah yang berbentuk separa bulat. Di hadapan benteng-benteng itu terhampar paya seluas 180 ela arah ke Seremban. Di kiri kanan markas ini diapit hutan tebal dan bukit bukau.

Pada pagi Ahad 3 Disember 1875, Yamtuan Antah telah mengutus surat kepada Murray. Isi surat itu bertujuan memberitahu Murray mengapa beliau tidak perlu lagi berdiplomasi katanya:

"Sekiranya orang Terachi melakukan kesalahan, kamu hendaklah terlebih dahulu memaklukkannya. Kami akan menghukum mereka berdasarkan hukuman jenayah mereka. Ini kerana orang Terachi ialah rakyat kami dan di bawah perintah kami sejak dahulu hingga sekarang."

Yamtuan Antah mengakhiri suratnya dengan penuh sopan tetapi bernada sinis,

"... perkara yang lepas biarkan ia berlalu; tetapi janganlah ia diulangi. Kita seharusnya sedikit bersopan kerana orang yang baik sentiasa bersopan, dan orang yang tidak baik ialah mereka yang tidak beradab. Kami anak orang baik-baik dan kapten juga begitu. Kesopanan seharusnya menjadi pakaian kita."

C.B. Plunkett (Pemangku Leftenan Gabenor Melaka) tiba di Sungai Ujong pada 3 Disember 1875 bersama-sama 20 askar Rejimen ke 10 di bawah Leftenan Peyton. Ketibaan Plunkett menambah tegang keadaan kerana beliau mentafsir surat Yamtuan Antah sebagai suatu penghinaan dan langkah mengisytiharkan perang terhadap British.

.....
"Sekiranya sebelum ini saya kurang mempercayai, tetapi sekarang saya berpuas hati supaya suatu tindakan tegas perlu segera diambil."

British mula bergerak pada 4 Disember 1875; Leftenan Hinxman yang mengetuai sepasukan 66 orang menuju Paroi dan matlamat mereka adalah untuk meninjau kekuatan Yamtuan Antah. Gerakan Hinxman telah dikesan oleh pasukan Yamtuan Antah dan apabila Hinxman berada 150 ela daripada kubu mereka, orang Melayu mula melepaskan tembakan selama hampir 10 minit. Hinxman amat terkejut apabila dilihatnya ramai orang Melayu bergerak keluar dari kubu menyerbu ke arah mereka. Ini kerana menurut Hinxman, berdasarkan pengalamannya, orang Melayu tidak akan meninggalkan kubu perlindungan mereka. Menyedari mereka akan terkepung Hinxman mengarahkan orang-orangnya berundur. Tambahan pula mereka berada di kedudukan yang tidak strategik iaitu di jalan yang sempit dan dikelilingi hutan tebal.

Pasukan British dikejar sejauh hampir empat batu dan terpaksa berhempas-pulas mengelak serangan orang Melayu sebelum tiba di Ampangan. Pasukan Yamtuan Antah seramai 150 hingga 200 orang telah menduduki tebing timur Sungai Linggi. Mereka berlindung di kubu-kubu yang ditinggalkan Hinxman iaitu kira-kira setengah batu dari rumah Dato' Kelana. Murray terpaksa bertindak pantas memandangkan pasukan Yamtuan Antah berada di kedudukan yang cukup mengancam. Pada pagi 5 Disember 1875, Murray membedil pasukan Yamtuan Antah di tebing timur Sungai Linggi dengan bantuan meriam tembaga Dato' Kelana yang menggunakan peluru seberat 9 paun. Pasukan Yamtuan Antah terpaksa berundur tanpa berjuang. Ketika itu, Murray mula menyedari kepentingan menggunakan artileri untuk menghadapi pasukan Yamtuan Antah.

Pada 6 Disember 1875, bantuan tentera tiba dari Singapura diketuai oleh Kapten De Fontaine dengan 85 askar Arab. Sehari sebelumnya iaitu 5 Disember 1875, Kolonel Anson telah belayar dari Pulau Pinang setelah diarah Jervis bagi menyiasat tahap bahaya di Sungai Ujong. Bersama Anson ialah 358 askar Grukha dari Rejimen 1 termasuk pegawai. Jervis juga turut meminta bantuan ketenteraan dari China dan India. Kelewatan bantuan ke Sungai Ujong disebabkan usaha British pada ketika itu tertumpu dalam membanteras kebangkitan orang Melayu di Perak.

.....

Walau bagaimanapun, Plunkett, Murray dan Hinxman telah merancang untuk menyerang Paroi tanpa menunggu bantuan ketenteraan yang lebih besar. Pertimbangan ini diputuskan kerana tidak mahu kemenangan awal di pihak Yamtuan Antah akan terus membakar semangat orang Melayu justeru sokongan yang lebih padu akan berada di belakang Yamtuan Antah. Lagipun satu-satunya jalan untuk berundur adalah melalui Lukut tetapi keadaannya tidak selamat. Murray khawatir bekalan makanan dan peluru tidak dapat bertahan lama sekiranya pasukan Yamtuan Antah sekali lagi menyerang dan mengepung Ampangan.

Setelah diatur sepasukan kecil tentera bagi mengawal Seremban, pasukan British mula bergerak ke Paroi pada 7 Disember 1875. Pasukan ini terdiri daripada Leftenan Hinxman, Leftenan Peyton, dua orang sarjan dan 44 orang askar dari Rejimen ke 10, Kapten De Fontaine dengan 85 orang askar Arab dan Sarjan Bird dengan 45 orang polis 35. Murray, Plunkett dan Skinner (seorang pentadbir muda) turut serta dalam operasi ini. Mereka telah memutuskan untuk membawa meriam tembaga 9 *pounder* kepunyaan Dato' Kelana dan Skinner diarahkan mengetuai pasukan artileri ini. Penggunaan meriam ini adalah sangat penting walaupun menyedari meriam yang berat ini akan melambatkan perjalanan mereka ke Paroi. Pasukan Skinner sememangnya jauh ketinggalan dan apabila tercetusnya pertempuran, Skinner masih dalam perjalanan.

Pertempuran di Paroi dilaporkan begitu sengit. Pasukan Yamtuan Antah yang dianggarkan seramai 300-700 orang telah memberi tentangan hebat. Pertempuran itu berlangsung selama hampir tiga jam, bermula 8 pagi sehingga jam 11 pagi. Pasukan British menyerang markas Paroi dari tiga penjur u iaitu dari arah kanan, kiri dan tengah. Di peringkat awal pihak British menghadapi kesukaran untuk maju akibat tembakan yang bertubi-tubi dari pihak Yamtuan Antah. Dari bahagian tengah ramai orang Murray yang gugur. Pasukan British dari arah kanan tidak dapat menembusi kubu orang Melayu kerana hutannya yang tebal. Pasukan British dari arah kiri, walaupun dapat menghampiri kubu ini dan membunuh beberapa orang Melayu, terpaksa berundur kerana tidak dapat bertahan akibat serangan balas pihak Yamtuan Antah.⁷

.....

Ketibaan Skinner dengan meriam 9 *pounder* telah merubah rentak pertempuran. Penggunaan artileri seperti yang dicadangkan Murray sememangnya berhasil. Setelah 10 kali bedilan, pertahanan orang Melayu mulai goyah. Beberapa bedilan kemudiannya disasarkan ke arah rusuk kubu. Ini menyebabkan markas pertahanan Yamtuan Antah akhirnya berjaya dikuasai apabila orang Melayu terpaksa berundur ke Bukit Putus. Kubu Paroi kemudiannya dibakar. Hinxman terpaksa berhenti menjejaki Yamtuan Antah ke Bukit Putus memandangkan ramai orang-orangnya yang keletihan dan tercedera. Di pihak British, 11 terbunuh dan 31 cedera. Namun begitu, jumlah korban sebenar di pihak Yamtuan Antah tidak dapat dipastikan. Menurut Murray, 60-80 orang Melayu ditemui terbunuh dan ramai yang tercedera. *The Singapore Daily Times*, mencatatkan 80 orang Melayu terbunuh dan seramai 200 yang tercedera.

Kedudukan British di Sungai Ujong terus diperkukuhkan dengan ketibaan tentera tambahan yang lebih besar. Pada 10 Disember 1875, Kolonel Anson dan Leftenan Kolonel Clay tiba di Sungai Ujong. Tugas pemerintah tentera di Sungai Ujong telah diambil alih oleh Clay. Di bawah beliau terdapat lebih 500 orang yang lengkap bersenjata. Misi Clay seterusnya ialah ialah Bukit Putus. Strategi menyerang bukit ini terbahagi kepada dua pasukan. Pasukan pertama yang diketuai Leftenan Kolonel Hills terdiri daripada sembilan pegawai dan 160 orang askar. Senjata berat yang dibawa ialah sepucuk meriam 24 *pounder* dan 83 roket. Pasukan kedua diketuai Leftenan Kolonel Clay terdiri daripada lapan orang pegawai dan 365 orang askar. Senjata berat yang dibawa ialah sepucuk mortar, meriam 9 *pounder* dan 36 roket.

Pasukan British mula bergerak dari Rasah pada 19 Disember 1875. Pasukan pertama diarahkan melalui Terachi dan Langkap supaya membolehkan serangan dibuat dari arah belakang Bukit Putus. Pasukan kedua bergerak ke Paroi bagi menyerang Yamtuan Antah dari arah hadapan. Sementara itu di Bukit Putus, pasukan Yamtuan Antah telahpun bersiap sedia menghadapi sebarang kemungkinan. Di Bukit Putus terletaknya kubu pertahanan Yamtuan Antah yang terpenting kerana jika kecundanganya kubu ini akan memudahkan laluan musuh mengancam negeri-negeri Sri Menanti.

.....

Anson sempat memeriksa kubu Bukit Putus setelah operasi British selesai. Menurut beliau terdapat tiga kubu; satunya dibina di tengah-tengah genting di atas sebuah bukit kecil setinggi kira-kira 25 kaki. Dua lagi dibina di kedudukan yang lebih tinggi kira-kira 35 kaki. Kubu-kubu itu dibina bersebelahan bukit kecil tersebut dan jarak kedua-duanya dari kubu yang pertama adalah dalam anggaran 30 ela. Di hadapan kubu-kubu itu diwujudkan berbagai bentuk halangan. Laluan dari arah Sungai Ujong dipenuhi ranjau dan pokok-pokok tumbang. Berdasarkan gambaran mengenai kubu Yamtuan Antah di Bukit Putus, pasukan British berkemungkinan terpaksa menghadapi cabaran yang paling getir sekiranya Yamtuan Antah dapat mengelak pertempuran di Paroi. Ini kerana, pertempuran di Paroi kemungkinan telah melumpuhkan sebahagian daripada kekuatan pasukan Yamtuan Antah. Kemungkinan itu dapat dilihat daripada ukuran betapa mudahnya kubu Bukit Putus dikuasai British. Chelliah menyimpulkan bahawa pertempuran di Paroi :

"...telah menyelamatkan Sungai Ujong dan mungkin juga Melaka dari serangan orang Melayu. Selepas Paroi, orang Melayu didapati tidak lagi bersemangat".

Pasukan Clay mula melancarkan serangan pada 20 Disember 1875. Di sepanjang jalan, pasukan Clay terpaksa mengarahkan buruh-buruh Cina (diupah untuk mengangkat peralatan perang) mengalih pokok-pokok tumbang dan ranjau-ranjau yang menyukarkan perjalanan mendaki Bukit Putus. Clay kemudiannya telah menghantar pasukan pengesanan memandangkan kesukaran untuk memastikan lokasi Yamtuan Antah yang sebenar. Pasukan ini terdiri daripada 52 orang dan diketuai Kapten Channer. Di tahap ini, pasukan British mungkin lebih bernasib baik kerana peluang terbaik bagi Channer menyerang kubu pertama dilakukan semasa orang Melayu sedang sibuk memasak. Akibat kecauaian itu, memudahkan Channer dan orang-orangnya membuat serbuan. Enam orang Melayu terbunuh dan yang lainnya (20-30 orang) sempat berundur. Orang-orang Yamtuan Antah dari kubu yang lain turut menyerang balas dan tembak-menembak berlangsung selama hampir setengah jam. Pasukan Antah di bawah pimpinan Dato' Muar, Dato' Sri Menanti dan Dato' Jempol turut memberi tentangan kepada Clay semasa pasukan itu sedang bergerak masuk membantu Channer. Namun apabila mendapat berita bahawa

.....

pasukan Hills sedang bergerak masuk dari arah belakang, mereka mengambil keputusan untuk berundur. Di pihak British, seorang terbunuh, tiga tercedera termasuk seorang yang parah. Ketiga-tiga kubu Bukit Putus dimusnahkan.

Pada 21 Disember 1875, Clay terus mara ke Bendol dan mandapati dua kubu di situ tidak dipertahankan yang kemudiannya dibakar. Operasi musnah telah diteruskan. Pada 24 Disember 1875, Clay ke Sri Menanti dan Hills ke Ulu Muar. Kedua-dua pasukan tidak ditentang. Istana Yamtuan Radin dan kampung Dato' Ulu Muar dibakar. Terdahulu dari itu, pada 23 Disember 1875 pasukan di bawah Kapten Rankin turut membakar kampung Dato' Jempol di Kuala Jempol. Rata-rata keseluruhan orang Melayu telah bersembunyi di hutan.

Kedudukan Yamtuan Antah Pasca Perang

Dalam tempoh enam bulan pertama selepas peristiwa Bukit Putus, pihak British didapati masih belum menentukan penyelesaian terbaik mengenai kedudukan negeri-negeri Sri Menanti. Anson sebagai contoh, telah melantik Dato' Sutan anak Dato' Kelana Sending menjadi Yamtuan Besar. Namun kemudiannya Jervois menyedari bahawa pelantikan itu tidak dapat diiktiraf memandangkan Dato' Sutan tidak mewarisi kedudukan dan hak yang sah. Jervois kemudiannya beralih kepada pendekatan yang kedua. Beliau mahu meletakkan negeri-negeri Sri Menanti di bawah perlindungan British dan seorang Residen akan ditugaskan menasihati pemerintah tempatan dalam hal-ehwal pentadbiran kerajaan. Setelah memperoleh maklumat yang lebih meluas hasil perbincangan dengan Dato' Kelana Syed Abdul Rahman dan Dato' Penghulu Rembau, Jervois memutuskan bahawa jawatan Yamtuan Besar tidak perlu pengganti. Ini kerana, jawatan itu bukan sekadar tidak dikehendaki oleh kedua-dua Dato' tersebut, bahkan ia dilihat antara punca tercetusnya kekacauan di Negeri Sembilan.

Jervois seterusnya mencadangkan Tunku Ahmad Tunggal sebagai pemerintahan tempatan namun bukan sebagai Yamtuan Besar tetapi hanya dirujuk sebagai ketua orang Melayu. Walau bagaimanapun, formula Jervois tidak mendapat keizinan Carnavon, Setiausaha Tanah Jajahan ketika itu. Untuk sementara waktu, Carnavon tidak mahu

.....

memperluaskan sistem Residen ke negeri-negeri lain. Dasar tersebut dipengaruhi dengan perkembangan yang telah berlaku di Perak. Lagi pun Jervois secara tidak langsung dilihat sebagai punca kekacauan di Perak kerana dasarnya yang mahu meletakkan Perak secara langsung di bawah pentadbiran British.

Sebagai pemimpin yang kalah di medan perang, Yamtuan Antah tentunya tidak mempunyai banyak pilihan. Namun di peringkat awal Yamtuan Antah di dapati masih merancang untuk bertindak balas. Pada bulan April 1876, balai-balai polis yang dibina British di Terachi, Sri Menanti, Ulu Muar dan Kuala Jempol telah diserang. Serangan itu dikatakan dirancang oleh Yamtuan Antah, malah beliau dilaporkan turut tercedera dalam salah satu pertempuran tersebut. Walaupun serangan itu tidak membangkitkan kesan yang besar namun ia tetap menimbulkan kekhuatiran Murray dan Jervois. Disebabkan Carnavon juga tidak begitu yakin dengan pelantikan Tunku Ahmad Tunggal sebagai ketua orang Melayu di Sri Menanti mendorong Jervois memilih pendekatan yang lebih sederhana. Kali ini Jervois terpaksa menggunakan khidmat Maharaja Abu Bakar Johor untuk membawa Yamtuan Antah ke meja rundingan.

Perubahan sikap Yamtuan Antah terhadap British berkemungkinan besar dipengaruhi oleh Maharaja Abu Bakar. Yamtuan Antah mula menyedari bahawa British bukanlah pihak yang mudah ditentang bahkan merupakan suatu kuasa besar yang baru di rantau ini. Pertemuan Antah-Jervois diatur dua kali iaitu pada 6 Jun 1876 dan 23 November 1876. Semasa di Singapura, Sultan Ismail Perak turut memainkan peranan menyakinkan Yamtuan Antah tentang faedah menerima tawaran perdamaian British. Dalam pertemuan kedua, Maharaja Abu Bakar sekali lagi bermurah hati menawarkan kapalnya, bernama Pulau untuk membawa Yamtuan Antah bersama-sama Dato' Ulu Muar, Dato' Jempol, Dato' Terachi, Baginda Tan Mas sebagai wakil Dato' Johol serta wakil Dato' Gunong Pasir dan Dato' Inas.

Pada 23 November 1876, satu perjanjian telah ditandatangani oleh Yamtuan Antah bersama-sama pembesar yang hadir di hadapan Gabenor Jervois. Perjanjian itu membariskan tujuh artikel tetapi sudah cukup untuk menghasilkan dua erti yang sangat penting. Pertama, dalam Artikel 2, pembesar yang hadir sebulat suara mengiktiraf Tunku

.....

Antah sebagai Yamtuan. Namun artikel ini menyebut bahawa pengiktirafan itu bukanlah sebagai Yamtuan Besar Negeri Sembilan tetapi sebagai Yamtuan Sri Menanti yang berkuasa ke atas Sri Menanti, Johol, Muar, Jempol, Terachi, Gunong Pasir dan Inas. Kedua, Artikel 6 meletakkan Maharaja Abu Bakar Johor sebagai pihak yang perlu dirujuk sekiranya negeri-negeri itu menghadapi sebarang persengketaan yang tidak dapat diselesaikan sesama mereka. Pendekatan ini menjadi perencanaan Jervois disebabkan hasratnya untuk memperluaskan penguasaan British ke negeri-negeri tersebut tidak diizinkan Carnavon. Lagi pun Jervois beranggapan bahawa pengaruh British di negeri-negeri Sri Menanti lebih mudah disuntik melalui Maharaja Abu Bakar memandangkan beliau merupakan satu-satunya pemerintah tempatan yang dapat menyesuaikan diri dalam penerimaan nilai-nilai barat.

Negeri-negeri Sri Menanti telah diletakkan di bawah perlindungan British hanya sepuluh tahun kemudian. Perkembangan ini berlaku pada era Frederick Weld sebagai Gabenor Negeri-negeri Selat (1880-1887). Weld berjaya mempengaruhi Pejabat Tanah Jajahan bahawa peluasan kuasa British ke negeri-negeri kecil di sekitar Sungai Ujong adalah sangat penting dan faedahnya perlu dihitung untuk kepentingan jangka panjang. Namun begitu, pendekatan Weld dalam proses tersebut tidak dilakukan secara tergesa-gesa. Ini kerana negeri-negeri Sri Menanti bukanlah Wilayah yang boleh menjanjikan faedah ekonomi yang besar atau pun sekurang-kurangnya dapat membiayai pengenalan sistem Residen.

Pendekatan Weld dalam menangani proses peluasan kuasa British ke atas negeri-negeri itu dimulakan dengan strategi menjinakkan pemerintah tempatan supaya mempunyai keyakinan untuk sentiasa bergantung kepada British bagi sebarang bantuan yang diperlukan. Hubungan itu diasuh dengan cara tertentu. Pertama, Weld memutuskan untuk membatasi peranan yang dimainkan oleh Maharaja Abu Bakar di negeri-negeri itu. Dasar ini ditegaskan Weld dalam pertemuan beliau dengan Yamtuan Antah bersama-sama pembesar Sri Menanti yang lain di Bukit Putus pada 29 Mac 1881. Weld mahu terlibat secara langsung dalam hal ehwal negeri-negeri Sri Menanti dan khutir jika Maharaja Abu Bakar mempunyai agendanya tersendiri. Kedua, Weld juga didapati menawarkan bantuan kewangan sebagai senjata bagi

.....


memperkuhkan kebergantungan Yamtuan Antah kepada British. Negeri-negeri Sri Menanti merupakan wilayah yang tidak semakmur Sungai Ujong. Dasar tersebut mula dilaksanakan pada tahun 1883 dengan tujuan menggiatkan pembangunan negeri-negeri Sri Menanti melalui pembinaan jalan raya. Weld juga menyedari bahawa bantuan kewangan yang diberikan kepad Yamtuan Antah sebahagiannya dihabiskan bagi perbelanjaan peribadi. Namun bantuan tersebut tetap diteruskan kerana pertimbangan yang diutamakan adalah soal politik. Pada pertengahan tahun 1885, Weld telah menempatkan seorang pegawai British di Kuala Pilah, daerah kediaman Yamtuan Antah. Pada mulanya pegawai ini ditugaskan sebagai Pemungut Hasil dan Majistret. Tetapi status itu kemudiannya ditukarkan kepada Penguasa British. Leopold Cazalas selaku Kerani Kerja telah ditempatkan di situ buat sementara waktu sehingga ketibaan R.N Bland pada Jun 1886. Bland ialah seorang pegawai muda dari perkhidmatan awam negeri-negeri selat. Perlantikan Bland ke Sri Menanti tidak diasaskan kepada sebarang perjanjian. Bland didapati telah mengadakan percabaran mahkamah bagi menghakimi kes-kes sivil dan jenayah. Pada tahun 1886, pendapatan Yamtuan Antah dianggarkan berjumlah \$2,600 dan jumlah ini telah meningkat lebih \$8,000 pada tahun 1887.

Pada bulan April 1886, Yamtuan Antah bersama pembesar negeri-negeri Sri Menanti yang lain telah dipanggil untuk menandatangani satu perjanjian. Perjanjian ini bertujuan meletakkan negeri-negeri itu di bawah perlindungan British. Keputusan ini diambil kerana Weld berpuashati bahawa strateginya bagi mempengaruhi serta memupuk kepercayaan pembesar-pembesar tersebut terhadap keulungan British, telah membuahkan hasil. Perjanjian ini 4 artikel 60. Tiada artikel yang secara langsung atau tidak langsung melibatkan peranan Maharaja Abu Bakar Johor. Artikel 3 memastikan bahawa semua hubungan dengan kuasa-kuasa lain hendaklah dilakukan melalui persetujuan British. Artikel ini juga memastikan bahawa Yamtuan Antah tidak boleh memberi peluang konsesi kepada syarikat atau rakyat yang bukan British. Perkara terpenting yang membabitkan kedudukan Yamtuan Antah terkandung dalam Artikel 4. Artikel ini menyatakan bahawa kerajaan Britain telah mengiktiraf Tuanku Muhammad dan keturunannya sebagai pewaris jawatan Yamtuan Sri Menanti.

.....

Walaupun bagaimanapun terdapat beberapa perkataan dalam Artikel 1 dalam Perjanjian 1886 tidak dipersetujui Pejabat Tanah Jajahan. Frasa itu menyebut bahawa kedua-dua kerajaan akan bekerjasama dalam soal pertahanan bagi melindungi wilayah-wilayah ini daripada serangan luar. Bagi Pejabat Tanah Jajahan frasa seumpama itu hanya setaraf untuk diikat dengan kuasa-kuasa Eropah yang lain. Frasa seperti itu terkandung dalam Perjanjian British-Johor 1885 kerana Pejabat Tanah Jajahan melihat Johor sebagai suatu kes istimewa. Walaupun Weld akur dengan arahan Pejabat Tanah Jajahan, namun beliau tidak bertindak secara tergesa-gesa kerana bimbang akan menimbulkan sebarang kecurigaan di pihak Yamtuan Antah. Masalah itu akan diselesaikannya pada kesempatan yang terbaik. Pada 4 Jun 1887, Yamtuan Antah sekali lagi diminta menandatangani satu perjanjian. Artikel 1 perjanjian ini telah diubah suai dan artikel-artikel lain dari Perjanjian 1886 dikekalkan. Soal kerjasama dalam pertahanan telah dikeluarkan dan Artikel 1 Perjanjian 1887 sekadar menyentuh secara umum mengenai kerjasama memupuk keamanan di wilayah-wilayah berkenaan.

Pada 22 Oktober 1887, Yamtuan Antah telah kembali ke rahmatullah akibat demam cacar. Martin Lister yang menggantikan R.N. Blnd sebagai Penguasa British di Sri Menanti, telah mengisytiharkan Tuanku Muhammad sebagai Yamtuan Sri Menanti yang baru.



Rentap Di Sarawak





Rentap Di Sarawak

Oleh : Sufian Mansur
Jabatan Sejarah,
Universiti Malaya

Pengenalan

Dalam lintasan sejarah Sarawak, perjuangan menuntut hak dan menjaga kedaulatan negeri Sarawak merupakan salah satu tema penting dalam sejarah negeri ini. Nama-nama yang dipapar daripada perjuangan ini terdiri daripada Datuk Patinggi Ali, Sharip Masahor dan Datuk Patinggi Abdul Gapur. Di kalangan orang Cina pula terdapatnya nama Liu Shanbang yang telah mengetuai kebangkitan orang Cina di Kuching pada tahun 1857. Orang Dayak juga tidak kurang pentingnya dalam perjuangan ini. Nama-nama seperti Sawing di Sungai Rejang, Asun di Bahagian Kedua dan Ketiga, Banting di Batang Lupar dan Linggir di Paku merupakan antara nama-nama yang menggegarkan pemerintahan Rajah Putih di Sarawak. Salah satu nama pemimpin Iban yang berani dan paling kuat dengan penderitaannya yang anti-Rajah Putih ialah Rentap. Beliau merupakan seorang pemimpin dan pahlawan Iban yang tidak takut akan kehadiran Brooke di Kuching. Malahan beliau juga sanggup berjuang untuk menentang sebarang usaha Brooke untuk menguasai kawasannya. Sebelum pergi lebih jauh dari itu perlu dibicarakan dahulu tentang kehadiran Brooke di Sarawak dan bagaimana konflik Rentap dan Brooke ini boleh timbul.

Brooke Di Sarawak

Apabila membicarakan tentang negeri Sarawak sebelum 1840, ia mempunyai beberapa fakta penting yang harus difahami, iaitu:

1. Di kenali sebagai Sarawak Lama iaitu sebuah kawasan yang hanya meliputi sebuah kawasan yang kecil iaitu dari Tanjung Datu sehingga ke Sungai Sadong.
2. Sebuah jajahan kesultanan Brunei dan diperintah secara tidak langsung oleh Kesultanan Brunei. Ia dikatakan diwakili oleh pembesar Melayu Sarawak sendiri seperti Datuk Patinggi, Datuk Bandar dan Datuk Temenggung.

.....

3. Pada awal abad ke-19, kerajaan Brunei meletakkan Pengiran Mahkota sebagai pemerintah Sarawak.

4. Sekitar tahun 1830-an meletus gerakan menentang pertuanan Brunei oleh penduduk tempatan.

Sarawak pada tahun 1841

Dari fakta terakhir ini membawa kepada kehadiran seorang pelayar British iaitu James Brooke ke Sarawak. Berdasarkan fakta ini juga James Brooke memulakan era barunya dalam sejarah negeri Sarawak.

Secara ringkasnya kehadiran James Brooke di Sarawak adalah atas jemputan Pengiran Muda Hashim (iaitu wakil kerajaan Brunei di Sarawak) untuk menghapuskan kebangkitan penduduk Sarawak yang menentang pentadbiran langsung Brunei di Sarawak. Atas jemputan ini, dan tawaran dari Pengiran Muda Hashim untuk memberi jawatan raja kepada James Brooke, maka beliau bersetuju. Kehadiran Rajah James Brooke akhirnya diterima oleh penduduk tempatan dan kebangkitan yang berlaku telah dapat diredakan. Dengan itu Rajah James Brooke telah diberi kuasa memerintah Sarawak atas persetujuan Pengiran Muda Hashim. Seterusnya kuasa ini telah disahkan oleh Sultan Brunei pada tahun 1841.

Namun demikian Rajah James Brooke mempunyai cita-cita tinggi untuk meluaskan pengaruh empayar British bukan setakat di Sarawak Lama tetapi empayar Brunei juga akan dijadikan wilayah jajahan Sarawak. Sebelum Rajah James Brooke melaksanakan misi ini, beliau telah cuba menjalankan pendekatan yang sederhana dengan cuba melakukan pembaharuan dalam kerajaan Kesultanan Brunei. Usaha ini dilakukan dengan menggunakan Raja Muda Hashim untuk mengadakan pembaharuan di Brunei tetapi menemui kegagalan dengan berlakunya pembunuhan Raja Muda Hashim dan adiknya Pengiran Badarudin.

Kegagalan rancangan Rajah James Brooke ini telah ditukar dengan usaha meluaskan pengaruh politik dan geografi Sarawak ke atas empayar Brunei. Usaha beliau ini akhirnya membawa kepada konflik dalaman dengan penduduk tempatan. Tentangan terhadap polisi

.....

Sarawak datang dari pelbagai lapisan masyarakat. Oleh kerana itu Rajah James Brooke mula mencari alasan terbaik untuk membenarkan polisi perluasan kuasanya dengan menyatakan tugasnya adalah murni dan mempunyai tanggungjawab menghapuskan "lanun". Perkara ini dijelaskan dengan kegiatan mereka ini telah dikatakan mengancam keselamatan penduduk Sarawak. Atas alasan inilah beliau mendapat sokongan dari pihak British. Keadaan ini juga membawa beliau bertembung dengan pemerintah tempatan. Ada pemerintah tempatan yang sudi menerima beliau dan tidak kurang juga yang menentang peluasan kuasa Brooke. Salah seorang dari mereka ialah Rentap.

Pertembungan Awal

Rentap telah diiktiraf sebagai hero bagi negeri Sarawak atas sikap kerasnya yang menentang penguasaan Brooke di Sungai Saribas dan Sungai Sekarang. Beliau yang berketurunan Iban berasal dari Ulu Sungai Kapuas telah berhijrah ke Sarawak bersama-sama ibu bapanya. Nama asal beliau ialah Libau. Manakala nama Rentap diambil setelah beliau berjaya memegal kepala musuhnya semasa dalam satu peperangan. Rentap mempunyai maksud tersendiri dalam bahasa Iban yang merujuk kepada "orang yang menggegarkan dunia". Pertembungan antara Rentap dan pemerintahan Rajah James Brooke bermula dengan usaha beliau meluaskan kuasa di kawasan Sungai Saribas dan Sungai Skrang. Ketika itu kerajaan Brunei dalam kemerosotan dan gagal mengawal aktiviti-aktiviti dalaman dan luaran penduduk dan pembesar tempatan dalam jajahannya. Oleh kerana kelemahan kerajaan Brunei, Rajah James Brooke dengan beraninya telah menjalankan usaha penguatkuasaannya di jajahan Brunei tersebut. Bagi Rajah James Brooke usaha perluasan kuasa ini penting ke atas wilayah bersebelahan dengan Sungai Samarahan ia akan membawa kepada keamanan dan seterusnya meningkatkan perdagangan bagi negeri Sarawak. Namun demikian James Brooke mempunyai rancangan untuk memperluaskan kekuasaannya dengan menghapuskan kedaulatan empayar Brunei setelah gagal rancangan awal beliau (Perkara ini telah dijelaskan di atas). Untuk tujuan inilah beliau menggunakan pelbagai alasan untuk membantu usaha peluasan kuasanya ke empayar Brunei termasuk isu pelanunan.

.....

Pertembungan awal antara Brooke dengan Rentap bermula dengan operasi Brooke untuk menghapuskan lanun di Sarawak. Salah satu perang terbesar yang membawa kepada operasi Rajah James Brooke ini adalah Pertempuran Beting Maru. Pertempuran ini telah dirancang oleh Rajah James Brooke dan Kaptain Farquhar yang menunggu musuhnya di muara Sungai Batang Lupar dan Sungai Saribas untuk mengadakan satu serangan hendap. Pertempuran ini berlaku pada 31 Julai 1849. Pihak Brooke menggunakan kekuatan tentera British dengan kapal yang besar seperti *Royalist*, *Nemesis* dan *Renee* serta sebuah perahu perang persendirian Rajah James Brooke (Singh Rajah). Bersama-sama kapal ini adalah 70 perahu yang lain dengan sokongan 2,500 orang Iban. Kehebatan dan serangan mengejut pihak Rajah James Brooke ini gagal ditangani oleh kapal-kapal musuh. Keadaan ini menyebabkan kerugian dan kematian yang banyak dipihak musuh.

Kejayaan Brooke dalam pertempuran ini membawa kesan kepada politik di kawasan Sungai Saribas dan Sungai Skrang. Untuk menguatkan pengaruh dan kekuasaannya pada tahun 1852 James Brooke telah membina kubunya di Lingga untuk mengawal kawasan tersebut. Selain Lingga, satu lagi kubu telah dibina oleh Rajah James Brooke iaitu di Skrang di bawah Brereton. Keadaan ini telah mencabar kedudukan Rentap yang berkuasa di Sungai Skrang. Kubu Lingga ini di bawah kawalan salah seorang pegawai Brooke iaitu Alan Lee. Akibat pertentangan ini, maka Rentap telah menyusun langkah-langkah untuk menghalau Brooke. Reaksi pertama dilakukan oleh Rentap dalam menghadapi kemaraan kuasa Rajah James Brooke ini ialah serangan balas beliau ke atas Kubu Brooke di Skrang. Bereton yang mendengar ancaman Rentap ini telah meminta bantuan dari Alan Lee di Lingga. Serangan hendap ini dibuat pada 1853.

Dalam serangan hendap tersebut pegawai Brooke iaitu Alan Lee telah dibunuh oleh Layang iaitu menantu kepada Rentap. Sebelum Brooke bertindak balas, Rentap dan orangnya telah berundur dari Sekarang. Namun demikian Gasing iaitu ketua orang Iban di hilir Sungai Sekarang telah bertindak balas dengan menyerang perkampungan Rentap yang menyebabkan Rentap berundur lebih ke hulu Sungai Skrang dan Sungai Saribas. Kejayaan Rentap dalam serangan hendap pertama ini telah menaikkan namanya dan menarik sokongan

.....

pemimpin Iban yang lain seperti Linggir dari Paku dan tiga orang anak Orang Kaya Pemancha Dana (Bayang) iaitu Aji, Luyoh dan Nanang.

Peristiwa ini telah membawa kepada usaha Rajah James Brooke untuk mendapat kebenaran dan hak daripada kerajaan Brunei untuk menguasai kawasan tersebut. Atas tujuan tersebut beliau telah pergi ke Brunei pada Ogos 1953 dan berjumpa dengan Sultan Abdul Mumin. Di Brunei, Sultan Abdul Mumin bersetuju untuk menyerahkan Sungai Sadong, Sungai Batang Lupar, Sungai Saribas dan Sungai Kalaka serta kawasan persisir pantai yang seluas tujuh puluh batu kepada Brooke. Sebagai balasannya Rajah James Brooke bersetuju untuk membayar sebahagian dari lebihan hasil wilayah tersebut. Langkah seterusnya dilakukan oleh Rajah James Brooke adalah mengadakan rundingan dengan pihak Rentap pada Disember 1853.

Langkah ini diambil kerana beliau tidak lagi mendapat sokongan tentera laut British, masalah kewangan dan pegawai berbangsa British yang tidak ramai untuk menentang Rentap. Namun demikian rundingan antara Rajah James Brooke dan Rentap telah menemui jalan kegagalan setelah berjalan tiga hari. Tindakan Rentap ini telah membuat Rajah James Brooke menggunakan teknik kekerasan untuk menundukkan Rentap. Bagi James Brooke kedegilan Rentap untuk tunduk kepada kekuasaan beliau dianggap sebagai mencabar kewibawaan dan kedudukannya di Kuching sebagai Rajah Sarawak. Malahan kedudukan Rentap tidak harus dibiarkan kerana ia akan menjadi ikutan oleh orang lain.

Usaha awal dilakukan dengan menghapuskan pengikut Rentap iaitu Apai Dendang pada April 1854. Kemudian James Brooke membawa tentera seramai 7000 orang Melayu dan Dayak pada Ogos 1854 untuk mengadakan ekspedisi ke Sungai Lang. Menurut Spencer St. John objektif ekspedisi ialah untuk menundukkan kubu Rentap di Sungai Lang dan jikalau berkesempatan meneruskan ekspedisi ke kubu Rentap di Bukit Sadok. Ekspedisi ini dianggap sebagai ekspedisi pertama tentera Brooke berperang di kawasan darat dan pedalaman. Serangan ini dilakukan dengan satu perancangan rapi dengan membahagikan tenteranya kepada tiga kumpulan. Kumpulan pertama di bawah Henry Steele pergi ke Kanowit. Sementara itu kumpulan kedua di bawah Datu Temenggong pergi ke Saribas. Tujuan kedua-dua

.....
kumpulan ini dipisahkan adalah untuk mengelak sebarang kemungkinan bantuan daripada penduduk di kawasan tersebut membantu Rentap.

Kumpulan ketiga merupakan kumpulan utama di bawah Rajah James Brooke dan dibantu oleh Tuan Muda Charles Johnson Brooke. Kumpulan ini telah mara ke hulu Sungai Lang sehingga ke Entabai. Di Entabai mereka telah membina kubu pertahanan. Selepas itu Charles Johnson Brooke telah diberi tugas untuk mengetuai serangan ke Sungai Lang dengan bantuan beberapa pegawai British dan seramai 500 orang pula telah bersama-sama Charles Johnson Brooke ke kubu Rentap yang berdekatan dengan Tabbat. Serangan dari tentera Brooke ini telah menyebabkan Rentap cedera tetapi berjaya melepaskan dirinya dan melarikan diri ke Bukit Sadok. Di sini beliau dan pengikutnya mendirikan kubu untuk menentang sebarang kemungkinan serangan daripada Brooke. Namun demikian serangan awal ke atas kubu Rentap tidak diteruskan oleh pihak Rajah James Brooke, kerana tentera Iban yang menyokong Rajah James Brooke telah berpuas hati dengan kejayaan pertama ini dan tidak mahu meneruskan usaha menundukkan Rentap. Selain itu bekalan yang mereka bawa tidak lagi dapat menampung ekspedisi yang lebih panjang. Mereka telah berundur dan pulang semula ke Kuching.

Serangan ke atas Rentap di Bukit Sadok

Salah satu keunikan kubu pertahanan Rentap di Bukit Sadok ialah ia merupakan salah sebuah kubu yang sukar ditembusi. Keadaan ini boleh dilihat daripada tiga ekspedisi yang dihantar oleh Brooke untuk menumpaskan Rentap. Ekspedisi pertama dilakukan pada 6 Jun 1856. Ia diketuai oleh Charles Johnson Brooke yang dianggotai seramai kira-kira 3000 tentera. Langkah pertama dilakukan oleh ekspedisi ini ialah memutuskan bekalan makanan dari sampai ke Bukit Sadok. Oleh kerana hasil tanaman di kawasan sekitar Bukit Sadok telah dimusnahkan. Tentera Brooke seterusnya cuba mendaki bukit tersebut dan membuat serangan ke atas kubu Rentap. Namun demikian setelah lapan hari di kawasan tersebut mereka gagal masuk ke kubu Rentap. Akhirnya Charles Johnson Brooke telah mengambil keputusan untuk berundur daripada situ. Pengunduran ini membawa kepada kegagalan ekspedisi pertama.

.....

Di pihak Rentap pengunduran tentera Brooke meningkatkan nama beliau sebagai pahlawan Iban yang gagah berani menentang Brooke. Oleh kerana itu juga kebanyakan penduduk Iban di Skrang dan Saribas yang tidak menyokong pemerintahan Rajah James Brooke telah menyebelahi beliau. Dengan pengunduran tentera Brooke ini Rentap mengambil kesempatan untuk menguatkan kedudukannya dan mengelarkan dirinya sebagai 'Rajah Ulu' ataupun 'Rajah Darat'. Gelaran yang beliau pakai ini seolah-olah mencabar kekuatan Brooke di Kuching. Ini kerana beliau mula menjadi ketua pusat penentangan orang tempatan ke atas Brooke.

Kegagalan pihak Brooke menumpaskan Rentap di Bukit Sadok mempunyai kaitan dengan kekuatan dan keistimewaan kubu tersebut. Ini kerana kubu tersebut telah diiktiraf oleh Rajah James Brooke sebagai kawasan bukit. Malahan kawasan tersebut juga tidak boleh dimasuki dengan menggunakan perahu kerana banyak jeram. Oleh kerana itu ekspedisi hanya boleh dijalankan dengan meredah hutan tebal dan bukit batu kapur. Mengikut legenda dan nyanyian orang Iban, Bukit Sadok dianggap sebagai kawasan keramat dan ia tidak ada sesiapa pun boleh menembusnya. Namun demikian dari segi fizikalnya bukit ini digambarkan sebagai satu bukit yang mempunyai ketinggian lima ratus kaki (mengikut kiraan hari ini bukit ini mempunyai ketinggian 831 meter). Di puncak bukit ini terdapat tiga halangan yang menahan daripada serangan musuh. Selain itu terdapat dua jalan kecil yang sempit yang diawasi oleh pasukan menembak.

Di Kuching, Rajah James Brooke tetap mahu menyingkirkan Rentap. Setelah membuat persiapan rapi maka pada Ogos 1858, ekspedisi kedua telah dilancarkan. Seperti ekspedisi pertama, ekspedisi kedua masih diketuai oleh Charles Johnson Brooke. Ketika itu juga beliau telah diberi kuasa untuk memerintah kawasan Batang Lupar setelah kematian Brereton. Pada kali ini beliau telah membina kubu di Betong. Dalam ekspedisi kedua ini Charles Johnson Brooke telah membawa meriam yang berkuasa tinggi. Namun demikian serangan kedua ini juga mula menghadapi tentangan hebat dari pengikut Rentap dengan damar beracun, batu dan tembakan.

Tentangan yang hebat daripada pihak Rentap menyebabkan pihak Brooke terpaksa berundur semula. Pengunduran tentera Brooke ini

.....

disambut dengan gembira oleh penyokong Rentap dengan kata-kata, "bawalah apa-apa sahaja senjata dari England, kami tidak takut" Secara tidak lansungnya ekspedisi kedua ini juga menemui kegagalan. Di pihak Rentap pula kekalahan tentera Brooke telah menambahkan lagi kebanggaan pada Rentap kerana telah menggagalkan dua percubaan tentera Brooke. Di sebalik dari kejayaan ini maka Rentap pula menunjukkan sikap negatifnya yang menyebabkan kepopularitiannya hilang di kalangan orang Iban. Tambah mengecewakan pengikut beliau ialah tindakan Rentap menceraikan isterinya dan mengambil isteri baru yang beliau panggil sebagai Rane Sadok. Kekayaan yang mengaburi mata beliau juga membawa beliau bertindak kejam ke atas pengikut orang Iban sendiri Detik inilah yang membawa kepada kemerosotan dalam hubungan beliau dengan pengikut beliau termasuk dengan orang Melayu.

Sementara itu Charles Johnson Brooke masih lagi belum berputus asa untuk menundukkan Rentap. Oleh kerana itu beliau mengumpul semula tenteranya dan menyusun strategi yang lebih teratur untuk menembusi kubu Rentap. Beliau mengambil masa yang panjang untuk melancarkan ekspedisi ketiga. Kira-kira dua tahun lebih barulah beliau yakin akan kekuatan ekspedisi ketiga beliau ini. Kali ini Charles Johnson Brooke bertekad untuk menjayakan rancangan menundukkan Rentap di Bukit Sadok. Ekspedisi ketiga ini dianggap sebagai lebih teratur dan mempunyai peralatan perang yang lebih baik daripada ekspedisi yang lepas. Peralatan ekspedisi ini terdiri daripada meriam, ubat bedil, senapang, pedang dan tombak. Selain itu 20 orang orang Cina dibawa untuk membina jalan raya dan menghapuskan segala halangan. Selain itu orang Afrika juga dibawa untuk memperkukuhkan tentera orang Melayu dan Iban iaitu seramai 5,000 orang Ekspedisi ini bertolak dari Lingga pada 10 Oktober 1861. Pada tanggal 16 Oktober 1861 ekspedisi ketiga digerakkan untuk pergi ke Sungai Saribas dan pada 20 Oktober 1861 ekspedisi ini telah sampai ke Nanga Tiga. Dari Nanga Tiga mereka mula mara menuju ke Bukit Sadok.

Dalam serangan ekspedisi ketiga ini pasukan James Brooke telah bertempur dengan pengikut Rentap di Bukit Sadok pada 28 Oktober 1861. Pertempuran antara kedua-dua pihak ternyata sengit dengan pengikut Rentap berjuang dengan beraninya menentang angkatan Brooke. Dalam pertempuran ini salah satu senjata yang telah

.....

digunakan oleh Charles Johnson Brooke adalah meriam yang dikenali sebagai 'Bujang Sadok'. Meriam ini telah menembusi kubu Rentap sebanyak 17 kali sebelum ia dapat menembusi kubu tersebut. Kejayaan, Bujang Sadok, ini telah membawa kepada detik kekalahan Rentap. Namun demikian Rentap cuba mempertahankan kubunya dengan berani tetapi satu persatu pengikutnya telah berundur. Apabila kubu Rentap telah dapat ditembusi, pengikut Brooke telah mara ke dalam kubu Rentap. Melihat keadaan yang tidak menyebelahnya, maka Rentap telah berundur dari Bukit Sadok. Sementara itu tentera Brooke telah membakar kubu Rentap di Bukit Sadok dan kejayaan ini menandakan terhapusnya satu lagi musuh Brooke di Sarawak.

Sementara itu, Rentap yang telah hilang kekuatannya telah melarikan diri ke Bukit Lanjak dan kemudiannya pergi ke Entabai, Kanowit. Selepas peristiwa pemusnahan kubu Rentap di Bukit Sadok, aktiviti Rentap tidak lagi menunjukkan tanda-tanda penentangan terhadap kerajaan Brooke di Kuching. Rentap dikatakan telah meninggal dunia pada usia tua pada sekitar tahun 1870an. Walau bagaimanapun mayatnya tidak dikuburkan tetapi disimpan sebagai penghormatan di rumah mayat yang dikenali sebagai Lumbong.

Kesimpulan

Dari perbincangan tadi jelas menunjukkan tujuan utama Rajah James Brooke dalam menghapus penentangannya (dalam hal ini Rentap) sebagai usaha untuk meluaskan kuasa dan pengaruhnya di dalam empayar Brunei. Selain itu beliau juga cuba menjalankan usaha untuk melakukan pembaharuan dan mentamadunkan penduduk Borneo yang beliau anggap terlibat dalam kegiatan "perlanunan". Namun demikian usaha ini nampaknya tidak mendapat sokongan dari sebahagian penduduk Sarawak seperti Rentap. Oleh kerana itu Rajah James Brooke cuba menggunakan alasan untuk menghapuskan lanun bagi mendapat sokongan kerajaan British dan menegakkan objektifnya untuk meluaskan kekuasaannya.

Peristiwa pertempuran di Beting Maru menunjukkan beliau telah dikritik oleh pelbagai pihak di London. Kejayaan beliau bersama-sama dengan sokongan tentera laut British juga tidak diiktiraf sebagai usaha yang positif. Salah seorang penentang beliau ialah Joseph Hume yang

.....

menuduh pertempuran di Beting Maru sebagai usaha pembunuhan beramai-ramai yang membunuh penduduk yang tidak bersalah. Selain itu Joseph Hume menuduh Rajah James Brooke yang telah menetap di Sarawak mempunyai objektif untuk mencari keuntungan menerusi perdagangan, campurtangan dalam politik Brunei bagi tujuan peribadi dan menjalankan kempen kekejaman ke atas penduduk Borneo yang dituduh sebagai lanun. Keadaan ini menyebabkan Rajah James Brooke marah dan hilang sokongan daripada tentera laut British untuk melawan Rentap. Walau bagaimanapun usaha beliau untuk mendapat sokongan kerajaan British tetap ada dan beliau menggunakan pelbagai saluran untuk memperolehi sokongan ini. Salah satu usaha beliau lakukan adalah dengan menulis surat kepada pegawai British di Bengal.

Ketiadaan sokongan daripada tentera British tidak melemahkan Rajah James Brooke untuk menghapuskan kekuatan Rentap di Bukit Sadok. Dalam perbincangan di atas tadi telah dinyatakan serangan tentera Brooke ketiga telah mencapai kejayaan besar. Kejayaan ini telah disambut baik oleh Rajah James Brooke. Namun demikian Rajah James Brooke mengakui bahawa keupayaan dan pengaruh Rentap diiktiraf. Ini berdasarkan kepada surat yang beliau tulis selepas kejayaan ini menunjukkan bahawa Rentap memang perlu diiktiraf dengan usaha beliau mempertahankan haknya di Sungai Skrang. Oleh kerana itu Rajah James Brooke tidak pernah lagi mengadakan ekspedisi selepas itu untuk memburu Rentap. Beliau sendiri pernah menyatakan kesanggupannya untuk mengampun Rentap walaupun beliau dianggap oleh Rajah James Brooke sebagai seorang yang kejam. Berkenaan dengan perkara ini Rajah James Brooke pernah menyatakan dalam sepucuk surat yang mengalu-alukan kejayaan ekspedisi ketiga ke Bukit Sadok bahawa:

*" I received the welcome intelligence of
the success of the operations against Sadok...
These Dayaks have been our consistent
enemies and the same qualities will make them
our consistent friends, if we take pains to make
them so. Even the old fugitive Runtap [Rentap]
should be pardoned and cared for – he committed
one atrocious act of cruelty, but with this exception
has been a fair foe and I hope he will be well treated,
for he is sure to come in".*

.....


Ternyata soal "lanun" yang dijalankan oleh penduduk Borneo masih dipertikaikan. Ini kerana terdapat tiga perkara harus dipertimbangkan. Pertama kemasukan kuasa perdagangan Barat ke Kepulauan Melayu telah memecahkan monopoli penduduk tempatan dalam perdagangan laut. Oleh itu kesan yang boleh dilihat adalah penentangan yang datang dari penduduk tempatan yang dianggap sebagai "lanun" oleh kuasa Barat. Kedua adalah berkenaan dengan makna perlanunan yang boleh dianggap sebagai satu rompakan di laut luas. Jikalau perkara ini diaplikasi kepada kegiatan penduduk Iban di Sungai Saribas dan Sungai Skrang maka ia menimbulkan persoalan sama ada kegiatan penduduk di sepanjang sungai tersebut ini lanun ataupun tidak. Perkara ini boleh dikaitkan dengan perbalahan dalam politik bersifat tempatan sahaja. Dengan kata lain Rentap boleh dianggap sebagai seorang pemimpin yang cuba menyatukan puak-puak Iban setelah kemerosotan kekuasaan Brunei di dua kawasan sungai tersebut. Tambahan lagi pada masa kemaraan kekuasaan dan pengaruh Rajah James Brooke ke Sungai Saribas dan Sungai Skrang telah berlakunya perang saudara di antara kaum Iban sendiri di kawasan tersebut. Atas sebab inilah adanya perpecahan dalam kaum Iban yang sanggup meneybelahi Rajah James Brooke untuk menentang musuh mereka.

Perkara ketiga boleh dikaitkan dengan apa yang dinyatakan oleh Muzaffar Tate sebagai lanun yang diertikan sebagai musuh. Atas tujuan peluasan kuasa dan menghapuskan segala penentang Rajah James Brooke cuba menggunakan perkataan lanun ke atas musuhnya seperti Rentap. Dengan itu mudahlah beliau mendapat sokongan dari pihak British seperti yang berlaku di pertempuran Beting Maru. Dari ketiga-tiga perkara ini jelas bahawa Rentap mempunyai hak untuk menghalang kemaraan kekuasaan Rajah James Brooke. Sikap tidak bertolak ansur beliau ini menunjukkan bahawa beliau seorang pemimpin yang tidak mahu dikongkong oleh kuasa Rajah Putih. Sementara itu taktik dan strategi Rajah James Brooke telah memerangkapkan Rentap sebagai seorang penjenayah atau "lanun" yang merbahaya kepada pedagang tempatan dan luar.

Akhir sekali walaupun Rentap kalah di tangan tentera Brooke namun beliau tidak pernah menyerah kalah kepada pihak Brooke. Serangan tiga kali Brooke di kubunya di Bukit Sadok menunjukkan bahawa beliau seorang yang tidak tunduk kepada Rajah James Brooke

.....

walaupun beliau telah ditewaskan dan kawasan Sungai Saribas dan Sungai Skrang jatuh ke tangan Rajah Putih tersebut. Sebagai mengenang jasa dan pengorbanan beliau maka pada 28 Oktober 1989 pihak kerajaan negeri Sarawak telah membina memorial beliau di Bukit Sibau, Pekan. Kerajaan Negeri Sarawak juga telah mengisytiharkan beliau sebagai wira bangsa pada 27 Julai 1993. Selain itu nama Rentap juga diabadikan pada Dewan Masyarakat dan jalan bandar Betong.

The book cover features a large, stylized sunburst in the center, set against a background of a flag with a crescent moon and a star. To the right, there is a silhouette of a man in traditional attire, including a cap and a long tunic, holding a staff. The left side of the cover is decorated with a vertical border of intricate, repeating floral or scrollwork patterns.

Sharif Mashor atau Syed Mashor
Pejuang nasionalis atau pejuang upahan

Sharif Mashor atau Syed Mashor : Pejuang nasionalis atau pejuang upahan ?

Oleh : Sanib Hj Said
Jabatan Muzium, Sarawak

Pengenalan

Pada pertengahan abad ke-19 James Brooke, Raja Sarawak dan pentadbiran kolonial di Semenanjung Tanah Melayu berasa takut dan binggung tentang seorang bernama Sharif Mashor di Sarawak dan Syed Mashor di Selangor. Setelah gagal mengusir James Brooke dari Sarawak pada tahun 1859, Sharif Mashor telah dibuang negeri ke Singapura. Dari Singapura beliau kemudian pernah juga tinggal di Muar dan Melaka.

Sepuluh tahun kemudian di Selangor muncul pula seorang bernama Syed Mashhor yang terlibat dalam Perang Kelang, 1867-1872. Persoalannya ialah adakah pejuang nasionalis ini orang yang sama atau dua orang yang mempunyai nama yang hampir sama sekadar perbezaan ejaan.

Hal ini telah menimbulkan kekeliruan di kalangan pelajar dan sejarawan. Untuk meleraikan kekeliruan tersebut rencana ini cuba memaparkan gambaran yang mungkin boleh menjelaskan identiti pejuang tersebut dan menilai sama ada beliau / mereka ini adalah pejuang nasionalis atau pejuang upahan.

Sharif Mansor Di Sarawak

Nama beliau dieja secara konsisten sebagai Masahor oleh penulis barat yang dimulakan sendiri oleh James Brooke pada awal abad ke-19M. Ejaan di dalam Jawi yang terdapat dalam satu manuskrip adalah m-sy-h-r. Di dalam rencana ini nama yang digunakan ialah mengikut ejaan Jawi, Sharif Mashor.

Tidak banyak yang diketahui mengenai Sharif Mashor, keluarganya dan kegiatan-kegiatannya sebelum 1849. Pada tahun tersebut beliau dicatatkan secara tiba-tiba menjadi gabenor Sarekei yang terletak di Kuala Sungai Rejang, iaitu sungai yang terpanjang sekali di Borneo. Mengikut buku sejarah rasmi kerajaan Brooke, Sharif Mashor lahir di Igan, sebuah perkampungan orang Melanau. Beliau telah berkahwin

.....

dengan adik perempuan Pengiran Nipa yang tinggal di Mukah. Pada tahun 1853 Sharif Mashor terlibat dalam persengketaan di antara Pengiran Nipa dengan Pengiran Matussin di mana beliau telah menyebelahi abang iparnya yang menjadi gabenor di Mukah. Manakala Pengiran Matussin telah disokong oleh Raja Charles Brooke dan diselamatkan oleh raja tersebut. Akibat daripada peristiwa itu, Sharif Mashor telah dipecat dari jawatannya di Sarekei. Bagaimanapun Sharif Mashor telah mendapat pengampunan apabila beliau telah diminta membantu Charles Brooke mengusir pemberontak China dari bandar Kuching pada tahun 1857. Beliau kemudian dilantik semula menjadi gabenor Sarekei.

Bagaimanapun bentuk perhubungan di antara kerajaan Brooke dengan Sharif Mashor tidak menghalang Sharif Mashor merancang untuk mengusir Raja Putih tersebut dari bumi kenyalang. Pada tahun 1859, Sharif Mashor telah mengubal satu rancangan yang besar. Pada bulan Jun 1859 beliau telah dituduh merancang serangan ke atas Kubu Kanowit yang mengakibatkan kematian kepada dua orang pegawai orang putih yang bernama Charles Fox dan Henry Steele. Dalam hal ini Sharif Mashor melibatkan dua orang Melanau bernama Sakalai dan Sawing. Kematian dua orang putih itu adalah kejadian pertama di mana pegawai Raja Putih jatuh di tangan penduduk tempatan.

Peristiwa di Kanowit dipercayai sebahagian daripada rancangan besar Sharif Mashor. Pada awal tahun 1860, Sharif Mashor telah mengarahkan salah seorang pengikutnya untuk menyamar sebagai Pengiran Temenggong Hashim Jalil yang dijangka naik tahta di Brunei. Penyamar ini telah diarahkan untuk menghubungi perkampungan Melayu dan Dayak di antara kawasan Lembah Sungai Rejang sehingga Pontianak dan mengajak mereka untuk bersama-sama berjuang mengusir penjajahan Raja Putih di Sarawak. Di Pontianak, Datuk Patinggi Abdul Gapur yang dibuang negeri oleh Charles Brooke akan sama-sama menyerang dari sebelah timur. Sharif Mashor dan pengikutnya pula akan menyerang Kuching dari arah barat dengan menggunakan jalan laut. Pada bulan Februari 1860, Sharif Mashor dengan dua buah perahu yang memuatkan 80 orang pengikut telah berlepas menuju Kuching. Malangnya Sharif Mashor dan pengikutnya telah diserang hendap oleh pasukan Charles Brooke di mana dua perahu tersebut telah karam. Nasib baik Sharif Mashor sempat

.....

menyelamatkan diri dan hilang buat seketika sebelum muncul di bandar Brunei. Raja Charles Brooke dan angkatan perangnya terus menuju ke Mukah dan memusnahkan rumah Sharif Mashor dan pengikut-pengikutnya.

Kegigihan Sharif Mashor dalam perjuangannya menentang orang putih telah memberikan tekanan yang kuat kepada kelangsungan kerajaan raja putih di Sarawak. Ekoran daripada itu semasa dalam perjalanan meninggalkan Mukah dengan kapal kepunyaan Raja Putih, Charles Brooke telah merancang satu muslihat. Sharif Mashor telah diberitahu bahawa beliau akan dipindahkan ke Kuching. Bagaimanapun kapal yang ditumpangi oleh Sharif Mashor itu telah terus belayar menuju ke Singapura. Di dalam rekod dan sejarah tulisan barat dikatakan bahawa Sharif Mashor telah dibuang negeri di Singapura dengan bayaran pencen yang kecil bagi menampung kehidupan di sana. Walaupun dalam buangan tetapi Sharif Mashor tidak lupa akan perjuangannya untuk Sarawak. Dalam hubungan tersebut beliau dikatakan sering berulang-alik ke Pontianak untuk mengumpulkan pengikut untuk menghalau Raja Putih yang menjajah Sarawak.

Dari tahun 1860 hingga tahun 1890 tidak banyak bukti mengenai kegiatan Sharif Mashor. Bagaimanapun beberapa maklumat yang terkandung di dalam *Muar Papers 1879-1880* memberi satu gambaran yang sangat menarik mengenai Sharif Mashor. Di antara maklumat yang didapati menunjukkan bahawa beliau tidak sentiasa tinggal di Singapura. Beliau seringkali tinggal di Muar dan Melaka. Beliau nampaknya lebih lama tinggal di Melaka. Ini adalah mungkin disebabkan rakan seperjuangannya dari Sarawak, Datu Patinggi Gapur telah dibuang negeri ke Melaka iaitu di Umbai.

Maklumat dari *Muar Papers* juga menunjukkan bahawa Sharif Mashor telah menjadi pengikut dan pekerja Sultan Ali yang tinggal di Melaka dari tahun 1875 hingga 1876. Selepas kemangkatan Sultan Ali pada tahun 1876, Sharif Mashor telah berpindah ke Singapura dan tinggal di Kampung Glam berdekatan dengan istana Tengku Alam yang menuntut takhta kerajaan negeri Johor ketika itu. Pada tahun 1878 beliau telah dilantik sebagai *master of ceremony* dalam majlis pengisytiharan Tengku Alam sebagai Sultan Johor. Apabila Tengku

.....

Alam berperang dengan Temenggong Abu Bakar pada pertengahan tahun 1879, Sharif Mashor telah diangkat menjadi salah seorang *commander*. Pada tahun 1880 beliau merupakan seorang saksi dalam mahkamah semasa perbicaraan Tengku Alam dalam kes Perang Muar.

Satu dekad selepas itu kita tidak mengetahui apa yang dibuat oleh Sharif Mashor. Mungkinkah beliau telah menukar identitinya kepada Syed Mashhor Selangor dalam tempoh tersebut. Bagaimana pada tahun 1890 beliau dilupakan meninggal dunia kerana sakit tua.

Siapakah sebenarnya manusia bernama Sharif Mashor Sarawak ini? Dalam hal ini beberapa tulisan orang putih mungkin boleh memberi sedikit gambaran mengenai perwatakan tokoh sejarah ini. Salah seorang penulis yang sangat penting ialah Spencer St. John yang pernah menjadi konsul British di Brunei dan juga pernah menjadi setiausaha peribadi Raja James Brooke. Di dalam bukunya beliau menulis:

" Masahor himself came in naked to the waist which looked anything but peaceful with his kris ready for action. He came and sat down by my side smiling, sympathetic expression.... We had been old and familiar friends in days gone by."

Di bahagian lain dalam buku tersebut Spencer menulis:

" We all liked him. He appeared to seek European society, and by the hour would stand listening to Mrs. McDougall (wife of the Bishop) playing the piano at other times he was a deligent attendant at our chess club and many tough games he had together "

Penilaian perwatakan oleh seorang Inggeris ini mengenai musuh ketat masyarakat orang putih di Sarawak memperlihatkan perwatakan seorang yang berani dan penuh muslihat.

Syed Mashor Selangor

Terdapat beberapa ejaan untuk tokoh dalam sejarah Selangor ini. J.W.W. Birch yang pernah bertemu dengan beliau pada April 1874 secara konsisten mengeja Syed Masahore. Pada sehelai notis dalam tulisan Jawi yang dikeluarkan oleh J.W.W. Birch nama itu dieja sebagai Syed Mashhor. Ejaan dari sumber Jawi ini digunakan sebagai yang betul.

Tidak banyak yang diketahui mengenai asal-usul Syed Mashhor kerana ketiadaan sumber bertulis sebelum kemasukan Inggeris di Tanah Melayu. Begitu juga halnya dengan kegiatan beliau sebelum Perang Kelang. Pada tahun 1874, Syed Mashor telah memberitahu J.W.W. Birch bahawa beliau dilahirkan di Langat, Selangor. Ibunya di katakan sebagai emak saudara Sultan Abdul Samad, adik beradik kepada bonda sultan. Ayahnya pula bernama Syed Muhammad, seorang Melayu keturunan Arab yang berasal dari Pontianak. Maklumat latar belakang ini adalah sama seperti yang dicatatkan dalam *Perak Enquiry*, iaitu mengenai pembunuhan J.W.W. Birch pada tahun 1876. Pengkaji sejarah seperti R. Wilkinson, Frank Swettenham dan sejarawan Amin Hassan sepakat mengatakan bahawa Syed Mashhor telah lahir dan dibesarkan di Pontianak dan bila dewasa menjadi askar upahan.

Syed Mashhor muncul secara mendadak dalam politik Selangor pada penggal kedua abad ke-19. Dari tahun 1870 hingga tahun 1873 beliau terlibat secara aktif dalam Perang Kelang. Pada mulanya beliau berada di sebelah Sultan Abdul Samad tetapi menjelang tahun 1872 beliau telah menyebelahi Raja Mahadi menentang sultan. Dalam perang tersebut kehandalan Syed Mashhor terserlah dengan kejayaannya menawan Kuala Lumpur dan Ulu Selangor buat seketika sebelum ditawan semula oleh Sultan Abdul Samad pada tahun 1873. Ekoran daripada kekalahan itu Syed Mashhor telah lari ke negeri Perak.

Dari tahun 1873 hingga tahun 1881, Syed Mashhor didapati tinggal di beberapa tempat di negeri Perak. Pada mulanya beliau hidup bersendirian tetapi kemudian terlibat dalam politik negeri Perak. Beliau telah dituduh bersubahat dengan Ngah Ibrahim dalam menentang Inggeris. Beliau juga dituduh terlibat dalam kematian

.....

seorang penduduk Durian Sebatang. Selepas peristiwa tersebut beliau cuba berbaik-baik dengan J.W.W. Birch yang baru saja menjadi Residen Inggeris dan Sultan Abdullah. Dalam peristiwa kebangkitan menentang campur tangan Inggeris dan serangan ke atas Birch didapati Syed Mashhor berada di sebelah Birch.

Selepas *Perak Enquiry* Syed Mashhor menghilangkan diri lagi. Pada tahun 1883 beliau muncul di Selangor. Sultan Abdul Samad telah memerintahkan Residen Inggeris memberi pekerjaan dan elaun kepada beliau. Ekoran daripada itu Syed Mashhor telah dilantik sebagai penghulu Ulu Kerling pada 12 Disember 1883. Laporan Residen mengatakan bahawa di bawah pimpinan beliau, Ulu Kerling telah menjadi makmur dan aman. Bagaimanapun dari tahun 1891 hingga 1892 beliau terlibat dalam Perang Pahang pula sehingga mengabaikan Ulu Kerling sehingga Frank Swettenham memecatnya dari jawatan penghulu itu pada tahun 1899. Sejak dari itu Syed Mashhor dikatakan menjalani kehidupan yang tenteram dan lebih banyak beribadat. Beliau ketika itu sudah menjadi seorang tua dan akhirnya meninggal dunia di Ulu Kerting. Tarikh beliau meninggal dunia tidak pula diketahui.

Gambaran yang ditulis J.W.W. Birch memperjelaskan perwaataan Syed Mashhor.

" He is living here now very quietly and has about 7 or 8 men with him. He came strikingly handsome man he is. He looks like a northern India Chief. Very long curly black hair hanging on each side in front as well as behind [sic] he is very well dressed and has a remarkable gentle voice and manners. I told him I was very glad to see him. I had heard a good deal of him but I had learn that he had been very quiet since he had come to Perak with the exception of the one man killed at Durian Sebatang. It is now time that all stories we have heard of Mashore for these last few months are false "

Selepas bersara sebagai penghulu, Syed Mashhor pernah berjumpa dengan Frank Swettenham. Swettenham kemudian menulis mengenai musuhnya itu seperti berikut:


.....

"Amongst Malays in the Peninsular, the most picturesque figure is that of the famous Seyyid [sic]. He is a man of sixty-two; tall and straight, with a face so striking that it would attract attention anywhere. His forehead is wide and high, his dark eye rather far apart, with drooping lids that it seems almost an effort to raise. His nose is acquiline and rather long and his mouth is hidden by a long and heavy grey moustache. The jaw is massive and chins square. The eyebrows black curved, and distinctly marked; while the hair is short and grey. He has yellow complexion and inspite of his age, there is hardly a line of his face...

"He is a man of wars this Seyyid and was one of the most famous of the Malay fighting-chiefs in the days that are no more. The stories of his cunning, of his wickedness are many and strange and ghastly. He has enemies, and it is charitable in suppose that he has been maligned.... He has been a soldier of fortune...". "

Rumusan

Dari penggaluran di atas mengenai dua orang pejuang Melayu dari satu zaman, nama yang hampir sama dan medan perjuangan yang hampir serupa sangat menarik perhatian sejarawan. Adakah mereka pelandok dua serupa? Jikalau tokoh ini pelandok dua serupa boleh dirumuskan Sharif Mashor / Syed Mashhor ini pejuang Melayu yang merentangi dua wilayah, pan-Malaysia nasionalis. Jikalau tafsiran ini betul maka bolehlah dikatakan mereka telah mendahului zaman. Di dalam kebanyakan buku sejarah dipamerkan gambar Syed Mashhor Selangor untuk menunjukkan Sharif Mashor Sarawak yang lebih terkenal sebagai pejuang nasionalis yang lebih tulen sedangkan Syed Mashhor mungkin lebih mirip seperti seorang askar upahan, *a soldier of fortune*.



*Perjuangan Panglima
Mat Salleh Di Sabah 1894-1900*



Perjuangan Panglima Mat Salleh Di Sabah 1894-1900

Oleh : D.S. Ranjit Singh
Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.

Pengenalan

Negeri Borneo Utara (*the State of North Borneo*) telah dibentuk semasa pentadbiran Syarikat Borneo Utara British (British North Borneo Company, BNBC atau Kompeni) 1882-1946. Nama 'Sabah' mula digunakan secara rasmi pada 1963 semasa Malaysia ditubuhkan. Sebelum 1882, Sabah dibahagi kepada tiga sistem politik iaitu: sistem jajahan Brunei di pantai barat; sistem Datu Sulu di bahagian utara dan timur; dan sistem suku di pedalaman. Komuniti-komuniti yang berpengaruh pada abad ke-19 adalah orang Melayu Brunei, Orang Bajau, Orang Suluk, Orang Illanun, Orang Kadazndusun, Orang Sungai dan Orang Murut. Orang Bajau, Suluk dan Illanun telah memainkan peranan yang penting dalam sistem politik dan ekonomi Kesultanan Sulu di Sabah. Sulu merupakan sebuah negeri *segmentary* di mana kuasa politik, ketenteraan dan ekonomi diagih-agihkan kepada datu-datu Sulu. Di bahagian utara dan timur Sabah, Sultan Sulu telah melantik beberapa datu ini untuk mentadbir sungai-sungai seperti Labuk, Sugut, Paitan dan Kinabatangan. Datu Sulu ini berkuasa dan mempunyai kuasa semi autonomi di kawasan-kawasan mereka. Sumber-sumber kekuatan mereka berasaskan kegiatan ekonomi, perdagangan dan rampasan hamba abdi (*slave raiding*). Maka dalam rangka inilah mulanya riwayat pahlawan Mohamad Salleh (Mat Salleh).

Mat Salleh telah dilahirkan di Kampung Inanam, Sungai Inanam. Bapanya bernama Datu Balu, adalah seorang pembesar Sulu di Sungai Sugut. Emaknya adalah seorang Bajau dari Inanam. Mat Salleh mempunyai beberapa orang isteri tetapi yang terkenal adalah Dayang Bandang, saudara kepada Sultan Sulu. Mat Salleh bergiat sebagai seorang Datu Sulu di Sungai Sugut dan Labuk semasa BNBC menguasai wilayah-wilayah Sabah. Wilayah-wilayah ini telah diperoleh oleh dua orang rakan berkongsi iaitu Baron von Overbeck dan Alfred Dent melalui perjanjian dengan Kerajaan Brunei pada 1877 dan Sultan Sulu pada 1878.

.....

Pada 1882 kawasan ini telah diwarisi oleh BNBC. BNBC telah mula menggabungkan semua wilayah dan sistem politik yang berbeza ke dalam sebuah pentadbiran pusat supaya infrastruktur atau asas sebuah negeri moden dapat dibentuk. Walaupun demikian, BNBC tidak mempunyai modal dan sumber manusia yang mencukupi untuk mendirikan sebuah pentadbiran yang cekap dan lengkap. Maka sebuah dasar "*piece meal*" dan "*selective*" dijalankan. Oleh yang demikian dari 1882-1900, kompeni ini memberi tumpuan untuk mengukuhkan kedudukannya di kawasan pantai Sabah.

Maka masyarakat yang paling awal menerima kesan daripada pemerintahan Kompeni pada tahap awal ini adalah komuniti Melayu-Muslim Bajau, Suluk dan lanun khususnya. Oleh kerana Kompeni lemah tetapi pada masa yang sama mahu mengutip seberapa banyak cukai yang boleh, maka wujudlah keadaan salahguna kuasa oleh agen-agen Kompeni. Dalam keadaan seperti demikian muncul penentangan. Penentangan yang terbesar dan yang terkemuka adalah yang dipimpin oleh Mat Salleh. Beberapa pengkaji telah menulis tentang perjuangan Mat Salleh, tetapi masih tidak dapat melahirkan satu penjelasan yang muktamad. Sebaliknya Mat Salleh masih melahirkan emosi kuat khususnya di kalangan penduduk Sabah. Sebenarnya perjuangan beliau amat mengagumkan. Penentangan dan peperangannya dengan Kompeni melibatkan masa yang panjang, mengandungi tahap-tahap yang berbeza dan disokong oleh komuniti berbilang kaum. Penentangannya hampir-hampir merobohkan kerajaan BNBC. Rusuhan telah tersebar dari Sandakan di pantai timur ke Pulau Gaya di pantai barat dan melibatkan hampir-hampir kesemua suku kaum di Sabah. Adalah menjadi satu perkara yang amat sukar untuk memahami dan menjelaskan sesuatu fenomena yang luar biasa ini yang berlaku dalam suasana di mana masyarakatnya adalah begitu berpecah belah dan berbagai dari segi etnik, agama, sistem politik, bentuk ekonomi dan geografi. Di sini penulis hanya cuba menjelaskan beberapa perkara sahaja. Ini termasuklah personaliti Mat Salleh, tahap-tahap dan kronologi perjuangannya, dimensi perjuangan dan akhirnya tafsiran.

Personaliti Mat Salleh

Mat Salleh segar, tinggi dan gagah. W.C. Cowie, Pengarah Urusan BNBC telah mengadakan pertemuan dengan Mat Salleh pada 19 April

.....

1898 dalam satu usaha untuk mengadakan perdamaian. Berikut adalah catatannya tentang Mat Salleh:

"When within thirty yards of this motley group, it divided, and from the human avenue thus created, emerged a Bornean of striking appearance. He was dressed in gold cap, smart green embroidered tunic and Sulu embroidered trousers He wore no arms. His manner and appearance made me aware that I was face to face with the Rob Roy of British North Borneo...."

Mat Salleh adalah seorang yang berani, gagah dan dihormati oleh sama ada kawan atau musuh. Beliau mempunyai karisma dan dikatakan kebal. Tetapi dalam beberapa hal beliau amat sensitif. Perkara-perkara ini termasuklah penghinaan, penipuan, ketidakjujuran, ketidakadilan dan penindasan. Gabenor BNBC pada 1894, C.V. Creagh, telah mengadakan beberapa temubual dengan Mat Salleh dan memberi komen seperti di bawah:

"...and although he [Creagh] found him [Mat Salleh] rather high spirited he considered him to be an honorable man, and that provided tact and discretion were exercised, there should be no difficulty in dealing with him. He added that Mat Salleh was a man who much resented an insult, such for instance as being belittled before his followers, so much so that he would go any lengths rather than submit to anything of his nature..."

Pemerhatian Gabenor Creagh ini amat tepat dan menerangkan sedikit sebanyak tindakan Mat Salleh selanjutnya. Mat Salleh mempunyai sebuah rumah di Pulau Jambongan dan menganggap pulau itu adalah di bawah pengurusan beliau.

Penentangan Mat Salleh Bermula

Pada 1894, Kompeni telah membuka sebuah pusat kastam di Pulau Jambongan. Pusat kastam ini diuruskan oleh seorang kerani dan beliau diberi kuasa untuk mengutip cukai di kawasan tersebut. Tindakan Kompeni dilihat sebagai pencerobohan dan Mat Salleh memulakan penentangannya.

Peristiwa Sandakan dan Jambongan 1895

Pada 1894 Kompeni menuduh Mat Salleh dan pengikut-pengikutnya telah membunuh dua pedagang Iban di Sungai Sugut. Kompeni telah mengarahkan penangkapan Mat Salleh, tetapi beliau telah menyerah diri dan dimaafkan. Walaupun demikian pada 17 Ogos 1895 beliau telah melawat Sandakan sekali lagi bersama sekumpulan ketua dari Sungai Sugut. Mereka menyampaikan memorandum mengenai ketidakpuasan hati mereka tentang cukai kepala dan pas perahu yang telah dikenakan oleh Ketua Anak Negeri Kerajaan (*Government Native Chiefs*). Walaupun Mat Salleh telah menunggu selama dua hari di muara, beliau tidak dilayan oleh pegawai kerajaan Kompeni. Mat Salleh menganggap ini suatu penghinaan. Suatu ketidakadilan telah berlaku dan Mat Salleh nampaknya tidak melupakan peristiwa ini.

Hatinya bertambah luka lagi apabila pada 29 Ogos 1895 Kompeni menghantar sebuah pasukan polis yang kuat ke Jambongan untuk menangkapnya atas tuduhan beliau telah mengancam keamanan Sandakan. Mat Salleh membuat persediaan untuk menentang. Dalam pertempuran ini rumah dan kampung Mat Salleh dirampas. Mat Salleh berjaya melarikan diri, tetapi kerajaan Kompeni telah menawarkan hadiah sejumlah \$500 bagi penangkapannya. Mat Salleh telah menjadi orang buruan dalam negerinya sendiri. Dari saat inilah Mat Salleh hilang segala kepercayaan kepada kerajaan Kompeni dan mengisytiharkan perang.

Peristiwa Sugut dan Labuk 1895-1897

Antara tahun-tahun 1895-1897 Mat Salleh menentang Kompeni dari beberapa kubu-kubu yang dibina di Sungai Sugut dan Labuk. Kompeni telah melancarkan ekspedisi secara besar-besaran untuk menangkap beliau tetapi tidak berjaya. Walaupun kubu-kubu Mat Salleh di Lingkabau (Sugut), Limbawan (Labuk) dan Padang (Ulu Sugut) dimusnahkan, Mat Salleh berjaya melarikan diri setiap kali diserang.

Serangan Gaya 1897

Dari Padang, Mat Salleh telah bergerak secara senyap ke kampung kelahirannya, Inanam dan dari situ beliau telah melancarkan serangan kilat ke atas pusat perdagangan Kompeni yang utama di Pantai Barat, iaitu di Pulau Gaya. Serangan terkejut ini berlaku pada 9 Julai 1897 dan bandar tersebut telah dibakar sama sekali oleh pasukan Mat Salleh.

Kompeni sesungguhnya merasa amat gentar, sebaliknya, maruah Mat Salleh semakin meningkat. Masyarakat tempatan mula menganggapnya sebagai seorang wira dan penyelamat. Mereka tidak teragak-agak lagi memberi sokongan kepadanya. Dalam suasana seperti ini Mat Salleh dapat bergerak dengan mudah dari satu tempat ke satu tempat dalam masa yang singkat. Apatah lagi, suku kaum di rata-rata tempat bersedia membina kubu-kubu bagi kegunaan Mat Salleh. Dengan adanya kemudahan seperti ini Mat Salleh telah berpindah ke sebuah kubu di Soan di Sungai Labuk dan kemudiannya ke Parancangan di Sungai Sugut. Kerajaan Kompeni dijadikan barang permainan. Pada bulan November 1897, Mat Salleh sekali lagi menyerang Residensi Kerajaan di Ambong dan membakarnya. Selepas itu beliau berpindah ke kubu barunya di Ranau.

Pertempuran di Ranau 1897-1898

Pasukan polis kerajaan telah mengepung kubu Ranau pada 13 Disember 1897. Seramai 250 polis Iban dan 38 polis Sikh dan Pathan telah mengambil bahagian. Kubu telah dibedil selama beberapa hari. Tetapi benteng kubu adalah terlalu kuat dan pasukan kerajaan terpaksa berundur. Pada 5 Januari 1898 percubaan kedua dimulakan, tetapi Mat Salleh dan pengikutnya dapat menyelamatkan diri dan berpindah ke Tambunan di pedalaman.

Persetiaan Keamanan di Palatan 1898

Nampaknya Kompeni tidak dapat mengawal keadaan di Sabah lagi. Perbelanjaan Kompeni meningkat dan kemungkinan besar Kompeni akan runtuh atau menjadi muflis. Dalam suasana ini Cowie membuat keputusan untuk melawat Sabah dan mengadakan perjumpaan secara peribadi dengan Mat Salleh untuk mewujudkan keamanan. Satu

.....

perjumpaan telah diaturkan pada 19 April 1898 di kampung Palatan di Ulu Menggatal. Pada hari yang bersejarah ini Cowie dan Mat Salleh telah bertemu dan akhirnya mencapai persetujuan untuk mewujudkan keamanan. Mengikuti persetujuan ini kawasan Tambunan diserahkan kepada Mat Salleh sebagai wilayah penguasaan beliau.

Pertempuran di Tambunan 1899-1900

Walaupun demikian kerajaan Kompeni telah mungkir janji dan membuat keputusan pada 1899 untuk mengambil alih Tambunan. Pada bulan Oktober 1899 kompeni mula membina sebuah pusat pentadbiran di Tambunan. Mat Salleh menafsirkan tindakan ini sebagai pencerobohan dan membuat persediaan untuk berperang menyediakan kedudukannya. Kerajaan Kompeni juga menyediakan sebuah pasukan berjumlah 240 anggota polis untuk menyerang. Peperangan bermula pada 1 Januari 1900 dan berakhir pada 1 Februari 1900. Dalam pertempuran ini Mat Salleh akhirnya tewas. Beliau terkorban pada 31 Januari 1900.

Tafsiran

Apakah matlamat perjuangan Mohamad Salleh dan apakah puncanya? Ian Black dalam bukunya, *A Gambling Style of Government*, berpendapat bahawa perjuangan Mat Salleh bukanlah merupakan sebuah gerakan nasionalisme kerana pada masa itu belum lahir semangat seperti itu di Sabah atau Borneo Utara. Walaupun demikian, tidak dapat dinafikan bahawa Mat Salleh adalah seorang pejuang, patriot dan pahlawan dalam konteks struktur masyarakat pada masa itu. Peranan beliau boleh dilihat dari tiga sudut.

Pertama, beliau bertindak sebagai "*protector*" kepada komuniti-komuniti tempatan yang ditindas oleh kompeni dan agen-agensya. Dalam konteks ini beliau boleh digelar sebagai "*the peoples spokesman*" atau seorang yang menjuarai ketidakpuasan rakyat. Seperti dibincangkan, Kompeni adalah lemah tetapi pada masa yang sama telah memperkenalkan cukai dalam pelbagai bentuk. Komuniti-komuniti tempatan menentang cukai-cukai ini. Agen-agen Kompeni dalam proses mengutip cukai ini kadang-kadang telah menggunakan kekerasan dan penindasan. Penindasan seperti ini boleh menjelaskan

.....

mengapa dan bagaimana Mat Salleh mendapat sokongan daripada suku kaum yang berbeza-beza, termasuk orang Kadazan yang merupakan musuh tradisional orang Bajau-Suluk. Dalam menjalankan peranan sebagai "*protector*" kepada masyarakat tempatan, Mat Salleh telah digelar "*Rob Roy*" Borneo Utara oleh Cowie sendiri.

Kedua, kita boleh membuat rumusan bahawa Mat Salleh cuba mengekalkan struktur sosial masyarakat tradisional dengan mempertahankan sistem datu. Bagi Mat Salleh, kompeni adalah satu entiti asing, satu entiti kafir yang telah bergiat memusnahkan asas-asas masyarakat tempatan. Baginya, hanya ada satu cara sahaja bagi menjaga kesejahteraan masyarakat Sabah-iaitu mewujudkan kembali sistem datu. Dalam konteks masyarakat Melayu-Muslim beliau boleh juga dianggap sebagai imam Mahadi.


Tafsiran yang ketiga telah diajukan oleh Profesor Nicholas Tarling dalam rencananya berjudul, "*Mat Salleh and Krani Usman*". Mengikut tafsiran ini Mat Salleh mempunyai hak wilayah ke atas Ulu Sugut dan Ulu Inanam dan menentang pentadbiran Kompeni untuk mempertahankan tuntutannya. Maklumat ini diperolehi Nicholas Traling daripada seorang bernama Haji Asaad di Sabah pada 1981, secara lisan. Haji Asaad adalah saudara Mat Salleh. Mengikut cerita beliau, kawasan Sabah dibahagi antara Sultan Sulu dan datuk Mat Salleh bernama Nahkoda Sangkalang. Semasa BNBC mula memerintah Sabah, kawasan-kawasan ini diwarisi oleh dua cucu Nahkoda Sangkalang, iaitu Mat Salleh dan Krani Usman (bapa Haji Asaad). Tetapi semasa perjanjian di antara Overbeck dan Sultan Sulu pada 1878, hak Mat Salleh dan Krani Usman telah diabaikan. Krani Usman telah menjadi kakitangan Kompeni dan tidak berani membuat rayuan. Mat Salleh memang bergiat sebagai pembesar di Sugut dan Labuk dan mula menentang Kompeni bila kedudukan beliau diancam oleh pasukan Kompeni.

Tarling telah melakukan penyelidikan dokumen primari secara terperinci. Walaupun dokumen membuktikan tuntutan ini tidak dapat dikesan, terdapat surat-menyurat mengenai isu ini yang menunjukkan bahawa Mat Salleh memang memperjuangkan isu ini. Walaupun demikian tuntutan ke atas wilayah mungkin boleh menjelaskan permusuhan Mat Salleh dengan Kompeni; ia tidak menjelaskan

.....


sokongan komuniti yang berbeza-beza terhadap perjuangan Mat Salleh. Maka boleh dirumuskan bahawa tiga-tiga unsur yang dibincangkan memang wujud dalam penentangan Mat Salleh dan boleh dikaitkan dengan perkataan-perkataan yang diucapkan oleh beliau sendiri kepada Cowie. Katanya:

*"At any rate, you will admit that your
Company cannot prevent us from dying
for what we think are our rights."*



*Syeikh Muhammad Tahir
Jalaluddin al-Falaki*

*Perintis Gerakan Islah Agama
di Semenanjung Tanah Melayu*



Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin al-Falaki : Perintis Gerakan Islah Agama di Semenanjung Tanah Melayu

Oleh : **Mohd. Sarim Hj Mustajab**
Pusat Penataran Ilmu & Bahasa ,
Universiti Malaysia Sabah.

Pengenalan

Para sejarawan serta mereka yang mengkaji sejarah Islam di Malaysia serta sejarah kebangkitan nasionalisme Melayu di Semenanjung Tanah Melayu, rata-rata sepakat bersetuju bahawa semangat nasionalisme itu mula teretus ekoran dari kegiatan golongan literati Melayu yang mendapat pendidikan agama. Berkaitan dengan hal ini juga umum bersetuju bahawa gerakan Islah Islam yang bertuip di alam Melayu pada zaman sebelum Perang Dunia Kedua diilhami oleh gerakan pembaharuan agama atau gerakan Islah Islam yang berlaku di Mesir, dipelopori oleh tiga orang tokoh pembaharuan agama Islam seperti Syed Jamaludin al-Afghani, Syeikh Muhammad Abduh dan Muhammad Rashid Ridha. Percambahan idea yang muncul ekoran dari buah fikiran tokoh-tokoh ini menambah rancakkan lagi suasana dan iklim beragama umat Islam di Asia Barat.

Sebagaimana juga dengan keadaan di Asia Barat, Alam Melayu turut merasai tempias gagasan Islah tersebut dan tokoh-tokoh yang menjadi pelopor penyebaran idea Islah itu terdiri daripada tiga orang intelek Melayu berpendidikan agama yang secara kebetulan berada di Singapura. Gabungan tenaga daripada tiga orang ulama iaitu Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin, Haji Abbas bin Mohd Taha dan Syed Syeikh Al-Hadi menjadikan jeritan Islah yang dilaung-laungkan itu dapat berkembang jauh. Walaupun terdapat perbezaan dari segi latar belakang pendidikan, pengalaman dan pendedahan di antara ketigatiga orang tokoh ini, ternyata terdapat satu persamaan rasa dan komitmen mereka khususnya dalam memperkatakan soal pembaharuan di dalam Islam. Memandangkan peri pentingnya peranan tokoh agama dalam merealisasikan gagasan Islah Islam serta semangat nasionalisme baik di Tanah Melayu mahupun di Nusantara kertas kerja ini akan melihat secara terperinci latar belakang serta kegiatan salah seorang daripada tokoh ini.

Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin al-Falaki boleh dianggap tokoh paling terkemuka dalam Gerakan Pembaharuan agama Islam di

.....

Semenanjung Tanah Melayu. Kegigihan beliau dalam menyuarakan gagasan Islah ini terjelma ekoran dari hubungan beliau secara langsung dengan tokoh-tokoh Islah Islam di Mesir seperti Syeikh Muhammad Abduh dan Muhammad Rashid Ridha. Beliau jugalah yang telah memperkenalkan Hj. Abbas b. Mohd Taha dan Syed Syeikh Al-Hadi kepada tulisan serta cita-cita perjuangan Muhammad Abduh dan Rashid Ridha. Walaupun dari segi pendidikan, Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin lebih kukuh kedudukannya, ternyata di antara Hj. Abbas Taha dan Syed Syeikh al-Hadi semangat Islah Islam mereka itu tidak banyak berbeza. Terdapat persamaan rasa dan komitmen apabila soal Islah Islam diperkatakan. Sebagaimana teman karibnya yang lain, Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin banyak mengabdikan dirinya dalam bidang penulisan dan penerbitan, baik dalam bentuk buku, surat khabar mahupun majalah.

Melalui media cetak, fikiran dan pandangan beliau dapat berkembang jauh dan dalam melaksanakan tugas menyebarkan, mendidik serta mengkritik masyarakat Melayu serta pemimpin agama yang terlalu leka dengan persoalan bidaah, taklid buta serta kelalaian dalam menyempurnakan tanggungjawab mereka terhadap agama dan bangsa, tokoh ini telah dikenali dengan pelbagai label seperti kaum sesat, Wahabi, Kaum Muda, Kaum al-Manar dan sebagainya. Tidak kurang pula dalam proses mempertahankan pendiriannya, Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin sering kali diheret ke dalam perbahasan atau perdebatan masalah agama yang muncul ketika itu. Yang jelasnya ialah penglibatan pelopor gerakan Islah ini dalam majlis-majlis muzakarah tersebut sedikit sebanyak memberi kesan kepada gerakan dan arus nasionalisme yang mula bertiup kencang di Tanah Melayu dan di Negeri-negeri Selat.

Latarbelakang hidup

Sebagaimana yang telah disebutkan sebelum ini, kegiatan Islah Islam yang begitu hebat berlaku di Mesir, turut mempengaruhi Syeikh Tahir Jalaluddin, seorang penuntut Jawi (Melayu) yang datang ke Al-Azhar untuk meneruskan pengajian agamanya. Konsep Islah yang diperjuangkan oleh Syed Jamaluddin Al-Afghani dan Muhammad Abduh di Mesir itu menarik minatnya untuk mendalami pengetahuannya dalam bidang itu. Beliau juga digelar sebagai Syeikh

.....

Muhammad Tahir Jalaluddin Al-Azhari semata-mata untuk menghubungkan beliau dengan institusi pendidikan yang pernah menjadi *alma maternya*.

Beliau lahir di Kota Tua, Ampek (Empat Angkat), Bukit Tinggi, Minangkabau di Sumatera Barat pada tahun 1869. Ayahnya Tuan Ahmad Jalaluddin adalah seorang guru agama yang terlibat dengan perjuangan menentang adat Jahiliyah di Minangkabau. Ibunya bernama Gandoem Oerai, saudara kepada Limbak Oerai iaitu ibu kepada Syeikh Ahmad Khatib, sepupu dan guru kepada Syeikh Tahir. Syeikh Ahmad Khatib banyak mempengaruhi peribadi Syeikh Tahir ketika mereka bersama-sama tinggal di Mekah. Datuk Syeikh Tahir disebelah pihak ibunya pula ialah Tuanku Nan Rantijak, seorang ulamak terkemuka di zaman gerakan Kaum Paderi atau dikenali juga sebagai gerakan Wahabi atau Perang Hitam Putih di Sumatera. Neneknya Siti Zainab ialah anak Tuanku Baginda Khatib pembantu Regent Agam di Tanjung Medan, Sumatera. Jadi, menilik jurai keturunannya dari pihak ayah dan ibunya, nyatalah di dalam tubuh Syeikh Tahir mengalir darah pejuang-pejuang agama. Beliau kemudiannya meneruskan pula perjuangan menegakkan kebenaran agama melalui penulisan.

Meskipun Syeikh Tahir Jalaluddin mempunyai ayah dan ibunya 'berbangsa' serta dapat dibanggakan sebagai keturunan yang dihormati oleh masyarakatnya, beliau menerima asuhan yang singkat dari kedua-dua ibu bapanya. Ibunya Gandoem Oerai meninggal dunia ketika Syeikh Tahir berusia sembilan tahun manakala ayahnya terlebih dahulu meninggalkannya ketika Syeikh Tahir berusia dua tahun. Syeikh dipelihara oleh ibu saudaranya di sebelah ibunya selama dua tahun dan pada tahun 1297AH (1877M) bersama datuk sepupunya Haji Abdul Rahman, beliau berhijrah ke Mekah. Di Mekah beliau tinggal bersama Syeikh Ahmad Khatib di dalam pemeliharaan al-Syeikh Muhammad Salleh Kardabi Fidullah al-Kurdi. Pelajaran asas agamanya di terima dari Tuan Syed Abdul Haq dan selanjutnya dari Syed Umar Syah, Syeikh Muhammad al-Khayyat, Syed Barkasyah dan sepupunya sendiri Syeikh Ahmad Khatib.

Selama dua puluh tahun menuntut ilmu agama di Mekah, Syeikh Tahir Jalaluddin berkesempatan bertugas sebagai seorang Syeikh Haji atau

.....

Pilgrim Broker dan juga sebagai Mutawir atau *Pilgrim Guide* bagi orang-orang Jawi yang hendak menunaikan ibadat Haji, terutama mereka yang datang dari daerah Medan, Deli, Langkat, Serdang (Sumatera Timur), Batu Bahara, Lesahan dan Minangkabau. Tatkala menghantar pulang orang-orang Haji itu beliau berkesempatan membawa turun kitab-kitab agama dari Makkatul Mukarumah untuk dijual di Pulau Pinang. Pernah dalam tahun-tahun sebelum melanjutkan pelajarannya ke Universiti Al-Azhar, beliau telah berkahwin dengan dua orang gadis Minangkabau, bagaimanapun perkahwinan itu singkat usianya. Pada tahun 1893 Syeikh Tahir melanjutkan pelajarannya ke Mesir dalam bidang ilmu falak. Dan selama empat tahun di Mesir ini fikirannya mula terbuka untuk memahami konsep Islah Islam Syed Jamaluddin al-Afghani dan Muhammad Abduh.

Beliau juga sempat bersahabat dengan pengikut Abduh yang terkenal iaitu Muhammad Rashid Ridha, yang menerbitkan majalah *Al-Manar*. Setelah tamat pengajiannya di Al-Azhar, Syed Muhammad Tahir kembali ke Mekah dan selama dua tahun beliau terlibat dengan tugas mengajar guru-guru agama di bandar suci itu tentang ilmu falak. Pada waktu inilah dipercayai beliau mengambil kesempatan mengajar dan menyemai fahaman pembaharuan agama ataupun konsep Islah Islam, kepada penuntut-penuntut Jawi yang datang menadah kitab di Mekah dan ini dengan sendirinya memberi kesan kepada perjuangannya untuk menggerakkan fahaman Islah Islam di Nusantara, khususnya di Tanah Melayu.

Daripada sumber catatan serta surat-surat persendiriannya dikatakan bahawa beliau datang ke Tanah Melayu pada tahun 1899. Semasa berada di Tanah Melayu, beliau kerap kali belayar berulang-alik ke Mekah dan Mesir sama ada membawa bakal-bakal haji ataupun untuk menguruskan perniagaannya di Singapura serta juga di kepulauan Riau dan Sumatera Timur. Pada mulanya dicatatkan bahawa kedatangan beliau ke Perak untuk menghadiri perbincangan di Taiping tetapi selepas itu beliau terus menetap dan berkahwin di Kuala Kangsar, Perak pada 28 September 1899. Pada tahun berikutnya kerana keahliannya dan juga keahliannya dalam ilmu falak, Syeikh Muhammad Tahir akhirnya dilantik oleh Sultan Perak untuk menjadi Pemeriksa Kiblat Masjid di negeri itu dan diberi kuasa mengarah Penghulu, Kadi dan Naib Kadi di

.....

Perak supaya menurut aturan Kiblat yang telah ditetapkannya. Di samping itu pula pada tahun 1902 beliau mencuba nasibnya dalam lapangan perniagaan. Bersama-sama dua orang teman Haji Abdul Jame dan Haji Yusof bin Syeikh Batu Mandi, beliau membuka kedai kain di bandar Taiping. Setahun lepas itu kedai itu terpaksa ditutup kerana rugi dan pecah kongsi. Kealiman Syeikh Muhammad Tahir dalam ilmu agama menyebabkan Sultan Perak berkenan melantik beliau menjadi Ahli Mesyuarat Orang Besar-besar dan Ulama Perak. Kecenderungannya untuk belayar menarik beliau sekali lagi ke Singapura untuk meneruskan pekerjaan lamanya sebagai Pilgrim Broker. Semasa di Singapura beliau berkesempatan menghubungi beberapa orang kaya di Kota Singa itu untuk menerbitkan majalah *Al-Iman*. Begitu juga hubungan rapat yang sering dilakukan di antara Singapura dan Mesir berkemungkinan besar memberi peluang kepadanya untuk mendalami pengetahuan tentang fahaman Islah Islam Muhammad Abduh serta juga memberi kesempatan kepadanya mengadakan hubungan dengan Rashid Ridha.

Pengalamannya di Johor dikatakan paling lama. Pada tahun 1907 beliau dijemput ke Johor untuk mengajar beberapa orang hakim Johor mengenai perundangan Islam. Di antara hakim-hakim yang mendapat petunjuk beliau termasuk Engku Omar Ahmad, Engku Che Ismail dan Engku Abdul Rahman serta beberapa orang Hakim Johor yang lain. Selain itu beliau pernah dipilih oleh Sultan Perak untuk mengiringi baginda ke London sebagai Imam Raja. Pada tahun 1914 beliau bertugas semula di Johor sebagai guru agama di Sekolah Agama Johor Bahru dan menjadi pemeriksa pelajaran agama untuk daerah Muar dan Batu Pahat. Dalam jangka masa antara 1918-1920 beliau dipanggil oleh temannya Syed Syeikh Al-Hadi untuk menjadi guru di Madrasah al-Masyur di Pulau Pinang bersama-sama seorang tokoh Islah, Syeikh Abdullah Maghribi. Pemberhentian Syed Syeikh Al-Hadi sebagai Mudir Madrasah itu membuka hatinya untuk berkhidmat semula di Johor, kali ini ke Muar untuk menjadi guru agama di Sekolah Arab Parit Jamil.

Tatkala melawat Sumatera pada bulan Julai 1928 beliau pernah ditangkap dan dipenjarakan oleh Belanda di Bukit Tinggi selama enam bulan kerana disyaki menghasut penduduk daerah itu supaya menentang Belanda. Bagaimanapun enam bulan selepas itu beliau

.....

dibebaskan sebab tidak ada bukti beliau terlibat. Pembebasan itu membawa beliau semula ke Johor dan kali ini diberi jawatan sebagai guru ilmu falak di Jabatan Agama Johor. Pada masa inilah beliau telah dihubungi oleh beberapa orang tokoh pendidik Muhammadiyah seperti Yunos Abdul Hamid supaya beliau datang ke Medan dan memberikan pandangannya mengenai Sekolah Muhammadiyah di negeri itu. Di samping itu beliau juga pernah memegang jawatan pengarang akhbar *Saudara* pada tahun 1934 selepas kematian teman karibnya Syed Syeikh Al-Hadi. Sepanjang hidupnya Syeikh Tahir telah mengabdikan dirinya untuk menyebarkan Islah Islam di kalangan umat Islam, bukan sahaja di Tanah Melayu, malah juga di Nusantara.

Kepercayaannya kepada kemurnian cita-cita Islah Islam yang didukung oleh Afghani, Muhammad Abduh dan Rashid Ridha di Mesir, mengilhamkan beliau untuk menerbitkan *Al-Imam*. Kemunduran masyarakat Islam yang dilihat rata-rata di Nusantara meyakinkan beliau bahawa jalan penyelesaian untuk mengatasi masalah itu ialah dengan cara mengemukakan pandangan Islah terhadap agama Islam yang dirasakan menjadi punca segala kekeliruan dan kelemahan. Beliau merasa bahawa umat Islam di rantau ini memerlukan pimpinan sebagaimana juga dengan saudara Islam mereka di Asia Barat.

Dengan cara ini, beliau yakin kelemahan dan kemunduran itu dapat diatasi. Begitu juga dalam segala aspek tindak-tanduk, beliau senantiasa membuka fikirannya untuk menerima dan menganalisis masalah yang dihadapi oleh masyarakat Islam dengan cara rasional berdasarkan lunas-lunas ajaran Islam yang murni. Sebaliknya pula Syeikh Tahir juga tidak takut-takut mempertahankan Islam dari dipengaruhi dan diracuni oleh pandangan-pandangan agama yang dikatakan bertentangan dengan ajaran al-Quran dan Hadith serta juga pandangan-pandangan agama yang menyeleweng dari amalan ahli sunnah waljamaah. Sebagai seorang ulama yang terkenal alimnya, beliau banyak menghasilkan buku-buku sama ada yang menyentuh soal agama ataupun ilmu falak. Antara karangannya yang ditulis dalam bahasa Arab:

- i) *Attihafu al-murid fi ahkami al-tajawid*, Muar, Matbaah al-Jamaliyah, 1928 (Buku Tajwid untuk murid darjah satu)

-
- ii) *Natijah al-Ummi (pendapat kira-kira pada takwim tarikh Hijrah dan Miladi, hala Kiblat Mazhab Syafii)* Al-Qiblah, Taiping, Matba'atul al-Zainniyah, 1951 (Kenyataan segala nas-nas ulamak Syafii dalam perkara yang berkenaan dengan mengadap Kiblah Syarak, dinukal dari pada ibu-ibu Kitab Mazhab Syafii)
 - iii) *Tatimmah Irshad al-haidh, li'ilmi al-Faraidah*, Singapura, al-Matbaah al-Muhammadiyah, 1952. (Ilmu membahagi pusaka)
 - iv) *Tazkiratu Muttabii al-Sunnah fiarraddi 'ala'al-qailli bis-sunnati rak'atani Qabla al-jumaati*, Penang, Maktabah Hj. Abdullah Mohd Nordin Arrawi, 1953 (Kitab yang menyatakan pendapat atas pendapat-pendapat yang mengatakan Sunnat Sembahyang dua rakaat sebelum sembahyang Jumaat)

Karangannya di dalam bahasa Melayu berjudul:

- i) *Perisai Orang Beriman Pengisai Mazhab Orang Qadiani*, Singapura, Setia Press, 1930
- ii) Ini huraian yang membakar "Taman Persuratan" Haji Bakar, pada menyatakan Hukum dua rakyat Kabliiyati al-Jumaah, Kaherah, al-Matbaah al-Mubawiyah, 1932
- iii) *Pati Kiraan* pada menentukan waktu yang lima dan hal Kiblat dengan Logarithma, Singapore, al-Ahmadiyah Press, 1938
- iv) *Risalah Penebas Bidaah-bidaah di Kepala Batas, Pulau Pinang*, Persama Press, 1953 dan lain-lain lagi.

Pemikiran Syeikh Tahir Jalaludin

a) Persoalan Agama dan Perubahan Masyarakat

Umumnya dapat dikatakan bahawa sebahagian besar daripada konsep Islah yang dikemukakan kepada masyarakat, tersiar melalui majalah dan akhbar Islah yang terbit waktu itu. Salah satu yang penting ialah majalah *Al-Imam*, bila mana beliau sendiri pernah menjadi pengarangnya. Di dalam sebuah rencana yang diterbitkan oleh majalah itu beliau cuba menganalisis faktor-faktor yang menyebabkan kelemahan masyarakat Islam. Beliau melihat bahawa salah satu faktor

.....

penting yang menjadi punca kejatuhan umat Islam di sebelah Timur ini ialah kerana mereka tidak mematuhi ajaran Islam sebenarnya. Sebilangan besar umat Islam dilihatnya mengamalkan perkara yang terang-terang ditegah oleh Islam di samping memperkecil-kecilkan perkara yang disuruh oleh agama. Dilihat juga bahawa kelemahan itu berpunca dari penyalahgunaan konsep *kada* dan *kadar*, terutamanya mereka yang menggelar diri mereka guru agama. Penyalahafsiran inilah juga dianggap sebagai punca yang menjumudkan keinginan individu Islam itu untuk menjalankan aktiviti memperbaiki hidupnya.

Di dalam rencana mengenai *Qada* dan *Qadar* yang diketengahkan itu beliau menerangkan bahawa kejayaan manusia di dalam dunia sebenarnya berpunca daripada usaha dan ikhtiarnya dan tidak ada kaitan sama sekali dengan faktor *Qada* dan *Qadar*. Sikap seorang Islam yang baik itu, yang kerap ditekankannya ialah tidak menyerah secara pasif kepada apa yang datang dan beranggapan apa yang terjadi kepada mereka itu sebenarnya kudrat kuasa Tuhan semata-mata. Malah ditegaskan seorang itu hendaklah senantiasa menjalankan kegiatan sebagaimana yang dikehendaki oleh Tuhan.

Manusia sebenarnya bertanggungjawab kepada segala perbuatannya dan juga kepada segala perkara yang memberi kepentingan kepada masyarakat. Jika kegagalan yang dihadapi maka itu adalah kesalahan dirinya sendiri yang tidak boleh dielak. Untuk menguatkan hujahnya, beliau memetik ayat dari al-Quran yang bererti 'Tuhan tidak mengubah nasib manusia tetapi manusia sendiri yang mengubahnya'. Seterusnya dijelaskan, Islam tidak mengajar bahawa semua perkara yang berlaku kepada manusia adalah perintah mutlak daripada Tuhan. Ditekankan seseorang Islam itu seharusnya dapat menentukan dan membezakan di antara kepercayaan kepada paksaan (*Jabr*) dengan kepercayaan kepada konsep *Qadar*. Di antara dua konsep itu beliau menerangkan bahawa kepercayaan kepada *kada* dan *kadar* itu sebenarnya tulen. Dengan *Qada* dan *Qadar* diertikan bahawa segala perkara yang berlaku dalam dunia ini sebenarnya berlaku atas faktor sebab dan akibat dan Tuhan dalam proses ini cuma menjadi tenaga penggerakannya sahaja. Keputusan manusia sebenarnya penting dalam hal ini. Sebagai individu, manusia bebas melakukan sesuatu dan Tuhan memberikan mereka pemikiran serta Rasul untuk memimpin dan memberi petunjuk, bagaimana sesuatu itu patut dilaksanakan.

.....

Kepercayaan kepada *Qada* dan *Qadar* ini sebenarnya adalah satu hakikat kepercayaan bahawa sekiranya manusia bertindak dengan cara yang benar dan betul maka Tuhan senantiasa bersamanya. Dalam hal ini manusia seharusnya jangan bersikap pasif malah sebaliknya kepercayaan itu seharusnya menggerakkan manusia untuk menjalankan kegiatan yang boleh memajukan kehidupan mereka.

Selain daripada *Al-Imam* terdapat beberapa buah akhbar dan majalah lagi yang banyak menyiarkan rencana Islahnya. Antaranya ialah *Al-Ikhwān*, *Semangat Islam*, *Saudara* dan sedikit dalam *Bumiputera*, kesemuanya diterbitkan di Pulau Pinang. Manakala di Kelantan pula sebilangan besar rencananya turut tersiar di dalam majalah *Pengasuh*. Hubungan persahabatan mesra yang terjalin antara Syeikh Muhammad Tahir dengan Pengarang *Pengasuh* iaitu Haji Muhammad Said, memungkinkan penerbitan rencananya di dalam majalah itu. Malah boleh dikatakan Haji Muhammad Said kerap berhubung dengan Syeikh Muhammad Tahir untuk mendapatkan pandangan beliau jika terdapat beberapa masalah agama yang dihadapinya.

Ketegasan Syeikh Muhammad Tahir dalam mengemukakan cita-cita Islahnya tidak terhenti setakat itu malah selepas *Al-Imam* diberhentikan penerbitannya beliau menulis pula di dalam *Al-Ikhwān* sebuah lagi majalah Islah yang diterbitkan oleh Syed Syeikh Al-Hadi di Pulau Pinang pada tahun 1926. Rencananya yang bertajuk "Membetulkan Perjalanan Uagama atau Peraturan Perjalanan kaum Islam", disiarkan secara bersiri di dalam *Al-Ikhwān*. Keradikalan dan keberanian beliau sebagaimana yang dimanifestasikan di dalam rencana itu akhirnya menimbulkan suasana pertentangan di antara beliau dengan beberapa orang ulama yang bertugas di Institusi pentadbiran agama yang terdapat di Tanah Melayu waktu itu.

b) Persoalan Mengenai Pendidikan

Selain memperkatakan soal agama di dalam tulisannya, Syeikh Muhammad Tahir juga turut memperkatakan tentang soal pendidikan atau pelajaran untuk orang-orang Melayu. Beliau berpendapat bahawa salah satu cara untuk mengatasi kelemahan orang Melayu ialah dengan cara meninggikan lagi mutu ilmu pengetahuan mereka. Pandangan beliau mengenai peri pentingnya pendidikan disuarakan di dalam satu

.....
rencana yang ditulisnya dalam akhbar *Saudara* (21 Mac 1934), di mana beliau mengatakan:

".....bahawasanya hidup sesuatu umat yang sunyi daripada pelajaran adalah ia seperti keadaan gambar yang bergerak yang ditunjukkan dalam wayang gambar, ditengok akan dia berjalan pergi mari mundur mara, berkerut kening, masam muka, menangis, meratap, senyum, gelak-gelak, suka ria tetapi gambar itu tiadalah ia kenal keadaan dirinya ada. Apatah lagi akan gerak gerinya diam tetapnya maka yang demikian ialah perumpamaan hidup sesuatu bangsa atau umat yang tiada baginya pelajaran sama sekali....."

Dalam konteks ilmu pengetahuan inipun beliau menegaskan bahawa pelajaran yang dimaksudkan adalah :

"Bukanlah kita jumlahkan daripada pelajaran-pelajaran yang dikatakan (menuntut ilmu Allah) sebagaimana di pondok-pondok dan surau atau di serambi-serambi mesjid itu tapi yang kita maksudkan iaitu pelajaran-pelajaran yang sebenar-benarnya Islam menuntut dan mamahamkan hukum-hukum dan pengetahuan-pengetahuan adab dan ketukangan, kepandaian di dalam perusahaan perniagaan dan pergaulan hidup serta ubat-ubatan jua sebagaimana yang dikenali daripada tawarikh-tawarikh dan kitab-kitab pengetahuan Islam ini semenjak kezahirannya di dalam pimpinan yang dibenarkan dan disukai oleh tuntutan agama yang sebetul-betulnya dahulu dan sekarang".

Pandangan Syeikh Tahir tentang pendidikan ini, amat jauh sekali berbeza dengan pandangan para ulama yang menjalankan pentadbiran agama baik di pejabat agama mahupun di Majlis Agama Islam Negeri waktu itu. Sudut pandangan yang progresif ini membezakan beliau daripada ulama lain dewasa itu.

Sebagaimana Muhammad Abduh, beliau bersetuju bahawa jika masyarakat Islam hendak dirobah maka perubahan itu seharusnya dilakukan dari dalam terlebih dahulu, sebelum sesuatu perubahan dapat dilakukan kepada keseluruhan struktur masyarakat Islam. Pendidikan baginya merupakan syarat mutlak yang patut dituntut oleh

.....

sekalian umat Islam jika mereka hendak maju dan berdiri setanding dengan bangsa-bangsa lain di dunia. Menurut Syeikh Tahir, tuntutan kepada kebebasan dan kemerdekaan tentu tidak bererti sekiranya umat Islam di Nusantara ini tidak melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang dibawa oleh Barat. Tanpa menolak motif pembebasan tanah air daripada belunggu penjajahan beliau menjelaskan pula versi kemerdekaan yang difahaminya.

"Kemerdekaan itu buatan beberapa syarat dan pada pandangan saya belumlah sampai waktunya bagi kita boleh memerintah dan bersendirinya. Sekiranya itu yang dikehendaki terwajiblah atas kita sekalian anak bumiputera berpengetahuan yang sempurna pada segenap perkara, bukanlah segala pengetahuan agama sahaja bahkan segala pengetahuan dan kepandaian orang-orang Eropah; mestilah dapat lebih dahulu dan sempurna kekayaan anak bumi. Apabila telah sempurna dan cukup syarat-syarat itu barulah boleh diharap mendapat keselamatan dan kemerdekaan dan jikalau tidak nescaya kehendak itu cita-cita yang tiada boleh dapat. Jikalau berjalan pun nescaya mendatangkan bahaya atas diri, maka yang demikian tiada dibenarkan oleh syarak".

Fakta yang diketengahkan ini menjelaskan betapa perlunya diperbetulkan sistem perjalanan agama dan juga mengenai sikap statis ketua-ketua agama hari itu. Dan pokok pada keseluruhan motif untuk memperbaiki sistem perjalanan agama itu terletak kepada sistem pendidikannya yang seharusnya dirobah dan dipersesuaikan dengan aliran perkembangan moden yang berlaku hari ini.

Seperkara lagi yang menarik ialah mengenai ketakutannya kepada bahaya ancaman sekularisme yang mula menular dan mengancam masyarakat Islam bukan saja di Tanah Melayu malahan juga ke seluruh masyarakat Islam di Nusantara. Ketakutannya berpunca bukan kerana beliau takut bahawa masyarakat Islam akan menjadi sebuah masyarakat yang sekular tetapi yang paling ditakutinya ialah fahaman sekularisme itu akan mempengaruhi anak-anak yang belum memahami hakikat ajaran agama Islam yang sebenar. Bahaya inilah menurut beliau yang paling hampir dan terasa dalam masyarakat.

.....

Beliau melihat bahawa pendidikan Barat yang tidak diimbangi dengan ajaran Islam yang sempurna, berkemungkinan merosakkan akal fikiran anak-anak di bangku sekolah. Lantaran beliau berpendapat bahawa di dalam pendidikan juga perlu ada keseimbangan dan sistem antara pengetahuan agama dan sekular. Umumnya boleh disimpulkan bahawa rencana-rencana yang diketengahkan oleh Syeikh Muhammad Tahir itu jelas menunjukkan keradikalannya sebagai seorang tokoh pembaharuan agama.

Kesimpulan

Seperti juga dengan mentornya Muhammad Abduh dan Rashid Ridha, gagasan Islah Islam atau pembaharuan agama yang dilauung-laungkan oleh tokoh ini masih memperlihatkan batas-batas tertentu. Dalam keghairahannya mengkritik ulama-ulama tradisional sebagai golongan kolot dan statis tatkala menghadapi beberapa persoalan agama, Syeikh Muhammad Tahir sendiri dalam tindak tanduknya memperlihatkan kepada kita bahawa beliau sendiri masih terbelenggu dengan ikatan tradisional itu. Misalnya dalam memperkatakan tentang soal agama yang melibatkan pandangan golongan Ahmadiya Lahore atau golongan Ahmadiya Qadiyani, yang hangat diperkatakan oleh intelek Melayu yang mendapat pendidikan Inggeris, khususnya di tahun-tahun 1930an; Syeikh Tahir Jalaluddin memperlihatkan sikap non-komprominya.

Malah beliau dengan lantang menuduh golongan Ahmadiyah Lahore di bawah pimpinan Khawaja Kamaluddin serta golongan intelek Melayu yang berpendidikan Inggeris, yang membaca hasil karya agama golongan Ahmadiya ini, sebagai sesat dan telah menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenarnya. Di dalam bukunya yang berjudul *Perisai Orang Beriman Penrisai Mazhab Orang Qadiani*, Syeikh Tahir Jalaluddin melahirkan tentangannya yang amat sangat terhadap doktrin agama yang cuba disebarkan oleh puak Ahmadiyah. Pandangan beliau memperlihatkan bahawa beliau sendiri tidak mudah menerima dan berkompromi dengan inteprestasi yang dilihatnya, sebagai menyeleweng dari norma agama yang dipegang umum. Inilah juga punca yang telah mencetuskan polemik di antara intelek Melayu yang mendapat pendidikan agama dengan intelek Melayu yang mendapat pendidikan Inggeris, khususnya disekitar tahun 1930-an.

.....

Walau apapun pandangan yang dikemukakan oleh tokoh ulama ini, pada pandangan saya, Syeikh Tahir Jalaluddin adalah satu enigma. Ide agama dan falsafah pembaharuan yang cuba diketengahkan pada waktu itu agak mendahului pemikiran ulama zamannya. Sebagai seorang intelek agama yang telah terdedah kepada dunia akademik dan polemik antarabangsa, buah fikiran yang cuba dilontarkan oleh Syeikh Tahir Jalaluddin kepada masyarakat di mana beliau berada, agak sukar diterima dengan mudah. Persepsi agama yang dikemukakannya tidak mudah disesuaikan dengan pegangan agama masyarakat Melayu waktu itu dan justeru itu beliau senantiasa berkonflik dan berpolemik dengan golongan yang mempunyai *status quo* dalam hal pentadbiran agama. Boleh dikatakan dari segi tindak tanduk, Syeikh Tahir Jalaluddin adalah tokoh ulama yang revolusioner, yang berani menunjukkan kelainan daripada norma yang dipegang oleh masyarakatnya. Kegagalannya untuk merealisasikan cita-cita pembaharuan agama berlaku justeru kerana pemikiran dan pengalamannya telah mendahului zamannya. Mengenai tokoh ini Za'ba yang pernah menjadi murid serta rakannya mengatakan:

"Syeikh Tahir was comparatively modern in his religious outlook, though not so radical and outspoken as Syed Syeikh. He wrote much in the newspaper advocating more and more education and was disliked by the conservative religious pundits of the Perak court for his modern views... He was a religious teacher in Johor Bahru until the end of 1918, short-tempered and poor in debate."

Tidak dapat dinafikan bahawa dari segi kegiatannya Syeikh Tahir Jalaluddin adalah seorang tokoh agama dan pelopor yang cuba membawa pembaharuan kepada persepsi agama dan paradigma masyarakat Islam di Semenanjung Tanah Melayu dan Nusantara. Ini dilakukan dengan harapan bahawa kedudukan masyarakat Melayu dapat ditingkatkan, agar mereka dapat hidup sama rata dengan bangsa-bangsa lain di tanah air mereka sendiri. Beliau meninggal di Kuala Kangsar, Perak pada 26 Oktober 1956 ketika berusia 87 tahun. Mengenai kegiatannya di tahap akhir hayatnya Za'ba sekali lagi mencatatkan:


"Syeikh Tahir's last few years were spent in mathematical calculation, which became

*his hobby; fixing the times for prayers ,
the appearance of the new moon, and the accurate
setting-out of the muslim calendar."*

Jelas kegigihan dan ketrampilan tokoh ulama ini dalam bidang ilmu yang diminatinya terus dimanifestasikan walaupun pada sisa usia yang begitu lanjut. Zamannya telah berlalu tetapi idea agamanya masih terus terasa kehangatannya.

Ibrahim Haji Yaacob





Ibrahim Haji Yaacob

Oleh : Abd. Latiff Abu Bakar
Jabatan Pengajian Media,
UniversitiMalaya

Ibrahim Haji Yaacob ialah seorang Melayu keturunan Bugis, dilahirkan di Tanjung Kertau, Temerloh, Pahang pada tahun 1911. Ayahnya, Haji Yaacob ialah seorang guru agama dan tokoh masyarakat yang dihormati oleh orang-orang kampungnya IBHY telah dipelihara oleh ibunya (ayahnya telah menceraikan ibunya ketika berumur dua tahun) yang sederhana hidupnya sebagai seorang petani. IBHY telah memasuki sekolah Melayu di kampungnya ketika berusia 7 tahun (1918) di Tanjung Kertau, IBHY pernah menjadi Guru Sementara dan ketika berumur 7 tahun (1928), beliau telah dipilih memasuki Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim (MPSI) selama 3 tahun (1931).

Pengalaman Semasa Menuntut di Maktab Perguruan Tanjung Malim (MPSI)

Ketika IBHY menjadi guru sementara Sekolah Melayu di kampungnya pada tahun 1927, beliau telah mula membaca buku *Al-Manak* (berkenaan dengan raja-raja Jawa). Buku ini telah diberi oleh Cikgu Muhamad Yatib bin Haji Abdul Kadir. Di dalam buku ini ada menceritakan tentang negara Indonesia (yang disebut India Belanda), adalah sebahagian dari kepulauan Melayu. Di samping itu Cikgu Muhamad menunjukkan kepada IBHY majalah *Panji Pusaka*. Melalui majalah inilah beliau mula mendengar cerita tentang perontak-perontak daripada Parti Komunis Indonesia (PKI) menentang Belanda pada akhir tahun 1926.

Ketika berumur 17 tahun iaitu pada tahun 1928, IBHY telah dipilih masuk Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim (MPSI). Di MPSI, beliau kerap memandang peta gugusan pulau-pulau Melayu (Huruf Rumi) yang menggambarkan Semenanjung Tanah Melayu, Sumatera, Jawa dan Brunei (Borneo). Apabila IBHY belajar mata pelajaran Ilmu Alam, beliau telah membuat kesimpulan bahawa "Peta Gugusan Pulau Melayu ialah Peta Tanah Air Orang Melayu".

Ini bermakna, nama Melayu adalah satu Bangsa Melayu di alam Nusantara ini. Guru-guru yang mengajar di MPSI sememangnya telah

.....

memainkan peranan penting dengan memberi pendidikan kebangsaan secara diam-diam tentang gerakan di India, Mesir, Indonesia dan Jepun. Gerakan kebangsaan di Indonesia mendapat perhatian yang utama. Di antara guru-guru tersebut ialah Abdul Hadi Hassan, Zainal Abidin Ahmad, (Za'ba), Nurdin Haji Haron, Harun bin Mohd Amin, Buyong Adil dan Abdul Rahman bin Hj. Muhyiddin.

Mata pelajaran sejarah di MPSI telah diajar dan diusahakan oleh Abdul Hadi Hassan dan Buyong Adil. Sebagai langkah permulaan, mereka telah menulis *Sejarah Alam Melayu* (sebanyak 5 jilid/penggal). Berdasarkan kepada bahan-bahan rujukan dari Indonesia dan Malaysia, mereka cuba meyakinkan kepada pembaca tentang pengertian "Alam Melayu" dengan lebih luas lagi. Alam Melayu tidak dimaksudkan tanah Melayu dan Singapura sahaja tetapi meliputi Kepulauan Indonesia (Tanah Jawa, Pulau Percha dan Pulau Brunei), Selatan Filipina, Selatan Thailand.

Menurut Buyong Adil, pelajaran sejarah yang diajar oleh Abdul Hadi Hasan di MPSI lebih merupakan pelahiran emosi daripada perbincangan akademik. Beliau amat gemar membuat penuntut-penuntutnya insaf betapa buruknya kedudukan orang Melayu sebagai bangsa terjajah. Di samping itu beliau cuba menyedarkan penuntut-penuntut MPSI supaya mewujudkan perpaduan di kalangan orang-orang Melayu dengan memberi contoh-contoh tentang kejatuhan kerajaan Melayu sebelum kedatangan pengaruh-pengaruh luar.

Harun Mohd Amin adalah seorang guru muda yang berdampingan rapat dengan penuntut-penuntut di MPSI yang turut menyemarakkan semangat kebangsaan. Melalui mata pelajaran "Berjenis-jenis Pengetahuan" (guru-guru akan bergilir-gilir memberi syarahan kepada darjah-darjah yang digabungkan), Harun telah memberikan syarahan tentang pemimpin-pemimpin Timur yang menentang penjajahan dan kaum Monarki seperti Chiang Kai Shek, Sun Yat Sen, Rizal, Gandhi dan sebagainya. Mungkin Harun mahu membentuk pemikiran penuntut-penuntut MPSI supaya open minded dan mengikut perjuangan tokoh-tokoh asing, seterusnya mereka akan menjadi pejuang di tanahair mereka.

.....

Cikgu Abdul Hadi yang mengajar sejarah dengan berpandukan buku *sejarah. Alam Melayu*, telah memberikan inspirasi kepada IBHY untuk memperjuangkan "Konsep Melayu Raya" yang berpandukan di kalangan orang-orang Melayu. Harun Mohd Amin, guru muda yang baru lulus MPSI pada tahun 1927 juga, telah menggalakkan IBHY menulis dan menanamkan semangat kebangsaan, di samping beliau memberi latihan menulis kepada IBHY. Harun yang kebetulan menjadi penyelia yang menyelia di Blok A, tempat IBHY tinggal. IBHY selalu ke bilik Harun untuk bertukar-tukar pendapat dan dia kerap disuruh oleh Harun menyalin semula draf-draf tulisannya (seperti rencana, cerpen dan puisi) untuk dihantar ddi akhbar-akhbar dan majalah-majalah ketika itu. Tulisan Harun Mohd. Amin yang cuba menaikkan semangat kebangsaan Melayu sememangnya mendapat perhatian IBHY.

Cikgu Abdul Rahman Bin Haji Muhiddin pula mengajar mata pelajaran Ilmu Alam tentang Alam pulau-pulau Melayu. Walaupun beliau tidak berfahaman politik, tetapi IBHY telah dapat memikirkan dengan lebih berkesan lagi (berdasarkan mata pelajaran sejarah Alam Melayu) tentang asas-asas dan kepentingan politik di masa-masa akan datang. Mata pelajaran dan Ilmu Alam telah memberikan gambaran kepada IBHY tentang:

- i. Penyatuan daripada tumpah darah samada asli atau tidak.
- ii. Penyatuan daripada alam negaranya.
- iii. Pertumbuhan daripada perkembangan sejarahnya.
- iv. Pertumbuhan daripada kebudayaan dan bahasanya.
- v. Kesatuan daripada kepentingan hidup daripada bangsa Bersangkutan.

Cikgu Nurdin Haji Harun yang mengajar mata pelajaran Berkebun di MPSI telah menggalakkan IBHY membaca buku-buku dan majalah dari Balai Pustaka, Indonesia dan beliau cenderung kepada perjuangan-perjuangan di Indonesia. Dari segi pencapaian akademik, IBHY tidak maju dalam mata pelajaran pekerjaan tangan, tetapi berjaya dalam Ilmu Alam, terutama bahagian Ilmu Bumi.

Menurut IBHY, Pengetua MPSI iaitu O.T. Dussek tertarik hati dengan sikap guru-guru di Maktab tersebut yang menaikkan semangat murid-muridnya, dan menanamkan semangat kebangsaan kepada penuntut

.....

maktub yang bakat menjadi guru di Tanah Melayu, Sarawak dan Brunei. Sikap Dussek yang suka menggalakkan dan menaikkan semangat orang-orang Melayu untuk mencapai kemajuan ini memang mendapat perhatian daripada guru-guru dan penuntut-penuntut MPSI. Di dalam majalah Cenderamata keluaran 1924, Dussek menyeru penuntut-penuntutnya supaya memajukan orang-orang Melayu dalam bidang pertukaran kayu, anyaman, pertukangan emas dan perak supaya kaum bumiputera menjadi maju.

Suratkhabar dan majalah dari Indonesia turut memberansangkan para penuntut MPSI ke arah kesedaran dan mempunyai semangat kebangsaan. Di antaranya ialah *Persatuan Indonesia*, *Pewartar Deli*, *Pertja Selatan*, *Pedoman Masyarakat*, *Fikiran Rakyat*, *Soeloeh Rakyat Indonesia*, *Semangat Islam*, *Seruan Azhar* (keluaran penuntut Tanah Melayu dan Indonesia di Mesir), *Bintang Timur dan Bintang Hindia*. Di antara buku-buku Indonesia yang sampai ke MPSI ialah *Student Indonesia di Eropah* (1928), karya Dr. A.. Rival yang diharamkan di Indonesia dan *Riwayat Penghidupan Dr. Soetomo dan Perjuangannya*. Novel-novel Indonesia yang dibaca ialah *Siti Nurbaya*, *Salah Pilih*, *Salah Asuhan*, *Dijumpa Atjeh* dan *Melati Wan Agam*.

Semasa di MPSI, IBHY sempat membaca tentang "Sumpah Pemuda" yang berjuang untuk mencapai matlamat satu bahasa, satu nusa dan satu bangsa di Indonesia. Penuntut-penuntut di MPSI memuji dan menyokong perjuangan di Indonesia menentang Belanda pada tahun 1927. Perjuangan tokoh-tokoh di Indonesia yang mendapat perhatian ialah Soekarno, Hatta, Agus Salim, Dr. Soetomo, Moechtar Lubis, Rasuna Said, Dr. A. Rival, Mohd Tamrin, Hadjar Dewantoro, Tan Melaka dan sebagainya.

Akhbar Warta Negeri yang dipimpin oleh Abdul Muis (Kuala Lumpur, 1929) turut menggalakkan penulis-penulis muda, terutama dari MPSI menulis rencanna-rencana yang bersemangat untuk kesedaran dan kemajuan bangsa Melayu. Di antara yang giat menulis berhubung dengan kepimpinan dan kemajuan orang-orang Melayu ialah IBHY, Harun Mohd. Amin (Harun Aminurrashid) menggunakan nama samarannya Gustam Negara, dan beberapa penulis muda yang lain dengan nama pelbagai samaran mereka seperti Elyasthani, Cempaka Biru, Puteri Negeri, Simbat, Isamara dan sebagainya.

Semangat Cintakan Bangsa dan Tanahair

Pengalaman dan pengetahuan di MPSI telah membentuk IBHY sebagai orang Melayu yang mencintai bangsa, agama dan tanahairnya. Bagi IBHY, kepentingan dan kemajuan bangsa Melayu haruslah dipertahan dan diperjuangkan oleh orang-orang Melayu sendiri. Sejak tahun 1930 lagi, beliau telah menulis rencana-rencana yang dimuatkan di dalam akhbar-akhbar berhubung dengan kepentingan dan kemajuan orang-orang Melayu dan tanahairnya. Pengorbanan IBHY ini dapat dilihat sejak beliau berada di Benteng, Pahang di mana beliau,

"Sedia mengorbankan badan dan jiwa untuk guna bangsa, tanahair dan raja Melayu..." Untuk tujuan ini, IBHY sanggup bersyarah di hadapan kumpulan guru-guru; di kelab-kelab, di balai polis dan di tempat-tempat lain, sekiranya diizinkan oleh kerajaan Inggeris. IBHY kerap kali memberikan kesedaran kepada orang-orang Melayu supaya bersama-sama berganding bahu untuk kepentingan bangsa Melayu. Ini menyebabkan beliau selalu membuat pertanyaan kepada orang-orang Melayu "... haruskah kita berdiam diri dengan mengidapkan sahaja penyakit kebangsaan, sukakah akan kaum kita terhina buat selamanya? Gemarkah kita menyerahkan tanahair kita ini kepada bangsa Malaya? Relakah kebangsaan kita jadi kaum tertindas sepanjang masa?"

Di samping itu, IBHY mengingatkan orang-orang Melayu supaya membuat sesuatu teguran dan kebajikan hendaklah memikirkan kepentingan bangsa Melayu tetapi bukan untuk mencari nama, seperti kata beliau,

"...wahai sahabat! Tulisan dan seru seberapa yang kita dapat fikir – bukan mencari nama kemasyhuran dan manfaat diri sendiri tetapi atas nama bangsa yang telah IBHY cintai bersama-sama darah daging kita kata, terang-terang apa gunanya kesenangan, kekayaan, kemuliaan kalau kaum bangsa kita Melayu terhina bahkan samalah kita terhina sekali..."

Bagi IBHY, raja-raja dan pembesar-pembesar Melayu adalah bertanggungjawab untuk kemajuan orang-orang Melayu. Begitu juga kepada kerajaan Inggeris. Ini menyebabkan IBHY kerap memberi

.....

pandangan dan kritikan terhadap peranan-peranan yang harus dibuat oleh mereka demi untuk memajukan orang Melayu. Sekiranya nasib orang-orang Melayu tidak diambil berat, ini boleh membawa kepada,

"...kejatuhan martabat pembesar dan raja-raja Melayu dalam pergaulan bangsa-bangsa dalam dunia ini ialah oleh kemiskinan dan kebodohan orang-orang Melayu umum yang demikian lemahlah kuasa Melayu itu hina dan daif pada mata isi dunia."

Walaubagaimanapun, IBHY berasa yakin bahawa bangsa Melayu akan memperolehi kejayaan dan setanding dengan bangsa-bangsa asing sekiranya pemerintahan Inggeris dapat dihapuskan kelak. Ini dapat dilihat apabila beliau berkata,

"...bangsa Melayu ialah satu bangsa yang ketinggalan dalam perkara tamadun dunia yang bergerak dengan kemajuan jentera...Akan tetapi saya percaya bangsa Melayu akan hidup bersama-sama dengan semua bangsa-bangsa dalam dunia pada masa sampai ketikanya dunia ini menerima pentadbiran baru..."

IBHY tetap mencintai tanahairnya, Semenanjung Tanah Melayu. Di samping menulis rencana-rencana yang berhubung dengan kepentingan orang-orang Melayu dan tanahairnya, beliau turut merakamkan perasaan di hati sanubarinya yang mencintai tanahairnya melalui puisi-puisinya. Bagi beliau:

"...Semenanjung Tanah Melayu adalah bahagian bumi yang dijadikan Tuhan untuk bangsa Melayu tetapi nasib bangsa Melayu malang dan celaka negerinya kaya tetapi bangsa Melayu tinggal papa dan miskin di masa ini."

Oleh yang demikian, IBHY menyeru kepada orang-orang Melayu supaya berjuang untuk kepentingan bangsa dan tanahairnya. Bagi beliau,

"...hidupnya bangsa ialah bernegeri sebab itu manusia tidak takutkan nyawa melayan lamun untuk tanahairnya. Semalang-malang bangsa, kalau

.....

tanahairnya terhempas. Orang Melayu hendaklah bersedia membela tanahairnya."

Di samping itu beliau berpendapat bahawa,

"...tanahair adalah tempat meletakkan kebangsaan sesungguhnya binasalah sesuatu bangsa yang tidak bertanahair sebab itu manusia sentiasa berjuang kerana kebangsaan dan kewatanan begitulah hal dunia dan kekayaan Allah Yang Maha Kuasa..."

Dengan ini IBHY berharap agar orang-orang Melayu mempunyai semangat kebangsaan yang tulen. Sekiranya orang-orang Melayu mempunyai semangatnya ini, mereka akan,

"...merasa hina kalau bangsanya hina merasai tertindih kalau bangsa dan tanahairnya ditindih oleh bangsa lain..."

Kegelisahan dan impian IBHY terhadap nasib Bangsa Melayu IBHY pernah menyatakan bahawa semasa beliau menuntut di MPSI, beliau dan rakan-rakannya pernah mewujudkan satu persatuan sulit yang "berhaluan sosialis" pada tahun 1929. Seterusnya mereka menyusun Ikatan Semenanjung Malaya/Borneo yang berjuang untuk "Malaya Raya" pada tahun 1930. Di samping itu, IBHY telah membuat beberapa cadangan di dalam akhbar Warta Negeri supaya orang Melayu mewujudkan Persatuan Melayu yang berunsur politik secara berdaftar. Tujuan penting persatuan tersebut adalah untuk memperjuangkan kepentingan orang-orang Melayu. Pada ketika itu, orang Melayu masih belum mempunyai persatuan yang dapat membela nasib bangsa mereka, kecuali Kesatuan Melayu Singapura.

Walaupun IBHY bukan seorang pemimpin bangsa Melayu ketika itu seperti yang diakuinya, "seorang yang tidak kenal di sisi bangsaku," beliau selalu menyarankan kepada orang-orang Melayu supaya mengadakan Persatuan Kebangsaan Melayu. Di antara tujuan persatuan tersebut ialah untuk menyatukan kehidupan orang-orang Melayu bagi menyelamatkan hak kebangsaannya. IBHY ibaratkan kehidupan orang-orang Melayu ketika itu, "...sangat berpecah sebagai kaca terhempas di batu, itulah yang wajib disatukan". Sekiranya orang-orang Melayu masih tidak mempunyai suatu persatuan yang kuat,

.....

IBHY meletakkan nasib bangsa Melayu sebagai "...ia tidak akan merasa maju dan bangsa itu mesti dipandang rendah martabatnya, biar pun ia cukup pandai dan kuat, tetapi kalau tidak ada bersatu ia akan terbenam, juga biar kurang pandai dan bijak kalau bersatu sama sebangsanya ia akan dipandang mulia dan kuat..."

Setelah tamat latihan perguruan di MPSI pada tahun 1931, IBHY telah ditugaskan sebagai seorang guru Sekolah Melayu Bentung, Pahang. Ilmu dan pengetahuan yang diperolehinya di MPSI tidaklah disia-siakan. Pengalamannya ini telah memberikan ilham kepadanya untuk memperjuangkan sesuatu bagi kepentingan dan kemajuan bangsa Melayu.

Semasa berada di Bentung, Pahang pada tahun 1931-1934, IBHY bergiat cergas dalam Kelab Melayu Bentung. Beliau telah dilantik menjadi Setiausaha Kelab tersebut. Walaupun IBHY menetap di Bentung, Pahang, tetapi beliau turut mengikuti perkembangan yang berlaku di Tanah Melayu, terutama Kuala Lumpur melalui akhbar-akhbar dan majalah-majalah. Ini menyebabkan IBHY bersetuju dengan beberapa cadangan bagi mewujudkan persatuan Melayu yang berunsur politik seperti Kesatuan Melayu Singapura.

IBHY berasa yakin, pada suatu masa kelak, orang-orang Melayu akan bersatu dan menentang dasar pemerintah Inggeris yang merugikan mereka. Sindiran yang tajam ini dapat dilihat dalam kata-katanya,

"... Darah kebangsaan bagi umat-umat Melayu Semenanjung sudah tentu belum cukup pengalirannya di segenap tubuh umat-umat Melayu. Tetapi keadaan itu akan bersalin kulit dengan selekas-lekasnya terutama jika orang-orang Melayu masih juga dihimpit-himpit ditakuti perasaan ketaatan yang berkuasa akan bergerak pula...namun kalau hak-hak Melayu akan diperlemahkan barangkali orang-orang Melayu akan menjalankan politikal yang sosial namun jika nasib semakin buruk. Perjuangan umat-umat Melayu masa ini hanya satu perjuangan yang masih sulit dan sungguhpun begitu sangat hebat, umat Melayu selamat taat pada pemerintahan tetapi amat berasa tak puas melihat cara-cara hak-hak Melayu akan dirasakan bahkan tidak sanggup lagi menanggung kerugian yang amat besar semenjak Semenanjung ini dibuka

.....

akan hasil-hasilnya bagi bangsa asing hingga mana
umat-umat Melayu mestilah hidup melarat dan sengsara..."

Sehingga tahun 1937, persatuan-persatuan Melayu yang berundur politik masih belum diwujudkan. Walaupun ramai penulis-penulis ketika itu mengemukakan cadangan-cadangan supaya diwujudkan Persatuan Melayu se-Malaya, tetapi masih menerima jalan buntu. Ini adalah disebabkan sikap dan reaksi orang-orang Melayu terhadap politik dan pergerakan-pergerakan politik ketika itu amatlah mendukacitakan. Walaupun telah wujud kelab atau persatuan ketika itu seperti *Sultan Sulaiman Club*, *Penang Peranakan Club*, *Jawa Peranakan Club*, tetapi tujuan mereka adalah lebih untuk pertemuan sosial dan bersukan.

IBHY berasa tidak puas hati di atas sikap orang-orang Melayu yang tidak mahu menyatukan persatuan-persatuan mereka dengan memberi berbagai-bagai alasan. Bagi IBHY, sekiranya orang-orang Melayu masih tidak bersatu mewujudkan persatuan-persatuan Melayu, selama itulah "...fikiran orang-orang Melayu bersepah-sepah tidak tentu yang mana," dan "fikiran orang-orang Melayu tidak bulat."

Memandangkan isu tentang mewujudkan Persatuan Melayu se-Malaya hangat dibincangkan dalam akhbar-akhbar di tahun 1937, IBHY berasa yakin bahawa cita-cita tersebut akan memperolehi kejayaan sekiranya diusahakan segera. Dengan penuh harapan, IBHY menyatakan bahawa "...Perasaan bersatu itu akan bertambah tebal di dalam memasuknya ke dalam hati orang-orang Melayu dan kita semua akan bekerja dengan sabar tekun bagi mengukuhkan semangat Kesatuan Melayu yang dihajati itu.

Pada 18 September 1937, buat pertama kalinya wujud Persatuan Melayu Perak (bagi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu) diikuti pula dengan Persatuan Melayu Pahang pada 20 Mac 1938, Persatuan Melayu Selangor pada 31 Jun 1938 dan Persatuan Melayu Negeri Sembilan pada 9 September 1938. Semasa mesyuarat penubuhan Persatuan Melayu Selangor, IBHY telah dilantik menjadi pemeriksa kira-kira. Walaupun IBHY adalah salah seorang yang giat menyuarakan dan menaikkan semangat orang Melayu supaya menubuhkan persatuan-persatuan Melayu yang berunsur politik, tetapi IBHY tidak dipilih menjadi "Orang Kuat" persatuan tersebut.

.....

Sudah menjadi aneh persatuan-persatuan Melayu sebelum 1941, corak pimpinannya adalah lanjutan dari corak pemimpin Melayu tradisional kerana masih lagi terdapat unsur-unsur arustokrakis di kalangan pemimpinnya. Umpamanya, Persatuan Melayu Selangor, Tengku Ismail Bin Tengku Muhammad Yasin telah dipilih menjadi Yang Dipertuanya. Perjuangan persatuan-persatuan Melayu ini adalah memikirkan soal daerah, adat istiadat, hak istimewa orang besar di samping mempunyai perasaan taat setia kepada sultan-sultan dan kerajaan Inggeris.

IBHY tidak berpuas hati dengan dasar politik yang diamalkan oleh pemimpin-pemimpin persatuan Melayu ini, yang dianggapnya sebagai kebangsaan sempit (*Narrow Minded Nasionalism*) dan terlalu feodal. Ini menyebabkan IBHY dan beberapa orang sahabatnya seperti Mustapa Bin Siraj (penuntut Maktab Teknik Kuala Lumpur) telah membentuk Persatuan Belia Melayu. Perjumpaan mewujudkan persatuan ini telah diadakan di asrama penuntut Melayu di Kampung Baru (berhampiran dengan Kelab Sultan Sulaiman).

Tujuan asal Persatuan Belia Melayu ialah untuk menjalan aktiviti sosial. Tetapi IBHY dan rakan-rakannya telah menggunakan persatuan ini untuk tujuan politik. Persatuan ini yang diketuai oleh IBHY, telah menukarkan namanya kepada Kesatuan Melayu Muda (KMM). Majoriti ahli jawatankuasanya terdiri dari rakyat biasa. Slogan yang diperjuangkan oleh KMM ialah "satu untuk semua: semua untuk satu" (*one for all, all for one*). Baginya, KMM ialah satu pergerakan kebangsaan Melayu yang,

"...tidak menyebutkan setia kepada sultan dan kerajaan Inggeris, tetapi tidak pula menyebutkan non-cooperation, hanya bekerja membangkitkan kesedaran bangsa dan pelajaran di kalangan anggota-anggotanya yang terutama diperkuatkannya keanggotaan dari kalangan bawahan, persatuan ini tidak memakai definisi (takrif) Melayu menurut seperti badan-badan politik yang ada itu. Kesatuan ini mengkehendaki kesedaran kepada kesatuan nasional besar dengan seruan 'Melayu Raya' yakni meliputi keseluruhan Kepulauan Melayu,"

.....

Cita-cita KMM yang ingin mengabungkan Tanah Melayu dan Indonesia di bawah konsep "Melayu Raya" dapat diperhatikan di dalam bukunya, *Melihat Tanahair*. Di antaranya IBHY menyatakan bahawa,

"...saya meminta petunjuk yang sebenar kepada Tuhan Yang Maha Kuasa supaya orang-orang saya semuanya sekali bersatu kepada satu perhimpunan bangsa Melayu mempunyai satu haluan dan satu pengertian bagi Melayu Raya. Mudah-mudahan dengan perlahan-lahan hiduplah bangsa Melayu sebagai satu bangsa di muka bumi ini yang mempunyai hak-hak kebangsaan di Tanah Melayu dan gugusan Pulau-pulau di Alam Melayu,"

Bagi memperjuangkan cita-cita politik KMM, IBHY pernah berharap agar orang-orang Melayu dapat bersatu dengan lebih teguh lagi. Beliau berharap agar "...ikatan persatuan bangsa Melayu akan bertambah-tambah teguh... sempurna kepada bangsa dan tanahairnya sendiri kerana pecah belah atau berpuak-puak itu ialah kejatuhan bagi sesuatu bangsa..."

Mulai tahun 1909, Kerajaan Inggeris telah mewujudkan Majlis Mesyuarat Persekutuan (Federal Concil). Di dalam majlis ini wakil-wakil dari kerajaan Inggeris yang terdiri dari Residen general, Residen, Penasihat-penasihat dan Ketua-ketua Jabatan mempunyai kuasa yang penting di dalam membuat keputusan (sebagai wakil rasmi). Kerajaan hanya melantik orang Melayu, Cina, India dan pedagang-pedagang Eropah sebagai wakil tidak rasmi dalam majlis ini. Wakil-wakil inilah yang giat bercakap bagi mengemukakan pandangan dan cadangan mereka untuk kepentingan bangsa masing-masing sebagai wakil tidak rasmi di dalam majlis, mereka hanya dapat mengemukakan sesuatu cadangan dan tidak mesti sesuatu cadangan itu diterima oleh kerajaan Inggeris.

Pada tahun 1927 kerajaan Inggeris telah melantik empat wakil Raja-raja Melayu dari keturunan aristokrat (dari Pahang, Selangor, Perak dan Negeri Sembilan) untuk mewakili bangsa Melayu. Biasanya kerajaan Ingeris akan melantik dari pegawai-pegawai yang berkhidmat di bawah sistem pemerintahan Inggeris. Wakil Melayu yang aktif berhujuh untuk kepentingan bangsanya ialah Raja Chulan dan Undang Rembau (1927-1937).

.....

Bagi IBYH , pemilihan wakil-wakil Melayu di dalam Majlis haruslah secara demokrasi. Dengan cara ini nasib orang-orang Melayu dapat dibela dengan kerelaan dan kepuasan hati orang Melayu. Ini menyebabkan IBHY mengemukakan beberapa soalan tentang pemilihan wakil-wakil itu iaitu:

1. Adakah ahli-ahli mesyuarat itu dipilih dengan menggunakan persetujuan undi rakyat umum?
2. Adakah sebenar-benarnya ahli mesyuarat itu orang yang tidak pernah bersangkut paut dengan jawatan-jawatan kerajaan ?
3. Adakah sebenar-benar ahli mesyuarat itu daripada orang kebanyakan ?

Bagi IBHY , terdapat dua faktor utama yang menyebabkan kejatuhan dan kemunduran orang-orang Melayu, iaitu:

1. Pelajaran dalam Bahasa Melayu tidak mencukupi.
2. Ekonomi orang Melayu tersangat buruk (ke bawah sekali)

Oleh yang demikian kejatuhan dan kemunduran orang-orang Melayu ini hendaklah dibela oleh wakil-wakil Melayu di adal Majlis Mesyuarat Persekutuan . Terutamanya,

- (i) Hendaklah meluaskan jalan pencarian hidup mereka itu supaya orang-orang Melayu itu menjadi bangsa yang kaya,
- (ii) Hendaklah meluaskan pelajaran mereka itu supaya orang Melayu menjadi satu negara yang pandai dan taat kapada kerajaan biarlah orang-orang Melayu itu tahu hal chwal dunia dan mengerti pergerakan siasat dunia yang luas ini."

IBHY dengan tegasnya mengkritik sikap setengah-setengah wakil Melayu di dalam Majlis yang duduk diam sahaja. Sikap ini tidaklah mendatangkan faedah kepada orang-orang Melayu sebaliknya untuk faedah dirinya sahaja. Ini dapat dilihat apabila IBHY dengan beraninya menyifatkan wakil-wakil tersebut sebagai dilihat sebagai.

"... lupa akan tanggungannya kepada umum hanyalah mengeluarkan fikiran untuk faedah diri sahaja. Saya sebagai

.....

seorang Melayu memang berasa malu di atas pekerti wakil-wakil Melayu sebegitu lupa akan nasib orang ramai atau khas kepada pemakan-pemakan gaji. Yang demikian tidaklah hairan kita sekarang orang-orang Melayu tinggal membawa nasibnya hina dan daif. Suara-suara umum Melayu tidak ada harga sedikit pun kebanyakan wakil-wakil Melayu tidak gemar mengutip fikiran orangnya sama ada dari suratkhobar-suratkhobar atau surat rayuan yang sampai kepada mereka itu."

Sekiranya wakil-wakil Melayu ini tidak dapat memperjuangkan untuk kepentingan bangsanya, IBHY mencadangkan supaya tugas-tugas wakil Melayu diserahkan kepada rakyat Melayu dari golongan biasa. Seperti kata IBHY "...sekiranya jika mustahak dihormati suara-suara rakyat itu rasanya haruslah dibagi peluang kepada rakyat Melayu dalam masalah menjaga tanahair supaya mereka itu boleh menerangkan fikiran dan kemusykilannya."

IBHY turut mengambil perhatian terhadap kepentingan dan kemajuan orang-orang Melayu dalam bidang ekonomi, pelajaran dan agama. Bagi beliau, kemunduran orang-orang Melayu malas. Tetapi adalah disebabkan oleh dasar pemerintahan Inggeris yang lebih mementingkan kemajuan ekonomi yang mendatangkan keuntungan yang lumayan. Bagi menjayakan ekonomi kapitalismenya, maka ramai buruh-buruh dari negeri China dan India dibawa masuk ke Tanah Melayu tanpa memikirkan nasib orang-orang Melayu.

Walaupun kerajaan Inggeris telah meluluskan *Alien Act* iaitu peraturan bagi mengawal orang asing datang ke Tanah Melayu pada tahun 1934, tetapi kedatangan mereka ini masih melebihi penduduk-penduduk Melayu di Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Umpamanya, pada pertengahan tahun 1939, bilangan penduduk-penduduk di Negeri-negeri Melayu Bersekutu mengikut bangsa adalah seperti berikut:

Negeri	Melayu	Cina	India	Bukan Orang Asli	Lain-lain	Jumlah
Perak	321,625	427,392	194,998	3,232	6,837	954,084
Selangor	145,500	320,803	191,750	3,918	10,488	627,459
N. Sembilan	102,271	119,918	59,259	1,115	3,413	285,976
Pahang	124,339	69,333	17,123	429	1,459	212,755
Jumlah	693,735	937,446	463,139	8,757	22,197	2,125,274

Jadual 1 : Penduduk Negeri-negeri Melayu Bersekutu Negeri Melayu

Apabila dibandingkan dengan orang-orang Melayu masih jauh ketinggalan dalam lapangan ekonominya di Tanah Melayu. IBHY tidak puas hati terhadap kemunduran ekonomi orang-orang Melayu ketika itu. Sekiranya tidak diatasi, beliau menjangkakan,

"...pada masa seratus tahun akan datang (2030); iaitu tarikh yang diagakkan bumi Semenanjung ini cukup maju, penuh dengan pekan-pekan sebab buminya kaya dan subur, lagikah bertambah susah hati, sebab tentulah kemajuannya itu bukan bangsa-bangsa kita, tidaklah dimasa ini kiranya dibandingkan kemajuan itu dengan perjalanan; kaum-kaum kita beribu-ribu batu tinggalnya di belakang bangsa-bangsa dagang yang datang ke tanahair kita, gerak kemajuan Melayu di tanahairnya sendiri sangat perlahan, malah boleh juga dikatakan makin undur ke belakang..."

Bagi IBHY, di antara faktor utama yang menyebabkan kejatuhan orang-orang Melayu dalam lapangan perusahaan adalah disebabkan oleh sistem pemerintahan yang lebih mementingkan keuntungan untuk dirinya. Dasar kerajaan ini dapat dilihat iaitu:

"Barang dari Eropah bertimbun-timbun – dan dari segenap dunia. (2) Perusahaan orang-orang Melayu dibiarkan terlantar begitu sahaja. Pihak kerajaan tidak mengendahkan hal penjagaan rugi labanya pada hal perusahaan-perusahaan itu dijalankan oleh orang yang tidak tahu akan hal aturan pemerintah negeri ini.. (3) Pasar-pasar perniagaan orang-

.....

orang Melayu telah dirampas oleh orang dagang yang masuk ke mari dengan senang tidak ada had hingga inilah tiga sebab yang besar menjadikan perusahaan bangsa kita jatuh negeri ini telah jadi modal orang dagang."

Di antara faktor yang menyebabkan orang-orang Melayu tidak menceburkan diri dalam lapangan perniagaan dan profesional adalah disebabkan dasar pelajaran kerajaan Inggeris yang tidak mengambil berat pelajaran bagi anak-anak Melayu di peringkat tersebut. Anak-anak Melayu tidak diberi peluang dan kemudahan untuk belajar tentang perniagaan, pertukangan dan kejuruteraan, seperti yang dijelaskan oleh IBHY:

"(i) Hendak berhaluan berniaga di mana ada sekolah perniagaan? Di mana ada kedai Melayu untuk berlatih. (2) Hendak jadi tukang di mana ada sekolah pertukangan dan di mana ada pertukangan anak negeri ini dimajukan, disokongkan? (3) Hendak menjadi engineer di manakah ada sekolah jentera dan di mana pula ada perusahaan anak negeri yang disokong, ditunjang dimajukan?"

Pelajaran sekolah Melayu peringkat menengah dan tinggi tidak disediakan oleh kerajaan. Sedangkan bilangan anak Melayu yang mengambil peperiksaan *Senior Cambridge* dan *Junior Cambridge* masih tinggal di belakang, seperti yang digambarkan di dalam *Annual Report on Education in Federated Malay States for the year 1933*, hlm. 75.

Nama Peperiksaan	Bil. Calon	Bilangan lulus mengikut Bangsa				
		Eropah/ Eurasian	Melayu	Cina	India	Lain-lain
<i>Senior Cambridge</i>	Melayu					
Lelaki	361	17	78	149	106	11
Perempuan	56	13	2	26	14	1
<i>Junior Cambridge</i>						
Lelaki	556	33	130	269	113	21
Perempuan	70	18	2	55	15	-

Jadual II: Keputusan mengikut kaum

.....

IBHY tidak berpuas hati dengan dasar kerajaan Inggeris ini dan dengan tegasnya beliau mengatakan bahawa

"...Percayalah masa ini banyak anak-anak bangsa kita yang berkehendakan pelajaran tetapi untungnya malang. Pintu pelajaran anak-anak Melayu hampir akan tertutup".

Sikap orang-orang Melayu yang tidak optimis terhadap kemajuan bangsa Melayu iaitu "belum masanya" adalah bertentangan dengan jiwa IBHY. Bagi beliau, ungkapan-ungkapan sedemikian boleh melemahkan semangat orang-orang Melayu maju ke hadapan. Sebaliknya orang-orang Melayu hendaklah mempunyai sikap yang ingin maju iaitu

"inilah masanya" dan "inilah waktunya". Mereka hendaklah menghapuskan semangat yang mengatakan "belum lagi masanya orang Melayu boleh maju, belum lagi masanya Melayu boleh pandai, bijak, kuat berkuasa, kaya, mulia, mengelilingi dunia, berniaga bersekutu, membuat sekolah tinggi bersendirian..."

IBHY turut mengambil berat tentang perkembangan agama Islam di Tanah Melayu ketika itu. Beliau tidak berpuas hati dengan dasar pemerintahan kerajaan Inggeris yang tidak memberikan peruntukan kewangan yang lebih kepada pejabat atau Majlis Agama Islam. IBHY berkehendakkan supaya pejabat atau Majlis agama Islam berjalan dengan licinnya, dengan tidak mempunyai masalah kewangan. Untuk tujuan ini, kerajaan Inggeris hendaklah menambahkan perbelanjaannya kepada majlis tersebut supaya ia dapat berjalan dengan cermat seperti pejabat-pejabat lain. Dengan kemudahan-kemudahan yang akan diberikan, IBHY berasa yakin bahawa negeri-negeri Melayu akan kekal sebagai negara yang berkerajaan Islam.

Di samping itu, IBHY menggesa kerajaan supaya mata pelajaran agama diajar di sekolah-sekolah kerajaan. Orang-orang Melayu pula hendaklah mengambil berat terhadap anak-anak mereka supaya mempunyai pengetahuan agama Islam yang kuat. Sekiranya mereka mengabaikan pelajaran ini, IBHY berpendapat bahawa mereka akan mengalami kerugian iaitu

.....

"...akan merasakan pendirian bangsa dan adat resam Melayu kerana mereka itu akan hidup tidak ada pegangan yang kuat dan akan hanyut mengikut mana-mana juga harus fikirannya yang tidak senonoh. Samalah seperti keadaan setengah daripada orang-orang Cina yang tidak tentu agama. Maka keadaan itu sudah tentu merasakan keselamatan bangsa dan raja-raja Melayu adanya."

Ketika di MPSI, IBHY jarang sekali balik ke kampungnya. Ini disebabkan beliau aktif menulis di dalam akhbar warta negeri, majalah cenderamata (keluaran MPSI dan aktiviti-aktiviti persatuan). Beliau adalah seorang yang pendiam dan pintar tetapi tidak begitu maju di dalam pelajarannya kerana banyak masa dihabiskan dengan menulis. Setelah tamat di MPSI, beliau ditugaskan sebagai seorang Guru di Bentong, Pahang pada tahun 1932. Di Bentong, beliau bergiat cergas di dalam aktiviti-aktiviti belia. Beliau telah menjadi Setiausaha Kelab Melayu Bentong.

Kegiatan Politik di Tanah Melayu

Pada akhir tahun 1934, IBHY telah bertukar ke Kuala Lumpur kerana bertugas sebagai Guru Bahasa Melayu di Pusat Latihan Polis bagi Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Pada ketika ini, beliau kurang giat menulis. Pada tahun 1936, beliau berhenti menjadi Guru dan seterusnya menceburkan diri dalam lapangan kewartawanan sebagai Penolong Pengarang Akhbar *Majlis*. Pada bulan Mei, 1939, IBHY telah dilantik menjadi Pengarang *Majlis* menggantikan Othman Kalam sehingga bulan Jun 1940. Selepas itu beliau menjadi wartawan di akhbar *Utusan Melayu*.

Ketika menetap di Kuala Lumpur dan menjadi wartawan *Majlis*, IBHY giat menulis, dengan menggunakan nama samarannya Agastja, Silawatan dan Indera di dalam akhbar *Majlis*, *Warta Malaya* dan *Warta Ahad*. Pada tahun 1938, IBHY bersama-sama Mustafa Husain, Onan Haji Siradj dan lain-lain telah mewujudkan Kesatuan Melayu Muda (KMM). IBHY telah dilantik menjadi Yang Dipertua KMM. Semasa berada di Kuala Lumpur, perisik-perisik Inggeris giat memerhati dan memburu IBHY kerana disyaki menjalankan kegiatan politik yang membahayakan pemerintahan Inggeris di Tanah Melayu.

.....

Pada penghujung tahun 1940, IBHY berpeluang melawat seluruh Tanah Melayu untuk memerhati kehidupan dan keadaan orang-orang Melayu. Melalui lawatan ini, beliau selalu dipanggil berucap tentang perkembangan persatuan-persatuan Melayu yang wujud ketika itu. Inilah masanya IBHY menjalankan propaganda untuk memperkembangkan idea dan pergerakan KMM yang dipimpin itu. Hasil daripada pengalaman lawatannya di seluruh Tanah Melayu, beliau telah menulis sebuah buku yang bertajuk, melalui tanah air (MTA) pada bulan Mei 1941 yang dicetak di Kota Bharu, Kelantan. Disamping membincangkan tentang sistem pemerintahan di Tanah Melayu, beliau dengan beraninya mengkritik dasar Kerajaan Inggeris yang menyebabkan orang Melayu menjadi mundur dalam segala bidang.

IBHY ingin menerbitkan buku MTA sebanyak dua penggal. Memandangkan buku ini (penggal pertama) telah memaparkan keburukan sistem pentadbiran Inggeris di Tanah Melayu, menyebabkan naskha buku tersebut untuk penggal kedua telah dirampas oleh Polis Bahagian, "*Criminal Intelligent Department*".

Pada bulan Ogos 1941, IBHY dengan kerjasama perisik-perisik Jepun, Konsul Agung di Siam telah membeli Syarikat Watan Malaya daripada Syed Hussein Alsagoff untuk menjalankan propaganda anti British.

Memandangkan perjuangan KMM sangat membahayakan Kerajaan Inggeris, maka pada bulan Disember 1941, IBHY dan lebih kurang 150 orang ahli KMM telah ditangkap. Kerajaan Inggeris telah menangkap mereka berdasarkan undang-undang pertahanan (*Defence Regulation*) dan menangkap sesiapa yang dianggap anti kerajaan kepada Kerajaan Inggeris. Kerajaan Inggeris pada mulanya hendak menghantar IBHY ke India di bawah tahanan mereka jua, tetapi usaha ini gagal kerana pada bulan Februari 1942, tentera Jepun telah berjaya mengalahkan Inggeris menyebabkan IBHY dan ahli KMM dibebaskan. Pemerintahan Jepun masih membenarkan KMM meneruskan perjuangannya.

Tetapi pada akhir bulan Jun 1942, KMM telah diharamkan kerana telah bekerjasama dengan *Malayan Communist Party* (MCP) menentang pemerintahan Jepun di bawah *Malayan People Anti*

.....

Japanese (Fascist) Army (MPAJA). Pada tahun 1943, pemerintah Jepun telah membentuk pasukan Pembela Tanah Air (PETA) untuk melatih orang-orang tempatan mengambil bahagian dalam hal tentera. Di dalam PETA, IBHY telah dilantik menjadi Leftenan Kolonel. Walaupun KMM diharamkan, IBHY dan rakan-rakannya seperti Dr. Burhanuddin dan Onn Haji Siradj masih memperjuangkan konsep-konsep "*Indonesia raya*". KMM telah disusun semula dengan memakai nama kesatuan rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS) yang dipimpin oleh IBHY sendiri pada bulan Jun 1945.

Apabila rombongan ke Indonesia yang dipimpin oleh Soekarno dan Hatta tiba di Singapura pada 18 Ogos 1945, KRIS telah bersetuju menyebarkan bendera "*Sang Merah Putih*" (Bendera Indonesia).

Usaha KRIS bergabung Kemerdekaan Tanah Melayu dengan Indonesia di bawah "*Indonesia Raya*" mendapat persetujuan daripada pemerintah Jepun. 12 Ogos 1945 menjadi detik pertemuan yang bersejarah antara IBHY dengan Soekarno di Taiping, Perak. Di bilik tamu lapangan terbang Taiping, IBHY dan Soekarno bersama-sama Hatta telah mengadakan perundingan singkat tentang kemerdekaan Indonesia bersama-sama Tanah Melayu. IBHY telah menyatakan bahawa KRIS di bawah pimpinan beliau turut bersatu dengan Indonesia mengisytiharkan kemerdekaan. Di antara persetujuan yang dicapai ialah:

- i. Kemerdekaan Tanah Melayu turut bersatu dengan Indonesia yang akan diisytiharkan pada minggu penghabisan bulan Ogos 1945.
- ii. Tanah Melayu akan mengirinkan lapan orang delegasi ke Jakarta untuk menghadiri pengisytiharan kemerdekaan dan pembentukan pemerintahan negara Republik Indonesia termasuk Tanah Melayu.

Di samping berjabat salam dengan IBHY, Soekarno berkata:

" Marilah kita bangunkan satu negara IBU buat seluruh tumpah darah Indonesia".

Lalu dijawab oleh Ibrahim Yaacob,

" Kami orang Melayu di Malaya dengan setia untuk turut

.....

membangunkan negara IBU dengan Malaysia bersatu dalam Indonesia Merdeka".

Usaha IBHY dan Soekarno untuk menjadikan Indonesia merdeka bersama-sama Tanah Melayu telah menerima kegagalan. Ini disebabkan pada 15 Ogos 1945 pemerintah Jepun telah menyerah kalah kepada tentera Inggeris. Walaupun Indonesia telah diisytiharkan kemerdekaannya pada 17 Ogos 1945, KRIS di bawah pimpinan IBHY tidak berputus asa. Pada 16 dan 17 Ogos 1945, KRIS telah membuat keputusan bahawa kemerdekaan Tanah Melayu bersatu ke dalam "Indonesia Raya", tetap diteruskan.

IBHY yang bertugas sebagai Panglima *Pembela Tanahair* (PETA) yang berpangkat Leftenan Kolonel telah menyerahkan pimpinan Kongres KRIS di Kuala Lumpur kepada Dr. Burhanuddin dan Hassan Manan pada 16 Ogos 1945 kerana beliau terpaksa menguruskan pemindahan PETA dari Singapura ke Kuala Lumpur. Dengan kerjasama Penguasa Tentera Jepun, IBHY bersama-sama Hassan Manan, Onn Siraj dan Mariatun Siradj telah lari ke Jakarta pada 20 Ogos 1945.

Kegiatan di Indonesia

Pada bulan Oktober 1945 wujud pula *Parti Kebangsaan Melayu Malaya* (PKMM) di Ipoh, Perak yang dipimpin oleh Moktaruddin Lasso manakala Dr. Burhanuddin menjadi penolongnya. Walaupun IBHY berada di Yogyakarta, Indonesia, menyertai revolusi Nasional, beliau turut melibatkan diri dalam perkembangan politik di Tanah Melayu. Pada bulan Mac 1946 beliau telah bekerjasama dengan PKMM di Tanah Melayu dan menubuhkan PKMM di Yogyakarta bagi "Indonesia Raya".

PKMM telah diharamkan di Tanah Melayu pada bulan Julai 1948 oleh kerajaan Inggeris. Walaupun PKMM diharamkan di Tanah Melayu, tapi ia dapat meneruskan perjuangannya di Singapura di bawah pimpinan Mohammad Taha Kalu pada bulan Mei 1950.

Pada bulan Mei 1950 PKMM yang berpusat di Singapura telah menyerahkan kuasa kepada IBHY untuk melanjutkan pergerakan Kebangsaan Melayu Tanah Melayu di luar negeri. Pada 27 Jun 1950 IBHY telah menubuhkan kesatuan Malaya Merdeka (*Malayan*

.....
Independence Movement) yang bergerak di Indonesia sehingga 31 Ogos 1957.

IBHY turut juga berbakti kepada negara Indonesia. Semasa IBHY sampai ke Indonesia pada bulan Ogos 1945, Soekarno telah memberi kepercayaan kepada orang kanannya, Winoto Danuasmoro untuk menguruskan keperluan hidup dan perjuangan IBHY. IBHY ketika itu telah menukar namanya kepada Iskandar Kamel. Pada awal bulan November 1948 hingga akhir tahun 1946, IBHY telah menceburkan diri dalam pasukan tentera Indonesia dengan berpangkat Leftenan Kolonel yang bertempat di Markas Besar Tentera republik Indonesia, di Yogyakarta. IBHY telah ditugaskan khas mengenai masalah luar negeri, yang berkaitan dengan tentera Asia.

Pada tahun 1947 hingga 1948, IBHY bertugas di staff Umum Markas Besar Tentera Republik Indonesia. Kali ini IBHY diberi tanggungjawab mengenai masalah luar negeri (lebih luas dari masalah Asia Tenggara). Apabila Belanda dan *Parti Komunis Indonesia* (PKI) melancarkan peperangan bagi melumpuhkan Republik Indonesia, IBHY turut melibatkan diri bagi pihak Republik Indonesia menentang PKI dan Belanda.

Ketika rundingan antara Republik Indonesia dengan Belanda di Den Haag (The Hague) hampir ke tahap penyelesaian, IBHY dilantik oleh pemerintah Indonesia sebagai salah seorang penasihat Kementerian Luar Negeri. Pada tahun 1951-1954, IBHY telah dipilih menjadi salah seorang petugas khas oleh Jaksa Agung Republik Indonesia (Pegua Negara Indonesia). Pada tahun 1950 hingga 1958, IBHY telah menjadi *Pemimpin Parti Nasional* (PNI), Daerah Jakarta Raya. Pada tahun 1958, beliau menjadi Anggota Pemimpin (Bendahara) Kongres Rakyat Indonesia. Seterusnya beliau menjadi anggota *Pemimpin Parti Indonesia*.

Pada tahun 1960-1967, IBHY telah dilantik menjadi ahli Majlis Permusyawaratan Rakyat (s) bagi mewakili Daerah Riau. Di samping itu IBHY melibatkan diri dalam lapangan "banking" Bank Pertiwi. IBHY turut giat menulis beberapa buah buku yang berhubungan dengan perjuangannya di Malaysia dan Indonesia tetapi tidak sempat diterbitkan kerana beliau meninggal dunia pada 8 Mac 1979.

Satu Tinjauan

Semasa hidupnya, IBHY telah membuat jasa yang besar kepada Malaysia dan Indonesia. Beliau telah berjuang untuk kepentingan dan kemajuan bangsa Melayu dari tahun 1930 hinggalah bulan Ogos 1945. Mulai tahun 1946, beliau telah melibatkan diri dalam lapangan ketenteraan di Indonesia bagi memperjuangkan kemerdekaan Indonesia menentang Belanda dan *Parti Komunis Indonesia*. Walaupun cita-cita beliau hendak menyatukan Malaya dan Indonesia di bawah Lingungan "Melayu Raya" tidak tercapai, namun beliau tetap memperjuangkan slogan tersebut di dalam buku-bukunya.

Semasa berada di Indonesia, IBHY telah menulis sebanyak tiga buah buku yang berhubung dengan perjuangan dan aktiviti politik di Malaysia iaitu:

- i. *Sejarah dan Perjuangan di Malaya*, diterbitkan oleh Penerbit Nusantara, Yogyakarta, Jun 1951;
- ii. *Nusa dan Bangsa Melayu*, diterbitkan di Jakarta tahun 1951,
- iii. *Sekitar Malaya Merdeka*, diterbitkan oleh Kesatuan Malaya Merdeka, Jakarta, tahun 1957.

Di sepanjang tahun 1950-an, penulis-penulis Barat banyak menulis dengan menumpukan perhatian terhadap keterlibatan kuasa-kuasa Barat. Mereka kurang mengaitkan peranan orang-orang tempatan di dalam penulisan mereka. Penulisan sejarah yang bersifat *euro-centric* ini telah menjadi tidak popular di kalangan para penuntut dan pengkaji sejarah menjelang akhir tahun 1960-an. IBHY cuba memenuhi kekosongan ini dengan menyediakan sumber-sumber yang berhubung dengan perjuangan orang-orang Melayu melalui buku-bukunya itu.

Walaupun ramai penulis-penulis sejarah di Malaysia di sepanjang tahun 1950-an, mempunyai arah penulisan ala *euro-centric* dan *Malaysian centric* tetapi penulisan IBHY agak berbeza sedikit. Walaupun penulisan beliau tidak secara akademik, tetapi perasaan dan

11. penulisan sejarah

.....

pengalaman beliau seperti yang terdapat di dalam buku-bukunya itu adalah satu daripada teknik penulisan sejarah yang boleh dikaji dan dihalusi. Dalam hal ini, IBHY, lebih menumpukan perhatiannya kepada penulisan yang bersifat *Malay Centric*. Beliau menonjol-njolkan penglibatan orang-orang Melayu di Malaya di zaman penjajah, di samping memperjuangkan konsep " *Melayu Raya*", umpamanya di dalam buku *Sejarah dan Perjuangan di Malaya*, IBHY tetap dengan cita-citanya untuk mewujudkan pergabungan di antara Indonesia dan Malaya sebagai " *Indonesia/ Malaya Raya*". Di dalam permulaan buku ini, IBHY menegaskan :

"...maka dengan Melaka (Malaya)lah pula satu Indonesia Raya yang sungguh-sungguh merdeka penuh dapat dibangunkan. Maka dari itulah dengan penuh keinsafan dan kesedaran gerakan kebangsaan Melayu di Malaya sekarang mempertahankan kedudukannya; yang meskipun belum ada hubungannya yang langsung kepada pergerakan-pergerakan kebangsaan Indonesia di Jawa/Sumatra; tetapi kebangsaan Melayu bergerak sendiri memperjuangkan Melayu-Singapura dan Kalimantan Utara masuk kepada Kesatuan Indonesia-Raya apabila tempoh telah memberikan nanti, dan orang Melayu tetap sebagai bangsa Indonesia".

Di samping meletakkan IBHY sebagai seorang pelapor dalam gerakan kebangsaan sebelum Perang, Prof. Khoo Kay Kim juga mensifatkan IBHY sebagai seorang yang mempelopori penulisan sejarah politik orang Melayu. Tulisan-tulisan beliau yang mendorong Raden Soernarno untuk mengkaji "*Malay Nationalism 1900-1945*" dalam tahun 1959 dan sama ada secara langsung atau tidak langsung memberi ilham kepada W.R. Roff untuk mengkaji *The Origins of Malay Nationalism*.

Sebelum ini, penulis-penulis yang mengkaji tentang perjuangan IBHY di Malaya (sebelum tahun 1945) adalah berkisar dari luaran sahaja. Pengkaji ini, tidak meneliti atau membuat penyelidikan tentang karya-karya dan perjuangan IBHY. Mereka lebih menumpukan perhatian kepada buku-buku yang ditulis oleh IBHY tanpa membuat penyelidikan yang lebih terperinci lagi. Jika diteliti akan karya-karya beliau sebelum 1941, kita akan dapati bahawa beliau telah menghasilkan suatu penulisan yang sungguh memberangsangkan

.....

kepada pembaca-pembaca muda. Di antara tujuan penting beliau menulis ialah untuk mewujudkan kesedaran di kalangan orang-orang Melayu supaya mengambil berat tentang kemajuan dan kepentingan bangsa Melayu dalam segala bidang.

Sejak menuntut di MPSI lagi, IBHY telah memerhatikan keadaan nasib orang-orang Melayu tertinggal jauh di belakang jika di bandingkan dengan orang-orang asing. Di bandar dipenuhi oleh orang-orang Cina. Mereka inilah yang menguasai lapangan perniagaan. Di pejabat-pejabat kerajaan dipenuhi oleh orang-orang India. Raja-raja Melayu pula tidak mempunyai kuasa lagi bahkan mereka tidak begitu giat berjuang untuk kepentingan bangsa Melayu. Kerajaan Inggeris bergerak terlalu bebas dan menguasai pentadbiran politik. Sedangkan kesedaran politik di kalangan orang-orang Melayu amatlah mendukacitakan. Keadaan yang berlaku di sepanjang tahun 1930-an, sungguh menggelisahkan IBHY. Beliau sungguh khuatir jika orang-orang Melayu tidak bersatu membela nasibnya pasti bangsa Melayu akan tertinggal dimasa-masa akan datang. Kegelisahan ini telah menghasilkan impiannya untuk menyatukan cita-cita dan azamnya, berjuang bagi kepentingan orang-orang Melayu. Untuk tujuannya ini, IBHY telah bertindak dan berjuang melalui penulisan dan aktiviti-aktiviti persatuan. Kegelisahan dan impian IBHY sebagai seorang pejuang bangsa Melayu sememangnya menjadi kenyataan.

Tulisan-tulisan IBHY mendapat perhatian dan diminati oleh pembaca-pembaca akhbar di sepanjang tahun 1930-an, terutamanya generasi muda, sehingga beliau telah berjaya mewujudkan kesedaran di kalangan pemuda-pemuda Melayu supaya bersatu dan mewujudkan kesatuan Melayu. Di antara anak-anak muda Melayu yang meminati karya-karya beliau dan berjuang bersama-sama beliau ialah Ishak Haji Muhammad, Abdul Samad Ahmad, Ahmad Boestaman, dan lain-lain. Dengan populariti IBHY ini, memudahkan lagi beliau mewujudkan Kesatuan Melayu Muda (KMM) dan dipilih sebagai presidennya. Apabila beliau cuba meluaskan kegiatan KMM di seluruh Tanah Melayu pada tahun 1940, usahanya ini mula mendapat perhatian di kalangan anak-anak muda Melayu yang telah mengenali IBHY melalui karya-karyanya di akhbar *Majlis*, *Warta Ahad* dan *Warta Jenaka*.

Ishak Haji Muhammad, tetap menganggap bahawa perjuangan IBHY

.....
sebelum berangkat ke Indonesia (bulan Ogos 1945), tidak harus dilupakan. Seperti kata Ishak,

"...saya yakin bahawa jasa yang telah diberikan, peranan yang telah dijalankan oleh Almarhum IBHY, khidmat dan jasa dalam gerakan dan perjuangan kemerdekaan negeri itu tidak boleh, malah tidak dapat dinafikan sama sekali oleh sejarah nasional negara ini, oleh keturunan zaman ini dan zaman-zaman yang akan datang".

Apabila ditinjau dari segi sejarah perjuangan orang-orang Melayu, IBHY dapatlah diterima sebagai salah seorang pejuang kebangsaan Melayu di Tanah Melayu sebelum perang dan semasa pendudukan Jepun. Berdasarkan kepada jasanya kepada bangsa dan tanahnya, Kementerian Pelajaran Malaysia telah meletakkan IBHY sebagai salah seorang pejuang kebangsaan di Tanah Melayu sebelum 1945 dalam Sukatan Pelajaran Baru bagi Sekolah Menengah Rendah.

Semoga Allah mencucuri rahmat ke atas roh IBHY .

Hermitage House



Ishak Haji Mohd (Pak Sako) :
Kegiatan Sastera dan Politik Sehingga 1948

Parvulae Neusea

Ishak Haji Mohd (Pak Sako): Kegiatan Sastera dan Politik
Sehingga 1948

Oleh : Abd. Latiff Abu Bakar
Jabatan Pengajian Media,
Universiti Malaya

**ISHAK sebagai seorang penulis Sasterawan Kesusasteraan
Melayu Moden**

Ishak adalah seorang sasterawan Melayu yang popular sejak tahun 1930-an lagi. Ia dikenali dan diminati oleh orang ramai terutamanya orang Melayu kerana hasil penulisan sasteranya dalam suratkhobar *Warta Malaya* serta cawangannya *Warta Ahad* dan *Warta Jenaka* dan juga akhbar *Utusan Melayu* serta cawangannya *Utusan Zaman*. Oleh kerana majoriti karya-karyanya yang berbentuk cerpen disiarkan didalam suratkhobar (Ishak seorang wartawan) maka bolehlah dikatakan ia seorang Wartawan-Sasterawan.

Selain daripada Abdul Rahman Kajai, Ishak juga seorang pelopor cerpen Melayu sebelum Perang Dunia Kedua. Ia telah menghasilkan sebanyak 29 buah cerpen*. Kebanyakan cerpen-cerpennya adalah bersambungan kadang-kadang dua hingga lima keluaran seperti '*Doli Bidadari Dari Shanghai*', '*Burung Terbang Jangan Dipipiskan Lada*', '*Dari Perangkap Ke Penjara Kemudian Ke Syurga*', '*Kalau Sudah Merana Ubat Guna-Guna Tidak Guna*' dan lain-lain. Cerpen-cerpen Ishak sangat diminati oleh peminat-peminat sastera dan pembaca-pembaca suratkhobar ketika itu. Kebanyakan cerpen-cerpen Ishak adalah berbentuk teguran dan sindiran

Enam buah cerpen Ishak yang baharu dijumpai panjangnya lebih kurang 700-1000 perkataan tiap-tiap satu yang dimuatkan di dalam akhbar *Warta Malaya*. Satu daripada cerpen-cerpen tersebut iaitu '*Cepatnya Fitnah Bercambah*' adalah hasil dari ringkasan cerita dari buku Indian *Wits and Humour*. Majoriti cerpen-cerpen ini Ishak ingin mewujudkan kesedaran supaya pembaca boleh berfikir yang mendalam terhadap pemerintah British dan menceritakan 'niat-niat buruk' sesetengah orang tempatan seperti raja-raja dan pembesar-pembesar Melayu yang bersikap mementingkan diri sendiri dan tidak mempunyai semangat cintakan tanah air, bangsa, agama, dan adat resam. Beliau selalu mengkritik sikap setengah-setengah orang

.....

Melayu yang malas dan tidak mengambil berat akan hal ehwal kehidupan mereka sendiri.

Tujuan penting Ishak menulis cerpen ini adalah sebagai media yang lebih baik daripada rencana untuk menyampaikan pengajaran, contoh tauladan/maksud tujuan yang disulamkan di dalam cerita kerana ia lebih memberi kesan kepada pembaca-pembaca daripada mengeluarkan makalah-makalah yang melambung-lambung dan berdekar-dekar. Dengan lain perkataan segala karya cerpennya mempunyai tujuan dan hasrat yang lebih untuk memberi kesedaran kepada pembaca-pembacanya.

Segala maksud dan tujuan yang hendak disampaikan adalah ditujukan khas kepada orang-orang Melayu demi untuk memberikan semangat dan menaikkan semangat di kalangan orang-orang Melayu terutamanya di kalangan muda-mudi. Melalui cerpen-cerpennya Ishak juga cuba membuka mata orang-orang Melayu tentang pergolakan yang berlaku ketika itu dan telah mengeluarkan falsafah hidupnya.

Ishak juga seorang penulis yang bukan sahaja pandai mengkritik pihak-pihak atau orang-orang yang mementingkan diri sendiri, dan yang telah menyebabkan kemiskinan orang-orang Melayu baik dari segi ekonomi, sosial, pelajaran tetapi berkebolehan juga mengeluarkan falsafah hidupnya untuk memberi kesedaran dan menaikkan semangat orang-orang Melayu untuk mengubah nasib mereka.

Ishak telah menggunakan falsafah hidupnya secara simbolik di dalam cerpennya agar orang-orang Melayu menubuhkan suatu gerakan kumpulan haram yang digelar MATAHAB untuk menebus harta dan tanahair yang telah tergadai ditangan orang-orang asing. Walaupun cerita-cerita ini hanya direka oleh Ishak tetapi ia telah dapat menyedarkan dan menaikkan semangat di kalangan orang-orang muda untuk mempertahankan tanahair dan harta daripada dirampas atau dimonopoli oleh bangsa-bangsa asing. Cerita-cerita Ishak seperti ini sangat diminati oleh pemuda-pemudi dan guru-guru. Umpamanya Dahari Ali seorang muda ketika itu yang pernah menjadi Setiausaha PKMM pada hujung tahun 1945 berkata:

"Saya tertarik dengan karya-karya Ishak sebelum Perang Dunia Kedua terutamanya kisah-kisah MATAHAB, suatu

.....

kumpulan haram yang direka oleh Ishak untuk menebus harta dan tanahair Melayu yang tergadai. Penulisan-penulisannya pula lebih mempengaruhi kepada masyarakat ketika itu. "

Mengikut Hashim Awang, tema-tema cerpen tahun 1930 an pada umumnya masih berlanjutan dengan tema-tema sebelumnya tetapi apa yang berubah pesat ialah persoalan-persoalan kesedaran kebangsaan atau nasionalisma di dalam bidang politik dan ekonomi ,sosial dan pelajaran . Manakala tahun-tahun 1940-41 menjadi lebih penting dalam perkembangan cerpen-cerpen Melayu jika diperhubungkan dengan persoalan-persoalan nasionalisma Melayu. Di dalam jangka masa yang singkat inilah bermulanya perbincaraan yang lebih tegas tentang nasionalisma Melayu dalam bentuk prosa dari Kesusasteraan Melayu. Berdasarkan pendapat Hashim Awang ini maka Ishak boleh disifatkan sebagai seorang penulis cerpen yang telah mewakili tema-tema cerpen Melayu sebelum perang dengan lantangya. Ia telah menunjukkan segala perasaan kesedaran kebangsaan kepada pembaca-pembaca. Melalui kesedaran inilah Ishak berharap agar orang-orang Melayu akan merasainya bersama-sama. Semangat nasionalisma yang ditunjukkannya adalah dengan cara berkelakar, sindiran, nasihat, dan kadang-kadang dengan seriusnya.

Ishak telah menunjukkan persoalan kesedaran kebangsaan atau nasionalismnya seperti soal politik dengan mengkritik penjajah Inggeris dan Raja-raja Melayu yang tunduk kepada penjajah Inggeris: soal ekonomi dengan mengkritik bangsa-bangsa asing seperti Cina yang memonopoli perniagaan, perdagangan dan perusahaan dan dalam lapangan sosial mengkritik sikap pemerintah yang tidak mengambil berat hal-ehwal orang Melayu. Semangat kesedaran kebangsaan yang ditunjukkan melalui cerpen-cerpennya memang sangat digemari oleh pembacca-pembaca muda ketika itu. Umpamanya A.Samad Ismail seorang wartawan muda ketika itu sangat minat kepada karya karya Ishak. Beliau menyatakan:

"Saya lebih suka kepada karya-karya Ishak daripada Abdul Rahim Kajai dan Ibrahim Yaacob kerana karya-karya Ishak lebih kepada masyarakat Melayu terutama tentang penderitaan dan memperjuangkan hak Melayu. Cerpen-cerpen Ishak masih '*is sometihing new*' di mana pembaca-pembaca tidak mengetahui sebelum itu. Bahasa yang digunakannya adalah

ringkas dan tidak terpengaruh dengan bahasa-bahasa Melayu lama seperti Abdul Rahim Kajai. Oleh itu membaca karya Ishak adalah sesuai dengan keadaan pembacaan saya pada masa itu..."

Mengikuti Drs. Li Chuan Siu pula, cerpen-cerpen Ishak bersifat didaktik yang meniupkan fahaman kebangsaan. Manakala gaya bahasa yang digunakan di dalam karyanya bercorak bahasa wartawan dan agak kurang realistik sehingga kurang meyakinkan dan tidak dapat meninggalkan kesan yang mendalam kepada pembaca-pembaca yang teliti. Fikiran dan khayalan beliau itu bersifat asli dalam ertikata yang sebenarnya. Oleh yang demikian patutlah beliau dianggap sebagai pengarang yang bercita-cita tinggi dan banyak sekali jasanya dalam mengembangkan kesusasteraan Melayu Baru.

Semasa pendudukan Jepun pula Ishak telah memainkan peranan penting di dalam perkembangan cerpen-cerpen Melayu. Terdapat kira-kira 21 buah cerpen yang dikumpulkan dari majalah *Semangat Asia*, manakala lapan daripadanya telah disumbangkan oleh Ishak.

Semasa pendudukan Jepun ini juga, Ishak telah giat menulis cerpen-cerpen yang bertema didaktik mengenai masyarakat Melayu pada zaman Jepun. Melalui cerpen-cerpennya, Ishak telah terikat kepada propaganda Jepun untuk menyusun dan mewujudkan 'Masyarakat Baru'. Untuk tujuan ini ia telah menyampaikan maksud dan falsafahnya untuk memberikan asuhan dan menyedarkan orang Melayu supaya berfikir. Seterusnya mengajar kehendak-kehendak yang diidamkan oleh Ishak. Melalui cerpen-cerpen di zaman Jepun ini, Ishak juga telah mengkritik sikap orang-orang Melayu yang suka membuat kerja-kerja yang tidak memberi faedah seperti berpakaian cantik, mempraktikkan adat-adat Melayu yang membazirkan, kemalasan orang-orang Melayu dan sebagainya.

Dengan karya-karya Ishak ini, tidak hairanlah apabila Arena Wati mengatakan bahawa di sinilah letaknya jasa-jasa yang harus dihargai di kalangan penulis-penulis cerpen itu (semasa Jepun, termasuk Ishak sendiri), yang berhasil menggunakan kesempatan yang timbul dari seruan Jepun itu, meniupkan semangat dengan menggunakan hasil ciptaan mereka yang halus itu memberi asuhan mental pada pembaca terutama pemuda-pemuda.

.....

Selain dari cerpen, Ishak juga seorang penulis yang telah memainkan peranan yang penting dalam perkembangan novel-novel Melayu sebelum perang dengan menerbitkan dua buah novelnya. Walau bagaimanapun, Ishak tidak menghasilkan apa-apa novel selepas itu hingga tahun 1956. Novel-novel Ishak sebelum perang ialah *Putera Gunung Tahan* (1937) dan *Anak Mat Lela Gila* (1941). Novel-novel tersebut bukanlah hanya untuk hiburan sahaja tetapi apa yang lebih dipentingkan oleh Ishak ialah isi dan motif-motif yang hendak disampaikan kepada pembaca-pembaca. Ia telah menunjukkan semangat nasionalismanya melalui novel-novelnya ini dengan mendedahkan sikap penjajah Inggeris dan raja-raja serta pembesar Melayu yang mengamalkan sikap mementingkan diri sendiri tanpa menghiraukan hal ehwal rakyat jelata. Melalui novel-novel inilah Ishak dengan berani mengkritik penjajah Inggeris yang menjadikan raja-raja dan pembesar-pembesar Melayu mengikut perintah mereka. Novel-novel itu juga menggambarkan penjajah Inggeris sebagai penjajah yang tamak.

Dalam perkembangan kesusasteraan Melayu, novel-novel ini penting kerana kedua-duanya mengutarakan unsur semangat nasionalisma untuk disebarkan pengaruhnya di kalangan pembaca-pembaca supaya mempunyai sikap anti penjajah Inggeris dan Raja-raja serta pembesar-pembesar Melayu yang ikut kata-kata pemerintah Inggeris. Ishak juga cuba memupuk semangat cintakan tanah air, bangsa, agama, dan adat-istiadat serta tidak rela negaranya dijajah di kalangan pembaca terutamanya orang-orang Melayu. Drs. Li Chuan Su juga berpendapat bahawa Ishak adalah pengarang novel yang walaupun kurang tinggi seninya, namun penuh dengan buah fikiran dan sindiran yang ditujukan untuk memperbaiki masyarakat Melayu dan membangkitkan kesedaran kebangsaan.

Ishak juga seorang penulis novel yang mengeluarkan ide-ide nasionalisma berasaskan kepada pengalaman-pengalamannya. Umpamanya novel sulungnya *Putera Gunung Tahan* adalah berasaskan pengalamannya yang mendalam terhadap pergaulannya dengan pegawai-pegawai Inggeris, Raja-raja Melayu dan pembesar-pembesar Melayu. Melalui pergaulan-pergaulannya sewaktu menjadi Pegawai Tadbir Melayu, Ishak sungguh tidak sesuai dengan sikap mereka ini yang mempengaruhi antara satu dengan yang lain, sehingga

.....

hal ehwal rakyat jelata tidak dihiraukan sangat. Oleh itu di dalam novelnya ini, Ishak telah menyatakan dengan berani tentang kejadian-kejadian yang pernah berlaku di kalangan penjajah Inggeris, Raja-raja dan pembesar-pembesar Melayu untuk pengetahuan dan menaikkan semangat nasionalisma pembaca-pembaca. Dengan motif-motif tertentu inilah yang menyebabkan nilai seni sastera tidak dititikberatkan. Melalui novel ini Ishak boleh disifatkan sebagai seorang penulis novel yang telah menunjukkan sikap keberanian awalnya dalam bentuk karya sastera.

Di dalam novel *Anak Mat Lela Gila* pula, Ishak mengarang berasaskan pengalaman-pengalamannya merantau seluruh Tanah Melayu. Melalui pengalamannya ini, ia lebih ketara mengetahui hal-ehwal masyarakat Melayu. Oleh itu di dalam novel ini pula, Ishak lebih menitikberatkan tentang pergolakan dan sikap kelalaian orang-orang Melayu dalam menghadapi cabaran hidup mereka, di samping mengkritik pentadbiran penjajah Inggeris.

Berdasarkan kepada novel-novel ini, Taib Osman berpendapat bahawa Ishak telah memainkan peranan penting dalam perkembangan sejarah kesusasteraan apabila dia mengarang dua buah novelnya iaitu *Putera Gunung Tahan* dan *Anak Mat Lela Gila*. Ishak telah mengatasi kebanyakan novel-novel lain pada masa itu. Ishak adalah seorang pengarang novel sebelum perang yang mempunyai idea-idea yang bertugas menyampaikan *message* yang tertentu untuk menyedar dan menaikkan semangat orang Melayu menentang pemerintah dan raja-raja Melayu dengan menggunakan kias ibarat di dalam novelnya. Novel-novelnya ini tidak menitikberatkan dari segi nilai seni sastera; yang dipentingkan adalah *message*, lebih-lebih lagi pengarang dan pembaca-pembaca ketika itu tidak mementingkan nilai seni sastera. Walau bagaimanapun ia telah menggunakan unsur-unsur *satire* (unsur-unsur sindiran) di dalam novel-novelnya.

Zainal Abidin Wahid pula berpendapat bahawa terdapat lapan kesimpulan penting yang hendak disampaikan oleh Ishak di dalam kedua-dua novelnya kepada pembaca-pembaca iaitu:

Walaupun bagaimanapun Ishak telah menyatakan juga tentang sikap kebiasaan orang Melayu yang suka bergaya, kemalasan orang-orang

.....

Melayu dalam perusahaan pertanian jika dibandingkan dengan orang-orang asing dan sebagainya. Oleh itu tidak dapat disangkal lagi bahawa Ishak adalah novelis penyubur yang bersemangat nasionalisma jika dibandingkan dengan novelis-novelis lain yang sezaman dengannya yang bertujuan menyedarkan dan menaikkan semangat orang-orang Melayu.

Ini ditegaskan lagi oleh Adi Mas bahawa tidak ada penulis-penulis novel Melayu seperti Pak Sako dalam tahun-tahun empat puluhan segagah dan seberani beliau mencipta karya sastera (novel) berbau politik. Peranan kedua-dua novelnya-*Putera Gunung Tahan* dan *Anak Mat Lela Gila*-dalam zaman penjajahan sebelum perang turut meniupkan semangat kebangsaan dengan jelas dan terang-terangan. Manakala motif dalam *Putera Gunung Tahan* sangat menonjol dalam masa sebelum perang dan tentu orang-orang yang membacanya di masa itu akan merasa tikaman semangat kebangsaan yang disarankan di dalamnya. Novel ini telah memainkan peranan penting kepada rakyat dan bangsa Melayu dalam kegiatan semangat kebangsaan yang memuncak ketika itu.

Wartawan

Sebagai seorang wartawan, Ishak telah banyak membuat jasa dalam perkembangan persuratkhabaran di Malaysia. Beliau telah memainkan peranan penting seperti mengambil berita, menterjemah rencana-rencana bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu, membuat rencana-rencana, cerpen-cerpen dan kadang-kadang mengeluarkan tajuk rencana akhbar. Oleh kerana ia mempunyai pengalaman yang luas dalam hal persuratkhabaran, tidak hairanlah jika ia pernah mengajar hal kewartawanan kepada wartawan-wartawan muda seperti A.Samad Ismail pada 1940.

Ishak adalah di antara orang kuat yang telah berusaha membentuk akhbar *Utusan Melayu* yang dipunyai oleh orang Melayu tulin. Beliau telah memainkan peranan penting seperti menjual saham dan mempengaruhi rakyat jelata membaca dan menjayakan akhbar baru itu. Oleh kerana Ishak adalah di antara tokoh wartawan yang serba boleh maka pada November 1943 ia telah dipilih oleh pemerintah Jepun mewakili Tanah Melayu ke persidangan Kongres Wartawan

.....

Seluruh Asia di Tokyo, Jepun. Apabila Abdul Rahim Kajai meninggal dunia pada bulan Disember 1943, Ishak telah menjadi Ketua Pengarang akhbar *Berita Malai* dan majalah *Semangat Asia* hingga bulan April 1944.

A.Samad Ismail sekali lagi berpendapat bahawa walaupun Ishak baru menceburkan diri dalam bidang kewartawanan daripada Abdul Rahim Kajai, tetapi karya-karya Ishak lebih diminati ramai terutama di kalangan muda-mudi dan guru-guru kerana karya-karyanya selalu 'terbaru' dan susunan ayatnya pendek. Ishak boleh disifatkan sebagai 'a best writer' jika dibandingkan dengan wartawan-wartawan sezaman dengannya.

Memandangkan pengalamannya dalam bidang persuratkabaran dan penulisannya yang meluas, ia telah dijemput oleh PKMM untuk menjadi Ketua Pengarang akhbar *Pelita Malaya* dan majalah *Suluh Malaya* pada awal tahun 1946. Seterusnya ia telah berani mengambil inisiatif mengeluarkan majalah KRIS pada pertengahan tahun 1946 yang dibantu oleh Shamsuddin Salleh. Selepas pendudukan Jepun, ia telah menggunakan akhbar-akhbar dan majalah ini sebagai media politik seorang perjuangannya melalui penulisan untuk menghentam dan mengkritik penjajah Inggeris serta menentang pemikiran-pemikiran politik sayap kanan (UMNO) yang dipimpin oleh Dato' Onn Jaafar. Tempoh ini bolehlah disifatkan ia sebagai ahli politik bersayap kiri yang gigih dalam sejarah Malaysia melalui penulisannya dan pergerakan politik berparti.

Memandangkan kecekapan dan kepintaran Ishak dalam bidang penulisan baik sebagai sasterawan, wartawan dan ahli politik maka Zulkiflie Owni yang pernah menjadi Setiausaha PKMM, 1946 berpendapat bahawa Ishak adalah seorang penulis yang befikiran maju, berjiwa dinamis, kritikus, bersifat kritikal, sindiran, bersifat anjuran dan bersifat hasutan. Manakala personaliti Ishak pula disifatkan sebagai seorang yang berjiwa rakyat jelata dan otaknya ialah otak yang suka kontras.

Melalui penulisan-penulisan yang berbentuk sastera seperti cerpen dan novel, ia lebih dikenali dan disanjung oleh orang ramai sebagai penyubur sastera Melayu. Sumbangan Ishak ini tidak dapat dinafikan

.....

(sebagaimana yang sudah diterangkan di atas) telah berbakti kepada masyarakat. Oleh itu tepat sekali seperti yang dinyatakan oleh Prof. Dr. Khoo Kay Kim di hari Konvokesyen Universiti Malaya pada 29 Jun 1973, bahawa karya-karyanya merupakan salah satu daripada beberapa jenis yang terdapat dalam sejarah Kesusasteraan Kebangsaan kita.

Ahli politik

Pergerakan Politik Sebelum Pendudukan Jepun

Sebelum pendudukan Jepun 1941, Ishak telah memainkan dua peranan penting dalam perkembangan politik dalam sejarah Malaysia. Melalui kedua-dua aktiviti ini ia disifatkan sebagai seorang penulis dan ahli politik sebelum dan selepas perang. Ia dikenali dan diminati ramai terutama generasi-generasi muda tentang karya-karyanya yang berbau politik dan bercorak nasionalisma Melayu. Tujuan penting karya-karya sasteranya seperti cerpen-cerpen dan novel-novelnya adalah untuk memberi kesedaran dan menanamkan semangat nasionalisma kepada pembaca supaya mempunyai semangat cintakan tanahair, bangsa, agama dan adat resam. Pada period ini Ishak telah memberi banyak jasa kepada masyarakat umum untuk menegakkan keadilan dalam masyarakat dan negara. Oleh itu ia boleh disifatkan sebagai pengasas memberi kesedaran politik melalui penulisan-penulisannya kepada orang ramai. Semangatnya yang berkobar ini, menyebabkan ia menjadi popular di kalangan pejuang-pejuang Melayu lain seperti Ibrahim Yaacob dan pengikut-pengikutnya seperti Onan Siraj, Isa Muhammad dan lain-lain lagi. Ishak mempunyai jiwa dan semangat yang sehaluan dengan Ibrahim Yaacob dan lain-lain pengikutnya iaitu anti penjajah Inggeris serta membela nasib bangsanya.

Walau bagaimanapun tidak dapat dinafikan bahawa Ibrahim Yaacob telah bergerak begitu awal dalam pergerakan politik Tanah Melayu iaitu sejak ia menuntut di Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim (MPSI) pada 1929 di mana ia telah berhubung rapat dengan pejuang-pejuang Indonesia yang datang ke Tanah Melayu dan menerima ide-ide dari pejuang-pejuang tersebut. Di MPSI, Ibrahim telah menubuhkan sebuah organisasi 'Belia Malaya' pada awal tahun 1930-an yang lebih berfikiran politik. Organisasi ini kemudiannya

.....

lenyap kerana ahli-ahlinya menjadi guru di merata-rata Tanah Melayu. Kemudian pada pertengahan tahun 1937, Ibrahim Yaacob dan rakan-rakannya lepasan dari MPSI telah menubuhkan Kesatuan Melayu Muda (KMM) secara sulit tanpa pendaftaran. Oleh kerana penjajah Inggeris melarang pergerakan-pergerakan politik yang bersayap kiri dan yang menentang pemerintah Inggeris seperti KMM, maka pergerakan KMM terpaksa bergerak secara sulit (bawah tanah).

Mengikut Ibrahim Yaacob bahawa KMM tidak menyatakan kesetian kepada sultan-sultan dan Inggeris atau menyatakan tidak bekerjasama (*spoke of non-cooperation*); tetapi bekerja untuk memajukan perasaan kebangsaan dan pengajarannya di antara ahlinya, di mana kekuatannya (KMM) terletak pada golongan bawahan. Tetapi mereka belum berani membuat pertentangan secara 'berterangan' kepada penjajah Inggeris. Ishak adalah sahabat baik kepada Ibrahim Yaacob. Mereka mula berkenalan ketika di Bentong, Pahang pada tahun 1932 dan lebih mesra dan selalu berbincang mengenai hal-hal kemiskinan orang Melayu ketika mereka sama-sama berkhidmat di Kuala Lumpur pada tahun 1935. Untuk meramaikan ahli KMM, Ibrahim Yaacob mengajak Ishak menjadi ahli KMM. Oleh kerana Ishak memang seorang yang mempunyai semangat cintakan tanah air, bangsa, agama dan adat-resam lalu ia menerima pelawaan Ibrahim walaupun ketika itu ia tinggal di Singapura.

Namun begitu segala aktiviti KMM tidak dapat bergerak dengan bebas dan tidak mempunyai ideologi yang 'hitam putih' kerana pergerakan-pergerakan sayap kiri seperti KMM ini dihalang dan disekat oleh penjajah Inggeris. Tetapi apa yang penting bagi Ishak sebagai seorang ahli KMM ialah terus berjuang menentang (mengkritik) penjajah Inggeris melalui penulisan-penulisannya dalam akhbar-akhbar. Ditegaskan oleh Ishak bahawa perjuangan KMM ini tidaklah berniat untuk menggulingkan penjajah Inggeris malah katanya KMM tidak tahu bagaimana hendak melakukan ini. Sebaliknya tujuan utama mereka (ahli-ahli KMM) adalah untuk memberhentikan gerakan memeras orang-orang Melayu yang dilakukan oleh bangsa-bangsa lain dan untuk membangkitkan perasaan kebangsaan di antara orang-orang Melayu melalui penulisan-penulisan rencana yang meransangkan dalam surat-surat khabar tempatan.

.....

Walaupun Ishak masih menjadi ahli KMM tetapi semangatnya terhadap pergerakan politik tanah air juga berkobar-kobar di Singapura. Ini menyebabkan pada tahun 1938 ia menjadi ahli Kesatuan Melayu Singapura (KMS) yang juga mempunyai cita-cita politik dan ingin menegakkan hak orang-orang Melayu di pulau itu. Kemudian pada tahun 1939 Ishak telah memainkan peranan yang penting di dalam pergerakan-pergerakan KMS di samping menjadi wartawan dan ahli KMM. Ishak telah dilantik menjadi Setiausaha Kesatuan Melayu Singapura dan telah bergerak dengan cergas. Sebagai ahli Jawatankuasa yang aktif ia selalu mewakili KMS di dalam pergerakan-pergerakan atau kongres-kongres pertubuhan gabungan.

Di dalam perjumpaan-perjumpaan (kongres) Kesatuan Melayu Semenanjung yang diadakan di Kuala Lumpur pada 6 Ogos, 1939, Ishak telah mewakili KMS di samping Abdul Manan Mohd. Ali sebagai Ahli Jawatankuasa KMS dan Daud bin Mohd Shah selaku Yang Dipertua KMS. Di dalam kongres itu Ishak telah mengusulkan supaya satu gabungan persatuan persekutuan Melayu Semenanjung ditubuhkan yang beribu pejabat di Kuala Lumpur. Cadangannya ialah untuk memperkukuhkan persatuan-persatuan bangsa Melayu dan persahabatan di kalangan orang-orang Melayu di dalam pergerakan-pergerakan Kesatuan Melayu Semenanjung.

Kongres yang kedua telah diadakan di Singapura pada 24-26 Disember, 1940 yang dihadiri oleh 41 wakil dari 11 badan gabungan (kesatuan/persatuan) negeri dari Singapura, Pulau Pinang, Melaka, Pahang, Selangor, Negeri Sembilan, Perak, Kelantan, Johor, Brunei dan Sarawak. Di dalam perbincangan kongres ini, Ishak telah dilantik menjadi Setiausahanya manakala Tengku Ismail dari Persatuan Melayu Selangor telah dilantik mempengerusikan perbincangan-kongres tersebut. Pada 7 Februari hingga bulan Jun 1941, Ishak telah menjelajah negeri-negeri di utara dan selatan Tanah Melayu untuk meninjau keadaan negeri-negeri Melayu itu semasa perang dunia sedang hebat berlaku. Di dalam perjalanannya ini Ishak telah berpeluang berjumpa dengan Yang Dipertua dan Setiausaha Persatuan Melayu Perak untuk bertukar-tukar fikiran dan membincangkan (secara tidak rasmi) tentang Perjumpaan Persatuan/Kesatuan Melayu Semenanjung, Sarawak dan Brunei yang akan diadakan pada bulan

.....

Disember 1941 di Ipoh. Tetapi perjumpaan yang dirangkakan itu tidak berjaya kerana ketika itu Jepun telah mula menyerang Tanah Melayu.

Pergerakan Politik Selepas 1945

Dengan pendudukan Jepun di Tanah Melayu dan Singapura 1941-1945, segala pergerakan politik telah tidak digalakkan oleh pemerintah Jepun. Ini menyebabkan Ishak tidak bergiat lagi di dalam arena politik semasa pendudukan Jepun jika dibandingkan dengan Ibrahim Yaacob yang meneruskan perjuangannya dalam Kesatuan Melayu Muda dengan berpura-pura menyokong pemerintah Jepun di Tanah Melayu dan Singapura. Namun begitu Ishak telah bertugas dengan pemerintah Jepun sebagai pengarang *Malai Shinbun Sha* yang menerbitkan suratkhbar *Berita Malai* dan majalah *Semangat Asia* hingga bulan April 1944. Di samping mempropagandakan pemerintahan Jepun, Ishak tetap mengeluarkan falsafah dan kritikan kepada masyarakat Melayu untuk mencapai satu "masyarakat baru" di Tanah Melayu dan Singapura melalui cerpen-cerpennya.

Semangat Ishak yang anti penjajah Inggeris meluap-luap semula apabila Inggeris kembali memerintah Tanah Melayu selepas Jepun menyerah kalah dalam tahun 1945. Ini jelas apabila Ishak mendapati semenjak Inggeris menjadi penangung di Negeri-negeri Tanah Melayu, penjajah Inggeris telah meninggalkan Tanah Melayu dan bangsa Melayu dalam keadaan yang berpecah-belah, lemah dan miskin dalam segala lapangan semasa pendudukan Jepun. Pengalaman semasa pendudukan Jepun (tiga tahun lapan bulan), menambahkan semangat Ishak dan pejuang-pejuang Melayu yang lainnya untuk bersatu padu dalam pergerakan menjaga hak dan faedah tanahair, agama, bahasa dan adat istiadat. Mereka bergerak dalam arena politik tanah air dengan sepenuhnya.

Segala kejadian yang berlaku di Tanah Melayu selepas pendudukan Jepun terdapat juga di negeri-negeri jajahan Barat yang lain seperti di Indonesia, Indo-China, India, Palastin, Mesir dan lain-lain. Negeri-negeri ini juga telah insaf dan bergerak menentang kuasa-kuasa penjajah Barat. Keadaan-keadaan yang berlaku di negeri-negeri tersebut telah menyedarkan Ishak dan pergerakan-pergerakan bangsa

.....

Melayu supaya bersatu serta berjuang menjaga hak bangsa, tanah air, agama dan adat istiadat Melayu.

Mulai awal tahun 1946 Ishak mula bergiat dalam arena politik tanahair dengan sepenuh masa. Kali ini Ishak telah berjuang dengan seriusnya di dalam pergerakan politik berparti. Ia telah menganggotai Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) pada awal tahun 1946 dan telah memainkan peranan yang penting juga di dalam PKMM. Semangat Ishak berpolitik dengan seriusnya mula kelihatan apabila kerajaan Inggeris di London telah merancang Malayan Union untuk dipraktikkan di Tanah Melayu sejak penghujung tahun 1945 lagi. Rancangan Malayan Union yang tidak dipersetujui oleh Ishak ialah tentang kelonggaran memberi hak kerakyatan dan persamaan hak kepada orang-orang asing di Tanah Melayu, serta mengasingkan Singapura dari Tanah Melayu.

Ini menyebabkan Ishak mengarang sebuah buku bercorak politik yang bernama *Bersatulah Sekarang*. Tujuan buku ini dikarang adalah untuk memberi peransang kepada orang-orang Melayu supaya bersatu dalam pergerakan politik kebangsaan. Di dalam buku ini juga Ishak telah mengeluarkan falsafahnya supaya orang-orang Melayu bersatu padu untuk menghadapi penjajah Inggeris dan Rancangan Malayan Union. Ia berharap agar Persatuan-persatuan Melayu di Tanah Melayu bergabung di dalam pergerakan politik demi kepentingan orang Melayu dan jangan berpecah-belah.

Di dalam PKMM Ishak telah memainkan peranan penting di dalam pergerakan parti tersebut. Ia juga pernah menjadi Ketua Pengarang akhbar *Pelita Malaya* dan majalah *Suluh Malaya* yang diterbitkan oleh Zulkiflie Owni. Di dalam akhbar dan majalah ini Ishak telah menunjukkan bakatnya terhadap politik Tanah Melayu dengan mendalam dan mengetahui hal-hal politik luar negeri seperti Mesir, Indonesia, Indo-China dan negeri-negeri lain yang dijajah dan yang pernah dijajah. Kecekapan Ishak di dalam hal-hal pergerakan politik dalam dan luar negeri jelas kelihatan apabila ia selalu menulis artikel-artikel / rencana-rencana dalam ruangan "Selamat Pagi", "Ulasan Warta Berita Seminggu" dan tajuk-tajuk rencana di dalam akhbar *Pelita Malaya* yang mempunyai motif menuju kebenaran, perdamaian dan kemerdekaan bangsa.

.....

Apabila Muktaruddin Lasso selaku Yang Dipertu PKMM balik ke Indonesia, Ishak telah dilantik menjadi Naib Yang Dipertua PKMM manakala Dr. Burhanuddin Al-Helmy menjadi Yang Dipertua PKMM pada awal tahun 1946. Seterusnya Ishak telah dilantik menjadi Yang Dipertua pada tahun 1948. Semasa menjadi Naib Yang Dipertua PKMM, Ishak telah memainkan peranan penting dalam pergerakan-pergerakan parti politik Melayu yang bersayap kiri ini. Umpamanya persidangan agung tahunan UMNO yang diadakan pada Jun 1946 di Ipoh, Ishak telah menjadi juara apabila ia telah dipilih mewakili PKMM dan memberi ucapan serta membuat cadangan-cadangan di dalam persidangan itu.

Apabila agenda menentukan bendera dan lambang UMNO dikemukakan, Ishak telah mencadangkan bahawa warna merah putih dijadikan lambang UMNO. Apabila undi dijalankan Ishak telah kalah sebanyak satu undi sahaja menyebabkan wakil-wakil PKMM yang terdiri daripada Ahmad Boestamam (Ketua Pemuda PKMM), A. Rahman Rahim (Tokoh PKMM Perak) dan Ishak sendiri telah mengambil keputusan menarik diri dari bergabung dengan UMNO. Sebenarnya penarikan PKMM dari bergabung dengan UMNO adalah kerana mereka mempunyai fahaman ideologi yang berlainan dalam memperjuangkan dan menuntut kemerdekaan Tanah Melayu oleh orang-orang Melayu.

Ishak juga telah dilantik menjadi Ketua Bahagian Politik PKMM. Dengan jawatannya ini Ishak selalu mewakili PKMM di dalam perbincangan-perbincangan dengan gabungan parti-parti sayap kiri bukan Melayu iaitu *All-Malayan Council of Joint Action* (AMCJA) yang ditubuhkan di Singapura pada 14 Disember 1946 oleh Dato Tan Cheng Lock. Pada mulanya PKMM telah menjadi ahli gabungan AMCJA bersama-sama dengan *Malayan Democratic Union* (MDU), *Malayan India Congress* (MIC), *Pan-Malayan Federation of Trade Unions* (PMFTU), sebuah gabungan kesatuan-kesatuan buruh. Pada 22 Disember, 1946 AMCJA telah terdiri dengan rasminya dengan Dato Tan Cheng Lock terpilih sebagai pengerusinya. Dengan terpilihnya Dato Tan Cheng Lock sebagai Pengerusi AMCJA, menyebabkan orang-orang Melayu ramai keluar dari PKMM. Ini menyebabkan pada bulan Januari dan Februari 1947 pemimpin-pemimpin AMCJA sibuk mengadakan perundingan dengan pemimpin-pemimpin PKMM

.....
terutamanya Ishak Haji Muhammad untuk mencari jalan keluar yang lebih memberi kesan kepada orang-orang Melayu supaya menyokong gerakan AMCJA.

Untuk memperkuat kedudukan parti politik Melayu yang bersayap kiri, Ishak telah dilantik menjadi Yang Dipertua Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA), pada 11 Februari, 1947. Gabungan-gabungan PUTERA terdiri daripada *Parti Kebangsaan Melayu Malaya* (PKMM) *Angkatan Pemuda Insaf* (API), *Angkatan Wanita Sedar* (AWAS), *Barisan Tani SeMalaya* (BATAS), *Majlis Islam Tertinggi* (MATA) dan *Gerakan Angkatan Muda Singapura* (GERAM). PUTERA yang dipimpin oleh Ishak telah membuat perhubungan yang erat dengan AMCJA di dalam pergerakan parti politik yang bersayap kiri di Tanah Melayu.

Di dalam bulan April 1947 telah diadakan beberapa rundingan di antara AMCJA-PUTERA. Hasil dari rundingan ini, tercapai satu persetujuan bahawa AMCJA-PUTERA akan menubuhkan sebuah Jawatankuasa Kerja (*Working Committee*) untuk mengeluarkan cadangan perlembagaan baru yang lain bagi menggantikan cadangan daripada Jawatankuasa Kerja Perlembagaan Malayan Union. Perjumpaan rasmi buat kali pertama bagi wakil-wakil AMCJA-PUTERA telah diadakan pada bulan Julai 1947 dan dalam bulan Ogos 1947 telah diadakan sekali lagi perjumpaan.

Di dalam perjumpaan kali kedua, bulan Ogos 1947 ini, mengikut Ahmad Boestamam merupakan perjumpaan yang penting dalam perjuangan sayap-sayap kiri Tanah Melayu kerana semua pemimpin-pemimpin gabungan AMCJA-PUTERA telah hadir sama seperti Dr. Burhanuddin Al-Helmy (PKMM), Tan Cheng Lock, John Eber dan Lin Kean Chye (MDU), Cheng Loo (PMFTU), Gerald de Cruz (MDU), Ishak Haji Muhammad (PUTERA) dan gabungan-gabungan lain. Di dalam perjumpaan ini, Majlis telah sebulat suara memilih Ishak Haji Muhammad sebagai Pengerusi Pesidangan dan Gerald de Cruz sebagai Setiausahanya.

Di dalam persidangan ini, AMCJA-PUTERA telah membincangkan "Perlembagaan Rakyat Malaya" (*The Peoples Constitution for Malaya*). Akhirnya tercapai 10 Perlembagaan Rakyat Malaya iaitu 6 dari prinsip perjuangan AMCJA dan 4 dari prinsip dari cadangan

.....

PUTERA. Malangnya tuntutan AMCJA-PUTERA ini telah tidak berjaya dan ini menyebabkan mereka mengadakan *hartal* pada 20 Oktober 1947. Selepas *hartal* dilancarkan dengan jayanya, pergerakan AMCJA-PUTERA telah tidak aktif lagi. Ini menyebabkan masing-masing parti mementing dan mengutamakan jalannya sendiri.

Pada 28 Disember 1947 Ishak selaku Naib Yang Dipertua PKMM telah memberi ucapan dalam pembukaan Kongres PKMM yang ketiga di Singapura selama 3 hari sehingga 30 Disember 1947. Di dalam kongres ini juga Ishak telah dipilih menjadi Yang Dipertua PKMM untuk tahun 1948. Semasa menjadi Yang Dipertua PKMM, Ishak cuba memperkuat lagi organisasi PKMM dengan mendapatkan sokongan kuat dari API yang dipimpin oleh Ahmad Boestamam. Di antara tugas-tugas yang dilakukan oleh Ishak ialah melawat cawangan-cawangan PKMM di utara Tanah Melayu. Ketika inilah gerak geri Ishak telah giat diperhatikan oleh ejen-ejen Inggeris yang mempercayai bahawa Ishak menerima bantuan dari Parti Komunis Malaya. Akibatnya Ishak telah ditangkap di Ipoh pada bulan Julai 1948 setelah darurat diisytiharkan oleh kerajaan Inggeris. Ishak ditangkap sebagai seorang tahanan politik sehingga ia dibebaskan pada pertengahan tahun 1953.

Pendapat-pendapat Tentang Ishak Sebagai Seorang Ahli Politik.

Memandangkan perjuangan-perjuangan yang gigih dan tidak pernah jemu oleh golongan-golongan sayap kiri (termasuk Ishak) menuntut kemerdekaan dari penjajah Inggeris maka ini adalah satu penghargaan kepada nasionalis-nasionalis yang bersayap kiri dalam sejarah Malaysia. Sebagaimana yang ditegaskan oleh Allahyarham Tun Dr. Ismail semasa berucap di hari Konvokesyen Universiti Sains Malaysia pada 23 September 1973 mengatakan bahawa sekalipun kemerdekaan telah dicapai oleh golongan yang moderate, tetapi sejarah membuktikan bahawa golongan yang nasionalis radikal juga telah memberikan sumbangan terhadap tercapainya kemerdekaan.

Jasa-jasa Ishak sebagai seorang ahli politik telah ternampak sejak dari tahun-tahun 1930 an lagi apabila ia menceburkan diri dalam pergerakan-pergerakan politik KMM dan KMS serta melalui penulisannya ia seorang yang berani mengemukakan bentuk aliran

.....

pemikirannya terhadap politik. Sebagaimana Prof. Ungku Aziz pernah berkata bahawa pada pertengahan tahun 1930, Ishak telah berani-menghasilkan karya-karya bersifat kritikan politik. Shamsuddin Salleh yang pernah bergerak cergas dalam PKMM bersama-sama dengan Ishak berpendapat bahawa perjuangan Ishak adalah bagus kerana ia mempunyai pegangan yang kuat membela orang-orang Melayu. Manakala idea-idea Ishak pula lebih mirip pula kepada nasionalis Melayu, tidak mirip sangat kepada idea-idea sosialis.

A.Samad Ismail pula berpendapat bahawa dalam bidang politik, Ishak bukanlah seorang ahli politik yang berdisiplin, tidak pernah serius dalam sesuatu hal dan biasanya segala perbuatannya tidak berorganisasi. Apa yang hendak dilakukan biasanya tanpa memahami konsep sebenarnya tentang sosialisme. Sebaliknya Zulkiflie Owni berpendapat bahawa Ishak seorang ahli politik yang positif dan realistik. Beliau mempunyai jiwa rakyat dan tidak secocok dengan perjuangan UMNO yang mempunyai ideologi dan tidak progresif yang masih memperjuangkan hak raja.

Walaupun Ishak telah dikatakan sebagai seorang ahli politik yang gigih dan tak pernah jemu dengan bersemangat positif dan realistik tetapi perjuangannya tidak mendapat kejayaan terhadap pendirian. Sebagaimana yang ditegaskan oleh Dahari Ali yang pernah menjadi Setiausaha PKMM pada penghujung tahun 1945 bahawa dari segi politik Ishak tidak berjaya kerana ia mempunyai fikiran yang lebih terhad (*narrow*) pada nasionalisma Melayu dan idea-ideanya yang progresif melalui zamannya. Walaupun dia memikirkan tentang nasib orang-orang Melayu dan mengeluarkan beberapa nasihat tetapi malangnya ia tidak berjaya kerana orang-orang pada masa itu ramai yang belum sedar.

Penilaian

Ishak adalah seorang yang berasal dari keluarga petani yang mempunyai pengetahuan, personaliti dan pengalaman yang 'luar-biasa'. Memang sejak kecil lagi beliau telah menunjukkan kecerdasan cemerlang dalam peperiksaan. Beliau telah dapat menanding golongan masyarakat Melayu ketika di sekolah di dalam bidang akademik. Ishak telah mendapat gred I *Senior Cambridge* dan anak Melayu Pahang

.....

yang pertama yang mendapat kepujian seperti itu. Seterusnya ia telah berjaya mengikuti perkhidmatan Kerajaan Inggeris sebagai Pegawai Tadbir Melayu Semasa menjadi Pegawai Tadbir Melayu pula ia telah lulus peperiksaan undang-undang perkhidmatan dengan cemerlangnya berbanding dengan pegawai-pegawai yang lain.

Beliau mempunyai personaliti yang menarik. Oleh kerana beliau berasal dari golongan bawahan, Beliau tetap mengenang dan bersimpati terhadap golongan bawahan terutama golongan yang miskin. Walaupun beliau tidak diberi apa-apa kemewahan atau pangkat, ia tetap menitik beratkan keadaan nasib bangsanya yang jatuh dalam kemiskinan dan tertinggal dalam segala lapangan. Semasa kecil beliau memang terkenal sebagai seorang pendiam tetapi beliau berubah haluan iaitu bergaul mesra dengan orang ramai di segala peringkat ketika beliau menjadi Pegawai Tadbir Melayu.

Pada tahun-tahun 1930 an memang jarang sekali didapati Pegawai Tadbir Melayu yang berasal dari golongan bawahan seperti Ishak. Semenjak beliau menjadi Pegawai Tadbir Melayu sebagai Penolong Pegawai Daerah dan magistret beliau telah menghadapi pengalaman-pengalaman yang aneh sehingga beliau menjadi seorang penulis dan ahli politik. Beliau boleh dikatakan sebagai seorang yang 'serba boleh' kerana beliau pernah menjadi Penolong Pegawai Daerah (Bentong dan Rembau), Magistret Kelas Tiga (Kuala Lumpur), guru (di Muar), wartawan (Terengganu dan Singapura), sasterawan dan seterusnya ahli politik.

Melalui pengalaman-pengalamannya dalam perkhidmatan awam, Ishak boleh dikatakan seorang yang mempunyai pengalaman yang luas terutama tentang hal ehwal masyarakat di Tanah Melayu baik orang asing, golongan otkrasi Melayu dan yang lebih penting sekali memahami kesusahan dan kemiskinan orang-orang Melayu dari golongan bawahan. Oleh kerana ia mengambil berat tentang hal ehwal rakyat menyebabkan jiwanya tidak sesuai dengan jawatannya yang berkhidmat dengan Kerajaan Inggeris dan seterusnya menceburkan diri dalam lapangan kewartawanan dan bergiat dengan aktifnya dalam lapangan penulisan dengan tujuan tertentu.

.....

Untuk meletakkan Ishak sebagai seorang penulis dan ahli politik hendaklah kita terlebih dahulu mengkaji akan keadaan asal-usul keluarga Ishak, personalitinya dan juga keadaan masyarakat dan negara yang dialaminya. Memandangkan beliau datang dari keluarga petani (kelas bawahan) dan telah mendapat didikan yang sempurna dari ibu bapanya maka sudah tentu beliau mempunyai pendirian teguh dengan tidak lupa daratan tentang nasib keluarganya. Apabila beliau sudah bercampur-gaul dengan segenap lapisan masyarakat serta mempunyai pengetahuan yang luas dalam segala keadaan yang terdapat di negaranya menyebabkan ia ingin menegakkan keadilan dalam masyarakat dan ingin menegakkan kebenaran.

Faktor-faktor yang ada pada Ishak inilah yang menyebabkan beliau tidak bersesuaian dengan jawatan-jawatan yang menyekatnya daripada berlaku keadilan. Beliau sedar bahawa jawatan yang dipegangnya sebagai Pegawai Tadbir Melayu seperti Penolong Pegawai Daerah dan Magistat adalah tidak secocok dengan personalitinya dan dapat memuaskan kehendak masyarakat dan negaranya. Lebih-lebih lagi semasa berkhidmat dengan Pemerintah Inggeris ia mesti mengikut segala arahan pegawai-pegawai Inggeris atau pegawai-pegawai Melayu yang berasal dari keturunan bangsawan. Tetapi segala arahan-arahan ini sungguh tidak sesuai bagi Ishak kerana kebanyakannya tidak mendatangkan faedah kepada masyarakat umum, walaupun beliau hendak membuat jasa atau perubahan kepada orang ramai ia akan disekat kerana perbuatannya ini menyalahi kehendak pemerintah Inggeris di Tanah Melayu.

Berdasarkan personalitinya yang memandang berat kepada hal ehwal masyarakat, maka dapatlah dikatakan bahawa tiada seorang pegawai pada masa itu yang mengambil berat terhadap hal ehwal masyarakat umum dan sanggup berhenti dari jawatannya demi kepentingan nasib bangsanya. Pemberhentiannya sebagai Pegawai Tadbir Melayu menyebabkan beliau cuba mencari jalan yang lain untuk penghidupannya dan berbakti kepada masyarakat Melayu yang didapatinya telah tertinggal jauh ke belakang. Ini menyebabkan beliaumenceburkan diri dalam lapangan penulisan dengan sepenuhnya dan membuat jasa kepada masyarakat.

.....

Ishak adalah seorang penulis yang berjiwa masyarakat. Karyanya terutama yang berbentuk sastera seperti cerpen dan novel digunakan bukan sebagai untuk hiburan semata-mata tetapi yang dipentingkan olehnya ialah satu *reform* untuk masyarakat. Dengan ini menyebabkan ia mempunyai satu pegangan pemikiran yang boleh dikatakan sebagai ideologi dirinya yang berkehendakkan satu masyarakat yang adil dan berasaskan "sama rata, sama rasa". yang diidamkan oleh Ishak ialah suatu masyarakat Melayu dan negara yang betul-betul adil.

Beliau adalah seorang penulis yang mempunyai pemikiran konkrit dan kontras di dalam karya-karya sasteranya. Idea-ideanya pula didapati mendahului zamannya dan sukar di dapati penulis-penulis lain. Sebagai seorang penulis yang berkebolehan, kita akan dapati dua ciri yang penting di dalam karya-karya Ishak baik yang berbentuk sastera atau berbentuk artikel-artikel politik. iaitu:

- a. Mengemukakan aliran pemikirannya yang inginkan sebuah masyarakat yang adil. Dalam konteks ini beliau dengan beraninya telah mengkritik penjajah Inggeris, orang-orang Cina, India, Arab dan orang-orang Melayu (raja-raja, pembesar-pembesar Melayu serta orang-orang Melayu yang lalai). Bagi Ishak orang-orang inilah yang telah menyebabkan tidak wujudnya keadilan dalam masyarakat.
- b. Mengemukakan falsafahnya yang berbentuk nasihat, pengajaran dan penerangan-penerangan tentang keadaan di dunia yang bertujuan untuk menghidupkan dan menanamkan semangat berdaya saing di kalangan orang-orang Melayu.

Inilah jasa Ishak melalui penulisannya terhadap masyarakat di Tanah Melayu. Walau bagaimanapun Ishak bukanlah seorang penulis yang membuat jasa kepada seluruh masyarakat Tanah Melayu kerana segala perjuangan penulisannya adalah hanya untuk menegakkan keadilan di kalangan masyarakat Melayu sahaja. Oleh itu tepat sekali kalau ia dikatakan seorang yang mempunyai semangat nasionalisma Melayu tulen.

Untuk menegakkan dan membela keadaan keadilan di kalangan orang-orang Melayu Ishak telah menggunakan idea-idea pemikirannya

.....

sebagai 'khayalan' dan ramalan-ramalannya yang tidak logik dan tidak masuk akal untuk pembacaan umum. Ini jelas didapati dari kebanyakan karya-karyanya yang berbentuk sastera tidak realistik dan tidak menitikberatkan nilai-nilai sastera. Sebaliknya karya-karya yang berbentuk artikel-artikel politik pula lebih konkrit dan kontras untuk mencapai kemerdekaan Tanah Melayu dengan tidak bekerjasama dengan Inggeris. Walau bagaimanapun bahasa yang digunakan oleh Ishak adalah ringkas dan mudah difaham.

Karya-karya Ishak kadangkala tidak realistik adalah disebabkan ia mempunyai semangat cintakan bangsanya dan mengambil berat tentang penderitaan bangsa Melayu. Oleh itu 'perosak-perosak' bangsa Melayu sangat dibenci oleh Ishak dan menyebabkan ia berasa 'iri hati' tentang kejayaan bangsa-bangsa lain. Karya-karyanya agak berat sebelah di mana ia menceritakan keadaan keburukan sesuatu bangsa walaupun sesuatu perkara itu tidak pernah wujud atau terjadi dan melupakan peranan sesuatu bangsa atau penjajah Inggeris walaupun mereka pernah membuat jasa kepada orang ramai dan negara.

Buat masa sekarang aliran pemikiran Ishak mungkin tidak diterima oleh masyarakat kita kerana ia menggalakkan perpecahan antara kaum. Tetapi karya-karya Ishak berfaedah pula di zaman penulisannya untuk mewujudkan keadilan dan menghapuskan penindasan di kalangan masyarakat umum. Karya-karyanya pula telah memainkan peranan penting kepada orang-orang Melayu untuk mengubah haluan pemikiran yang mahu atau belum sedar akan keadaan kemiskinan mereka jika dibandingkan dengan bangsa-bangsa asing dan kaum-kaum bangsawan dan pembesar-pembesar Melayu.

Reform terhadap hal-ehwal masyarakat memang terdapat pada Ishak. Kalau Jebat terkenal sebagai pengorak langkah dan mendahului zamannya menentang ketidakadilan pemerintah melalui kepintaran bersenjatnya, manakala Ishak pula terkenal sebagai pengorak langkah dan mendahului zamannya menentang ketidakadilan pemerintah dan masyarakat melalui penanya terutama karya-karya sasteranya. Sebagai seorang penulis, ia terkenal sebagai seorang sasterawan, wartawan dan ahli politik yang berkebolehan.

.....

Sebagai sasterawan ia adalah seorang penyubur perkembangan sejarah Kesusasteraan Melayu Moden tahun 1930 an dan semasa Jepun. Terkenal dan berkebolehan juga mengkritik masyarakat, keadaan dan pergolakan yang berlaku pada ketika itu dan seorang pujangga yang telah mengeluarkan falsafahnya dan hal-ehwal sastera Melayu seperti pantun dan mentafsir buku hikayat Melayu lama. Beliau telah mengarang dan menghasilkan 29 buah cerpen Melayu serta merupakan tokoh kedua yang banyak menghasilkan cerpen Melayu.

Berbanding dengan tokoh-tokoh cerpenis lain seperti Abdul Rahim Kajai, Ishak adalah seorang tokoh cerpenis yang telah meniupkan semangat nasionalisma Melayu yang berbentuk politik dan berani mengkritik penjajah serta kaum-kaum feodal Melayu. Sebagai seorang novelis pula ia adalah pengarang novel yang mula-mula sekali mengeluarkan novel-novelnya yang berbau politik dengan membuat penentangan terhadap penjajah Inggeris dan kaum-kaum bangsawan serta pembesar-pembesar Melayu. Sebelum 1941 tidak terdapat novelis-novelis seperti Ishak yang mempunyai hasrat nasionalisma yang berbau politik untuk disampaikan di dalam novel-novelnya supaya pembaca-pembaca dapat menanamkan semangat cintakan kepada tanahair, bangsa, agama dan adat istiadat Melayu. Jelas kedapatan novelis-novelis pada masa itu hanya mempersoalkan tentang percintaan, keagamaan dan moral di dalam novel-novel mereka.

Karya-karya sastera Ishak disesuaikan untuk selera zamannya (sebelum dan semasa pendudukan Jepun). Memandangkan ia lebih mementingkan tujuan dan hasrat di hatinya untuk memberi kesedaran dan menaikkan semangat nasionalisma orang-orang Melayu maka karya-karya sasteranya tidak menitikberatkan nilai-nilai seni sastera. Ishak juga seorang wartawan yang berkebolehan. Ia telah membuat pembaharuan dengan menggunakan ayat-ayat 'agak' pendek dan bersesuaian dengan ayat-ayat bahasa Inggeris. Sebagai seorang wartawan yang berkebolehan ia telah berjaya menerbitkan karya-karya sasteranya seperti cerpen di dalam suratkhobar. Oleh itu ia lebih banyak dikatakan sebagai seorang Wartawan-Sasterawan. Sebagai seorang Wartawan-Sasterawan yang mendahului zamannya, ia dapat mengemukakan idea dan pemikirannya dan ini diterima oleh pengikutnya sehingga bersemangat bergerak di dalam lapangan

.....

politik. Umpamanya A.Samad Ismail dan Dahari Ali orang yang meminati karya-karya Ishak telah menceburkan diri dalam lapangan politik yang sealian dan mempunyai semangat yang sama dengan Ishak Haji Muhammad.

A.Samad Ismail telah menjadi Setiausaha *Gerakan Angkatan Muda*, Singapura (GERAM) dan mewakili GERAM dalam perjumpaan membentuk Gabungan Parti-parti Sayap Kiri Melayu di Kuala Lumpur pada 22 Februari, 1947. Perjumpaan ini telah bersetuju membentuk *Pusat Tenaga Rakyat* (PUTERA) dan sebulat suara melantik Ishak Haji Muhammad sebagai Yang Dipertua PUTERA. Dahari Ali pula pernah menjadi Setiausaha *Parti Kebangsaan Melayu Malaya* (PKMM) yang baru ditubuhkan selepas pendudukan Jepun pada penghujung tahun 1945.

Walaupun tujuan penting Ishak ialah untuk mewujudkan kesedaran dan menaikkan semangat nasionalisma di kalangan orang Melayu, tetapi usaha-usahanya tidak mendapat kejayaan sepenuhnya. Ini adalah disebabkan masyarakat Melayu pada masa itu masih mempunyai perasaan yang takut kepada penjajah Inggeris dan mereka belum berani membuat penentangan. Lagipun suatu revolusi menentang penjajah Inggeris secara bersenjata pada ketika itu, baik sebelum dan selepas pendudukan Jepun, tidak pernah wujud. Untuk menyamakan taraf antara golongan biasa dengan golongan bangsawan pula masih tidak diterima ramai kerana orang-orang Melayu masih taat lagi kepada raja mereka. Ini mungkin juga disebabkan orang Melayu belum mempunyai semangat seperti yang dicadangkan oleh Ishak, disebabkan belum ada bimbingan yang berterangan untuk perubahan ketika itu.

Melalui karya-karya Ishak di peringkat awal (1930an) kita akan dapati beliau seorang penulis yang mempunyai semangat berpolitik. Seterusnya beliau telah menjadi seorang ahli politik di Tanah Melayu dengan menyertai *Kesatuan Melayu Muda* dan *Kesatuan Melayu Singapura*. Di dalam pergerakan politik sebelum perang Ishak masih belum berani mempunyai atau mencapainya semangatnya untuk mendapatkan kemerdekaan daripada Inggeris secara terang-terang.

.....

Bidang politik yang diceburinya itu seperti *Kesatuan Melayu Muda* hanya inginkan kemerdekaan di kalangan ahlinya sahaja. Manakala dalam KMS, tidak pernah menuntut kemerdekaan daripada Inggeris kerana KMS hanya suatu pertubuhan yang berbau politik yang hanya membela nasib orang-orang Melayu sahaja. Begitu juga di dalam gabungan *Kesatuan Melayu Semenanjung* yang wujud pada 6 Ogos 1939 masih belum ada cita-cita untuk menuntut kemerdekaan. Di dalam pergerakan politik sebelum pendudukan Jepun 1941, Ishak masih berkompromi dengan parti-parti yang bersayap kanan dan berbaik-baik dengan Inggeris di samping membela hal ehwal orang-orang Melayu daripada mereka.

Selepas pendudukan Jepun, pemikiran Ishak berubah pula di dalam pergerakan politik berparti. Ia tidak sesuai pula dengan pergerakan yang bersayap kanan yang berkompromi dengan Inggeris. *Parti Kebangsaan Melayu Malaya* memang layak baginya untuk menuntut kemerdekaan dari Inggeris di samping membela hal ehwal orang-orang Melayu. Oleh kerana ia berpegang kuat kepada ideologinya maka ia cuba mencapai kemerdekaan dengan apa cara sekalipun.

Pada peringkat ini ia bolehlah dikatakan sebagai seorang tokoh politik radikal yang bersayap kiri dan tidak mahu bekerjasama dengan penjajah Inggeris untuk mentadbir negara. Apa yang dipentingkannya ialah menuntut kemerdekaan Tanah Melayu di samping membela nasib rakyatnya. Sebagai seorang tokoh politik ia mempunyai kebolehan tertentu untuk mempengaruhi rakyat. Ishak di samping bergerak dengan urusan dan pergerakan politik PKMM ia telah mengeluarkan pendapat dan pengajaran falsafahnya untuk orang-orang Melayu bergiat dalam lapangan politik melalui artikel-artikel politik.

Idea-idea politik Ishak memang bernas. Walau bagaimanapun perjuangan Ishak tidak mendapat sokongan yang begitu ramai dari kalangan orang-orang Melayu. Memandangkan sikapnya yang tidak mengambil berat dalam sesuatu hal di dalam pergerakannya menyebabkan cita-cita untuk mencapai kemerdekaan menerima kegagalan. Punca-punca yang membawa kegagalan Ishak dalam politik ialah:


1. Tidak dapat sokongan dari Inggeris. Cita-citanya (PKMM) untuk kemerdekaan masih terlalu awal bagi orang-orang Inggeris.

-
2. Kewujudan UMNO, pertubuhan politik yang bersayap kanan yang bekerjasama dengan penjajah Inggeris dan Raja-raja Melayu. (PKKM dan Ishak bekerjasama dengan Jepun dan Parti Komunis Malaya.)
 3. Orang-orang Melayu masih taat pada raja mereka. Mereka belum berani atau belum sedar untuk kemerdekaan. Oleh itu mereka belum memahami apakah yang dikehendaki sebenarnya dan apakah erti kemerdekaan Tanah Melayu.
 4. Walaupun beliau inginkan kemerdekaan tetapi dakwah-dakwah yang dititikberatkan hanya melalui penulisan dan syarahan-syarahan sahaja. Radikalnya Ishak tidak membuat suatu gerakan menentang penjajah Inggeris dengan bersenjata.
 5. Perangai Ishak sendiri yang suka menyatakan dengan terang tentang keburukan dirinya sendiri dan orang lain di kalangan orang ramai bagi menegakkan kebenaran di dalam karya-karyanya terutama akhbar *Pelita Malaya*, *Suluh Malaya* dan *KRIS* menyebabkan Ishak kurang mendapat sokongan.

Berbanding dengan tokoh-tokoh politik Tanah Melayu di peringkat awal seperti Ibrahim Yaacob, Ishak adalah seorang tokoh politik yang berjuang terus-menerus dan tidak pernah jemu sehingga beliau tertangkap. Beliau lebih mementingkan kemerdekaan Tanah Melayu sahaja daripada bergabung dengan Indonesia. Manakala Ibrahim Yaacob pula berjuang untuk kemerdekaan Tanah Melayu hanya sekerat jalan sahaja iaitu sehingga penghujung tahun 1945 apabila ia menetap di Indonesia. Ibrahim lebih memperjuangkan percantuman Indonesia-Tanah Melayu sebagai Indonesia-Raya. Oleh itu Ishak lebih mempunyai semangat nasionalisma Melayu tulen di dalam pergerakan nasionalismanya di Tanah Melayu.

Sebagai kesimpulan dapat dikatakan bahawa Ishak adalah seorang penulis Melayu yang mula masyhor tahun 1930an dan menjadi masyhor kerana karya-karyanya yang selalu membawa perubahan untuk zamannya baik dari segi ekonomi, sosial dan politik dengan membidas dan memperjuangkan hak keadilan dalam masyarakat. Walaupun beliau gagal dalam lapangan politik beliau tetap dikenang oleh sejarah sebagai seorang tokoh politik negara.

1870

The book cover features a portrait of a man with short hair, looking slightly to the right. Behind his head is a large, stylized sunburst or starburst graphic. The background is filled with intricate, repeating floral or scrollwork patterns. The text is centered in the upper half of the cover.

*Tokoh dan pokok pemikiran Abdul
Kadir Adabi*

1870
1871
1872
1873
1874
1875
1876
1877
1878
1879
1880
1881
1882
1883
1884
1885
1886
1887
1888
1889
1890
1891
1892
1893
1894
1895
1896
1897
1898
1899
1900

Tokoh dan pokok pemikiran Abdul Kadir Adabi

Oleh : Abdul Rahman Al-Ahmadi

Pendahuluan

Pertapakan Inggeris di Kelantan tahun 1902 membuka lembaran baru dalam sejarah Kelantan. Perubahan sosial dipercepatkan oleh pidato restorasi Sultan Mohamad ke IV tahun 1915 dengan pembukaan Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, pembukaan Madrasah Muhamadiyah tahun 1917 dan dengan penerbitan majalah *Pengasuh* tahun 1918.

Hasil dari didikan Madrasah Muhamadiyah ternyata telah melahirkan golongan cendekiawan muda Kelantan yang dalam masa singkat telah dapat mengisi jawatan penting dalam pemerintahan negeri Kelantan. Sementara itu lahir pula golongan muda terpelajar yang dinamis dan mereka dengan suara lantang menggunakan penanya mengemukakan fikiran-fikiran yang bernas, penuh dengan idealisme, membahas dengan semangat romantisme muda, kadang-kala jauh melampaui zamannya. Mereka merupakan kelompok pendesak yang berani dan memberi sumbangan besar dalam perkembangan fikiran di Kelantan.

Perkembangan fikiran di Kelantan yang bermula pada abad ke-20 sehingga Perang Dunia II pada hakikatnya adalah lanjutan tradisi yang telah wujud pada abad-abad sebelumnya dan mengukuhkan peranan seorang putera Kelantan, Abdul Kadir Adabi, yang mempersoalkan bermacam masalah. Dari masalah sosial, pelajaran, ilmu pengetahuan dan bahasa, keadilan sosial, agama, ketenteraan, ekonomi, politik, sosiologi dan psikologi, emansipasi wanita, sejarah dan bahkan kepada masalah racun. Semua itu dikupas berdasarkan suasana yang terjadi di sekeliling mereka dengan fikiran yang tajam dan dikoreksi oleh pengalaman yang pahit.

Bakat intelektual Adabi telah dikembangkan oleh guru-guru beliau yang penuh berdedikasi seperti Haji Mohamad bin Mohamad Said (Dato' Laksamana) serta melalui pergaulan beliau dengan golongan cendekiawan Kelantan khususnya dan Tanah Melayu umumnya seperti Haji Abdul Rahman Makki, Megat Othman, Mohammad Ghazali Ariffin, Ibrahim William Huat, Abdul Rahim Kajai, Sayid Husein Alsagaf, Ibrahim Hj. Yacob dan Ishak Haji Mohamad. Dalam

.....

mengemukakan cita-cita, Adabi telah menggunakan organisasi dan media massa sebagai alat kegiatannya mulai dari Kelab Kota Bharu, Kelab Putera, Setiawan Belia dan Dewan Bahasa Melayu serta Kesatuan Melayu Muda. Sementara itu media massa yang mereka gunakan ialah *Pengasuh*, *Putera*, *Kencana*, *Idaran Zaman*, *Saudara* dan *Al-Hikmah*. Selain dari itu Adabi telah mempergunakan majlis diskusi bagi menyampaikan idea beliau.

Bagi mencapai cita-cita Adabi dengan himmah diri dan yakin tanpa menghiraukan tenaga-tenaga usil yang mencengkam beliau yang kadang-kala bersifat ancaman fizikal dan undang-undang, tetapi semua itu tidaklah mengendurkan hati beliau, bahkan beliau mengatakan untuk menjadi '*Journalis*' memerlukan keunggulan hati dan kedegilan berjuang bagaikan panglima di medan perang, tak takut oleh kepanasan api dan gentar oleh pedang *guillotine*.

Abdul Kadir Adabi melihat bahawa segala kejadian di Kelantan dan Tanah Melayu perlu perubahan segera, kerana itu suara beliau lain, tidak menyeru, kadang-kadang lemah lembut dengan hujah akliah dan kadang-kala pula dengan lantang penuh tenaga supaya perubahan itu segera tiba. Namun perubahan itu lambat sekali datang, tetapi semua itu tidak membuat beliau putus asa, malah sebaliknya beliau terus berjuang dengan penuh idealisme, romantika dan dialetika zaman yang semuanya tercermin dalam pokok fikiran beliau.

Riwayat Hidup

Abdul Kadir Adabi dilahirkan pada 17 Ogos 1901 di Kampung Raja Dewa, Kota Bharu, Kelantan. Ayahnya bernama Ahmad bin Yusuf, seorang penghulu diraja, Raja Dewa dan beliau berasal dari Kampung Kemubu, 20 batu dari Kota Bharu. Ibunya bernama Che Biru binti Abu Bakar yang berasal dari Kampung Raja Dewa. Dilihat daripada kedua-dua belah pihak orang tuanya, Abdul Kadir Adabi dilahir dan dibesarkan dalam lingkungan istana raja.

Pendidikan pertama yang diterima Abdul Kadir Adabi daripada ayahnya sendiri dan daripada Tuan Guru Syekh Daud Banggul, seorang ulama terkenal pada waktu itu. Pelajarannya secara pondok sahaja. Pada tahun 1907 sudah ada sekolah pondok. Tahun 1917,

.....

sebuah Madrasah iaitu Madrasah Al-Khairiah Al-Islamiah didirikan. Tidak diketahui apakah Abdul Kadir Adabi belajar di situ, yang pasti beliau memasuki sekolah secara formal di Madrasah Muhamadiyah, Majlis Ugama Islam pada tahun 1917 dan belajar selama tiga tahun sahaja.

Walaupun tidak ada rekod yang menyatakan bahawa Abdul Kadir Adabi termasuk dalam senarai di antara murid-murid yang mendapat hadiah dalam ujian tahun 1920, tetapi ternyata bakatnya diiktiraf dan mendapat hadiah, baik dari segi ketajaman fikiran mahupun dalam karang-mengarang. Pada 23 Mei 1921, karangannya yang pertama telah diterbitkan.

Dalam tahun 1923, Abdul Kadir Adabi bekerja sebagai penolong penulis 'petition writer' kepada Mat Seman bin Jambul iaitu bapa sepupunya yang terkenal dengan gelaran Tok Lowyer kerana kebijaknaya membuat surat-surat rayuan dan petisi kepada pihak kerajaan.

Abdul Kadir Adabi turut menulis makalah-makalah dalam beberapa majalah seperti *Pengasuh*, dan majalah di luar Kelantan seperti majalah *Idaran Zaman* dan *Saudara*. Pada waktu itu, beliau sangat gemar membaca akhbar dan majalah dari Indonesia keluaran Medan, Jakarta, Bandung dan Surabaya.

Dalam tahun 1923, Abdul Kadir Adabi telah menulis surat kepada Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan memohon memperjuangkan empat perkara pokok iaitu:

1. Menirikan sebuah kolej di Kelantan.
2. Menirikan sebuah Universiti di Tanah Melayu
3. Menirikan sebuah kerajaan Persekutuan Tanah Melayu di bawah seorang kepala negara yang dipilih di antara Sultan-sultan di Tanah Melayu.
4. Menirikan tugu-tugu peringatan pahlawan untuk membangkitkan semangat kebangsaan sepertimana yang telah dibuat di England dan Perancis.

Walaupun syor beliau ini sangat baik namun ia telah mendapat jawapan negatif. Syor itu tidak diterima dengan alasan belum tiba masa untuk dilaksanakan. Dalam tahun 1929, bersama teman-teman-

.....

nya, beliau telah menubuhkan sebuah kelab bernama Putera Kelab dan beliau sendiri telah menjadi Yang DiPertua, Asaad Shukri sebagai setiausaha dan Mohamad Abdul Samad sebagai penolong setiausaha. Bagi mengukuhkan lagi perjuangan kebebasan bersuara daripada golongan Kelab Putera, pada Oktober 1929, bersama Asaad Shukri, beliau telah menerbitkan majalah *Putera*. Majalah ini tidak bertahan lama kerana isinya sangat tajam dalam mengkritik golongan tertentu.

Setelah majalah *Putera* dihentikan penerbitannya, pada April tahun 1930, terbit pula majalah *Kencana*, lanjutan dari majalah *Putera*. Tidak nampak secara langsung nama Abdul Kadir Adabi memimpin majalah itu, walau bagaimanapun beliau tetap menyumbangkan karangan-karangannya dengan menggunakan nama samaran Wok bt. Abdullah. Majalah *Kencana* hanya diterbitkan lebih kurang satu tahun 10 bulan sahaja. Dalam tahun 1930, Abdul Kadir Adabi bersama dengan Asaad Shukri dan Yusuf Hilmi menerbitkan pula buku-buku novel dan pengetahuan umum melalui *Kencana Library Kota Bharu*.

Atas desakan 17 orang pelajar Madrasah Muhamadiyah, beliau telah ikut serta Asaad Shukri, Yusuf Hilmi dan Hassan Fikri dalam penubuhan persekutuan Setiawan Belia pada 1 Oktober 1931.

Pada awal Februari 1932, Haji Mohamad bin Haji Mohamad Said telah mengangkat Abdul Kadir Adabi sebagai penolong pengarang *Pengasuh*. Selepas dua bulan bekerja di situ, pada 1 April 1932 beliau berhenti. Tempatnya diganti oleh Hassan Fikri. Mohamad bin Haji Mohamad Said (Datok Laksamana) mengikut jejak Abdul Kadir Adabi dan meletak jawatan sebagai Pengarah *Pengasuh* dan Setiausaha Kerajaan pada 1 Disember 1933.

Selepas itu, Abdul Kadir Adabi bekerja pula dengan majalah *Al-Hikmah* mulai April 1934. Semasa di situ, beliau telah berkenalan dengan ramai orang dari luar negeri antaranya Syeikh Amin Al-Mesir Al-Azhari dan Tengku Mustafa Ali Aceh. Kedua-duanya telah datang ke Kota Bharu untuk lawatan meninjau. Melalui majalah *Al-Hikmah* ini beliau banyak menulis makalah-makalah dan novel mengenai keadaan politik Tanah Melayu serta keadaan sosial di Kelantan yang dicerminkan dalam novelnya.

.....

Tidak banyak yang dapat diketahui isi makalahnya dalam *Al-Hikmah* terutama yang mengkritik kepincangan di Kelantan kerana mungkin beliau menggunakan nama samaran. Namun begitu, beliau telah menghasilkan empat buah novel iaitu: *Achoman Mahkota* (18 Mac 1937), *11 Rejab* (24 November 1938), *Melati Kota Bharu* (26 November 1939) dan *Persemburan Darah dibawah Lipatan Takbir* 1941, sebuah karangan terjemahan daripada karya Perancis Gustave le Bon dengan judul *Jiwa Perkumpulan* disiarkan bersiri dalam *Al-Hikmah* 28 Mac 1940.

Menjelang kedatangan Jepun ke Tanah Melayu, Abdul Kadir Adabi giat berhubung dengan tokoh-tokoh politik seperti Ibrahim Yaakob dan Ishak Hj. Muhammad. Hal ini dapat dilihat dengan kedatangan Ishak Hj. Muhammad pada 25 April 1939 ke Kota Bharu Kelantan sebagai wakil akhbar *Utusan Melayu* yang bercadangkan akan terbit di Singapura tidak lama lagi. Sementara itu Ibrahim Hj. Yaakob pula dalam tahun 1940 sering ke Kota Bharu, antara lain untuk mencetak bukunya *Melihat Tanah Air* di Mutbaat Al-Ismaillah, No. 2723 Jalan Tok Hakim, Kota Bharu. Ibrahim Hj. Yaakob pernah dibawa ke Patani dalam tahun 1940 oleh seorang kenalan Abdul Kadir Adabi bernama Abdul Rashid.

Pada awal tahun 1942, Jepun melalui pentadbiran tenteranya di Kelantan telah mencari Abdul Kadir Adabi dan Asaad Shukri untuk bekerjasama dengan mereka. Pada tahun 1942, terbitlah majalah *Matahari* yang dikarang oleh Abdul Kadir Adabi dan Asaad Shukri dengan menggunakan nama samaran. Dalam tahun 1942, Kesatuan Melayu Muda di Kelantan diaktifkan dan dipimpin oleh Abdul Kadir Adabi sebagai Yang Dipertua manakala Asaad Shukri sebagai Naib Yang Dipertua. Kesatuan Melayu Muda ini tidak panjang umurnya kerana pada bulan Jun 1943, Jepun membubarkannya. Sebagai gantinya Jepun mengaktifkan pula pengambilan anak-anak muda Melayu Kelantan memasuki Pembela Tanah Air (PETA).

Kegiatan Abdul Kadir Adabi dalam politik di zaman Jepun dapat dilihat dengan kehadiran beliau secara langsung di Singapura. Beliau bersama Asaad Shukri, Nik Hassan, Nik Mustafa dan Mustafa Hj. Ibrahim pada awal bulan Mac 1942 telah dibawa oleh Majer Fujiwara,

.....

Ketua Intejen tentera Jepun ke Ipoh dan di sini mereka diperkenalkan dengan Onan bin Haji Siraj. Kemudian dari Ipoh mereka bersama dengan Inan bin Haji Siraj ke Singapura melepaskan tahanan-tahanan dari penjara Singapura sebanyak lebih kurang 100 orang Melayu. Antaranya Ibrahim Fikri, Abdul Hamid Hj. Mohamad dan Abdul Samad Ahmad. Selama di Singapura mereka tinggal di pejabat Kesatuan Melayu Muda di rumah No. 8, Malcolm Road, Bukit Timah.

Abdul Kadir Adabi bersama Asaad Shukri telah menjadi saksi terhadap kes Inspektor Hamzah yang akan dijatuhi hukuman bunuh. Berkat usaha mereka berdua inspektor itu dapat diselamatkan. Di Singapura, Abdul Kadir Adabi turut terlibat sama dalam penerbitan *Berita Malai* bersama-sama dengan Ibrahim Haji Yaacob.

Sesudah agak lama di Singapura, beliau dihantar pulang ke Kelantan bersama-sama dengan pemimpin-pemimpin Melayu di Kelantan seperti Asaad Shukri dan Wan Ibrahim Mustafa menubuhkan barisan pemuda Melayu pantai Timur bagi menghadapi sesuatu kemungkinan sekiranya Jepun kalah. Namun begitu, Abdul Kadir Adabi tidak pulang ke Kelantan setelah teman-temannya melarang beliau pulang atas sebab beliau masih tak diingini di Kelantan kerana kes petisi rakyat masih menjadi halangan baginya untuk pulang. Abdul Kadir Adabi pulang juga ke pantai Timur tetapi hanya sampai di Kuala Terengganu sahaja. Di sini beliau menerbitkan pula majalah *Cahaya Timur* bersama-sama dengan Misbaha dan Ibrahim Fikri.

Tidak lama di Kuala Terengganu, beliau meninggal dunia pada 24 Februari 1944 kerana penyakit kuning.

Tema-tema utama pemikiran Abdul Kadir Adabi adalah:

a) Dalam bidang pelajaran:

Pokok fikiran Adabi yang pertama dapat dilihat dalam majalah *Pengasuh* tahun 1921 bertajuk "Permintaan". Di sini Adabi mengemukakan kemusykilannya yang berbunyi :

- a) Apakah kewajiban atas tiap-tiap yang bermakalah ?
- b) Tak apakah kalau seseorang tidak mengerjakan apa yang ia

.....

serukan Umat dengan kebajikan ?

- c) Apakah asas bagi tiap-tiap kemajuan ?
- d) Betulkah seperti sangkaan saya bahawa kemuliaan seseorang itu boleh meluluskan apa sahaja kehendaknya ?

Pertanyaan kemusykilan beliau ini mendapat perhatian dan jawapan daripada Hj. Mohamad Said Gunung yang menyatakan :

"bahawa kewajiban bagi setiap orang yang bermakalah itu ialah mengisi dalam setiap perkataannya dengan ajaran Al-Quran dan Hadis, tauladan daripada sahabat, hukuman, attiba, daripada para hikayat dan nawadir yang dapat mengisi hati para pendengarnya. Dan seseorang itu tidak menjadi apa-apa kalau seruan-seruan itu tidak dikerjakan semuanya, sekurang-kurangnya mendapat faedahnya, ibarat hujan kalau tidak lebat, setitik pun jadilah. Adapun asas kemajuan itu ialah benar, daripada benar terbit bersatu kata dengan perbuatan. Mengenai pertanyaan keempat, memang seseorang dipandang mulia kalau ia dapat meluluskan kehendaknya."

Perhatian Adabi tentang masyarakat dinyatakan pula dalam artikel kedua bersiri beliau dalam *Pengasuh* bertajuk 'Nasib'. Beliau menyatakan bahawa seseorang itu tidak boleh mengubah nasib mereka tanpa bekerja dan Tuhan sendiri telah memerintah hambanya supaya berusaha. Diambilnya ayat Al-Quran dan hadis Nabi untuk memperkuat hujjah-hujjahnya serta contoh bangsa-bangsa di dunia yang telah mencapai kemajuan dan kemerdekaan, berkat dari usaha mereka yang keras, seperti Prince Ito dari Jepun yang telah membangun Jepun dan Richard Arknight daripada seorang tukang cukur menjadi pencipta mesin dan akhirnya berjaya mendapat gelar kebangsawanan Inggeris. Begitu juga dengan Napoleon, daripada seorang yang berpangkat rendah akhirnya menjadi negarawan Perancis. Dalam negeri Kelantan sendiri ialah Dato' Paduka Raja dan Dato' Bentarajaya telah berjaya memperoleh tempat yang tinggi hasil daripada usaha-usaha mereka sendiri.

Bagi Abdul Kadir Adabi, untuk mengubah nasib bangsa Melayu, mestilah dengan usaha, tidak boleh takbur dengan apa yang ada pada

.....

mereka, tetapi perlu bersiap sedia untuk menghadapi masa depan. Orang Melayu tidak boleh sayang belanja supaya tidak bertelanjang, kerana pokok tidakkan subur tanpa baja. Kata Adabi :

"kita menuntut perubahan nasib, sebab tiap yang lemah, kuat ia, tiap yang kecil, besar ia, tiap yang sedikit, banyak ia tiap yang rosak, baik ia, tiap yang hina, mulia ia, tiap kehambaan, merdeka ia. Kita tak boleh berputus asa, dan sebagai tangga untuk merubah nasib ialah dengan ilmu, berani, sabar, berakhlak dan benar."

Perihal pentingnya peranan ilmu dalam mengubah nasib, mengikut Abdul Kadir Adabi, seseorang itu perlu meninggalkan kampung halaman untuk mencari ilmu.

Perhatian Abdul Kadir mengenai nasib bangsa Melayu ini dihubungkan pula dengan masalah pelajaran. Sebagaimana diketahui, sejak sekolah Muhamadiyah dibuka dalam tahun 1917, sebagai hasil daripada titah Di raja Al-Sultan Mohamad Ke IV pada 7 Disember, 1915, pada waktu perasmian penubuhan Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, telah membuka mata rakyat Kelantan terhadap nilai pelajaran.

Penubuhan Kolej Melayu di Kuala Lumpur tahun 1905, diikuti dengan penubuhan Kolej Perguruan Tanjung Malim Perak tahun 1922, menimbulkan keinginan di Kelantan untuk membina sebuah kolej di Kelantan. Dalam sebuah tajuk rencana *Pengasuh* tahun 1922 'Bolehkah diadakan sebuah kolej di Kelantan', katanya :

"Inilah satu pertanyaan yang sedang terlintas di dalam fikiran kita sekarang, maka sebelum orang lain menjawab terlintas pula pada penilikan kita jawapan yang segera bahawanya pada masa ini belum lagi boleh dibangunkan sebuah kolej di dalam Kelantan, kerana perbelanjaannya besar, dikecualikan dengan bantuan orang kaya-kaya atau, Majlis Ugama Islam atau, Kerajaan dan orang ramai".

Rencana ini mendapat sambutan daripada pembaca yang menyokong

.....

penubuhan kolej itu. Masalah timbul cara bagaimana untuk membiayainya kerana kerajaan dan Majlis tidak mampu mengeluarkan belanja membina bangunan itu. Syor daripada pihak *Pengasuh* supaya pembiayaan oleh orang ramai dengan cara menaikkan cukai lima peratus atau 10 peratus di atas cukai-cukai dan hasil yang dipungut daripada orang ramai. Cara yang kedua ialah dari wang loteri sebanyak \$500,000. Sebanyak \$200,000 digunakan untuk membina kolej dan bakinya digunakan untuk dijadikan hadiah.

Syor ini mendapat tentangan orang ramai kerana akan memberatkan kehidupan rakyat, sedangkan syor dari hasil kutipan wang loteri menimbulkan pula pertentangan dengan pihak Majlis sendiri yang mengeluarkan fatwa tidak membenarkan kutipan loteri itu. Di kalangan pembaca sendiri, ada yang menentang, ada pula yang menyokong. Di antara pembaca yang menyokong terdapat seorang yang bernama Jaffar Kota Bharu yang menyatakan dengan wang loteri itu tentulah kolej akan segera dapat dibangunkan dan negeri Kelantan akan menjadi masyhur, sebaliknya Hassan Fikri yang dianggap seorang yang terpelajar waktu itu menentang cara menaikkan cukai ataupun dengan pungutan loteri.

Dari perbincangan mengenai penubuhan kolej ini, Abdul Kadir Adabi, dalam suratnya bertarikh 20 Mac 1923 kepada Sultan Kelantan, memohon kiranya Sultan dapat mengusahakan pembinaan sebuah kolej di Kelantan dan sebuah universiti di Tanah Melayu, bahkan sebuah Negeri Persekutuan Tanah Melayu, gabungan bagi negeri-negeri Melayu yang diketuai oleh seorang raja yang dipilih di antara Sultan-sultan di Tanah Melayu dan juga mendirikan tugu-tugu kebesaran seperti di England dan Perancis. Adapun cara pembiayaan penubuhan kolej itu, menurut Adabi, ialah dengan memungut wang dari semua pegawai kerajaan dan para pensioner yang pendapatannya lebih \$10.00 (sepuluh ringgit) sebulan dipotong lima peratus atau lebih dan juga dapat dipungut dari loteri dan cukai lima peratus kurang. Surat Adabi ini dijawab oleh pihak berkenaan dengan mengatakan belum masanya lagi.

Betapa besarnya perhatian Adabi terhadap pelajaran hingga ia merasa gembira atas utusan kerajaan yang telah menghantar anak-anak Kelantan. Beliau berharap agar mereka yang mendapat kesempatan

.....

belajar itu akan memberi faedah kepada negeri Kelantan sekurang-kurangnya setanding dengan negeri lain di Tanah Melayu dan mereka hendaklah jangan menghampakan harapan orang di negeri Kelantan, sebab mereka belajar dengan wang orang ramai, mereka diharap menjadi ketua pejabat dan hakim yang memerintah.

Adabi mahukan supaya kemajuan pelajaran dipergiatkan lagi dengan cara memberi dan membesarkan perbelanjaan kepada pelajaran dalam artikelnya. Perbelanjaan kerana pelajaran patut diperbesarkan sebagaimana rungutan Raja Chulan, patut mendapat perhatian kita. Adabi tidak setuju dengan kenyataan Raja Chulan bahawa sekolah Inggeris telah menghalang orang untuk mencari pekerjaan dan menjadikan orang Melayu tidak lagi meneruskan cara hidup orang tua mereka. Bagi Adabi hal ini tidak ada kaitan dengan sekolah dan sekolah amat penting bagi orang Melayu.

Adabi tidak setuju dengan ucapan Raja Chulan yang menyatakan orang Melayu sudah mula meninggalkan kebiasaan orang tua mereka apabila belajar bahasa Inggeris dan perbelanjaan kerana pelajaran sangatlah besar. Adabi sebaliknya berpendirian bahawa perbelanjaan untuk pelajaran mestilah diperbesarkan.

b) Dalam bidang ilmu pengetahuan dan bahasa

Sehubungan dengan masalah nasib dan pelajaran, maka Adabi melihat pula betapa erat pertalian antara pelajaran dan bahasa. Kerana itu, Adabi menyarankan supaya memperbanyakkan buku-buku di dalam bahasa Melayu. Beliau menyarankan supaya kerajaan Kelantan mengadakan badan pejabat karang mengarang dan menterjemah serta harapannya kepada Majlis Ugama Islam, Majlis Perkitaban dan Kelab Kota Bharu memperbanyakkan buku-buku ilmu pengetahuan dalam bahasa Melayu. Adabi juga melihat betapa perlunya bahasa Melayu dipertinggi mutunya. Dalam karangannya bertajuk *Bukan Bahasa Melayu*, beliau menewaskan kita kerana menyarankan supaya diikhtiarkan menaikkan bahasa Melayu dan mengangkat kemuliaan bangsa Melayu dengan mempelajari bahasa asing.

“Maka atas pengecualian tersebut, banyaklah kita bahasa tiap-tiap satu daripadanya boleh dijawab

.....

pertanyaan itu. Ya ! boleh !"

Bagi menambahkan pengetahuan dikalangan bangsa Melayu, perlu diperbanyakkan bahan-bahan bacaan dalam bahasa Melayu. Dalam karangannya bertajuk "Karangan Baharu", dinyatakan :

"Bahawa karangan baharu yang lahir dengan bahasa sendiri sama ada dengan jalan terjemahan atau mengarang sendiri merupakan modal bagi bangsa kita berlumba dalam dunia perlumbaan. Kasihanlah kepada saudara dan anak pinak kita yang mandul dalam pengetahuan baru dan modal perlumbaan, maka diharaplah kepada mereka luas perkubuan dalam dada anak bangsa kita dengan ilmu pengetahuan melahirkan karangan baru. Kita sambut karangan baru seperti 'Tarikh kemajuan pada peraturan (undang-undang) Kerajaan Inggeris', terjemahan pengarang *Pengasuh* dan "Jogan Setia" yang diterjemahkan oleh pengarang Al-Hikmah dan "ILMU AL-SIASAH" terjemahan pengarang Al-Kitab. Kerajaan Kelantan patut memberi galakan kepada majlis Perkitapan untuk menerbitkan buku-buku dan kita mengharap pada masa ini empat tempat untuk membanyakkan buku-buku dalam bahasa Melayu i) Kerajaan, ii) Majlis Ugama Islam, iii) Kota Bharu Kelab dan iv) Majlis Perkitapan. Majlis Ugama Islam patut memberi bantuan kepada Majlis Perkitapan untuk menerbitkan buku berbahasa Melayu".

Abdul Kadir Adabi membidas adanya diskriminasi dalam bahasa, dalam karangannya bertajuk: Bahasa dalam jawatan, perbezaan bahasa Melayu dan Inggeris di Kelantan. Di sini beliau menyatakan :

"bahawa gaji dalam jawatan kerajaan amat jauh dibezakan antara mereka yang pandai berbahasa Inggeris dengan yang berbahasa Melayu. Mereka yang pandai berbahasa Inggeris, gaji permulaan \$50.00, dan yang tahu berbahasa Melayu cuma \$25.00 sedangkan bahasa utama yang dipakai dalam jawatan Kerajaan Kelantan ialah bahasa Melayu, istimewa dalam pejabat Menteri dan Musyawarah Kerajaan. Banyak pekerjaan yang dilakukan oleh mereka yang pandai berbahasa Inggeris dapat juga

.....

dilakukan oleh mereka yang pandai berbahasa Melayu, sebaliknya ada pekerjaan yang sukar dilakukan oleh mereka yang pandai berbahasa Melayu, tetapi tidak dapat dibuat oleh mereka yang pandai berbahasa Ingeris. Sebenarnya kepandaian itu bukan terletak kepada bahasa tetapi pada otak dan kebiasaan".

Pembelaan Abdul Kadir Adabi terhadap bahasa Melayu bukan sahaja sekadar untuk kepentingan ilmu pengetahuan dan bersifat ekonomi semata-mata tetapi lebih jauh dari itu adalah kepentingan bahasa Melayu itu sendiri untuk kepentingan nasionalisme dan agama dari bahasa itu. Misalnya Adabi membela penggunaan bahasa Melayu yang sopan dan jangan sekali-kali menggunakan perkataan yang kasar baik terhadap Kerajaan atau terhadap orang ramai melainkan dengan bahasa yang elok dan ikhlas, sebab tiada perkataan yang baik itu tiada cerca dan sebaliknya perkataan yang cerca itu adalah syaitan.

Dari soal penggunaan bahasa sopan, Adabi melihat pentingnya penggunaan bahasa yang halus dan murni dalam artikel perjuangannya pada bahasa Melayu, beliau mengatakan :

"Jika orang mengatakan bahawa kemajuan bangsa itu bergantung kepada luasnya penggunaan bahasa dan bangsa Melayu tidak dapat meluaskan bahasanya jika tidak meminjam kata-kata asing bagi kegunaan ilmu yang dalam, saya tidak menyangkal perkara ini kata Adabi, tetapi jika terlampau banyak kacukan mengambil tempat dalam bahasa Melayu, nescaya lesulah semangat yang lemah lembut dari bahasa Melayu itu dan jadilah kacukan itu tiada hujung pangkal dan janggal, maka inilah awal penyakit yang akan masuk ke dalam sendi-sendi pergertian fahaman Islam, bahkan kalau kurang jaga dari menjadi penumpang yang piatu oleh campuran bangsa lain mengingat cepatnya perlumbaan hari ini".

Beliau menambah:

"Setengah orang mengatakan pula bahawa tulisan rumi patut dijadikan bahasa Melayu kerana umum mengguna pakai di pejabat dan dalam perniagaan,

.....

tetapi tulisan rumi itu bukan rahmat kepada orang Melayu walaupun dipandang menyenangkan kepada umum, tetapi ia merosakkan kalimat yang pendek hurufnya dan juga merosakkan pengertian dalam bahasa Melayu dan bahasa Agama Islam".

Selain kesopanan dan kemurnian bahasa, Abdul Kadir Adabi juga mempunyai pandangan filosofi tentang bahasa di mana beliau menentang cita-cita sesetengah orang yang hendak membuang penggunaan bahasa dan diganti dengan bahasa yang tohor supaya mudah difahami oleh pembaca umum. Adabi mengatakan bahawa :

"Cita-cita semacam ini merupakan satu kemalangan besar kepada bangsa Melayu, sebab otak dan tabiat manusia itu akan menjadi malang jika mahu lari tak mau berjinak-jinak dengan bahasa yang tinggi. Otak manusia akan masak dengan apa yang dibiasakan. Perbezaan antara bahasa yang dalam dengan yang tohor boleh didapati pada apa yang telah dicapai oleh orang besar dengan apa yang dipelajari oleh anak sekolah. Kita lihat perjuangan para Hukum, Filosof, Siasat, *treaty* Kesultanan kemenangan yang diperoleh pada mereka yang faham bahasa yang dalam. Kita tidak setuju dengan fikiran orang yang hendak membuang bahasa kita yang dalam, sebab seteru yang sentiasa berjuang dengan kecerdasan fikiran untuk mengalahkan musuhnya sentiasa hendak menohorkan pengenalan dan menakutkan sinar akalnya".

c) Dalam bidang keadilan sosial

Sejak tahun 1921 hingga 1926, kita tidak dapat mengikuti tulisan-tulisannya dalam akhbar kerana waktu itu beliau menghindarkan diri daripada ancaman pihak-pihak yang berkuasa. Namun, dalam bulan Jun 1926 mulai terdengar suaranya dengan lantang membentangkan fikirannya mengenai masalah sosial. Apakah kewajiban Kelantan sekarang, masalah perjudian dan persundalan dan ke arah manakah Kelantan hendak dibawa. Itulah soalan-soalannya kepada masyarakat Kelantan.

Dalam tajuk karangannya 'Apa dan ke mana, Owe Kelantan', Adabi

.....

menyambut baik ucapan penabalan Sultan Ismail pada hari Selasa 18 Syaaban 1339 bersamaan 26 April 1921 yang menyatakan akan mengadakan perubahan dan kemajuan di Kelantan. Sultan juga menyinggung soal penentangan kerajaan Kelantan terhadap perjanjian dengan Duff Kompeni, menyanggah ucapan ini, Adabi menyatakan :

"demi untuk kemajuan itu perlunya Kelantan mengadakan suatu Majlis pertukaran fikiran yang memberi kebebasan fikiran bercakap kepada rakyat untuk mencari keadilan, demikian tegasnya tatkala dalam negeri ini sekarang bukan padan menahan tempuhan suara-suara kemerdekaan di hadapan khalayak ramai dan pihak anak negeri pula barangkali belum lagi dipercayai oleh kerajaan yang kuasanya boleh menyokong kepada keadilan, maka moleklah diadakan suatu Pejabat atau Majlis peraduan fikiran dan bahasan bagi mencari keadilan dan dilepaskan anak negeri ini merdeka ke dalamnya dan kemudian ditimbang oleh pihak penguasa tertentu yang diberikan kepadanya yang cukup serta bahasan itu tidaknya dan menggunakan pendapat itu terserah kepada kesukaan kepala-kepala umat sahaja, yang demikian jika berkekalan udara Kelantan seperti sekarang dibimbangkan betapa penyakit yang mematikan gerak - geri anggota manusia dan kedudukan mereka yang senang".

Oleh kerana seruan Adabi untuk mengadakan semacam 'Majlis Permusyawaratan Rakyat', untuk membincangkan masalah kemajuan negeri tidak mendapat perhatian pihak yang berkenaan, maka dalam tahun 1929 beliau menyeru majalah *Pengasuh* dijadikan medan mengingati peranan *Pengasuh* selama 11 tahun itu dengan pena dan fikirannya dalam berbagai jenis ilmu, berita dan pelajaran yang menjadi penyuluh, penggilat dan pedoman akal dan merupakan *daeratul maarif* dunia. *Pengasuh* diharap menjadi lidah ugama, lidah bangsa Melayu, "itulah harapan kita *Pengasuh* dijadikan sebagai medan musyawarat, hal ini tergantung kepada sejauh mana kuasa yang diberikan oleh pihak Majlis Ugama dan Ulama serta pihak pengarangnya".

Timbulnya masalah untuk menegak keadilan sosial ini melalui majlis

.....
musyawarat kerana Adabi melihat pada waktu itu ada beberapa perkara yang tidak adil berlaku di Kelantan lebih-lebih dalam saat kelaparan dan kepayahan orang baik pun menjadi jahat dan nafsu kemanusiaannya tertawan oleh nafsu kebinatangan.

d) Dalam bidang pergerakan agama

Berpangkal daripada tulisannya yang pertama mengenai agama pada 22 Mei 1921 dan diikuti dengan masalah nasib yang juga dipandang dari sudut agama, timbulnya fikiran Adabi mengenai pembaharuan agama tidak boleh lepas dari pembaharuan yang timbul di Indonesia dan di Tanah Melayu umumnya sebagai akibat dari pengaruh pembaharuan agama di Timur Tengah. Pembaharuan di Negeri-negeri Melayu telah dibawa oleh Syeikh Tahir Jalaluddin, Syekh Muhamad b. Salim Al-Khalali, Sayid Syeikh Al-Hadi dan beberapa orang temannya. Di Kelantan sendiri pembawa idea itu ialah Haji Mohamad Said, Haji Yusuf Awang Kenali dan Haji Nik Mahmud Ismail. Oleh itu, tidak hairanlah kalau Adabi juga melihat perubahan kemasyarakatan ini dari sudut Islam. Bagi beliau, negara dan bangsa tidaklah dapat dipisahkan dari agama, dan beliau agak hairan dengan apa yang dilakukan oleh Kamal Atatürk di Turki, demikian katanya :

"...bangsa Melayu sejak turun temurun memandang tinggi kepada kerajaan Turki yang dikatakan Kerajaan Islam, tetapi dengan gelagat Turki Muda sekarang saya menyeru supaya ahli di bidang agama seperti Tuan Abdul Wahab Al-Patani, Abdul Malik, Dabus dan Sayid Syeikh dan lain-lain tolong memberi penjelasan keadaan yang berlaku di Turki sekarang".

Apakah *Turki Muda* sekarang ini tidak memisahkan agama dari kerajaan dan bangsa, apakah dalilnya ?

1. Apakah yang demikian terbitnya dari surat khabar yang ditulis oleh seteru Turki ?
2. Apakah tujuan golongan Kamal Atatürk memisahkan agama dari kerajaannya, apakah kerana tujuan siasah semata-mata atau jahil hakikat Islam sebenarnya?
3. Apakah siasah baharu itu tidak akan dihalang oleh parti-parti Islam?

.....

Karangan Abdul Kadir Adabi di atas adalah sesuai dengan yang disiarkan oleh *Pengasuh* bertajuk "Bangsa dan agama Turki" yang menyatakan bahawa ramai pembaca kita menanyakan apakah Turki Muda sekarang orang daripada bangsa Eropah. Apakah puak Kamal itu beragama Islam? "Mengikut setahu kita", kata *Pengasuh* "sejak golongan Kamal merampas kuasa, mereka mengejar tamadun barat, mereka tinggalkan adat timur dan Islam dianggap lapuk dan agama bagi mereka dianggap merupakan satu halangan besar bagi kemajuan, hukum syarak juga dipinda". Majalah itu berkata selanjutnya :

"Umum mengatakan bahawa bangsa Turki ialah bangsa Asia, tetapi Taufik Rusydi Beg, Menteri Luar Turki menyatakan bahawa mereka bukan Asia dan Selat Bosporus bukti yang menghubungkan mereka dengan Eropah. Kemudian Menteri Keadilan Turki Assaat menyatakan pula, mereka mengasingkan agama dari negara dan meletakkan kebebasan beragama, dalam perlembagaan Turki Baru dimansuhkan agama Islam dari Kerajaan Turki".

Masalah Turki Muda yang memisahkan diri dari agama ini mendapat perhatian besar masyarakat Melayu, hingga Sayid Syeikh Al-Hadi dibanjiri pertanyaan daripada pembaca hingga beliau terpaksa menunggu berita lebih lanjut dari Ankara untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan itu. Namun demikian Adabi merasa gembira juga dengan keadaan yang berlaku di Turki itu, sebab di sana bangkit nasionalisme yang menentang pengaruh asing. Dalam tajuk "Keadaan Yahudi di Turki" di mana ia menyatakan bahawa mereka telah berpindah ke negeri lain disebabkan oleh tindakan Turki yang memberi peluang kepada orang-orang Turki sendiri memegang tampuk ekonomi.

Kebimbangan Adabi mengenai kebebasan beragama ini sejalan dengan apa yang ditulisnya mengenai kebebasan beragama yang oleh sesetengah ahli agama hendak campur tangan dalam urusan agama orang (golongan) yang lemah dengan kekerasan dan paksaan. Beliau berkata :

"hal ini bertentangan dengan keadilan ijtimaiah dan

Pemilihan Negeri
1958

.....

keadilan akhlaqiah. Negeri kita maju dan menjadi pusat dunia kerana letak di tengah-tengah timur dan barat, berkat pertolongan guru-guru kita ahli barat datang mengajar kepada kita dengan jalan yang baik dan peraturan negeri serta kerajaan yang besar, kita mengucapkan terima kasih kepada contoh tauladan dari penaung kita".

"Kita berharap supaya anak-anak di gugusan pulau-pulau Melayu menjaga dan teguh pentadbiran, tetapi jika hal itu sesuai dengan agama kita, tetapi kita menolak jika ia bertentangan dengan agama kita sekalipun melanggar undang-undang. Kita sekarang terlantar di bawah bayang-bayang kemuliaan dan kelebihan barat, kita cenderung ke barat dari ke timur dan haraplah segera maju dalam hal ehwal agama kita dengan mempunyai kebebasan yang sebenarnya supaya ahli timur dapat menolong dan memulihkan ahli yang berjasa kepada kita dengan sebaik-baiknya dan kita sentiasa benci kepada ahli agama yang menunjukkan kesombongan dengan mengganggu hal ehwal orang lain".

Indikasi Adabi mengenai adanya ahli agama mengganggu kebebasan orang lain ada hubungan dengan pergolakan yang terjadi di Moroko. Dalam karangannya bertajuk "Pemerintahan Perancis dan Islam di Maghribi", beliau menyatakan bahawa pemerintah Perancis telah mengadakan kekerasan terhadap mereka yang lemah dalam jajahan takluknya supaya menganut agama Kristian dan meninggalkan agama Islam. Tulisan Adabi ini berdasarkan sepucuk surat sebaran yang diterimanya dengan susah payah daripada komiti pertahanan Kumpulan Pemuda Islam di Baghdad kepada Menteri Luar Perancis, dan kepada kerajaan besar dunia dan ke Geneva.

e) Dalam bidang ketenteraan

Sehubungan dengan masalah keselamatan agama dan bangsa yang sedang diancam oleh seteru, Adabi memperhatikan pula pentingnya peranan tentera bagi mengawal agama dan tanah air. Katanya :

"Tentera jangan dilupakan oleh bangsanya untuk

.....

menghormati tentera dan hendaklah diperbanyakkan daripada yang lain jawatan, kerana merekalah yang telah mengagadai nyawa untuk menjaga keamanan bangsa dan watan, merekalah yang memburu perkara jenayah, menjaga dalam waktu bahaya dan juga menjadi hiasan bagi hari istiadat".

"Kerana pentingnya tentera itu, kita berharap supaya tentera kita diisi dengan roh-roh agama, sebab dikhuatirkan kalau mereka lemah agama, maka menjadi lemah pulalah mereka untuk menegakkan keadilan dan menjaga keselamatan, dan kalau longgar agama longgarlah pula iman dan kalau longgar iman, maka di sinilah pelabuhan yang selalu ditujukan oleh penyeru-penyeru agama lain. Kita harus mengadakan surau agama tempat perhimpunan tentera supaya jauh-jauh agama masuk ke dalam dirinya dan menghilangkan debu-debu jahiliah di dalam diri mereka, hal ini patut dicontoh kepada tentera beragama kristian, mereka ada iman, tenteranya menjaga dan meniupkan roh agama ke dalam diri tenteranya".

Perhatian mengenai tentera ini dapat dilihat pula dalam surat kepada adik sepupunya Encik Yusuf Al-Ayubi yang memasuki Askar Melayu pada tahun 1937. Surat itu bertarikh (Kota Bharu) 19 Oktober 1939 demikian bunyinya :

"Adinda, kewajiban kita hari ini mengingatkan keperluan lelaki itu bekerja pada kewajiban masing-masing. Kita sama-sama dekat dan sama hampir kepada Tuhan baik darat, di laut atau di udara, berilah aku Omar. Kemudian lontarkan aku ke dalam laut atau ke dalam api aku dengan tersenyum ketawa menghadapi. Hendaklah adinda ingat sentiasa akan pesanan dahulu iaitu bagi askar kerajaan itu ialah saudaranya, maka taat setia dan berkhidmat adinda dengan hati yang tugas dan tunggal. Allah akan memberkati adinda".

"Ingatlah adinda, zuriat kira berasal daripada hulubalang-hulubalang yang menghinakan mati kerana kasihkan kerajaan, watan dan bangsa. Setitik

.....

darah lelaki yang tergugur ke bumi dari peperangan itu lebih mulia kepada kita dari semangkuk darah perempuan yang beranak di rumah yang permai, hilang jiwa lelaki di medan perang itu lebih baik dari mati di dalam istana. Hendaklah kita hiaskan diri kita dengan segala hiasan lelaki kasih dan khidmatkan watan dan bangsa".

f) Dalam bidang ekonomi

Sejak dari awal Adabi menulis ada kaitan dengan masalah ekonomi. Dalam artikel 'Nasib' beliau telah mendesak supaya bangsa Melayu giat bekerja, jauhkan kesukaan kepada judi, pangkal kehancuran ekonomi orang Melayu. Untuk membangun ekonomi, orang Melayu perlu kepada pelajaran dan kemajuan pelajaran sangat erat bergantung kepada kekuatan ekonomi.

Dalam karangannya 'Kebangkitan Melayu di tangan Melayu', katanya :

"Adanya ugutan daripada orang China dan India untuk memboikot Melayu baik di luar dan di dalam negeri Kelantan, sebab akan menjadikan orang China dan India tidak mendapat wang daripada orang Melayu yang tiap hari membelanjakan untuk sara hidupnya kira-kira \$2.50 sehari bagi tiap-tiap orang. Kepada kaum muda peniaga Melayu, jangan lupa bahawa tapak ibu bapa mereka di sepanjang dua lorong di hadapan pintu Raja Muda, sekarang berderet kedai perniagaan Melayu dan berjujuk perahu jenis Melayu di sungai Kelantan yang sentiasa menempuh ombak lautan membawa barang dagangan keluar masuk ke negeri ini.

Jadi pemboikotan China dan India bererti anak-anak akan mengambil balik tapak perniagaan ibu bapa mereka yang masih ingat bahawa segala pekerjaan, perjalanan dan kira bicara di hadapan orang muda sewaktu masih kecil dulu. Tentulah anak-anak ahli perniagaan yang dikenali di Kota Bharu yang bergelar ahli gudang itu dapatkah yang memenuhi jalan-jalan Pasar Lama, Jalan Pos Office, dan lain kerana itu

.....

belum lagi 25 tahun teristimewa waktu itu ibu bapa mereka tak pandai menulis, membaca, berkira seperti sekarang. Masa pusaka ahli perniagaan itu masih lagi panas dalam diri mereka adalah pusaka ahli perniagaan dan darah ahli pelayaran yang masyhur, kerana itu bangunlah menahan dan melawan segala ancaman ahli-ahli yang tamak itu".

Dalam novelnya "Melati Kota Bharu", Adabi memasukkan juga gambaran mengenai kegiatan ekonomi orang Melayu. Katanya di zaman Sultan Mansur dahulu keadaan perniagaan semuanya dijalankan oleh orang Melayu, tetapi sangatlah dukacita sekarang kedai perniagaan itu semuanya dijalankan oleh orang asing, kecuali di dalam Pasar Besar masih lagi di tangan orang Melayu. Adabi mengulas:

"Nampaknya gerak geri yang sedang berlaku di Kelantan sekarang tak ubah seperti gerak geri yang berlaku di negeri-negeri bersekutu pada permulaan riak kemajuan perniagaan. Apakah negeri Kelantan akan jadi seperti bandar di negeri bersekutu. Kerana itu perlu dikawal daripada rumpuhan modal luar. Modal asing itu tak hentinya datang mendesak negeri ini, kilang mancis, membelah papan, kilang getah semua modal asing belaka".

Adabi menyeru supaya orang Melayu berdikari dalam usaha-usaha mereka; dalam tajuk "Pekerjaan sendiri", ia mengatakan bahawa:

"... pekerjaan sendiri oleh anak negeri sangatlah penting untuk melepaskan diri daripada serangan bangsa-bangsa asing dan juga untuk segera mengambil langkah menyusun kekuatan, untuk ini penting kita menghidupkan semula pergerakan pertukangan dan perusahaan anak negeri sendiri dan golongan hartawan patut menyokong dengan modal dan kepada ahli pertukangan dan perusahaan patut benar mereka bekerja bersungguh-sungguh bersatu dengan golongan hartawan sebab sebagaimana telah diketahui Kelantan merupakan sebuah negeri yang masyhur dalam pertukangan emas, besi, tembaga, bertenun, anyaman, bertukang kayu dan perkakasan

.....

daripada tangan".

Anjuran Abdul Kadir Adabi ini sesuai pula dengan perkembangan pertenunan di Kelantan. Pada tahun 1930, perusahaan ini mulai merosot disebabkan oleh mutunya bertambah kurang kerana penenunan kain sudah tidak lagi membuat pencilup sendiri. Akibatnya, warna kain mudah luntur, sedangkan dahulu kain tenunan Kelantan pernah diekspot ke India maka untuk menggalakkan tenunan Kelantan, kerajaan telahpun menggalakkan supaya peon pejabat kerajaan memakai sarung tenunan Kelantan pada tahun 1931. Hal ini bererti bahawa anjuran Adabi dalam bidang berdikari ini mendapat perhatian umum dan kerajaan Kelantan sendiri.

Sesuai dengan perkembangan ekonomi dan siasat orang Melayu masa itu, Adabi menyeru pula dalam artikel "Nasional Bank di Tanah Melayu" :

"Melihat betapa sulitnya orang Melayu mengeluarkan wang bagi meluaskan perusahaan dan sesuai pula dengan undang-undang tanah kita yang melarang menjual dan menggadai tanah kepada orang asing, maka perlulah orang Melayu mendirikan bank nasional sekarang. Kita tidak kekurangan modal di Tanah Melayu dan orang-orang Melayu di bawah pemerintahan Siam ada hartawan yang dapat mengkapitalkan nasional bank itu bahkan ada golongan-golongan menengah kita yang suka memasukkan modalnya yang akan menjadi modal yang kuat kepada kapital itu, untuk ini kita perlu kepada pemimpin yang dapat menyatukan tenaga kewangan itu baik dari golongan hartawan sendiri atau daripada pemimpin kerajaan. Ekonomi kita sangat bergantung kepada bank nasional bagi keselamatan dan kekalnya hak kita yang akan menguatkan polisi kita".

Seruan Adabi mengenai bank nasional ini merupakan satu seruan yang pertama kali di kalangan orang Melayu di Tanah Melayu. Hal ini diakui oleh surat khabar Warta Jenaka yang terbit pada 20 Julai 1939 yang menyatakan seruan dari Kelantan patut disokong.

Berlandaskan pada fikiran-fikiran ekonomi di atas, Adabi

.....

menyarankan pula keadaan kekayaan bumi di Tanah Melayu; keadaan watan atau bangsa itu berhubungan erat dengan wang atau harta; demikian Adabi memulai tulisannya :

"Manusia itu jika sentiasa hartanya keluar ia akan bankrap, begitu juga halnya dengan watan dan bangsa. Mengikut ilmu ijtimaiiah bahawa seseorang itu berhubungan dengan ahlinya, kaum bangsanya, keadaan dan watan, mereka berkaitan satu sama lain, kuat yang satu menjadi kuat juga yang lain. Ada hubungan antara ahli pasar perniagaan dan persambungan antara kuli dengan pemerintah.

Bangsa Melayu mestilah beriktikad bahawa bumi Melayu ini bangsa Melayu bangsanya, kerajaan Melayu kerajaannya, harta benda watan ini harta benda Melayu, semua hak orang Melayu, apakala Melayu, semua hak orang Melayu, apakala hinalah dirinya, miskin alamnya dan bankraplah bangsa Melayu.

Apakah orang Melayu mengerti bahawa kekayaan bumi Melayu keluar masuk bertambahnya keluar bererti bertambah pula yang menjadi milik asing baik berada di dalam dan di luar negeri, bertambahnya perbendaharaan Melayu keluar menyebabkan Melayu akan bankrap. Bagi menjaga supaya bangsa Melayu tidak bankrap kerajaan dan semua ahli kaum pemodal dan ahli cerdik pandai serta kaum pekerja mesti mengikut peredaran masa.

Sayangnya kaum hartawan Melayu menjadi kakitangan yang kuat merugikan kekayaan bumi Melayu sebab mereka berniaga barang-barang luar kepada anak Melayu, mereka menjadi agen Perniagaan asing yang bererti mereka menggunakan harta kekayaan untuk menambahkan kekayaan tetapi semua barang itu dibeli daripada kepunyaan asing. Akibatnya milik perbendaharaan Melayu masuk menjadi milik orang luar. Sebenarnya mereka boleh mencari kekayaan dirinya, tetapi mestilah bersama menolong kepada bangsanya dan kerajaannya, mereka mesti berikhtihar bersama menjaga dan memelihara hak bangsa, tariklah masuk sebanyak-banyaknya harta

.....

bumi lain kepada bangsa Melayu".

Abdul Kadir Adabi menunjuk pula bagaimana cara untuk membanyakkan penghasilan negeri seperti yang dilakukan di negeri Siam di mana setiap barang penjualan dikenakan hasil atau cukai penjualan seperti rokok, tiket-tiket keretapi, wayang gambar, surat-surat, hutang piutang dan sebagainya diwajibkan tamal setem. Hal ini patut ditiru oleh kerajaan Kelantan teristimewa pada penjualan rokok, wayang gambar dan pajak gada.

e) Dalam bidang politik

Kemajuan pelajaran, bangsa, keadilan sosial sangat erat hubungan dengan politik maka semua fikiran Adabi yang terdahulu sangat erat hubungan dengan fikiran politiknya. Sejak beliau menceburkan diri dalam Kota Bharu Kelab dan Putera Kelab dengan menerbitkan majalah Putera, sehingga beliau memasuki Persatuan Melayu Kelantan di mana sewaktu akan ditubuhkan pertubuhan itu dialah orang yang membentangkan takrif Melayu yang dibahaskan dari segi undang-undang. Beliau juga tidak jemu-jemu menulis mengenai pentingnya Persatuan. Beliau pernah menulis tentang perlunya diadakan Persatuan Ulama Semenanjung, Persatuan Wartawan Melayu yang mana kesemua Persatuan itu dianggapnya sangat penting untuk membela kepentingan politik dan ekonomi Melayu.

Fikiran politik Abdul Kadir Adabi sudah mulai dicetuskan dalam artikelnya "Nasib", "Apa dan Ke mana", "Menyambut Seruan" dan lain-lain. Di dalam artikelnya "Pengenalan dan Harapan Kita", beliau menyatakan :

"Bahawa setiap sesuatu itu ada ajalnya, dan tiap-tiap ajal ada sebab. Ajal manusia apabila bercerai roh pada jasad dan ajal bangsa apabila bercerai kemerdekaan daripada umatnya; kemerdekaan itu roh umat yang mesti dijaga oleh setiap anggota masyarakat." Kita berhajat kepada dua hal; pertama, pemimpin umat mesti mengetahui bahawa ia adalah yang memimpin umat yang akan menyuburkan roh umatnya dan menolak segala penyakit yang membahayakan kemerdekaan. Kedua, setiap umat mesti tahu bahawa mereka dapat dijadikan satu kekuatan dan mereka mesti patuh kepada pemimpin, kerana itu anak-anak umat itu

.....

penting sekali mematuhi arahan pemimpin. Kedua-dua golongan itu yakni pemimpin umat mestilah saling kerjasama, pemimpin mestilah memimpin umat yang akan membawa umat itu kepada kemajuan, demi untuk mencapai kemajuan itu perlu sekali persekutuan. Bagi menaikkan semangat, maka perlu anak negeri ini mengetahui sedikit sebanyak cerita dan riwayat-riwayat negeri lain, hal ehwal dunia baik yang terang mahupun yang rahsia. Pergerakan kebangsaan dan kecenderungan tiap-tiap buah negeri, kita wajib mempunyai perasaan keagamaan, kebangsaan, dengan demikian keturunan akan datang merasa perlu ditambah untuk menegakkan keadilan menentang kezaliman menjaga kekayaan dan menolak kemiskinan, menambahkan cahaya agama dan negeri. Akibat daripada orang dahulu, keturunan sekarang menderita tetapi sebab orang sekarang mempunyai akibat pula kepada keturunan akan datang”.

Fikiran Adabi di atas adalah satu tanggapan beliau terhadap adanya suara daripada golongan Cina dan India yang menyuarakan kehendak mereka untuk menduduki kerusi pemerintahan dalam Tanah Melayu. Sementara itu di kalangan kerajaan Inggeris pula ada rancangan untuk mempersekutukan seluruh Tanah Melayu sebagai negeri Persekutuan. Dalam artikel "Mempersekutukan negeri-negeri Melayu sekarang semata-mata masuk kepada merbahaya", Adabi menyatakan :

"Bahawa ada fikiran di Kelantan, Johor, Kedah, Perlis dan Terengganu hendak dipersekutukan, supaya memperolehi faedah dan kemajuan yang besar. Kalau tidak maka kemajuan tidak akan diperolehi, sebab perbezaan sistem politik dan kawasan tempat dan perbendaharaan negeri kurang.

Fikiran semacam ini sebenarnya kurang bijak, sebab negeri yang belum berskutu itu memang kaya, mempunyai maruah dan orang-orang Melayu mempunyai hak, sebaliknya apa yang ada di negeri berskutu itu anak-anak Melayu terhimpit oleh orang-orang Asiatik. Hujah yang mengatakan dengan masuknya persekutuan

.....

dapatlah menarik modal dan perusahaan dan tersajilah tenaga yang mahir dan khazanah untuk memajukan negeri, tetapi siapakah yang memiliki lombong kekayaan dan kesenangan itu. Anak-anak Melayu sangat tercicir, di negeri bersekutu, sekarang terdengar suara hendak membenarkan pemberian tanah kepada bangsa asing bahkan hendak memecahkan pintu, Malayan Civil Service, dalam Federal Council ada pula suara supaya hati kebangsaan China hendak dijadikan public holiday. Bagaimana fikiran orang-orang Melayu yang bijak pandai di sana ?”

Bersekutu patut dan kita sekali tidak fikir negeri Kelantan, Johor, Kedah, Perlis dan Terengganu tidak berkehendakkan kepada kemajuan. Dan tidak berkehendakkan kepada kemajuan. Dan tidak berkehendak kepada kemajuan dan kekayaan itu tidak pula bererti negeri-negeri ini tetap kekal dengan tidak bersekutu. Negeri Melayu berkehendak kepada langkah yang luas dan yang tinggi maruah, tetapi sekarang apakah guna menawarkan persekutuan sedangkan hak dan maruah tertindih oleh balak-balak Asiatik asing.

Negeri belum bersekutu memang berhajat masuk persekutuan, tetapi mesti berjalan dengan satu haluan siasah yang boleh membawa kepada kemajuan itu. Biarlah negeri ghaib dahulu, ibarat ghaib buih dalam air. Sebelumnya angkatlah dahulu maruah dan ajarlah, tambahkan anak-anak Melayu dalam Jawatan, hadkan jawatan dalam Malayan Civil Service kepada anak Melayu dan Inggeris sahaja dan kemudian perluaskan kepada jawatan lain kepada anak-anak Melayu dengan menambahkan kepadanya ilmu pengetahuan. Perkara inilah lebih baik sekarang ini dari mempersekutukan negeri ini”.

“Untuk menyelamatkan bangsa Melayu perlu adanya ‘Kesatuan Melayu Semenanjung’ didirikan segera : Mengingat pengaruh bangsa Asiatik menggoncangkan hak-hak pemerintahan dan menanam pokok-pokok yang membahayakan anak-anak Melayu, kita percaya kerajaan tidak menghalangi kelahiran

.....

pergelutan ini dan diharapkan anak-anak Melayu di negeri-negeri Selat, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Pahang, Johor, Kedah, Kelantan, Perlis dan Terengganu dan juga orang-orang Melayu di bawah pemerintah Siam akan menyokong.”

Seruan Abdul Kadir Adabi ini ada hubungan dengan suratnya kepada Sultan Kelantan supaya menghiatkan penubuhan satu Persekutuan Tanah Melayu dibawah seorang Raja yang dipilih di antara Sultan-Sultan Tanah Melayu dan ada pula hubungan dengan tulisan pengarang Pengasuh ‘Kesatuan Melayu Semenanjung’ yang menyatakan :

“Adanya kegoncangan di Tanah Melayu sekarang oleh pengaruh bangsa Asiatik yang menuntut pemerintah Semenanjung Tanah Melayu ini sebagai tanah airnya dan mereka adalah bumiputeranya.

Memandang hal ini perlu kita mengadakan ‘Kesatuan Melayu Semenanjung’ yang:

1. Hendaklah ahli anak-anaknya Melayu yang bukan pegawai atau orang gaji kerajaan masing-masing negeri,
2. Hendaklah tetap mana-mana satu negeri Melayu dalam Semenanjung ini menjadi markas yang menjalankan persekutuan itu,
3. Hendaklah ditiap-tiap negeri di Semenanjung ini ada cawangannya,
4. Hendaklah persekutuan itu mengadakan akhbar satu berbahasa Melayu dan satu lagi berbahasa Inggeris”.

Sejak ini seruan dalam akhbar Pengasuh untuk membangun Persatuan Melayu Semenanjung bahkan Pengasuh membuat slogan pula dalam akhbarnya berbunyi ‘Semenanjung Tanah Melayu bagi anak-anak Melayu, adakah perjumpaan Melayu bagi mendirikan Kesatuan Melayu’.

Daripada persoalan Melayu Semenanjung ini timbul kekuatan

.....
bahawa orang China dan India akan memboikot ekonomi orang Melayu yang dijawab oleh Adabi dengan suara lantang. Sementara itu terdapat sekumpulan anak-anak Melayu Kelantan mengirim surat kepada kerajaan Kelantan berkenaan dengan Fasal 4 Undang-undang Persimpangan Tanah bagi anak-anak Melayu dibatalkan supaya berkekalan anak-anak Melayu memiliki haknya sampai turun menurun.

Abdul Kadir Adabi tidak sahaja membicarakan tentang politik dalam negeri Kelantan, dan Semenanjung Tanah Melayu, tetapi juga pergolakan di Turki, Arab, Afrika, dan di Timur Jauh mengenai kemungkinan kejadian di Tientsen dan bahaya-bahaya yang diakibatkan oleh kejadian itu di mana Jepun tentu akan menyerang jajahan-jajahan British di Timur Jauh dan kalau silap sahaja di pihak British maka peperangan itu akan terjadi serta merta, tentang negeri Siam akan jadi besar kalau tidak terjadi apa-apa yang mengejutkan di dunia luar.

h) Dalam bidang sosiologi dan psikologi

Abdul Kadir Adabi tidak sahaja fikiran dalam soal agama, bahasa, ekonomi dan politik, tetapi beliau juga meneropong masalah sosial dari sudut ilmu ijtimaiah (sosiologi) bahkan dari sudut psikologi.

Pandangan dari sudut sosiologi dapat dilihat dari tulisannya bertajuk "Pengertian orang Bandar dan darat". Di sini beliau menganalisa kedua-dua istilah itu dengan mengatakan:

"Jika bermegah dengan membangsakan dirinya kepada kelebihan Bandar dan menghinakan Darat, maka hal itu salah, sebenarnya pengertian Bandar itu ialah kawasan bumi yang memenuhi padanya dengan jenis-jenis perhimpunan yang berperaturan dan tempat yang ada pada rumah keadilan dan pendapat kerajaan dan segala hal ehwal perlumbaan manusia dalam kehidupan. Dalam kata lain Bandar itu ialah kawasan bumi yang dibangsakan dia kepala-kepala negeri, sedangkan pengertian Darat iaitu kawasan bumi yang sunyi dari perkara tersebut di atas atau persisiran negeri atau dibangsakannya hutan".

Bagi Adabi, suatu bangsa ada ajal dan perubahan dan alam ini selalu

berubah dari hutan rimba menjadi negeri dan manusia daripada liar menjadi jinak, inilah yang dikatakan rahsia insaniah, setiap kaum dan bangsa ada tanda pengenalan dan peringatan maya pergerakan di atas roh kemerdekaan. Begitulah keinginan sesuatu bangsa itu sebelum sampai ajalnya.

Tetapi manusia itu tidak boleh kekal dengan tertindih dan tekanan-tekanan yang mengazabkan hak-hak kemuliaan diri dan keadilan hidup di dalam mencapai hak-hak pergaulannya tak dapat tidak daripada hilang kesabarannya. Maka meletuplah api penderhakaan itu, bagaimana hal itu telah berlaku di dalam tiap-tiap bangsa manusia, begitulah uraian sosiologi politik Adabi dalam tulisannya "Saya ke Patani".

Bagi seseorang yang ingin memajukan tanah air dan bangsanya mestinya ia berusaha bersungguh-sungguh dengan iktihad walaupun berbagai rintangan dialaminya kerana itu hanya sebagai ribut dalam madu sahaja.

Abdul Kadir Adabi bukan setakat menganalisa sahaja masyarakat tetapi mencuba menterjemahkan ilmu sosiologi ini dengan tajuk "Jiwa Perkumpulan".

i) Dalam emansipasi wanita

Abdul Kadir Adabi tidak mengabaikan peranan wanita dalam kemajuan masyarakat dan beliau memberi perhatian penuh terhadap emansipasi wanita. Di antara karangan-karangannya, ada beberapa karangan yang khusus membicarakan mengenai wanita misalnya dalam karangannya "Lelaki dan Perempuan" di mana ia menyatakan "belum pernah kita mendengar atau melihat orang Melayu menggantungkan hidupnya kepada kekasihnya, kerana belum ada lagi latihan budi pekerti dan perangai yang sejahtera di alam Melayu ini sebagaimana pendirian yang dikehendaki oleh orang-orang bijak". Menurut Adabi :

"Sebenarnya perempuan itu di sisi lelaki, bagi lelaki itu perempuan hanya sekuntum bunga atau sehelai kain yang tidak digemari bila mala atau buruk,

.....

tetapi perempuan itu adalah sekuntum bunga dan sehelai kain yang jika dijaga dengan cermat merupakan permata geliga yang bertuah, lebih-lebih kalau dihiasi dengan budi dan perangai yang terpuji.

"Demi untuk inilah kita mengesyorkan kepada penguasa negeri dengan dicabut persen dari gaji dan pencen-pencen yang diperoleh dari kerajaan serta menambahkan juga atas rakyat dalam masa yang ditentukan bagi mengadakan tempat pelajaran bagi melatih anak-anak Melayu lelaki dan perempuan dengan pendidikan sempurna".

Adabi merasa gembira bahawa pihak kerajaan akan membangun sekolah perempuan di bandar Kota Bharu dan memang ramai orang di Kelantan merasa sudah masanya kerajaan mengadakan -sekolah dan orang-orang di Kota Bharu berpendapat selagi tidak diberi pelajaran kepada perempuan, jika perempuan tidak mempunyai pelajaran tentulah mereka tidak mengetahui bagaimana hendak menggalakkan lelaki membuat kerja-kerja yang terpuji.

Dengan nama samaran, Wook bt. Abdullah, Adabi mengutip pula berita luar negeri untuk menyatakan tentang kemajuan wanita ini. Dalam karangan "Srikandi Islam Amerika" Aulla Hassan, yang dulunya seorang puteri hartawan Amerika dari California, telah memasuki agama Islam di depan Al-Haji Kamaluddin. Aullah Hassan merupakan salah seorang Islam Srikandi Amerika yang beratus ribu banyaknya adalah daripada orang yang rajin mempelajari soal agama Islam dan ia adalah seorang terpelajar.

Untuk mengadakan tempat dan alat-alat pertukangan bagi wanita ini, Adabi berharap Majlis Ugama Islam akan mengadakannya dengan menggunakan wang wakaf dan zakat dan ditambah sedikit bantuan dari lain-lain. "kepada anak-anak perempuan", tambah Adabi, "kita berharap kerajaan yang mengadakan sekolah-sekolah jika kerajaan tidak mempunyai perbelanjaan, kerajaan boleh mengadakan wang loteri yang dicabut persen darinya untuk belanja bagi menambahkan mutu kaum ibu di Kelantan.

*Tuan Haji Abdul Wahab bin
Toh Muda Abdul Aziz : (Orang Kaya-Kaya
Dato' Panglima Bukit Gantang)
(1905-1959)*



Dato' Haji Abdul Wahab bin Toh Muda Abdul Aziz,
Orang Kaya-Kaya Dato' Panglima Bukit Gantang (1905-1959)

Oleh : Zulkanain Abdul Rahman
Jabatan Sejarah Universiti Malaysia

Pengenalan

Arena politik Perak sebelum merdeka menyaksikan kemunculan beberapa parti politik sama ada bersifat kebangsaan atau kenegerian. Dengan demikian, Perak juga memiliki seorang tokoh pejuang kemerdekaan yang diingati oleh generasi anak merdeka hingga kini. Penghargaan yang diberikan oleh generasi anak merdeka khususnya di Perak jelas tergambar apabila sebatang jalan yang terdapat di bandaraya Ipoh telah dinamakan dengan nama tokoh pejuang kemerdekaan ini. Tokoh yang dimaksudkan ialah Dato' Haji Abdul Wahab bin Toh Muda Abdul Aziz atau lebih dikenali sebagai Dato' Panglima Bukit Gantang.

Latarbelakang Dato' Panglima Bukit Gantang

Hj. Abdul Wahab bin Toh Muda Abdul Aziz adalah anak kelahiran Sayong. Beliau dilahirkan pada 4 Mei 1905 dan merupakan anak kedua daripada 14 orang adik-beradik. Ditinjau dari sudut pendidikan pula, tokoh ini mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Pekan Baru, Ipoh. Seterusnya, beliau menyambung persekolahannya di Sekolah Menengah Anderson, Ipoh. Beliau kemudiannya mendalami ilmu undang-undang di Inner Temple, London, setelah lulus peperiksaan *Senior Cambridge* pada Mei 1925. Pengajian beliau di luar negeri dibiayai oleh datuknya sendiri, iaitu Hj. Mahmud Taib yang juga merupakan Orang Besar Delapan Negeri Perak.

Ketika menuntut di seberang laut, Dato' Panglima Bukit Gantang terlibat dengan beberapa persatuan pelajar seperti *Malayan Student's Union* dan *Malay Student's Society*. Dalam kedua-dua persatuan ini, beliau menjawat jawatan Setiausaha dan Presiden. Sekembalinya beliau dari luar negeri pada 1930, Dato' Panglima Bukit Gantang bekerja dengan firma guaman J. Dunford Wood sebelum membuka firma guaman beliau sendiri di Jalan Bandaraya, Ipoh. Beliau berkahwin dengan Halijah binti Abdul Rahman pada tahun 1933. Pada tahun 1935, beliau berkahwin pula dengan Toh Puan Badariah, iaitu anak Dato' Panglima Kinta, Orang Besar Delapan Perak.

.....

Pada 1936, beliau telah dianugerahkan gelaran Dato' Panglima Bukit Gantang berikutan kematian bapanya. Sebelum terlibat secara langsung dalam arena politik di Perak, beliau pernah berkhidmat selaku Penguasa Polis di Tapah dan Pegawai Pendaftar Mahkamah Tinggi, di Ipoh.

**Dato' Panglima Bukit Gantang dan Perikatan Melayu Perak
(Perak Malay League)**

Kepimpinan, ketokohan politik dan kesungguhan beliau memartabatkan maruah bangsa Melayu mula terserlah apabila Dato' Panglima Bukit Gantang mengasaskan Perikatan Melayu Perak. Pengalaman yang ditimba oleh beliau ketika mmenjawat jawatan Setiausaha dan Presiden persatuan pelajar di luar negeri dan Persatuan Drebar-Drebar Melayu Perak yang ditubuhkan pada 1930 sebelum ini banyak membantu beliau memahami keadaan kehidupan orang Melayu pada ketika itu, khususnya di Perak.

Perikatan Melayu Perak yang ditubuhkan pada 17 Januari 1946 adalah hasil perbincangan yang diadakan di Kuala Kangsar sebelum ini dan dihadiri seramai 1,700 orang Melayu seluruh Perak. Walau bagaimanapun, parti ini bersifat kenegerian kerana memberi perhatian kepada orang Melayu di Perak secara khusus. Ini bukanlah satu keganjilan pada ketika itu kerana kebanyakan persatuan yang dianggotai oleh orang Melayu di negeri-negeri Melayu yang lain sebelum pembentukan UMNO pada 1946 adalah bersifat setempat. Antara sebab Perikatan Melayu Perak ini ditubuhkan ialah:

- a) Memberi kepimpinan politik kepada orang Melayu Perak pada ketika itu.
- b) Memberi perlindungan kepada orang Melayu yang disoal siasat atau ditahan oleh pihak British kerana disyaki bekerjasama dengan Jepun sebelum ini.
- c) Membantu para pembesar Melayu mempertahankan hak orang Melayu.
- d) Kebimbangan perlaksanaan Malayan Union oleh pihak British.

.....

Dato' Panglima Bukit Gantang adalah Presiden pertama Perikatan Melayu Perak. Sementara itu, Setiausaha Agung pertama ialah Raja Mohar bin Raja Badiozaman (Tan Sri). Secara keseluruhannya, Perikatan Melayu Perak yang beribu pejabat di Ipoh mempunyai keahlian seramai 30,000 orang dengan 24 cawangan dibuka di seluruh negeri Perak. Antara cawangan tersebut termasuk Kuala Kangsar, Taiping, Lenggong, Parit, Batu Gajah, Krian dan Batu Kurau. Ini secara langsung menggambarkan beberapa perkara yang penting.

Antaranya, kepimpinan Perikatan Melayu Perak yang diterajui oleh Dato' Panglima Bukit Gantang diterima oleh orang Melayu Perak hingga ke peringkat akar umbi. Pembesar Melayu seperti Dato' Panglima Bukit Gantang dilihat sebagai tokoh yang boleh melindunginya dan memperjuangkan hak orang Melayu termasuk institusi kesultanan. Kedua, Perikatan Melayu Perak berjaya menyatukan orang Melayu setempat dan menjadi persatuan paling kuat di Perak pada ketika itu jika dilihat daripada sudut bilangan keahlian dan pengaruhnya di seluruh Perak. Ketiga, perpaduan ini juga menggambarkan orang Melayu, khususnya di Perak kini boleh bergerak secara berorganisasi, berpasukan dan memiliki misi politik yang jelas, iaitu mahu memartabat bangsa Melayu.

Kesepakatan dan perpaduan orang Melayu Perak menerusi Perikatan Melayu Perak yang dikepalai oleh Dato' Panglima Bukit Gantang telah membolehkan mereka bergerak lebih mantap bersama orang Melayu di Perak sendiri mahupun orang Melayu dari negeri-negeri lain. Ini terbukti apabila Perikatan Melayu Perak bersama dengan empat lagi pertubuhan dari Perak telah ke Kuala Lumpur untuk menghadiri Kongres Melayu 1946 bagi menentang Malayan Union pada awal Mac 1946.

Dato' Panglima Bukit Gantang dan Penentangan Malayan Union

Perkembangan sejarah Malaysia sebelum merdeka menyaksikan orang Melayu bersungguh-sungguh menentang gagasan Malayan Union. Perjuangan orang Melayu menentang Malayan Union untuk dilaksanakan di Tanah Melayu turut disertai oleh golongan intelektual Melayu, para pembesar dan juga raja atau sultan sendiri. Protes terhadap perlaksanaan Malayan Union dijemakan dalam bentuk

.....

demonstrasi, tidak mengiktiraf dan memulaukan majlis perisytiharan Malayan Union yang dihadiri oleh bakal Gabenor kerajaan Malayan Union, iaitu Sir Edward Gent.

Komitmen orang Melayu Perak untuk menentang Malayan Union jelas kelihatan sejak Kongres Melayu yang diadakan pada 1-4 Mac 1946 di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur. Keseluruhannya, 41 pertubuhan politik seluruh Malaysia telah mengambil bahagian membincangkan strategi mempertahankan kedaulatan bangsa Melayu bukan secara bersendirian, tetapi secara kolektif. Perak telah diwakili oleh lima persatuan, iaitu Perikatan Melayu Perak, Persatuan Melayu Perak, Persatuan Muslim Telok Anson, Persatuan Melayu Chenderiang dan Persatuan Muhibbah Malim Nawar. Berbanding dengan persatuan dari Perak yang lain, Perikatan Melayu Perak lebih menonjol perannya dalam Kongres ini berdasarkan peranan yang dimainkan oleh Dato' Panglima Bukit Gantang. Beliau telah mengesyorkan beberapa perkara sebagai langkah tidak kerjasama dengan British untuk melaksanakan Malayan Union. Antaranya dicadangkan:

- a) Dipinta Sultan-sultan jangan mencampuri istiadat menyambut Malayan Union.
- b) Supaya dilantik seorang wakil bagi memohon Sultan-sultan jangan hadir di dalam istiadat menyambut Malayan Union.
- c) Supaya tetap diadakan bangkangan dengan tiada dengan surat lagi tetapi dengan jalan lain.
- d) Meminta Sultan Perak menyerahkan kepada Mahkamah Tinggi di England supaya dibatalkan Malayan Union.

Gandingan bahu dan kesatuan hati orang Melayu seluruh Malaysia menentang Malayan Union terus diperkasakan. Cakupan politik yang bersifat setempat mestilah dirobuhkan dan orang Melayu mesti bersatu tanpa mengambil kira sempadan kenegerian. Dengan demikian, kesemua wakil 41 persatuan yang hadir dalam Kongres Melayu 1946 ini telah bersetuju untuk bergabung. Seterusnya, pada Kongres ketiga yang diadakan di Istana Besar Johor Bahru, Persatuan Kebangsaan Melayu Bersatu atau ringkasnya PEKEMBAR atau diterjemahkan dalam Bahasa Inggeris sebagai *United Malays National Organisation (UMNO)* telah ditubuhkan pada 11 Mei 1946 bagi menggantikan Kongres Melayu 1946. Perikatan Melayu Perak yang diterajui oleh

.....

Dato' Panglima Bukit Gantang kini telah menjadi sebahagian daripada gabungan persatuan yang membentuk UMNO. Seperkara lagi, Dato' Panglima Bukit Gantang bersama-sama dengan Dato' Hamzah Abdullah, Dato' Nik Ahmad Kamil dan Dato' Zainal Abidin Abbas telah membantu Dato' Onn Jaafar dalam Kongres Melayu yang diadakan pada Mac 1946 merangka Piagam atau Charter yang akan dijadikan Undang-Undang Tubuh UMNO. Piagam ini telah diterima oleh Kongres pada hari penubuhan UMNO.

Dato' Panglima Bukit Gantang dan UMNO

UMNO Negeri Perak atau dikenali sebagai Bahagian Perak ditubuhkan pada 22 Februari 1948. Pada peringkat awal, keahlian UMNO Bahagian Perak terdiri daripada bekas anggota Perikatan Melayu Perak yang telah dibubarkan untuk menubuhkan UMNO. Apabila membincangkan UMNO, terdapat dua perkara yang jelas. Perkara pertama ialah nama Dato' Panglima Bukit Gantang terpahat dalam lipatan sejarah selaku individu yang berganding bahu bersama Dato' Onn menubuhkan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau lebih dikenali dengan nama UMNO pada 11 Mei 1946. Perkara kedua, ialah penyingkiran Dato' Panglima Bukit Gantang dari UMNO pada tahun 1953.

Dalam perkara yang pertama, Dato' Panglima Bukit Gantang adalah Setiausaha Agung UMNO yang pertama sebelum tempatnya diambil oleh Datuk Zainal Abidin b. Hj. Abas. Perlantikan Dato' Panglima Bukit Gantang selaku Setiausaha Agung UMNO telah menyebabkan beliau menawarkan pejabat guamannya di Ipoh untuk dijadikan ibu pejabat UMNO. Ibu pejabat UMNO kemudiannya berpindah ke Johor Bahru dan seterusnya ke Kuala Lumpur.

Dato' Panglima Bukit Gantang kemudiannya telah dilantik oleh Sultan Perak pada ketika itu, iaitu Sultan Abdul Aziz untuk menjawat jawatan Menteri Besar Perak. Jawatan Menteri Besar Perak ini bermula pada tahun 1 Februari 1948 berikutan pembubaran Malayan Union. Beliau menjawat jawatan ini hingga 31 Julai 1957.

Bersabit dengan perkara kedua, aliran pemikiran dan persekitaran politik yang wujud selepas UMNO ditubuhkan pada 1946 mestilah

.....

diambil kira. British telah meletakkan syarat bahawa kemerdekaan Tanah Melayu hanya akan diberikan sekiranya terdapat kerjasama di antara Melayu dan bukan Melayu untuk membentuk kerajaan sendiri selepas merdeka. Justeru itu, timbul persoalan dikalangan para pemimpin politik Melayu pada ketika itu bagaimana mahu memenuhi syarat ini. Aliran pertama melihat kerjasama dengan bukan Melayu boleh dibentuk menerusi pakatan parti-parti politik yang berteraskan bangsa. Aliran kedua pula melihat kerjasama dengan orang bukan Melayu diwujudkan dengan cara merangkumkan semua bangsa dalam satu parti.

Dalam konteks ini, Dato' Panglima Bukit Gantang telah meletakkan diri beliau dalam aliran pemikiran yang kedua hingga menyebabkan beliau dipecat dari UMNO dan kepimpinan beliau ditolak di Perak dalam Pilihan raya 1955. Kamaruddin Yaacob menyatakan bahawa penyingkiran Dato' Panglima Bukit Gantang dari UMNO ada kaitannya dengan usaha beliau untuk mengadakan *National Conference* Menteri Besar Negeri-negeri Melayu. Dato' Panglima Bukit Gantang dikatakan mahu menyatukan semua pemimpin kaum untuk menuntut kemerdekaan. Dengan perkataan lain, Dato' Panglima Bukit Gantang dilihat mahu melaksanakan gagasan pemikiran Dato' Onn Jaafar, Presiden UMNO yang pertama. Dato' Onn telah meninggalkan UMNO pada 28 Ogos 1951 dan dalam masa yang sama Dato' Panglima Bukit Gantang adalah Setiausaha Agung UMNO. Cadangan Dato' Onn untuk menjadikan UMNO sebagai satu organisasi politik yang membuka keahlian kepada orang bukan Melayu telah ditolak oleh ahli-ahli UMNO. Dato' Panglima Gantang tidak setuju dengan kepimpinan Tengku dan ingin buat *National Conference* untuk mengatasi UMNO dan Tengku. Perisytiharan penyingkiran Dato' Panglima Bukit Gantang dari UMNO telah dilakukan dalam Majlis Persidangan UMNO Setengah Tahun yang diadakan di Melaka pada 4 dan 5 April 1953.

Penyingkiran beliau dari UMNO tidak bererti perjuangan beliau membela nasib bangsa Melayu turut berkubur. Sokongan padu dari peringkat akar umbi orang Melayu Perak terhadap Dato' Panglima Bukit Gantang terus subur walaupun beliau disingkirkan dari UMNO. Selain itu, kedudukan beliau selaku Ketua UMNO Perak juga tidak berubah apabila 37 daripada 52 cawangan UMNO Perak masih lagi

.....
memberi kepercayaan kepadanya untuk memimpin orang Melayu di Perak. Dengan mengambil kira sokongan yang diterima dari orang Melayu Perak, kedudukan beliau sebagai Menteri Besar dan penyingkiran beliau dari UMNO, Dato' Panglima Bukit Gantang seterusnya menubuhkan *National Association of Perak (N.A.P.)*.

Dato' Panglima Bukit Gantang dan *National Association of Perak*

Dato' Panglima Bukit Gantang telah menubuhkan *National Association of Perak (N.A.P.)* sebagai wadah perjuangan politik beliau pada 27 September 1953. Orang Melayu Perak yang menyertai UMNO Perak sebelum ini telah meninggalkan parti berkenaan beramai-ramai dan menganggotai N.A.P. sebagai tanda sokongan mereka terhadap Dato' Panglima Bukit Gantang. T.N. Harper mencatatkan keahlian UMNO Perak Pada tahun 1953 telah berkurangan dari 35,000 orang kepada kurang daripada 5,000 orang. Ini bermakna bahawa sebahagian besar orang Melayu Perak pada ketika itu masih memberi sokongan dan menerima kepimpinan Dato' Panglima Bukit Gantang di Perak walaupun beliau kini tidak lagi bersama UMNO. Dato' Panglima Bukit Gantang yang masih memegang jawatan Menteri Besar Perak dilihat sebagai seorang tokoh memperjuangkan kepentingan orang Melayu, khususnya di Perak. Namun begitu, keadaan ini juga menggambarkan perpaduan politik orang Melayu Perak kini berpecah kepada dua, iaitu sama ada mahu memberi sokongan terus kepada Dato' Panglima Bukit Gantang atau UMNO. Tunku Abdul Rahman yang menggantikan Dato' Onn selaku YDP UMNO berikhtiar memulihkan kekuatan UMNO Perak bersama Tan Sri Ghazali Jawi yang menjadi Ketua Bahagian Bagan Serai pada ketika itu. T.N. Harper menyatakan Tunku Abdul Rahman telah ke Perak dan:

"... warned the Perak Malays that new UMNO was very different from old: it was no longer the monopoly of the privileged and feudal class, an instrument by which they might further their own ends, but a party to fight for the interests of the workers and peasants."

Dari satu pihak yang lain pula, penubuhan *National Association of Perak (N.A.P.)* bukan sekadar tanda sokongan terhadap Dato' Onn

.....

yang terlebih dahulu menubuhkan *Independence of Malaya Party (IMP)* pada 16 September 1951 dan kemudiannya Parti Negara, tetapi turut menyaksikan gagasan pemikiran Dato' Panglima Bukit Gantang yang mahu merangkumkan masyarakat bukan Melayu untuk mencapai kemerdekaan. Tindakan beliau yang mahu menyatukan orang Melayu dan bukan Melayu untuk menuntut kemerdekaan dalam satu parti adalah jelas berdasarkan kepada tiga perkara, iaitu dasar parti *National Association of Perak*, keahlian bukan Melayu dalam N.A.P dan kerjasama dengan Parti Negara dalam Pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) 1955.

Parti N.A.P yang dipimpin oleh Dato' Panglima Bukit Gantang tidak berteraskan satu bangsa, tetapi bersifat *non-communal*. Dengan perkataan lain, parti ini mengutamakan integrasi antara kaum dalam satu parti politik untuk menuntut kemerdekaan. R.K. Vasil mencatatkan:

*"To promote unity among the people by including in them loyalty to the state of Perak and its Sultan.
To integrate all communities into one Malayan nation with a Malayan outlook and strive for responsible self-government within the British Commonwealth."*

Dalam konteks Pilihan raya MPP yang diadakan 27 Julai 1955, terdapat beberapa parti yang berminat untuk bertanding. Antara parti yang bertanding termasuklah Perikatan (UMNO-MCA-MIC), Parti Negara, Parti Islam Se-Malaya, Parti Buruh Malaya, *Perak Progressive Party* dan *National Association of Perak* yang dipimpin oleh Dato' Panglima Bukit Gantang. Berdasarkan laporan pilihan raya 1955 yang dihasilkan oleh T.E. Smith, N.A.P telah meletakkan sembilan calon untuk bertanding merebut 10 kerusi Dewan Undangan Negeri Perak seperti berikut:

Kawasan	Calon N.A.P
Krian	Mohamed Jan B. Ngah Mohamed
Batang Padang	Mohamaed Shamsudin B. Hj. Hamzah
Larut dan Matang	Wan Zarazillah Wan Hj. Ismail
Dinding	Mohd Yunus Mahmood
Sungai Perak Ulu	Syyed Nordin Wafa
Sungai Perak Hilir	Meor Ahmad Meor Yusof
Teluk Anson	(Tiada Calon diletakkan)
Ipoh dan Mengelembu	Loh Ah Kee
Kinta Utara	Chik Mohamed Yusof Sheikh Abd.Rahman
Kinta Selatan	Mohd Baki Hj. Daud

Dengan merujuk kepada senarai calon N.A.P di atas, N.A.P yang dipimpin oleh Dato' Panglima Bukit Gantang telah meletakkan sembilan calon untuk merebut sepuluh kerusi Dewan Undangan Negeri kecuai di Teluk Anson. Parti ini juga telah meletakkan seorang calon Cina untuk bertanding di Ipoh dan Mengelembu. Dato' Panglima Bukit Gantang sendiri tidak bertanding untuk merebut mana-mana kerusi di Perak mahupun di negeri lain.

Parti N.A.P tidaklah bergerak secara bersendirian atau berasingan apabila berhadapan dengan Perikatan. Parti ini telah bekerjasama dengan Parti Negara yang dipimpin oleh Dato' Onn untuk menghadapi Pilihan raya Majlis Mesyuarat Persekutuan (MPP) 1955. Berdasarkan tulisan R.K Vasil, Parti Negara tidak ada cawangan di Perak dan N.A.P bertindak sebagai cawangan Parti Negara di Perak. Selain itu, Parti Negara tidak meletakkan calon untuk bertanding di Perak. Dalam konteks Pilihan raya MPP 1955, N.A.P dan Parti Negara melihat Perikatan UMNO-MCA-MIC sebagai saingan utama mereka. Keputusan pilihanraya menunjukkan N.A.P yang dipimpin oleh Dato' Panglima Bukit Gantang dan Parti Negara gagal untuk mendapatkan sebarang kerusi. Secara keseluruhannya, Perikatan UMNO-MCA-MIC memenangi 51 daripada 52 kerusi yang dipertandingkan.

Dengan mengambil kira Dato' Panglima Bukit Gantang yang kini meletakkan dirinya sebagai lawan dan saingan kepada UMNO setelah disingkirkan pada 1953 dan kekalahan N.A.P dalam Pilihan raya (MPP) 1955 kepada Perikatan, kewibawaan politik dan parti pimpinannya sendiri semakin lemah di Perak. Dengan perkataan lain, kepimpinan Dato' Panglima Bukit Gantang menerusi N.A.P telah


.....
ditolak oleh orang Melayu Perak. Bersabit dengan hal ini, Dato' Panglima Bukit Gantang dikatakan oleh R.K. Vasil telah menyusun beberapa langkah baru.

Antaranya, beliau mengambil keputusan untuk meninggalkan N.A.P pada November 1955 dengan tujuan menyakinkan orang Melayu dan bukan Melayu Perak bahawa parti N.A.P bukan khusus untuk masyarakat kelas atasan Melayu seperti pegawai kanan kerajaan Negeri dan para Penghulu, tetapi terbuka kepada semua, termasuk bukan Melayu. Ini kerana N.A.P sebelum 1955 seperti dinyatakan oleh G.P Means:

"... was dominated by western educated Malays in the court circle around the Sultan of Perak, but also enjoyed the support of a number of prominent Chinese and Indians closely identified with the state administration."

Kedua, nama National Association of Perak ditukarkan kepada *National Association of Malaya* untuk bergerak lebih aktif di peringkat Persekutuan.

Namun begitu, usaha-usaha ini tidak mendatangkan kesan yang jelas. Laluan politik untuk memimpin orang Melayu khususnya di Perak kini terbuka luas kepada pesaing politik terdekatnya, iaitu Ghazali Jawi (Tan Sri) yang memimpin UMNO. Beliau kemudiannya telah dipilih untuk menjawat jawatan Menteri Besar Perak pada 1957 bagi menggantikan Dato' Panglima Bukit Gantang. Hala tuju perjuangan N.A.P terus lemah dengan kematian Dato' Panglima Bukit Gantang pada 16 April 1959. N.A.P terus hilang pengaruh di Perak dan tidak meletakkan seorang pun calon untuk pilihanraya 1959.

A black and white portrait of Ahmad Boestamam, a man with short dark hair, looking slightly upwards and to the right. The portrait is positioned in the lower right quadrant of the page. The background of the entire page features a large, stylized sunburst or starburst pattern in the upper half and a dense, intricate floral or scrollwork pattern in the lower half, both rendered in a light, embossed style against a darker background.

Ahmad Boestamam (1920 – 1983) :

Satu garapan pemikiran dan kegiatannya

.....

Ahmad Boestamam (1920 – 1983) :
Satu garapan pemikiran dan kegiatannya

.....
Oleh : **Ramlah Adam**

Jabatan Sejarah, Universiti Malaya

Pengenalan

Kepentingan Ahmad Boestamam (AB) dalam gerakan nasionalisme dan politik Malaysia tidak dapat diragukan. Beliau telah terlibat dalam kedua-dua aspek ini sejak tahun 1930-an sehingga tahun 1970-an, satu jangka masa yang begitu lama sekali. Beliau telah menggerakkan berbagai-bagai persatuan dan parti politik serta terlibat dalam berbagai-bagai episod politik yang penting dalam sejarah politik Malaysia. Dengan mengkaji peranannya dan penglibatannya, kita sebenarnya membaca sejarah politik Malaysia itu sendiri.

AB telah dilahirkan di Kampung Behrang Ulu, Tanjong Malim, Perak pada 30 November 1920 M. Ayahnya, Raja Kechil, adalah seorang perantau dari Tanah Datar Minangkabau, yang telah membuka perkampungan di Behrang Ulu. Beliau berkahwin dengan Rasiah, anak seorang Minangkabau dari kampungnya. Bersama beberapa orang Minangkabau yang lain, mereka telah datang ke Semenanjung Tanah Melayu pada awal kurun 20M. Kesemua mereka menjadi petani dengan meneroka tanah hutan untuk dijadikan sawah dan ladang buah-buahan dan kemudiannya kebun-kebun getah. Keluarganya dipandang tinggi kerana Raja Kechil dianggap sebagai ketua kampung oleh masyarakat setempat.

AB merupakan anak lelaki tunggal bagi keluarganya. Beliau diapit oleh dua orang kakak dan seorang adik perempuan. Ini menjadikan AB sangat manja dan sentiasa dijaga dengan rapi dan penuh kasih sayang. Bagi keluarganya pula, AB sangat penting sebagai waris penyambung keturunan mereka. Maka, tidak hairanlah jika AB ditatang seperti minyak yang penuh.

Seperti kebiasaan anak kampung, AB memulakan pendidikannya dengan memasuki sekolah agama rakyat yang agak kecil di kampungnya. Di sini, AB belajar mengaji Al-Quran dan perkara-perkara asas agama Islam. Beliau kemudian memasuki sekolah Melayu di kampungnya, sehingga darjah 5, sebelum memasuki sekolah Inggeris, *Anderson School* di Ipoh. Di sini, beliau belajar

.....

sehingga Tingkatan Tiga (*Junior Cambridge*). Beliau meninggalkan alam persekolahannya pada akhir 1937 kerana gagal dalam peperiksaan itu. Kegagalannya itu, mengikut AB adalah kerana tumpuannya yang terlalu banyak dalam bidang penulisan di akhbar *Saudara*, sebuah akhbar yang terbit di Pulau Pinang. Minatnya dalam bidang kewartawanan itu telah menyeret beliau terus ke bidang tersebut.

Menjadi Wartawan

AB mula berjinak dengan akhbar sejak di bangku sekolah lagi. Beliau menghantar tulisan-tulisannya ke akhbar-akhbar yang penting di Semenanjung pada masa itu seperti *Saudara*, *Warta Malaya* dan *Majlis*. Beliau juga mendakwa, berusaha menerbitkan sebuah akhbar kecil, yang dinamakannya *Warta Perak* secara berkongsi dengan beberapa anggota Persatuan Melayu Perak. Akhbar itu menjadi wadah pencetusan ide dan gagasan bagi memajukan masyarakat Melayu dalam bidang sosio-ekonomi.

Kegagalannya dalam peperiksaan telah menggalakkan beliau melamar kerja sebagai wartawan di akhbar *Saudara*; sejak itu, beliau tidak menoleh ke belakang. Dunia wartawan terus dihuninya, walaupun gajinya tidak seberapa. Beliau kerap berpindah kerana gaji yang kurang memuaskan itu di samping mencari kedudukan yang lebih baik dalam dunia kewartawanan itu sendiri. Dari akhbar *Saudara*, beliau berpindah ke *Warta Kinta*, kemudian ke *Majlis*, ke *Utusan Melayu* dan akhirnya ke *Warta Malaya*. Kesemuanya ini berlaku dalam masa 4 tahun sahaja, iaitu dari 1937 sehingga 1940. Seperti kebanyakan para aktivis politik yang sezaman dengannya, AB adalah seorang wartawan yang sangat prolific sekali. Perpindahannya dari sebuah akhbar ke akhbar lain sangat berguna untuknya mencari pengalaman dan pendedahan bagi merangsang minat dan cita-cita politiknya. Pekerjaannya itu juga menjadikan beliau bertembung dan bergaul dengan tokoh-tokoh wartawan Melayu yang lain seperti Abdul Rahim Kajai, Ibrahim Haji Yaacob dan Ishak Hj. Muhammad. Kesemua mereka adalah wartawan-wartawan yang telah matang dengan dunia kewartawanan. Pergaulan dengan mereka, menjadikan AB dapat bergerak bersama-sama mereka, walaupun hanya sebagai pengikut dan anak murid kepada mereka.

.....

Kegiatan AB dalam bidang kewartawanan ini telah menyebabkan beliau terlibat dalam arus kerancangan nasionalisme Melayu yang sedang memuncak pada tahun 1930-an. Beliau telah turut sama memberi pendapat dan cadangannya bagi memperbaiki kelemahan ekonomi, sosial dan politik orang Melayu daripada tekanan kerajaan British dan saingan kaum pendatang. Walaupun tulisannya tidak setajam rakan-rakannya yang lain, tetapi beliau telah melahirkan pendapatnya dalam nada dan pendapat yang sama dengan mereka. Persamaan harapannya untuk memajukan orang Melayu sudah cukup untuk beliau terlibat secara langsung dalam kegiatan nasionalisme Melayu sebelum perang dunia.

Kepentingan politik AB secara organisasi bermula dengan penglibatannya dalam Kesatuan Melayu Muda (KMM) sebagai Penolong Setiausaha KMM. Kesatuan ini, yang ditubuhkan pada 1939 dan diketuai oleh Ibrahim Haji Yaacob (IBHY), merupakan satu persatuan sosio-ekonomi pemuda Melayu, yang berpusat di Kampung Bahru, Kuala Lumpur. Ia berasal dari sebuah persatuan pelajar-pelajar Melayu yang kecil tetapi di beri nama dan nafas baru oleh Sutan Djenain, seorang pelarian politik Indonesia ke Semenanjung. Objektif kegiatan KMM adalah untuk menyatukan tenaga pemuda Melayu dan memajukan diri dalam pelajaran. Kesederhanaan objektif KMM yang asal ini kemudian telah diperbesarkan oleh pengkaji sejarah yang bersimpati dengan KMM.

AB tidak terlibat dalam perancangan IBHY untuk menjadikan KMM sebagai ejen propaganda dan informasi Jepun di Semenanjung. IBHY juga tidak berunding dengan mana-mana ahli jawatankuasa KMM untuk tujuan tersebut. Oleh itu apabila AB ditangkap kerana kedudukannya sebagai Penolong Setiausaha KMM, beliau merasakan ia satu tekanan politik yang cukup hebat kepada dirinya. Penangkapannya itu beserta lebih kurang 130 orang penyokong dan pemimpin KMM, memang memulakan kehidupan pahit getir seorang aktivis politik seperti beliau.

Bekerjasama Dengan Jepun

Beliau tidak dianggap penting oleh IBHY, yang mendapat kedudukan baik dalam pemerintahan tentera Jepun. AB telah dihantar pulang ke

Perak dan dilantik oleh pemerintah tentera Jepun sebagai pegawai propaganda dan penapis filem dan bangsawan di Jabatan Propaganda Jepun di Ipoh. Beliau juga telah dihantar mengikuti latihan tentera di Durian Daun, Melaka selama tiga bulan. Sebagai pegawai kerajaan Jepun, AB mendapat bekalan makanan dan gaji, yang tentunya tidak menyulitkan hidupnya di zaman yang serba sulit bagi anggota masyarakat lain. Beliau juga mengaku bahawa 'cakap-cakapnya masin' kepada ketua jabatannya yang berbangsa Jepun.

Untuk mengambil hati ketuanya, AB mencadangkan penubuhan sebuah persatuan yang dinamakan Persatuan Anti-Komunis. Tujuan persatuan ini ialah untuk menyelamatkan anggota masyarakat daripada terus teraniaya kerana disyaki terlibat dalam gerakan MPAJA (*Malayan People Anti-Japanese Army*), yang menjalankan gerakan bawah tanah menentang pemerintahan tentera Jepun. Mengikuti AB, memang menjadi kebiasaan tentera Jepun, apabila masuk ke kampung akan mencari mereka yang disyaki sebagai penyokong MPAJA; ini menyebabkan orang ramai sentiasa ketakutan. Maka, untuk mengelakkan penindasan daripada berlanjutan, mereka digalakkan menjadi anggota persatuan itu. Ini memang dapat menyelamatkan ramai orang daripada semua bangsa. AB menjadi pelindung kepada mereka.

AB menggunakan kedudukannya itu untuk membina tapak politik bagi dirinya. Dengan restu dari ketua jabatannya, beliau menubuhkan Barisan Pemuda Melayu (BPM) pada tahun 1943. BPM bertujuan untuk menggabungkan semua tenaga pemuda Melayu sebagai satu sokongan kepada Jepun untuk mendapatkan sokongan masyarakat terhadap pemerintahannya. Anggota-anggota BPM dilatih dengan disiplin tentera dan boleh bertindak sebagai tentera sukarela kepada pemerintah Jepun. Mereka juga digalakkan menganggotai *Giyu-tai* dan *Giyu-gun*. Kedua-dua pasukan ini adalah tentera sukarela Melayu yang diketuai oleh IBHY, yang berpusat di Singapura. Pasukan-pasukan ini diresmi penubuhannya oleh pemerintah tentera Jepun. Penubuhan BPM boleh dianggap sebagai satu sokongan kepada pertubuhan-pertubuhan induk itu dan dengan itu tidak menimbulkan ketegangan di antara AB dan IBHY.

.....

BPM adalah satu cara untuk AB melahirkan satu tapak politik kepada dirinya. Pengharaman KMM oleh Jepun pada tahun 1942, kerana desakan pemimpin-pemimpin utamanya untuk mendapatkan kemerdekaan seperti yang telah dijanjikan, telah memberi satu kekosongan politik kepada pemuda Melayu. AB melihat peluang ini sebagai satu cara untuk menggantikan KMM sebagai satu badan politik pemuda Melayu yang bermatlamat seperti KMM. Walaupun BPM ditubuhkan di Perak, tetapi namanya itu melambangkan kepentingan bangsa Melayu seluruh Semenanjung. Perak mahu dijadikannya asas kepada penubuhan persatuan pemuda kebangsaan Melayu itu.

Ternyata, hasrat AB gagal dipenuhinya. Pihak Jepun masih terus menerima IBHY sebagai pemimpin Melayu. Persetujuan Jepun untuk memberi kemerdekaan Tanah Melayu di bawah Republik Indonesia, telah menyebabkan IBHY terus dikenali dan berhubung baik dengan Sukarno, pemimpin Revolusi Indonesia. IBHY telah berjumpa Sukarno di Jakarta bagi merundingkan kemerdekaan bersama itu. Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS) ditubuhkan pada Ogos 1945, dengan IBHY sebagai pemimpinnya dan Dr. Burhanudin Al-Helmy sebagai pembantunya. Kongres Pemuda KRIS seluruh Semenanjung, telah dipanggil untuk menyokong pengisytiharan itu di Kuala Lumpur. Namun, kehendak takdir Allah s.w.t. mengatasi segala perancangan mereka. Indonesia mengisytiharkan kemerdekaannya pada 15 Ogos 1945, tanpa sempat berunding dengan IBHY. IBHY dan beberapa orang sahabatnya dan keluarga masing-masing meminta Jepun menghantar mereka ke Jakarta dan meninggalkan perjuangan kemerdekaan yang belum selesai dan terbengkalai.

Dalam semua episod penting ini, AB tidak terlibat langsung; beliau dan persatuannya tidak dijemput menghadiri persidangan Pemuda KRIS itu. Sebaliknya, Dato' Onn Jaafar, yang dikatakan akan menjadi anggota kabinet IBHY, mewakili Johor. Begitu juga tokoh-tokoh Kesatuan Melayu Singapura dijemput sama. Kesemua mereka terpaksa kembali ke tempat masing-masing, mengharungi penguasaan MPAJA, yang mula berkuasa di bandar-bandar besar dan tempat-tempat strategik serta sistem pengangkutan keretapi Semenanjung. Huru-hara dan pergaduhan kaum juga mula meletus di beberapa tempat di Semenanjung terutama di Johor, Perak dan Pahang.

Keadaan kelam-kabut itu sekali lagi digunakan oleh AB dengan sebaik-baiknya. Beliau dan kawan-kawannya dalam BPM dan KITA telah mengambil-alih pejabat akhbar Jepun di Ipoh untuk dijadikan markas operasi mereka. Mereka menerbitkan akhbar *Suara Rakyat*. MPAJA yang berkawan dengan KITA, telah mula menguasai balai polis dan majlis bandaran dan pentadbiran bandar Ipoh.

AB kembali menjadi seorang pejuang yang bercakap tentang kemerdekaan tanahair dan penindasan penjajahan British ke atas orang Melayu. Melalui *Suara Rakyat*, beliau mula membidas dan mengecam British dengan nada yang begitu lantang sekali. Nada beliau sangat berbeza dengan sikapnya yang sentiasa memuji Jepun semasa Jepun berkuasa. Beliau seolah-olah memilih penjajah untuk dibidas. Bagi AB, hanya British yang patut dihentam penjajahannya, bukannya Jepun. Adakah definisi penjajah beliau berbeza atau kerana British memberi kebebasan bersuara?

Bekerjasama Dengan Parti Komunis Malaya

AB sebenarnya tidak mempunyai perancangan politik yang jelas. Beliau tidak mempunyai cara yang tersusun untuk menjaga kepentingan politik orang Melayu. Beliau tidak mengambil kesempatan daripada kekosongan politik Tanah Melayu yang ditinggalkan oleh Jepun. British membiarkan Parti Komunis Malaya (PKM) dengan tentera, MPAJA, mengambil alih pentadbiran dan politik Tanah Melayu dan memerintah selama 13-14 hari sebelum kedatangan *British Military Administration* (BMA). Dalam masa yang sama juga, operasi menghukum orang Melayu yang dianggap sebagai tali baru Jepun telah dilakukan oleh MPAJA secara rambang sehingga menimbulkan perselisihan politik yang berdarah di antara orang Melayu dan Cina di setengah-setengah tempat di negeri-negeri Melayu. Di Perak, pembakaran kampung dan pembunuhan yang berbalas-balas di antara kedua-dua bangsa ini berlaku di Sungai Manik, Bekor dan Slim River. Korban di kedua-dua pihak adalah sangat tinggi sekali. AB dalam memoirnya tidak menyebut hal ini. AB tidak dapat lari dari penguasaan PKM dan MPAJA ke atas dirinya da akhbar. *Suara Rakyat* dan kemudiannya *Voice of the People*, versi bahasa Inggeris akhbar yang awal telah dirampas dan dibiayai oleh PKM. Sebulan kemudian, AB didesak supaya bersama-sama PKM

.....

untuk menubuhkan parti politik radikal Melayu yang terkenal iaitu Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM). PKM yang mahu menguasai Tanah Melayu dengan cara perlembagaan, telah satu "Barisan Bersatu Malaya" (*Malayan United Front*), untuk mempengaruhi parti-parti politik Melayu dan kesatuan sekerja India. Penyerapan unsur PKM ke dalam masyarakat ini dipercayai dapat memperkenalkan mereka dengan ide sosialisme dan seterusnya komunisme. Dengan itu, cita-cita untuk membentuk sebuah republik komunis di Tanah Melayu akan menjadi lebih mudah.

Dengan itu, AB telah bekerjasama dengan secara sedar sekali lagi dengan pihak PKM, yang juga bersifat penjajahan ke atas Tanah Melayu. Ini kerana, PKM adalah anak Parti Komunis China yang bekerjasama dengan *Comintern*, iaitu pertubuhan komunis antarabangsa yang berada di bawah pengaruh Russia.

AB membenarkan PKM mengetuai dan mempengaruhi PKMM. Ini bukan sahaja kerana pentadbiran Tanah Melayu berada di bawah penguasaan PKM, tetapi juga teraju utama, iaitu Presiden PKMM juga dikuasai oleh PKM. Mokhtaruddin Lasso, seorang pelarian politik Parti Komunis Indonesia (PKI), pada tahun 1928, telah menjadi ketua orang Melayu Regimen ke-10 MPAJA, diberi tanggungjawab untuk mengkomuniskan PKMM. Pemimpin-pemimpin PKMM termasuk AB telah diajar doktrin-doktrin politik oleh Sutan Djenain, penyokong dan pelarian Parti Komunis Indonesia. Ahli-ahli jawatankuasa PKMM juga dianggotai sama oleh ahli PKM seperti Musa Ahmad, Abdullah C.D., Rashid Maidin dan beberapa orang lain.

Dengan itu, adalah kurang tepat dikatakan PKMM itu sebuah parti Melayu yang sepenuhnya berjuang untuk kepentingan orang Melayu, seperti yang dikatakan oleh AB dan pemimpin-pemimpin PKM yang lain. Kerjasama dengan PKM yang mempunyai satu dasar yang penting iaitu pembentukan sebuah bangsa "*Malayan*", sesuai dengan dasarnya mewujudkan Barisan Bersatu Malaya, yang berteraskan ideologi komunisme, tidak secukupnya dengan inspirasi politik orang Melayu Semenanjung yang masih mempertahankan ketuanan Melayunya. Dengan itu, dasar PKMM tidak lagi bersifat Melayu seratus peratus. Ia telah disesuaikan dengan cita-cita PKM.

AB menyedari hal tersebut, maka untuk mengimbangi pengaruh politik PKM, dalam persidangan yang diadakan pada 30 November 1945, dasar membentuk Melayu Raya atau Indonesia Raya, telah dimasukkan sebagai salah satu matlamat perjuangan PKMM. Malah dasar ini memang sengaja ditonjolkan begitu hebat oleh AB dan kumpulannya demi untuk mengelakkan pandangan orang ramai terhadap penguasaan PKM dalam PKMM. Ini juga telah membolehkan PKMM mendapat simpati yang cukup tinggi daripada orang keturunan Indonesia yang menetap di Tanah Melayu.

Bekerjasama dalam Kongres Melayu 1946

AB selalu mendakwa dalam tulisannya bahawa PKMM mendapat sambutan yang begitu baik daripada orang ramai. Dakwaannya ini tidaklah tepat jika dibandingkan dengan pengaruh PKMM yang ternyata tidak seberapa jika dibandingkan dengan UMNO, yang ditubuhkan lebih lewat daripadanya. UMNO yang merupakan gabungan persatuan negeri yang dianggap kanan dan dipimpin oleh elit tradisional Melayu, telah dapat memimpin semua orang Melayu, termasuk PKMM, yang bersidang dalam Kongres Melayu 1946 bagi menentang Malayan Union.

AB dan rakan-rakannya tidak memainkan peranan penting dalam Kongres tahun 1946 itu. Sebaliknya, wakil-wakil persatuan negeri yang jumlahnya lebih besar daripada wakil PKMM, telah memilih Dato' Onn Jaafar, seorang elit tradisional Johor, untuk menjadi pemimpin mereka. Jawatankuasa kecil Kongres yang dipertanggungjawabkan membawa bantahan orang Melayu kepada kerajaan British dan menjalankan segala urusan UMNO, juga dianggotai oleh elit tradisional dan moden Melayu. Wakil-wakil PKMM yang dikatakan terlalu terkenal itu tidak menjawat sebarang jawatan dalam UMNO

AB tidak dapat menerima keadaan itu. Beliau dan Ishak Haji Mohamad, tanpa pengetahuan Dr Burhanuddin, presiden PKMM dan ahli jawatankuasa PKMM yang lain, telah menarik PKMM keluar dari UMNO pada bulan Jun 1946, setelah menjadi anggota UMNO selama tiga bulan. Beliau membangkitkan soal pendekatan politik yang berbeza dengan UMNO sebagai satu sebab mengapa PKMM mesti

.....

keluar dari UMNO. Soal bendera UMNO juga dijadikan alasan oleh AB untuk keluar dari UMNO, walau pun ada dua cadangan lain yang tidak diterima termasuk cadangan Dato' Onn Jaafar sendiri. Beliau juga membangkitkan ketidakadilan UMNO kerana memberikan hanya dua sahaja undi kepada PKMM, seperti persatuan-persatuan negeri yang lain walhal mengikut anggapannya PKMM adalah lebih besar dari persatuan-persatuan tersebut.

AB disokong oleh PKM. PKM menuduh UMNO sebuah parti yang konservatif dan tidak menggunakan Derma Kebangsaan Melayu, iaitu tabung derma UMNO untuk perjuangan menuntut kemerdekaan. Cadangan Dato' Onn untuk menggunakannya sebagai biasiswa kepada anak-anak Melayu dianggapnya remeh. UMNO juga dianggap sebagai parti yang menyokong penjajahan British dan tidak inginkan kemerdekaan.

Sokongan PKM telah menjadi 'senjata makan tuan' kepada PKMM. UMNO telah menggunakan keadaan ini untuk menarik sokongan raja-raja Melayu dan orang Melayu sederhana terhadapnya. Pemimpinnya, Dato' Onn yang sangat faham dengan tradisi kebudayaan Melayu, telah menggunakan isu itu dengan sebaik-baiknya dalam UMNO. Beliau telah memindahkan unsur-unsur tradisional Melayu itu ke dalam UMNO sehingga UMNO sebenarnya adalah masyarakat Melayu itu sendiri. UMNO telah mengekalkan peranan orang besar sebagai pemimpin, rakyat Melayu sebagai penyokongnya dan raja Melayu sebagai penaung UMNO. Dengan kata lain, UMNO tidak mencabar susun lapis dan 'sub-culture' masyarakat Melayu itu sendiri.

Kerajaan British, kerana strategi politik dan sifat konservatifnya juga, telah menyokong UMNO. Bagi kerajaan British, UMNO adalah sebuah parti yang lebih sederhana, tidak dipengaruhi sebarang unsur luar yang mengancam kedudukan politik dan ekonominya serta tidak mempunyai sejarah penentangan terhadap pihak British, seperti PKMM yang dipimpin oleh beberapa orang bekas anggota KMM. UMNO juga direstui oleh raja-raja Melayu yang merupakan simbol ketuanan orang Melayu. Sokongan raja-raja Melayu kepada UMNO sangat penting diakui kerana raja-raja Melayu merupakan ketua kerajaan negeri yang membuat perjanjian dengan kerajaan British. Kebijaksanaan UMNO menarik raja-raja Melayu memihak kepada

.....

mereka telah memerangkap kerajaan British untuk mengakui kepentingan UMNO.

Strategi AB dan PKMM tidak mengena untuk memikat kerajaan British. Dasarnya berbaik-baik dengan kerajaan British dengan menyokong Malayan Union pada bulan Januari 1945 dan telah berjumpa dengan Gabenor Malayan Union untuk menerima kerakyatan *jus soli* yang ditentang oleh UMNO, tidak memberi kesan kepadanya. Strateginya yang dijalankan semasa di bawah pemerintahan Jepun dan dengan PKM, gagal mengabui mata kerajaan British. Sebaliknya, kerajaan British yang telah mengenali golongan ini sejak tahun 1939, telah menangkap ahli PKMM beramai-ramai pada tahun 1940. Oleh itu, kerajaan British tentunya berhati-hati dengan sokongan mereka. Peranan PKM yang berdiri di belakang PKMM juga tidak dipandang ringan. Desakan untuk merdeka bersatu dengan Indonesia dalam Indonesia Raya atau Melayu Raya juga membimbangkan kerajaan British. Maka tidak hairanlah, akhirnya kerajaan British memilih UMNO. Ini menyebabkan AB dan PKMM tidak mempunyai pilihan lain selain daripada menentang UMNO dan kerajaan British.

Bekerjasama dengan AMCJA dan menentang UMNO

Sekali lagi AB dan PKMM telah dipengaruhi oleh PKM untuk menubuhkan PUTERA, sebagai satu badan radikal Melayu yang besar bagi bergabung dengan AMCJA, sebuah gabungan parti politik bukan Melayu yang juga dipengaruhi oleh PKM. Kedua-dua organisasi ini kemudian menjadi penentang yang penting kerana telah mengeluarkan Perlembagaan Rakyat sebagai satu perlembagaan pilihan kepada orang ramai, selain Perjanjian Persekutuan 1948 yang disediakan oleh UMNO, raja-raja Melayu dan kerajaan British.

Ramai pengkaji berpendapat bahawa perlembagaan cadangan PUTERA-AMCJA itu adalah satu perlembagaan yang terbaik bagi Tanah Melayu dalam usaha untuk membentuk sebuah negara yang merdeka. Ini kerana perlembagaan itu mengambil kira kedudukan raja-raja Melayu, bangsa Melayu, bahasa kebangsaan, pembentukan kerajaan sendiri yang dipilih dengan suara ramai dan layanan sama rata bagi semua bangsa yang menjadi rakyat. *Jus soli* menjadi dasar

.....

kerakyatan. Oleh itu, AB dan organisasinya dilihat adalah lebih maju dari UMNO dan kerajaan British.

Namun, ada satu perkara yang tidak dipertimbangkan di sini, sama ada oleh AB atau golongan yang bersimpati dengannya iaitu kepentingan politik orang Melayu sebagai satu bangsa peribumi dan kerajaan Melayu sebagai kerajaan berdaulat, yang diakui oleh kerajaan British sebelum Malayan Union diperkenalkan. Kedudukan negeri-negeri Melayu sebagai negeri-negeri naungan (*Protected Malay States*) telah cuba dihapuskan dengan menjadikan negeri-negeri Melayu sebagai jajahan takluk seperti Singapura, Pulau Pinang dan Melaka melalui *Malayan Union*. Dasar menjajah secara terus dengan meletakkan seorang Gabenor yang bertanggungjawab terus kepada Raja England dan undang-undangnya dibuat oleh Parlimen England, akan menjadikan raja-raja Melayu dan negeri-negeri Melayu hilang kemerdekaan. Layanan politik yang sama rata melalui satu kerakyatan yang sama, akan menghapuskan status orang Melayu sebagai '*son of the soil*' Tanah Melayu. Inilah yang ditentang oleh UMNO dan raja-raja Melayu.

Dengan itu, perjanjian yang dibuat antara UMNO, raja-raja Melayu dan kerajaan British pada tahun 1948 itu adalah satu pembetulan semula dasar kerajaan British kepada negeri-negeri Melayu dan raja-raja Melayu. Perjanjian Persekutuan itu dimenteraikan bagi menentukan bahawa kedudukan kuasa British dengan raja-raja Melayu dan bidang kuasa persekutuan dengan negeri-negeri Melayu yang menjadi anggota Persekutuan Tanah Melayu adalah setara. Ia hanya satu penekanan semula kepada dasar yang telah dijalankan oleh kerajaan British selama ini terhadap negeri-negeri Melayu. Oleh sebab itulah, ia dinamakan Perjanjian Persekutuan 1948 dan bukannya perlembagaan seperti cadangan PUTERA-AMCJA.

Perbezaan pendapat dan pendekatan antara UMNO-British dan PUTERA-AMCJA sangat ketara. Pihak yang pertama membuat sesuatu yang sangat sederhana daripada pihak yang kedua. Ini bermakna UMNO-British hanya menyetujui semula sesuatu yang cuba dibuang, tetapi PUTERA-AMCJA pula cuba membuat sesuatu yang diharapkannya akan dilakukan oleh kerajaan British dalam *Malayan Union*. UMNO dan raja-raja Melayu mahukan struktur politik yang

.....

lama sedangkan PUTERA AMCJA pula mahukan struktur yang baru. UMNO menuntut struktur lama kerana menguntungkan orang Melayu dan negeri-negeri Melayu sebaliknya pihak lawannya menuntut kerangka politik yang baru yang dipercayainya menguntungkan semua pihak kecuali orang Melayu.

Bagi UMNO, membuang raja-raja Melayu akan menghilangkan kedaulatan negeri-negeri Melayu dan memberi hak sama rata kepada orang asing adalah sesuatu yang tidak diingini. Ini akan menghapuskan segala sejarah dan kebudayaan yang telah bertapak sekurang-kurangnya sejak abad ketujuh Masihi. Bagi PKMM pula, itu tidaklah penting kerana mereka tidak berminat kepada satu sistem beraja yang mutlak dan satu kebangsaan yang sempit serta sebuah kerajaan yang tidak memberi kebebasan bersuara. Dengan itu, PUTERA tidak lagi mementingkan kebangsaan Melayu sebagai landasan perjuangannya seratus peratus. Ia memperjuangkan konsep 'Malayan'. Sikap liberal ini tidak menghairankan kerana adanya pengaruh dan bimbingan Parti Komunis Malaya, yang berdiri di belakang PUTERA-AMCJA.

Dengan mempunyai satu dasar yang tidak bertumpu kepada kepentingan orang Melayu sepenuhnya, bererti AB dan PKMM/PUTERA telah menentang arus-utama nasionalisme Melayu tahun 1946. Ini kerana penentangan orang Melayu terhadap *Malayan Union* adalah kemuncak gerakan nasionalisme mereka selama ini. Gerakan nasionalisme Melayu yang bermula begitu lambat dan tidak begitu mencabar kerajaan British, telah menjadi cukup tegang dengan pengenalan *Malayan Union*. Ini kerana gerakan anti-Malayan Union ini telah membangkitkan kesedaran politik yang cukup jelas, sehingga melibatkan kaum wanita, yang selama ini tertutup dengan peranan tradisional mereka. Pengenalan *Malayan Union* telah menyatu padukan orang Melayu, bukan sahaja dikalangan rakyat tetapi juga raja-raja Melayu dan pembesar tradisional yang selama ini terpisah dengan rakyat jelata. Penentangan itu merupakan satu gerakan yang telah mencabar kerajaan British sehingga terpaksa tunduk kepada kehendak mereka.

Sikap AB yang cuba menguasai PKMM juga telah banyak melemahkan strategi PKMM bagi mendapatkan simpati orang Melayu terhadap parti tersebut. PKMM, yang digambarkan sebagai badan politik membela kepentingan orang Melayu, telah dilanda krisis politik

.....

dalamannya, akibat dari perancangan AB sendiri. Mengikuti memorinya, *Merintis Jalan Kepuncak*, AB mengaku bertanggungjawab menyingkirkan Dr. Burhanuddin daripada kepimpinan PKMM. Beliau merasa tidak puas hati dengan sikap Dr. Burhanuddin yang terlalu baik terhadap ahli-ahli, terutamanya yang suka keluar masuk parti. Dr. Burhanuddin juga dikatakan seorang yang agak lembut pendekatan politiknya dan tidak sesuai dengan sifat radikal PKMM. Tindakan AB memburukkan Dr. Burhanuddin telah diambil kesempatan oleh beberapa orang anggota PKM seperti Abdullah C.D. untuk menjatuhkan kepimpinan nasionalis Melayu dan menggantikannya dengan seorang pemimpin yang lebih bersifat sosialis dan lebih dekat dengan komunisme. Ini memudahkan lagi penyerapan masuk pengaruh dan penguasaan PKM ke dalam PKMM.

Penubuhan PKMM pada bulan Oktober 1945 merupakan usaha AB menekankan kepimpinannya dalam politik Tanah Melayu. Beliau terlalu kecewa dengan kegagalannya memegang sebarang jawatan penting dalam PKMM. Walaupun beliau merupakan penganjur utama bersama-sama PKM menubuhkan PKMM, tetapi orang lain, iaitu Dr. Burhanuddin, telah dilantik menjadi Naib Presiden. Dr. Burhanuddin kemudian terus menjadi Presiden PKMM, setelah Mokhtaruddin Lasso meninggalkan Tanah Melayu. AB hanya diberi jawatan kecil iaitu menjadi ketua bahagian pemuda PKMM iaitu Angkatan Pemuda Insaf (API). Jawatan ini tidak membolehkan beliau tampil ke depan sebagai pemimpin golongan radikal Melayu.

AB tidak mahu dikuasai atau dibayangi oleh sesiapa pun. Oleh sebab itu, AB telah membawa keluar API daripada PKMM selepas hanya dua bulan ditubuhkan. API dijadikannya badan tersendiri dan bekerjasama dengan PKMM sebagai sebuah parti. Dengan itu, AB dapat bertindak dan merancang kegiatan API sebagai satu badan yang lebih berkesan dari PKMM. Ini menimbulkan rasa tidak senang hati kawan-kawannya yang lain dalam PKMM seperti Taha Kalu, Naib Presiden PKMM. Maka tidak hairanlah AB dihalang memegang sebarang jawatan dalam PKMM apabila beliau membawa API keluar dari PKMM.

AB memang berjaya menjadikan API lebih ditakuti oleh kerajaan British. Dengan dasarnya yang terbuka menentang penjajahan British dan menuntut kemerdekaan dengan darah, serta cita-cita

.....

mencantumkan Tanah Melayu dengan Indonesia serta sokongan yang besar daripada pendukung revolusi Indonesia yang berada di Tanah Melayu, kerajaan British mendapati AB dan organisasinya sangat berbahaya. Tindakan kerajaan British menahan AB kerana penerbitan risalah Testament Politik API, tidak mencukupi untuk mengawal AB; akhirnya kerajaan British terpaksa mengharamkan API sebagai sebuah organisasi politik.

Di Penjarakan

Penangkapan AB pada bulan Julai tahun 1948, membekukan kegiatan politik AB untuk satu tempoh yang sangat panjang, iaitu selama tujuh tahun. Beliau terpaksa ditahan begitu lama kerana berbahaya kepada keselamatan politik British di Tanah Melayu dan kawasan sekitarnya, iaitu Nusantara. Pengisytiharan Undang-undang Darurat juga digunakan untuk kerajaan British mengawal anasir PKM dan sekutunya, termasuk PKMM dan anak buahnya. AB dianggapnya sebagai sebahagian daripada tenaga penggerak yang berbahaya.

AB telah menjadi seorang penulis yang cergas semasa dalam penjara. Bagi menghilangkan kegelisahannya dan kebosanannya kerana ditahan tanpa bicara, AB menggunakan pen dan kertas untuk mencurahkan ide, pendapat dan keluh kesahnya. Walaupun novel, sajak dan cerpennya tidak dianggap bermutu oleh pengkritik sastera, namun ia telah menjadi satu wadah untuk beliau terus bercanda dengan masyarakatnya. Sekurang-kurangnya usaha AB itu memberi kebebasan perasaan dan fikirannya, walaupun badannya terkurung oleh tembok penjara yang dingin dan kaku.

Presiden Parti Rakyat Malaya

Parti Rakyat Malaya (PRM) telah menjadi parti politiknya yang pertama sebaik-baik sahaja beliau dibebaskan pada tahun 1955. Beliau telah menjadi pemimpin pembangkang Melayu dengan menggunakan ideologi *sosialisme marhaenisme* ciptaan Sukarno. Dengan bekerjasama dengan Parti Buruh Malaya, beliau berjaya membentuk Socialist Front (SF) yang akhirnya menjadi salah satu parti pembangkang yang terkenal selepas kemerdekaan Tanah Melayu. Beliau menjadi pengerusinya yang pertama.

.....

Konsep gabungan AB dengan bukan Melayu telah membolehkan ia menjadi seorang pemimpin '*Malayan*' dalam erti kata yang sebenarnya. Jika pada tahun 1946-1948, beliau bekerjasama dengan bukan Melayu sebagai satu strategi menentang UMNO dan British, tetapi kali ini dalam usaha untuk mencapai kemerdekaan, konsep kerjasama kaum dalam politik Malaysia menjadi satu dasar politik bagi semua parti. UMNO yang dahulunya menolak gabungan PUTERA-AMCJA, kini di bawah Tunku Abdul Rahman telah membentuk parti Perikatan yang menggabungkan UMNO-MCA-MIC. Maka AB dengan mengikut contoh ini telah bersetuju bekerjasama dengan Parti Buruh dan membentuk SF sebagai parti gabungan. Perlantikan beliau sebagai pengerusi SF juga adalah satu strategi untuk menjadikan SF itu bersifat '*Malayan*' dengan pemimpinnya adalah orang Melayu. Ini penting untuk membolehkan SF mendapat sokongan daripada semua kaum dalam pilihanraya dan pembentukan kerajaan.

Pilihanraya tahun 1959 telah memberi satu pengiktirafan kepada kegiatan politik AB selama ini. AB telah memenangi kerusi parlimen Setapak di bawah tiket SF. Dengan itu, AB telah menjadi salah seorang anggota pembangkang, bersama-sama dengan tokoh-tokoh nasionalis dan politik Melayu yang disegani seperti Dato' Onn Ja'afar, Dr. Burhanuddin, Khadijah Sidek, Zulkifli Mohammad dan Othman Abdullah. Tokoh-tokoh pembangkang bukan Melayu yang handal seperti Dr Seenivasagam, Tan Chee Koon dan Lim Kean Siew telah berganding bahu dengan AB dan rakan-rakan yang lain. Kehadiran AB dan kawan-kawannya itu menjadikan kerajaan Perikatan terpaksa bekerja keras untuk berhujah dan mengalahkan mereka di Dewan Rakyat. Kehadiran mereka memang sangat menarik dalam sejarah politik demokrasi berparlimen di Malaysia.

Sebagai Anggota Parlimen

Sebagai anggota Parlimen, AB bukanlah seorang pembangkang yang hanya memanasakan kerusi semata-mata. Beliau merupakan seorang pembangkang yang cergas dan penuh dengan idea yang tidak putus-putus disumbangkannya di sepanjang keanggotaannya itu. Perbincangannya meliputi semua isu sama ada politik, ekonomi dan sosial. Cara tegorannya kepada kerajaan Perikatan adalah sangat

.....

terbuka dan berterus terang. Beliau juga kerap menjadi penyokong kepada isu-isu yang dibangkitkan oleh anggota pembangkang yang lain.

Antara isu yang paling penting dibahaskannya ialah pengenalan *Internal Security Bill* yang memberi kuasa kepada Menteri Dalam Negeri untuk menahan sesiapa sahaja yang dianggapnya mengancam keselamatan negara. AB melihat kuasa yang diberikan terlalu luas kerana seseorang itu boleh ditahan tanpa perbicaraan. Walaupun ada lembaga pengampunan yang dipengerusikan oleh Yang Dipertuan Agung, baginda masih perlu mendapat keterangan daripada Menteri Dalam Negeri. AB bimbang pihak kerajaan akan menggunakan undang-undang ini dengan sewenang-wenangnya kepada pihak pembangkang. Bantahan beliau dan ahli pembangkang yang lain tidak menghalang kelulusan rang undang-undang tersebut.

Menentang Penubuhan Malaysia

AB turut membahaskan satu perkara yang sangat penting dalam sejarah Malaysia iaitu rang undang-undang Pembentukan Malaysia pada bulan Oktober 1961. Dalam pembentangan cadangan itu, Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu telah melihat Pembentukan Malaysia akan membolehkan kemerdekaan bagi negeri-negeri jajahan takluk British seperti Singapura, Sarawak dan Borneo Utara di samping mengatasi masalah keselamatan rantau ini dari ancaman komunisme.

Namun AB melihat Pembentukan Malaysia tidaklah sama dengan konsep Melayu Raya yang diperjuangkannya dalam tahun 1946-1948. Beliau mahu Malaysia yang dibentuk mengandungi bukan sahaja negeri-negeri di atas tetapi juga Indonesia. Ini sesuai dengan dasar pembentukan sebuah negara Melayu yang besar. Beliau juga mahu rakyat di negeri-negeri tersebut tidak ditekan untuk menganggotai Malaysia. Beliau mahu mereka diberi pilihan untuk berkerajaan sendiri sebelum dipelawa masuk menjadi anggota Malaysia. Pendirian AB ini memang menjadi pilihan ahli-ahli politik dan penduduk negeri-negeri tersebut.

.....

Cadangan AB ini selari dengan cadangan atau rancangan Parti Rakyat Brunei (PRB) pimpinan A.M Azhari. Azahari dan partinya ingin membentuk sebuah konfederasi yang dinamakan Kesatuan Kalimantan Utara yang akan mengandungi Sabah, Sarawak dan Brunei sebagai ketuanya. Beliau mahu Brunei memainkan peranan tradisional rantau tersebut. Kesultanan Brunei adalah pemilik negeri-negeri tersebut sebelum diambil oleh British dan menjadikannya negeri-negeri yang bebas daripada penguasaan Brunei pada pertengahan kurun ke 19.

Sebenarnya kerjasama di antara AB sebagai pemimpin PRM dan Azahari telah wujud sejak tahun 1955. Mereka telah berkenalan melalui Dr Burhanuddin dan pemimpin radikal lain sebaik-baik sahaja AB dibebaskan daripada tahanan politik. Malah penubuhan Parti Rakyat Brunei itu juga adalah di bawah perhatian AB sebagai pemimpin PRM. AB telah beberapa kali ke Brunei memberi ceramah dan meninjau perkembangan latihan Tentera Kalimantan Utara, sebagai sokongan kepada Parti Rakyat Brunei yang bertujuan untuk membebaskan Brunei secara ketenteraan. Dengan erti kata lain mereka adalah perancang politik Parti Rakyat serantau.

AB juga berjaya mempengaruhi penubuhan Parti Rakyat Singapura (PRS) yang juga dikuasai oleh bekas-bekas pemimpin radikal Melayu. Anggota-anggota PRS kemudian terlibat dalam demonstrasi berdarah kerana memprotes pilihanraya bandaran/umum Singapura. Ini memberi imej yang agak negatif kepada PRS dan PRM serta AB itu sendiri.

Bantahan AB dalam Dewan Rakyat disokong sama oleh PAS. Ini tidak menghairankan kerana PAS diketuai oleh Dr Burhanuddin Al-Helmi. Beliau adalah juga pendokong Melayu Raya 1946. Dr Burhanuddin berjaya mempengaruhi pucuk pimpinan PAS untuk menentang pembentukan Malaysia yang tidak memasukkan Indonesia dan Filipina. Dr Burhanuddin dan Hassan Adli membuat cadangan itu selepas AB gagal menentang cadangan Tunku Abdul Rahman itu.

Penentangan AB terhadap usul itu dan kerjasamanya dengan PRB telah menyebabkan beliau ditangkap pada tahun 1963 iaitu bagi kali ketiga dalam sejarah hidup politiknya. Kalau dahulu beliau ditangkap oleh British, tetapi pada kali ini oleh kerajaan yang dipilih oleh rakyat

.....

sendiri. Alasan kerajaan Perikatan ialah kerana AB terlibat dalam usaha Indonesia menentang gagasan Malaysia yang sedang diusahakan oleh Tunku Abdul Rahman, ketua kerajaan Perikatan dan Perdana Menteri Malaysia. AB dituduh bekerjasama dengan Parti Komunis Indonesia (PKI) dan terlibat dalam Pemberontakan Brunei pada tahun 1962.

Tuduhan ini sangat menarik kerana ia menimbulkan dua gambaran yang sangat penting. Pertama AB adalah seorang penyokong Indonesia yang sangat setia. Kedua terdapatnya satu penonjolan penglibatan politik AB yang menyeluruh di Kepulauan Melayu atau Nusantara. Ini bermakna bahawa AB ingin terus berjuang bagi kepentingan rumpun Melayu dalam konsep Melayu Raya.

Kepentingan yang pertama itu memang tidak dapat dinafikan. Sejak daripada mula beliau mengenal erti kecintaan kepada orang Melayu melalui perannya sebagai wartawan pada tahun 1938 dan seterusnya terlibat dalam KMM dan mendapat latihan ideologi daripada Sutan Djenain, bekas anggota Parti Komunis Indonesia dan terdedah kepada buku-buku bacaan dari Indonesia, kita dapati AB tidak pernah gagal untuk mengagungkan Indonesia dan Sukarno. Dalam setiap parti yang dibentuk dan dimajukannya, ideologi dan pandangan Sukarno, Boeng Sutomo dan beberapa orang lain menjadi hujahnya dalam menegakkan pendapat dan kepimpinannya. Bendera Sang Saka Merah Putih, bendera kebangsaan Indonesia menjadi bendera partinya. Lagu Indonesia Raya menjadi siulannya. Bercantum dengan Indonesia sebagai sebahagian dari Indonesia Raya atau Melayu Raya menjadi impiannya. Bantahannya terhadap penubuhan Malaysia pada tahun 1961-1963, dengan alasan Tunku tidak mengambil kira perasaan dan tanpa berunding dengan Indonesia, telah menjadi bukti simpatinya yang sangat tinggi kepada Indonesia. AB tidak dapat melupakan Indonesia dalam sepanjang hidupnya.

Apakah ini bererti AB tidak mempunyai idea dan pandangan politik sendiri? Atau adakah beliau ingin melakukan satu 'penjajahan' Indonesia ke atas Tanah Melayu? Bagi saya, AB terlalu terpengaruh dengan pandangan politik dan dasar politik yang ditimbanya dari bacaannya yang terlalu banyak tertumpu kepada Indonesia. Walau pun beliau membaca buku-buku Inggeris, tetapi tidaklah sebanyak buku

.....

Indonesia. Pergaulannya dengan parti-parti politik yang berorientasikan Melayu Raya yang begitu berjaya dilaksanakan oleh Sukarno dan penyokongnya juga telah menjadi satu logik untuk AB berpaling kepada Indonesia.

Malah faktor paling utama ialah keturunan darah Indonesia yang pekat dalam dirinya. AB merupakan generasi pertama lahir di Tanah Melayu dari Indonesia, berasa bangga kerana Indonesia lebih besar dan berupaya dari Tanah Melayu bukan sahaja dari segi keluasan geografi kepadatan penduduk dan kekayaan kebudayaan serta suku kaumnya, tetapi yang lebih penting ialah Indonesia lebih matang dalam pengalaman dan semangat politiknya. Pembentukan sebuah republik seperti yang dibuat di Indonesia memang menjadi matlamatnya terutama bagi menegakkan penguasaan politik PKMM dan API. Gabungan Tanah Melayu yang kecil ini ke dalam Republik Indonesia bukan sahaja memudahkan kemerdekaannya tetapi dari segi sejarah, ia adalah sesuatu yang wajib dan munasabah. Ini kerana semua kerajaan Melayu yang agung dalam sejarah tamadun Melayu telah lahir di Indonesia maka menggabungkan Tanah Melayu ke dalam Indonesia adalah seperti 'sireh pulang ke ganggang' atau 'biduk lalu kiambang bertaut'. Dengan itu, AB menjadi ejen bagi satu penyempurnaan sejarah gemilang kerajaan Melayu.

Sangat politik yang telah hilang

AB ditahan sehingga tahun 1967. Selepas itu, penglibatan politiknya cuba diberhentikan. Beliau telah cuba menggunakan masanya untuk mendapatkan ijazah undang-undang di London, namun beliau gagal peperiksaan awalnya. Beliau kemudian kembali dan menjadi penulis bebas bila diperlukan. Namun, darah politik yang mengalir ditubuhnya mendorong beliau mencuba kepimpinannya dalam Parti Rakyat Malaysia yang ditinggalkannya itu. Namun kepimpinan itu telah beralih tangan kepada golongan muda yang lebih berkelulusan seperti Kassim Ahmad. Pendekatan politik yang berbeza di antara keduanya, membuatkan AB merajuk dan meninggalkan parti yang telah diasasnya itu. Beliau menubuhkan Parti Marhaein pada tahun 1970, namun tidak mendapat sambutan. Sangat politiknya telah hilang.


Pada tahun 1970, beliau dipelawa oleh Dato' Patinggi Abdul Rahman Yaakub untuk menjadi pembantunya dalam memajukan parti

BARJASA (Barisan Rakyat Jati Sarawak). AB menjadi tukang kempen bagi parti itu sehingga Dato' Abdul Rahman Yaakub dapat memenangi pilihanraya 1970 dan dilantik sebagai Ketua Menteri. Sekembalinya dari Sarawak, beliau meneruskan kerjaya sebagai penulis bebas untuk mencari rezeki walau pun tidaklah begitu memuaskan. Beliau menulis rencana politik, sastera dan pengalaman hidupnya sebagai pejuang politik di majalah dan akhbar-akhbar.

Minat politiknya terus ada, walaupun peluangnya untuk berjaya tipis sekali. Sebagai satu strategi politik, beliau bekerjasama dengan Dr Tan Chee Koon, seorang pembangkang yang bersifat intelektual dan sangat disegani yang memimpin Parti Keadilan. Mereka menubuhkan Parti PEKEMAS (Parti Keadilan Masyarakat) pada tahun 1974. Dengan tiket parti tersebut, AB memasuki pilihanraya 1974 bagi kawasan parlimen Hilir Perak. Beliau gagal memasuki pilihanraya 1974 bagi kawasan Parlimen Hilir Perak. Beliau kalah dengan teruk sekali di tangan calon Barisan Nasional. Inilah penghujungnya jalan politik AB, beliau berundur dari politik buat selama-lamanya.

Beliau membawa diri ke Sarawak dengan menjadi pembantu Datuk Patinggi Abdul Rahman Yaakub sekali lagi di samping menjadi penulis akhbar partinya. Oleh sebab itu, AB dianugerahi gelaran Datuk oleh Gabenor Sarawak, pada tahun 1978. Walaupun gelaran itu satu pengiktirafan kepada peranannya di Sarawak, tetapi ia lebih dilihat sebagai satu pengiktirafan kepada peranannya selama ini dalam kegiatan politik Malaysia sebelum perang dan selepas merdeka. Ia sebenarnya satu '*ironi*' kepada ideologinya yang radikal selama ini. Akhirnya AB mengakui sistem masyarakat Melayu yang masih bersifat feudalistik.

AB mengakhiri sisa-sisa hidupnya dengan menjadi penulis bebas di akhbar-akhbar sebagai perintang waktu dan mendapat sedikit pendapatan untuk menyara kehidupannya. Dua tahun selepas menunaikan fardu haji, beliau meninggal dunia kerana sakit barah paru-paru. Dengan itu, maka tamatlah perjalanan hidup seorang tokoh politik yang sangat dinamik dan menarik yang telah memberi warna-warna gemilang dan terang serta corak yang berliku-liku dalam kehidupannya dan politik Malaysia khususnya. Kepentingan beliau dalam sejarah politik Malaysia tidak akan dapat dilupakan.



Tun V.T Sambanthan :
Pemimpin Perikatan

Perpustakaan Negara

Malaysia

Tun V.T Sambanthan : Pemimpin Perikatan

Oleh : Ummadevi a/p Suppiah

Pengenalan

V.T Sambanthan atau pun nama penuhnya Veerasamy Thirunyana Sambanthan lahir pada 16 Jun 1919 di Sungai Siput, Perak. Beliau merupakan anak kedua kepada Encik Veerasamy dan Puan Senggambal. Beliau mempunyai seorang abang, seorang adik lelaki dan seorang adik perempuan. Bapanya adalah seorang pemilik ladang getah yang disegani dan di antara orang terawal yang telah membangunkan pekan Sungai Siput. Pendidikan rendahnya bermula dalam aliran Tamil dan menyambung 'Senior Cambridge'nya di Sekolah Menengah Clifford, Kuala Kangsar. Akhirnya, anak pengusaha ladang ini dapat melanjutkan pelajaran ke Universiti Annamalai, Madras, (India Selatan) dalam jurusan ekonomi.

Semasa mengikuti pengajiannya di India, Tun Sambanthan telah bergiat cergas dalam gerakan '*Quit-India*', untuk memprotes penjajahan British. Sikap benci penjajah mula meresapi jiwanya sejak zaman kanak-kanaknya di Sungai Siput. Semasa tinggal di India, sikap anti penjajah disemarakkan lagi dengan keagresifan golongan pelajar. Penglibatannya dalam Gerakan '*Quit-India*' membuktikan Tun Sambanthan memendamkan semangat nasionalisme yang berkobar-kobar dalam dirinya. Semangat ini telah dibawa pulang ke Tanah Melayu selepas menamatkan pelajarannya di peringkat ijazah pertama.

Pembela Politik Bangsa

Kematian bapanya dan perkahwinan abangnya menjadi dua faktor utama bagi Tun Sambanthan menguruskan perniagaan ayahnya. Dengan itu, beliau terlibat secara serius dalam kebajikan dan hal ehwal masyarakat estet. Kemarahan dan kebencian terhadap pihak penjajah semakin terasa setelah melihat kedaifan hidup masyarakat estet. Beliau mula mengorak langkah untuk mempertingkatkan taraf hidup masyarakat estet. Perkara pertama yang diberi fokus adalah kemajuan pendidikan. Beliau percaya dan yakin bahawa pencapaian pendidikan sahaja yang boleh menjanjikan kedaulatan sesuatu bangsa.

.....

Dengan membulatkan tekad, Tun Sambanthan membina Sekolah Tamil Mahatma Gandhi di Sungai Siput pada tahun 1954. Sekolah ini menempah nama dalam sejarah pendidikan Tamil Malaysia kerana ia adalah sekolah pertama yang telah mempunyai ciri-ciri bangunan bagi sebuah sekolah dan pengajaran bahasa Inggeris ditekankan. Perasmian bangunan sekolah dilakukan oleh Puan Vijayalakshmi Pandit, Pengerusi Majlis Perhimpunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan adik kepada Perdana Menteri India, Jawaharlal Pandit Nehru. Peristiwa ini memberi publisiti luas kepada Tun Sambanthan kepada seluruh pelusuk Tanah Melayu. Pada masa yang sama, Tun Sambanthan juga memegang jawatan Ketua MIC dan ahli lembaga pelajaran negeri Perak.

Pada tahun 1954, Pilihanraya Majlis Perundangan Persekutuan dirancang. Beberapa pemimpin Pemuda MIC yang diketuai oleh S.P Narayanasamy (Ketua Pemuda MIC Kuala Lumpur) berpendapat Tun Sambanthan adalah orang yang paling layak bagi jawatan Presiden MIC. Beliau terpilih atas beberapa faktor seperti latar belakang keluarganya yang kaya raya, berpendidikan tinggi, berbangsa Tamil dan berlatar belakangkan estet. Kumpulan pemuda MIC telah pergi ke Sungai Siput untuk meminta Tun Sambanthan menjadi pemimpin kebangsaan MIC. Beliau serta merta menolak tawaran tersebut. Beliau berpendapat P.P Narayanan lebih layak menjadi Presiden MIC sebab beliau sangat aktif dalam kesatuan sekerja buruh estet. P.P. Narayanan pula tidak berminat dalam politik dan akhirnya Tun Sambanthan terpilih sebagai Presiden MIC kebangsaan.

Dalam pilihanraya Majlis Perundangan Persekutuan 1955, Tun Sambanthan menang dengan jumlah undi 7900 di kawasan Sungai Siput. Kemenangan Tun Sambanthan adalah di '*constituencies where the Malays were in a majority*'. Bukan Tun Sambanthan sahaja, kemenangan calon-calon parti Perikatan berbangsa Cina dan India adalah disebabkan oleh undi orang Melayu. Dalam pilihanraya ini, MIC hanya diperuntukkan satu kerusi sahaja dalam kabinet yang bakal dibentuk kerana hampir kesemua kawasan tidak mempunyai majoriti penduduk India. Dengan itu, Tun Sambanthan dilantik sebagai Menteri Buruh pertama dalam kerajaan Perikatan, 1955.

.....

Sebagai Presiden parti MIC, dan pemimpin Perikatan Tun Sambanthan telah mengambil bahagian dalam pilihanraya-pilihanraya umum tahun 1955, 1959, 1964 dan 1969. Beliau bergiat cergas dalam politik Malaysia selama 18 tahun bermula dari tahun 1955 sehingga bersara dari politik pada tahun 1974.

Tun Sambanthan bersama dengan Tunku Abdul Rahman dan Tan Cheng Lock telah sama-sama bekerja untuk membina pembangunan negara. Selaku wakil orang India di Tanah Melayu, beliau turut memainkan peranan dalam proses menuntut kemerdekaan. Beliau berjaya menyatupadukan orang India di bawah payung MIC bagi menunjukkan ketaatsetiaan kepada parti Perikatan yang bakal membentuk kerajaan sendiri di Tanah Melayu. Usaha ini menjadi lebih mudah apabila beliau sendiri turun ke padang bagi mendapatkan taraf kerakyatan kepada orang India. Orang India yang menjadi rakyat Persekutuan Tanah Melayu sahaja akan layak untuk membuang undi. Tun Sambanthan sendiri pernah mengisi borang-borang permohonan taraf kerakyatan bagi orang India di estet. Melalui ceramah-ceramah, Tun Sambanthan dapat menyakinkan orang India bahawa Tanah Melayu adalah tanah air baru mereka dan segala bakti dan taat setia perlu dicurahkan kepada kerajaan Persekutuan tanpa sebarang kesangsian.

Segala usaha Tun Sambanthan dalam memperolehi kerakyatan bagi orang India telah menyakinkan Tunku Abdul Rahman tentang kesetiaan orang India terhadap Tanah Melayu. Pada masa itu (1955-57), Tunku Abdul Rahman sedang mengorak langkah ke arah rundingan kemerdekaan. Tun Sambanthan tidak menyertai rombongan rundingan kemerdekaan ke London yang bertolak pada bulan Januari 1956 untuk membincangkan tentang Perlembagaan. Tun Sambanthan didesak oleh pemimpin-pemimpin parti MIC untuk menyertai rundingan Perlembagaan yang sedang dibincangkan. Beliau pernah dikritik kerana sikapnya yang acuh tak acuh dalam menuntut hak orang India. Orang yang paling lantang menentang kepimpinan beliau adalah K.L. Devaser. Beliau berpendapat keengganan Tun Sambanthan untuk menyertai rundingan boleh mengakibatkan hak kaum minoriti orang India akan diketepikan.

.....

Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957, merupakan satu pakatan murni antara ketiga-tiga pemimpin UMNO, MCA dan MIC. Pakatan ini menggambarkan satu keadaan tolak ansur antara ketiga-tiga kaum bagi menjaga kepentingan bersama dan keharmonian negara. Pemimpin-pemimpin kaum India dan Cina telah mempersetujui pemeliharaan hak istimewa orang Melayu, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan Islam sebagai agama rasmi Persekutuan Tanah Melayu apabila pemimpin UMNO pula menerima kelonggaran dalam syarat taraf kerakyatan. Arah tuju ke semua pemimpin Perikatan, pada tahun 1957 adalah untuk mencapai kemerdekaan seperti mana yang dijanjikan oleh pihak British. Sekiranya orang Melayu mempertikaikan tentang pemberian kerakyatan kepada orang Cina dan India, sudah tentu pihak British akan melambatkan tarikh kemerdekaan atau sebaliknya. Tolak ansur dan perpaduan antara ketiga-tiga kaum menjadi kayu pengukur bagi pihak British untuk membebaskan Tanah Melayu.

Tun Sambanthan memberi jaminan bahawa rundingan perlembagaan akan memfokuskan kepada isu-isu penting yang dihadapi oleh negara. Beliau merasa beliau tidak perlu hadir dalam rundingan itu kerana ia bukan bersifat perkauman. Beliau telah berkata:

*"If communalism was to have been discussed
then I would have fought for a place"*

Tun Sambanthan yang telah dikecam hebat kerana keengganannya turut serta dalam rundingan, mula mengambil tindakan tegas terhadap pemimpin-pemimpin MIC dengan menyingkirkan mereka daripada parti. Keagresifan K.L. Devaser semakin membimbangkan Tun Sambanthan kerana tindak tanduknya menunjukkan akan tercetus rusuhan perkauman dan akhirnya K.L. Devaser juga dipecat dari MIC. Tindakan Tun Sambanthan jelas menggambarkan bahawa beliau tidak mahu melihat sebarang kekacauan sehingga siapnya rangka perlembagaan. Beliau cuba menyakinkan pihak British bahawa Tanah Melayu yang bakal merdeka akan diduduki oleh rakyat yang bersatu padu. Tunku sendiri pernah berkata, *"British would never give independence to UMNO alone."*

.....

Sebagai wakil orang India, Tun Sambanthan telah menunjukkan sifat nasionalisme dan patriotisme yang harus ditonjolkan oleh seorang pemimpin Perikatan dengan bertolak ansur dan bekerjasama dengan pemimpin-pemimpin lain sepanjang siapnya rangka Perlembagaan. Pada Mei 1957, Tun Sambanthan buat kali terakhir telah menyertai rombongan rundingan kemerdekaan ke London. Kehadiran Tun Sambanthan hanya sebagai pemimpin Perikatan yang turut serta dalam menuntut kemerdekaan. Sekembalinya dari London, Tengku mengisytiharkan 31 Ogos 1957 sebagai tarikh kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.

Selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, peranan politik Tun Sambanthan lebih mencabar dan menyerlah lagi kerana beliau amat bersungguh-sungguh dalam memenuhi segala keperluan orang India di Tanah Melayu. Sebagai Presiden MIC, sasaran utamanya adalah perubahan dalam organisasi parti MIC. Sebelum era Tun Sambanthan, MIC mempunyai banyak kelemahan dari segi kepimpinan, keahlian dan cawangan. Tun Sambanthan merupakan Presiden MIC pertama yang telah berusaha menambahkan keahlian di kalangan orang India di estet. Bagi memudahkan penyampaian mesej parti dan juga kerajaan, beliau telah menggalakkan penggunaan bahasa Tamil secara berleluasa. Pemimpin-pemimpin sebelum Tun Sambanthan menjadikan MIC sebagai persatuan yang mewakili kepentingan keturunan tertentu. Misalnya, pada zaman Ramanathan Chettiar (1950-51), ramai ahli peniaga dari kaum chetti menyertai MIC; MIC dicorakkan sebagai persatuan perniagaan. Sebelum Tun Sambanthan, pemimpin-pemimpin sebelumnya tidak berinisiatif langsung untuk menyatu padukan orang India, khususnya kepada 90 peratus orang Tamil yang tinggal di estet. Tun Sambanthan mengadakan lawatan demi lawatan ke estet bagi mendaftarkan ahli MIC. Beliau juga membenarkan penubuhan cawangan di kawasan-kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk India. Pada tahun 1951 terdapat 52 cawangan dan angka ini meningkat kepada 151 pada tahun 1959. MIC yang dikerumuni oleh golongan elit India bandar sudah berubah wajah. Mulai tahun 1955, MIC mula mendukung kepentingan keseluruhan orang India di Tanah Melayu. Akhirnya, Tun Sambanthan berjaya menjadikan MIC sebagai parti massa.

.....

Ramai sarjana akademik yang telah mengkaji sejarah perkembangan parti MIC berpendapat zaman kepimpinan Tun Sambanthan adalah 'wasting years of MIC'. Kritikan ini disebabkan oleh sumbangan beliau sebagai Presiden Parti selalu dipertikaikan. Walau bagaimanapun, sumbangan Tun Sambanthan tidak harus dilihat dari perspektif kepimpinan MIC sahaja tetapi harus difokuskan kepada peranan yang dimainkan sebagai Menteri dalam kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dari tahun 1955 hingga 1974. Tugas-tugas yang dilaksanakan sebagai Menteri sudah tentu ditujukan kepada semua penduduk Tanah Melayu. Orang India juga turut mendapat manfaat daripada hasil kerjanya semasa beliau memegang portfolio Menteri Buruh, Menteri Kesihatan, Menteri Kerja, Pos dan Telekomunikasi dan Menteri Perpaduan.

Penggerak Ekonomi Buruh India

Pada Mei 1960, Tun Sambanthan telah mengasaskan NLFCS (*National Land Finance Co-operative Society Ltd*) sebagai syarikat koperasi yang bermatlamatkan untuk membeli ladang-ladang yang difragmentasikan secara ansuran dari hasil jualan saham koperasi berharga \$100 seunit. Dalam tempoh 20 tahun (1960-79), sebanyak 20 ladang telah dibeli oleh NLFCS. Program-program sosio ekonomi seperti projek perumahan, skim insurans berkumpulan dan pinjaman pendidikan tinggi telah dilancarkan bagi mempertingkatkan taraf hidup buruh India di estet.

Tun Sambanthan selaku Pengerusi NLFCS kerap kali mengadakan ceramah tentang matlamat penubuhan NLFCS supaya ramai buruh estet dapat melabur dalam koperasi ini. Pada tahun 1980an, NLFCS, menghadapi kerumitan akibat beban hutang kerana perbelanjaan koperasi bagi membiayai program-program sosio ekonomi melebihi keuntungan yang diperolehi. Lama kelamaan, NLFCS bertindak sebagai badan kebajikan buruh estet. Adakalanya, Tun Sambanthan terpaksa mengeluarkan wang sendiri untuk melangsaikan hutangnya. Beliau banyak kehilangan harta keluarganya bagi meneruskan pengoperasian NLFCS.

Segelintir yang memusuhi Tun Sambanthan menuduh NLFCS mendapat naungan politik (*political patronaj*) sedangkan pada

.....

dasarnya penubuhan koperasi perlu bebas dari campurtangan politik. Tun Sambanthan pernah meminta P.P Narayanan untuk menguruskan NLFCS. Keengganan beliau menyebabkan Tun Sambanthan dan beberapa ahli jawatankuasa tinggi MIC menjadi anggota Lembaga NLFCS. Tun Sambanthan menjadi Penerusi NLFCS seumur hidup tanpa memegang saham koperasi. Tun Sambanthan tidak berganjak daripada pendiriannya kerana usaha drastik yang diambil pada tahun 1960 telah menyedarkan kerajaan Perikatan untuk merangka Akta Fragmentasi 1968. Walau pun NLFCS tidak dapat membeli beribu-ribu hektar ladang getah tetapi langkah yang diambil memberi keyakinan kepada buruh India estet terus menetap di Tanah Melayu.

Tanpa jawatan Presiden MIC, sudah tentu pengasasan NLFCS tidak akan menjadi kenyataan. Jawatan Presiden yang telah memberikan identiti diri dan kuasa kepadanya untuk menubuhkan koperasi dengan restu Tunku Abdul Rahman. Tun Sambanthan menggunakan NLFCS sebagai saluran untuk membangunkan taraf sosio-ekonomi orang India di estet.

Pembinaan Keutuhan Pentadbiran Negara

Sumbangan Tun Sambanthan sebagai Presiden MIC memang tidak dapat dinilai dengan mata kasar. Era politik tahun 1960-an adalah satu tempoh yang rumit dan pemimpin-pemimpin Perikatan cuba menyatupadukan penduduk Tanah Melayu dalam membentuk kesetiaan terhadap negara. Tidak ketinggalan juga, Tun Sambanthan dalam setiap mesyuarat Agung Tahunan MIC meluluskan resolusi berkenaan kesetiaan orang India terhadap Tunku Abdul Rahman dan kerajaan Perikatan. Beliau juga pernah dikritik kerana memecat beberapa pemimpin bawahan MIC atas sikap ketidaksetiaan mereka terhadap parti Perikatan. Pada tahun 1956, beliau diminta meletakkan jawatan sebagai Presiden MIC oleh Ketua MIC negeri Perak, Gurusamy disebabkan Tun Sambanthan terlalu mementingkan karier menteri. Beliau sendiri pernah mengakui sebagai pemimpin Perikatan adalah menjadi tanggungjawab untuk menjaga kepentingan semua kaum di Tanah Melayu.

Persoalan tentang sumbangan Tun Sambanthan hanya boleh dileraikan setelah mengkaji peranan yang dimainkannya sebagai Menteri Buruh,

.....

Menteri Kesihatan, Menteri Kerja Pos dan Telekomunikasi dan Menteri Perpaduan. Pemimpin-pemimpin Perikatan berusaha sedaya upaya untuk membentuk jati diri bagi Tanah Melayu yang baru merdeka. Mereka telah pun memulakan proses Malayanisasi: kalau boleh mereka ingin mengelakkan penglibatan pihak British dalam usaha pentadbiran negara. Tun Sambanthan, selaku Menteri turut serta dalam menjayakan misi ini.

Selepas memenangi pilihanraya Majlis Perundangan, 1955 beliau dilantik sebagai Menteri Buruh pertama Tanah Melayu. Beliau telah memulakan program Gabungan Estet atau '*regrouping*' bagi mengatasi masalah pemecahan estet atau fragmentasi dan komunisme. Satu masalah yang sedang meracun buruh India di estet pada masa itu adalah 'todi'. Tun Sambanthan dapat mengawal tabiat ini dengan pelaksanaan undang-undang Pengharaman 'todi' pada tahun 1958. Walaupun pernah membicarakan tentang masalah todi dalam mesyuarat M.I.C. tetapi Tun Sambanthan hanya dapat bertindak apabila menjadi Menteri Buruh. Namun, beliau gagal untuk membanteras tabiat ini di kalangan orang India di estet.

Pada tahun 1957, beliau bertukar portfolio selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Hospital Bersalin Kuala Lumpur dan Hospital Universiti Petaling Jaya dibina semasa Tun Sambanthan menjadi Menteri Kesihatan. Beliau berjaya menyalurkan banyak peruntukan kerajaan kepada program latihan kakitangan kesihatan dan pambanterasannya penyakit-penyakit khas seperti batuk kering, malaria dan sebagainya.

Pada tahun 1959, pilihanraya umum pertama diadakan dan Tun Sambanthan telah diberi jawatan Menteri Kerja, Pos dan Telekomunikasi. Selama 10 tahun beliau berkecimpung dalam bidang ini. Di bawah pengawasannya, projek lebuhraya pertama di Tanah Melayu, Tanjung Malim ke Slim River telah siap dibina. Bangunan-bangunan nasional seperti Parlimen, Masjid Negara, dan Tugu Negara telah didirikan. Dalam bidang pos pula, beliau telah menggalakkan pengeluaran setem berunsurkan peristiwa-peristiwa penting negara serta mengandungi pelbagai corak dan berwarna-warni. Beliau telah menumpukan perhatian khas dalam bidang pembangunan telekomunikasi negara. SEACOM (*The Southeast Asia*

.....

Commonwealth Cable Scheme) merupakan projek kabel dasar laut yang bermutu dari England merentasi Lautan Atlantik ke Kanada, New Zealand, Australia dan Asia Tenggara telahpun diwujudkan. Manakala, CUMSAT (1970) adalah satelit bumi pertama dilancarkan di Kuantan. Pelancaran satelit ini dapat mengurangkan bantuan kabel. Beliau bersungguh-sungguh dalam mewujudkan rangkaian komunikasi antara Tanah Melayu dengan negara-negara Asia Tenggara lain. Kedua-dua projek ini telah mendapat pengiktirafan antarabangsa kepada Persekutuan Tanah Melayu.

Sebagai Menteri paling kanan dalam kabinet pada tahun 1970, Tun Sambanthan dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Perpaduan (1970-74). Krisis 13 Mei 1969 merupakan satu episod hitam dalam sejarah perkembangan politik negara. Bagi memulihkan keadaan dan hubungan sesama kaum, Tun Sambanthan telah mengawasi pengendalian beberapa program perpaduan. Di antara yang terpenting adalah kelas perpaduan rakyat bagi golongan yang berumur 15 tahun ke atas dan kurang fasih dalam Bahasa Melayu. Kelas-kelas ini menekankan penghayatan Rukun negara. Pada tahun 1974, matapelajaran Sivik atau Tatarakyat disertakan dalam kurikulum sekolah. Tadika Kelas Kemajuan Masyarakat (KEMAS) merupakan pendidikan pra-sekolah, dimulakan di semua kawasan perumahan. Program-program di bawah Kementerian Perpaduan adalah ditujukan kepada semua kaum di Tanah Melayu yang bermatlamatkan perpaduan.

Dari tahun 1955 hingga 1974, Tun Sambanthan telah menjadi Presiden M.I.C. kebangsaan dan juga Menteri dalam Kabinet Kerajaan Perikatan. Tugas-tugas yang dilaksanakan sebagai Menteri turut dimanfaatkan oleh seluruh rakyat Persekutuan Tanah Melayu. Program-program yang dilaksanakan turut dirasai oleh orang India. Tun Sambanthan tidak memberi penekanan secara berasingan untuk menjalankan kewajipannya sebagai Presiden M.I.C. Tanggungjawab yang dijalankan sebagai Menteri memadai bagi orang India turut memenuhi keperluan mereka di Tanah Melayu. Sebaliknya, segelintir orang India tidak berfikiran demikian. Mereka mengharapkan Tun Sambanthan hanya dapat berfungsi sebagai pemimpin orang India sepenuhnya.

.....

Dengan rasa ketidakpuashatian sedemikian, krisis MIC bermula pada tahun 1971. Tun Sambanthan dikedam kerana tidak mengambil bahagian dalam rundingan perlembagaan, hak orang India tidak dipertahankan, tiada sumbangan khas terhadap orang India, lebih mengutamakan hubungannya dengan Perikatan UMNO-MCA daripada MIC. bersifat autokratik dan terlalu lama memegang jawatan Presiden MIC iaitu selama 18 tahun. Segala tuduhan-tuduhan ini digembar-gemburkan sehingga tahun 1973, Tan Sri Manickavasagam, Timbalan Presiden, buat kali pertama selama 15 tahun, menentang Tun Sambanthan dalam pilihanraya MIC bagi jawatan Presiden. Kedua-dua pihak tidak mahu bertolak ansur, akhirnya pada tahun 1973, Tun Abdul Razak meminta Tun Sambanthan meletak jawatan. Dengan itu, beliau bersara daripada karier politiknya dan hanya menumpukan perhatian dalam NLFCS sehingga beliau meninggal dunia pada 21 Mei 1979.

Tun Sambanthan adalah seorang pemimpin berkarisma tinggi, bersemangat kuat dan berwawasan. Walau pun kepimpinan beliau dalam MIC dikritik sejak tahun 1959, tetapi beliau tidak menghiraukannya. Beliau berpegang kuat kepada polisi apa yang dirasai benar dan adil perlu diteruskan. Beliau tidak pernah berganjak daripada pendirian bahawa melaksanakan sesuatu perlu mengutamakan kepentingan semua kaum di Malaysia. Beliau juga pernah menggunakan kedudukannya sebagai Menteri untuk menjaga kepentingan orang India. Beliau telah menegaskan kepada orang India "sekiranya hendak lebih, mereka perlu berdikari".

Sesiapa yang mengkaji tentang Tun Sambanthan perlu menekankan faktor zaman beliau menjadi pemimpin Perikatan. Beliau adalah pemimpin dalam kabinet yang ditubuhkan sejak zaman British (1955). Barisan pemimpin ini yang telah dipertanggungjawabkan untuk membentuk corak pentadbiran bagi negara yang bakal merdeka. Dalam usaha mencorakkan jati diri bagi tanahair yang tercinta sikap perkauman perlu diketepikan. Dengan bermatlamatkan perpaduan kaum dan kepentingan bersama, ahli-ahli kabinet telah bekerjasama dalam kerajaan Perikatan untuk mewujudkan negara bangsa Malaysia.

Tun Sambanthan harus dilihat sebagai tokoh politik orang India yang berjiwa nasionalis. Walaupun MIC. yang telah memberikan

.....

pengenalan politik kepada dirinya tetapi sebagai pemimpin Perikatan beliau sentiasa mengutamakan kepentingan negara. Kesetiiaannya terhadap Kerajaan Perikatan terlalu tebal sehingga beliau dikenali sebagai '*true bumiputera*'. Tun Sambanthan juga merupakan orang India pertama di Malaysia yang diberi gelaran 'Tun'. Sekiranya pencapaian politik Tun Sambanthan dinilai mengikut keperluan zamannya, maka beliau boleh terlepas daripada segala kritikan. Tun Sambanthan adalah pemimpin Perikatan yang bermatlamatkan 'negara membangun bangsa maju'. Kata Tun Abdul Razak :

"Taat setianya yang jujur kepada harapan cita-cita murni rakyat serta taatsetianya kepada cita-cita mewujudkan sebuah negara Malaysia yang bersatu menyebabkan beliau disegani dan dihormati oleh semua rakyat Malaysia".

Perpustakaan Negara

Malaysia

*Tun Haji Abdul Razak (1923 –1975):
Bapa Pembangunan Negara*



PERPUSTAKAAN NEGARA

INDONESIA

**Tun Haji Abdul Razak (1923 – 1975):
Bapa Pembangunan Negara**

**Oleh : Nabir Haji Abdullah
Universiti Kebangsaan Malaysia**

Pengenalan

Dalam konteks perkembangan sejarah Malaysia sejak merdeka, Tun Abdul Razak bin Husin, boleh dianggap sebagai salah seorang 'arkitek' pembangunan negara yang terpenting. Peranannya dalam mencorakkan arah-aliran perkembangan politik dan ekonomi negara, khususnya selepas peristiwa 13 Mei 1969, adalah sangat besar. Melalui kedudukan beliau sebagai Presiden UMNO, Pengerusi Barisan Nasional dan Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdul Razak telah memberi sumbangan yang sangat signifikan dalam memantapkan kestabilan politik dan pembangunan ekonomi Malaysia. Pemikiran dan wawasan beliau untuk melihat Malaysia sebagai sebuah negara yang maju dan disegani di peringkat antarabangsa telah menjadi teras kepada berbagai-bagai dasar dan strategi pembangunan negara. Sementara komitmen beliau sebagai seorang pemimpin pula telah berjaya meningkatkan keupayaan kerajaan dalam mewujudkan kestabilan politik yang berterusan dan menggerakkan sumber-sumber negara untuk meningkatkan pembangunan ekonomi.

Peranan dan sumbangan beliau yang begitu besar itu walaupun telah dirakamkan di dalam beberapa penulisan, belum tergarab segala kebaktian utama beliau sebagai seorang pemimpin UMNO, Barisan Nasional dan Kerajaan. Sehubungan itu belumlah terungkap sejauh mana sebenarnya kesan kepimpinan beliau itu boleh dikatakan telah secara signifikan mempengaruhi sejarah kontemporari Malaysia.

Peranan dan sumbangan Tun Abdul Razak dalam proses pembangunan negara sentiasa disentuh apabila para pengkaji menulis tentang Malaysia sejak merdeka, khususnya selepas peristiwa 13 Mei 1969, namun kebanyakan penulis itu hanya menyentuh secara umum sahaja tentang Tun Abdul Razak. Walaupun kajian-kajian ekonomi, politik pembangunan, sosiologi pembangunan dan sejarah (Jomo, 1986; Milne & Mauzy, 1976; Datar, 1983; Jesudason, 1989; dan Shahrudin, 1988) mensifatkan era Tun Abdul Razak sebagai satu titik penting kepada perubahan dalam sejarah pembangunan negara, namun kajian-

.....

kajian tersebut gagal memberikan gambaran yang terperinci terhadap peranan dan sumbangan sebenar Tun Abdul Razak kepada proses perubahan tersebut. Keadaan ini berlaku kerana kebanyakan kajian berkenaan telah mengesampingkan kesignifikanan individu atau pemimpin dalam mencorak dan mempengaruhi perkembangan sejarah pada era atau zamannya. Sebaliknya, kajian-kajian yang ada setakat ini, lebih banyak bergantung kepada perspektif yang lebih memfokuskan, sama ada kepada sosiologikal, *historico-political* atau *economic forces* sebagai landasan dalam menghuraikan proses perubahan sejarah negara Malaysia. Lantaran itu, tumpuan kepada Tun Abdul Razak sebagai pemimpin agung telah menjadi terpinggir dalam kebanyakan penulisan yang ada.

Namun begitu, ada juga kajian-kajian yang cuba memberi ruang yang lebih luas kepada Tun Abdul Razak dalam huraian mereka tentang sejarah kontemporari negara. Means (1991) dan Mauzy (1983) misalnya telah mengemukakan secara yang agak mendalam tentang peranan Tun Abdul Razak dalam mencorakkan perkembangan politik negara sejak tahun 1970. Namun begitu, kupasan mereka mengenai Tun Abdul Razak juga tidaklah begitu terperinci. Sementara itu, Shaw Shaw, W. (1976), Tun Abdul Razak, *His Life and Times*, Kuala Lumpur: Longmans pula telah membuat percubaan yang lebih serius menulis sebuah biografi tentang Tun Abdul Razak. Tetapi malangnya, Shaw telah mengambil pendekatan yang begitu longgar dalam menulis kajian biografi tersebut. Ini menyebabkan beliau tidak begitu berjaya dalam menonjolkan Tun Abdul Razak dari sudut sifat-sifat kepimpinan, corak pemikiran dan orientasi falsafah daan peranan beliau dengan mendalam. Huraian yang kurang definitif itu mungkin kerana penulisan itu dilaksanakan secara perseorangan dan tergesa-gesa menyebabkan karya itu masih kurang *heuristic* dan kadang kala menonjolkan unsur *deterministic* yang hipotesanya tidak mewakili gambaran, malah merupakan rumusan keseluruhan.

Dengan adanya kekurangan ini, menyebabkan ketokohan Tun Abdul Razak sebagai seorang pemimpin parti, pentadbir dan ketua kerajaan, terutama sekali aspek-aspek penting yang menjadi teras kepimpinan Tun Abdul Razak tidak begitu tertonjol. Memandangkan kepada kelemahan-kelemahan kajian yang ada, bolehlah dibuat kesimpulan bahawa, Tun Abdul Razak hingga kini, belum lagi diberi tempat yang

.....

sewajarnya dalam ruang sejarah negara Malaysia. Ketiadaan kajian-kajian bibliografi yang terkini mengenai tokoh ini menyebabkan "ruang" tersebut akan terus tidak diisi.

Dalam usaha untuk mengatasi kekurangan itu, beberapa langkah positif dan konkrit telah dan sedang dilakukan. Kesemua usaha ini termasuk penulisan semula biografi Tun Abdul Razak yang ditaja oleh pihak Yayasan Tun Razak bukanlah untuk mengagung-agungkannya atau untuk muslihat tertentu, tetapi berdasarkan kepada kewajaran dan keinsafan kita bahawa banyak yang boleh dimanfaatkan oleh generasi sekarang dan akan datang daripada riwayat hidup Tun Abdul Razak.

Tulisan ini bukanlah satu usaha yang cuba menampung segala kekurangan tersebut. Ia adalah satu tambahan dari segi jumlah sahaja dan kalau ada pun peluasan cakupan hanyalah bagi membawa perhatian kita kepada satu aspek dari timbunan sumbangan Tun Abdul Razak yang sehingga kini tidak begitu disungguhkan huraian sejarahnya. Aspek ini berkaitan dengan peranan Tun Abdul Razak dalam meningkatkan profesionalisme dan memalaysiakan perkhidmatan pentadbiran awam negara. Walaupun peranan tersebut ketara hanya pada waktu Tun Abdul Razak menerajui kepimpinan negara, namun beliau telahpun melaksanakan proses tersebut melalui kepimpinannya yang menampilkan ciri-ciri komitmen, kebijaksanaan, kemahiran dan *dominance*.

Proses ini mampu meningkatkan aspek-aspek seperti *regulative capability*, *extractive capability* dan *distributive capability* kerajaan bagi mengisi makna kemerdekaan melalui dasar-dasar politik, ekonomi dan sosial. Keupayaan kerajaan itu banyak bergantung kepada tahap profesionalisme dan sikap kemalaysiaan anggota pelaksana dasar-dasar kerajaan, iaitu pihak pentadbir perkhidmatan awam. Dalam ertikata lain, jentera pentadbiran awam yang bersesuaian akan dapat membantu pihak pemerintah menggunakan aset (*economic and identitive assets*) yang ada pada mereka, malah menjadikan jentera pentadbiran awam itu sendiri sebagai sebahagian daripada aset tersebut yang dapat memperteguhkan legitimasi kerajaan. Kesesuaian itu sangat diperlukan apabila Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilancarkan kerana DEB memerlukan keterlibatan kerajaan (*state intervention*) dalam pembangunan negara. Kaedah

.....

Weberian ini tidak akan berjaya merealisasikan DEB sekiranya perkhidmatan awam atau birokrasi masih kekal berlegasi kolonial atau meneruskan corak neo liberal yang berkembang pada waktu pimpinan Tunku Abdul Rahman. Era pimpinan Tun Abdul Razak memaparkan ciri-ciri kerajaan campuran yang bersikap transformatif yang akan berjaya sekiranya birokrasi kerajaan mendukung ideologi pembangunan.

Kemunculan Tun Abdul Razak menjadi pemimpin utama negara sebagai presiden UMNO, pengerusi Barisan Nasional dan Perdana Menteri Malaysia, telah diiringi dan diikuti oleh suatu proses transformasi yang besar ke atas sistem dan struktur kuasa, politik dan ekonomi negara. Transformasi yang berlaku dalam tempoh beberapa tahun kepimpinan beliau, bukan sahaja telah memantapkan keadaan politik dan ekonomi dalam negeri, malahan juga di luar negara. Oleh kerana kemunculan Tun Abdul Razak dilihat sebagai pencetus kepada proses transformasi tersebut, maka penulisan ini cuba melihat kedudukan, peranan dan sumbangan Tun Abdul Razak kepada pembangunan negara dalam konteks *great-man theory*.

Teori ini bertolak daripada premis yang berpendapat bahawa *any great historical step presumed to depend on great-man available and achieving a position of power*. Berlandaskan teori tersebut, kajian ini cuba menunjukkan bagaimana melalui peranan dan sumbangan beliau itu, Tun Abdul Razak akan dianggap sebagai *the maker of Malaysian history and tradition*. Peranan dan sumbangan Tun Abdul Razak itu adalah penting dan dengan meneliti aspek perubahan birokrasi negara akan dapat juga membantu kita memahami *the way in which Tun Abdul Razak have decisive and influential ability to shape the course of Malaysia history*.

Latar Belakang Tun Abdul Razak

Tun Abdul Razak Bin Datuk Hussein dilahirkan di Pulau Keladi, Pekan Pahang pada 11 Mac 1922. Beliau adalah merupakan anak sulung Orang Kaya Indera Syahbandar Dato' Hussain Bin Dato' Awang Muhamad yang berasal dari Kampung Benta (Pekan). Taib dan Hajah Teh dari Paya Keladi (Pekan) adalah anak guru agama bernama Daud. Bapa Abdul Razak, mengikut jalur keturunan berjawatan orang

.....

besar empat negeri Pahang, bergelar Orang Kaya Indera Syahbandar, yang berasal dari keturunan To' Tuan Bangsawan Bugis. Ibu Tun Abdul Razak adalah dari keturunan Hasanuddin yang memerintah Sulawesi di pertengahan kurun ke-17 M. Anak teruna dan dara ini berkahwin pada tahun 1920. Walaupun Tun Abdul Razak lahir dalam keluarga bangsawan, tetapi beliau dan adik tunggal seibu sebapa, Maimunah yang lahir pada 1923, telah hidup dan menjalani liku-liku pilu sebagaimana yang dialami oleh anak desa yang lain. Ayah Tun Abdul Razak tidak dapat lama tinggal di Paya Keladi atau Benta. Beliau telah ditukar pula ke Bentong untuk bertugas di sana. Sewaktu bertugas di situ Datuk Hussein berkahwin dengan seorang gadis 16 tahun bernama Rokiah bt Salleh. Dato' Hussein dan Rokiah dianugerah 16 orang anak kesemuanya dan menjadikan Tun Abdul Razak abang sulung kepada 17 orang adik kesemuanya.

Ayah Tun Abdul Razak adalah orang terpelajar, malah di antara yang relatif tertinggi pelajarannya di antara anak-anak muda pada waktu itu. Setelah selesai sekolah Melayu beliau telah memasuki Maktab Melayu, Kuala Kangsar. Tidak ramai anak Melayu Pahang yang sampai ke tahap itu pada tahun-tahun pasca-perang dunia pertama. Oleh itu beliau cepat diberi jawatan penting, termasuk Pegawai Rendah Melayu pada tahun 1916, ketika berusia 18 tahun. Dato' Hussein adalah contoh untuk anaknya. Beliau sekaligus seorang pegawai pentadbiran yang dihormati dan ditakuti. Sewaktu datang ke Temerloh atau Lipis, Tun Abdul Razak sering melihat ayahnya melibatkan diri dalam berbagai masalah orang yang datang ke pejabat atau ke rumahnya daripada soalan tanah, pergaduhan antara tetangga, sehinggalah masalah yang berhubungan dengan politik.

Oleh yang demikian, Tun Abdul Razak melihat ayahnya sebagai seorang penting yang dapat menyumbang kepada kehidupan orang lain melalui menyelesaikan masalah mereka, mengembalikan tanah atau hak mereka dan akhirnya membawa keadilan. Dari awal lagi Tun Abdul Razak merasakan bahawa ayahnya adalah manusia luar biasa beliau dapat bergaul luas dengan orang kampung yang daif hinggalah dengan Residen Inggeris. Pada diri ayahnya, Tun Abdul Razak mendapat contoh yang baik bagi membentuk dirinya sebagai pemimpin. Malah peranan datuknya juga tidak kurang. Datuknya, yang dipanggil Tok Ki, walaupun terlucut gelaran Orang Kaya Indera

.....

Syahbandar, masih merupakan orang penting, dihormati dan selalu diperlukan orang kampung dan bangsawan. Keluarga Tok Ki nya, termasuk Tun Abdul Razak sendiri, hidup di antara lalu lintas pentadbiran, di antara kampung dan istana, di antara Melayu dan Inggeris. Justeru itu dari awal lagi sebahagian besar dunia Tun Abdul Razak ini adalah dunia pentadbiran dan politik-yang memberi dorongan serta membina sahsiah dirinya sebagai seorang pentadbir dan ahli politik.

Tun Abdul Razak memulakan pendidikan formalnya di Sekolah Umum Langgar yang terletak tidak jauh dari kampungnya. Sekolah ini ialah sekolah untuk kanak-kanak lelaki dan kelas-kelasnya kecil hanya 12 hingga 15 orang jumlah pelajarinya. Namun pada waktu itu bilangan itu dapat dianggap jumlah yang agak besar. Tun Abdul Razak cemerlang dalam pengajiannya dan memperlihatkan kesukaan membaca. Kelakuannya baik tetapi berbeza dari sikap peramahannya di rumah, agak pemalu dan pendiam di sekolah.

Setelah tamat darjah empat ketika berusia 12 tahun, Tun Abdul Razak diterima masuk ke Maktab Melayu Kuala Kangsar pada 26 Januari, 1934. Banyak yang berlaku kepada beliau semasa di Maktab Melayu. Dari anak kampung yang dimanjakan ibunya beliau telah mula belajar berdiri sendiri dan membina peribadi yang disukai ramai. Akhirnya Tun Abdul Razak muncul sebagai pelajar yang baik dan ahli sukan yang cemerlang. Beliau juga menjadi Presiden Persatuan Geografi, Persatuan Maktab (*Malay College Union*), Kapten Rumah Ahmad dan Presiden Persatuan Debat dan Sastera. Dalam bola sepak dan hoki beliau mendapat *colours*. Di samping itu beliau juga menjadi Sarjan Mejar dalam Korp Kadet sekolah itu. Mungkin kejayaannya yang terbesar di akhir persekolahannya ialah menjadi Ketua Murid. Menjadi Ketua Murid bermakna bukan sahaja beliau dihormati oleh pelajar lainnya tetapi juga oleh sejumlah guru yang menilai kebolehannya sebagai pemimpin, sebagai seorang yang dapat berlaku adil, tenang dan akhirnya menaikkan nama Maktabnya. Tun Abdul Razak sudah banyak mengetuai pasukan dan pasukan pengakap serta juga Rumah Ahmad, tetapi dalam lantikan baru ini beliau harus menggembeling segala bakat dan naluri untuk menjayakannya.

.....

Dalam perkiraan masa depannya ruang ini adalah ruang latihan dirinya sebagai pemimpin yang harus berhadapan dengan khalayak ramai dengan berbagai-bagai tuntutan dan masalah. Ruang ini membantu Tun Abdul Razak. lebih yakin atau lebih merenung ke dalam kerja dan tindakannya. Maktab Melayu ialah ruang waktu perintis yang terpanjang sehingga kini. Tun Abdul Razak telah lulus dengan baik sekali.

Setelah tamat pengajiannya di MMKK beliau dilantik pada 1939 sebagai pegawai percubaan Perkhidmatan Pentadbiran Melayu (MAS). Pada tahun berikutnya beliau menerima biasiswa untuk berkursus (diploma) tiga tahun dalam bidang ekonomi, undang-undang dan sejarah di Raffles College Singapura. Sewaktu di Raffles College ini beliau bersama pelajar-pelajar yang kemudiannya muncul sebagai tokoh besar bidang masing-masing iaitu Lee Kuan Yew dan Ungku Aziz. Namun demikian pengajiannya di Raffles College terhenti apabila Jepun menguasai Asia Tenggara. Tun Abdul Razak pulang ke Pahang. Semasa pendudukan Jepun beliau telah diambil bertugas sebagai pembantu peringkat rendah dalam pentadbiran Jepun. Ketika kegiatan menentang Jepun terbentuk di Pahang, beliau bersama Ghazalie Shafie turut terlibat dalam pergerakan gerila menentang Jepun dan menghubungi Angkatan 136. Dikatakan beliau berjawatan kapten dalam pergerakan tersebut dan telah keluar dengan lagak pendekar di dalam perarakan di Pekan, Pahang bagi merayakan kekalahan Jepun.

Belajar di England

Selepas perang, Tun Abdul Razak kembali bertugas sebagai anggota MAS dan pada waktu itu beliau dikatakan terlibat bagi usaha menubuhkan Kesatuan Pelajar Melayu Pahang. Pada tahun 1947 beliau mendapat biasiswa belajar undang-undang di United Kingdom. Pengajian undang-undangnya di Lincoln's Inn berjalan dengan cemerlang sehingga diterima sebagai pemegang "*King Scholar*" dan diselesaikan dalam tempoh kurang daripada lapan belas bulan.

Semasa di London, Tun Abdul Razak turut terlibat dalam Persatuan Pelajar Melayu United Kingdom dan pernah menjadi Setiausaha persatuan tersebut yang dipengerusikan oleh Tunku Abdul Rahman.

.....

Beliau juga membantu menubuhkan Persatuan Pelajar Malaya (pelbagai kaum) di Great Britain. Persatuan ini lebih bersifat satu forum yang menjadi platform kepada semua pelajar pelbagai kaum di Tanah Melayu berbincang, bertukar fikiran atau berbahas untuk menyemai minat kepada politik tanah air. Menerusi forum ini Tun Abdul Razak berkesempatan mengasah bakat berbahasnya dan bertukar pandangan dengan anggota Forum di antaranya termasuklah Lee Kuan Yew. Selain daripada perbincangan sesama mereka, beberapa tokoh progresif dan radikal-Fabianism, Socialism dan Parti Buruh turut memberi ceramah kepada anggota Forum. Sebahagian daripada anggota Forum, termasuk Tun Abdul Razak telah menyertai Parti Buruh Persatuan Fabian.

Kegiatan pelajar dalam bentuk Forum itu adalah dilarang sekiranya membincangkan perkara-perkara kontroversial. Bagi membolehkan Forum itu berbincang bebas, Tun Abdul Razak menggunakan tempat tinggal beliau sebagai tempat perjumpaan bagi melancarkan peranan persatuan pelajar yang peka terhadap masalah sosio ekonomi dan politik tanah air mereka. Beliau sedar kepentingan nasionalisme, keperluan perpaduan dan taat setia kepada negara berdasarkan satu kebudayaan dan penggunaan satu bahasa. Malah beliau tidak membuang masa untuk menambah pengetahuan dalam tatacara berkerajaan. Bagi mengetahui dengan lanjut tentang hal politik, Tun Abdul Razak belajar sistem politik British dari segi teori serta kerap pula ke Parlimen untuk melihat bagaimana sidang parlimen dijalankan. Selepas itu beliau akan berlatih membuat syarahan-syarahan politiknya sendiri. Beliau juga mengambil kursus ijazah lanjutan (sebagai penuntut luar kampus dalam bidang ekonomi, Universiti London sementara menunggu pertauliah sebagai peguam yang diberi dalam masa setahun setengah selepas tamat pengajian).

Sebelum berakhir tahun 1949, Tun Abdul Razak diminta pulang oleh ayahnya untuk menguruskan hal keluarga. Sewaktu berada di tanah air, beliau tentunya menimba pengetahuan terbaru perkembangan politik Tanah Melayu yang dijadikannya modal istimewa semasa kembali semula ke London untuk belajar bidang ekonomi dan perkhidmatan awam di Universiti Cambridge.

Orang Kaya Syahbandar Pahang

Setelah selesai pengajiannya, beliau pulang ke Pahang dan diperkenan oleh Sultan Abu Bakar (Sultan Pahang) untuk menganugerahkan gelaran Orang Kaya Indera Syahbandar yang kesepuluh kepada Tun Abdul Razak pada 1hb. November 1950 menggantikan ayahnya yang meninggal dunia. Penganugerahan ini membawa gelaran Dato' kepada beliau. Kerjayanya sebagai pentadbir sekembali dari London ialah sebagai Penolong Setiausaha Kerajaan Pahang. Seterusnya dilantik sebagai Setiausaha Kerajaan Pahang pada tahun 1952. Setelah memegang jawatan ini untuk beberapa tahun beliau dinaikkan pangkat sebagai pegawai dalam Perkhidmatan Awam Tanah Melayu (MCS) dan diberi jawatan sebagai Pemangku Menteri Besar Pahang pada bulan Februari 1955.

Perkhidmatan Tun Abdul Razak sebagai pentadbir awam berakhir apabila beliau melibatkan sepenuh kegiatannya dalam bidang politik. Umumnya, penglibatan Tun Abdul Razak dalam politik seperti dihuraikan sebelum ini sudahpun bermula di London. Apabila kembali ke tanah air beliau menganggotai UMNO pada tahun 1950 yang ketika itu dipimpin oleh Dato' Onn Bin Jaafar. Empat bulan selepas menganggotai UMNO, beliau dilantik sebagai Ketua Pemuda UMNO. Ini diikuti dengan perlantikannya sebagai ahli tidak rasmi Majlis Undangan Persekutuan pada 1hb. Februari 1951. Apabila Tunku Abdul Rahman menjadi Yang DiPertua UMMNO, beliau telah dipilih sebagai Timbalan Yang Dipertua. Dari sinilah bermulanya satu percantuman tenaga yang bersejarah dan begitu gigih dalam perjuangan mencapai kemerdekaan dan seterusnya membina sebuah negara yang maju.

Buat sementara percantuman tenaga itu belum jitu kerana Tun Abdul Razak masih terikat dengan urusan pentadbiran di Pahang. Namun demikian Tun Abdul Razak tidak membiarkan atau menghiraukan tegahan peraturan pentadbiran untuk berpolitik secara aktif mengongkong beliau. Pada tahun 1952, ketika menjadi Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang beliau menerima perlantikannya sebagai Timbalan Pengerusi Perikatan. Kedudukannya yang penting dalam UMNO membawa kepada perlantikan beliau sebagai anggota tidak rasmi Majlis Persekutuan. Sebagai anggota Majlis itu, Tun Abdul Razak berkesempatan menganggotai beberapa jawatankuasa

umpamanya Jawatankuasa Khas Pendidikan. Mengikuti catatan tidak rasmi, beliau telah menjadi anggota dalam "kira-kira empat puluh buah jawatankuasa". Namun, Tun Abdul Razak tidak pernah merungut, malah berusaha menjalankan tugasnya dengan sebaik dan secekap yang mungkin. Kata beliau, "saya terpaksa membahagikan masa saya. Siang hari saya menjadi Setiausaha Kerajaan Negeri. Lepas pejabat saya menjadi pemimpin politik. Ada kalanya saya terpaksa bangun pukul empat pagi dan bekerja hingga sarapan untuk menghabiskan kerja-kerja parti." (*Seluruh Hidupnya Untuk Malaysia*, hlm. 14). Pengakuan ini menunjukkan semangat yang membara dan iltizam beliau yang tinggi terhadap tugas dan kewajibannya kepada majikan dan kepada parti UMNO yang diyakininya akan dapat membela agama, bangsa dan negaranya. Semangat dan iltizam yang tinggi ini jugalah yang mendorong untuk berusaha dengan gigih mengembang serta meluaskan pengaruh serta keahlian UMNO terutamanya di negeri Pahang.

Pemimpin Negara

Kepimpinannya tidak mahu dihadkan hanya kepada negeri Pahang. Oleh itu walaupun sudah menyandang jawatan yang lumayan selaku Pemangku Menteri Besar Pahang beliau menerima pencalonan untuk bertanding dalam pilihanraya umum Majlis Undangan Persekutuan kawasan Parlimen Semantan. Kemenangan beliau dalam pilihanraya itu membawanya ke jawatan peringkat persekutuan iaitu sebagai Menteri Pelajaran Tanah Melayu.

Di samping itu, sebagai orang nombor dua kepada Tunku, beliau menyertai proses membuat deraf untuk dimuatkan dalam perlembagaan Tanah Melayu dan menyertai rombongan menuntut kemerdekaan ke London pada tahun 1956. Sehubungan itu pula, sebagai Menteri Pelajaran yang pertama, beliau telah melahirkan Penyata Razak 1956 yang bertujuan menyatupadukan rakyat berbagai kaum. Setelah kemerdekaan dicapai pada tahun 1957, iaitu sewaktu umurnya 35 tahun, bermulalah perkhidmatannya sebagai Timbalan Perdana Menteri. Dalam tempoh ini, beliau telah memegang beberapa portfolio termasuk Kementerian Pembangunan Negara Dan Luar Bandar, Kementerian Pertahanan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Sebagai Menteri Pertahanan beliau memikul tanggungjawab

.....

"meneruskan perang menghapuskan penganas komunis yang telah mengganggu keamanan negara ini selama sembilan tahun" (*Seluruh Hidupnya Untuk Malaysia*, hlm. 38). Tugas itu telah dijalankan dengan jayanya, iaitu dengan sokongan rakyat serta pasukan keamanan dan pertahanan negara sehingga ancaman Komunis dapat ditamatkan pada tahun 1960. Kemenangan yang besar dan bermakna ini bukan sahaja bagi Tun Abdul Razak tetapi bagi seluruh rakyat.

Sebagai Menteri Pembangunan Luar Bandar, Tun Abdul Razak tidak menganggap tugasnya bersifat remeh, sebaliknya tugas ini sebagai satu perjuangan yang paling mencabar. Pengalamannya pada masa lalu mengharungi kejerihan hidup kampung telah menyebabkan beliau melihat tugasnya di kementerian tersebut sebagai salah satu prioriti yang terpenting. Melalui kementerian itu, "beliau menumpukan perhatian sepenuhnya kepada pembangunan luar bandar. Pembangunan dikendalikan semacam gerakan tentera. Ia merupakan satu peperangan yang ngeri ini tidak mampu tewas." (*Seluruh Hidupnya Untuk Malaysia*, hlm. 39). Tun Abdul Razak melihat pembangunan, termasuklah luar bandar, sebagai sesuatu yang sangat penting dan instrinsik bagi pertahanan dan ketahanan sesebuah negara. Menurut beliau "benteng terbesar mempertahankan kedaulatan negara kita bukan sahaja terletak pada pertahanan, tetapi lebih-lebih lagi pada pembangunan".

Kesungguhan Tun Abdul Razak membangunkan kawasan luar bandar telah memaksa beliau berjalan beribu batu bagi menjelajahi setiap ceruk kampung dan desa untuk melihat, memantau atau merasmikan pelaksanaan projek-projek yang berkaitan dengan usaha memajukan kawasan luar bandar itu. Bukan lawatan itu sahaja yang dilakukannya, tetapi beliau juga telah memerintahkan agar ditubuhkan apa yang dikenali sebagai "bilik operasi" di kementeriannya dan menyenaraikan agenda pembangunan kementerian itu ke dalam buku daftar yang dikenali sebagai "Buku Merah". Dengan mewujudkan kaedah seperti ini, Tun Abdul Razak berharap dapat melaksanakan tugas membangunkan kawasan luar bandar dengan teratur, berkesan dan mencapai kejayaan yang dirancangan. Selama 10 tahun Tun Abdul Razak bertungkus lumus menjayakan tanggungjawab kementerian ini sehingga membolehkan "hampir tiga juta orang dewasa diajar membaca dan menulis, membina tiga ribu buah sekolah dan

.....

menambah jumlah murid sekolah hingga mencapai dua juta orang pada tahun 1970". (*Seluruh Hidupnya Untuk Malaysia*, hlm. 45).

Pada waktu itulah Tun Abdul Razak telah memperkenalkan kepada para pentadbir di lapangan pengertian pembangunan yang dihajatkan oleh kerajaan sebagai memenuhi janji-janji kemerdekaan. Rancangan-rancangan tanah baru yang dikenali dengan pelbagai nama F.E.L.D.A yang terkenal sekali telah memberikan harapan dan penghidupan yang baru lagi bermakna kepada rakyat miskin dan tidak bertanah. Dianggarkan menjelang tahun 1970, sudah wujud 75 rancangan tanah baru dengan keluasan kira-kira 200,000 ekar telah diterokai. Ini telah memberi manfaat yang besar kepada kira-kira 16,500 keluarga. Di samping itu dianggarkan bahawa kira-kira 500,000 tanah sawah, kelapa dan tanaman pertanian yang lain telah dimaju dan dipertingkatkan dengan menyediakan kemudahan tali air dan perparitan yang sesuai. Kejayaan besar yang dicapai menandakan juga peningkatan kefahaman dan kesesuaian peranan pihak pentadbir terhadap matlamat pembangunan yang diperjuangkan oleh kerajaan.

Usaha gigih Tun Abdul Razak direstu oleh rakyat kawasan Pekan khususnya kerana mereka memberi undi majoriti kepadanya pada setiap pilihanraya umum di kawasan tersebut sejak tahun 1959. Restu juga disampaikan kepada beliau oleh pihak istana apabila dianugerahi Sri Maharaja Mangku Negara yang membawa gelaran 'Tun' oleh Sultan Pahang. Berbekal sokongan dari semua pihak dan semangat tinggi dirinya beliau terus berbakti kepada negara. Kepercayaan terhadap kebolehannya tidak lagi terhad kepada pengurusan domestik, malah beredar ke peringkat luar pula. Pada tahun 1962, beliau telah dilantik menjadi Timbalan Pengerusi Jawatankuasa antara kerajaan bagi pembentukan Malaysia. Pada tahun 1965, sewaktu Singapura mengancam untuk keluar dari Malaysia dan perundingan dengan Adam Malik di Bangkok bagi menamatkan konfrantasi pada tahun 1966, Tun Abdul Razak dipilih oleh Tunku sebagai ketua perunding.

Dua tahun sebelum tercetus peristiwa 13 Mei 1969, beliau telah dilantik sebagai Menteri Keselamatan Dalam Negeri bagi menggantikan Tun Dr. Ismail yang meletakkan jawatan tersebut. Pengalaman ini dan pelbagai lagi keupayaannya mentadbir, berunding, mengawal dan menggerakkan juga aset kerajaan telah membawa

.....

beliau menjadi pilihan utama untuk memikul seluruh kuasa eksekutif Yang Dipertuan Agong ketika darurat berlaku iaitu untuk bertindak sebagai Pengarah Operasi (Darurat) atau dikenali sebagai Pengarah Majlis Gerakan Negara (Mageran). R.H. Hickling menulis, apabila kuasa tertinggi itu hendak diserahkan, pertimbangan utama untuk memilih penerima kuasa itu adalah bersandar kepada,:

"Much therefore depend upon the personality of that man: and it was Malaysia's good fortune that in Tun Razak a decisive politician well versed in the arts of law and government was available".

Sebagai Pengarah Mageran selama 17 bulan, Tun Abdul Razak berjaya memulihkan keamanan, memupuk keharmonian dan muhibah serta dapat mengembalikan kepercayaan rakyat terhadap kerajaan. Hasil dari perbincangan-perbincangan dalam Majlis Perunding Negara telah melahirkan Rukun Negara yang bertujuan untuk mencapai kemajuan bangsa dan negara.

Selepas pemerintahan Mageran dan negara kembali kepada pemerintahan demokrasi, Tun Abdul Razak secara rasmi dilantik menjadi Perdana Menteri pada 22 September 1970 menggantikan Tunku Abdul Rahman. Pada 1971, DEB dilancarkan oleh Tun Abdul Razak. Sebagai Perdana Menteri maka semakin tinggi dan padu citra dan struktur kerajaan *developmentalist* terbentuk di Malaysia. DEB menjadi tanggungjawab utama kerajaan yang harus dijayakan oleh pihak pentadbir awam kerana pelaksanaan DEB menandakan intervensi kerajaan dalam usaha-usaha pembangunan. Mulai tempoh ini peranan Tun Abdul Razak dalam menentukan falsafah pentadbiran golongan pentadbir awam semakin ketara.

Peranan Tun Abdul Razak Membentuk Perkhidmatan Awam *Developmentalist*

Apabila Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, proses Malayanisasi itu tidak dilakukan dengan berkesan malah beberapa tahun selepas kemerdekaan proses itu masih belum dilaksanakan dengan memuaskan. Salah satu sebab utama menyumbang kepada perlahannya kemajuan Malayanisasi ialah tahap

.....

dan kadar Malayanisasi yang dialami oleh perkhidmatan awam itu sendiri. Orientasi Perkhidmatan Awam atau sistem pentadbiran mengalami sedikit sahaja perubahan dari apa yang diamalkan pada zaman kolonial. Situasi ini digambarkan dengan tepat oleh Tun Abdul Razak, yang menyatakan :

"Kita di Malaysia bernasib baik kerana kita mewarisi perkhidmatan awam yang baik daripada kerajaan penjajah; tetapi perkhidmatan awam di bawah kerajaan penjajah cuma sebuah perkhidmatan penjagaan dan penyelenggaraan, dengan menumpukan kebanyakan masanya kepada kerja rutin untuk mengekalkan status quo dan bukan untuk menjalankan pembangunan lebih daripada perlu...."

Tambah beliau lagi, orientasi itu perlu berubah dari sebuah organisasi yang tidak dinamik dan impersonal kepada organisasi manusia yang bersikap progresif, dinamik dan sedia memulakan satu rancangan baru serta meneroka peluang-peluang baru malah menjadi dinamik, aktif dan bertenaga.

Kenyataan Tun Abdul Razak itu bukanlah bererti tidak wujud langsung program latihan yang dilakukan bagi menyesuaikan para pegawai tadbir kepada keperluan semasa dan keadaan selepas Perang Dunia Kedua. *Standing Committee Whitley Council* di bawah *kelolaan Federation Establishment Office* (FEO) pernah mencadangkan bagi memperkenalkan suatu program latihan yang lebih sistematik. Namun demikian, tekanan dari peristiwa Darurat menjadi penggesa utama kepada pembentukan pada tahun 1951 suatu siri latihan mempersiapkan para pegawai bagi menghadapi masalah negara pada ketika itu. Sebelum itu, pegawai-pegawai kerajaan telah dilatih di United Kingdom dan mereka diberi latihan secara sangkutan atau bertugas sambil belajar di Pejabat Tanah Jajahan British. Siri latihan seterusnya dan lebih menyeluruh tidak dapat dilakukan kerana kerajaan menghadapi masalah kewangan.

Untuk menghadapi masalah ini, satu kursus telah diadakan di Sekolah King Edward VII di Taiping pada tahun 1953 yang dihadiri oleh 36 orang pegawai. Usaha ini menampakkan kejayaan tetapi oleh kerana ketiadaan suatu tempat yang sesuai serta tetap untuk mengadakan

.....

kursus-kursus jangka panjang, maka usaha latihan menjadi terbantut. Walaupun pihak British mengambil inisiatif pada tahun 1954 menghantar pegawai-pegawai tempatan luar negara dan Universiti Malaya untuk menerima latihan yang lebih mendalam bagi melengkapkan mereka dengan kemahiran untuk menggantikan pegawai-pegawai British, namun bilangan yang terlibat tidaklah ramai. Justeru itu, satu cadangan penubuhan sebuah institusi latihan yang tetap, sekali lagi timbul pada tahun 1955, khususnya untuk memberi latihan kepada pegawai Kerajaan Negeri yang tugasnya berkaitan dengan soal tanah. Pada Mac 1956, "Kursus Pentadbiran Tanah", kursus pertama yang diadakan di Maktab Polis di Kuala Kubu Bharu, Selangor. Tetapi selepas Julai 1957, kursus-kursus ini terpaksa dihentikan oleh kerana tiada tempat kediaman yang sesuai di samping ketegangan suasana di saat menghadapi kemerdekaan.

Pertambahan di dalam fungsi kerajaan menuntut tanggungjawab yang lebih besar. Ekoran itu, latihan di era merdeka sememangnya mengandungi kursus yang lebih mencabar dan selari dengan pergerakan dasar pentadbiran negara. Jawatankuasa yang bertanggungjawab ialah "*Standing Committee on Scholarship and Training Scheme*" yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Allahyarham Tunku Abdul Rahman. Ekoran daripada tahun 1959, kursus latihan dimulakan semula. Kerajaan telah berjaya menyewa sebuah bangunan di Port Dickson untuk keperluan mengadakan latihan. Dewan ini digunakan sehingga bulan Jun 1963 kerana kegiatan latihan kemudiannya berpindah ke kampus baru di Jalan Ilmu, Kuala Lumpur. Pembukaan rasmi dewan baru ini dibuat pada 19hb. September, 1963. Ia bertempat di kawasan seluas 9.5 ekar iaitu berhampiran dengan Universiti Malaya dan bangunan baru ini dibiayai dari sumbangan Kerajaan New Zealand di bawah Bantuan Rancangan Colombo.

Dari huraian tadi, maka memang terdapat usaha Malayanisasi dan latihan pegawai tadbir dilakukan sehingga tarikh Tun Abdul Razak mengeluarkan kenyataannya pada bulan Julai 1968. Namun dari pengalaman peribadinya sebagai menteri dalam beberapa kementerian, terutamanya pengalaman bertahun-tahun bersama para pegawai tadbir melaksanakan pembangunan luar bandar, beliau masih kurang puas hati dengan tahap perkhidmatan yang wujud ketika itu. Beliau

.....

merasakan tahap perkhidmatan tadbir belum memadai untuk mendukung kehendak kerajaan menjadi kerajaan atau negara Malaysia bersifat *developmentalist*. Hasrat kerajaan ke arah itu dibuktikan apabila Kerajaan Malaysia dengan kerjasama Yayasan Ford telah menjemput dua orang pakar perunding dari Amerika Syarikat iaitu Professor John D. Montgomery dan Professor Milton J. Esaman untuk menyemak semula jentera pentadbiran kerajaan dan mengemukakan cadangan bagi melicinkan sistem pentadbiran awam pada tahun 1965. Laporan hasil kajian mereka yang bertajuk "*Development Administration in Malaysia*", mengandungi beberapa syor bagi meningkatkan mutu perkhidmatan awam di negara ini. Satu daripada kesan dari syor itu ialah pembentukan Unit Pentadbiran Pembangunan yang diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri bagi melaksanakan perakuan-perakuan yang dikemukakan oleh laporan tersebut.

Sehubungan dengan laporan pakar-pakar perunding tersebut dan kehendak Tun Abdul Razak tadi maka langkah mengatasi kelemahan pentadbiran dikemukakan pada tahun 1969, apabila satu laporan disediakan oleh Unit Pembangunan Pentadbiran dan Pusat Latihan Pegawai bertajuk "Latihan Untuk Pembangunan di Malaysia Barat". Laporan ini menggariskan peranan baru dan mengemukakan cadangan-cadangan bagi pusat latihan pegawai tadbir memainkan tanggungjawab yang lebih besar dari keadaan ketika itu. Ia juga mencadangkan nama baru bagi pusat ini, iaitu Institut Pentadbiran Pembangunan Negara atau NIDA (*Nasional Institut of Development Administration*). Kebanyakan usul laporan ini diterima oleh kerajaan dan Jawatankuasa Khas NIDA telah dibentuk untuk melihat tentang penubuhan NIDA sebagai Institut Latihan.

Menjelang 1hb. September 1972, Institut ini telah dibuka dengan rasminya oleh Tun Abdul Razak bin Hussein. Institut itu kemudiannya dinamakan Institut Tadbiran Awam Negara atau ringkasnya INTAN. Oleh itu, sebuah kampus utama dibina di Bukit Kiara Kuala Lumpur dan tiga kampus wilayah masing-masing di Sungai Petani, Kedah, Kemaman di Terengganu dan Kluang di Johor yang dijangka menampung lebih daripada 15 000 orang peserta kursus setiap tahun pada dekad yang akan datang.

.....

Objektif utama INTAN sebagai agensi yang berperanan meningkatkan kualiti sistem pentadbiran awam dalam mengembangkan dan melaksanakan dasar-dasar kerajaan. Untuk mencapai matlamat itu, INTAN selaku agensi amat menekankan latihan atau pengajaran dalam dasar-dasar pembangunan, teknik-teknik perancangan pelaksanaan serta penggunaan konsep baru dalam pengurusan pembangunan.

Pembaharuan yang berlaku kepada Perkhidmatan Tadbir Awam sangat diperlukann oleh kerajaan. Pada masa pimpinan Tun Abdul Razak, keperluan itu lebih besar lagi kerana peristiwa 13 Mei menunjukkan beberapa kegagalan pembangunan bagi mengatasi ketidakseimbangan yang wujud antara kaum. Amalan pembangunan neo liberal sebelumnya yang dinikmati oleh golongan, kawasan dan sektor ekonomi bandar atau komersial menambah jurang ketidaksamaan itu apabila pelaksanaan pembangunan secara intervensi kerajaan diterapkan kepada golongan, kawasan dan sektor lain. Justeru itu apabila DEB dilancarkan oleh Tun Abdul Razak, maka amalan pembangunan secara intervensi kerajaan diterapkan secara seragam ke seluruh golongan, kawasan dan sektor. Amalan ini akan hanya berjaya atau dapat diterima seluruhnya jika kerajaan bersikap *developmentalist*. Di sinilah peri pentingnya perkhidmatan tadbir awam sebagai pelaksana dasar-dasar kerajaan, sehaluan dengan kehendak kerajaan dengan menjadikan dirinya *developmentalist* juga.

Selepas peristiwa 13 Mei 1969 dan pelancaran DEB, kerajaan membentuk pelbagai agensi dan lembaga yang bukan sahaja menggiatkan pembangunan, malah merintis jalan bagi mengatasi masalah ketidakseimbangan yang wujud ketika itu. Para pentadbir awam yang berkebolehan dan bersikap *developmentalist* telah diberi tanggungjawab mengepalari agensi dan lembaga tersebut. Kaedah inilah yang telah menjadikan peranan Tun Abdul Razak kepada pembangunan organisasi dan mentaliti PerkhidmatanTadbir Awam Malaysia. Oleh kerana kejayaan dan kehebatan pembangunan perlu diukur dari segi kemajuan fizikal dan mental, maka impak yang telah dilakukan oleh Tun Abdul Razak kepada perkhidmatan tadbir awam melalui kaedah tersebut menjadi asas pengukuran pembangunan mental yang signifikan bagi keseluruhan pembangunan yang diusahakan oleh Malaysia.

Kesimpulan

Sehingga kini memang kita akui bahawa Tun Abdul Razak adalah bapa pembangunan Malaysia, tetapi pembangunan itu sering dipakai bagi merujuk kepada bilangan program dan pertambahan fizikal sahaja. Huraian yang diberikan di sini menunjukkan bahawa kewajaran Tun Abdul Razak digelar bapa pembangunan lebih dari sekadar pengukuran demikian. Beliau telah berjaya membentuk pembangunan mental dan sikap kepada rakyat Malaysia. Bukan sahaja dalam kemahiran pentadbiran, malah ditinjau dari usaha-usaha lebih awal Tun Abdul Razak, kejayaannya mencelek huruf sebilangan besar orang dewasa dan kanak-kanak sehingga berpeluang pula sebilangan pemuda menimba ilmu di institusi pengajian tinggi, UKM, yang menjadi anak manja beliau, adalah kerana pemimpin ini sebenarnya seorang bapa pembangunan yang total.

Ketokohan dan kepimpinan Tun Abdul Razak berakhir pada 14 Januari 1976 apabila beliau meninggal dunia sewaktu berusia 53 tahun iaitu setelah enam tahun menjadi Perdana Menteri Kedua Malaysia.

*Peranan dan Sumbangan H.S. Lee
Dalam Perjuangan Ke Arah Kemerdekaan
Persekutuan Tanah Melayu*



FORPUSKUNAN NEGARA

Malaysia

Peranan dan Sumbangan H.S. Lee Dalam Perjuangan Ke Arah Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu

Oleh : Oong Hak Ching
Universiti Kebangsaan Malaysia

Pengenalan

Dalam sejarah perjuangan ke arah kemerdekaan Tanah Melayu nama H.S Lee sudah tidak asing lagi. H.S Lee atau lebih dikenali sebagai Tun Henry Lee adalah salah seorang daripada lapan tokoh pejuang kemerdekaan yang menurunkan tandatangan penerimaan kemerdekaan Tanah Melayu daripada British pada tahun 1957. Hakikat bahawa beliau sebenarnya bukanlah anak watan Tanah Melayu tidak mengurangkan perasaan patriotisme terhadap negara angkatnya, Tanah Melayu.

Peranan dan sumbangannya memang penting yang membolehkan negara muncul sebagai negara merdeka dan berdaulat. MacGillivray, Pesuruhjaya Tinggi British Persekutuan Tanah Melayu pernah menganggap H.S Lee sebagai penghasut yang patut ditangkap dan didakwa kerana menghasut dan menentang British pada masa kemuncak krisis Perikatan UMNO-MCA dengan kerajaan kolonial British dalam tahun 1950an. Sokongan padu daripada Tun Henry Lee dan masyarakat Cina di belakang Tunku Abdul Rahman dan UMNO menyukarkan British untuk mewajarkan penerusan pemerintahan mereka di Tanah Melayu dan mempercepatkan proses dekolonialisasi di Tanah Melayu. Beliau telah dilantik menjadi Menteri Pengangkutan Tanah Melayu dalam kabinet Tunku yang pertama mulai 1956 hingga 1959 dan telah memberi sumbangan penting dalam pembentukan dan pembangunan negara. Mengenang jasanya beliau dianugerahkan darjah S.M.N dan dikenang sebagai seorang negarawan. Rencana ini cuba meneliti kembali peranan dan sumbangan H.S Lee dalam perjuangan ke arah negara.

Latarbelakang

H.S Lee dilahirkan pada 19 November 1900 di Xin-Yi, wilayah Kwantung, China. Beliau berasal daripada keturunan aristokrat dan literati yang terkemuka di wilayah berkenaan. Bapanya seorang tokoh politik dan pernah menjadi ahli Parlimen dalam kerajaan Republik China selepas kejatuhan dinasti Ching. Beliau mendapat pendidikan

.....

awal dan menengah di Guangzhou (Canton) dan semasa berusia 14 tahun melanjutkan pelajaran di Queen's College di Hong Kong. Lee seterusnya melanjutkan pelajaran di Universiti Cambridge sehingga memperoleh ijazah Sarjana Sastera (M.A) dalam bidang Ekonomi dan Undang-undang pada tahun 1923.

Setelah kembali ke negeri China, Lee bekerja dalam perkhidmatan Kastam di pulau Hainan dan kemudian bekerja dengan P & O Bank dalam bahagian tukaran wang asing. Pada tahun 1924 Lee melancong ke Tanah Melayu dan tertarik dengan alam sekitarnya dan peluang-peluang ekonomi yang terbuka luas waktu itu. Tanah Melayu sedang dilanda oleh krisis dalam pengeluaran produk utama dan perdagangan dalam tahun-tahun 1920an dan 1930an yang diikuti oleh zaman Kemelesetan Besar. Kejatuhan harga aset dan perubahan ekonomi pesat menarik perhatian Lee untuk turut serta dalam bidang usahawan. Beliau memilih sektor perlombongan timah yang semakin kurang digemari oleh usahawan-usahawan Cina kerana persaingan dengan usahawan-usahawan barat dan keperluan pelaburan besar dalam teknologi perlombongan. Dengan demikian Lee berpeluang membeli banyak lombong timah dan segala usahanya mendatangkan kejayaan dan keuntungan besar.

H.S Lee memiliki ciri-ciri yang ideal untuk menjadi pemimpin masyarakat Cina. Asal keturunannya yang memiliki prestij tinggi, kejayaan sebagai usahawan dan ketinggian taraf intelektual dan pendidikan bertaraf antarabangsa membolehkannya muncul sebagai pemimpin yang disegani di kalangan masyarakat Cina. Pada tahun 1936 beliau telah dipilih sebagai Presiden Dewan Perniagaan Cina Selangor dan seterusnya menerajui kepimpinan Persatuan Pelombong-pelombong Negeri Sembilan, Selangor dan Pahang.

Dalam bidang politik pula Lee menjadi pemimpin gerakan Komintang di Selangor dan juga pengarah akhbar *The China Press* yang menjadi suara pergerakan berkenaan (Yong & McKenna, 1990: 190 dan 215). Sebagai pemimpin Komintang peranan Lee yang penting ialah mengumpul dana bagi membantu mangsa-mangsa perang di China selepas Jepun menyerang China pada tahun 1937. Beliau telah menubuhkan Persatuan Dana Bantuan China Selangor dan dipilih sebagai ahli jawatankuasa Kesatuan Dana Bantuan China Asia

.....

Tenggara. Menjelang tercetus Perang Pasifik dan serangan Jepun ke Tanah Melayu, Lee telah dilantik sebagai Ketua Angkatan Pertahanan Pasif di Kuala Lumpur. Angkatan ini yang mempunyai 6,000 anggota membantu mempertahankan Tanah Melayu apabila Jepun menyerang rantau ini.

Apabila Jepun telah menakluk Tanah Melayu, Lee telah berundur ke Singapura dan seterusnya ke India. Di India Lee memainkan peranan sebagai Pegawai Perhubungan dalam rundingan di antara British dengan Kerajaan (Kuomintang) China bagi menjalinkan kerjasama dalam usaha-usaha untuk menduduki kembali Tanah Melayu (Yong & McKenna, 1990:207). Lee telah dilantik sebagai kolonel dalam angkatan tentera China tetapi bertugas sebagai anggota Force 136 (China) di bawah askar ke 14 British, pemimpin Jeneral Slim di Burma. Setelah tamat Perang Dunia Kedua Lee pulang ke Tanah Melayu dan menumpukan perhatian kepada usaha-usaha memulih kembali lombong-lombong timahnya dan perniagaannya.

Selepas Perang Dunia Kedua Lee tidak lagi bergiat dalam gerakan politik berorientasikan China. Lee telah menerima perlantikan sebagai ahli dalam Majlis Penasihat Malayan Union. Menurut C.F. Yong, Lee tidak terpilih dalam barisan kepimpinan Kuomintang Selangor pada tahun 1948 (1990:206). Kegiatan-kegiatan politik Lee pada waktu ini lebih tertumpu kepada memperjuangkan hak-hak politik atau kewarganegaraan untuk masyarakat Cina semasa British mengubal semula perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu bagi menggantikan Malayan Union. Akibat penentangan orang-orang Melayu yang diwakili oleh Dato' Onn bin Jaafar dan UMNO, kerajaan British melantik sebuah Jawatankuasa Kerajaan bagi merangka bagi menilai deraf cadangan perlembagaan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Kerja. Jawatankuasa Kerja ini cuma dianggotai oleh wakil-wakil UMNO, Raja-raja Melayu dan pegawai-pegawai British.

Tindakan British mengeneipkan orang-orang Cina atau bukan Melayu dalam pengubalan perlembagaan telah menimbulkan perasaan tidak puas dan tercetus gerakan penentangan terhadap dasar Persekutuan seperti yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Kerja. British telah bertindak dengan melantik sebuah Jawatankuasa Perundingan bagi menyalurkan pandangan-pandangan bukan Melayu. Lee bersama

.....

Leong Yew Koh telah dilantik sebagai ahli. Lee tidak menyetujui komposisi ahli Majlis Perundangan Persekutuan yang bilangan wakil-wakil Cina dianggap terlalu kecil dan tidak memadai. Lee juga tidak bersetuju dengan cadangan peruntukan kewarganegaraan yang menyukarkan orang bukan Melayu untuk menjadi warganegara. Walau bagaimanapun majoriti ahli Jawatankuasa Perundangan tidak menerima cadangan-cadangan Lee dan Leong Yew Koh dan sebaliknya menerima cadangan asal yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Kerja dengan sedikit pindaan.

Pada mulanya Lee menyokong gerakan anti-Persekutuan yang melancarkan boikot terhadap dasar Persekutuan. Tetapi apabila Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan pada 1 Februari 1948 Lee turut menerima perlantikan sebagai ahli dalam Majlis Perundangan Persekutuan bersama-sama dengan wakil-wakil Cina yang lain. Walau bagaimanapun perjuangan Lee untuk mendapat hak-hak politik dan kewarganegaraan kepada masyarakat Cina diteruskan. Untuk tujuan ini, Lee bersama-sama rakan-rakannya dalam Majlis Perundangan Persekutuan dan juga Tan Cheng Lock telah mengembeleng tenaga menubuhkan Malayan Chinese Assosiation. (MCA).

The Malayan Chinese Association (MCA)

Sejarah penubuhan MCA sering dikaitkan dengan peranan H.S Lee, Tan Cheng Lock, Leong Yew Koh, Yong Shook Lin dan Henry Gurney. Mereka memang mempunyai peranan masing-masing. Pembentukan dan pelaksanaan dasar atau perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu menimbulkan perasaan tidak puas hati orang-orang bukan Melayu, khususnya komuniti Cina. Perubahan dasar yang besar di bawah Persekutuan menyentuh kedudukan mereka. Syarat-syarat untuk membolehkan mereka menjadi warganegara sangat ketat kecuali bagi mereka yang dilahirkan di Negeri-negeri Selat atau menjadi warganegara *United Kingdom and the Colonies*. Peruntukan Kewarganegaraan Persekutuan mengenakan syarat-syarat seperti dilahirkan di Persekutuan dan perlu mengalami asimilasi terbatas, sekurang-kurangnya menguasai Bahasa Melayu sebelum dapat diterima menjadi warganegara. Ini bermakna sebahagian besar orang bukan Melayu akan tetap menjadi orang asing dan tidak mempunyai hak-hak politik. Dalam suasana tidak puas hati masyarakat Cina inilah

.....

PKM melancarkan pemberontakan bersenjata. Sebagai responnya British mengisytiharkan keadaan Darurat.

Henry Gurney yang menggantikan Edward Gent sebagai Pesuruhjaya Tinggi mengambil langkah-langkah bagi memerangi Komunis dan mendapatkan kerjasama daripada semua golongan penduduk Tanah Melayu termasuk komuniti Cina. MacDonald, Gabenor Jeneral British Asia Tenggara juga memainkan peranan penting merapatkan hubungan kaum di Persekutuan Tanah Melayu yang menjadi tegang akibat Darurat. MacDonald dan Gurney berpendapat gerakan PKM sebagai anasir asing dan bagi menghapuskan pengaruh asing masyarakat Cina perlu di reorientasi dengan melihat Tanah Melayu sebagai tanah air mereka. Satu parti politik alternatif kepada PKM yang mempunyai haluan tempatan perlu dibentuk untuk masyarakat Cina.

Rakan seperjuangan H.S Lee, Tan Cheng Lock, seorang tokoh Cina peranakan telah lama berhasrat untuk menubuhkan sebuah organisasi politik Cina yang berhaluan tempatan. Tan Cheng Lock mengemukakan idea untuk membentuk Persatuan Cina Tanah Melayu atau *Malayan Chinese Association* pada bulan September 1943 semasa beliau tinggal di India. Perkara ini telah dimaklumkan kepada Setiausaha Negara Bagi Tanah Jajahan. Tetapi hasrat Tan Cheng Lock untuk menubuhkan MCA tidak dapat direalisasikan kerana tiada sokongan daripada pihak British. Tan Cheng Lock juga cuba membentuk Liga Cina Tanah Melayu pada awal bulan Mei 1948 dengan tujuan menarik orang-orang Cina kelahiran Cina daripada melibatkan diri dalam politik berhaluan Cina dan menggalakkan mereka memindahkan perasaan cinta kepada Tanah Melayu untuk manfaat semua pihak yang mengharapkan Tanah Melayu muncul sebagai sebuah dominion dalam British. Tan Cheng Lock juga melihat kemungkinan Liga Cina Tanah Melayu akan bercantum atau bersekutu dengan Liga Perpaduan Tanah Melayu yang akan dianggotai oleh semua kaum.

Low Chin Huat yang mengkaji tentang riwayat hidup H.S Lee dengan menggunakan sumber-sumber primer terutama fail-fail dalam simpanan keluarga H.S Lee, menyatakan idea bagi menubuhkan Persatuan Cina Malaya dikemukakan bulan Disember 1948 setelah

.....

bertemu dengan Henry Gurney dan juga berbincang dengan ahli-ahli Majlis Perundangan Persekutuan daripada keturunan Cina. Low menyatakan Lee mengatur satu majlis makan malam pada 15 Disember 1948 bagi meraikan Henry Gurney, Pesuruhjaya Tinggi British. Majlis ini juga dihadiri oleh ahli-ahli Majlis Perundangan Persekutuan yang mewakili masyarakat Cina. Antara mereka termasuk Yong Shook Lin dan Khoo Teck Ee. Lee dikatakan mengemukakan cadangan penubuhan sebuah organisasi bagi seluruh masyarakat Cina dan dipersetujui oleh Gurney. Mengikut Low " telah jelas terbukti bahawa Tan Cheng Lock sememangnya tidak terlibat langsung dalam usaha sebenar yang boleh dianggap melahirkan MCA pada hari ini" (1989:47). Tetapi maklumat daripada sumber lain menunjukkan Tan Cheng Lock mengemukakan idea ini lebih awal daripada yang dikemukakan H.S Lee.

Tan Cheng Lock memberitahu MacDonald, Gabenor Jeneral hasratnya untuk menubuh sebuah persatuan Cina. Tan Cheng Lock menyatakan tujuannya untuk membentuk MCA dalam ucapannya kepada Dewan Perniagaan Cina Melaka pada 5 Disember 1948 dan satu salinan ucapannya dikirimkan kepada MacDonald. Pada pandangan MacDonald cadangan ini baik tetapi keadaan tidak sesuai. Ia menasihat Tan Cheng Lock agar menangguhkan dahulu rancangan ini untuk mengelakkan salah faham daripada masyarakat Melayu terutama UMNO. MacDonald menulis kepada Tan Cheng Lock pada 15 Disember 1948 yang antara lain menyatakan:

"... (I)... am personally averse to steps being taken in this direction at the moment. I think it would be wise to have the proposed talks with some of our Malay friends in the first instance. Propaganda in favour of the formation of the (Malay Chinese) Association before that might be misunderstood and arouse suspicions amongst the Malays. After preliminary talks have taken place, there could be no such misunderstanding" (MacDonald Papers).

Gurney mempunyai pandangan yang berbeza dengan MacDonald yang berpendapat masa memang sesuai untuk membentuk MCA. Beliau memberi sokongan kepada rancangan Tan Cheng Lock, bahkan telah mengambil inisiatif dengan membuat rayuan kepada H.S Lee dan ahli-

.....

ahli Cina dalam Dewan Perundangan Persekutuan untuk menaja penubuhan MCA. Dalam satu jamuan makan malam yang diadakan, Henry Gurney menyeru H.S Lee dan rakan-rakannya seperti Yong Shook Lin dan Khoo Teck Ee supaya MCA yang akan ditubuhkan nanti menerima pemulihan keamanan dan ketenteraman sebagai salah satu objektif utama persatuan ini. Pada 19 Disember 1948 Henry Gurney telah menghantar telegram kepada Creech Jones, Setiausaha Negara Bagi Tanah Jajahan di London memaklumkan bahawa:

I have recently had long and frank talks with the Chinese members of the Legislative Council and representatives of mining and rubber interest with a view to obtaining more active help from the Chinese against terrorists. Steps are now being taken by leading Chinese to form a Malayan Chinese Association open to all who have made their home in the Federation with chief object of co-operating with the Government and with other communities in restoring peace and good order in the country. Rules are now being drafted and will be discussed with main draft before further action being taken, and Chinese members of the Legislative Council have undertaken to start to enlist support. As we believe in democracy we must do our best through this Association, when formed to promote and assist in the maintenance of peace and good order in order to attain by legal or constitutional means the orderly progress in Malaya whose ultimate goal is according to the British declared policy, self-government.

Today may only be the birth of this Association. It still has to go through its infancy, its childhood and ultimately it will reach matured age.. it therefore requires very careful nursing and support from those well-wisher so that it will be able to play an important part in the prosperity and well-being of not only Malayan Chinese themselves but of all the other races who have similar objects as our own life" (CO 717/82, 1949).

Pada sebelah petang mesyuarat disambung untuk membincangkan draf perlembagaan atau peraturan-peraturan persatuan ini. Yong Tham Quee daripada Sekretariat Hal Ehwal Cina Kuala Lumpur

.....

melaporkan majlis menjadi tegang dan suasana kelam kabut apabila isu ini dibahaskan dan secara sindiran dia menyatakan "It was good thing there were no ink-pots on the table" (ibid).

Mesyuarat bermula dengan Pengerusi mempelawa para perwakilan menimbang dan jika sesuai menerima deraf peraturan-peraturan MCA yang dikemukakan. S.M. Yong, perwakilan daripada Selangor mencadangkan supaya beberapa pindaan dibuat terutama yang menyentuh alamat persatuan, kewangan dan komposisi anggota Jawatankuasa Agung. Tetapi Khoo Teik Ee mencadangkan supaya deraf tersebut diterima dahulu dan perincian dibuat kemudian. H.S. Lee juga menyokong cadangan ini. Tetapi S.M. Yong masih tidak berpuas hati dan menyatakan:

All States have criticized the draft rules, which cannot be amended so easily when once adopted. We cannot accept what is given to us. I agree that there should be an association now, but the draft rules cannot be adopted without amendments. These rules were drafted in a private house of a private person or by only a few person. How can we accept them? I have mentioned this development to Dato Onn and am satisfied that it will be helping in forthcoming Malay-Chinese conversation on long term problems." (CO 537/4242, no 1 dalam Stockwell, 1995, part II:88.

Peranan H.S Lee dan rakan-rakannya dalam Majlis Perundangan Persekutuan dalam penubuhan MCA agak jelas. Tetapi peranan Tan Cheng Lock agak kabur atau seolah-olah kurang menonjol. Tan Cheng Lock sebenarnya turut memainkan peranan aktif dalam usaha ke arah penubuhan MCA. Misalnya beliau berusaha mendapat sokongan daripada Konsul China dan masyarakat Cina di Perak. Tan Cheng Lock telah mengirimi dokumen mengenai cadangan penubuhan MCA kepada Tuan Haji Ibrahim T.Y. Ma, Konsul Republik China di Ipoh, Perak pada Januari 1949. Hadji Ibrahim Ma mengirimi balas surat Tan pada 24 Januari. Ma menulis:

"I have received your documents sent to me under registered cover previously and found them very constructive and instructive. With reference to the

.....

Malayan Chinese Association, I understand that it is going to be pan-Malayan Chinese affairs. It would be very wise that the movement should include and every one of Chinese, either born or domiciled here who have the welfare of the country at heart, so that no neglect will occur to the interest of any section of the community" (Hadji Ibrahim Ma kepada Tan Cheng Lock, 24 Januari 1949 Surat Persendirian Tan Cheng Lock).

Dalam suratnya kepada Hadji Ibrahim Ma bertarikh 7 Februari 1949, menjelaskan bahawa beliau telah memberi beberapa salinan perlembagaan Persatuan Cina seberang Laut atau *Overseas Chinese Association* (OCA) yang dibentuknya di India dan juga perlembagaan cadangan pembentukan Kesatuan Cina Melaka yang dirangka oleh anaknya, Tan Siew Sin. Dokumen-dokumen ini digunakan oleh Yong Shook Lin bagi merangka deraf perlembagaan MCA. Walau bagaimanapun beliau tidak menjadi *convenor* bagi penubuhan MCA. Notis untuk mengadakan perjumpaan bagi menubuhkan MCA dikeluarkan pada 16 Februari dan dibuat atas nama 16 ahli-ahli Majlis Perundangan Persekutuan daripada keturunan Cina termasuk H.S. Lee, Tan Siew Sin (anak Tan Cheng Lock), Yong Shook Lin dan lain-lain bagi mewakili seluruh masyarakat Cina di Persekutuan Tanah Melayu. H.S. Lee, yang juga Presiden Dewan Perniagaan Cina Selangor dan Perhimpunan Cina Selangor bertindak sebagai tuan rumah.

Pada 27 Februari 1949 satu majlis pelancaran penubuhan MCA di adakan di Dewan Perhimpunan Cina Selangor, Kuala Lumpur. Empat ahli Dewan yang terdiri dari Yong Shook Lin, Ng Swee Cam, Mrs. Oon dan Dr. Lee Tiang Keng tidak hadir. Antara yang hadir ialah empat wakil daripada Pulau Pinang, 18 Perak, 5 Kedah dan Perlis, beratus-ratus daripada Selangor, 10 Negeri Sembilan, 9 Melaka, 23 Johor dan Pahang, Terengganu. Kelantan tidak menghantar wakil.

H.S.Lee memainkan peranan penting dalam majlis pelancaran dan mesyuarat pembentukan MCA daripada awal sampai tamat. H.S.Lee mencadangkan Ee Yew Kim menjadi pengerusi majlis dan disokong oleh Khoo Teik Ee. Dalam kata-kata aluannya Ee Yew Kim menyatakan:

"Special factors and circumstances pertaining particularly to the Chinese community had made collective action imperative for the well-being of the Chinese in the Federation in relation to the Government on the one hand and other sister [Malay] community on the other...."

Daripada kenyataan ini jelas bahawa isu politik dan bukannya isu sosial atau kebajikan yang mendorong komuniti Cina membentuk MCA. Dalam erti kata lain komuniti Cina perlu menjalinkan hubungan yang baik dan persefahaman dengan tujuan mendapat peluang menjadi warganegara dan memperolehi hak-hak politik.

Tan Cheng Lock yang mencadangkan supaya para hadirin bersetuju dengan penubuhan MCA menyebutkan bahawa :

"The people of Malaya can only constitute a Nationality if the different communities making up its mix population are united among themselves by common sympathies and fellow-feeling and reconcile themselves to living together in peace and harmony under rights and law."

H.S.Lee (wakil Selangor), Dr. Wu Lian The (Perak), Ng Kiat Poh dan Chan Keng Chuan (kedua-dua daripada Johor) dan Dr. Chong Ah Koon (Negeri Sembilan). H.S.Lee menyokong usul pembentukan MCA dengan memberi ucapan menyatakan:

"The objects of the proposed Association have been clearly stated in the draft rules and must have been clearly considered but those who are present here. It can fairly be stated that such objects would not only meet with your approval but would also meet with approval of all the Malayan Chinese who do not happen to be present at this hall today."

Khoo Teik Ee pula menyelah:

"What is wrong if a few persons in a private"

.....

house drafted the rules? Some one must draft the rules in some place, what difference can make if the rules were drafted in a private house or in a public place?

Seterusnya pegawai Hal Ehwal Orang Cina melaporkan:

"At this stage, the situations become tense. The atmosphere at that time was quite different from that in the forenoon. Mr.Khoo Teik's face was flushed with anger. He was trying to stand up while Mr.Yong was still jabbering to the microphone with many "I submit" (Court expression). Suddenly, Mr.Tan Siew Sin stood up, banged the table with his fist and shouted "Shut-up". This was followed by some one at the table who shouted, "Get out," and yet another gentleman, Mr.Leung Yew Koh, shouted "Don't be a fool." Here many seemed to have said something or other in a jumble of words while Mr.Yong asked them not to get angry."

Ee Yew Kim selaku Pengerusi mesyuarat akhirnya dapat mententeramkan majlis dan mengemukakan usul Khoo Teik Ee dan disokong oleh 90 peratus daripada perwakilan. H.S.Lee kemudian mengemukakan usul bagi memilih ahli-ahli jawatankuasa sementara untuk selama tiga bulan sebelum jawatankuasa tetap dibentuk. Usul tersebut disokong oleh Chan Foo Seng daripada Pulau Pinang dan diterima sebulat suara. Lee juga mencadangkan Tan Cheng Lock sebagai Presiden dan diterima oleh hadirin kecuali Chan Foo Seng. Chan membantah pemilihan Tan Cheng Lock kerana Tan tidak memahami Bahasa Cina dan kerana itu dianggap tidak sesuai.

H.S.Lee sendiri selaku Presiden MCA cawangan Selangor secara otomatis menduduki jawatan Naib Presiden MCA bersama-sama dengan Presiden MCA peringkat negeri yang lain. Yong Shook Lin dan Leung Cheung Ling dipilih sebagai Setiausaha Bersama dan Khoo Tek Ee sebagai Bendahari. Ahli-ahli jawatankuasa pula terdiri 12 orang daripada Perak, 11 Pulau Pinang dan Seberang Perai, 11 Selangor, 11 Johor, 6 Kedah dan Perlis, 6 Negeri Sembilan, 6 Melaka, 6 Pahang dan Kelantan dan Terengganu masing-masing diperuntukan 2 kerusi. Di

.....

antara objektif MCA ialah: (a) memupuk dan memelihara hubungan kaum; (b) untuk menjaga kepentingan-kepentingan dan kebajikan masyarakat Cina dalam aspek sosial, ekonomi dan politik berasaskan lunas-lunas perlembagaan dan undang-undang; dan (c) memelihara undang-undang dan peraturan supaya Persekutuan Tanah Melayu dapat mencapai keamanan dan kemajuan secara teratur.

Tumpuan perhatian H.S.Lee selepas penubuhan MCA ialah membebaskan tahanan politik dan mengadakan usaha-usaha memulih mereka supaya dalam kembali kepangkuan masyarakat. Lee juga menyokong langkah-langkah kerajaan di bawah Rancangan Briggs untuk memindahkan setinggian ke penempatan-penempatan yang dikenali sebagai Kampung Baru. Beliau juga menyokong idea *Home Guards* atau pengawal kampung bagi melindungi orang ramai daripada tekanan-tekanan Komunis. Kebenaran kerajaan kepada MCA untuk mengendalikan loteri memberi sumber kewangan yang besar kepada persatuan ini dan membolehkan MCA memainkan peranan dalam soal-soal kebajikan dan pendidikan Cina. Menjelang Pilihanraya Bandaran Kuala Lumpur MCA menumpukan perhatian kepada perhubungan dan perpaduan Melayu-Cina dalam perjuangan ke arah kemerdekaan. Lee memainkan peranan penting merapat dan meningkat kerjasama Melayu-Cina terutama dalam penubuhan Perikatan UMNO-MCA.

Penubuhan Perikatan UMNO-MCA dan MIC

Sumbangan H.S.Lee yang paling penting dalam sejarah perjuangan ke arah kemerdekaan adalah penubuhan Perikatan UMNO-MCA yang kemudiannya menjadi satu tenaga penerak yang kuat dalam senario politik Persekutuan Tanah Melayu. Peranannya telah banyak diperkatakan. Pada 9 Januari 1952 apabila H.S.Lee, Pengerusi *Malayan Chinese Association* (MCA) Cawangan Selangor dan Yahaya Razak, Pengerusi Jawatankuasa Kecil Pilihanraya UMNO membuat pengumuman bersama untuk bekerjasama dalam Pilihanraya Majlis Bandaran Kuala Lumpur. Para politik terkejut besar kerana mereka menjangka MCA akan menyokong IMP yang ditubuhkan oleh Dato Onn. Moore yang menulis tesis Ph.Dnya yang bertajuk *"The United Malays National Organisation and the 1959 Malayan Elections"* menyebut tindakan H.S.Lee mengadakan kerjasama dengan

.....

UMNO menentang IMP telah menimbulkan anggapan di kalangan banyak pemimpin tertinggi MCA bahawa Lee telah mengkhianati atau "betrayed" MCA. Ini kerana MCA pemimpin Tan Cheng Lock menyokong IMP dan Dato' Onn.

The Straits Budgets menyatakan bahawa pengumuman deklarasi bersama tersebut dibuat setelah satu perjumpaan diadakan di antara H.S.Lee, Presiden MCA Cawangan Selangor dan Dato' Yahya bin Abdul Razak, Pengerusi Jawatankuasa Pilihanraya UMNO Kuala Lumpur. Seterusnya dinyatakan bahawa UMNO-MCA akan bertanding dalam pilihanraya tersebut "on a common non communal, non-party basis" (ibid.). Rencana akhbar *Utusan Melayu* yang diterbitkan pada 9 Januari 1952 di bawah tajuk berita "Kegemparan Dalam Pilihanraya Kuala Lumpur: UMNO dan MCA Bersatu" melaporkan bahawa "Suatu kejadian yang telah mengemparkan telah berlaku dalam Pertandingan pilihanraya Munisipal Kuala Lumpur.... Dua pertubuhan politik yang berdasarkan perkauman telah bersatu dalam pertandingan itu."

Akhbar *Utusan Melayu* keluaran hari berikutnya melaporkan reaksi berbagai-bagai pihak terhadap tindakan MCA dan UMNO menjalinkan kerjasama dalam pilihanraya ini. R.K.Pannikaar, ahli Majlis Bandaran Kuala Lumpur berkata: "perpaduan antara UMNO cawangan Kuala Lumpur dengan Persatuan Cina Malaya adalah satu perpaduan yang tidak suci." (*Utusan Melayu*, 10, Jan. 1952). Ia juga mengatakan "sekarang siapa jual Melayu kepada Cina.... UMNO atau Parti Kemerdekaan Malaya." K.L.Devasar, Presiden MIC yang juga calon IMP dalam Pilihanraya Majlis Bandaran Kuala Lumpur berpendapat tindakan UMNO Kuala Lumpur tidak mendapat restu daripada UMNO ibu pejabat.

Akhbar *Utusan Melayu* juga melaporkan tindakan UMNO Kuala Lumpur dan MCA Cawangan Selangor tersebut mendapat respon yang positif daripada Mohammad Sopie yang dilaporkan sebagai Setiausaha Parti Buruh Selangor (*Utusan Melayu*, 10 Jan. 1952). Menurut *Utusan Melayu* Inche Sopie berkata: dia menyambut baik akan perpaduan itu kerana pilihanraya Munisipal tidak akan dijalankan di atas dasar perkauman. Dia berharap perpaduan tidak terbatas kepada setakat Kuala Lumpur atau Selangor sahaja tetapi seluruh Malaya. Dia juga berharap bahawa perpaduan ini tidak bersifat sementara hanya dalam

.....

pertandingan Pilihanraya Munisipal sahaja tetapi kekal sebab kedua-dua pertubuhan itu adalah pertubuhan-pertubuhan yang betul-betul mewakili kaum Melayu dan Cina.

H.S.Lee selaku Presiden MCA Cawangan Selangor pula menjelaskan bahawa pembentukan "Persatuan UMNO-MCA Merupakan kemahuan semula jadi politik"(ibid.).

Dalam Pilihanraya Bandaran perikatan UMNO-MCA bertanding dalam semua kawasan undi: Lima UMNO dan tujuh MCA termasuk seorang ahli bersekutu. Calon-calon UMNO terdiri daripada Inche Abdullah Yassin, Inche Yahya bin Sheikh Ahmad dan Inche Salleh Hakim bertanding merebut kerusi-kerusi dalam *Sentul Ward*. Seorang lagi calon, Raja Mohamad bin Raja Alang bertanding di *Bangsar Ward*. Calon-calon MCA pula terdiri dari Chan Kwong Hon, Ong Yoke Lin, Cheah Ewe Keat, Douglas K.K. Lee dan Chan Chee Hong, kesemuanya bertanding di Imbi dan *Petaling Ward*. Elsie Somasundram, seorang ahli sekutu MCA turut bertanding di *Bangsar Ward*. Dalam kempen pilihanraya Perikatan UMMNO-MCA menekankan isu-isu tempatan seperti yang terkandung dalam deklarasi bersama mereka.

Keputusan pilihanraya memperlihatkan bahawa pengundi memberikan sokongan kuat kepada calon-calon Perikatan UMNO-MCA. 9 daripada 12 kerusi dimenangi oleh Perikatan manakala 2 sahaja kerusi diperolehi oleh IMP termasuk kerusi yang dimenangi oleh Presiden MIC Kuala Lumpur. Perikatan UMNO-MCA memperolehi 5,180 undi Melayu, 4,928 undi Cina dan 232 undi India (Vasil, 1980:89). IMP pula memperolehi 1,988 undi Melayu, 1,394 undi Cina dan 3,262 undi India (ibid.). Nampaknya masyarakat India memberi sokongan padu kepada IMP mungkin disebabkan oleh kerana K.L.Devasar, Presiden MIC Kuala Lumpur bertanding di atas tiket parti ini.

Keputusan Pilihanraya Bandaran Kuala Lumpur memperlihatkan dengan jelas bahawa masyarakat Melayu dan Cina lebih tertarik kepada idea kerjasama politik antara kaum (*interacial cooperation*) daripada non-perkauman. Tan Cheng Lock sangat gembira dengan kemenangan yang dicapai oleh perikatan UMNO-MCA dan menghantar telegram ucapan tahniah yang diterima oleh H.S.Lee pada

.....

18 Februari 1952 (Oong, 2000: 193). Antara lain ia menyatakan "*that the cause of Sino-Malay co-operation and the political activities should triumph throughout the country...*" (ibid.). Tetapi Tan Cheng Lock masih lagi menyokong IMP berasaskan kenyataan: "*Principles are more important than people*" (ibid: 194). Ia menyokong prinsip-prinsip IMP, tetapi merestui kerjasama UMNO-MCA dan Melayu-Cina. Thio Chan Bee, seorang teman karibnya menyatakan: "*What is now needed is a rallying together of the UMNO-MCA-IMP, but it will need god's guidance and help to be successful.*" Beliau seterusnya menasihatkan Tan Cheng Lock supaya "*show goodwill to rival units and hold up the ideal of all-Malayan unity and co-operation for the good of all and for the country*" (ibid.).

Bagi Tunku Abdul Rahman kemenangan Perikatan UMNO-MCA dalam Pilihanraya Bandaran Kuala Lumpur sangat bermakna. Dalam perutusan yang dikirimkan kepada H.S.Lee, Tunku menyatakan "*Alliance great achievement profit[s] Malaya*" dan berharap perikatan ini akan berkekalan dan berkembang ke seluruh negara (ibid.). Tunku juga secara peribadi bersedia memberi konsesi politik yang lebih luas kepada orang Cina dan bukan Melayu yang lain seperti prinsip kewarganegaraan berdasar jus soli dan konsep Tanah Melayu untuk semua penduduk Tanah Melayu. Tetapi menurut Tunku "*in order to get his view agreed to his U.M.N.O. Branches ...there should be liaison meetings between the leaders of the U.M.N.O. and the leaders of the M.C.A. in te various States and Settlements to discuss confidentially and in a friendly manner these various points*" (ibid.).

H.S.Lee memainkan peranan penting untuk merapatkan hubungan pucuk pimpinan MCA dengan UMNO, khususnya Tan Cheng Lock dengan Tunku Abdul Rahman. Usaha ini menampakkan hasil hampir setahun selepas Pilihanraya Majlis Bandaran Kuala Lumpur, yakni pada 3 Februari 1953 buat kali pertama pemimpin-pemimpin MCA yang diketuai oleh Tan Cheng Lock dan pemimpin-pemimpin UMNO yang diketuai oleh Tunku menghadiri mesyuarat secara tidak formal bagi mengukuhkan hubungan di antara kedua pertubuhan. Antara yang hadir termasuk lah wakil-wakil UMNO: Inche Sardon Jubir, S.A. Bahaman, Dr. Ismail Rahman dan Syed Nasir bin Ismail dan wakil-wakil MCA: H.S.Lee, Leong Yew Koh, S.M. Yong dan Ong Yoke Lin. Tan Cheng Lock telah dipilih bagi mempengerusikan mesyuarat ini

.....

dan mesyuarat berikut oleh Tunku Abdul Rahman dan Tan Cheng Lock secara bergilir. T.H.Tan, ketua setiausaha eksekutif MCA dipilih menjadi setiausaha mesyuarat secara tidak formal ini. Tan Cheng Lock menjelaskan bahawa tujuan mesyuarat ini ialah *"to fix an agenda for the UMNO-MCA roundtable conference"* (SSPHSLee, *Minutes of the informal meeting of UMNO-MCA representatives*, 3 Feb. 1953).

Mesyuarat tidak formal ini bersetuju untuk membentuk jawatankuasa perhubungan UMNO-MCA di semua peringkat dan arahan akan diberikan kepada cawangan-cawangan UMNO dan MCA. Sebuah jawatankuasa kecil telah dibentuk yang ahli-ahlinya terdiri dari Dr. Ismail Rahman, Sardon Jubir, S.M.Yong dan H.S.Lee untuk merangka peraturan-peraturan pilihanraya Persekutuan. Tunku pula menjelaskan pendirian UMNO bahawa segala keputusan yang dibuat oleh jawatankuasa bersama tidak akan mengikat UMNO dan MCA. Menurutnyanya: *"The decisions were merely recommendations to the MCA and UMNO for acceptance or otherwise by their respective executive."* (SSPHSLee). Fungsi mesyuarat perwakilan UMNO-MCA persis sama dengan CLC sebagai badan membincangkan masalah-masalah politik dan ekonomi yang boleh menjejaskan hubungan kaum. Perbincangan yang terperinci dibuat diperingkat tertinggi dan segala keputusan yang diambil akan diserahkan kepada pertimbangan pertubuhan masing-masing. Setelah berkali-kali mengadakan mesyuarat Perikatan bersetuju menganjurkan Kongress Kebangsaan yang kemudian disebut Konvensi Kebangsaan untuk membincangkan masalah Pilihanraya Umum di Tanah Melayu. Pada 23 Ogos 1953 apabila Konvensi Kebangsaan diadakan Perikatan UMNO-MCA dilahirkan secara rasmi. MIC turut menyertai Perikatan pada Oktober 1954.

H.S.Lee, Perikatan UMNO-MCA dan Perjuangan Menuntut Kemerdekaan

Pengaruh Perikatan telah meningkat dengan drastik sekali selepas kejayaan mereka memenangi Pilihanraya Bandaran Kuala Lumpur. Mereka kemudiannya mencapai kemenangan demi kemenangan dalam pilihanraya bandaran dan tempatan. Perikatan UMNO-MCA Dato Onn sedang menyaksikan pengaruh politik IMP semangkin merosot dan ia cuba tampil mengambil kembali teraju kepimpinan dalam politik tempatan.

.....

Pada penghujung tahun 1952, Malcom Mc Donald, telah mecadangkan sebuah *National Convention* bagi memupuk perhubungan kaum. Menteri-menteri Besar Perak, Kelantan, Kedah, Negeri Sembilan, Johor, Terengganu dan Selangor dan beberapa pemimpin lain telah mengumumkan mereka akan menganjurkan satu persidangan di Kuala Lumpur pada 27 April 1953 dengan tujuan menghimpunkan "*all those leaders who strive sincerely for a united, free and independence Malayan nation to consider how they can best in co-operation forward their splend ideal.*" Presiden UMNO menerima pelawaan daripada Dato, Panglima Bukit Gantang untuk menghantar dua orang wakil menyertai persidangan ini yang diharapkan "*will be widely representative of Malayan leaders*" (SSPSHLee).

Pemimpin-pemimpin Perikatan memberi tafsiran bahawa tujuan persidangan ini adalah untuk membentuk sebuah Jawatankuasa Kerja yang akan dikuasai oleh Menteri-menteri Besar dan jawatankuasa ini kelak akan mengawal dasar-dasar pertumbuhan-pertumbuhan politik lain. Dengan demikian Perikatan UMNO-MCA telah menolak pelawaan berkenaan. Dalam mesyuarat tidak formal wakil-wakil UMNO dan MCA ketiga yang diadakan pada 8 Mac 1953 Tunku Abdul Rahman mencadangkan supaya kedua-dua organisasi ini dengan disertai oleh Parti Buruh Malaya dan lain-lain menganjurkan sendiri satu *National Convention*. H.S.Lee berpendapat itu dilaksanakan cuma selepas Perhimpunan Agung UMNO dan Jawatankuasa Kerja MCA memberikan kelulusan kepada cadangan-cadangan Pilihanraya Persekutuan. Mesyuarat memutuskan:

" That the meeting agreed to sponsor a National Congress to discuss the question of General Election in the Federation. Such Congress should convened as soon as MCA and UMNO had reached complete agreement on elections. The Congress will be part of the plan to attain the objective of full responsible self-government by all legitimate means.

Pada 30 Mei 1953, Perikatan UMNO-MCA mengenalpasti beberapa pertumbuhan yang akan dijemput menyertai Kongres Kebangsaan Antara pertumbuhan-pertumbuhan itu termasuk UMNO, MCA, PMU, pertumbuhan-pertumbuhan India seperti MIC, FIO, MIA, DAN MBIA,

.....

Persatuan Orang Serani, Persekutuan Ceylon Tanah Melayu, SCBA dan juga IMP? Objektif awal Kongres ini untuk membentuk *National Congress Party of Malaya* dan membolehkan pilihanraya umum diadakan pada tahun 1954. Perikatan UMNO-MCA menghadapi banyak masalah untuk menganjurkan Kongres kebangsaan termasuk perselisihan faham di antara MCA dengan pemimpin-pemimpin Parti Buruh yang menyebabkan parti ini menarik diri daripada menjadi penganjur. Tetapi akhirnya Kongres Kebangsaan (*National Convention*) yang ditukar menjadi Konvensi Kebangsaan diadakan pada 23 Ogos 1953, kemudian pada 11 Oktober 1953 dan 14 Februari 1954.

Walaupun Perikatan UMNO-MCA menjemput 15 pertubuhan tetapi yang hadir cuma empat buah sahaja. Pertubuhan itu ialah PAS (*Pan Malayan Islamic Party*), PMU (*Peninsular Malays Union*), KMU (*the Kelantan Malay Union*) dan Parti Buruh Tanah Melayu (*the Pan Malayan Labour Party*). Konvensi Kebangsaan mengeluarkan manifestonya yang antara lain menyatakan:

"We the people of Malaya, as represented by our political organisations, determined to establish strength and unity independent state (in which the sovereignty of the sultans as constitutional Rulers of their respective territories shall be maintain), social order on the basis of eternal principals of justice, liberty and unity..." (SSPHSLee).

Konvensi ini juga meminta supaya Pilihanraya Persekutuan diadakan pada atau sebelum bulan November 1954. Sebagai respon kepada tuntutan-tuntutan Perikatan dan organisasi-organisasi politik yang lain, kerajaan British telah membentuk sebuah Jawatankuasa Pilihanraya bagi merangka langkah-langkah memperkenalkan Pilihanraya Persekutuan. Jawatankuasa ini mengandungi 52 ahli, termasuk Dato Onn dan wakil-wakil dalam Persidangan Kebangsaan (*National Conference*). Perikatan UMNO-MCA cuma diberi peluang menghantar tujuh wakil sahaja.

Pada Januari 1954, Jawatankuasa Pilihanraya menghasilkan laporan yang menunjukkan mereka tidak dapat mencapai kata sepakat. Laporan Majoriti mencadangkan bahawa 48 dilantik dan 44 dipilih. Ini

.....

bermakna mereka mahu melambatkan proses membawa Tanah Melayu ke arah berkerajaan sendiri. Laporan Minoriti yang disokong oleh Perikatan mencadangkan 60 dipilih dan 40 dilantik. Perikatan mengemukakan cadangan majoriti ahli dipilih kerana mereka diduga akan memenangi Pilihanraya yang akan diadakan kelak.

Laporan Jawatankuasa Pilihanraya telah dikemukakan kepada Pesuruhjaya Tinggi dan Persidangan Raja-raja. Sebuah Kertas Putih (*White Paper*) telah diterbitkan mengandungi satu tolak ansur: Dewan Perundangan Persekutuan yang disusun semula akan mengandungi 98 ahli dengan 46 dilantik dan 52 dipilih. Perikatan tidak puas hati dan menuntut supaya sekurang-kurangnya 3/5 ahli Dewan Perundangan baru dipilih.

Perikatan mengambil keputusan menghantar delegasi ke London untuk membincangkan isu berkenaan dengan Setiausaha Negara Bagi Tanah jajahan. Wakil-wakil Perikatan terdiri daripada Tunku Abdul Rahman, Dato Razak dan T.H.Tan. Melalui pertolongan Lord Ogmore, wakil-wakil Perikatan telah dapat menemui Setiausaha Negara Bagi Tanah Jajahan. Perikatan mengatakan mereka tidak dapat menerima cadangan Kertas Putih kerana pihak yang menang dalam Pilihanraya tidak berupaya membentuk sebuah kerajaan yang kuat dan mereka boleh dipermainkan-mainkan oleh ahli-ahli yang dilantik. Selain daripada kos mengadakan pilihanraya terlalu besar dan membebankan parti-parti yang bertanding.

Rombongan Perikatan gagal mendapat sokongan Setiausaha Negara Bagi Tanah jajahan. Sekembali mereka ke Tanah Melayu mereka meneruskan tuntutan berkenaan. Templer bersetuju dengan beberapa cadangan Perikatan dan membayangkan kemungkinan beberapa ahli-ahli khas yang akan dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi diambil daripada mereka yang dicadangkan oleh pihak yang menang.

Pada 13 Jun 1954 Perikatan UMNO-MCA telah mengadakan mesyuarat tergempar di Kuala Lumpur dan memutuskan "*to withdraw all its members from all administrative councils, from the federal executive down to town council levels, and to direct all councilors to resign before June 23*" (*The Times*, 14 Jun 1954 dalam CO 1030/310). *The Times* melaporkan: "*The central general committee of the*

.....

*Malayan Chinese Association also undertook to-day to give full support to any decisions taken by the United Malays National Organization" (ibid.). Keputusan ini dibuat selepas Tunku Abdul Rahman mengingatkan orang Cina bahawa jika mereka inginkan penyertaan dalam kehidupan politik di Tanah Melayu mereka harus "must work hard and slave as hard as they have done to establish their stake economically" (ucapan Tunku dipetik dalam *The Times*, *ibid.*). Tunku juga menyatakan :*

"The time have come... when the Chinese had to make up their minds about Malaya, otherwise there must inevitably be suspicion in the minds of Malays as to the real intention of Chinese."

H.S.Lee akur dengan keputusan ini dan bersama-sama dengan Tunku dan Dr. Ismail menghantar surat perletakan jawatan kepada Pesuruhjaya Tinggi. MacGillivray juga memberitahu Setiausaha Negara Bagi Tanah jajahan di London bahawa: *"The combined Associated Chinese Chambers of Commerce an All-Malaya Chinese Mining Association decided on Wednesday to call upon their nominated representatives in Councils to resign (in) sympathy with M.C.A. decision" (CO 1030/310). Malayan Indian Congress dan juga Parti Buruh Malaya menyokong perjuangan Perikatan. MacGillivray sangat kecewa dengan tindakan pemimpin-pemimpin Cina terutama H.S.Lee. Menurut MacGillivray: "It is noticeable that the burden of organizing withdrawal is at the moment falling mainly on Chinese leaders who are using their position in Guild etc., as well as Kuomintang network to secure compliance" (ibid.).*

H.S.Lee memainkan peranan yang penting dalam usaha-usaha mengembeleng tenaga masyarakat Cina bagi menentang dasar British dan berdiri teguh di belakang UMNO. H.S.Lee mengadakan kempen-kempen menyeru masyarakat Cina bersatu memulaukan British. MacGillivray, Timbalan Pesuruhjaya Tinggi British memaklumkan perkara tersebut kepada Setiausaha Negara Bagi Tanah Jajahan. MacGillivray memetik ucapan H.S.Lee kepada wakil-wakil persatuan-persatuan Cina di Selangor yang diadakan pada 21 Jun 1954 yang antara lain menyatakan:

.....

"Any M.C.A. members who disagree with the General Committee but insist on remaining as members of the M.C.A. Any person who professes to be member of the M.C.A. and yet does not accept the unanimous decision of the General Committee of the M.C.A. the highest body in the organization, deserves treatment of public contempt because it is always open to him to tender his resignation to the M.C.A. if he should prefer to be a stooge (CO 1030/310, 1954).

H.S.Lee juga memberi amaran keras kepada sesiapa yang akan mengambil tempat yang dikosongkan oleh wakil-wakil MCA dalam badan-badan kerajaan bahawa tindakan mereka mendatangkan kerosakan kepada negara. Lee mengingatkan mereka: *"In a democratic state persons responsible for misdeeds will have to answer to the people eventually"* (ibid.). Menurut MacGillivray sebutan "stooge" yang diterjemahkan daripada Bahasa Cina sama makna dengan talibarut atau "running dogs" semasa zaman Pendudukan Jepun. MacGillivray berpendapat tindakan Lee ini ada asas untuk didakwa di bawah perbuatan intimidasi tetapi cadangan itu dibatalkan. Mungkin juga kalau tindakan demikian dilakukan akan meningkatkan prestij Lee dan memperhebatkan tentangan terhadap British.

Pada 24 Jun 1954, *the Federation of Malaya Agreement (Amendment) Bill* telah dibentangkan di Dewan Perundangan oleh Dato' Onn selaku Ahli Ehwal Dalam Negeri. Seramai 59 ahli-ahli Dewan yang hadir telah meluluskan Rang Undang-undang ini dengan sebulat suara. Seramai 16 ahli Perikatan UMNO-MCA termasuk H.S.Lee memulaukan persidangan ini kerana mereka menyedari dengan kedudukan sebagai golongan minoriti yang begitu kecil mereka tidak dapat mempengaruhi keputusan Dewan. Pindaan perlembagaan dilakukan mengikut cadangan Kertas Putih dan Pilihanraya akan diadakan pada Julai 1955. MacGillivray telah memanggil H.S.Lee, Tunku dan Dr. Ismail supaya menemuinya di *King's House* pada sebelah petang hari yang sama (Low, 1989:100). MacGillivray memujuk H.S.Lee dan wakil-wakil Perikatan supaya meletak jawatan dan turut menghadiri perbahasan Majlis Perundangan Persekutuan apabila Rang Undang-undang Perjanjian Persekutuan (Pindaan) dikemukakan untuk bacaan kali kedua. Tetapi H.S.Lee dan wakil-wakil Perikatan menolak permintaan berkenaan.

.....

Selepas kegagalannya Tunku Abdul Rahman mengkaji kembali strategi perjuangan UMNO dan Perikatan. UMNO telah mengubah strategi perjuangan dengan cuba mendapat sokongan daripada Sultan-sultan. Pada 1 Julai 1954, Tunku Abdul Rahman, Tan Cheng Lock, H.S.Lee dan Dr. Ismail mengetuai satu perarakan yang dihadiri oleh seramai 2000 orang ke Johor Baharu untuk menghadap dan mengemukakan petisi yang antara lain meminta supaya dilantik sebuah jawatankuasa bagi mengkaji dan mengemukakan cadangan reformasi perlembagaan untuk Tanah Melayu. Tindakan Tunku ini berkesan kerana pegawai-pegawai British telah menghubungi H.S.Lee dan mengatur pertemuan dengan wakil-wakil Perikatan yang diadakan di atas kapal *H.M.S. Albert* yang berlabuh di Pengkalan Tentera Laut British di Singapura (Low, 1989:104). Tunku, Lee dan Dr.Ismail telah berunding dengan MacGillivray untuk mengambil jalan tolak ansur bagi menamatkan krisis Perikatan dengan British.

Pesuruhjaya Tinggi bertolak ansur dengan Perikatan dengan memberi jaminan bahawa ia akan berunding dengan parti yang menang bagi menentukan lima daripada tujuh ahli khas (*seven reserved Nominated Members seats*) dalam Dewan Perundangan. Ini bermakna parti yang memenangi Pilihanraya Persekutuan nanti mempunyai kesempatan menentukan penyokong mereka akan dilantik bagi lima kerusi khas berkenaan. Jaminan Pesuruhjaya Tinggi British ini telah diterima oleh Perikatan dan mereka telah menamatkan pemuluan atau boikot.

Strategi Perikatan juga berjaya memikat hati Sultan Johor yang kemudian mengadakan mesyuarat dengan sultan-sultan pada 22 dan 23 Ogos 1954. Persidangan Raja-raja Melayu yang diadakan 21 Oktober 1954 telah bersetuju dengan cadangan UMNO mengenai keperluan menyemak semula perlembagaan Tanah Melayu dan dicadangkan sebuah Jawatankuasa dilantik dengan ahli-ahli yang kebanyakannya bersimpati dengan UMNO termasuk Dato Abdul Razak, Naib yang Di pertua UMNO. Kejayaan ini menyebabkan Perikatan diterima sebagai juara dalam perjuangan menuntut kemerdekaan.

Perikatan UMNO-MCA yang diperluaskan dengan menerima Kongres India Malaya telah mengambil keputusan menyertai Pilihanraya Persekutuan yang pertama. Dalam Pilihanraya yang diadakan pada 27 Julai 1955, Perikatan meletakkan 52 calon dengan 35 calon UMNO,

.....

15 MCA dan 2 MIC. Pembahagian kerusi ini dibuat tidak berdasarkan bilangan pengundi mengikut kaum. Peratusan pengundi yang berdaftar dalam tahun 1955 dianggarkan 84 peratus Melayu, 11 peratus Cina dan 5 peratus India. Cuma satu kawasan Pilihanraya yang mempunyai pengundi majoriti bukan Melayu. Ini bermakna Perikatan meletakkan 17 calon bukan Melayu bertanding di kawasan Melayu. Manifesto Pilihanraya Perikatan inginkan kemerdekaan dalam masa empat tahun, meneruskan dasar pendidikan yang akan menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, memalayanisasi perkhidmatan awam dan menawarkan pengampunan (*general amnesty*) kepada PKM bagi menamatkan Darurat. Perikatan UMNO-MCA-MIC mendapat kemenangan besar dengan menawan 51 daripada 52 kerusi yang dipertandingkan. Perikatan mendapat lebih daripada 81 peratus undi popular.

Berikutan dengan Pilihanraya ini, "sistem ahli" telah ditukar kepada sistem kabinet. Tunku Abdul Rahman, selaku pemimpin Perikatan telah dilantik sebagai Ketua Menteri atau ketua kerajaan. Bahaman Samsudin sebagai Timbalan Ketua Menteri. Dato' Razak Hussain sebagai Menteri Pendidikan, Dr. Ismail Abdul Rahman, Menteri Hal Ehwal Bumi, H.S.Lee menteri kewangan, Menteri Pengangkutan, Leo Yew Koh, Menteri Kesihatan, Ong Yoke Lin, Menteri Perhubungan Pos dan Telekom dan lain-lain. Perlu dijelaskan bahawa Leong Yew Koh dan Ong Yoke Lin merupakan penyokong dan rakan rapat Lee. Walaupun demikian Ong Yoke Lin kemudian menjadi pesaing Lee yang paling kuat dalam perebutan pucuk pimpinan MCA Selangor selepas merdeka.

Perjuangan ke arah kemerdekaan masih belum selesai. Pesuruhjaya Tinggi British masih kekal sebagai ketua persekutuan dan mengekalkan kuasa mengesahkan undang-undang. British tidak bersedia untuk menyerahkan pemerintahan sepenuhnya kepada anak negeri dengan alasan masalah keselamatan dan Darurat. Pemimpin-pemimpin Perikatan perlu menamatkan Darurat sebelum mereka diberi kuasa membentuk kerajaan Tanah Melayu merdeka. Pemimpin-pemimpin Perikatan merasakan bahawa salah satu cara menamatkan Darurat ialah dengan berunding dengan PKM dan penganas Komunis harus diberi pengampunan bagi menggalakkan mereka menyerah diri dan menghentikan pemberontakan bersenjata. Komunis juga telah

.....

mengubah strategi perjuangan dengan melancarkan ofensif damai atau jalan perundingan. Pada bulan Jun pemimpin-pemimpin Perikatan menerima surat bertarikh 1 Mei daripada PKM yang menyatakan bahawa "...the aim of the MRLA was to achieve a peaceful, democratic and independent Malaya (Oong, 2001: 213). PKM memberi bayangan bahawa mereka bersedia untuk menemui pihak kerajaan dan berunding bagi mewujudkan keamanan.

Sebagai respons Tunku Abdul Rahman dan beberapa pemimpin Perikatan yang lain mula menyokong idea untuk berunding dengan PKM. Keadaan ini menimbulkan kebimbangan bagi pegawai-pegawai British dan Komanwel. Pesuruhjaya Tinggi memang sedar bahawa Perikatan dan PKM mempunyai satu matlamat yang sama iaitu untuk mengusir British dan mendapat kemerdekaan. Ia berpendapat jika isu kemerdekaan dibincangkan "*the Chief Minister may emerge from the meeting feeling that he has a closer identity of view*" PKM dan akan meningkatkan status Chin Peng. Status pegawai British pula akan merosot. Dengan demikian British mengambil keputusan untuk memberi kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 dengan menganggap isu Darurat bukan lagi menjadi halangan. Tunku pergi menemui Chin Peng dengan kemerdekaan sudah berada dalam tangan.

Selepas Pertemuan Baling, Tunku mengadakan rundingan dengan Raja-raja mengenai soal kemerdekaan. H.S.Lee turut memainkan peranan dalam rundingan tersebut. Keputusan telah dibuat untuk menghantar delegasi ke London bagi berunding dengan Lennox Boyd dan pegawai-pegawai British. H.S.Lee dipilih sebagai wakil MCA dalam delegasi Perikatan yang termasuk Tunku Abdul Rahman, Dato' Razak dan Dr. Ismail. Wakil Raja-raja pula terdiri daripada Dato' Panglima Bukit Gantang (Menteri Besar Perak), Dato' Mohd Seth Mohd Said (Johor), Abdul Aziz Haji Abd. Majid (Selangor) dan Dato' Nik Ahmed Kamil Hj. Nik Mahmood (Kelantan). Mereka tiba pada Januari 1956 dan berunding selama tiga minggu (18 Januari hingga 8 Februari 1956). British akan akhirnya bersetuju menyerahkan kemerdekaan Tanah Melayu yang dijangka pada 31 Ogos 1957.

Kerajaan British telah melantik sebuah Suruhanjaya Komanwel (*Commonwealth Commission*) yang dikenali sebagai *Reid Commission* untuk membuat cadangan bagi perlembagaan masa hadapan Tanah Melayu. *Commission* ini mengandungi ahli-ahli termasuk Lord Reid

.....
sebagai Pengerusi, Sir Ivor Jennings (United Kingdom), Sir William McKell (Australia), Mr. Justice Abdul Hamid (Pakistan) and Chief Justice B. Malik (India).

Suruhanjaya melawat dan memungut pandangan pada bulan Mei 1956. Kedatangan Suruhanjaya ini meningkatkan lagi perasaan perkauman di antara penduduk-penduduk keturunan Melayu dan bukan Melayu terutama Cina kerana perbezaan kepentingan dalam tuntutan-tuntutan dan pandangan-pandangan mereka mengenai beberapa isu perlembagaan. Perikatan pada mulanya ingin menghantar satu memoranda juga menghadapi masalah kerana tekanan-tekanan daripada pihak-pihak tertentu dalam kalangan organisasi-organisasi masing-masing: UMNO daripada masyarakat Melayu MCA dengan masyarakat Cina dan MIC dengan masyarakat India.

Dewan-dewan perniagaan Cina dan persatuan-persatuan sosial dan kebajikan Cina atau Hua Tuan menuntut supaya prinsip kewarganegaraan berasaskan jus soli tetapi ditentang kuat oleh masyarakat Melayu. Bagaimanapun prinsip jus soli diterima. Sesiapa yang dilahir sebelum, pada atau selepas merdeka akan diterima jadi warganegara secara otomatis. Menurut Heng Pek Koon, penerimaan prinsip jus soli ini "*mark a momentous watershed in the history of Chinese political development in Malaya*" dan "*It gave citizenship as a whole to play an effective role in the political life of the country*". (1984:339).

Perikatan menerima cadangan bahawa Kedudukan Istimewa Orang Melayu dikekalkan, agama Islam sebagai agama rasmi persekutuan dan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan Bahasa rasmi dan menolak konsep dua kewarganegaraan. Bagaimanapun kerakyatan *commonwealth* dikekalkan. Suruhanjaya Reid telah menyiapkan tugas merangka deraf perlembagaan Tanah Melayu pada Februari 1957. Deraf ini kemudian diteliti oleh sebuah Jawatankuasa Kerja tempatan yang mengandungi 11 ahli mewakili Sultan-sultan, Perikatan dan pegawai-pegawai British. Jawatankuasa Kerja membuat beberapa pindaan dan kemudian dibentangkan dalam Dewan Perundangan Persekutuan pada 15 Ogos. Pada pukul 12 tengah malam 30 Ogos 1957 bendera *Union Jack* telah diturunkan dan Tunku Abdul Rahman mengistiharkan kemerdekaan. Pada jam 12.01 pagi 31 Ogos lahir sebuah negara baru yang merdeka.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulan dilihat bahawa peranan dan sumbangan H.S.Lee dalam perjuangan ke arah kemerdekaan Tanah Melayu. Lee memainkan peranan penting dalam pembentukan MCA yang kemudian turut memainkan peranan mendapat kemerdekaan. Lee juga memainkan peranan penting menjalinkan hubungan Melayu-Cina dan usaha-usaha menubuhkan Perikatan UMNO-MCA. Lee juga berjuang dengan sepenuh tenaga menyokong UMNO semasa krisis Perikatan dengan British. Dan akhir sekali Lee adalah satu-satunya orang Cina yang menurunkan tandatangan penerimaan kemerdekaan daripada British di samping tujuh pemimpin Melayu yang lain. Peranan dan sumbangan Lee bersama pemimpin-pemimpin Perikatan membolehkan penduduk-penduduk Tanah Melayu yang terdiri daripada orang-orang Melayu, Cina dan lain-lain walaupun berbeza kebudayaan, berkongsi keazaman, untung nasib dan hala tuju yang sama. Lee memang seorang negarawan dan patriot. Sumbangan H.S Lee tidak patut dilupakan.

Pemikiran Politik
Dato' Onn Ja'afar :*Satu analisis*



... of

Malaysia

Dato' Onn Ja'afar
Pemikiran politik : Satu analisa

Oleh: Ramlah Adam,
Jabatan Sejarah, Universiti Malaya

Dato' Onn pernah berkata

"Kita berkehendak meninggi dan memelihara maruah serta kesopanan bangsa kita terselamat dan kuat. Keduanya hanyalah boleh terselamat jika kita kuat dan kita bersatupadu. Marilah kita menunjukkan kekuasaan dan kekuatan kita dan kita akan menzahirkan satu bangsa yang tegap dan subur dan mengambil tempat kita di sisi bangsa lain yang tegap. (*Utusan Melayu*, 6.3.46)

Dato' Onn telah lama meninggalkan orang Melayu, hampir 50 tahun lalu, namun kata-katanya itu melambangkan satu harapan yang 'tidak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas.' Seruannya itu merupakan satu tanggungjawab yang mesti dipikul oleh UMNO dan orang Melayu lainnya untuk menjadikan bangsa Melayu sebagai bangsa yang bermaruah, bermartabat tinggi supaya mereka dapat dianggap sebagai bangsa yang bertamadun pada akhirnya nanti. Dengan itu, harapannya masih relevan dalam konteks hari ini.

Apa yang telah dilakukan oleh Dato' Onn 50 tahun lalu adalah asas yang kuat yang menjadi pasak kepada kemajuan bangsa Melayu pada hari ini. Beliau bersama-sama dengan pemimpin-pemimpin UMNO yang sezaman dengannya telah memainkan peranan yang wajar dalam menegakkan bangsa Melayu di tempat yang ada hari ini.

Salah satu perkara utama yang telah diusahakan oleh beliau ialah mengekalkan ketuanan Melayu di Semenanjung Tanah Melayu pada masa itu. Gerakan menentang Malayan Union yang disokong oleh semua lapisan masyarakat Melayu daripada golongan raja sehingga kepada rakyat, daripada golongan kanan sehingga golongan kiri, merupakan satu episod sejarah bangsa Melayu yang sangat penting kepada politik mereka hari ini. Tanpa kejayaan mereka menolak penjajahan British secara mutlak ke atas Semenanjung Tanah Melayu, ketuanan Melayu itu tidak akan dapat dipulihkan dan dirasakan oleh generasi Melayu hari ini.

.....

Sepatah kata Dato' Onn:

'Saya tidak mahu anak cucu saya meludahi kubur
saya kerana tidak menjaga harta pusaka mereka.'

Pengekalan dan pengiktirafan terhadap ketuanan Melayu ini melalui penghapusan Malayan Union dan penggantian Persekutuan Tanah Melayu 1948 oleh UMNO bukan satu perkara mudah untuk dilakukannya. Tentangan dari Parti Komunis Malaya yang menyerap dan menguasai Parti Kebangsaan Melayu Malaya dan *Malayan Democratic Union* dan *All Malayan Council of Joint Action*, terlalu kuat untuk diatasi. Tambahan pula adanya kerjasama yang erat di antara golongan Melayu radikal dengan gerakan revolusi Indonesia dan keturunan Indonesia di Semenanjung. Dengan menggunakan kekuatan dan sifat tradisional negeri Melayu serta sokongan daripada Raja-raja Melayu dan British, soal ketuanan Melayu itu dapat dikembalikan semula kepada bangsa Melayu. Dengan itu wujudlah semula negeri-negeri Melayu. Raja-raja Melayu sebagai ketuanya dan rakyat Melayu sebagai pribuminya. Dengan itu, tradisi kebudayaan dan kerajaan Melayu yang wujud sejak kurun ke-7 itu kekal di Semenanjung dan menjadi teras politik Malaysia hari ini.

Dengan terbentuknya Persekutuan Tanah Melayu 1948, satu bentuk kerajaan Persekutuan telah diadakan. Ia menjadi satu bentuk sistem pentadbiran yang diamalkan sehingga ke hari ini. Dengan sistem pentadbiran berpusat dan beragih di antara negeri-negeri Melayu dan Persekutuan. Ketuanan Melayu di peringkat negeri Melayu terus dapat dikekalkan dengan bersimbolkan kedaulatan Raja-raja Melayu sebagai ketua perundangan negeri tersebut. Konsep raja berpelembagaan yang diperkenalkan pada tahun 1948 ini telah mengiktiraf *status-quo* raja-raja Melayu dalam perlembagaan negeri dan persekutuan. Ketuanan Melayu berdasarkan kewujudan raja Melayu kekal sehingga hari ini.

Konsep ketuanan Melayu itu telah menjadi satu dasar dalam pentadbiran dan kerangka politik Malaysia hari ini. Ia menjadi teras pembinaan negara bangsa Malaysia hari ini. Dalam politik Malaysia hari ini, keistimewaan orang Melayu, kepimpinan politik Melayu dalam kerajaan, perkhidmatan serta pertahanan negara menggunakan kerangka ini. Ini adalah satu ganti rugi orang Melayu kerana bersetuju

.....

membentuk satu negara bangsa yang tidak lagi berdasarkan kebangsaan Melayu. Perjanjian politik di antara bangsa-bangsa Tanah Melayu sewaktu menuntut kemerdekaan ini berlandaskan kepada ketuanan politik orang Melayu yang telah dicapai oleh orang Melayu sebelum itu.

UMNO merupakan satu peninggalan Dato' Onn dan pemimpin-pemimpin yang lain serta sebahagian orang Melayu pada masa itu. Dato' Onn dan penganjur zamannya telah meletakkan martabat yang tinggi bagi UMNO. UMNO bukan sahaja dijadikannya sebuah parti politik untuk mendapatkan kuasa politik dan pentadbiran Tanah Melayu, tetapi juga sebagai lambang kepada kebangsaan Melayu dan *survival* bangsa Melayu itu sendiri. Orang Melayu menjadi kuat melalui UMNO kerana UMNO telah menjadi pemimpin kepada bangsa-bangsa lain untuk membina negara ini sehingga kini.

Ketuanan Melayu yang diterapkan UMNO itu cuba ditegakkan oleh Dato' Onn dengan mendesak UMNO dibuka keahliannya kepada bangsa lain. UMNO ingin dijadikan sebagai sebuah parti kebangsaan Tanah Melayu. Ini kerana, bagi Dato' Onn, kekuatan UMNO akan menjadi lebih bermakna apabila ia dapat menjadi satu-satunya parti politik antara kaum yang dapat memimpin bangsa lain untuk mencapai kemerdekaan Tanah Melayu, dengan itu peranannya sebagai tuan di Tanah Melayu dapat diteruskan tanpa tergugat. Kaum-kaum lain yang menjadi ahli UMNO akan dapat diasimilasikan dengan corak kebudayaan politik Melayu itu sendiri. Ini juga akan membolehkan semua keputusan politik dibuat atas nama sebuah parti dan satu suara. Parti-parti perkauman lain akan dapat dilemahkan UMNO dengan itu akan dapat terus mengekalkan ketuanan Melayu.

Cadangan itu telah melahirkan konsep negara bangsa Malaya yang satu dengan menjadikan UMNO satu parti kebangsaan untuk semua bangsa. Beliau ingin melahirkan satu perpaduan yang tepat di antara penduduk Tanah Melayu. Beliau juga ingin membentuk satu perasaan kekitaan di kalangan penduduk bagi melahirkan perasaan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada Tanah Melayu. Kerakyatan yang telah diberi hampir sama rata antara penduduknya pada tahun 1951, telah menjadikan Tanah Melayu sebagai sebuah negara yang dimiliki oleh semua bangsa. Oleh itu sebuah parti kukuh seperti UMNO boleh menjadi pemimpinnya.

.....

Idea ini masih digunakan hari ini. Tindakan UMNO meluaskan pengaruhnya di Sabah menunjukkan idea Dato' Onn telah mula dilaksanakan. Walau pun ia tidak lagi berjalan sepenuhnya seperti ideanya, tetapi ia adalah satu permulaan yang baik. UMNO kini mula bersifat cair kerana perubahan masa dan keperluan politik UMNO itu sendiri. Malah ada kemungkinan apabila perasaan perkauman itu sudah tidak ada lagi atau kerana keperluan politik dan negara yang mendesak, UMNO akan menjadi parti yang berupaya menyatukan semua bangsa di bawah satu bumbung.

Namun pandangan jauh Dato' Onn tidak ternampak oleh ahli UMNO. Ini menyebabkan UMNO terpaksa bergabung dengan MCA dan MIC dengan suara sama rata, untuk mengalahkan parti-parti lain. Dengan berdasarkan itu Perikatan dan Barisan Nasional bekerja membina kerajaan Malaysia.

Dato' Onn seorang pemimpin UMNO yang patut dicontohi oleh para pemimpinnya. Beliau seorang pemimpin yang tidak mementingkan diri sendiri dalam memimpin UMNO. Walaupun ideanya tidak diterima oleh ahli-ahli UMNO (iaitu membuka UMNO kepada kaum lain), beliau tidak menggunakan jentera parti untuk berkomplot menyokongnya. Beliau tidak menggunakan sistem mandat atau bersikap otokratik untuk menentukan ideanya terlaksana. Beliau akur dengan kehendak parti dan menubuhkan parti lain untuk melaksanakan idea itu. Sikap *gentlemen* ini patut menjadi amalan pemimpin UMNO supaya demokrasi dapat berjalan dengan baik di dalam UMNO.

Kemajuan bangsa Melayu dilihat secara global oleh Dato' Onn. Beliau tidak melihat bahawa pencapaian politik itu adalah mutlak dalam menentukan kekuatan dan maruah bangsa Melayu. Kemiskinan dan kemunduran pelajaran orang Melayu sentiasa menjadi perhatian dan dilihat sebagai satu perkara yang saling kait mengait. Kekuatan UMNO akan menjadi lemah jika ekonomi mereka tetap seperti 'kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang'. Kemunduran akan menyebabkan orang Melayu dipandang rendah dan hina. Kemunduran pelajaran pula akan membodohkan orang Melayu dan memudahkan mereka ditindas. Bagi beliau, hanya pendidikan tinggi membolehkan orang Melayu berilmu dan menggunakannya untuk kemajuan bangsa Melayu.

.....

Dato' Onn mendesak RIDA (*Rural Industrial Development Authority*) ditubuhkan dengan peruntukan daripada kerajaan British bagi membina ekonomi, pelajaran dan kebajikan orang Melayu. Soal memajukan nasib orang Melayu ini sebenarnya tidak dilihat oleh Dato' Onn sebagai satu masalah bangsa Melayu sahaja. Bagi beliau, kelemahan ekonomi dan pelajaran orang Melayu akan menjadi masalah politik yang akan mengganggu kestabilan politik dan pembangunan negara. Ini juga akan memberi peluang kepada ancaman luar seperti Parti Komunis Malaya untuk menjadi juara ketidakstabilan politik itu.

Alasan tahun 1950 ini juga masih relevan bagi persoalan ekonomi orang Melayu. Usaha-usaha membantu orang Melayu dalam bidang pelajaran dan ekonomi terus dibuat bagi mengimbangi kedudukan dan pencapaian mereka dengan orang lain. UMNO terus menjadi parti yang dilihat sebagai bertanggungjawab melaksanakan tugas ini.

Dengan menggunakan dasar dan kerangka ini, RIDA telah digantikan dengan MARA dan dibantu oleh agensi-agensinya kerajaan lain untuk meningkatkan ekonomi dan pendidikan orang Melayu luar bandar dan bandar. Dasar Ekonomi Baru (DEB) juga wujud. Meski pun ia berlaku pada tahun 1970an, namun Tun Abdul Razak yang pernah bekerja dengan Dato' Onn dalam RIDA tahun 1950an, telah melihat dan merasakan falsafah memajukan ekonomi, pelajaran dan kebajikan orang Melayu itu sebagai satu kewajaran.

Walau pun RIDA telah digantikan dengan MARA dan kerja-kerja membaiki ekonomi dan pelajaran orang Melayu itu telah dibahagi-bahagikan kepada agensi-agensinya kerajaan yang lain, tetapi tugas RIDA yang diasakan oleh Dato' Onn semasa memimpin UMNO itu tetap menjadi satu dasar politik dan kekuatan orang Melayu dalam bergerak di bidang ekonomi hari ini. Dasar Ekonomi Baru yang dijalankan sejak tahun 1970-an itu juga berlandaskan kepada tukarganti politik yang telah dilakukan oleh Dato' Onn sebagai pemimpin UMNO. Pandangan dan penelitiannya yang jauh terhadap kelemahan ekonomi orang Melayu sejak tahun 1930-an itu ternyata telah menjadi jalan untuk orang Melayu terus mengembangkan dirinya.

.....

Sebenarnya, untuk Dato' Onn mendapatkan RIDA dari British bukanlah satu perkara mudah. Beliau dan pemimpin serta ahli UMNO terpaksa melonggarkan kerakyatan Persekutuan Fasal 124 bagi membolehkan kerakyatan *jus soli bersyarat* dilaksanakan ke atas orang bukan-Melayu. Selama ini kerakyatan secara *jus soli* (lahir) hanya diberikan kepada orang Melayu dan orang asli sahaja yang merupakan Rakyat Raja. Ia juga terbuka kepada rakyat British di negeri Selat. Hasrat British memberi kerakyatan *jus soli* untuk semua bangsa telah cuba dilakukan dalam Malayan Union 1946. British gagal kerana bantahan orang Melayu. Tetapi di dalam tahun 1948 apabila Parti Komunis Malaya mengangkat senjata, British memujuk UMNO, supaya melonggarkan kerakyatan. Dato' Onn telah ditentang oleh orang Melayu dan UMNO Dato' Onn telah hilang kemasyurannya.

Episod ini sangat penting kerana dengan tindakan Dato' Onn itu, satu bentuk kerakyatan kebangsaan telah dapat diwujudkan. Kali pertama di dalam sejarah Raja-raja Melayu telah mengiktiraf 60 peratus bukan Melayu sebagai rakyat Tanah Melayu secara permintaan. Konsep negara bangsa Tanah Melayu yang baru telah wujud. Dengan itu proses kemerdekaan menjadi lebih mudah walaupun Dato' Onn kehilangan kedudukan politikinya. Jalan yang dilalui oleh Tunku Abdul Rahman sebagai pemimpin UMNO menggantikan Dato' Onn menjadi lebih mudah. Beliau dapat mencari teknik yang baik memujuk ahli UMNO melepaskan kerakyatan *jus soli* sama-rata tahun 1956 bagi membolehkan persetujuan politik dicapai dan kemerdekaan diisytiharkan.


Salah satu dasar penting yang telah dibuat oleh Dato' Onn dan pemimpin sezaman dengannya ialah meletakkan taraf bahasa Melayu yang tinggi sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara yang merdeka. Beliau dan pemimpin-pemimpin sezaman dengannya percaya bahawa Tanah Melayu terletak dalam persekitaran Nusantara yang berteraskan bahasa dan kebudayaan Melayu. Kedua-dua ini mesti menjadi landasan untuk membentuk satu sistem kebudayaan di rantau ini. Maka berlandaskan sejarah dan keadaan serantau, beliau melihat bahasa Melayu mesti dijadikan sebagai satu dasar kepada pembinaan negara bangsa Malaysia Dato' Onn mencadangkan nama Tanah Melayu merdeka patut dinamakan Malaysia kerana pada satu masa nanti, British akan menyerahkan Borneo Utara dan Sarawak untuk ditadbir oleh Tanah Melayu. Ini dibuat pada tahun 1954. Dalam


.....
membentuk sebuah negara bangsa merdeka dengan perpaduan rakyat dari berbagai bangsa itu sebagai realiti, pada 1954 beliau mencadangkan bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara ini. Dengan menggunakan bahasa ini, Dato' Onn percaya perasaan cintakan negara akan wujud dan perpaduan rakyat umum akan dapat diterapkan. UMNO kemudian mengikut cadangan ini walau pun pelaksanaannya sangat lambat sekali.

Dato' Onn dalam tahun 1952 telah mendesak supaya Bahasa Melayu dijadikan bahasa pengantar bagi Sekolah Rendah Kebangsaan. Ini bagi melahirkan satu perpaduan di kalangan rakyat Tanah Melayu bagi membentuk satu negara yang bersatu dan kuat. Sekolah Kebangsaan di peringkat menengah dan tinggi pula akan diadakan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris bagi memantapkan kebudayaan Melayu dan membolehkan perkembangan ilmu di peringkat yang lebih tinggi.


Namun dalam bidang pendidikan, Dato' Onn mencadangkan supaya pendidikan di peringkat tertinggi diadakan dalam bahasa Inggeris kerana bahasa itu adalah bahasa ilmu dan bahasa antarabangsa. Di peringkat rendah dan sahaja akan dijalankan dalam bahasa Melayu supaya anak-anak Malaysia dapat disatukan dengan satu perasaan persahabatan dan penyatuan semangat *patriotic*. Cadangan Dato' Onn melalui Penyata Pelajaran 1952 itu telah dibantah oleh Kesatuan Guru-guru Melayu Semenanjung dan ini memburukkan lagi imej Dato' Onn sebagai ahli politik Melayu. Namun hari ini, cadangannya itu menjadi satu kenyataan yang pahit bagi orang Melayu terutama dalam bidang sains teknologi dan kemajuan industri negara. Hari ini pengajaran Math dan Sains diadakan dalam Bahasa Inggeris.

Dato' Onn Ja'afar berpandangan jauh dan sentiasa berusaha untuk menjadikan bangsa Melayu sebagai bangsa maju dalam semua hal. Sebagai pengasas UMNO yang berdepan dengan British, Parti Komunis Malaya, golongan radikal Melayu dan bukan Melayu yang sentiasa bertanding menekan ketuanan Melayu di Tanah Melayu, beliau berjaya mewujudkan UMNO sebagai johan pertandingan itu. Walau pun UMNO bukanlah satu-satunya parti politik Melayu yang bertanggungjawab membela orang Melayu, tetapi oleh kerana UMNO memegang kerajaan, maka adalah wajar sekali harapan tokoh pengasasnya itu diambil kira dalam setiap usaha mereka untuk memaju dan meninggikan martabat orang Melayu dalam menempuh tuntutan zamannya.





Dr. Burhanuddin Al-Helmi
(1911-1969)



**Oleh: Ramlah Adam,
Jabatan Sejarah, Universiti Malaya**

Hidupnya penuh berliku. Badai gelombang dan ribut taufan kerap meanda perjalanannya. Penjara sentiasa menanti kedatangannya. Gerakannya sentiasa diintip oleh British dan para pemerintah. Namun, hidup itu diteruskannya juga, tanpa ia mahu mengubah nada dan temponya. Dengan itu, penglibatannya dalam gerakan nasionalisme dan politik Semenanjung Tanah Melayu dan Malaysia adalah satu kesungguhan yang tidak boleh dinafikan.

Dr. Burhanuddin telah melibatkan diri dalam gerakan nasionalisme Melayu sejak akhir tahun 1930-an dengan menjadi penulis majalah dan reformis Melayu di Singapura. Selepas itu episod demi episod politik dilaluinya. Dasar menentang penjajahan itu kadang-kadang timbul dan kadang-kadang tenggelam dalam strategi politik yang sukar difahami, sehingga dasar itu menjadi satu pertentangan antara tindakan dengan ideologi politiknya. Misalnya, Dr. Burhanuddin menerima kedatangan Jepun sebagai pembebas Semenanjung Tanah Melayu dari penjajahan British. Kedatangan Jepun dilihatnya sebagai satu cara untuk merubah status politik orang Melayu dan Tanah Melayu.

Beliau, seperti kawan-kawan seangkatan dengannya, percaya dengan slogan-slogan Jepun untuk membebaskan Asia dan Tanah Melayu khususnya daripada cengkaman dan penindasan British. Lingkungan Kesemakmuran Bersama Asia Timur Raya yang menjadi dasar penjajahan Jepun di Asia, dipercayainya sebagai satu niat Jepun yang ikhlas untuk membangunkan dan memerdekakan Tanah Melayu. Namun, ini tidak berlaku. Kesatuan Melayu Muda diharamkan; Jepun hanya menggalakkan pertubuhan-pertubuhan yang menyokongnya, terutama pertubuhan tentera sukarela seperti Giyu-gun dan Giyu-tai. Persatuan-persatuan politik langsung tidak dibenarkan. Malah, Jepun memecahkan Tanah Melayu kepada beberapa unit dan empat buah negeri Melayu di bahagian utara diserahkan semula kepada Thailand. Dr. Burhanuddin hanya makan gaji dengan pihak tentera Jepun sebagai Penasihat Hal Ehwal-Adat dan Agama Islam di Taiping, Perak.

.....

Dengan itu timbul persoalan tentang dasar pemikiran politik atau ideologi Dr. Burhanuddin sebagai seorang nasionalis Melayu. Apakah Dr. Burhanuddin boleh digolongkan sebagai seorang nasionalis sejati atau seorang "*cooperate nationalist*"? Ramai penulis terutama daripada golongan generasi baru, yang membuat kesimpulan bahawa Dr. Burhanuddin tetap seorang nasionalis, walaupun bekerjasama dengan Jepun. Bagi mereka itu adalah satu strategi Dr. Burhanuddin demi untuk mendapatkan kemerdekaan Tanah Melayu. Mereka mendapat idea ini daripada temu ramah-temu ramah yang dijalankan di samping pengakuan beberapa aktivis politik pada zaman itu yang masih menulis memoir mereka untuk tatapan generasi hari ini.

Saya lebih, suka membuat, kesimpulan bahawa Dr. Burhanuddin pada masa pendudukan Jepun (1942-1945) tidak berkesan sebagai seorang nasionalis Melayu Nasionalisme secara ringkasnya bolehlah dikatakan satu gerakan untuk membebaskan negara dan bangsanya daripada dijajah oleh kuasa luar. Gerakan pembebasan daripada penindasan dan tekanan politik, ekonomi dan sosial ini melibatkan SAW perasaan kekitaan di kalangan individu bangsa itu sehingga mereka boleh menyatukan diri bergerak ke arah tersebut. Apakah pengertian seperti ini terdapat dalam diri Dr. Burhanuddin pada masa pendudukan Jepun? Ternyata tidak. Penglibatannya sebagai seorang nasionalis yang berusaha untuk memerdekakan bangsa dan negaranya tidak dilakukan dengan menentang penjajahan Jepun, Sebaliknya beliau bekerjasama dan mematuhi arahan dan kehendak pemerintah Jepun. Beliau hanya makan gaji dan menerima arahan pihak berkuasa tentera Jepun. Beliau tidak berusaha melawan Jepun, walaupun tindakan-tindakan Jepun memecahbelahkan negeri-negeri Melayu dan menindas suara rakyat terbanyak. Memang, beliau diajak berunding bersama Sukarno dan Hatta di Taiping oleh Ibrahim Haji Yaacob untuk melihat kemungkinan Tanah Melayu merdeka bersama Indonesia; namun, beliau hanya bertindak setelah diresstui dan disokong oleh Jepun. Usaha untuk memerdekakan Semenanjung Tanah Melayu juga dibuat di bawah naungan Indonesia; Tanah Melayu tidak merdeka di bawah satu unit tersendiri, Dengan kata lain, pembebasan politik dan fizikal sebagai sebuah negeri yang berdaulat, tidak menjadi tuntutan utama Dr. Burhanuddin dan rakan rakannya.

.....

Dilihat daripada kaca mata orang Melayu Semenanjung, yang diwakili oleh Raja-raja Melayu dan pembesar-pembesar Melayu serta disokong oleh sebahagian besar orang Melayu, gerakan Dr. Burhanuddin itu tidaklah bersifat membela kepentingan mereka. Ia tidak bertujuan membela kepentingan bangsa Melayu *per se* Semenanjung Tanah Melayu.

Bagi saya adalah lebih tepat menggolongkan Dr. Burhanuddin sebagai pejuang Melayu Raya yang cekal. Ideologi kebangsaan Melayu Raya ini boleh didapati dengan jelas dalam episod-episod penting kegiatan politik beliau. Kegiatan ini telah bermula sejak pendudukan Jepun lagi apabila beliau menjadi anggota KRIS, pimpinan Ibrahim Haji Yaacob dalam membincangkan kemerdekaan Tanah Melayu bersama Indonesia. Walaupun beliau gagal mendapatkan kemerdekaan itu, tetapi ikrarnya untuk merdeka bersama-sama Indonesia tetap dinyatakannya dengan penuh keyakinan.

Minatnya untuk menegakkan ideologi Melayu Raya ini menjadi cukup ketara sekali sewaktu beliau memimpin PKMM. Dalam beberapa kongres PKMM yang diadakan di Ipoh, Kuala Lumpur dan Melaka, hasrat untuk bergabung dengan Indonesia dan penggunaan bendera Indonesia Sang Saka. Merah Putih, menjadi resolusi-resolusi kongres PKMM yang jelas. Begitu juga dengan pertubuhan-pertubuhan di bawah pimpinannya, seperti API, AWAS dan BATAS, menggunakan idea yang sama.

Dr. Burhanuddin menggunakan sejarah, keagungan Majapahit, Sriwijaya, Melaka dan Aceh sebagai kekuatan bangsa Melayu di Kepulauan Melayu bagi mewujudkan satu negara-bangsa Melayu yang besar, yang merangkumi seluruh daerah yang berbangsa Melayu. Beliau tidak memasukkan Filipina di peringkat ini, kerana hubungannya dengan daerah itu tidak ada, sama ada dari segi darah keturunannya (Minangkabau) atau politik sezamannya. Walaupun Filipina mempunyai rumpun Melayu, tetapi Dr. Burhanuddin dalam buku-bukunya tidak mengagungkan daerah itu. Beliau hanya melihat Semenanjung Tanah Melayu dan Indonesia sebagai daerah-daerah bangsa Melayu yang patut membentuk negara Melayu Raya atau Indonesia Raya.

.....

Sokongannya terhadap Malayan Union dan gabungannya dengan bukan Melayu dalam AMCJA pada tahun 1947; meredakan sedikit hasratnya itu. Beliau lebih banyak menumpukan perhatian kepada pembentukan sebuah negara bangsa Malayan yang menerima kerakyatan secara *jus soli* dan orang bukan Melayu sebagai bangsa Melayu dari segi kebangsaannya (bukan keturunan). Ini bermakna beliau meluaskan konsep bangsa Melayu itu dengan memasukkan unsur-unsur kesetiaan yang tidak berbelah bahagi kepada negara ini dan mengamalkan kebudayaan setempat. Beliau tidak lagi menggunakan dasar kebangsaan Melayu yang sempit, iaitu semata-mata menggunakan keturunan atau baka dan daripada kebudayaan dan adat istiadat yang sama. Ini diubahnya, kerana Indonesia yang telah merdeka menerima orang Cina sebagai bangsa Indonesia dengan memakai kebudayaan kebangsaan.

Selepas beliau keluar dari tahanan British di Singapura pada tahun 1953, penglibatan beliau kepada ideologi itu muncul dalam Kongres Pemuda Melayu, yang diadakan pada tahun 1955. Kongres ini, walaupun bertujuan untuk melahirkan satu barisan depan bagi membidas UMNO dan Perikatan dalam pilihanraya Persekutuan 1955, namun, resolusi kongres itu telah menjadikan Sumpah Pemuda Indonesia 1928 sebagai landasannya. Kongres Pemuda Melayu 1955 itu menggunakan ikrar yang sama iaitu 'satu bangsa; satu negara dan satu agama', untuk menyatukan seluruh tenaga, pemuda Melayu bagi membentuk kebangsaan Melayu.

Kongres ini ternyata kurang berkesan; namun kongres ini memperlihatkan kesinambungan Dr. Burhanuddin dalam menjadikan Indonesia sebagai inspirasi kegiatan politiknya dan para penyokongnya. Beliau kemudian telah dihantar mewakili kongres ke Persidangan Afro-Asia di Bandung, Indonesia. Beliau bertemu kawan lamanya, Ibrahim Haji Yaakub, yang telah menjadi seorang tokoh terkemuka di samping Presiden Sukarno. Hubungan ini membolehkan peranan Indonesia sebagai penyumbang idea dan inspirasi kepada golongan pendokong konsep Melayu Raya itu diteruskan. Ibrahim Haji Yaacob, yang memimpin PKMM di Indonesia, telah menemukan Sukarno dengan Dr. Burhanuddin untuk mengukuhkan ikatan itu. Kepimpinan Dr. Burhanuddin dalam PAS, tidak menghalang beliau mendokong ideologi itu. Sebagai seorang yang peka kepada cita-cita

.....

itu, beliau lebih terbuka menentang idea Malaysia cadangan Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, dalam Dewan Rakyat dan juga dalam kempen-kempen partinya. Beliau tidak bersetuju Indonesia dan Filipina diketepikan dalam negara Malaysia itu. Bagi beliau, konsep 'biduk lalu kiambang bertaut' patut menjadi landasan Tunku untuk membina semula keagungan bangsa Melayu di rantau ini.

Penjajahan Barat yang dianggapnya telah menjadi pemisah dan pemsnah kepada keagungan bangsa Melayu itu, tidak patut mempengaruhi pembentukan Malaysia. Rantau ini tidak patut terus menjadi tunggangan Barat dalam perselisihan mereka serta usaha mereka untuk berperang dengan Rusia, China dan sekutunya Indonesia, yang menyokong idea lomunisme. Beliau mahu Malaysia yang dibentuk benar-benar merupakan satu percantuman semula negara-negara Melayu yang telah wujud sebelum kedatangan penjajah itu. Di sepanjang bantahannya itu, beliau menggunakan nama Melayu Raya, nama yang dipercayainya sangat secocok dengan hasratnya dan gagasan politik itu.

Beliau telah menggunakan PAS sebagai parti yang dipimpinnnya untuk, rnebuat resolusi dan menghantar memorandum terhadap perkara. itu. Mesyuarat Agung PAS juga membincangkan isu itu sebagai satu agenda yang penting pada tahun 1962. Kenyataan-kenyataan akhbar yang menolak cadangan Tunku itu dibuat atas nama PAS. Ahli-ahli jawatankuasa kerja PAS seperti Haji Hassan Adli juga diminta menyokongnya di Dewan Rakyat dan dalam parti. Jika dibandingkan dengan Parti Negara, pimpinan Gharieb Raub, yang menggantikan Dato' Onn, PAS adalah lebih lantang menentang cadangan Tunku itu. Ini kerana Parti Negara yang diasaskan oleh Dato' Onn, adalah sebuah parti yang melihat soal politik Tanah Melayu adalah berbeza dari Indonesia. Bagi mereka adalah mustahil untuk menggabungkan dua buah negara yang besar ke dalam satu gabungan yang-berkesan. Semenjak dari Dato' Onn memnimpin UMNO dan kemudian Parti Negara, hal menggabungkan Semenanjung dengan Indonesia tidak pernah mendapat sambutan. Namun, Dato' Onn pernah mengatakan Persekutuan Tanah Melayu akan bergabung dengan Sarawak, Borneo' Utara dan Singapura atas kehendak politik dan keselamatan British di Asia Tenggara.

.....

Konsep Melayu Raya yang dituntut oleh Dr. Burhanuddin dalam Malaysia itu tidak berjaya. Malaysia ditubuhkan pada 16 September 1963 dengan menggabungkan negeri-negeri bekas jajahan takluk British di Borneo: dan Singapura. Sekali lagi, Dr. Burhanuddin menghadapi sekatan politik yang tegas daripada parti pemerintah kerana desakan politiknya yang berani itu. Beliau dituduh menerima rasuah daripada Syarikat Malay-German Shipping Company pada tahun 1964. Dengan keputusan mahkamah mengesahkan tuduhan itu, Dr. Burhanuddin telah hilang kedudukannya sebagai Ahli Parlimen, pada akhir tahun 1964. Beliau juga tidak dapat bertanding dalam pilihan raya 1964.

Usahnya untuk menegakkan ideologi Melayu Raya itu diteruskan pada tahun 1965. Menurut kerajaan Perikatan, Dr. Burhanuddin terlibat dalam usaha Indonesia untuk memporak perandakan negara Malaysia, yang baru dibentuk itu. Indonesia yang dikatakan telah mempengaruhi aliran politik Melayu Semenanjung sejak tahun 1940an, melalui ejen-ejen politiknya dan gerakan-gerakan politik Indonesia di Semenanjung, telah mempengaruhi tokoh-tokoh politik pembangkang Melayu yang pro-Indonesia seperti Dr. Burhanuddin, Aziz Ishak, Ishak Haji Mohamad, Dato' Raja Abu Hanifa, Dato' Kampo Rajo, Nazar Nong dan Hussein Yaakob, untuk mengadakan *National Front* dan kerajaan buangan di Riau, Indonesia. *National Front* ini merupakan gerakan bawah tanah yang mengumpul dan menjadi saluran tenaga menentang kerajaan Malaysia dan menjadi penyelaras dengan kegiatan kerajaan buangan tersebut. Mereka juga diberi bantuan kewangan bagi pilihan raya 1964, di samping latihan kepimpinan.

Dr. Burhanuddin dikatakan sangat cergas, sebagai wakil *National Front* menghadiri persidangan; luar negara terutama untuk mencari simpati daripada negara-negara yang masih tertindas oleh penjajahan Barat. Penglibatan beliau itu, dikatakan telah disahkan oleh Ishak Haji Mohamad, Dato' Raja Abu Hanifa dan Aziz Ishak.

Dalam temuramah yang dijalankan, informan-informan menolak kesemua tuduhan itu. Mereka monyifatkan Dr. Burhanuddin sebagai seorang yang sangat warak dan alim. Beliau tidak mungkin bercakap bohong kerana statusnya itu. Sebagai pengkaji, dokumen-dokumen

.....

adalah pengesahan yang penting bagi setiap kesimpulan. Oleh sebab dokumen-dokumen daripada Dr. Burhanuddin tidak ada kerana telah dirampas oleh polis dan kemungkinan juga memang tidak ditulis, maka adalah sukar sekali untuk dibuat kesimpulan sejauh manakah tuduhan kerajaan itu benar. Adalah rumit juga untuk diputuskan sejauh manakah Dr. Burhanuddin benar-benar bersih daripada tuduhan itu.

Bagaimanapun, boleh dikatakan, kesungguhan Dr. Burhanuddin menegakkan ideologi Melayu Raya itu memang ticlak dapat diragui. Sejak tahun 1940-an, beliau telah melihat ideologi itu sangat menarik dan patut dilaksanakan demi menegakkan keagungan bangsa Melayu di rantau ini. Sejarah telah menunjukkan bangsa Melayu Nusantara mampu menjadi pemerintah, penakluk, pusat kegiatan ekonomi dan pusat.pengembangan ilmu dan kebudayaan serta agama Islam dari agama lain. Kepercayaan ini sangat jelas dalam pantunnya yang sangat puitis dan menggabungkan sejarah itu sendiri. Katanya:

Di atas robohan kota Melaka
Kita bangunkan jiwa merdeka
Bersatulah Melayu seluruh baka
Membela. hak keadilan pusaka

Kata-kata beliau ini memang menyeru penyatuan seluruh keturunan bangsa Melayu yang bertaburan di rantau ini. Dengan penyatuan ini diharapkan mereka dapat mengembalikan semula hak mereka sebagai anak watan rantau ini, yang sepatutnya mempusakai negara ini. Orang Melayu yang berhak menjadi tuan kepada kawasan ini. Melayu patut menjadi kebangsaan negara rantau ini dan dengan asas itu, Melayu boleh diperluaskan untuk merangkumi sesiapa sahaja daripada keturunan dan baka yang lain, asalkan ia sanggup menerima kebangsaan Melayu itu. Ini kerana beliau melihat kebangsaan Melayu ialah suatu daripada anggota perikemanusiaan dan bersedia bagi anggota bangsa-bangsa dunia atau masuk ke dalam internasionalisme.

Dengan itu apakah Dr. Burhanuddin tidak mempunyai ideologi politik yang bersifat tempatan? Tentulah ada Cita-citanya untuk menegakkan kebangsaan Melayu di Semenanjung Tanah Melayu dan Persekutuan Tanah Melayu sebagai paksi kebangsaan negara ini jelas kelihatan dalam gerakan politiknya.

.....

Dalam usaha untuk menentang UMNO dan Dato' Onn, Dr. Burhanuddin dan partinya, PKMM, mengemukakan satu dasar nasionalisme yang sangat menarik dan mencabar keakraban UMNO sebagai wakil politik orang Melayu di Semenanjung. Beliau dan partinya memberi satu pilihan lain kepada orang Melayu iaitu menuntut kemerdekaan daripada British dan bukan setakat menentukan hidupnya bangsa Melayu sebagai pemilik atau anak watan serta peribumi Semenanjung. Konsep 'Merdeka' PKMM amatlah berbeza dengan konsep 'Hidup Melayu' UMNO pimpinan Dato' Onn Ja'afar. PKMM berjuang untuk membebaskan negeri ini daripada penjajahan British, tetapi UMNO berjuang untuk memaksa British mengiktiraf semula status *quo* mereka sebagai pemilik negara ini, hak rakyat Melayu sebagai peribumi dan Raja-raja Melayu sebagai ketua negeri Melayu dan pelindung politik dan kebudayaan Melayu.

Namun, rarnai pengkaji sejarah politik Tanah Melayu dan Malaysia, yang terperangkap dengan ideologi Dr. Burhanuddin dan partinya itu. Memang, 'merdeka' merupakan slogan PKMM dan intipati tulisan-tulisan Dr. Burhanuddin pada tempoh tersebut. Bukunya, *Perjuangan Kita* (1946) memang jelas memperlihatkan hal itu. Dr. Burhanuddin dalam bukunya itu menegakkan sebab-sebab perlunya kemerdekaan dituntut daripada British. Antaranya ialah untuk menegakkan semula hak politik yang telah diambil oleh British dan mewujudkan semula jiwa merdeka yang telah hilang kerana penindasah dan penjajahan yang begitu lama oleh kuasa luar terutama pihak Barat. Kedua, untuk menolak eksploitasi ekonomi dan hasil mahsul negara. ini yang telah dikuasai oleh pedagang luar secara berterusan sehingga menjadikan orang Melayu sebagai bangsa yang miskin dan terhina, seperti pepatah Melayu; itik di kolarn kehausan, ayam di kepok mati kelaparan.

Slogan dan harapan Dr. Burhanuddin itu tidak selari dengan tindakan politiknya. Beliau dan parti serta anak-anaknya menyokong Malayan Union, yang merupakan satu penjajahan kepada Semenanjung Tanah Melayu secara mutlak oleh British, pada tahun 1946. British bukan sahaja menghapuskan kuasa dan kekuasaan Raja-raja Melayu sebagai pemerintah negeri-negeri Melayu, tetapi juga menghapuskan dasar naungan, yang dijalankan selama ini di negeri-negeri Melayu. Tanah Melayu diletakkan terus di bawah kuasa Raja England dan Wales, dan parlimen British menjadi pembuat undang-undangnya. Kedudukan

.....
Tanah Melayu di bawah Malayan Union tidak berbeza dengan Negeri-Negeri Selat yang telah dijajah oleh British sejak tahun 1796 lagi.

Dengan itu soal memerdekakan Tanah Melayu bukanlah menjadi tujuan British. Ini disedari oleh Dr. Burhanuddin dan rakan-rakannya. *Pelita Malaya*, yang menjadi suara rasmi PKMM dengan jelas mencatatkan dan merekodkan hal ini. Beliau dan rakan-rakannya telah berunding dengan British dan menerima kerakyatan *jus soli* yang menjadi dasar kerakyatan negara baru British itu. Dr. Burhanuddin dan rakan-rakannya mendesak supaya diperluaskan ke seluruh Kepulauan Melayu, supaya seluruh rumpun Melayu boleh menjadi rakyat Malayan Union. Dasar pintu terbuka British dipersetujui oleh Dr. Burhanuddin dan rakan-rakannya.

Dengan bersetuju kepada struktur Malayan Union itu, bererti kemerdekaan bukan lagi menjadi matlamat Dr. Burhanuddin dan rakan-rakannya secara praktikal. Malah, boleh dikatakan dasar untuk menjaga kepentingan kebangsaan Melayu Semenanjung sebagai pemilik negara ini juga telah turut terkubur. Dasar perjuangan PKMM, tidak lagi berlandaskan kepentingan bangsa Melayu Semenanjung, walaupun pemimpin-pemimpin PKMM termasuk Dr. Burhanuddin dan mendakwa mereka, berbuat begitu. Tindakan beliau lebih kelihatan liberal dengan bekerjasama dengan British, Parti Komunis Malaya dan orang bukan Melayu.

Memang benar Dr. Burhanuddin dan rakan-rakannya mencampuri Kongres Melayu 1946 bagi menentang Malayan Union, bersama-sama dengan persatuan-persatuan negeri-negeri Melayu yang lain pada 1 Mac 1946 di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur. PKMM merupakan parti Melayu yang terbesar menghantar wakil dan pemerhati jika dibandingkan dengan persatuan-persatuan Melayu yang lain. PKMM juga menjadi salah sebuah pertubuhan yang mengasaskan UMNO di Johor Bahru pada 11 Mei 1946. Dari sini memang nyata 'PKMM bersama-sama dengan orang Melayu menentang penjajahan British.,

Dr. Burhanuddin ternyata berubah pendirian politiknya. Beliau dan partinya yang dahulunya menyokong Malayan Union, kini menentangnya bersama-sama dengan orang Melayu lain. Alasan

.....

perubahan itu ialah kerana British tidak melaksanakan Malayan Union Yang diharapkan oleh mereka. Pengakuan ini menunjukkan Dr. Burhanuddin dan rakan-rakannya serta PKMM mempunyai pengertian Yang salah terhadap rancangan British. Mereka juga tidak bersetuju dengan cara mendapatkan tandatangan Raja-raja Melayu.

Namun, adakah ini satu pengakuan yang benar? Atau adakah ia satu strategi Dr. Burhanuddin dan PKMM? Dari Pelita Malaya, hal ini ternyata berlaku. Daripada rencana pengarang dan rencana bebas, yang ditulis oleh Dr. Burhanuddin, Ahmad Boestamam, Ishak Haji Mohamad dan seorang ahli PKMM yang lain, PKMM ternyata bersifat serampang dua mata. Dr. Burhanuddin dan PKMM memang mencampuri UMNO, tetapi dalam masa yang sama terus menyokong Malayan Union dengan mengalu-alukan perlantikan Sir Edward Gent sebagai Gabenor Malayan Union dan mempersenda-sendakan UMNO sebagai parti Hitler yang ditubuhkan untuk menentang Raja-raja Melayu dan British. Hantu Raya, iaitu Ishak Haji Mohamad, pula melihat Malayan Union sebagai pokok yang ditanam oleh mereka untuk dirasa nikmatnya pada masa hadapan.

Dr. Burhanuddin dan PKMM sebenarnya tidak mahu kerugian dalam percaturan politik mereka. Mereka memang menyokong Malayan Union kerana prinsip kesatuan yang dibawa oleh kerajaan baru itu. Dalam sebuah negara kesatuan, kuasa Raja-raja Melayu hilang kerana telah diserahkan kepada Gabenor; dasar memperuntukkan jawatan perkhidmatan awam kepada golongan bangsawan dan pembesar Melayu selama ini akan terbuka kepada semua rakyat, kerana ia dilakukan oleh British dengan skim suruhanjaya perkhidmatannya. Dengan itu penentangan mereka kepada kaum feodal, Yang menjadi salah satu dasar ideologi Kesatuan Melayu Muda (KMM) dan PKMM, akan terlaksana akhirnya. Selama ini, kedudukan status itulah yang menjadi pemisah antara pemerintah tradisional Melayu dengan rakyat jelata, sehingga rakyat tidak mendapat faedah langsung daripadanya. PKMM cuba menjadi wira rakyat Melayu bawahan dalam hal ini, dengan menjadi Wakil orang Melayu dalam Malayan Union.

Pada masa yang sama, sokongan kepada Kongres Melayu 1946 dan UMNO adalah sangat perlu sekali. Ini kerana PKMM dan para pemimpinya tidak mahu dituduh sebagai penentang arus kebangkitan

.....

nasionalisme Melayu yang sedang mentapai kemuncaknya dengan pengenalan Malayan Union itu. PKMM juga ingin mencuba pengaruhnya kepada rakyat Melayu golongan sederhana dan bangsawan, yang selama ini tidak menyokongnya kerana adanya pengaruh Parti Komunis Malaya dan revolusi Indonesia yang jelas di dalamnya.

Ternyata percubaan Dr. Burhanuddin dan rakan-rakannya, terutama Ahmad Boestamam, menghampakan mereka. Kemunculan kepimpinan tradisional Melayu dalam UMNO, di bawah Dato' Onn Ja'afar, telah meneruskan lagi penguasaan kaum feodal dalam Kongres 1946 dan UMNO. Perubahan tidak dapat dilakukan oleh PKMM melalui campur tangannya dalam UMNO dengan itu jalan keluar ialah menentang UMNO yang dianggapnya konservatif, melalui satu gerakan politik yang radikal daripada mereka selepas itu.

Strategi bekerjasama dengan kedua-dua pihak ini iaitu British dan orang Melayu, akhirnya, tidak menjadi. Ini kerana bukan sahaja kepimpinan orang Melayu terus dikuasai oleh kaum feodal Melayu, tetapi mentornya, Parti Komunis Malaya, juga tidak dapat menggunakan PKMM untuk mencapai cita-citanya melalui *Malayan United Front* yang dibentuk pada tahun 1945. Dalam rancangannya itu, PKM mahu menyerap masuk ke dalam parti-parti politik perkauman bagi melahirkan perpaduan di kalangan penduduk Tanah Melayu bagi mewujudkan sebuah republik komunis. PKMM telah ditubuhkan dengan kerjasama golongan radikal Melayu bagi mempengaruhi orang Melayu.

Kegagalan PKMM mengatasi UMNO menyebabkan PKM memusuhi UMNO. Keupayaan UMNO membubarkan Malayan Union PKM dan AMCJA. UMNO hanya mementingkan hidupnya orang Melayu tanpa mengambil kira kepentingan penduduk bukan Melayu. Dasar kerjasama dengan bangsa asing dan memberi kedudukan politik kepada mereka tidak diterima oleh UMNO. Ideologi mereka, Tanah Melayu untuk Melayu' dan 'Hidup Melayu' menjadi pegangan mereka. UMNO juga tidak menuntut kemerdekaan, yang membolehkan pembentukan, kerajaan sendiri melalui pilihan raya terbuka kepada sernua bangsa -dijalankan.di Tanah Melayu. Dasar tutup pintu UMNO merugikan Parti Komunis Malaya yang berharap untuk berkuku di

.....

Tanah Melayu secara politik dan perundangan. Dr. Burhanuddin memang menolak ideologi komunisme sebagai satu pegangan politiknya; namun kerjasama PKMM dengan PKM, tidak dapat membersihkan imej beliau daripada pandangan serong orang Melayu terhadapnya. Mokhtaruddin Lasso, Arshad Ashaari, Musa Ahmad, Rashid Maidin dan Abdullah C.D. tetap menjadi anggota jawatankuasa kerja PKMM. PKMM dan kemudian PUTERA tetap menghadiri rapat umum menentang cadangan Jawatankuasa Kerja British, UMNO dan Raja-raja Melayu. Dr. Burhanuddin sebagai Penasihat Agung PKMM tetap hadir dalam rapat umum antara anggota-anggota gabungan PUTERA dan AMCJA, yang dipengaruhi oleh PKM secara jelas.

Tindakan Dr. Burhanuddin dan PKMM itu kemudian bukan sahaja ditolak oleh British tetapi juga golongan Melayu sederhana, yang memilih UMNO. Raja-raja Melayu pula menjadi penaung UMNO, yang menjaga kepentingan mereka dan tetap mendaulatkan mereka sebagai ketua negeri-negeri Melayu. Penyerapan Dr. Burhanuddin dan golongannya ke dalam Hizbul Muslimin, parti Islam yang ditubuhkan di Gunung Semanggol Perak juga, tidak berjaya mempengaruhi orang Melayu sederhana, walaupun menggunakan Islam sebagai ideologinya. Pengisytiharan Darurat pada bulan Julai 1948, mengakhiri kepentingan Dr. Burhanuddin sebagai pemimpin radikal Melayu.

Ramai ahli sejarah berpendapat Dr. Burhanuddin adalah seorang pejuang Islam atau menggunakan Islam sebagai salah satu ideologinya. Ini didasarkan penglibatannya dalam Hizbul Muslimin, Gerakan Natrah dan PAS. Cara beliau menegakkan Islam ini berlaku dalam dua bentuk. Pertama, menjadikan Islam sebagai satu ideologi dan kedua, menjadikan Islam sebagai perundangan dan peraturan bagi sebuah kerajaan Islam.

Minat Dr. Burhanuddin untuk menggunakan Islam sebagai asas ideologinya tercetus sejak beliau cuba menegakkan satu teori tentang hubungan Islam dengan kebangsaan dalam bukunya *Falsafah Kebangsaan Melayu*. Dalam bukunya itu, beliau cuba menunjukkan bahawa Islam melihat kebangsaan iaitu sifat yang mencintai bangsa dan tanah air itu adalah sesuatu yang dituntut oleh Islam. Kebangsaan baginya adalah alat untuk mencapai kesempurnaan kepada Islam itu.

.....

Segala para Nabi dan Rasul yang dihantar oleh Allah adalah bertujuan untuk membimbing manusia kepada perasaan patriotik iaitu mencintai dan membela kepentingan dirinya, puaknya, bangsanya dan negaranya. Tulisan ahli sejarah seperti Ibu Khaldun juga menyatakan bahawa tanpa perasaan cintakan bangsa, satu kecintaan kebangsaan yang luas tidak akan ada. Dengan itu Dr. Burhanuddin menolak pengertian asabiyah yang sempit; sebaliknya, menggalakkan pengertian kebangsaan yang luas. Dengan pengertian inilah, Dr. Burhanuddin melihat kebangsaan Melayu sebagai satu kebangsaan yang luas yang bukan sahaja menuntun kemerdekaan tetapi juga untuk membela kemanusiaan dan kesejahteraan abadi.

Dengan penerangannya itu, didapati Dr. Burhanuddin melihat Islam bukan semata-mata sebagai satu ajaran agama dan sistem kepercayaan, tetapi agama Islam sebagai satu ideologi politik yang menuju kesempurnaan hidup seorang muslimin, umah dan kebangsaan Melayu. Dr. Burhanuddin mengatakan kebangsaan Melayu itu 'satu alat bukan tujuan' dan hendaklah mengambil tempat yang sederhana dan bulat sebagai satu lambang yang boleh menarik dan menyatukan satu tenaga untuk mencapai cita-cita mulia yang besar dan abadi'. Dalam hal ini, beliau melihat Islam sebagai satu penyempurnaan kepada sebuah pemikiran politik.

Definisi dan konsep ini dituliskan pada tahun 1950. Ia boleh dianggap sebagai satu justifikasi kepada tindakannya menyokong Malayan Union dan bekerjasama dengan orang bukan Melayu dalam AMCJA pada tahun 1947. Ia juga merupakan satu kerangka pemikiran yang sangat sesuai bagi beliau mengemukakan konsep Melayu Raya sebagai satu ideologi politiknya, pada tahun 1945 dan seterusnya. Dengan menggunakan konsep asabiyah yang Was dan tidak bersifat fanatik kepada perasaan perkauman atau kesukuan, Dr. Burhanuddin cuba mendefinisikan kegiatan, politiknya itu sebagai sesuatu yang dituntut oleh Islam atau dibenarkan-oleh Islam. Beliau melihat kegiatan politiknya itu bekerjasama dengan bukan Melayu dan rumpun bangsa Melayu di luar Semenanjung adalah dalam kerangka ajaran Islam yang menuntut kecintaan dan pembelaan kepada bangsa dan negara dalam erti kata yang luas.

.....

Namun, apakah itu yang sebenarnya berlaku? Saya kira huraian dan fahaman Dr. Burhanuddin itu tidak menonjol dalam kegiatannya pada tahun 1945 hingga tahun 1950: Apa yang jelas ialah usaha beliau dan partinya untuk menjadi wira politik orang Melayu dan bukannya Islam. Dasar perjuangannya ialah ideologi politik kebangsaan Melayu dan Melayu Raya yang berteraskan kepentingan membela keagungan hak dan kedudukan bangsa Melayu seperti yang telah ditunjukkan oleh sejarah. Huraian tentang hak dan keagungan sejarah clan bangsa Melayu meliputi hampir keseluruhan bukunya.

Huraian-huraiannya juga menerima kepentingan perjuangan parti politik Melayu yang lain seperti PAKEMBAR. (UMNO) dalam menegakkan kepentingan dan kedaulatan bangsa Melayu Semenanjung. Namun, pendewaannya terhadap perjuangan PKMM menuntut kemerdekaan dan membela orang Melayu Semenanjung dan Nusantara mengatasi kepentingan UMNO. Bidasannya terhadap UMNO yang bekerjasama dengan British kerana menolak kerajaan sendiri dan kemerdekaan yang dituntutnya juga sangat ketara dalam tulisannya.

Dengan kata lain, Dr. Burhanuddin tidak menonjolkan Islam sebagai satu ideologi yang jelas antara tahun 1946 hingga tahun 1948. Ini kerana beliau tidak mempunyai kesempatan dan ruang untuk berbuat demikian. Dengan sentiasa diawasi dan dipengaruhi oleh Parti Komunis Malaya melalui kemasukan anggota-anggotanya sebagai ahli jawatan kuasa dan lain-lain, Dr. Burhanuddin tidak dapat menggunakan Islam *per se* sebagai satu pendekatan ataupun ideologi politik. Malah, apabila beliau dan PYMM bersetuju dengan kerakyatan *jus soli* yang memberi kesan politik yang buruk kepada orang Melayu, peduangan beliau tidak lagi bercorak Melayu-Islam. Beliau tidak lagi boleh mendakwa dirinya sebagai pembela bangsa dan agamanya. Seperti katanya sendiri, "Kasihlah watan itu sebahagian daripada iman Iman, Tubuh diri, Bangsa, dan Watan empat serangkai dalam binaan watan. Tubuh berdiri di atas bangsa dan bangsa berdiri di atas watan". Ini bermakna, kasihkan bangsa dan watan (tanah air) bangsa Melayu dan bukan Islam adalah sesuatu yang bertentangan dengan konsep dan definisi kepentingan orang Melayu itu sendiri.

Dengan itu, Dr. Burhanuddin, sebenarnya cuba menghuraikan sesuatu

.....

yang bertentangan dengan realiti politik bagi tempoh itu. Pengaruh Parti Komunis Malaya itu cuba dinafikannya dengan memberi huraian tentang Islam dan semangat kebangsaan dalam buku-bukunya itu. Beliau, sebagai seorang yang tidak terpengaruh dengan ideologi komunisme berasa kesal dengan hubungan intim PKMM dengan PKM dan parti-parti bukan Melayu yang lain, sehingga memberi imej yang negatif kepada segolongan orang Melayu, terpaksa membersihkan dirinya dengan tulisan-tulisannya, terutama buku keduanya, *Asas Falsafah Kebangsaan Melayu*, yang diterbitkan pada tahun 1950 dan diulang cetak Pada tahun 1954 dan kemudian pada tahun 1960.

Perjuangannya menegakkan Islam lebih tegas dalam peranafinya sebagai salah seorang pencetus idea penubuhan Hizbul Muslimin pada tahun 1948. Parti ini berusaha menggunakan Islam, sebagai ideologi politik. Cita-cita untuk membangunkan masyarakat dengan menggunakan sosiobudaya dan perlembagaan Islam melalui badan-badan ekonomi; pendidikan dan amalan hidup cuba diterapkan dan disebarkan diseluruh semenanjung melalui badan-badan yang menyokong Hizbul Muslimin seperti PERPEMAS, LEPİR dan MATA. Walaupun beliau bukan pendukung utamanya, tetapi bantuannya dari segi idea pemikiran memperlihatkan penglibatannya yang tegas dalam usaha menegakkan Islam sebagai satu ideologi politik dan sosiobudaya masyarakat Melayu.

Kepimpinannya dalam PAS di antara tahun 1956 hingga 1969 bolehlah dikatakan satu penglibatan yang nyata. Sebagai pemimpin sebuah parti yang berteraskan Islam sebagai ideologinya, Dr. Burhanuddin dapat melaksanakan idea-idea Islam sebagai panduan pergerakan partinya. Sumbangannya kepada kegiatan dakwah melalui badan-badan Dewan Ulama, Dewan Muslimah dan Dewan Pemuda PAS dan menyusun semula perlembagaan PAS yang menggunakan ajaran dan peraturan-peraturan Islam berasaskan al-Quran dan hadis sebagai panduannya, memperjelaskan secara langsung sumbangan beliau dalam menegakkan Islam sebagai ideologi PAS. Bagaimanapun, kegiatan politik kebangsaan Melayu Dr. Burhanuddin, lebih jelas mempengaruhi dirinya sebagai pemimpin PAS daripada kegiatan menegakkan Islam. Ini kerana, PAS di bawah Dr. Burhanuddin terpaksa menentukan hidup politiknya sebagai sebuah parti politik Melayu yang berpengaruh untuk menandingi UMNO. PAS terpaksa

.....

bercakap banyak terhadap kepentingan kebangsaan Melayu dan orang Melayu, yang didapatinya telah diabaikan oleh UMNO. Dr. Burhanuddin, sebagai orang yang terlibat dengan ideologi kebangsaan Melayu sejak awal lagi, tentulah tidak dapat membuang isu itu dengan mudah. Di ambang negara ingin mencapai kemerdekaan dan mengisi kemerdekaan itu sendiri, kepentingan orang Melayu yang dianggapnya sebagai pemilik asal negeri ini, tentulah menjadi perhatian utama bagi dirinya. Oleh sebab itu, penekanan terhadap kegiatan dan ideologi yang bersifat kebangsaan Melayu menjadi perhatiannya, melebihi daripada kepentingan Islam sebagai satu sistem sosiobudaya dan sistem kepercayaan.

Dengan itu bolehlah dikatakan, Dr. Burhanuddin sebagai seorang pemimpin Melayu sebelum tahun 1957, mempunyai ideologi politik yang luas, bukan sahaja bagi Semenanjung Tanah Melayu. Dasar kebangsaan Melayunya lebih menonjol dalam gagasan Melayu Raya, yang ingin menggabungkan seluruh Kepulauan Melayu dalam satu persekutuan politik Melayu yang besar. Kebangsaan Melayu Semenanjung yang sepatutnya menjadi teras kegiatannya adalah dasar yang kadangkala tenggelam timbul kerana taktiknya untuk mendapatkan kuasa politik Melayu itu sendiri. Kerjasamanya dengan bukan Melayu pernah dicubanya, namun, kepentingannya sebagai pejuang kebangsaan Melayu, menarik beliau untuk memimpin PAS. Keberkesannya sebagai pemimpin PAS pula lebih menyerlah dalam usaha mendapatkan kedudukan politik Melayu-Islam yang terbaik bagi bangsa Melayu selepas merdeka. Kesungguhannya menegakkan ideologinya, yang telah menyeret beliau beberapa kali ke penjara, mengorbankan rumah tangganya dan sekali gus menjadikan beliau seorang pemimpin yang sangat sederhana dalam kehidupannya. Jika diperhatikan dengan teliti, Dr. Burhanuddin tidak pernah menubuhkan sebarang parti politik. Beliau sentiasa dijemput untuk mengetuai parti-parti yang telah ditubuhkan. PKMM dan PAS mendapat kepimpinannya melalui imejnya dan sifatnya yang dipercayai layak sebagai seorang ketua. Ini berbeza dengan Ahmad Boestamam atau Dato' Onn Ja'afar, Dr. Burhanuddin tidak mempunyai inisiatif atau kekuatan untuk menubuhkan sebarang parti politik bagi mendukung cita-cita atau ideolooinya.

.....

Oleh sebab beliau hanya datang sebagai pemimpin, maka adalah rumit sekali bagi beliau untuk mengawal sepenuhnya matlamat dan dasar politik parti yang dipimpinnnya. Beliau tidak dapat mengawal kegiatan PKMM misalnya dengan berkesan. Beliau tidak dapat mengawal pengaruh Parti Komunis Malaya yang meresapi dan cuba mengawal ideologi parti tersebut. Beliau yang berpegang kepada kebangsaan Melayu, akhirnya terseret sama dalam kerjasama PKMM-PKM, sehingga PKMM diragui sebagai parti politik yang bekerja untuk kepentingan orang Melayu semata-mata. Beliau dengan itu kelihatan tidak begitu sesuai sebagai pemimpin yang diharapkan. Cara pendekatan politik beliau tidak secocok dengan dasar perjuangan PKMM yang radikal. Beliau akhirnya digulingkan oleh PKM dan kawan-kawannya dan diketepikan dengan hanya dilantik sebagai penasihat sahaja.


Beliau juga kurang cocok dengan PAS. PAS yang berteraskan Islam seperti yang difahami oleh golongan bawahan Melayu, telah dijadikannya sebagai sebuah parti kebangsaan Melayu, yang berjuang untuk mempertahankan hak orang Melayu dalam politik. Soal-soal Melayu Raya, kerakyatan, kedudukan istimewa Melayu dan lain-lainnya telah diutarakannya. Sokongannya kepada Indonesia yang menentang Malaysia akhirnya melibatkan PAS dengan Parti Komunis Indonesia, seperti yang dituduh oleh Perikatan. Kebimbangan ahli-ahli PAS tentang Dr. Burhanuddin akan meradikalkan PAS, ternyata benar. PAS di bawah kepimpinan Dr. Burhanuddin lebih merupakan penerusan kepada kegiatannya dalam PKMM, daripada usaha menegakkan Islam

Kesimpulan


sebagai sebuah ideologi dan sebuah sistem perundangan dan kenegaraan. Namun, dari segi lain, PAS memang diakui gagah sentiasa kepimpinannya. Di bawah kepimpinannya, PAS mendapat 13 kerusi parlimen dan dapat membentuk kerajaan di dua buah negeri, iaitu Kelantan dan Terengganu, iaitu satu rekod yang paling baik bagi PAS sebaoai pembangkang. Namun kejayaan ini juga disebabkan faktor-faktor lain, terutama kerana adanya senario politik perkautnan Yam, melanda pilihan raya 1959, disamping strategi PAS Kelantan dan wujudnya barisan pemimpin yang, berwibawa seperti Mohd. Asri Haji

.....

Muda, Zulkifli Mohamad, Khatijah Sidek, dan Abdullah Othman. Dr. Burhanuddin adalah seorang pejuang yang bergerak secara perlembagaan, beliau bergerak dan bergiat dengan cara mematuhi undang-undang negara. Beliau tidak memilih jalan kekerasan atau ketenteraan untuk menyatakan pendapatnya dan mempengaruhi orang ramai. Sebagai seorang yang berpendidikan Islam dan seorang yang terdidik dengan kebudayaan Melayu, beliau, walaupun dianggap sebagai pembangkang oleh Perikatan, tetap menghormati institusi parlimen negara ini. Walaupun Perikatan menuduh beliau cuba menubuhkan sebuah kerajaan buangan, ini tidak menjadikan beliau seorang, penderhaka kepada negaranya. Bagi dirinya, tindakan itu ialah untuk mencapai Cita-citanya bagi membentuk Melayu Raya, yang boleh menaikkan martabat bangsa atau rumpun Melayu di dunia ini. Al-Fatihah.



Khadijah Sidek



Khadijah Sidek

Oleh: **Ramlah Adam**

Jabatan Sejarah, Universiti Malaya

Sebuah nama yang tidak asing dalam sejarah politik tanahair. Beliau telah memainkan peranan yang jelas sebagai pemimpin wanita dalam UMNO dan PAS. Namun, kedua-dua parti menolak kepimpinannya kerana gaya dan pendekatannya yang tidak sehalu dengan struktur dan budaya politik masyarakat Melayu. Namun, inilah pendekatan politik yang telah membezakan Khadijah dengan pemimpin politik wanita Melayu sebelum dan selepas merdeka.

Beliau dilahirkan pada 15 Disember 1918 di Pariaman, Sumatra Barat, Indonesia. Setelah mendapat pendidikan rendah dan menengah dalam bahasa Belanda dan bahasa Melayu di antara 1924-1936, beliau menjadi guru. Pergerakan kebangsaan Indonesia yang begitu giat dijalankan dalam tahun 1930an, telah membawa Khadijah Sidek dalam satu perjuangan kebangsaan Indonesia secara mendalam di daerahnya. Melalui pertubuhan Puteri Kesatria, yang dipimpinnya, gerakan menentang Belanda telah dilakukan secara separuh-tentera dan gerila di Bukit Tinggi, Sumatra. Kerjasama juga dibuat dengan pasukan-pasukan gerila tempatan yang lain yang dipimpin oleh kaum lelaki. Sokongan daripada beberapa nasionalis Indonesia, menyemarakkan lagi semangat perjuangannya. Dengan itu, pada 1946, beliau datang ke Semenanjung Tanah Melayu untuk mencari sokongan, derma dan senjata bagi menyuburkan lagi kegiatannya.

Kerjasama dengan UMNO yang dipimpin oleh Dato' Onn cuba diraihinya tetapi gagal kerana perjuangan orang Melayu di Semenanjung dan Indonesia adalah berbeza di kacamata Dato' Onn dan UMNO. Bagaimanapun beliau dapat membuat perhubungan politik dengan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) dan Angkatan Wanita Sedar (AWAS) iaitu parti-parti radikal yang sangat pro kepada perjuangan revolusi Indonesia. Khadijah juga dapat menjalin kerjasama dengan Persatuan Pembantu Kemerdekaan Indonesia yang berpusat di Singapura dan lain-lain pertubuhan Indonesia yang bekerja untuk membantu kegiatan menentang Belanda di Semenanjung dan Singapura.

.....

Dalam perjalanan pulang ke Pariaman, beliau mendapat tahu bahawa pihak Belanda telah menangkap abangnya sebagai ganti tempatnya. Ini bererti ia terpaksa berdepan dengan kematian; beliau telah memilih untuk menjadi pelarian politik di Singapura. Untuk menyelamatkan keadaan, beliau bersetuju berkahwin dengan Dr. Hamzah Haji Mohd Taib, pemimpin Lembaga Kesatuan Melayu Johor (LKMJ), walaupun menjadi isteri kedua pada 31 Jun 1948. Perkahwinan ini boleh dianggap sebagai perkahwinan politik di antara dua insan yang sealiran dalam perjuangan politik radikal yang menentang penjajah. Namun, perkahwinan itu tidaklah mudah bagi Khadijah; kesempitan hidup dan dibiarkan sendirian bersama anak-anak, sentiasa mencengkam kehidupannya. Beliau terpaksa tinggal di belakang klinik suaminya kerana tekanan masyarakat elit Johor yang memandang rendah kepada tindakannya dan statusnya sebagai orang luar.

Lima tahun kemudian, dengan sokongan Ibu Zain, pemimpin Wanita UMNO Johor Bahru dan Ketua Pergerakan Wanita UMNO yang kedua (1950-1953) yang bersimpati dengan nasib Khadijah dan dengan direstui oleh Tunku Abdul Rahman, Khadijah menjadi ahli UMNO dan dilantik sebagai Setiausaha Pergerakan Wanita Johor Bahru. Latar belakang perjuangannya di Indonesia menjadi alasan perlantikan itu. Khadijah dengan mudah mendapat kepercayaan UMNO kerana semangat politiknya yang tinggi dan kepetahannya berucap. Beliau telah dilantik sebagai wakil Pergerakan ke perhimpunan agung UMNO dalam perhimpunan setengah tahun UMNO di Melaka pada bulan April 1953. Beliau juga dicalunkan sebagai wakil Wanita UMNO dalam Majlis Kerja Tertinggi UMNO. Dalam perhimpunan agung UMNO di Alor Star, beliau dilantik sebagai pegawai penerangan Wanita UMNO membantu Syed Jaafar Albar, Pegawai Penerangan UMNO. Beliau juga menjadi Setiausaha Pergerakan Wanita UMNO Pusat. Beliau kemudian menjadi Pemangku Ketua Wanita UMNO semasa Ibu Zain menghadiri persidangan Negara-negara Afro-Asia di New Delhi.

Kedudukan ini merangsang beliau untuk menguasai kepimpinan Pergerakan itu; nama Ibu Zain yang dicadangkan oleh Wanita UMNO Johor Bahru telah ditinggalkan. Ibu Zain meletakkan jawatannya sebagai Ketua Wanita UMNO kerana berkecil hati. Khadijah memangku jawatan tersebut dengan persetujuan Tunku Abdul

.....

Rahman. Khadijah kemudian menjadi Ketua Pergerakan Wanita UMNO yang ketiga pada bulan Oktober 1954, setelah pencalonan Halimaton Majid, seorang tokoh wanita dari Kuala Lumpur tidak tersenarai. Kemunculan Khadijah memang sangat kontroversial sekali.

Pergerakan Wanita UMNO Johor Bahru kemudian memecat beliau, kerana dituduh menyalahgunakan kuasa; beliau dikatakan mendera beberapa orang gadis di bawah jagaannya dan menyalahgunakan wang parti. Bagaimanapun, pihak pusat telah meminta hal itu dilupakan sahaja. Khadijah, dengan sokongan Tunku Abdul Rahman terus memegang jawatan itu sehingga Oktober 1956, apabila dipecat sekali lagi oleh UMNO pusat. Kali ini beliau dipecat kerana melanggar disiplin parti. Bagi Khadijah pula, pemecatannya itu adalah 'disebabkan ibu tersilap sedikit ibu terus dipecat'.

Beliau kemudian berpindah ke PAS pada tahun 1958 dan bertanding di kawasan parlimen Dungun dan menjadi ahli parlimen dari tahun 1959-1964. Setelah kalah pula di tangan calon Perikatan iaitu Tun Dr. Ismail dalam pilihanraya 1964 bagi parlimen Mersing, Khadijah menjadi calon Bebas dalam pilihanraya 1969 dengan melawan Dato' Asri Muda dari PAS. Kekalahannya telah menyebabkan beliau kembali kepada UMNO semula pada tahun 1971. Walaupun beliau memegang jawatan Naib Ketua Wanita UMNO dan UMNO cawangan Majidi, namun, perhatian pusat tidak lagi kepada beliau.

Kepentingan Khadijah Sidek sebagai seorang aktivis politik dalam proses mencapai kemerdekaan memang tidak dapat dipertikaikan. Beliau, dengan kedudukannya sebagai pemimpin Wanita UMNO walaupun hanya dua tahun, telah cuba menonjolkan peranan wanita UMNO sebagai penyokong dan penggerak proses mencapai kemerdekaan itu. Walaupun beliau melahirkan banyak kontroversi dalam parti namun, sumbangannya membangkitkan kesedaran politik wanita Melayu melalui UMNO, tidak dapat diragukan. Beliau telah dapat menaikkan semangat perjuangan Wanita UMNO dengan penjelajahannya ke seluruh pelusuk negeri tanpa mengenal penat dan jemu, walaupun terpaksa mengharung denai, anak sungai dan jalan kampung bagi memberi semangat perjuangan kepada Wanita UMNO. Kadang-kadang beliau terpaksa membawa anak-anaknya yang masih kecil untuk bertemu kaum ibu UMNO bagi merangsang minat dan

.....

kesedaran politik mereka. Dengan kepetahannya berucap, tenaga dan semangat mereka dapat dimanfaatkan bagi kepentingan parti. Jumlah cawangan Wanita UMNO yang berjumlah 45 buah di masa beliau mengambil alih jawatan sebagai Ketua Wanita UMNO telah dapat diperbanyakkan lagi.

Kemenangan UMNO dan Perikatan yang besar dalam pilihanraya 1955 (Perikatan memenangi 51 dari 52 kerusi) juga adalah hasil dari sumbangan tenaganya sebagai penggerak kaum Wanita UMNO, disamping adanya faktor-faktor lain yang turut menyumbang sama. Dibawah kepimpinannya dan tokoh-tokoh wanita UMNO yang lain, kaum Wanita UMNO telah menjadi pembantu kempen pilihanraya yang cukup rajin, terutama dalam menjalankan kempen dari rumah ke rumah. Mereka juga cukup berusaha untuk mencari kewangan UMNO melalui pasar-ria UMNO di peringkat cawangan dan bahagian.

Khadijah Sidek adalah satu-satunya pemimpin Wanita UMNO yang terkenal dengan kelantangannya menuntut hak yang samarata dengan kaum lelaki dalam UMNO. Sifatnya yang berani bergerak dalam revolusi Indonesia disamakannya dengan kegiatan politiknya di Tanah Melayu, walaupun masyarakat Melayu di Semenanjung tidak sama dengan masyarakat 'matrilineal' di Sumatra. Dalam masyarakat asalnya itu wanita sentiasa penting sebagai pemegang harta dan kebajikan anakbuahnya, tetapi di Semenanjung yang mengamalkan sistem patrilineal, bapa atau kaum lelaki sentiasa menjadi khalifah dan pemutus dasar. Maka, tuntutan Khadijah Sidek supaya Wanita UMNO diberi kerusi yang banyak (5 kerusi daripada 35 kerusi UMNO) dalam pilihanraya 1955, dianggap sangat keterlaluan oleh pucuk pimpinan UMNO, yang dikuasai oleh kaum lelaki. Ia juga bertentangan dengan dasar Pergerakan Wanita UMNO yang selama ini berfungsi sebagai 'subordinate' dan penyokong UMNO semata-mata; ia bukan sebuah '*pressure group*' seperti Perikatan Pemuda UMNO yang merupakan kolam mencari pemimpin UMNO.


Pemecatan Khadijah Sidek memang satu hal yang sangat unik dalam sejarah UMNO. Ia dilakukan selepas satu tolak ansur di antara UMNO bahagian Johor Bahru dengan Pusat. Tunku Abdul Rahman yang terkenal dengan sikapnya yang lemah lembut dapat memaafkan Khadijah tetapi akhirnya terpaksa mengalah dengan tindakan Khadijah

.....


sendiri yang memburuk-burukkan UMNO sebagai pertubuhan yang tidak membela dan memberi kedudukan yang wajar kepada usaha Wanita UMNO dalam menjayakan pilihanraya 1955. Pemilihan Halimatun sebagai calon wanita UMNO Perikatan mengecewakan Khadijah yang menjadi Ketua Pergerakan Wanita UMNO, sehingga kecaman terbuka kepada UMNO dibuatnya. Pucuk pimpinan UMNO, Dato' Abdul Razak Hussien dan beberapa tokoh lain yang menganggotai jawatankuasa khas itu telah memecat Khadijah pada Oktober 1956, setahun sebelum kemerdekaan diisytiharkan. Khadijah kemudian memilih pembangkang iaitu PAS untuk terus mengecam UMNO, dalam kempen-kempen pilihanraya 1959 dan 1964, sebelum dipecat pula oleh PAS dengan sebab yang hampir sama. Akhirnya Khadijah terpaksa kembali kepada UMNO. Suatu tindakan yang merosakkan imejnya sebagai seorang pejuang yang tulen.

Sebagai kesimpulan, apa yang jelas, kepimpinan Khadijah dalam Wanita Umno memang sangat dinamik sehingga ia tidak selari dengan kerangka dan budaya konvensional atau tradisional Melayu yang menjadi semangat dan roh UMNO sebagai parti orang Melayu. Khadijah secara tetap memperlihatkan satu sikap yang tegas dalam ideanya terhadap hak wanita dan pendekatan kepimpinannya sehingga ia tidak dapat diterima oleh UMNO dan PAS sendiri. Namun, ini tidak mengurangkan kredibilitinya sebagai seorang pemimpin yang telah berperanan dalam mencapai kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.



A black and white portrait of Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj, an elderly man with glasses, wearing a suit and tie. He is shown from the chest up, looking slightly to the left. The background features a large, stylized sunburst emblem and a decorative, repeating floral pattern on the left side.

Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj
(1903 – 1990)



Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj (1903 – 1990)

Oleh : Hussain Mohamed

Jabatan Antropologi & Sosiologi
Universiti Malaya

Pengenalan

"...Abdul Rahman is not an emotional or torrid politician; it is against his nature. He is probably the only Eastern politician who used only friendliness, charm, persuasion, tact, and some firmness to gain his goal...". (Harry Miller: 1959).

Petikan ini sesungguhnya cukup ringkas tetapi benar-benar mampu untuk memerihalkan bahawa Tunku Abdul Rahman itu adalah satu pesonaliti atau insan yang memiliki citra dan ciri seorang pemimpin yang unggul, yang barangkali wajar menjadi salah satu role-model yang istimewa di kalangan para tokoh dan pemimpin selepasnya.

Dalam pada itu, haruslah diingatkan juga bahawa petikan itu merupakan satu perenggan dalam pra-kata Harry Miller, penulis biografi Almarhum Tunku Abdul Rahman Putera Al-Haj yang diberi jodol Prince and Premier, sebuah buku lama mengenai riwayat hidup seorang tokoh dan pemimpin politik tempatan, yang hari ini barangkali sudah dikira 'usang'. Buku yang diterbitkan dalam tahun 1959 ini tentunya sudah tidak banyak lagi dibaca dan diminati oleh generasi sekarang, termasuk pemimpin dan tokoh politik semasa atau mereka yang berhasrat besar untuk menjadi pemimpin. Sungguhpun pandangan ini lebih bersifat spekulasi peribadi, namun ianya sekaligus membayangkan bahawa sama ada kita sebenarnya benar-benar menjadi manusia yang pelupa ataupun mengambil mudah peristiwa masa lalu ataupun semata-mata tidak berminat dan tidak ada masa untuk merenungi kembali liku-liku sejarah dan perkembangan masa lalu.

Dalam majlis seminar ini, sebilangan nama-nama pejuang kita (i.e. negara Malaysia) ditampil, diperihal serta dibincangkan sempena dengan perayaan ulangtahun kemerdekaan ke-44 kita. Maka itu, adalah menjadi tujuan tulisan ini untuk memerihal dan membincangkan penglibatan dan kehadiran seorang insan yang bernama Tunku Abdul Rahman Putera Al-haj (Almarhum) sebagai seorang tokoh terbilang dalam perkembangan politik Tanah

.....

Melayu/Malaysia moden. Tumpuan perbincangan adalah pada era sebelum mencapai kemerdekaan iaitu, pada hemat saya, sesuai dengan hasrat murni pertemuan ini yang lebih berminat pada era perjuangan mencapai kemerdekaan. Namun, untuk seorang tokoh seperti Tunku yang menjadi Bapa Kemerdekaan dan Perdana Menteri yang pertama, agaknya tempoh tersebut mungkin boleh dilanjutkan sedikit iaitu sehingga persaraannya daripada kegiatan politik yang aktif di mana beliau menjadi penulis memoirs yang cukup prolifit dan konsisten. Hal ini dikira masih perlu diberikan perhatian oleh kerana hampir keseluruhan rakaman peristiwa yang dimuatkan dalam memoirsnya itu adalah mengenai aktiviti perjuangan politiknya untuk mencapai kemerdekaan dan seterusnya mengenai peranan dan penglibatan, pengamatannya sebagai pemimpin utama, negarawan dan aktivis yang turut mengetengahkan negara ini ke peringkat antarabangsa di zamannya itu.

Riwayat Ringkas Tunku: Persekitaran Feudalisme dan Politik Naungan

Salah satu keistimewaan pada Tunku ialah latar belakang peribadinya iaitu seorang anak raja, keturunan istana negeri Kedah. Latar belakang ini penting sebenarnya mengingatkan bahawa ianya mengukuhkan dan meneruskan lagi warisan politik tradisional yang bercirikan politik feudal-monarki. Dalam sistem politik ini, faktor dan kepentingan istana yang menjadi pusat aktiviti sosio-politik dan ekonomi adalah begitu jelas. Dalam sistem politik ini juga sebenarnya terdapat satu unsur penting lain iaitu penaungan (patronage) yang menggambarkan hubungan dan ikatan pemerintah dan rakyat adalah cukup rapat dan senantiasa saling memerlukan di antara satu sama lain. Segalanya ini dikatakan warisan penting politik feudalisme Melayu sebagaimana yang digambarkan dalam Sejarah Melayu tentang sumpah-setia atau wadaat di antara Raja yang diwakili oleh Sang Sapurba dan Demang Lebar Daun yang mewakili rakyat. Dalam wadaat berkenaan, pemerintah atau raja berjanji untuk melindungi dan menaungi rakyat sementara rakyat pula berikrar untuk setia mentaati perintah raja sewajarnya. Raja tidak akan mengaibkan rakyat; sementara rakyat pula tidak akan mengkhianati raja.

Tunku Abdul Rahman-Maklumat Ringkas Peribadi

Nama Asal :Tengku Abdul Rahman Putera ibn Abdul Hamid Halim Shah

Nama dan Gelaran Popular : Tunku Abdul Rahman Putera Al-Haj;
Tunku; YAM Tunku;

Tarikh dan tempat lahir : 8 Feb. 1903; di Alor Setar, Kedah

Tarikh dan tempat mati : 6 Dis. 1990; di Kuala Lumpur

Pendidikan dan kelulusan : Sekolah Rendah di Alor Setar; di Bangkok; seterusnya di Penang Free School; di Ct. Cathering, Cambridge University, England; dan Inner Temple, England. B.A. (1925); LLB (Inner) (1948).

Pengalaman Jawatan Awam : Di antaranya: 1931 – Penolong Pegawai Daerah, Kulim dalam Perkhidmatan Awam Negeri Kedah; kemudian sebagai Pegawai Daerah (1935) di Langkawi; kembali ke Kulim (1938); Timbalan Pendakwa Raya; Pegawai Undang-undang; dan 1956 Ketua Menteri; 1957-70: Perdana Menteri

Pengalaman dalam Politik Akhir 1930an: dalam Seberkas, Alor Setar; 1946-membantu menubuhkan Persatuan Melayu United Kingdom; 1951 dicalonkan dan memenangi jawatan Yang Dipertua/Presiden UMNO; Presiden UMNO (hingga Sept. 1970).

Kegiatan Antarabangsa : Setiausaha Agung I OIC-Komonwel Negara-negara Islam (1971-80).

Perkahwinan 1933: dengan Meriam di Alor Setar; 1935: dengan Violet Coulson di Singapura; 1939: dengan (Tun) Sharifah Rodziah: Anak: Katijah dan Tunku Nerang (hasil perkahwinan dengan Meriam).

Karya-karya Tunku : *Sebelum dan Sesudah 13 Mei 1969* (1969); *Mahsuri* (filem 1972); Memoirs beliau: *Looking Back* (Pandangan Balik); *Viewpoints* (Sudut pandangan); *Lest We Forget*; *Something to Remember*; *As A Matter of Interest*; *Contemporary Crisis in Malaysian Politics*; *Political Awakening*; *The Road to Independence*.

Konsep penaungan politik ini adalah cukup penting dan berkesan peranannya dalam konteks politik moden Tanah Melayu, khususnya dalam usaha penubuhan dan kegiatan kumpulan atau parti-parti politik. Memang benar bahawa parti-parti yang ditajai dan dipimpin oleh tokoh-tokoh pejuang rakyat seperti dalam Kesatuan Melayu Muda (KMM) yang terdiri daripada lulusan Sultan Idris Training

.....

College (SITC) mendahului penubuhan dan kegiatan UMNO. Tetapi sungguhpun UMNO ditubuhkan dalam tahun 1946, iaitu kira-kira tujuh tahun selepas penubuhan KMM, tetapi UMNO berjaya bukan sahaja mengumpulkan lebih daripada 40 buah persatuan Melayu dari seluruh tanah air, bahkan memberikan ruang kepada kemunculan dan penerusan kepimpinan tradisional Melayu iaitu kalangan aristokrat dan bangsawan Melayu. Kalangan atasan Melayu ini sendiri sebenarnya cukup bernasib baik oleh kerana mereka merupakan kumpulan yang mendapat kepercayaan dan diperkasakan pula oleh pihak kolonial Inggeris dengan cara-cara yang tertentu seperti pendidikan eksklusif untuk mereka.

Pun demikian, pengalaman ramai tokoh dan pemimpin, dan tentu sahaja Tunku sendiri, menunjukkan bahawa masing-masing menghadapi dua atau tiga tahap pasang-surut utama kepimpinan masing-masing, iaitu di peringkat mendaki, tahap mendatar dan diikuti pula dengan tahap menurun atau merosot sehingga perlu digantikan oleh pemimpin yang lain.

Walaupun pertimbangan pasang-surut pengaruh politik itu, kemunculan Tunku Abdul Rahman sebagai pengganti Dato Onn Jaafar sebagai Yang Dipertua UMNO (seterusnya diubah menjadi Presiden) dalam tahun 1951 adalah juga menggambarkan penerusan jaringan sosial golongan atasan atau konsep feudalisme Melayu itu sendiri. Ini adalah kerana pencalonan Tunku sebagai salah seorang dari tiga calon yang bertanding untuk mengisi jawatan yang dikosongkan oleh Dato Onn itu adalah dibuat oleh Dato (kemudian Tun-Allahyarham) Abdul Razak Dato Hussein, seorang pembesar daerah di Pahang yang pernah bersama-sama dengan Tunku dalam Persatuan Melayu United Kingdom.

Tunku memenangi jawatan Yang Dipertua UMNO walaupun pengalaman politik tanah airnya yang pernah dilibatinya masih boleh dikira tidaklah terlalu banyak. Beliau bagaimanapun terlibat dalam menajai penubuhan sebuah persatuan sosial Seberkas di Alor Setar. Sementara itu, sebagai kakitangan awam, beliau yang walaupun menyandang ketua UMNO kawasan Alor Setar sesungguhnya tidak boleh bergiat aktif dalam politik sehinggalah beliau meletakkan jawatan dan menceburi UMNO sepenuh masa kira-kira dalam tahun

.....
1953, dua tahun selepas diberi laluan menggantikan Dato Onn dalam penerajuan UMNO.

Ucapan sulung Tunku sewaktu menerima kemenangan dan mula menerajui Parti UMNO adalah jelas menggambarkan bahawa beliau adalah seorang pemimpin yang tidak terikat dengan protokol dan nilai-nilai keistanaan yang ketat. Katanya, antara lain: "Tuhan Rabbul-Alamin telah mentakdirkan kepada seorang hamba-Nya yang hina dan bersifat lemah memegang jawatan yang amat besar ini. Bagi saya jawatan ini adalah satu kemuliaan yang telah dianugerahkan oleh Tuhan dan takdir Tuhan itu tidaklah dapat saya elakkan. Maka syukurlah saya menerimanya".

Beliau bukan juga seorang yang *'religious-minded'*, bahkan sepanjang kepimpinannya dikenali sebagai seorang pemimpin yang *'happy go lucky'*, *liberal dan relax* – suatu warisan imej anak raja yang sentiasa riang-ria. Namun banyak keputusan yang dibuat adalah cukup mantap, terhasil daripada pertimbangan saksama dan perundingan tertentu misalnya ketegasan beliau dalam perundingan dengan pemimpin komunis dalam Perundingan Baling tahun 1955; restunya terhadap usaha awal kerjasama politik Melayu dan bukan-Melayu-UMNO dan MCA-dalam persiapan menghadapi pilihanraya Majlis Bandaran Kuala Lumpur tahun 1952, dan sikap pro-Barat yang tanpa melupakan hakikat dan kepentingan Melayu dan tanah air Tanah Melayu dalam hubungannya dengan pihak kerajaan kolonial Inggeris dalam beberapa perundingan kemerdekaan.

Dalam konteks kemerdekaan, Tunku bagaimanapun telah berjaya memainkan peranan istimewa sebagai ketua perunding, jurubicara dan *'negotiator'* yang berkesan dalam menghadapi karenah pentadbiran kerajaan Inggeris.

Maka itu, walaupun kejayaan beliau menanda-tangani perjanjian kemerdekaan dengan pihak Inggeris, dan tidak pula mendorong berlakunya tindakan-tindakan revolusineri seperti yang berlaku dalam beberapa buah negara, namun satu hakikat yang tidak dapat dinafikan ialah seperti yang diungkapkannya sewaktu berucap dalam majlis sambutan rombongan merdeka di Melaka pada 20 Februari 1950:

.....

"Yang mula-mula sekali daripada Raja-raja Melayu yang membuat perjanjian dengan British ialah datuk nenek saya sendiri yang telah menyerahkan Pulau Pinang kepada British dengan jalan sewa dan hingga hari ini British masih membayar sewanya lagi. Pada hari ini pula dengan izin Allah s.w.t. seorang anak cucunya juga mengambil balik bukan sahaja Pulau Pinang bahkan seluruh Tanah Melayu ini".

Sekiranya dilihat dalam beberapa analisis oleh para sarjana dan juga pada beberapa memoirs Tunku sendiri, kita akan dapati peranan dan strategi politiknya sebagai pemimpin utama UMNO yang menjadi wahana perjuangan politik menjelang kemerdekaan itu dapat diperihalkan dalam enam perspektif utama. Lihat juga Jadual 2 di bawah untuk butiran ringkasnya.

- (i) Mengukuhkan politik dalaman UMNO
- (ii) Menghadapi karenah pentadbiran kolonial Inggeris
- (iii) Menghadapi saingan dengan kumpulan politik Melayu
- (iv) Menghadapi ancaman dan kegiatan Komunis dan parti Komunis
- (v) Menangani kehadiran kumpulan politik bukan-Melayu
- (vi) Merencanakan projek pembangunan sosio-ekonomi

Strategi dan Perancangan Dalam Perjuangan Mencapai Kemerdekaan di bawah Tunku

Strategi dan Perancangan

Politik Dalaman UMNO Menggantikan Dato Onn (1951); menyusun semula organisasi UMNO; pendekatan dua hala atas - bawah; akur dan fokus pada kesesuaian falsafah perjuangan UMNO - 'Hidup Melayu' kepada 'Merdeka'

Merundingi Kerajaan Kolonial Mengemukakan memorandum perlembagaan merdeka; mengadakan perundingan kemerdekaan; perjanjian kemerdekaan

Menghadapi Saingan Politik Melayu Memberikan perhatian istimewa pada institusi Kesultanan Melayu, agama Islam dan hak istimewa; media massa Melayu; Mengesani kegiatan parti lawan;

.....
Menghadapi pengaruh Komunis Membuat tawaran serah-diri;
mengadakan perundingan Baling, Dis. 1955;

Menangani politik bukan-Melayu Merestui kerjasama UMNO-MCA
(1952); merundingi dan menubuhkan Parti Perikatan (1955)

Merancang Pembangunan Sosio-Ekonomi Melalui Majlis Mesyuarat
Persekutuan dan konsep kerajaan sendiri mula memberikan perhatian
pada rancangan pembangunan berpenggal (RM1); fokus pada
pembangunan awal negara, sumber kewangan; dan luar bandar

Tunku dan Memoirs Perjuangan Politikinya

Satu perkara yang perlu diberikan perhatian berhubung dengan YAM
Tunku ialah mengenai tulisan-tulisan memoirs beliau sepanjang
hampir dua dekad selepas persaraan politikinya. Tulisan-tulisan ini,
sebagaimana yang dipaparkan dalam Jadual di atas, merupakan suatu
khazanah ilmu pengetahuan yang banyak sekali merakamkan
penglibatan dan tindakan politik beliau sebagai pemimpin parti politik
dan kerajaan.

Dari segi ini, tentu sahaja kita boleh bandingkannya dengan sesuatu
memoirs yang dihasilkan oleh seseorang tokoh dan pemimpin yang
lain. Satu-satunya tokoh yang boleh diketengahkan dalam hal ini ialah
Lee Kuan Yew, bekas Perdana Menteri Singapura yang telah
menghasilkan dua buah memoirs besar beliau setakat ini iaitu *The
Singapore Story* (1998) dan *From the third World to First-The
Singapore Story 1965 – 2000* (2000).

Kedua-dua tokoh ini adalah mewakili pemimpin generasi pertama
Tanah Melayu dan Singapura merdeka dan mewakili persekitaran
politik tahun-tahun 1960an hingga 80an. Mereka berdua pernah sama-
sama berusaha menubuhkan Malaysia, tetapi setelah dua tahun
Malaysia ditubuhkan, Singapura dikeluarkan daripada Persekutuan
Malaysia pada 9 Ogos 1965. Mereka adalah dua tokoh WOG-Western
Oriented Gentlemen-suatu label yang kerap digunakan dalam
analisis politik kedua-dua buah negara-mewakili suatu pandangan
politik Barat yang kononnya demokratik, liberal dan 'rasional'.

.....

Apa yang penting dalam hal ini bagaimanapun adalah mengenai tulisan-tulisan memoirs yang mereka berdua hasilkan. Ini kerana usaha pengkaryaan mereka agak berbeza. Tunku adalah sekadar menulis dalam kolum mingguan beliau dalam akhbar The Star yang melantiknya sebagai Pengerusi syarikat. Tulisan-tulisan itu telah diterbitkan dalam beberapa koleksi yang telah dinyatakan (lihat jadual). Matlamat tulisan ini tidak pula dinyatakan dengan jelas sepertimana yang diperihalkan akan misi penerbitan memoirs Lee Kuan Yew yang dinyatakan:

"...I wrote this book for a younger generation of Singaporeans who took stability, growth and prosperity for granted. I wanted them to know how difficult it was for a small country of 540 square kilometres with no natural resources to survive in the midst of larger, newly independent nations all pursuing nationalistic policies..." (LKY, 2000: 11).

Pernyataan misi seperti ini tidak terdapat pada apapun koleksi Tunku, dan bahkan beliau tidak banyak mendapat bantuan dan perhatian tempatan dan dunia dalam usahanya itu. Sebaliknya LKY memang diperuntukkan dengan bantuan profesional, pasukan penyelidik dan agensi awam seperti Arkib dan Perpustakaan Negara dan bahkan pesonaliti serta pejabat-pejabat kedutaan tertentu dihubungi dan diminta bantuan untuk menjayakan projek penulisan dan penerbitan memoirsnya itu. Malahan kata-kata aluan dan sambutan terhadap memoirsnya adalah datangnya dari serata dunia, termasuk kata pengantarnya ditulis oleh Harry Kessinger, bekas Setiausaha Negara Amerika Syarikat dan tokoh pemikir politik antarabangsa.

Inilah kehebatan yang tidak ada pada Tunku; lebih-lebih lagi dalam dua dekad selepas bersara dari kerajaan dan politik UMNOnya itu. Malahan dengan mengingatkan bahawa Tunku muncul menjadi salah seorang pengkritik politik Dr. Mahathir dan lebih banyak mendekati dirinya dengan kumpulan politik UMNO anti-Mahathir, termasuk dengan parti serpihan UMNO – Semangat 46 pimpinan Tengku Razaleigh Hamzah – maka kehadiran Tunku sebagai seorang bekas Perdana Menteri dan Presiden UMNO telah terjejas. Maka itu, rakaman perjuangan politik serta beberapa tindakan serta cara beliau bekerja dan memerihalkan isu-isu politik semasa yang dirakamkan dalam memoirsnya itu tidak banyak diberikan perhatian. Namun memoirsnya itu merupakan suatu testimoni terhadap seluruh gagasan

.....

perjuangan beliau sama ada sebagai seorang Presiden parti, sebagai Perdana Menteri, sebagai penganalisis politik mahupun sebagai seorang Negarawan ulung bagi negara Malaysia.

Penutup

Tunku telah meninggal dunia pada 6 Disember 1990, ketika usianya meningkat kira-kira 87 tahun. Beliau sempat menyaksikan tiga orang tokoh penggantinya sebagai Presiden UMNO dan sebagai Perdana Menteri iaitu Allahyarham Tun Abdul Razak (1970-76), Allahyarham Tun Hussein Onn (1976-181) dan selama hampir 10 tahun di bawah kepimpinan pengkritik politikya sendiri, iaitu YAB Dr. Mahathir.

Tunku sesungguhnya cukup bangga, dan memang boleh dibanggakan, oleh kerana beliaulah yang berjaya 'menebus' kemerdekaan dan belunggu penjajahan Inggeris yang telah dimulakan oleh tindakan tertentu pihak Raja-raja Melayu sendiri.

Sungguhpun beliau bukanlah perintis kebangkitan politik Melayu dalam UMNO seperti Dato Onn dan rakan-rakan pengasasan UMNO (19460, namun warisan parti UMNO yang diterajui oleh Tunku bukanlah sebuah lombong emas. Tunku sesungguhnya terpaksa bekerja keras, berkorban masa dan tenaga, termasuk gaji lumayannya sebagai pegawai kanan perundangan, serta darjatnya sebagai seorang anak raja untuk turun ke tengah rakyat, dengan segala kesukaran menjelajah seluruh tanah air bagi merealisasikan perjuangan UMNO itu. Bukan itu sahaja. Tunku juga sebenarnya perintis penting terhadap hubungan kaum dan etnik di negara ini dengan segala pendekatan kesederhanaannya sehingga ada kalanya beliau kelihatan mengabaikan kepentingan Melayu dan disalah-tafsirkan pula komitmen nasionalisme Melayunya itu. Sedangkan beliau pernah meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri untuk selama enam bulan menjelang pilihanraya umum 1959 berkempen semata-mata kerana berlakunya keretakan dalam Parti Perikatan akibat tuntutan kerusi yang lebih banyak oleh MCA.


Sementara itu, sungguhpun Tunku mencapai kejayaan dan kemenangan tertentu sebagai pemimpin politik dan kerajaan dan mendapat sanjungan dari dalam dan luar negeri, namun beliau turut

.....

juga menerima kritikan dan kecaman terutamanya beberapa tahun terakhir kepimpinannya dengan mercutanda kemerosotannya ialah dengan tercetusnya peristiwa 13 Mei 1969 – pergaduhan antara Melayu dan bukan-Melayu. Sungguhpun suasana pasang-surut politik ini bukanlah sesuatu yang luar biasa dalam pengalaman politik majoriti pemimpin, dan tidak terkecuali juga Tunku dalam hal ini, tidak ada sebab untuk menafikan bahawa beliau turut meninggalkan sekian banyak jasa dan baktinya yang menjadi sebahagian daripada khazanah dan keagungan yang menjadi milik dan kebanggaan bersama generasi hari ini.

Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad





Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad

Oleh : Zainuddin Maidin

Timbalan Menteri Penerangan Malaysia

Perkembangan terakhir negara menampakkan keyakinan dan keupayaan negara meredah gelombang ekonomi, tetapi kegawatan politik terus memberikan cabaran yang menggugat kepimpinan Mahathir bin Mohammad sekalipun proses demokrasi telah memutlakkan penerusan kepimpinannya.

Ini adalah harga paling mahal yang terpaksa dibayarnya kepada kesilapannya membawa masuk ke dalam UMNO anasir-anasir revolusioner yang tidak menjiwai dan menghayati jati diri UMNO.

Apa yang gagal untuk dilakukan oleh komunis telah berjaya dilakukan oleh anasir ini menerusi penerapan yang berasaskan perjuangan Islam yang fundamentalis, ekstremist dan *ideological* yang tidak sahaja berjaya mengelirukan dan mengaburkan pandangan dunia terhadap Mahathir yang sebenar tetapi juga terhadap institusi tradisi yang telah dibangunkan oleh UMNO sejak lebih 50 tahun dahulu.

Mahathir sebenarnya tidak berubah dari fahaman dan prinsip politik yang dipegangnya sejak memulakan perjuangan politiknya sebelum merdeka di Kedah.

Beliau telah dikelirukan sebagai anti globalisasi, anti kapitalisma, anti Islam, tidak demokratik, tidak berperikemanusiaan. Pandangan dunia dan dalam negara yang begitu tinggi terhadapnya telah berubah dalam sekelip mata hanya kerana 'mata lebam'.

Sebenarnya Mahathir bukan anti globalisasi atau anti kapitalisma. Universalisma dan globalismalah yang menyebabkan dia disalahkan mengertikan oleh anak bangsanya. Beliau tidak berganjak dari asas pembangunan politik, sosial dan ekonomi yang diletakkan oleh Perdana Menteri pertama Almarhum Tunku Abdul Rahman iaitu pasaran bebas, liberal demokrasi dan konsep hidup bersama antara kaum (masyarakat majmuk) tetapi menyimpang daripada Perdana Menteri Perdana Menteri terdahulu dalam pendekatan dan stail. Tidak seorang Perdana Menteri Malaysia yang sebelumnya yang pernah menentang ketidakadilan dalam sistem kapitalisma, nilai negatif Barat

.....

dan *orthodoxy* agama secara terbuka, berani, sistematik, *combative* dan efektif sehingga mengemparkan dunia di samping meningkatkan maruah negara.

Dalam beberapa hal, Mahathir terlihat berkongsi nilai Asia dengan bekas Perdana Menteri Singapura Lee Kuan Yew terutamanya dalam penapisan nilai demokrasi Barat ke negara masing-masing tetapi Mahathir tidak *apologetic* dan kelihatan lebih berani dalam menangani manipulasi kapitalisma neo-kolonialisma Barat.

Lee Kuan Yew sekalipun pernah merotan orang kulit putih kerana vandalisma di Singapura tetapi mendapat kemaafan dari Barat kerana dia dilihat berkompromi dengan kepentingan keselamatan dan ekonomi Barat. Mahathir mahu membawa negara ke arah kemerdekaan penuh yang lepas bebas dari telunjuk Barat. Mahathir juga tidak terlihat sebagai sebatan dan selesa dengan budaya Inggeris seperti Tunku Abdul Rahman, Tunku Abdul Razak, Hussein Onn dan Lee Kuan Yew kerana kesemua mereka berpendidikan kolonial Inggeris. Ini mungkin kerana selain daripada akademik disiplin yang berlainan, tetapi juga kerana beliau tidak pernah belajar di United Kingdom dan tidak pernah dipengaruhi oleh suasana kehidupan liberalisma Barat dan *life style* orang Inggeris.

Saya percaya sekiranya, beliau juga melanjutkan pelajaran di United Kingdom di akhir 40an dan awal 50an, maka sedikit sebanyak akan terlihat sebagai WOG (*Western Oriented Gentleman*) yang sekalipun boleh bergaul dengan rakyat biasa tetapi tetap terasa oleh rakyat bawahan sebagai tidak sebatan dengan mereka. Berlainan halnya dengan Dr. Mahathir yang rakyat biasa tidak merasa terasing bila bersamanya dengannya.

Selain dari itu pergaulannya dengan golongan agama, ulama, ustaz, pak lebai dan sebagainya di Kedah ketika usia mudanya dan ketika dalam perjuangan kemerdekaan di Kedah telah menyuburkan lagi nasionalisma dan radikalisma yang memang telah wujud dalam dirinya yang menyebabkan pejuang-pejuang kiri dan ultra nasionalis melihat beliau sebagai salah seorang dari mereka. Beliau pernah disifatkan oleh Lee Kuan Yew sebagai "*Malay Ultra*".

.....

Ini terpancar daripada penentangannya terhadap beberapa dasar awal negara dan cara hidup Almarhum Tunku Abdul Rahman dan Allahyarham Tun Abdul Razak.

Beliau menentang pengkalan tentera British di negara ini selepas merdeka dan bila menjadi Perdana Menteri mengambil langkah mengharamkan arak di majlis-majlis rasmi kerajaan dan juga di kem-kem tentera dan mess polis.

Beliau melenting terhadap pemikiran kolonial dan sisa-sisa penjajahan, sensitif terhadap tindakan atau kata-kata barat yang menghina bangsa atau orang Asia.

Dari awal pemerintahannya, dia telah mengemparkan negara dan mengejutkan British dengan mengambil balik tanah Carcosa seluas 7.2 ekar di kawasan tertinggi di Kuala Lumpur yang dihadiahkan kepada British, melakukan serangan waktu pagi di *London Stock Exchange* menerusi PNB pada 7 September 1981 yang mengembalikan kuasa milik ladang getah Guthrie kepada Malaysia dan memperkenalkan dasar *Buy British Last*.

Beliau membalas serangan media Barat dengan pedas dan keras sehingga beliau disifatkan mempunyai *acid toungue*.

Beliau memanggil *convict* kepada orang Australia apabila kita dipanggil *barbaric* kerana menggantung dua orang rakyat Australia pengedar dadah pada tahun 1986. Mahathir dipanggil oleh Perdana Menteri Australia Paul Keating sebagai *recalcitrant* (keras kepala) kerana Keating yang mengkagumi Presiden U.S. Clinton mendapati Mahathir tidak hadir di Sidang Ketua Negara Apec di Vancouver.

Mahathir memanggil tokoh kewangan dunia George Soros sebagai penyangak dan Soros memanggilnya "*A menace to his own country*" (seorang yang mengancam negaranya sendiri).

Serangan Soros dan IMF yang serentak dan secara kolektif untuk membantut dan membendung kebangkitan ekonomi Asia supaya mengikut acuan ekonomi Barat pada Julai 1997 telah digagalkan oleh Mahathir sekalipun telah berjaya di Korea Selatan, Indonesia, Filipina

.....

dan Thailand. Serangan ini terancang dan menarik iaitu satu tangan meruntuhkan dan satu tangan lagi menghulurkan bantuan.

Gagasan EAECnya (*East Asian Economic Coucus*) dilihat sebagai percubaannya untuk *reasianization* setelah ideologi Asianisma Jepun gagal menerusi perang di pertengahan abad ke 19.

Maka itu Barat menghalang Jepun dari menyokong EAEC apabila dikemukakan oleh Mahathir pada awal tahun 90an. Mereka melihatnya sebagai *racist*.

Jepun mulanya menganggap gagasan ini sebagai "*Tashinamu*" a *devotion to a course with little likelihood of recognition or success*, tetapi konsep ini kemudiannya mendapat perhatian dan penerimaan kalangan perniagaan dan politik Jepun.

Dr. Mahathir dalam kenyataannya di *Asia Kyuhsu Regional Exchange Summit* di Tokyo pada Oktober 1994 secara terbuka mengkritik sikap kerajaan Jepun itu.

*"Malaysia was disappointed and saddened
that the only Asian Country with the ability
to help fellow Asian countries refused to do so"*
katanya.

Yoshihide Soeya dari Keto University Jepun yang pernah berkhidmat dengan *The East West Center* Honolulu dalam tulisannya, di *Look Japan* keluaran March 1995 berkata "*Idea like the EAEC appeal to those Japanese who are fed up with what they see as overbearing U.S. trade policies*".

Ternyata lah gagasan yang dikemukakannya bukan "*tashinamu*", sebaliknya menyuarakan hasrat terpendam orang Jepun yang progresif yang merasa dibodohkan.

Saya menyifatkannya sebagai suara yang memberikan perhatian kepada identiti Asia dan nilai Asia sebagai reaksi terhadap apa yang dilihat oleh kebanyakan orang Asia sebagai serangan. Pendekatannya secara praktikal kepada dunia ketiga dengan kepercayaan kepada

.....
falsafah "*Prosperous thy neighbour*" juga tidak menyenangkan Barat. Akhbar-akhbar Inggeris menimbulkan anggapan salah terhadap kehadiran Malaysia di Afrika.

Tetapi yang paling mengecewakan Barat ialah apabila kelicinan strategi Barat untuk menawan Asia Timur dengan *soft power* telah terbantut di Malaysia setelah berjaya di Korea Selatan, Indonesia, Filipina dan Thailand.

Malaysia yang mempunyai asas ekonomi yang kuat dan Perdana Menteri yang "kancil" telah membina tembok yang mengemparkan dunia yang di luar dugaan pemerintah-pemerintah ekonomi dunia.

Mahathir telah memagar ekonomi Malaysia dengan kawalan modal dan penetapan kadar tukaran asing kepada matawang Amerika Syarikat.

Cukup menarik untuk melihat kegemparan dunia dan persepsi dunia barat terhadap Malaysia dan Mahathir yang menggagalkan serangan "*soft power*" dengan "*soft retaliation*".

George Soros yang terkejut terus memanggil Mahathir "*A menace to his own country*".

Setahun kemudian setelah tindakan ekonomi Mahathir itu menampakkan kesan, kehadirannya di Persidangan Tokoh-tokoh Kewangan Dunia di Davos, Switzerland dilihat sebagai hendak membalas dendam atau menuntut bela.

International Herald Tribune dalam 2 Februari 1999 menyiarkan tulisan David E.Sanger dari New York Services mengenai persidangan Davos itu di bawah tajuk "*Amid capitalists, Malaysia's Cadfly seeks Vindication*".

Katanya : "*The world's financial Commanders have had no greater nemises in recent years than Prime Minister Mahathir Mohammad of Malaysia, who has banned the trading of his country's currency, denounced US economic imperialism and jailed his Finance Minister*

.....
for daring to challenge his economic prescriptions and his iron-handed rule".

"Now, Mr. Mahathir's favourite hobby horse-controlling capitalism's excesses, keeping small countries from being washed out to sea by the ebb and flow of billions of dollars-is the subtext of half of the seminars here in Davos".

"While almost no one has endorsed the Malaysian solution of declares a country's currency valueless outside its border, the 73 year old Prime Minister has come to seek vindication and to delight in the fact that the international Monetary Fund and the US Treasury fear that others could follow in his footsteps".

Mahathir menyindir terhadap reaksi Amerika ini dengan berkata:

"The U.S. must be more tolerant of the stupidity of Malaysia Why not leave us to do wrong things we want to do. What is this talk about freedom and independence if you say 'I have the power to stop you and I will stop you'.

The Economist dalam keluaran 4 Disember 1999 menyifatkan Mahathir sebagai *"the scourge of globalisation"* (peminasa globalisasi).

Majalah kewangan antarabangsa yang dianggap berkredibiliti ini menampakkan sikap tidak senang dengan kembalinya Mahathir ke tampuk kuasa. Di bawah rencana pengarang bertajuk *"Old man in"*, *Economist* berkata

"Dr. Mahathir now the scourge of globalisation has in fact be one of its great beneficiaries".

dan:

"So much so he has been able to fond of the pressure for economic reform to which his neighbors have had to yield and to prolong

.....
*his own rule. That is the shame. The Doctor
should change his prescription".*

Majalah ini tidak sedar bahawa ketika serangan ekonomi terhadap Asia Timur, perpaduan ASEAN goyang, anggota-anggotanya mahu menyelamatkan diri masing-masing, Filipina dan Thailand condong kepada desakan Amerika supaya dihapuskan dasar Asean tidak campur tangan antara negara dan Singapura mahu membunuh Malaysia dengan menawarkan faedah tabungan yang tinggi hingga lebih 40 peratus - suatu insentif yang tidak logik.

Tetapi bila kita terselamat atau berjaya menyelamatkan diri dari kerapohan " *solidarity* ASEAN" dalam kegentingan krisis, maka kita dilihat sebagai mementingkan diri sendiri.

Far Eastern Economic Review keluaran 11 Januari berkata *rhetoric* anti Barat Dr. Mahathir telah menggambarkan diri dan negaranya sebagai "was-was untuk menyertai masyarakat global".

Bagaimanapun terdapat juga beberapa orang pengkaji barat yang mahu melihat Mahathir secara rasional dan mengaku kepintarannya. Umpamanya Michael Leifer, *Director of the Asia Research Center, London School of Economic* dalam tulisannya di *International Herald Tribune* 29 Mac 2000 berkata "Mahathir tidak pernah menjadi penentang liberal demokrasi Barat tetapi dia selalu menterjemahkan demokrasi bagi menyesuaikan dengan kontek politikny.

"Saya yakin bahawa Mahathir bukan anti demokrasi, malah beliau menentang pemerintahan tentera dan sikap authoritarian".

Leifer menyatakan ini apabila Mahathir menegur pemerintahan tentera pimpinan General Musharaf di Pakistan di hadapan General itu sendiri ketika beliau melawat Malaysia pada Mac 2000. Presiden Amerika Syarikat Clinton hanya menunjukkan tidak senang dengan pemerintahan tentera itu dengan membuat lawatan singkat ke Pakistan.

International Herald Tribune dalam laporannya pada 29 Mac 2000 itu berkata "Presiden Clinton hanya memberikan kata-kata yang bersifat *apologetic* di bandingkan dengan Dr.Mahathir.

.....
Akhtar itu melaporkan Dr. Mahathir memberikan mesej kepada Musharaf tentang pentingnya demokrasi dan perlunya kembali kepada pemerintahan awam.

Menurut IHT Mahathir menyampaikan mesej ini dengan "*unusually firm words*".

Katanya kepada Musharaf "demokrasi walaupun terdapat beberapa kelemahannya tetapi tetap merupakan bentuk kerajaan yang terbaik".

Dalam masa lebih 20 tahun di puncak kuasa, Dr. Mahathir telah banyak mengambil tindakan yang popular dan tidak popular, yang bersifat jangka panjang dan jangka pendek, yang terburu-buru dan juga bervisi. Ada ketikanya beliau dilihat terburu-buru dalam tindakannya tetapi ada kalanya dilihat mengambil masa yang amat lambat dan perlahan sehingga beliau terpaksa menanggung liabiliti yang tinggi, disalah mengertikan dan akhirnya terpaksa menghadapi malapetaka politik yang sangat besar.

Beliau memulakan tugasnya dengan tindakan popular membebaskan tahanan ISA seramai 21 orang, pada 30 Julai 1981, mengemukakan slogan 'Bersih Cekap Amanah' dalam pilihanraya 1984, tetapi popularitinya mulai tercabar apabila berlaku krisis ekonomi di pertengahan tahun 80an yang mulai memperlihatkan serangan keras dari media asing. Mereka membuat konklusi krisis ekonomi yang melanda Malaysia akan selesai jika Mahathir berhenti.

Ini diikuti dengan krisis terbesar dalam parti pada tahun 1987 apabila kepimpinannya dicabar oleh dua gergasi dalam parti, berlaku "*mass exodus*" dari UMNO ke 46. Beliau *survive* setelah UMNO lama diharamkan dan UMNO baru ditubuhkan tetapi kelicinan politiknya menyebabkan UMNO Baru kembali menjadi UMNO lama.

Beliau tergugat tetapi mantap sebagai Perdana Menteri selama lebih 20 tahun tetapi tiga Timbalan Perdana Menteri yang kelihatan gagah, bijak, *Mr. tactician, schemer, articulate, popular charismatic, the best actor* dan sebagainya telah terguling.

.....

Sekarang beliau mempunyai seorang Timbalan Perdana Menteri yang "soft", lurus, bukan *smart politician*, tidak begitu *ambitious*, tetapi *moderate, religious*, penyabar, disenangi oleh semua orang dan tidak ada rekod skandal. Ramai yang mengatakan dia baik tetapi lembut dan lemah tetapi secara diam, dia memperlihatkan diri sebagai seorang diplomat yang cekap, teknokrat yang bijak dan Menteri Dalam Negeri yang tegas dan berkesan.

Mungkin ini orang yang secucuk dengan pandangan Lee Kuan Yew Perdana Menteri Singapura tentang pimpinan yang akan ditinggalkan oleh Mahathir dalam interviewnya dengan CNBC pada 13 Disember 1999.

Katanya "Tidak ada yang lebih penting bagi seorang pemimpin negara kecuali *"to leave behind the system, a government, a society and leaders who can carry on your work"*.

Kepimpinan Mahathir selama 20 tahun telah menyerlahkan dirinya sebagai seorang nasionalis yang *universalist* pemikirannya tetapi *Asianist* sifatnya, bukan *tradicionalist* tetapi *pragmatist*, konsisten, bukan *authoritarian* atau diktator, tetapi liberal dan demokratik dalam konteks Asia.

Beliau bukan ideolog sebaliknya mengambil semua anasir yang baik dari semua ideolog sebagai doktrin politiknya. Kapitalisma, sosialisma, sekularisma dan agama, tetapi beliau bukan Sukarno, bukan Saddam Hussein, bukan Clinton dan bukan Lee Kuan Yew.


Beliau *tolerance, forgiving, konsisten, combative, compromising, rational dan logical minded*. Ada kalanya beliau bertolak ansur dalam soal integriti kerana terpengaruh dengan ketrampilan dan kejayaan seseorang dalam kepimpinan politik dan dalam dunia kewangan sehingga beliau menjadi mangsa terbesar kepada kelemahannya ini yang menghitamkan kecemerlangannya dalam rekod panjang kepimpinannya. Ini berbanding dengan Lee Kuan Yew yang terkenal dengan *sterner dan nononsense*.

Beliau adalah seorang *modenist* Islam yang tidak dapat bersabar melihat kejumudan, konservatisme dan *orthodoxy* dalam sikap orang Islam.


.....

Pada konklusinya saya suka meminjam *description* bekas Ketua Hakim Negara, Harun Hasim terhadapnya dalam kolumnya *Benchmark di NST 14 Januari 1999*.

"Whether one likes or dislikes Dr.Mahathir, it must be conceded that he is a political genius and is living proof that politics is the art of the possible".

A black and white portrait of Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, wearing a dark cap and a collared shirt. He has a mustache and is looking directly at the camera. The background features a large, stylized sunburst emblem and a decorative, repeating pattern of circular motifs on the left side.

Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi
Pemimpin yang berjiwa murni dan berwawasan



Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi
Pemimpin yang berjiwa murni dan berwawasan

.....

Oleh : Mohd. Jamil Bin Mukmin
Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia

Bagi mengupas secara mendalam dan menyeluruh tentang perjuangan Dato' Seri Abdullah Badawi atau lebih dikenali dengan panggilan mesranya Pak Lah dalam menegak dan memartabatkan agama, bangsa dan negara yang melampaui 34 tahun, kita perlu menulis sebuah buku setebal sekurang-kurangnya 300 halaman. Rencana ini ditulis secara ringkas adalah dengan tujuan untuk memberi gambaran sepintas lalu tetapi jelas tentang kewibawaan dan ketokohan Pak Lah sebagai tokoh negara yang berjiwa murni dan berwawasan tinggi. Beliau banyak mempunyai keistimewaan yang tidak ada pada tokoh-tokoh yang lain, dan ini perlu diketahui oleh rakyat negara kita. Beliau adalah keturunan ketiga pengasas UMNO dan negara ini.

Perjuangan nenda dan ayahanda Pak Lah ke arah mencapai kemerdekaan

Nenda Pak Lah iaitu Haji Abdullah Fahim merupakan salah seorang pengasas kepada pembentukan UMNO sebagai sebuah parti politik yang memperjuangkan Islam, hak bangsa Melayu dan kemerdekaan negara. Beliau memainkan peranan yang besar ketika negara menuntut kemerdekaan daripada Inggeris dan juga menjadi orang penting dalam menetapkan tarikh kemerdekaan negara iaitu pada 31 Ogos 1957. Tarikh kemerdekaan ini telah diputuskan di kediamannya.

Beliau juga merupakan seorang ulama terkenal di Nusantara dan beliau adalah seangkatan dengan tokoh gerakan Islah terkenal seperti Tok Kenali, Syed Sheikh Al-Hadi, Sheikh Tahir Jalaludin dan sebagainya. Beliau pernah difitnah oleh Residen British merancang menentang Inggeris dan menggulingkan Sultan Perak ketika menjadi Pengetua di Sekolah Agama Madrasah Mariyah dan Madrasah Idrisyah Bukit Chandan, Kuala Kangsar dan diusir dari Perak. Haji Abdullah Fahim ke Perak kerana ketika itu beliau terlibat sama dalam gerakan menentang penjajah Inggeris.

Nendanya mempunyai sifat terpuji dan disanjung serta menjadi bualan masyarakat tempatan hingga hari ini. Kelebihan beliau sukar dicari ganti. Beliau berjaya membawa masyarakat tempatan kepada

.....

kecemerlangan beragama dan kematangan berpolitik. Manakala ayahanda Pak Lah, Haji Ahmad bin Haji Abdullah Fahim (lebih dikenali dengan panggilan Ahmad Badawi) juga merupakan tokoh UMNO yang tidak asing lagi. Perjuangan beliau sama naik dan sama turun dengan pejuang-pejuang kemerdekaan tanah air pada zaman Dato' Onn Jaafar, Tunku Abd Rahman Putra dan Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein. Beliau mendapat gelaran Ahmad Badawi sempena nama salah seorang daripada empat orang ulama (Qutub Empat) di Mesir. Beliau telah menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dari tahun 1972-1977.

Ketika menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri, beliau dilantik menjadi Exco Kanan Negeri Pulau Pinang dan dalam tahun 1972 diamanahkan memegang Potfolio Agama Islam dalam kerajaan Barisan Nasional pimpinan Tun Dr. Lim Chong Eu. Manakala jawatan lain yang pernah disandang ialah sebagai kadi, Pengerusi Zakat di Jabatan Agama Islam Negeri Pulau Pinang dan pernah juga memegang jawatan sebagai pemangku Ketua Menteri Pulau Pinang dalam tahun 1975 ketika Tun Dr. Lim Chong Eu berada di luar negara.

Beliau menjadi Ahli Persatuan Melayu Seberang Perai (PMSP) dalam tahun 1946 dan apabila Pergerakan Pemuda PMSP ditubuhkan pada awal 1947, Haji Ahmad Badawi telah dilantik sebagai Ketua Pemuda PMSP yang pertama.

Di dalam kerjaya politiknya, beliau dilantik wakil Pemuda UMNO bagi seluruh Malaya ke Persidangan Agung UMNO 1949/50 apabila ia ditubuhkan pada 26 Ogos 1949. PMSP telah bergabung dengan UMNO untuk menjadi UMNO Seberang Perai. Beliau dilantik menjadi ketua Pemuda PMSP (kemudiannya Pemuda UMNO Seberang Perai) selama 4 tahun berturut-turut dari 1947 hingga 1951.

Beliau dilantik menjadi Naib Ketua Pemuda UMNO dalam Mesyuarat Agung UMNO yang Ke-4 di Seberang Perai pada 12-15 September 1952 dan telah memegang jawatan tersebut selama 12 tahun (1952-1964). Dan pada masa yang sama turut memegang jawatan Ketua UMNO Bahagian Kepala Batas, menjadi Ketua Perhubungan UMNO Pulau Pinang selepas Barisan Nasional di bentuk pada 1974 dan pernah dilantik menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Tertinggi UMNO

.....
(MKT) pada 1962-63. Beliau meninggal dunia pada 8 Mei 1977 di Kepala Batas ketika berusia 70 tahun.

Beliau pernah mengembara ke seluruh tanah air bagi membantu Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra dan Tun Abd Razak bin Dato' Hussein dan Tun Sardon Zubir mengembangkan UMNO dan menambah bilangan ahli-ahlinya (perjuangan sepanjang tahun-tahun 1950an hingga akhir hayatnya). Ahmad Badawi juga banyak menulis dan mengemukakan pendapat melalui tulisan di media akhbar dan majalah yang diterbitkan di Tanah Melayu, Nusantara dan di Asia Barat.

Haji Ahmad mendirikan rumahtangga dengan Cik Khailan bt. Haji Hassan. Mereka dianugerahkan dengan 4 orang cahaya mata iaitu Abdullah, Ibrahim, Aminah dan Tahir. Beliau mendapat pendidikan awal secara tidak formal daripada bapanya sendiri sebelum melanjutkan pelajaran agama di Mekah selama 8 tahun dari tahun 1930 hingga 1938. Selama menuntut di Mekah, beliau juga terlibat sebagai pemimpin pelajar Melayu yang datang dari Semenanjung Tanah Melayu, Indonesia dan Pattani, Thailand.

Selain daripada sebagai seorang ulama, beliau juga terkenal kerana mempunyai kemahiran dalam ilmu persilatan dan aktif dalam sukan bola sepak. Beliau melatih pemuda Arab bermain bola sepak. Dengan kesungguhan, beliau berhasil menubuhkan sebuah kelab bolasepak Al-Wahdah dan kelab ini wujud hingga sekarang.

Beliau menjadi guru agama di Sekolah Agama Daeratul Maarif (DWM), Kepala Batas dalam tahun 1940. Beliau juga mengajar di kelas-kelas dewasa dan di masjid. Menjadi mudir (pengetua/guru besar) DMW dari tahun 1947 sehingga tahun-tahun 1970an. Pernah juga menjadi Ahli Jemaah Pengurus sekolah-sekolah di sekitar tempat tinggalnya seperti Sekolah Rendah Hashim Awang, Sekolah Rendah Permatang Bertam dan lain-lain di antara 1968-1977 serta menjawat jawatan Pengerusi Jemaah Pengurus Sekolah Menengah Inggeris Kepala Batas dan Sekolah Menengah Kebangsaan Kepala Batas. Pemergian beliau telah digantikan oleh anaknya Pak Lah.

Biodata ringkas Pak Lah

Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi dilahirkan pada 26 November 1939, di Kampung Perlis Bayan Lepas, Pulau Pinang. Beliau merupakan anak sulung daripada empat adik beradik iaitu Ibrahim, Aminah dan Tahir.

Pendidikan awal Pak Lah di Sekolah Kebangsaan Permatang Bertam, Kepala Batas dan pendidikan menengah di Bukit Mertajam High School, Seberang Perai dan Sekolah Methodist lelaki di Pulau Pinang. Beliau turut mengikuti pendidikan agama di Sekolah Menengah Agama Daeratul Maarif Wataniah, Kepala Batas iaitu sekolah yang diasaskan oleh keluarganya.

Beliau merupakan seorang pelajar pintar, berdisiplin dan sentiasa berusaha untuk meningkatkan diri dalam mendapatkan ilmu serta tidak pernah menimbulkan masalah di sekolah dan guru apalagi untuk terlibat dengan perkara atau aktiviti yang kurang sihat. Selain seorang yang berdisiplin, beliau juga merupakan Ketua Debat Kelab Sastera kerana kebijaksanaan beliau berhujah.

Selepas menamatkan pendidikan peringkat menengah, beliau telah diterima melanjutkan pelajaran di Universiti Malaya dan dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Sastera (kepujian) dalam bidang Pengajian Islam pada tahun 1964.

Beliau memulakan kariernya sebagai Penolong Setiausaha di Jabatan Perkhidmatan Awam dan dinaikkan ke jawatan Ketua Penolong Setiausaha kepada Majlis Keselamatan Negara. Di atas kecemerlangan dan dedikasinya, beliau diberi kepercayaan menjawat jawatan Ketua Penolong Setiausaha Majlis Operasi Negara di Jabatan Perdana Menteri (JPM) ketika negara menerima kejutan pergeseran kaum dalam Peristiwa 13 Mei 1969. Sekali lagi beliau dinaikkan pangkat ke jawatan Pengarah Belia di Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dari tahun 1970 hingga 1974. Kemudian beliau dinaikkan pangkat ke jawatan Timbalan Ketua Setiausaha di kementerian yang sama.

Sewaktu Pak Lah bertugas di Jabatan Perkhidmatan Awam, beliau telah bertemu dengan Datin Seri Endon bte Datuk Mahmood dan

.....

perhubungan itu membawa mereka ke jinjang pelamin pada 04 September 1965. Hasil perkahwinan itu, beliau dikurniakan sepasang cahaya mata iaitu Kamaluddin dan Nori. Setelah 36 tahun bersama, kasih sayang mereka sentiasa utuh kerana keperibadian beliau sebagai suami dan bapa yang penyayang dan patuh kepada agama, lemah lembut ketika bertindak serta tidak pernah meninggi diri menjadi teladan keluarganya.

Pak Lah menjadi ahli UMNO pada tahun 1965 dan beliau sendiri pada mulanya tidak pernah memikirkan untuk menjadi ahli politik secara sepenuh masa pada masa itu walau pun dilahirkan daripada kalangan keluarga ahli politik terkenal di Utara Semenanjung. Penglibatan Pak Lah secara langsung dalam politik bermula setelah kematian ayahandanya pada tahun 1977. Setelah meletakkan jawatan dalam kerajaan, beliau telah bertanding pada pilihanraya 1978 sebagai Ahli Parlimen Kepala Batas dan berjaya. Kemudiannya beliau telah dilantik sebagai Setiausaha Parlimen di Kementerian Wilayah Persekutuan. Pada tahun yang sama dilantik sebagai Timbalan Ketua Perhubungan UMNO Pulau Pinang dan Ketua Cawangan UMNO Bertam serta Ketua Bahagian UMNO Kepala Batas pada tahun berikutnya.

Pada tahun 1980 hingga 1981, beliau dilantik sebagai Timbalan Menteri di Kementerian Wilayah Persekutuan dan pada tahun 1981, dilantik sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri sehingga tahun 1984. Pada tahun 1983, beliau diberi kepercayaan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia untuk memangku jawatan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Tahun berikutnya karier Pak Lah dalam politik makin cemerlang apabila dilantik sebagai Ahli Majlis Tertinggi UMNO. Beliau kemudiannya berjaya mengisi kerusi Naib Presiden UMNO pada tahun 1984. Pada tahun yang sama Pak Lah dilantik sebagai Menteri Pendidikan sehingga ke tahun 1986 dan kemudian bertukar ke jawatan Menteri Pertahanan dari tahun 1986 hingga 1987.

Krisis yang berlaku pada tahun 1987 di peringkat tertinggi mengakibatkan karier politik Pak Lah semakin malap setelah beliau terheret sama dengan perebutan kuasa antara Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang ketika itu Presiden UMNO dengan Tengku Razaleigh Hamzah, yang akhirnya kalah. Namun begitu beliau masih tetap

.....
memperjuangkan UMNO walaupun hanya memegang jawatan di peringkat bahagian sahaja. Tiga tahun kemudian, iaitu pada tahun 1990 beliau dilantik menyandang jawatan dalam kabinet oleh Perdana Menteri sebagai Menteri Luar Negeri. Pak Lah kemudiannya dilantik sebagai Menteri Luar setelah dipilih sebagai Naib Presiden UMNO pada tahun 1991.

Beliau sekali lagi mengharungi krisis politik setelah tewas dalam perebutan jawatan Naib Presiden UMNO di bawah team wawasan dalam pemilihan Ahli Majlis Tertinggi UMNO pada tahun 1993. Namun begitu, Presiden parti masih menaruh kepercayaan terhadap beliau dan dilantik menjadi Ahli Majlis Tertinggi UMNO pada Disember tahun yang sama. Beliau terus menjalankan tugas sebagai Menteri Luar yang disandangnya dari tahun 1991 selama lebih tujuh tahun. Sejak memegang jawatan Menteri Luar, beliau telah menunjukkan prestasi kerja yang amat baik dan sering mewakili negara kepelbagai persidangan antarabangsa dan kadang kala mengiringi Perdana Menteri dalam lawatannya ke luar negara.

Kedudukan Pak Lah kembali teguh pada tahun 1996, beliau telah diberi kepercayaan penuh oleh para perwakilan untuk menjawat jawatan Naib Presiden UMNO. Pada pemilihan Ahli Majlis Tertinggi tahun 1998, beliau telah dipilih sebagai Timbalan Presiden UMNO. Pada masa yang sama, beliau turut memegang jawatan Pengerusi Bersama, Jawatankuasa Disiplin dan Pengurusan UMNO pada 1998.

Kemuncak kejayaan beliau dalam parti ialah bila dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri pada bulan Januari 1999. Beliau juga dilantik sebagai Menteri Dalam Negeri dan Timbalan Pengerusi Majlis Tindakan Ekonomi Negara manakala dalam parti sebagai Pengerusi Perhubungan UMNO Pulau Pinang dan Terengganu pada tahun 1999.

Beliau tidak ditentang untuk jawatan Timbalan Presiden UMNO pada pemilihan UMNO Mei 2000 yang lalu. Pemilihan beliau sebagai Timbalan Perdana Menteri telah mendapat sokongan penuh daripada kalangan ahli UMNO dan Barisan Nasional. Justeru itu, kedudukan beliau sebagai orang nombor dua adalah kukuh.

.....

Sudah menjadi asam garam dalam berpolitik seseorang itu jatuh bangun, memegang jawatan penting kemudiannya turun dan seribu satu macam cabaran lagi. Perkara seperti ini sudah menjadi kebiasaan tokoh-tokoh politik termasuk Pak Lah. Beliau yang telah menjadikan UMNO sebagai darah daging dalam perjuangannya tidak pernah serik walau beribu cabaran dan dugaan dihadapinya. Keyakinan beliau terhadap perjuangan UMNO dan Barisan Nasional sentiasa teguh dan berterusan.

Pak Lah dan keluarga beliau telah mencatat sejarah tanah air sebagai pelopor kepada sebuah perjuangan negara, bangsa dan agama. Beliau merupakan seorang yang *'real politician'* dan sukar dicari ganti. Kesanggupan beliau memperhambakan diri dalam perjuangan ini melampaui 34 tahun membuktikan keteguhan Pak Lah dalam perjuangan menegakkan agama, bangsa dan negara yang menjadi slogan UMNO.

Pak Lah di Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Malaysia

Pak Lah dilantik sebagai Pengarah Belia di Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan (KBS) dari tahun 1971 hingga 1973 dan pada tahun 1974 beliau dilantik sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian yang sama. Semasa perantikan beliau sebagai Pengarah Belia, pergerakan beliau pada masa itu adalah begitu kritikal kepada kerjanya. Pada masa itu, Anuar Ibrahim adalah Presiden ABIM dan Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM) serta Sanusi Junid ialah Presiden Persatuan Kelab-Kelab Belia Malaysia atau MAYC dan Haji Suhaimi bin Dato' Kamarudin sebagai Presiden Gerakan Belia 4B Malaysia sementara Fauzi Basri sebagai Presiden Gabungan Pelajar-Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS).

Pemimpin-pemimpin tersebut sering bergabung dan merupakan Kumpulan Pendesak *'Pressure Group'* terhadap kerajaan. Oleh demikian, perantikan Pak Lah sebagai Pengarah Belia adalah tepat. Beliau juga adalah bekas pemimpin pelajar iaitu sebagai bekas Presiden GPMS 1961 hingga 1964. Begitu juga pengalaman beliau dalam Majlis Operasi Nasional telah membantu beliau dan kementerian menghadapi situasi yang tersebut.

.....

Satu langkah penting yang telah ditubuhkan oleh pihak kementerian dalam mengkonsolidasikan idea-idea dan pandangan pemimpin-pemimpin belia dan pelajar, pihak kementerian telah menubuhkan Majlis Perunding Belia Negara. Majlis ini mengandungi 20 orang ahli yang mewakili pihak kerajaan dan belia yang diketuai oleh Majlis Belia Malaysia (MBM). Penulis sendiri pada masa itu Setiausaha Agung Gerakan Belia 4B Malaysia dan Pengerusi Majlis Belia Negeri Sembilan adalah juga Ahli Majlis Perundingan Belia Negara (MPBN).

Melalui majlis MPBN itu yang dipengerusikan oleh Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan Malaysia, Pak Lah sebagai seorang pegawai kerajaan yang berwibawa dan strategis telah dapat mengimbangi dan menangani suara pemimpin pelajar dan belia yang begitu kritikal pada masa itu. Beliau telah dapat menangani banyak isu-isu yang dibangkitkan oleh pemimpin-pemimpin belia pada masa itu termasuklah isu-isu yang berkaitan penggunaan Bahasa Malaysia, akta pertubuhan belia, masalah pendidikan, masalah kemiskinan di luar bandar dan masalah yang berkaitan dengan pertumbuhan belia di tanah air seperti masalah kekurangan peruntukan untuk projek-projek perkembangan belia dan kekurangan pusat-pusat latihan untuk para belia.

Pak Lah juga ketika di Kementerian Belia dan Sukan dapat memperkenalkan projek-projek pembangunan belia seperti projek belia peladang, belia perniagaan, program-program latihan kemahiran untuk para belia dan sebagainya. Sebagai Pengarah belia, beliau telah dapat membantu pertubuhan-pertubuhan belia dengan begitu berkesan dan beliau juga mempunyai hubungan yang rapat dengan para pemimpin belia.

Penulis sendiri selaku Setiausaha Agung Belia 4B Malaysia sering membuat lawatan ke persatuan-persatuan belia dengan menumpang kereta 'Alfa Romeo' beliau untuk menjimatkan duit persatuan belia dalam lawatan-lawatan dari Kuala Lumpur ke Utara dan penulis pernah tidur di rumah ayahandanya. Penulis masih teringat bahawa ayahanda Pak Lah pernah memberitahu bahawa di rumah inilah satu mesyuarat telah diadakan untuk menetapkan tarikh kemerdekaan iaitu pada 31 Ogos 1957 dan dipersetujui dan dibawa kepada Tunku Abdul Rahman dan beliau bersetuju.

Pak Lah sebagai Menteri Pendidikan dan Menteri Pertahanan

Pak Lah dilantik menjadi Menteri Pendidikan dari tahun 1984 hingga 1986. Beliau dilantik menyertai kabinet dan memegang jawatan tersebut setelah memenangi kerusi Naib Presiden UMNO di Perhimpunan Agung UMNO 25 Mei 1984. Beliau telah membuat beberapa perubahan dalam sistem pendidikan di Malaysia khususnya dalam memantapkan lagi falsafah pendidikan di seluruh negara kerana sebagaimana yang kita sedia maklum, pendidikan merupakan satu bidang yang amat penting sekali dalam pemmbinaan negara bangsa.

Pak Lah kemudiannya telah ditukar ke jawatan Menteri Pertahanan pada 10 Mei 1986. Beliau telah menunjukkan kewibawaan beliau dalam kementerian ini dalam memantapkan sistem pertahanan di negara kita. Pak Lah bertanggungjawab menubuhkan Ko-Agama di dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Namun begitu, setahun kemudian pada bulan Mei 1987, beliau telah digugurkan dari jawatannya kerana terlibat dalam perebutan pucuk pimpinan politik di antara Dr Mahathir Mohamad (Presiden UMNO ketika itu) dengan Tengku Razaleigh Hamzah.

Beliau telah memberi sokongan kepada Tengku dan kekalahan Tengku dalam perebutan itu memberi kesan kepada karier politik beliau. Pak Lah kemudiannya menjalankan perniagaan sendiri. Pada tahun yang sama, Pak Lah telah menerima Ijazah Doktor Kehormat, Ph.D (pendidikan) dari Kalamanzoo Universiti, Michigan, Amerika Syarikat.

Pak Lah sebagai Menteri Luar

Perlantikan Pak Lah sebagai Menteri Luar dibuat pada bulan Mac 1991 adalah diatas kepercayaan Dr Mahathir kepada beliau yang masih taat setia pada UMNO selepas tiga tahun menyepi dari dunia politik. Beliau menjawat jawatan itu untuk tempoh selama lebih tujuh tahun sehingga dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri pada 1999. Sebaik sahaja beliau dilantik menjawat jawatan di Kementerian tersebut, tugas pertama beliau ialah menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri Luar Asean di Kuala Lumpur. Selepas itu, beliau tidak pernah berpaling ke belakang dalam menyuarakan pelbagai isu antarabangsa.

.....
Dasar luar di bawah teraju Pak Lah banyak memberi tumpuan kepada hubungan kerjasama antara negara-negara ASEAN, Asia Timur dan negara Selatan Selatan.

Di bawah teraju Pak Lah, Malaysia sering menunjukkan pendirian yang jelas terhadap sesuatu isu atau pandangan. Keberanian Malaysia mengutarakan secara ikhlas melalui forum antarabangsa telah mendapat sanjungan dari negara yang mengalami nasib yang sama walau pun pada masa yang sama ia mendapat tentangan dari negara yang iri hati dengan keberanian Malaysia. Manakala di kalangan negara-negara Islam, Malaysia dianggap negara yang paling berjaya. Peranan Malaysia dalam Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC) telah meletakkan Malaysia dalam kedudukan penting sebagai negara pengimbang kuasa antara negara terutama yang sering bertelagah pendapat dalam sesuatu isu.

Gelanggang utama Pak Lah ialah menyuarakan pendapat di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Ini termasuklah kecaman terhadap Amerika yang menggunakan pentas PBB untuk melebarkan sayap kuasa selain untuk kepentingan politik mereka. Dengan kesungguhan ini, Malaysia telah diberi pengiktirafan untuk menduduki Kerusi Tidak Tetap Majlis Keselamatan PBB dengan mendapat undi tertinggi untuk penggal 1999 hingga 2000.

Lembut dalam tegas itulah senjata utama Pak Lah apabila menangani sesuatu masalah atau konflik yang timbul. Hal ini terbukti apabila Malaysia sejak 1996 berlaku sedikit salah faham dengan negara jiran Singapura sehingga membawa kepada kemungkinan akan berlaku kekeruhan sekiranya ia tidak ditangani dengan cermat dan berhemah. Beberapa isu antara Malaysia dan Singapura yang timbul sepanjang tempoh itu telah dapat ditangani dengan kepintaran Pak Lah ketika menyelesaikannya.

Rakan-rakan antarabangsa terutama di kalangan negara ASEAN merasa kehilangan apabila beliau melepaskan jawatan tersebut pada 1999. Walaubagaimanapun asas yang diletakkan oleh Pak Lah sejak sepuluh tahun di pentas antarabangsa tentunya akan menjadi tapak kukuh dan menjadi kebanggaan negara kerana sepanjang tempoh tersebut, Malaysia dari sebuah negara yang kecil dan kurang dikenali

.....
telah muncul sebagai sebuah negara yang mampu membuahkan idea dan kritikan membina serta disegani di pentas dunia.

Pak Lah sebagai Menteri Dalam Negeri

Beliau dilantik ke jawatan Menteri Dalam Negeri (KDN) sebagai kepercayaan penuh Perdana Menteri terhadap Pak Lah kerana jawatan ini telah disandang selama ini oleh Perdana Menteri sendiri sejak hampir 15 tahun lalu dan Menteri terakhir yang menyandang jawatan ini ialah Tan Sri Musa Hitam.

Perlantikan ini dibuat ketika negara sedang berdepan dengan pelbagai masalah dalaman yang meruncing dan perlu ditangani segera agar tidak merebak. Pak Lah juga sedar bahawa perlantikan ini amat besar dan penting bukan sahaja untuk kerjaya beliau sebagai ahli politik, tetapi juga untuk kepentingan rakyat secara keseluruhannya. Pada ketika beliau memegang jawatan ini, negara sedang menghadapi gerakan anti-kerajaan yang mengancam kestabilan dan keselamatan negara.

Walau pun tekanan demi tekanan diterima oleh KDN gara-gara gerakan anti-nasional ini, beliau dapat mengatasinya melalui tindakan yang penuh kebijaksanaan oleh pihak keselamatan. Pak Lah rela menjadi tidak popular demi untuk tidak menurut kehendak pihak tertentu dan bagi menjamin keselamatan rakyat seluruhnya.

Penyebaran maklumat memburuk-burukkan kerajaan melalui internet dan media cetak merebak dengan cepatnya. Justeru untuk mengelakkan keadaan ini berlanjutan, KDN telah mengambil langkah menyekat beberapa penerbitan bahan bacaan yang boleh mengelirukan pandangan rakyat terhadap kerajaan.

Meskipun baru setahun menjawat jawatan ini, beliau telah menunjukkan prestasi yang sangat cemerlang terutama dalam menyelesaikan beberapa masalah negara. Masalah dalam KDN tidak pernah berkesudahan dan negara turut digegarkan dengan berita rampasan kuasa melalui senjata iaitu Tragedi Al-Maunah di Sauk atau penculikan oleh Kumpulan Abu Sayyaf di Pulau Sipadan pada April 2000 serta baru-baru ini ancaman militan Kumpulan Mujahidin

.....
Malaysia (KMM). Semua masalah ini dapat diatasi dan ini membuktikan ketokohan beliau sebagai pemimpin berwibawa.

Pak Lah sebagai Timbalan Perdana Menteri

Perlantikan Pak Lah sebagai Timbalan Perdana Menteri diumumkan pada 08 Januari 1999 oleh Perdana Menteri. Meski pun ramai pihak yang memberikan pelbagai reaksi, namun ia adalah bertepatan dengan ramalan awal pemerhati politik kerana Pak Lah sememangnya merupakan calon yang sesuai dalam segenap segi.

Perlantikan ini dibuat ketika negara sedang berhadapan dengan suasana politik dan ekonomi yang agak kritikal. Isu agama, politik, perpaduan kaum, ketelusan, kroni, nepotisma dan persoalan berkaitan dengan masyarakat awam merupakan isu yang sering dihadapi negara. Beliau dianggap pilihan yang tepat memandangkan rekod Pak Lah sepanjang 34 tahun terlibat dalam UMNO adalah yang paling bersih. Ketaatan terhadap UMNO adalah jelas. Beliau juga merupakan salah seorang pemimpin UMNO yang paling senior. Beliau terkenal dengan kesederhanaan dalam segala bidang, tanpa skandal dan mempunyai sahsiah dan ketulusan dan ikhlas dalam setiap tugas yang dipertanggungjawabkan. Justeru, Pak Lah diramalkan oleh ramai pihak akan menjadi pemimpin ulung dan disegani semua termasuk seteru politiknya selagi sifat-sifat mulia yang beliau miliki selama ini diteruskan.

Sebaik sahaja beliau diumumkan sebagai Timbalan Perdana Menteri, Perdana Menteri sendiri telah mengumumkan kepada media bahawa Pak Lah adalah bakal penggantinya sebagai Perdana Menteri apabila tiba waktunya. Apa yang perlu dibuktikan ialah beliau perlu menunjukkan kualiti kerja dan selebihnya memberi sedikit masa untuk menduduki kerusi nombor satu.

Ramai pemerhati politik menganggap bahawa gandingan antara Dr Mahathir dan Pak Lah merupakan gandingan yang mantap lantaran sikap Pak Lah yang telah membuktikan bahawa beliau tidak gilakan kuasa dan mempunyai cita-cita tinggi dalam politik, mengenal diri dan dapat menerima hakikat sebagai orang nombor dua.

.....
Sepatah kata Pak Lah sejurus selepas dilantik "Yang saya nampak di depan mata saya ialah timbunan fail-fail yang mesti dilihat, dibaca dan dibereskan. Di samping itu, banyak lagi tempat yang perlu dilawati. Saya hendak menjadi Timbalan Perdana Menteri yang cekap menjalankan kerja, sebab itu kerja saya."

Sebagai anak kepada bekas pejuang setia UMNO tulen, Datuk Haji Ahmad Badawi, sudah tentu beliau mewarisi sifat-sifat yang sama seperti yang dimiliki oleh Allahyarham bapanya. Inilah aset penting yang menjadi kayu pengukur kepada Dr Mahathir untuk memilih Pak Lah sebagai timbalannya dan juga sebagai Menteri Dalam Negeri.

Pak Lah dan politik Malaysia abad 21

Cabaran paling hebat dalam sejarah UMNO dan pilihanraya negara ialah pada Pilihanraya November 1999 apabila undi Melayu banyak berpihak kepada pembangkang. Namun begitu kedudukan Pak Lah tidak langsung tergugat sebagai wakil parlimen di Kepala Batas meski pun beliau mendapat sedikit kekurangan dalam majoriti undi.

Beliau boleh dikatakan sebagai pencetus semangat perjuangan politik UMNO untuk negeri Pulau Pinang terutamanya kerana perjalanan politik Pak Lah penuh onak duri itu dapat diredah dengan baiknya tanpa perlu mengenyepikan orang lain. Beliau juga pernah memegang jawatan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Pulau Pinang pada tahun 1980 dan kemudian dilantik semula untuk jawatan yang sama pada tahun 1999.

Idealisme politik Pak Lah ialah adunan kesetiaan pada parti, kesabaran dan keikhlasan dalam perjuangan, imej diri dan moral yang baik yang telah dapat dikekalkan. Justeru itu, Pak Lah boleh dikatakan sebagai pemimpin dua zaman yang sukar dicari ganti.

Meramal situasi politik abad ke-21 bukan satu perkara yang mudah. Ketika fajar menyambut alaf baru, Barisan Nasional (BN) sekali lagi diberi mandat oleh rakyat untuk menerajui negara. Kepercayaan ini merupakan kesinambungan kepada pemerintahan yang dimiliki oleh UMNO dan BN yang membentuk kerajaan yang telah diwarisi dari penjajah selepas kemerdekaan.

.....

Pak Lah percaya bahawa politik Malaysia abad ke-21 akan diteruskan dengan konsep kerjasama antara kaum. Kerjasama antara kaum Melayu dan bukan Melayu seharusnya sentiasa dipupuk berterusan agar keseimbangan dan kesepaduan akan sentiasa terjamin. Ancaman paling besar dalam politik Malaysia ialah doktrin politik berteraskan kaum tertentu yang akan membentuk masyarakat mengikut kepentingan kaum dan bukannya berasaskan kepada kepentingan negara. Di bawah pimpinan Pak Lah, beliau memastikan bahawa suasana politik negara adalah berteraskan kepada hubungan ras antara kaum dan seterusnya akan lahir suasana dan kestabilan antara kaum dengan lebih yakin.

Malaysia juga tidak lari dari melalui proses globalisasi yang dihadapi oleh negara membangun. Implikasi paling besar dan bahaya akan dihadapi oleh negara ini sekiranya kaum Melayu gagal menurut serta dalam ekonomi bentuk baru. Bagi melengkapkan diri bersaing di peringkat dunia, disarankan agar mereka bersiap diri untuk bersaing di dalam negara sendiri terlebih dahulu. Kerajaan berperanan besar untuk mengliberalisasikan sektor ekonomi dalam negara agar peluang ini diambil oleh orang Melayu terutamanya dengan sebaik mungkin.

Kesimpulan

Adalah jelas bahawa daripada mula di Universiti Malaya sehinggalah masa kini, Pak Lah telah memenuhi sepanjang hayatnya dengan perjuangan untuk mengangkat dan memartabatkan agama, bangsa dan negara. Selama lebih dari 34 tahun, Pak Lah dalam parti dan kerajaan telah menempuh berbagai cabaran sengit, jatuh dan bangun di dalam politik dan kerajaan. Ketaatan dan kesetiaan Pak Lah kepada Allah, UMNO dan negara yang kukuh dan berterusan adalah sebagai aset penting bagi beliau. Beliau merupakan pemimpin yang penuh berwibawa memandangkan rekod beliau sepanjang perkhidmatannya yang paling bersih, cekap dan amanah. Justeru itu, Pak Lah mempunyai masa hadapan yang cerah. Beliau adalah pemimpin yang berjiwa murni, penuh kesabaran, gigih, berdidikasi dan berwawasan jauh.

.....
Peristiwa-peristiwa penting dalam sejarah hidup Pak Lah :

Tahun	Jawatan
19961-64	Presiden, Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung.
20 April 1972	Ahli, Majlis Penasihat Negara kepada Majlis Industri
1980	Presiden, <i>Asian Regional Association of Vocational</i>
1984-1986	Pengerusi, Yayasan Tunku Abdul Rahman
1988	Pengerusi, Jawatankuasa Pemandu Bumiputera Pulau Pinang
Februari 1989	Pengerusi, Majlis Penasihat Ekonomi Kebangsaan (NEAC) Naib Presiden Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia
1994	Pengerusi, Kesatuan Parlimen Commonwealth
Januari 1999	Timbalan Pengerusi, Majlis Penasihat Ekonomi Kebangsaan juga ahli kepada Penaung Persatuan Bekas Pegawai Kerajaan Wilayah Persekutuan. Naib Presiden Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia

Karier

Tahun	Jawatan
1964-1969	Penolong Setiausaha, Jabatan Perkhidmatan Awam
1969-1971	Ketua Penolong Setiausaha, Majlis Operasi Negara (NOC), Jabatan Perdana Menteri
1971-1973	Pengarah Belia di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
1974	Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
1978-1980	Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan
1980-1981	Timbalan Menteri Kementerian Wilayah Persekutuan
1981-1984	Menteri di Jabatan Perdana Menteri

1981-1984	Menteri di Jabatan Perdana Menteri
1986-1987	Menteri Pertahanan
1984-1986	Menteri Pendidikan
1991-1999	Menteri Luar
1999	Timbalan Pengerusi, Majlis Tindakan Ekonomi Negara (NEAC)
Februari 1999	kini Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri


Gelaran & Pingat

Tahun	Jawatan
1970	Pingat Ahli Mangku Negara (A.M.N.) daripada DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong yang Keempat, DYMM Sultan Abdul Halim Mu'azam Shah Ibni Al-Marhum Sultan Badlishah, Kuala Lumpur
1974	Pingat Kesatria Mangku Negara (K.M.N.) daripada DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Yang Keempat, DYMM Sultan Abdul Halim Mu'azam Shah Ibni Al-Marhum Sultan Badlishah
1979	Pingat Darjah Johan Negeri (D.J.N.) daripada Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Tun Dr. Awang Hassan, Pulau Pinang
16 Julai 1981	Anugerah Darjah Kebesaran Darjah Yang Mulia Pangkuan Negeri (D.M.P.N.) Pulau Pinang yang membawa gelaran Datuk daripada Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Tun Dr. Awang Hassan di Seri Mutiara, Pulau Pinang
1983	Anugerah Diplomatic Service Merit – <i>The Kwanghwa</i> Medal dari Presiden Korea Selatan, Chun Doo Hwan
1987	Anugerah Doktor Kehormat, University of Western Michigan, United States
1991	Anugerah <i>Grand Cordan of The Order of The Sacred Treasure</i> , Japan
1992	Anugerah <i>Qwang Hwa</i> , Republik Korea Anugerah Darjah Kebesaran Dato' Sultan

-
- Salahuddin Abdul Aziz Shah (D.S.S.A.) yang membawa gelaran Dato' oleh Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
- Februari Anugerah Orden Al Merito Bernardo O'Grand 1994
Cross of The Order of The Merit, Chile
- 1994 Anugerah *A Knight Grand Cross, First Class of The Most Exalted Order of The White Elephant*, Thailand
- 12 Julai Anugerah Darjah Gemilang Pangkuan Negeri 1997 (D.G.P.N.) yang membawa gelaran Datuk Seri dari Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Tun Dato' Seri Dr. Haji Hamdan bin Sheikh Tahir di Pulau Pinang
- 16 Anugerah Seri Panglima Darjah Kinabalu
September (S.P.D.K.) yang membawa gelaran Datuk dari Yang
1999 Dipertua Negeri Sabah, Tun Haji Sakaran Dandai di Sabah
- 24 Oktober Anugerah Sri Sultan Ahmad Shah (S.S.A.P.) yang
1999 membawa gelaran Dato' dari Sultan Ahmad Shah Ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar
- 11 Mac Anugerah Sri Paduka Mahkota Selangor (S.P.M.S.)
2002 yang membawa gelaran Dato' dari Sultan Selangor
- 19 Julai Anugerah Darjah Seri Utama Negeri Sembilan
2002 (S.P.N.S.) yang membawa gelaran Datuk Seri Utama dari Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan

Penerbitan

- | Tarikh | Tajuk |
|--------------------|---|
| 16 Oktober
1983 | ' <i>What a youth co-op can do</i> ', artikel dalam Sunday Mail
'Pentadbiran cekap', disunting oleh Zurinah Hassan, Kuala Lumpur |
| 1984 | 'Kedudukan pembangunan Pulau Pinang dalam Kajian Separuh Penggal RME' |
| 1985 | 'Malaysia-Singapore relations' – Times Academic Press |






Resolusi




RESOLUSI

Seminar Kebangsaan Pejuang-Pejuang Kemerdekaan

1. Pengiktirafan kepada tokoh-tokoh pejuang kemerdekaan dalam semua bidang dengan penganugerahan material dan status sosial.
2. Mengadakan muzium tokoh-tokoh negara dalam pelbagai bidang di Melaka, sesuai dengan tarafnya sebagai negeri bersejarah.
3. Penilaian semula sumbangan tokoh-tokoh dengan memberi penekanan kepentingan kepada agama, bangsa dan negara.
4. Mewujudkan sudut tokoh-tokoh dalam pusat sumber di semua sekolah.
5. Menggalakkan penyelidikan secara akademik dan analitikal terhadap tokoh-tokoh masyarakat dan negara.
6. Menerbitkan filem-filem mengenai tokoh-tokoh dengan kerjasama Institusi Pengajian Tinggi (IPT), kerajaan dan swasta.
7. Mencadangkan hotel-hotel terkemuka dan bangunan utama diberi nama tokoh-tokoh terkenal untuk tujuan pelancongan dan warisan negeri dan negara.
8. Meminta Kementerian Pendidikan menilai semula kurikulum dan pendekatan pengajaran sejarah yang mementingkan nilai patriotisme dan menghargai tokoh.
9. Mewajibkan mata pelajaran sejarah di sekolah rendah, menengah dan universiti dalam semua aliran bagi menanamkan semangat patriotisme.
10. Meminta pihak media elektronik dan cetak memperuntukkan satu ruangan khas mengenai tokoh.
11. Diminta juga semua kursus yang dianjurkan oleh kerajaan memasukkan tokoh-tokoh penting dalam bidang masing-masing.
12. Mengadakan anugerah penulisan akademik dan anugerah filem terbaik mengenai tokoh-tokoh negara, negeri dan masyarakat. Termaktub di Negeri Melaka Bandaraya Bersejarah pada 5 Jamadilakhir 1422 bersamaan 25 Ogos 2001.



The background of the page is a dark, textured surface. On the left side, there is a vertical border with a repeating floral or scrollwork pattern. In the center, there is a large, light-colored sunburst or starburst graphic with multiple pointed rays. Below the sunburst, the text "Ucapan Pengurus Besar IKSEP" is written in a serif font. A dotted line runs horizontally across the page just below the text.

Ucapan Pengurus Besar IKSEP



**Ucapan Pengurus Besar IKSEP Pada Majlis Penutup Seminar
Kebangsaan Pejuang-Pejuang Kemerdekaan Pada 25 Ogos 2001
Di Hotel Golden Legacy, Melaka**

.....

Bersyukur ke hadrat Illahi kerana sekali lagi kita dapat berkumpul beramai-ramai untuk bersama-sama dalam majlis penutup seminar kebangsaan pejuang-pejuang kemerdekaan selama empat hari bermula 22 hingga 25 Ogos di Melaka Bandaraya Bersejarah.

Usaha mengadakan program mengingati wira-wira pejuang kemerdekaan ini merupakan satu usaha yang amat baik. Ia bukan sahaja dapat mengembalikan nostalgia generasi muda hari ini terhadap wira bangsa zaman silam, tetapi juga dapat menghayati dan memahami apa yang telah dilakukan oleh wira-wira bangsa ini dalam mengharungi pahit getir memperjuangkan kemerdekaan negara sehingga ke titisan darah yang terakhir.

Kemerdekaan yang kita kecapai hari ini adalah hasil usaha tokoh-tokoh tersebut dan kita seharusnya tidak melupakan jasa-jasa mereka malah perlu mengambil iktibar di atas apa yang telah berlaku pada masa itu. Bagi mencapai matlamat wawasan negara, semangat patriotisme dan nasionalisme perlu dipupuk dalam diri setiap rakyat Malaysia agar ia menjadi sehati dan secara tidak langsung meningkatkan lagi semangat jati diri.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,

Sebentar tadi, kita semua telah mendengar resolusi seminar ini. Saya penuh yakin, segala apa yang terdapat di dalam resolusi ini akan dapat dilaksanakan antaranya membukukan tokoh-tokoh pejuang bangsa yang dibincangkan seramai 40 tokoh itu. Melalui pembukuan ini, saya percaya ia akan dapat dimanfaatkan oleh semua pihak kerana buku-buku yang berkaitan dengan tokoh seperti ini amat sukar diperolehi. Jika ada sekalipun, ia begitu ringkas dan tidak menepati kehendak para penyelidik sejarah dan sebagainya untuk dijadikan rujukan ilmiah pada masa kini dan akan datang.

Selain itu, saya bagi pihak IKSEP juga berharap agar seminar seperti ini akan diadakan lagi di masa akan datang dan kali ini, perbincangan tertumpu kepada wira-wira pejuang kemerdekaan yang tidak disebut dalam seminar kali ini. Dengan cara ini, lebih banyak bahan berbentuk ilmiah dapat dipasarkan untuk tatapan masyarakat.

.....

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,

Bertepatan dengan objektif Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP) yang antara lain bertujuan untuk menerapkan semangat jati diri dan cintakan tanah air terhadap masyarakat secara keseluruhannya. Maka program seminar kebangsaan pejuang-pejuang kemerdekaan ini adalah bertepatan dengan hasrat dan objektif IKSEP untuk membantu kerajaan negeri khususnya dan negara amnya untuk menyatu padukan semua bangsa dengan menerapkan semangat patriotisme dalam diri mereka.

Selain itu, IKSEP turut berfungsi memastikan sejarah silam terus dihayati oleh generasi hari ini agar ia dapat menjadikan perjuangan wira-wira bangsa sebelum dan pada peringkat awal negara mencapai kemerdekaan terus dihayati. Apa pun, saya akan memastikan lebih banyak seminar yang dapat menaikkan semangat patriotisme akan diadakan dari masa ke semasa oleh pihak IKSEP.


Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Akhir sekali, saya mengucapkan terima kasih kerana semua pihak bertungkus lumus menjayakan program seminar kebangsaan pejuang-pejuang kemerdekaan sepanjang empat hari di sini. Terima kasih juga kepada kerajaan negeri yang memberi sokongan kuat kepada IKSEP untuk memastikan program ini berjalan lancar.


Tidak lupa juga kepada agensi-agensi yang membantu IKSEP seperti perbadanan Muzium Melaka, Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Jabatan Pendidikan Negeri, Perbadanan Perpustakaan Awam, Biro Tatanegara dan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Melaka.

Saya berharap agar kerjasama sebegini akan dapat dijalinkan dari semasa ke semasa dalam program-program anjuran IKSEP.

Sekian terima kasih.

The background of the page is a dark, textured surface. On the left side, there is a vertical border with a repeating floral or scrollwork pattern. In the center, there is a large, stylized sunburst or starburst design with multiple pointed rays. Below the sunburst, the text "Keratan Akhbar" is written in a serif font. A horizontal line of small dots is positioned below the text.

Keratan Akhbar



UMNO: PM tersilap bawa masuk anasir revolusioner — Zam

Oleh ZULKIFLE JALIL

MELAKA 25 Ogos — Kesilapan terbesar Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad adalah membawa masuk anasir-anasir revolusioner ke dalam UMNO yang tidak menjiwai dan menghayati semangat jati diri parti itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Senator Datuk Zainuddin Maidin (Zam) berkata, oleh sebab itu Perdana Menteri terpaksa membayar kesilapan politik ini dengan harga yang paling mahal.

Zainuddin yang pada awalnya tidak merujuk secara langsung "anasir revolusioner" berkenaan, bagaimanapun mengakui antaranya ialah daripada Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).

"Apa yang gagal dilakukan oleh komunis telah berjaya dilakukan oleh anasir ini menerusi penerangan yang berasaskan perjuangan Islam yang fundamentalis, ekstremis dan ideologikal.

"Golongan itu bukan sahaja berjaya mengeliru dan mengaburkan dunia terhadap Dr. Mahathir yang sebenar tetapi juga terhadap institusi tradisi yang telah dibangunkan oleh UMNO sejak 40 tahun lalu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan kertas kerja menyentuh Dr. Mahathir yang juga Presiden UMNO pada Seminar Kebangsaan Pejuang-Pejuang Kemerdekaan di sini, hari ini.

Dr. Mahathir adalah antara 40 tokoh pejuang kemerdekaan

yang diperbincangkan pada seminar empat hari itu.

Menurut Zainuddin, perkembangan terakhir di negara ini menampakkan keyakinan dan kepercayaan kerajaan meredah gelombang ekonomi. Bagaimanapun, kegawatan politik terus memberikan cabaran yang menggugat kepimpinan Mahathir.

"Dr. Mahathir telah berjaya dikelirukan oleh anasir-anasir ini sebagai antiglobalisasi, kapitalisme, anti-Islam dan tidak berperikemanusiaan.

"Tetapi sebenarnya Dr. Mahathir tidak berganjak daripada dasar-dasar yang diasaskan oleh (Perdana Menteri pertama) Almarhum Tunku Abdul Rahman iaitu berasaskan pasaran bebas, liberal demokrasi dan konsep hidup bersama antara kaum," katanya.

Katanya, berbeza dengan tiga Perdana Menteri dahulu dari segi pendekatan dan gaya, Dr. Mahathir terlihat berkongsi nilai Asia dengan bekas Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew dalam penerapan demokrasi negara masing-masing.

Dalam pada itu, Timbalan Pengerusi Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP), Mohd. Jamil Mukmin membentangkan kertas kerja menyentuh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata, idealisme politik Timbalan Perdana Menteri itu ialah adunan kesetiaan pada parti, kesabaran dan keikhlasan dalam perjuangan, imej diri dan moral baik yang telah dapat dikekalkan.

Justeru, Abdullah boleh dikatakan sebagai pemimpin dua zaman yang sukar dicari ganti.

Peserta diingat ambil iktibar 40 kertas kerja

Oleh Idzham
Hadi Sidik

MELAKA, Abad - Peserta Seminar Kebangsaan Pejuang-pejuang Kemerdekaan diingatkan mengambil iktibar daripada 40 kertas kerja yang dibentangkan sepanjang program itu.

Seminar empat hari itu akan menjadi sia-sia jika tiada kesedaran di kalangan peserta dan semangat patriotik terus cerek.

Ketua Menteri, Datuk Wira Mohd Ali Mohd Rustam, berkata segala ilmu yang diperolehi sepanjang seminar itu perlu digunakan sebaik mungkin selain dikembangkan kepada orang lain.

Katanya, 40 kertas kerja yang dibentangkan se-

Ketua Menteri mahu semua ilmu yang diperolehi sepanjang seminar itu digunakan sebaik mungkin dan dikembangkan kepada orang lain

patutnya memberi banyak kesedaran dan ilmu untuk meningkatkan lagi semangat patriotik bagi mengisi serta mempertahankan kemerdekaan negara.

"Apakah iktibar yang boleh kita pelajari daripada pengalaman dan pengorbanan pejuang kemerdekaan kita ini selepas mengikuti 40 pembentangan kertas kerja oleh rama-ramai cendekiawan," katanya

ketika menutup seminar itu di Hotel Golden Legacy

di sini, semalam.

Seminar itu meluluskan 11 resolusi dan antaranya ialah mewujudkan sudut tokoh-tokoh dalam pusat sumber di sekolah; menerbitkan filem mengenai pejuang serta mencadangkan hotel terkemuka dan bangunan utama diberi nama tokoh dan pejuang kemerdekaan.

Mohd Ali berkata, generasi baru juga perlu belajar serta mencontohi sikap pejuang kemerdekaan yang sentiasa mengutamakan

agama, bangsa dan negara serta bersemangat tinggi.

Katanya, tokoh dan pejuang sentiasa mengutamakan kepentingan tanah air atau tanah pusakanya dari kepentingan peribadi serta suku sakatnya.

"Mereka sanggup berkorban untuk mempertahankan negara dari dijajah, walaupun kecundang, mereka telah memberi kita satu semangat kebangsaan untuk memastikan negara ini terus mencapai kemerdekaan," katanya.

Ketua Menteri berkata, dengan semangat yang dihawa oleh pejuang tanah air jugalah menjadikan generasi baru sadar tugas masing-masing supaya mempertahankan negara daripada dijajah semula.



MOHD ALI (kanan) menerima resolusi dan cenderamata daripada Mohd Jamil selepas menutup seminar itu. - Gambar oleh Idzham Hadi Sidik

Penyokong penjajahan baru bukan pejuang bangsa

Oleh AMIRUDDIN HARUN

MELAKA 25 Ogos — Ketua Menteri, Datuk Wira Mohd. Ali Rustam berkata, sesiapa jua yang menyokong penjajahan dalam bentuk baru tidak layak digelar sebagai pejuang bangsa, agama dan negara.

Beliau berkata, tokoh-tokoh yang layak digelar pejuang negara adalah mereka yang menentang penjajah sama seperti yang dibuktikan oleh pejuang terdahulu seperti Dol Said, Tok Janggut, Mat Kilau, Tok Kenali, Tengku Abdul Rahman dan Datuk Onn Jaafar.

Justeru, katanya, mereka yang ingin menjadi pejuang negara perlu menentang penjajahan yang kini cuba dilaksanakan dalam bentuk baru.

Bagaimanapun, jelasnya, apa yang ditentang adalah perbuatan mereka untuk menjajah negara ini dan bukannya sesuatu bangsa tersebut.

"Contohnya penjajah Inggeris, kita cuma tidak suka kepada perbuatan mereka menjajah negara ini bukannya kita tidak suka kepada orang Inggeris," katanya ketika berucap pada majlis penutupan Seminar Kebangsaan Pejuang-Pejuang Kemerdekaan anjuran Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (Iksep) di sini, hari ini.

Sebelum itu, beliau turut menerima resolusi seminar tersebut yang mengandungi 11 perkara daripada Ahli Panel Penasihat Iksep, Prof. Dr. Ramlah Adam.

Ketua Menteri menambah, ini tidak bermakna rakyat negara ini

perlu menolak semua perkara yang datang dari luar kerana sekiranya sesuatu ilmu dari luar itu baik dan bertimbang rasa, maka ia seharusnya dipelajari.

"Cuma kalau mereka cuba mengganggu-gugat negara dan meminta kita mengikuti cara mereka, minta maaf. Itu bukan budaya Malaysia dan kita mesti mempertahankan bangsa kita yang bebas dan merdeka," tegasnya.

Dalam hubungan ini, beliau menyeru rakyat supaya memahami sejarah kejatuhan Kesultanan Melayu Melaka supaya kejadian itu tidak berulang lagi kepada negara ini.

Jelas Mohd. Ali, kejatuhan pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka adalah berpunca daripada tindakan pembesar-pembesar istana yang bersubahat dengan bangsa Portugis.

Saya tidak dapat baca hati orang — PM

Oleh
NORAINI ABDUL RAZAK

KUALA LUMPUR 26 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau memberi peluang kepada semua orang termasuk musuh politiknya menyertai perjuangan UMNO tanpa dapat membaca hati seseorang pun. Beliau berkata, beliau tidak mengingini mereka yang berniat memperalatkan parti untuk kepentingan sendiri.

Perdana Menteri mengakui sebagai manusia biasa kadangkala beliau membuat silap termasuk membawa masuk mereka yang tidak ikhlas ke dalam parti tanpa mengetahui niat mereka di belakang haikat menyertai UMNO.

"Saya manusia biasa kadangkala saya buat silap, saya tak tahu, saya

terima mereka masuk dalam UMNO, jadi rakan saya, banyak orang yang bermusuhi dengan saya, dan ramai daripada mereka benar-benar ikhlas untuk menyertai UMNO dan majukan perjuangan UMNO," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan dan Ekspo Internet Tamil Sedunia 2001 di Pusat Dagangan Dunia Putra, hari ini.

Mengulas

Perdana Menteri ditanya mengenai kenyataan Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zairuddin Maidin bahawa kewiliran terbesar Dr. Mahathir adalah membawa masuk unsur-unsur revolusioner ke dalam UMNO yang tidak menjurai jati diri parti itu.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata, beliau menerima setiap orang yang ingin menyertai UMNO dengan harapan mereka akan menunjukkan kesetiaan kepada parti dan akan melangsungkan perjuangannya.

"Rupa-rupanya ada orang yang memperalatkan UMNO untuk kepentingan kumpulan mereka, daripada satu segi saya salahlah tapi saya cuma nak bagi peluang kepada semua termasuk musuh UMNO supaya dapat menyertai UMNO dan meneruskan perjuangan UMNO dan dapat membangunkan negara," katanya.

Dengan nada kesal, katanya, ada juga yang menyertai UMNO kerana pada pendapat mereka UMNO boleh dijadikan alat untuk mencapai cita-cita besar.

Beliau berkata, adalah su-



DR. MAHATHIR Mohamad memerhatikan seorang pelajar menggunakan komputer yang dipamerkan pada Persidangan dan Ekspo Internet Tamil Sedunia 2001 di Kuala Lumpur, semalam.

kar untuk menentukan sama ada mereka yang menyertai UMNO pada masa ini akan menjadi pembelot untuk

tempoh 15 tahun akan datang.

Menurut beliau, ada orang yang meninggalkan UMNO

untuk menyertai parti lain kemudian rujuk balik ke dalam UMNO dan berjanji akan setia kepada parti.